

PENYATA RASMI

PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA MESYUARAT KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUABELAS

Hari : *13 November 2008 (Khamis)*

Tempat : *(Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang)*

Jam : *9.30 Pagi.*

HADIR

Speaker (Y.B. Tuan Abdul Halim bin Hussain)

Ahli Kawasan Air Putih (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) – Ketua Menteri

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Mohammad Fairus bin Khairuddin) –
Timbalan Ketua Menteri I.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy) –
Timbalan Ketua Menteri II.

Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Jamaludin bin Hasan)

Penasihat Undang-undang Negeri (Y.B. Puan Faiza bt. Zulkifli)

Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Dato' Supiah bt. Md. Yusof)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Y.B. Tuan Tan Hock Leong) – Timbalan
Speaker

“ Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow)

“ Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim)

“ Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng)

“ Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang)

“ Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh)

“ Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang)

“ Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai)

“ Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi)

“ Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai)

“ Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee)

“ Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)

“ Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik)

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin)
“ Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu)
“ Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)
“ Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng)
” Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee)
“ Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen)
“ Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin)
“ Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan)
“ Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee)
“ Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat)
“ Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)
“ Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)
“ Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)
“ Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid)
“ Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad)
“ Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed)
“ Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin)
“ Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)
“ Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)
“ Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)
“ Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria)
“ Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab)

TURUT HADIR

Encik Ezmil Ariff bin Mohd. Khairan - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

TIDAK HADIR

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman)

Setiausaha:

Doa.

Pengumuman oleh Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-Ahli Yang Berhormat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang menetapkan 13 November 2008 sebagai hari permulaan Mesyuarat Yang Ketiga Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas melalui pengisytiharan bertarikh 16 September 2008 yang diwartakan pada 25 September 2008. Pada sesi ini kita akan menimbangankan 65 soalan lisan dan 433 soalan bertulis. Dua Rang Undang-undang dan satu usul dan mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

Setiausaha:

Pembentangan risalah-risalah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, saya memohon membentangkan di atas meja-meja Dewan Risalah-Risalah Bil. 7 hingga 17 Tahun 2008 seperti tersenarai dalam susunan urusan mesyuarat.

PEMBENTANGAN RISALAH-RISALAH.

- | | | |
|--------------------|---|---|
| Bil. 7 Tahun 2008 | - | Bajet Negeri Pulau Pinang
Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun 2009 |
| Bil. 8 Tahun 2008 | - | Bajet Negeri Pulau Pinang
Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2009 |
| Bil. 9 Tahun 2008 | - | Bajet Negeri Pulau Pinang
Perjanjian Program dan Laporan Prestasi |
| Bil. 10 Tahun 2008 | - | Bajet Negeri Pulau Pinang
Senarai Perjawatan Tahun 2009 |
| Bil. 11 Tahun 2008 | - | Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau
Pinang Bagi Tahun 2007 |

- Bil. 12 Tahun 2008 - Laporan Ketua Audit Negara:
- Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2007
 - Aktiviti dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2007
- Bil. 13 Tahun 2008 - Penyata Kewangan Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007

Setiausaha:

Soalan-soalan, (A). Soalan Lisan.

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Pantai Jerejak, sila.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Tuan Speaker soalan saya soalan nombor 1.

1. Apakah hasil bancian kemiskinan tegar yang dijalankan oleh UPEN, Jabatan Kebajikan dan Pejabat Daerah untuk Negeri Pulau Pinang. Apakah strategi pembasmian kemiskinan tegar yang akan dijalankan dan berapakah jumlah penduduk miskin tegar yang terdapat di KADUN Pantai Jerejak.

Y.A.B Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan no. 5 dari Ahli Kawasan Pulau Betong, soalan no. 42 dari Ahli Kawasan Batu Uban dan soalan no. 48 dari Ahli Sungai Acheh akan dijawab semuanya sekali gus.

Y.B. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri baru-baru ini memang terkejut wujudnya keluarga miskin tegar sungguhpun diuar-uarkan oleh kerajaan lama sebelum ini betapa baik pentadbirannya. Jelas sekali ianya hanya omong-omong kosong menjaga golongan yang tidak berada. Adalah memalukan keadaan ini boleh dibiarkan dalam 50 tahun ini.

Oleh itu, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menghapuskan miskin tegar dalam tempoh setahun agar Negeri Pulau Pinang boleh menyapu bersih kecacatan yang memalukan ini. Miskin dan miskin tegar merupakan dua kategori yang berbeza. Kerajaan Negeri mengkategorikan golongan ini berdasarkan *Poverty Outreach Kit* yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Bumiputera, Jabatan Perdana Menteri.

Kriteria utama yang diambil kira untuk mengukur golongan miskin atau miskin tegar adalah berdasarkan pendapatan isi rumah sesebuah keluarga. Sesebuah keluarga dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu pendapatan mencukupi yang membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahli keluarganya berfungsi di dalam masyarakat.

PGK kategori ini sebanyak RM660.00 sebulan bagi sesebuah isi rumah atau pendapatan per kapita sebanyak RM150.00 sebulan. Sesebuah isi rumah dianggap miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah kurang daripada PGK makanan, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi *nutrisi* makanan dan minuman atau zat makanan dan minuman yang membolehkan setiap ahli keluarganya mempunyai tubuh badan yang sihat. PGK bagi kategori ini adalah RM400.00 sebulan bagi sesebuah isi rumah atau pendapatan per kapita sebanyak RM90.00 sebulan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyasarkan untuk mencapai miskin tegar sifar dalam tempoh satu tahun bermula dari bulan Mac 2008 sehingga Mac 2009.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mencapai sasaran tersebut, contohnya dengan mengadakan bancian dan lawatan bersama-sama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan wakil rakyat, Jabatan UPEN dan Pejabat Daerah berkaitan bagi memastikan golongan miskin menerima bantuan yang diperlukan. Di peringkat daerah pula Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah yang dianggotai oleh semua agensi Jabatan Kerajaan berkaitan menerajui pemantauan pembasmian kemiskinan. Perancangan dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh jawatankuasa ini adalah berasaskan kepada lima peringkat, iaitu:-

- Peringkat 1 - kes-kes kemiskinan sedia ada atau baru dilaporkan akan disiasat dan maklumat berkaitan akan di kumpul;
- Peringkat 2 - laporan berkenaan akan dibentangkan kepada jawatankuasa untuk mendapatkan pengesahan dan perakuan sama ada keluarga berkenaan layak

dikategorikan sebagai keluarga miskin atau miskin tegar berdasarkan PGK yang saya sebutkan tadi;

- Peringkat 3 - Jawatankuasa akan berbincang dan membuat keputusan jawatankuasa berhubung tindakan dan jenis bantuan pembasmian kemiskinan yang layak diberikan kepada keluarga miskin berkenaan;
- Peringkat 4 - pemantauan akan dijalankan bagi satu tempoh masa tertentu ke atas kes-kes berkenaan bagi keberkesanan tindakan yang diberikan dan peringkat yang terakhir; DAN
- Peringkat 5 - Jawatankuasa juga perlu mengesahkan dan perakuan bagi menentukan jika sesebuah keluarga itu perlu dikeluarkan daripada kategori miskin sekiranya pendapatan keluarga berkenaan melepasi garis kemiskinan pendapatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri bersama dengan agensi-agensi lain turut mengatur pelbagai rancangan dan strategi bagi golongan miskin tegar untuk mendorong mereka keluar dari ke pongpong kemiskinan. Di Pulau Pinang terdapat seramai 324 ketua isi rumah yang memerlukan pemerhatian dan bantuan yang bersesuaian daripada Kerajaan Negeri.

Daripada jumlah tersebut 90% adalah berbangsa Melayu, diikuti dengan bangsa India sebanyak 5% seterusnya bangsa Cina sebanyak 4% dan lain-lain bangsa sebanyak 1%. Miskin tegar boleh dikategorikan kepada dua kategori, iaitu golongan produktif dan tidak produktif. Setelah mengenal pasti golongan miskin tegar yang produktif iaitu yang berumur 60 tahun ke bawah dan mampu bekerja, bantuan peningkatan pendapatan mengikut kebolehan dan keperluan yang akan diberikan untuk membolehkan mereka boleh menjana dan meningkatkan pendapatan melalui kegiatan ekonomi seperti menjalankan perniagaan menjahit dan sebagainya. Bagi golongan miskin tegar yang tidak produktif, mereka yang berumur 60 tahun ke atas atau tidak mampu lagi untuk melakukan aktiviti harian, mereka ini akan disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mendapat bantuan yang bersesuaian. Dalam aspek ini kita pun berharap bantuan daripada Pusat Urus Zakat.

Selain itu usaha dan bantuan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan membaik pulih rumah yang tidak melebihi RM8,000 sebuah;

- (ii) Bantuan wang ihsan (Rebat Bil Air) sebanyak RM100.00 kepada rakyat miskin dan berpendapatan rendah;
- (iii) Bantuan elaun harian sebanyak RM10.00 sehari pelajar Giat Mara yang dikategorikan dalam golongan miskin tegar yang merangkumi latihan kursus kemahiran selama 6 bulan;
- (iv) Bantuan agihan beras (*one-off*);
- (v) Jabatan Veterinar memberi bantuan Bumi Hijau kepada golongan miskin tegar dan di antara bantuan yang diberikan adalah bekalan ayam kampung, itik daging dan itik telur berserta makanan dalam reban;
- (vi) Bantuan ihsan *one of* setiap keluarga miskin tegar yang mempunyai kriteria-kriteria tertentu seperti musnah tempat kediaman, kematian ketua keluarga, hilang upaya akibat kemalangan dan diberhentikan kerja akibat syarikat yang mengalami masalah atau telah menganggur lebih dari 3 bulan; DAN
- (vii) Ketujuh, kebanyakan Badan-Badan Kerajaan juga berminat untuk menyalurkan bantuan bagi membasmi miskin tegar. Justeru itu Kerajaan Negeri akan mengumpul semua bantuan sama ada kewangan in *cash* ataupun barangan yang diberikan.

Y.B. Tuan Speaker, untuk pelaksanaan pembasmian kemiskinan perlu mendapat sokongan dan komitmen padu dari pelbagai pihak. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kekangan seperti berikut:-

- (i) Data sedia ada tidak dikemas kini secara berkala;
- (ii) Kedua tiada penyelarasan di antara Agensi Negeri dan Kerajaan Persekutuan;
- (iii) Kebanyakan daripada mereka yang dikategorikan sebagai miskin tegar, terdiri daripada mereka yang tidak produktif dan hanya dapat dibantu dan memberi wang sumbangan sahaja; dan
- (iv) Sikap ketua isi rumah yang lebih rela menerima bantuan dan tidak mahu melepaskan diri daripada belunggu kemiskinan tegar.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Pantai Jerejak yang terletak dalam Daerah Barat Daya ianya mempunyai 10 orang yang dikategorikan sebagai miskin tegar. Daripada jumlah tersebut seramai 9 orang dikategorikan sebagai miskin tegar yang tidak produktif dan hanya 1 orang dikategorikan sebagai miskin tegar produktif. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Bagi Pantai Jerejak dahulu.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya ingin memuji Kerajaan Negeri kerana bertekad untuk menyelesaikan masalah kemiskinan tegar dalam masa satu tahun dan saya juga ingin membangkitkan Laporan Kajian Kemiskinan Negeri Pulau Pinang 2006-2007 oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang (UPEN). Kajian ini telah membangkitkan beberapa kelemahan terutamanya institusi dan kerajaan tertentu terdahulu. Antaranya kekurangan ialah kurang kerjasama serta koordinasi di antara agensi dan kriteria layak menerima berbeza di antara agensi-agensi, sumber sedia ada tidak diuar-uarkan dan masalah birokrasi dalam proses pemberian bantuan. Soalan saya Y.B. Tuan Speaker, adakah Kerajaan Negeri telah meneliti dengan teliti tentang kajian ini dan adakah Kerajaan Negeri akan mengadakan *One Stop Centre* untuk menyelesaikan dan menyelaraskan semua aduan-aduan atau permintaan-permintaan dalam untuk menangani masalah kemiskinan tegar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Untuk pengetahuan Yang Berhormat daripada Pantai Jerejak yang nampaknya telah membuat *homework* dalam perkara ini dan saya rasa ini adalah menunjukkan satu komitmen yang baik daripada seorang wakil rakyat yang bertanggungjawab dan di sini apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Pantai Jerejak memang wujud dan semasa kita menjalankan inisiatif ini, Kerajaan Negeri menghadapi masalah-masalah seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat daripada Pantai Jerejak, tetapi kita mendapat seorang Ahli EXCO untuk Kebajikan yang menjalankan kerjanya dengan baik iaitu Yang Berhormat dari Sungai Puyu.

Bukan setakat buat penyelarasan tetapi juga turun padang dan seperti juga Yang Berhormat Pantai Jerejak tahu bila dia turun padang sampai pukul 5 hingga 6 pagi bersama dengan pegawai-pegawai kerajaan sama-sama mengharungi segala-galanya demi meningkatkan mutu dan kualiti hidup rakyat Pulau Pinang dan dari aspek kurang kerjasama saya rasa itu memang berlaku bukan sahaja di Pentadbiran Kerajaan Negeri

Pulau Pinang tetapi juga di Pentadbiran-Pentadbiran Kerajaan Negeri yang lain.

Malah juga di peringkat Kerajaan Pusat dan ini juga kita ingin kurangkannya tentulah masalah yang disebut ini kita berusaha untuk mengatasinya. Tetapi saya rasa yang penting ialah kepimpinan, siapa atau pegawai ataupun Ahli EXCO yang memimpin usaha ini bukan sahaja diberikan kuasa penuh untuk membuat penyelarasan, tetapi saya rasa komitmennya akan membolehkan semua Jabatan Kerajaan Negeri tentang matlamatnya adalah lebih penting dari apa-apa perselisihan di antara jabatan dan dari aspek ini *One Stop Agency* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pantai Jerejak, ini saya rasa akan dilaksanakan sekiranya perlu dan kita lihat yang penting kalau kita dapat menghapuskan miskin tegar saya rasa ini satu kejayaan dan saya rasa mungkin cadangan Yang Berhormat dari Pantai Jerejak kita boleh terima pakai untuk kategori miskin pula bukan miskin tegar.

Oleh itu Y.B. Tuan Speaker, sekali lagi menyeru kerjasama dari semua pihak bukan setakat Jabatan Kerajaan sahaja tetapi juga dari pelbagai pihak kerana saya rasa ini satu usaha murni yang kita harus capai tanpa kira apa-apa kepentingan. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Kawasan Seberang Jaya....(gangguan)

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Tuan Speaker, Saya ingin tahu sedar kah bahawa Kerajaan Pusat telah pun membantu secara berterusan bagi membasmi kemiskinan dan berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan untuk perkara ini. Oleh itu, bagaimanakah Kerajaan Negeri mengatasi dengan lebih berkesan termasuk golongan-golongan yang mudah miskin yang menjadi miskin tegar dan tindakan segera dan bagaimanakah yang dicadangkan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri begitu jugalah kemiskinan tegar yang dalam bandar yang masih harus dilakukan bancian kerana terdapat banyak kemiskinan tegar di dalam bandar dan juga golongan-golongan graduan yang menjadi miskin kerana tidak dapat pekerjaan dan sebagainya dan kerana keluarga pula miskin dan mereka sendiri juga menjadi penganggur miskin. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat dari Kawasan Seberang Jaya. Kami di Kerajaan Negeri baru tahu bahawa Kerajaan Pusat ada beberapa rancangan tetapi nampaknya tidak begitu berkesan kerana selama ini hanya menyatakan bahawa wang diberikan tetapi kita tidak lihat sejauh manakah ianya dapat disalurkan kepada mereka yang miskin tegar. Dan kalau kita lihat kenyataan yang diberikan oleh Timbalan Menteri yang berkaitan menyatakan bahawa usaha ini telah dimulakan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri sebelum ini tapi bila dia keluarkan kenyataan bahawa dia mula cakap bahawa hanya 100 keluarga miskin tegar. Sungguhpun jumlah ini sebenarnya jauh lebih besar dari apa yang disebutkan so, kita lihat bahawa Kerajaan Pusat seakan-akan tidak berapa pasti atau tidak mendapat maklumat yang tepat tentang realiti sebenarnya.

So, mungkin saya rasa kita nak mengalu-alukan dan kita nak menjemput Menteri atau Timbalan Menteri yang berkenaan supaya turun padang dan melihat keadaan sebenar bukan hanya 100 keluarga miskin tegar seperti yang disebutkannya dan kita pun mengalu-alukan apa-apa bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan Pusat dalam aspek ini tetapi sungguhpun kita telah tulis surat dan tidak ada sebarang jawapan oleh Kerajaan Persekutuan tentang cadangan untuk bekerjasama menyapu bersih kecacatan yang memalukan ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan.

Y.A.B Ketua Menteri:

Apa nak jelas. Apa yang nak jelas lagi?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, iaitu Kerajaan Pusat telah pun mengambil tindakan kalau tak angka tak tinggal 100 lebih ia akan jadi 1,000 atau 800 kerana tindakan telah diambil kerana tindakan diambil secara perlahan-lahan dan jadi janganlah selalu salahkan Kerajaan Persekutuan sahaja kalau Kerajaan Negeri juga ikhlas untuk bekerjasama, kita bekerjasama. Memang agenda utama semua kerajaan terutamanya Kerajaan Pusat memang hendak membasmi kemiskinan dengan seberapa banyak yang boleh dan kita juga ucap terima kasih kalau nak dilakukan dan jika tidak

ada kerjasama ketidakcekan (PR) Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan sebab itu tiada kerjasama. Kerajaan Persekutuan memang mempunyai satu tujuan dan satu hala sama dengan Kerajaan Negeri sama-samalah kita bekerjasama.

Y.A.B Ketua Menteri:

Ini, Yang Berhormat Seberang Jaya, saya ingat itu Kempen UMNO sudah lepaslah, tak apalah masih nak berusaha lagi tak apalah. Tapi di sini saya rasa kalau kita tak mahu dipolitikkan perkara ini dan oleh sebab itu kita Kerajaan Negeri rasa, kita haruslah ada satu semangat kekitaan apabila kita nak membanteras masalah miskin tegar di Pulau Pinang. Sekiranya jika kita boleh berjaya kita akan menjadi negeri yang pertama dan kreditnya bukan hanya kepada Kerajaan Negeri sahaja juga untuk seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang termasuk Yang Berhormat rela sama-sama bekerjasama menghadapi masalah ini dan di sini kita lihat ada perbezaan angka yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat ialah 100 keluarga sedangkan data yang kita dapat ialah 324.

Itu yang kita cakap seakan-akan bahawa Kerajaan Pusat seolah-olah tidak tahu apakah keadaan sebenar *on the ground*... (dengan izin) itulah sebab saya hendak tegaskan sekali lagi kita memang bersedia untuk bekerjasama tidak timbul masalah PR, tetapi jika Yang Berhormat Seberang Jaya masih berasa PR Yang Berhormat Seberang Jaya adalah lebih baik daripada saya, saya boleh melantik Yang Berhormat Seberang Jaya untuk Kerajaan Negeri meminta peruntukan tambahan daripada Kerajaan Pusat untuk hapuskan miskin tegar. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Saya nombor lima. Soalan berkaitan, soalan tambahan 324 Yang Berhormat, adalah miskin tegar tetapi untuk miskin berapa banyak? Satu itu soalan yang pertama, yang kedua siapa yang dapatkan *figure* tadi? Daripada sumber mana dari UPEN, atau dari mana?. Dan *figure* ini berdasarkan kepada tarikh bila? Adakah bulan lepas ataupun Mac yang sudah. Yang ketiganya berapakah banyak kos yang akan dibelanjakan bagi menangani kemiskinan atau miskin sifar ini?

Y.A.B Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa kalau kita lihat dalam aspek bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) ini adalah maklumat-maklumat terkini tetapi mungkin bertambah kerana kita masih menjalankan penyelidikan dalam aspek KIR semua wakil-wakil rakyat sedang turun padang untuk mengumpulkan data kerana kita masih terdapat ada setengah keluarga masih tidak mendaftarkan diri mungkin kerana tak bermaya atau seperti yang disebutkan tadi tak mendapat maklumat di mana mereka hendak mendaftarkan diri. Yang kedua, tentang bilangan miskin, itu saya rasa saya boleh beri secara kasar kerana kita pun tak pasti sama ada maklumat ini adalah benar atau tidak tapi mengikut apa yang diberikan oleh Kerajaan Pusat ialah di antara 1,500 hingga 2,000 keluarga.

Di sini kita hendak membuat kajian sendiri...(gangguan), nanti, nanti, saya habiskan ketiga-tiga jawapan dulu. Kita hendak dapat penyelidikan yang lebih rapi supaya kita dapat maklumat yang benar. Tentang kos yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya rasa ini kos bukanlah satu (1) bilangan kecil tapi kita harapkan kita boleh kurangkannya dengan kerjasama daripada NGO-NGO dan juga badan-badan amal yang memang mempunyai minat dan komitmen untuk membantu usaha kerajaan membanteras miskin tegar. Tapi, di sini saya hanya boleh memberikan jumlah sebenarnya kerana kita kena lihat apa yang disumbangkan oleh pihak NGO dan juga dalam bentuk bantuan yang diberikan. Kerana seperti yang saya cakap tadi, kita tak mahu hanya berikan wang bantuan sahaja. Macam ini kita tak mahu berikan ikan sahaja, kita pun nak bagi pancing juga supaya dia boleh berdikari. Kita tak mahu berhenti dalam aspek memberi bantuan *cash* tetapi pada masa yang sama kita nak memberikan peluang pekerjaan supaya mereka boleh melepaskan diri dari belunggu kemiskinan. Cara penyelesaian yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah serampang dua mata, iaitu *two prompt approach*. Satu, *cash* untuk mereka yang tidak produktif lagi dan satu (1) lagi peluang pekerjaan atau perniagaan untuk membolehkan mereka melepaskan dari belunggu kemiskinan. Iaitu, ikan sama-sama kena pancing. Sekian.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Hj. Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Y.B. Tuan Speaker, ialah kita boleh pakai pancing. Kita boleh dapat ikan, tetapi kalau tak jaga elok ikan, kucing pun boleh makan. Y.B. Tuan Speaker, saya nak tanya tadi, kalau Y.A.B Ketua Menteri menyasarkan dalam satu (1) tahun boleh hapuskan kemiskinan atau boleh kepada sifar,

tentunya kena ada *figure* tertentu, baru kita ada *set target* dan kita

merancang membasmi kemiskinan. Kalau *figure* tak ada, tak tentu lagi sampai ke hari ini macam mana kita nak kata *by March 2009* akan terhapus semua kemiskinan. Mesti ada *figure* dia. Saya nak tahu siapa buat kajian dan *figure* tu *as when?* Sampai bila tu?

Y.A.B Ketua Menteri:

Saya rasa ini..kerana saya nak berikan peluang kepada soalan lain. Yang pertama ialah, yang terkini lah. Iaitu maklumat terkini iaitu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Itu hari ini?

Y.A.B Ketua Menteri:

Setakat hari ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Itu kemiskinan sifar?

Y.A.B Ketua Menteri:

Bukan, bukan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Kemiskinan tegar?

Y.A.B Ketua Menteri:

Bukan kemiskinan tegar. Kita bukan cakap kemiskinan sifar, tak ada. Kemiskinan tegar sifar.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Yang miskin?

Y.A.B Ketua Menteri:

Miskin, seperti yang saya sebut tadi ialah 1,500 sehingga 2,000 keluarga.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Angka oleh Kerajaan Persekutuan.

Y.A.B Ketua Menteri:

Persekutuan, dan kita nak lihat macam mana boleh diselaraskan. Boleh Yang Berhormat duduk tak?, duduk. Sabar sikit, duduk. Dan ini ialah untuk supaya kita dapat menyasrakan angka-angka ini dengan Kerajaan Pusat. Dan seperti yang saya sebut tadi, untuk miskin tegar, Kerajaan Pusat cakap hanya 100 keluarga, tapi mengikut maklumat kita ialah 324 buah keluarga, dan itulah yang kita nak pastikan. Saya sebut 324 KIR, saya percaya jumlah ini akan bertambah, dan itu sebab kita ada satu *dateline* yang kita tetapkan akhir bulan ini. Itu tempoh terakhir untuk kumpulkan semua maklumat mengenai miskin tegar. Dan lepas ini kita akan jalankan program merawat atau mengatasi masalah miskin tegar. Dan seperti yang saya sebut tadi kita perlukan bantuan daripada semua jabatan. Saya bagi sebagai contoh, kadang kala ada satu, dua keluarga juga tak terima bantuan baik daripada jabatan atau pun daripada Pusat Urus Zakat. Ini bukan kesalahan mereka lah. Contohnya mungkin Pusat Urus Zakat tak dapat maklumat yang sebenarnya, dan itu sebab sekarang kita pohon bantuan dan kerjasama daripada Pusat Urus Zakat supaya mereka dapat mengemaskinikan rekod mereka. Dan bantuan zakat ini boleh disalurkan kepada mereka. Dalam aspek ini, saya ingin ...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan, penjelasan sikit sahaja, minta izin Y.B. Tuan Speaker. Apabila Y.A.B. Ketua Menteri menyebutkan tentang Pusat Urus Zakat perlu mengemaskinikan maklumat tentang kemiskinan dan sebagainya, saya rasa sebenarnya Pusat Urus Zakat mempunyai maklumat tentang orang-orang yang miskin, cukup *detail* dan lebih menyeluruh sebab itu jumlah yang dibantu sama ada dari segi fakir, atau pun miskin, atau pun miskin tegar, ketiga-tiga kategori ini, Pusat Urus Zakat telah membantu mereka boleh dikatakan hampir menyeluruh, saya tidak katakan

sepenuhnya, tetapi hampir menyeluruh. Kita mendapat maklumat terus daripada kariah-kariah masjid ataupun daripada kawasan-kawasan penduduk tertentu.

Oleh yang demikian, saya ingin menjelaskan bahawa tidak wajar kalau Y.A.B. Ketua Menteri menyebutkan bahawa Pusat Urus Zakat (PUZ) tidak mempunyai maklumat ataupun maklumat yang tidak dikemas kini. Terima kasih.

Y.A.B Ketua Menteri:

Saya tidak menyatakan mereka buat dengan sengaja. Saya sebut bahawa rekod mungkin tidak menyeluruh kerana mengikut rekod yang dibekalkan oleh UPEN kepada saya, bahawa ada setengah keluarga yang tidak menerima bantuan urus zakat. Malah ada mungkin tak terima bantuan yang harus diberikan. Dan sebab itu saya cakap perlunya kita membuat penyelarasan supaya ada perhubungan di antara semua jabatan kerajaan supaya maklumat ini boleh disampaikan kepada jabatan yang berkaitan, dan saya percaya sekiranya mereka tahu atau Pusat Urus Zakat tahu tentang perkara ini, mereka akan berikan bantuan. Saya tak cakap bahawa mereka tak berikan bantuan, saya harap Yang Berhormat jangan cuba menyatakan sesuatu yang saya tidak sebut langsung. Itu sebab, yang penting ialah kita sama-sama mengatasi masalah ini. Kita mesti akui ada kelemahan, kalau menyatakan bahawa tak ada kelemahan, mengapa mengikut rekod saya ada keluarga yang tak terima bantuan daripada Pusat Urus Zakat atau Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya tau ini hanya dari segi teknikal sahaja, kita boleh atasinya. Sekian.

Y.B. Tuan Speaker:

Kita akan teruskan dengan soalan seterusnya. Saya persilakan Yang Berhormat Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, soalan saya, soalan nombor 2.

2. Pulau Pinang hanya mempunyai dua Majlis Perbandaran.
 - (a) Adakah Majlis Perbandaran yang sedia ada perlu dipecahkan kepada lebih banyak Majlis Perbandaran. Jika perlu mengapa dan jika tidak perlu sebab apa?
 - (b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam mengkaji cadangan tersebut?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Tengah kerana mengemukakan soalan ini. Untuk makluman Dewan, Y.B. Tuan Speaker, pada masa kini berpendapat bahawa tidak berkeperluan untuk Majlis Perbandaran sedia ada, dipecahkan kepada jumlah melebihi dari sekarang. Salah satu sebab adalah aktiviti utama Majlis iaitu pembersihan akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Selain itu kos pengurusan yang semakin meningkat akan menyebabkan kutipan cukai tidak dapat diagihkan kepada pembayar cukai atau penduduk-penduduk jika *overhead* ditambah dengan wujudnya tambahan Majlis Perbandaran yang baru. Di samping itu, ia melibatkan isu dasar Kerajaan Negeri setelah mempertimbangkan keperluan dan kepentingan pembayar kadar dan dari segi kemampuan kewangan badan serta kapasiti nya untuk bertanggungjawab bagi memberi perkhidmatan Kerajaan Tempatan, satu (1) kumpulan kerja Kerajaan Tempatan atau ...(dengan izin) *Local Government Working Group* telah ditubuhkan pada 16 Jun tahun ini, hasil perbincangan Forum Rundingan Kerajaan Tempatan anjuran Unit Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan *Sosio-Economic and Environmental Research Institute (SERI)* bagi meneliti perkara ini.

Antara cadangan kumpulan ini ialah, Y.B. Tuan Speaker,

- (i) sempadan MPPP dan MPSP dikekalkan kerana ada kelebihan dalam pemberian dari segi perkhidmatan di kawasan metropolitan serta dari segi kestabilan kewangan, perancangan menyeluruh dan infrastruktur bersepadu yang sedia ada;
- (ii) cawangan operasi ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan kepada kawasan tempatan seperti Batu Feringghi, Balik Pulau, Butterworth, Nibong Tebal dan Bukit Mertajam; dan
- (iii) penubuhan sistem *Community Council* yang meliputi setiap KADUN dan melibatkan penyertaan aktif daripada pemimpin Persatuan Penduduk, Rukun tetangga, JKKK, *Management Corporation / Joint Management Corporation* atau pun (JMB) yang diketuai oleh seorang ahli Majlis. Sistem ini boleh diuruskan berdasarkan modul Forum Perundingan Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan ianya boleh dijadikan satu (1) versi tempatan Forum tersebut di mana penglibatan awam boleh digerakkan untuk memberi pandangan bagaimana menambah baik perkhidmatan Kerajaan Tempatan kepada pembayar-pembayar cukai.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan tambahan, Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Mengikut kedua-dua rekod Majlis Perbandaran, hasil cukai yang dikutip daripada setiap daerah yang di bawah kedua-dua Majlis Perbandaran iaitu di sebelah pulau iaitu Timur Laut dan Barat Daya berbeza, iaitu dari Timur Laut ada lebih banyak kalau dibandingkan dengan Barat Daya dan di sebelah seberang pula, Seberang Perai Tengah adalah lebih banyak berbanding dengan Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Utara. Adakah faktor ini juga menjadi satu (1) faktor yang diambil kira apabila menentukan sama ada Majlis Perbandaran itu akan dipecahkan atau tidak? Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya hasil bagi setiap Majlis Perbandaran menjadi satu (1) faktor yang amat penting sejauh mana ianya dapat memberi perkhidmatan yang efisien kepada pembayar-pembayar cukai di dalam kawasan itu. Jadi sekiranya Majlis Perbandaran di Negeri Pulau Pinang dipecahkan dan ditambahkan Majlis Perbandaran, kita perlu mengkaji sama ada hasil cukai yang mungkin boleh dikutip oleh Majlis Perbandaran yang baru diwujudkan itu mampu untuk membolehkan Majlis Perbandaran yang baru itu melaksanakan segala tugas-tugas yang diberikan kepada mereka dan sememangnya itu satu (1) kriteria yang dikaji dan didapati oleh kerana ada perbezaan dari segi jumlah hasil yang boleh dikutip. Misalnya MPSP, SPU, SPT dan SPS mempunyai potensi dan kemampuan untuk mengutip cukai-cukai yang amat berbeza. Jadi kalau kita tubuhkan satu (1) majlis di SPS, mungkin dia tak layak dan tak mampu untuk menjalankan segala tugas, jadi Kerajaan Negeri menganggap pada masa ini, tidak perlu sebab perlu hasil menjadi satu (1) kriteria yang perlu dipertimbangkan dan tambahan kakitangan, mungkin tambah Ahli-Ahli Majlis, ini semua melibatkan kos yang amat besar kepada sesebuah Majlis Perbandaran yang baru yang akan ataupun mungkin diwujudkan di Negeri Pulau Pinang. Sekian.

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerrudin bin Dato' Syed Ahmad):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, soalan saya ialah, kalaulah sesuatu Majlis Kerajaan Tempatan yang hasilnya cukup-cukup untuk kita memecahkan kepada dua (2) daerah, adakah Kerajaan Negeri masih mahu melaksanakan pecahan seperti di MPPP ini. MPPP Timur Laut pendapatan berbeza dengan Barat Daya tapi Barat Daya pendapatannya, saya ingat dalam lingkungan RM50 juta. Ini mencukupi untuk kita menubuhkan satu Kerajaan Tempatan di Barat Daya. Sebelah pulau dulu, apa yang dicadangkan ialah elaklah, kalau kita cuba satu Kerajaan Tempatan dulu dan kita lihat hasil daripada perpecahan itu kalau mendatangkan faedah yang banyak, kita boleh mulakan di seberang. Adakah Kerajaan Negeri masih berminat kalau ada hasil yang cukup?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Memang hasil kutipan sesebuah bandar Majlis Perbandaran menjadi satu kriteria untuk mewujudkan Majlis Perbandaran yang baru. Saya rasa kajian untuk mengstruktur semula Majlis Perbandaran di Negeri Pulau Pinang pun pernah dilakukan beberapa kali sebelum ini dan kali ini cuma mengesahkan keputusan-keputusan ataupun cadangan-cadangan yang dibuat dahulu. Untuk menjawab Yang Berhormat Bayan Lepas, di Pulau Pinang ini memang kita melihat dari cadangan struktur semula bersabit juga isu status Bandaraya George Town, *The City Status of George Town* yang sebenarnya diberi pengiktirafan pada tahun 1957, jadi mengikut cadangan, kita ada beberapa pendekatan:-

- (i) menjadikan Pulau sebagai Majlis Bandaraya George Town.
- (ii) menjadikannya Majlis Bandaraya Pulau Pinang.
- (iii) menjadikan Majlis Bandaraya George Town mengikut *city limit* yang sedia ada dan menubuhkan satu Majlis Perbandaran yang baru mungkin dinamakan Majlis Perbandaran Balik Pulau atau Bayan Lepas dan alternatif
- (iv) adalah kekalkan yang sedia ada jadi pada masa ini kita rasa alternatif keempat adalah sesuai pada masa ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Haji Omar Shah):

Soalan tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Silakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Haji Omar Shah):

Sedarkah? bahawa begitu banyak bandar-bandar baru telah diwujudkan dan penambahan penduduk juga bertambah dengan ketaranya dan banyak juga bangunan-bangunan bertingkat telah pun dibina dan juga penglibatan YDP-YDP ke atas COB itu menjadi amat penting di mana YDP sendiri pun mempunyai tanggungjawab sendiri hendak menjalankan tugas-tugas lain. Ini mengakibatkan keberkesanan COB itu juga menjadi satu masalah, sebab itu jika boleh diperbanyakkan lagi Majlis-Majlis Perbandaran maka lebih banyak YDP-YDP akan wujud dan keberkesanan untuk menyelesaikan masalah rakyat mungkin akan menjadi lebih berkesan. Apa pandangan?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker dan terima kasih Y.B. Kawasan Seberang Jaya. Jawatan Pesuruhjaya Bangunan ini atau COB sebenarnya terletak dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang lebih kepada perumahan daripada Kerajaan Tempatan, tetapi dari segi struktur perumahan, saya rasa tidak sekuat Kerajaan Tempatan di setiap negeri dan di setiap kawasan. Jadi keputusan untuk melantik YDP Majlis-Majlis Perbandaran sebagai COB adalah mengharapkan Kerajaan Pusat boleh menggunakan sumber-sumber yang ada pada Majlis Perbandaran untuk melaksanakan satu tugas yang di luar bidang kuasa YDP. Sepatutnya harus disenggarakan oleh satu jabatan mungkin yang baru di bawah perumahan dan bukan di bawah Kerajaan Tempatan tetapi walaupun begitu selepas keputusan itu dibuat, YDP Majlis perlulah memikul tanggungjawab tambahan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat.

Pada mulanya Majlis-Majlis perlu menggunakan sumber yang sedia ada dalam Majlis untuk melaksanakan tugas ini, jadi sekian lama Kerajaan Pusat ada menyalurkan bantuan menghantar pegawai-pegawai untuk mengisi jawatan Unit COB ini. Jadi saya berharap Kerajaan Pusat juga sedar bahawa ini satu beban kepada Majlis untuk melaksanakan tugas COB dan haruslah memberikan peruntukan ataupun akhirnya menubuhkan satu jabatan yang khas COB untuk mengendalikan isu-isu pertikaian dalam *certified apartments and property*, tetapi pada peringkat ini Majlis Perbandaran akan memberi kerjasama membantu Kementerian Perumahan melaksanakan tugas ini. Jadi saya setuju bahawa dengan begitu banyak beban tambahan juga akan diberikan kepada PBT ada perlunya pecah PBT untuk menjadi unit-unit yang lebih kecil.

Secara peralihan saya kata walaupun setakat ini tidak ada keputusan untuk pecahkan Majlis Perbandaran, tetapi langkah-langkah dibuat untuk memastikan cawangan-cawangan Majlis, pejabat-pejabat cawangan ditubuhkan di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi dan mungkin lebih banyak kawasan supaya penyampaian perkhidmatan dan menyalurkan aduan-aduan dari pembayar-pembayar cukai dapat diselenggarakan dengan sebaik-baiknya *even* tidak melibatkan pemecahan atau perwujudan Majlis-Majlis yang baru. Sekian.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan 3.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya nombor 3.

3. Apakah usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir di dalam Bandar George Town yang sering dilanda banjir apabila berlaku banjir?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua, terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Kerajaan telah banyak melaksanakan projek utama bagi mengatasi masalah banjir khususnya di Bandar George Town sejak dalam RMK-8 mahupun dalam RMK-9 melalui pembinaan parit utama, rumah pam dan kolam takungan dengan jumlah perbelanjaan setakat RM51.8 juta.

Projek-projek yang telah siap adalah seperti berikut:

- 1) Sistem Pam dan Kolam takungan banjir S10 yang merangkumi kawasan tadahan KOMTAR, Prangin Mall, Lebuh Carnavon, Lebuh Aceh, Jalan Kg. Kolam – 126 hektar.
- 2) Sistem Pam dan Kolam takungan banjir S18 telah pun siap di mana merangkumi kawasan tadahan Jalan C.Y.Choy, Jalan Gudwara, Jalan Macalister dan Jalan Anson – 104 hektar.

- 3) Sistem saliran utama N12 di mana merangkumi Persiaran Gurney, sebahagian Jalan Sultan Ahmad Shah dan sebahagian daripada Jalan Perak.

Untuk maklumat Yang Berhormat projek-projek dalam pelaksanaan adalah seperti berikut:-

Naik taraf sistem saliran Jalan Sultan Ahmad Shah, Jalan Transfer dan Lebuhr Hutton telah pun dimulakan. Juga untuk maklumat Dewan, projek dalam perancangan adalah projek dalam perancangan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa 2 yang akan dilaksanakan selepas penempatan semula penduduk dapat diselesaikan.

Daripada usaha PBT, MPPP juga sentiasa menjalankan tugas-tugas pembersihan di parit-parit awam di dalam Bandaraya George Town setiap hari. Keadaan banjir berlaku mungkin adalah disebabkan oleh beberapa faktor iaitu kedudukan kawasan yang agak rendah dan kerosakan parit-parit yang terlalu kecil untuk menampung limpahan air yang banyak termasuk juga parit-parit yang disekat dengan perbuatan sebilangan penduduk dan perniagaan yang membuang sisa makanan dan bahan-bahan buangan ke dalam parit. Namun begitu kerja pembersihan semua parit di dalam Bandaraya George Town dijalankan setiap hari oleh pekerja Majlis termasuk juga kita mempunyai satu operasi *flushing-flushing* yang menggunakan jentera mengikut jadual yang ditetapkan. Sekian.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Soalan tambahan. Y.B. Tuan Speaker, kalau kita perhatikan daripada bulan Jun hingga September, saya ingat tiga kali kawasan berkenaan mengalami banjir yang begitu teruk. Kalau kita tengok daripada jawapan yang diberi tadi bahawa macam-macam projek dilaksanakan. Saya pun hairan kenapa semakin teruk daripada yang dahulu-dahulu. Makna banjir berlaku semakin teruk sedangkan projek telah pelaksanaan, cuma ada beberapa perkara yang belum dilaksanakan. Sepatutnya sudah mengurangkan masalah banjir di kawasan berkenaan. Sebab itu saya rasa apakah tindakan yang perlu dibuat supaya masalah ini tidak lagi dialami oleh penduduk di kawasan berkenaan. Walaupun jawapan tadi kawasan ini dikatakan rendah, dahulu pun rendah juga tidaklah teruk tetapi bila buat projek lagi teruk, pasal apa benda ini berlaku?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua. Memang kalau dahulu mempunyai perbezaan khususnya kalau kita lihat daripada pelbagai faktor yang menyumbang kepada masalah banjir, di sini boleh juga

merupakan punca-punca yang Negeri Pulau Pinang ini dilanda masalah banjir iaitu kalau lihat dari segi semula jadi memang hujan lebat dan kebetulan juga bila air pasang, ini juga akan merosakkan keadaan.

Juga saya tidak menafikan bahawa kemungkinan juga sistem perparitan yang sedia ada. Kebetulan juga dengan bilangan air pasang ini akan lagi merosakkan keadaan juga saya tidak jua menafikan bahawa kemungkinan juga sistem perparitan yang sedia ada pun terlalu lama sudah sampai masanya untuk kita mengkaji kemampuan sistem perparitan yang sedia ada khususnya perparitan yang dibina berpuluh tahun yang lepas. Saya juga hendak memaklumkan kepada Dewan bahawa tindakan penduduk-penduduk yang di sekitar kawasan banjir ini, kita juga hendak meminta bahawa kesedaran sivik mesti dipertingkatkan dan ini saya amat mengharapkan kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita sama-sama mempertingkatkan kesedaran sivik penduduk di kawasan. Ini memang salah satu faktor yang penting juga yang telah pun menyumbangkan kepada masalah banjir di mana kita kena faham bahawa sungai atau parit tidak akan mempunyai sampah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Kekerapan mencuci.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Kekerapan membuat pembersihan parit dan longkang termasuk juga sungai memang tanggungjawab kepada semua jabatan yang terlibat mahupun PBT, JPS, mahupun JKR tetapi kita juga kena merawat masalah ini berpunca di mana penduduk-penduduk kita mestilah mempertingkatkan lagi kesedaran sivik. Ini adalah salah satu faktor yang menyumbang dan kebetulan kejadian banjir yang disebutkan oleh Y.B. Sungai Dua adalah salah satu faktor juga. Hujan yang begitu lebat dalam sehari di mana kita dapat rekod sehingga 132 mm dalam 6 jam sahaja ini telah pun menjadi satu faktor yang menyumbangkan banjir yang disebutkan oleh Y.B. Sungai Dua tadi. Dan kebetulan juga satu kes di mana limpahan semula jadi Empangan Air Itam menyumbang kerana banjir pada hari tersebut dan saya rasa apabila kita mengetahui faktor-faktor yang menyumbangkan kebanjiran, Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan sewajar supaya semua faktor-faktor ini kita boleh mengatasi kalau tidak pun kita kena mengurangkan kepada tahap yang tidak akan membebankan penduduk-penduduk di kawasan banjir ini.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Soalan tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan tambahan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker, berdasarkan kepada penjelasan. Tadi kita difahamkan bahawa faktor banjir ini disebabkan oleh faktor teknikal, faktor semula jadi dan faktor manusia. Jadi saya ingin sedikit penjelasan peranan yang telah pun dijalankan oleh pihak berwajib berkenaan dengan mengatasi masalah yang berkaitan dengan manusia seperti kata tadi *sivic minded* dan sebagainya. Apakah program-program dan langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan daripada faktor tersebut? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa jabatan-jabatan yang terlibat dengan tebatan banjir khususnya JPS, PBT dan JKR ada mempunyai program-program untuk meningkatkan kesedaran misalnya kerjasama antara JPS dan Jabatan Alam Sekitar di mana kita telah pun mengadakan program-program kesedaran sungai kita dan juga untuk mengatasi dan meningkatkan kesedaran di mana pembersihan sungai-sungai pun banyak kita telah adakan tetapi kekurangan itu kita kena mengakui bahawa setakat ini tahap kesedaran masih dalam tahap yang tidak memuaskan di mana saya rasa usaha Kerajaan Negeri yang terlibat dengan jabatan-jabatan yang tertentu mesti lagi mempertingkatkan usaha dan itu saya merayu kepada ADUN di Dewan ini supaya kita juga memainkan peranan bila kita mempunyai peluang untuk berjumpa dengan rakyat. Kita senang sentiasa menasihati penduduk-penduduk kita atau penghuni-penghuni supaya kita boleh melalui jaringan 40 orang ADUN. Kita boleh juga secara terus menyumbang usaha kita supaya akhirnya juga manfaat yang akan diterima kepada penduduk di sekitar kawasan.

Saya tidak menafikan bahawa selain daripada faktor semula jadi mungkin kita tidak dapat kontrol dengan sepenuhnya tetapi dari segi projek-projek tempatan banjir mahu pun sistem perparitan itu Kerajaan Negeri memang menitik beratkan supaya kerja-kerja penyelenggaraan ataupun pembersihan itu, mesti mengikut jadual dan juga rancangan tempatan banjir yang telah pun dijadualkan mesti dijalankan mengikut *schdule* yang telah pun ditetapkan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker, saya minta penjelasan dari segi aktiviti-aktiviti yang diadakan, program untuk membentuk *sivic minded* dan sebagainya. Jadi kalau boleh saya hendak tahu, apa yang telah dibuat oleh pihak

Kerajaan Negeri setelah Kerajaan Negeri mengenal pasti bahawa salah satu daripada puncanya ialah faktor manusia. Jadi apakah, soalnya cukup khusus, apakah program yang dijalankan selama ini sehinggakan sekarang kita katakan tahap kesedaran minda atau *civic minded* ini masih lagi rendah, so apa yang telah kita buat? Itu yang saya inginkan penjelasan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Saya boleh memberikan satu contoh khususnya daripada PBT di mana saya dimaklumkan projek di bawah abad ke 21 di mana diusahakan oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di mana pihak Majlis Berkuasa Tempatan (MBT) telah pun lama memainkan peranan untuk meningkatkan kesedaran khususnya dengan program untuk kita mengitar semula sampah sarap, sisa daripada dapur, supaya boleh mengurangkan sampah sarap yang akan dibuang ke dalam sungai. Kerajaan Negeri sekarang juga sedang mengkaji supaya kita boleh mempromosikan lebih tentang penggunaan teknologi EM di mana ia juga sedikit sebanyak menyumbang pengurangan sisa dapur ataupun sisa sampah di kawasan-kawasan bandar. Sekian.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan satu sahaja, Y.B. Tuan Speaker, sebab ianya mempunyai satu pandangan yang sedikit sahaja.

Y.B. Tuan Speaker:

Kita teruskan dengan soalan 4, Ahli Kawasan Seberang Jaya. Kita akan teruskan soalan 4 oleh Ahli Seberang Jaya. Ya, soalan 4 Ahli Kawasan Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Soalan saya Y.B. Tuan Speaker, berkaitan dengan soalan nombor 11 yang sama juga.

Y.B. Tuan Speaker:

Tidak mengapa, saya telah membuat keputusan kita teruskan dengan soalan nombor 4. Sila Ahli Kawasan Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker, Soalan saya, soalan saya nombor 4.

4. Sila nyatakan jumlah peratusan pekerja-pekerja berbangsa India dan Cina di semua jabatan kerajaan dan agensi kerajaan tempatan di Pulau Pinang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker dan terima kasih kepada Ahli Seri Delima. Sehingga 30 September 2008 bilangan penjawat di Kerajaan Negeri Pulau Pinang termasuk Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah sebanyak 7,092 orang. Peratusan pengisian bagi kaum Melayu adalah sebanyak 81.95% atau 5,812 orang, kaum India sebanyak 12.9% atau 916 orang, kaum Cina pula sebanyak 5.50% ataupun 358 orang dan lain-lain sebanyak 0.08% atau 6 orang.

Pecahan maklumat peratusan pengisian mengikut kaum bagi perkhidmatan awam negeri, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut:-

Perkhidmatan Awam Negeri mengikut kaum adalah seperti berikut:

Melayu	- 92.16%
India	- 5.2%
Cina	- 2.52%
Lain-lain	- 0.05%

Badan-Badan Berkanun 71.54% Melayu, 11.24% India dan Kaum Cina 17.22%, lain-lain 0.00%.

Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, kaum Melayu 74.10%, Kaum India 19.5%, Kaum Cina 6.30% , lain-lain 0.10%. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Soalan tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan baru kita kerana telah menunjukkan satu inisiatif baru iaitu satu pelantikan Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy sebagai Timbalan Ketua Menteri II. Pada masa yang sama saya ingin juga bertanyakan sama ada langkah-langkah baru diambil oleh kerajaan baru untuk meningkatkan lagi pengambilan pekerja-pekerja kakitangan India dan Cina, khususnya dalam jabatan-jabatan kritikal atau agensi kritikal yang boleh meneruskan pemberian perkhidmatan semasa berlakunya bencana-bencana alam seperti banjir dalam musim-musim perayaan seperti Hari Raya kerana baru-baru ini berlaku banjir kilat semasa musim perayaan Hari Raya.

Kebanyakan penduduk di kawasan saya juga, tidak dapat ataupun memperoleh bantuan kebajikan kerana saya difahamkan kebanyakan kakitangan di Jabatan Kebajikan ketika itu bercuti. Jadi untuk mengatasi masalah ini bolehkah kerajaan baru kita mempertingkatkan lagi pelantikan kakitangan berbangsa India dan Cina supaya pemberian perkhidmatan semasa berlakunya bencana alam dan malapetaka alam boleh diteruskan tanpa apa-apa gangguan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih, Ahli Kawasan Seri Delima. Salah satu perkiraan kerajaan baru selepas Tsunami Politik ialah untuk mengimbangi pekerjaan. Peluang-peluang pekerjaan di badan-badan kerajaan dan juga Badan-badan Berkanun. Struktur pekerjaan ini adalah warisan daripada rejim lama. Ini satu di bawah hegemoni UMNO. Kita mengimbangi sebab Pakatan Rakyat, kita menubuhkan kepada masyarakat, penglibatan masyarakat tanpa mengira kaum. Oleh yang demikian dasar kita ialah supaya kita membuat satu kajian yang terperinci sebelum kita ambil langkah-langkah yang tertentu. Bukan sahaja mengimbangi dari segi kaum tetapi dari segi *general* dan juga yang penting meningkatkan kualiti dari segi merit. Maka fokusnya lebih daripada merit daripada kaum.

Oleh yang demikian, kita perlu data kerana data yang sedia ada saya rasa mungkin tidak begitu lengkap dan apa yang perlu, saya telah berbincang di peringkat negeri, bagaimana kita akan melakukan satu kajian yang terperinci. Kita akan membuat beberapa langkah supaya badan-badan kerajaan di Negeri Pulau Pinang mencerminkan penduduk

Negeri Pulau Pinang. Di samping itu saya telah menjalankan beberapa dialog secara informal dengan ketua-ketua jabatan, ketua-ketua badan-badan berkanun supaya melihat struktur pekerjaan supaya kita akan

memperbaiki bukan sahaja kita fokus kepada kaum sahaja tetapi untuk mempertingkatkan kualiti pekerjaan dan saya rasa dari segi itu memang Kerajaan Negeri akan membuat beberapa dasar secepat mungkin. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta laluan, penjelasan, Y.B. Tuan Speaker, minta izin, tadi Ahli Kawasan Perai ada menyebutkan bahawa kesan ataupun jumlah bilangan ini adalah impak yang ditinggalkan oleh rejim UMNO. Sejauh mana Ahli Kawasan Perai yakin dan pasti dan saya minta buktikan benda ini secara *tangible*... (dengan izin). Secara yang lebih bertanggungjawab kerana banyak faktor-faktor lain yang boleh kita lihat yang banyak ditulis oleh pengkaji-pengkaji berkenaan dengan penglibatan etnik antara kaum dalam bidang-bidang perkhidmatan terutamanya di sektor awam. Ada yang mengaitkan isu gaji yang kecil, mungkin menyebabkan ada sesetengah daripada masyarakat kita tidak berminat ataupun cara bekerja ataupun *natures of work* ...(dengan izin). Bekerja sebagai seorang pegawai kerajaan ini, atau kakitangan kerajaan mungkin tidak begitu menarik berbanding dengan *profession* ataupun dengan sektor-sektor lain. Banyak faktor-faktor lain, yang sebenarnya menjurus kepada pola pembentukan pekerjaan dari segi komposisi mengikut kaum.

Jadi saya rasa adalah satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab yang dikeluarkan oleh Ahli Kawasan Perai, bahawa wujudnya mungkin ada perbezaan antara kaum dari segi penyertaan dalam sektor pekerjaan adalah semata-mata disebabkan oleh kata Ahli Kawasan Perai tadi oleh UMNO. Saya minta benda ini dipertanggungjawabkan, kenyataan ini perlu dipertanggungjawabkan dan sila buktikan perkara ini secara, jadi.....(gangguan)

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Peraturan-peraturan.

Ahli Kawasan Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Apa ini, diam, duduklah.

Ahli Kawasan Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Diam, duduklah, saya bercakap dulu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Ini peraturan, bila peraturan dibangkitkan, beliau harus duduk.

Y.B Tuan Speker:

Duduk dahulu, Yang Berhormat duduk dahulu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Y.B. Tuan Speaker, bila peraturan dibangkitkan beliau harus duduk.

Ahli Kawasan Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya masih bercakap, saya sedang bercakap, duduklah dahulu.

Y.B Tuan Speaker:

Yang Berhormat hormat duduk dahulu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Ini peraturan beliau harus duduk.

Y.B. Tuan Speaker:

Peraturan berapa Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Peraturan berapa?

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat duduk dahulu, peraturan berapa?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Mungkin Ahli Yang Berhormat telah lupa *standing order*, kalau saya membangkitkan peraturan, *you* dengar apa peraturan itu.

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat membangkitkan peraturan, peraturan berapa?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Apabila kamu,...(gangguan).

Ahli Kawasan Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Apa kamu..(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Apabila Yang Berhormat,..... menuduh...(gangguan).

Ahli Kawasan Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Faham tak, dalam bahasa Dewan orang tidak pakai 'kamu', tahu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Apabila Yang Berhormat menuduh tidak tanggungjawab itu adalah satu yang menyakitkan hati.

Ahli Kawasan Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya bercakap dengan fakta, kalau itu pun tak boleh cakap, kalau itu pun sakit hati jangan duduk dalam Dewan.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat peraturan berapa?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Y.B. Tuan Speaker, 46, 13(c), mungkin Yang Berhormat terlupa peraturan ini. Seorang Ahli itu mestilah jangan menggunakan perkataan yang menyakitkan hati Yang Berhormat, saya belum habis lagi.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya minta penjelasan, apa yang sakit hati?, saya kata saya minta penjelasan itu.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Permatang Berangan biar dia buat penjelasan dahulu, biar Yang Berhormat membuat penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Biar saya buat penjelasan. Apabila Y.B. membuat pertuduhan terhadap Y.B. yang memberikan keterangan tadi, menyatakan beliau itu tidak bertanggungjawab itu. Itu amat menyakitkan hati, apa yang dinyatakan oleh beliau ialah *mindset* UMNO yang kita lihat sampai hari ini ada ahli UMNO yang mengatakan kaum Cina, kaum pendatang di Negara Malaysia, itu *mindset*.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Yang Berhormat, ini menyakitkan hati saya. Ini tidak ada kena mengena di dalam perbincangan tadi.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat bila Speaker bercakap, minta duduk. Ahli Yang Berhormat telah membacakan peraturan, Ahli Kawasan Datok Keramat telah membacakan peraturan dan saya akan berpatah balik kepada.....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker, saya minta izin untuk teruskan sedikit sahaja penjelasan.

Y.B. Tuan Speaker:

Saya akan serahkan kepada Y.B. Kawasan Perai yang akan menjawab.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Bila saya ungkitkan perkara ini di Parlimen tidak ada apa-apa, mereka terima. Tidak ada apa-apa boleh jawab. Saya rasa ini bukan bila *you* tuduh saya tidak bertanggungjawab yang ini sedikit liar, tetapi apa yang saya sebutkan di sini ialah di bawah mungkin ada faktor-faktor lain tidak dinafikan, tetapi faktor dominan yang menentukan arah politik Malaysia 50 tahun, adalah dominon UMNO. UMNO yang menentukan segala-galanya, maka saya tidak silap, dan ini saya telah bertulis beberapa kali, bukan ini bertanggungjawab, UMNO yang berkuasa, sampai 8hb. Mac, apa yang saya ingin katakan di sini bahawa dalam pentadbiran awam, kita ambil daripada kebangsaan. Berapa bilangan orang Cina, berapa bilangan orang India. Saya rasa peratusan ini begitu sedikit sahaja. Siapa hendak saya salahkan, bukan orang India, orang Cina tidak berminat. Ini disebutkan oleh menteri-menteri di sana, sebab ini orang India tidak minat, orang Cina tidak minat. Kebetulan adalah bahawa ini dasar UMNO, ini yang telah dipertikaikan pada 8hb. Mac 2008. Itu yang hendak saya sebutkan dan ini memberikan satu kenyataan dan tanggungjawab kita lihat keseluruhannya, itu maksud saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya minta laluan, saya kurang bersetujulah kerana prosedur untuk mengambil kakitangan awam di peringkat negeri atau sebagainya telah pun ditentukan prosedurnya melalui proses temu duga, pengambilan dan sebagainya.

Jadi kalau kita lihat dalam hal ini pengambilan-pengambilan kakitangan awam adalah mengikut semua prosedur yang berkenaan. Jadi di situ kita juga mempunyai wakil daripada KSU-KSU yang terdiri daripada bukan orang UMNO pun ramai dan juga ketua-ketua jabatan pun ramai, tetapi faktor-faktor lain mungkin juga turut dominan dalam menentukan hal ini, sebab itu saya tidak bersetuju bila menyatakan bahawa perkara atau impak ini berlaku hanya disebabkan kerana UMNO, itu tidak betul. Terima kasih.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy):

Saya rasa memang ada prosedur-prosedur, tepat sekali dengan prosedur-prosedur, tetapi ini proses permulaan yang tidak mahu mengambil orang bukan Melayu. Apa guna prosedur-prosedur dalam pentadbiran awam, awal-awal mereka dihentikan mereka tidak diambil dan permohonan mereka dikoyakkan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Yang Berhormat, saya minta bukti Y.B. Tuan Speaker, ini satu tuduhan. Saya ingat ini satu tuduhan yang tidak betul, biar kita.....(gangguan).

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy):

Saya tidak setuju, ini mengikut kajian yang saya lakukan, bukan tuduhan liar ini. Maksud saya apa *you* timbul isu prosedur? Memang saya tidak nafikan ada prosedur mungkin yang terbaik sekali di dunia Malaysia, tetapi apa guna prosedur bila dasar ini tidak betul. Itu sahaja maksud saya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya ingat satu tuduhan yang tidak betul, tidak mungkin hantar kepada pegawai, koyak, hantar permohonan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, koyak. Ini satu tuduhan yang tidak betul.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy):

Y.B. daripada Sungai Dua sendiri tahulah, tidak perlu saya berikan satu(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sebab permohonan kepada jabatan dan agensi kerajaan, tidak mungkin pegawai kerajaan koyak, saya ingat ini tidak betul. Yang kedua, menuduh UMNO yang menentukan segala tidak betul, kerana ini *under standing* semua kaum di buat oleh semua kaum. Orang Cina setuju, orang India setuju, sekarang diungkit mengatakan UMNO. Ini satu tuduhan yang tidak betul, saya ingat Profesor Timbalan Ketua Menteri II mesti tahu sejarah, jadi jangan cubalah main politik.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy):

Janganlah mengajar sejarah kepada saya, Y.B. Sungai Dua, memang MIC, MCA, Gerakan ada, lihat apa yang telah terjadi kepada mereka sekarang, mereka setengah mati, so bukan ini tuduhan liar ini adalah berdasarkan kepada kajian yang saya lakukan beberapa *interview* saya lakukan, okey, bukan ini tuduhan liar, ini adalah kebetulan, inilah kebenaran, dan saya rasa apabila kita lihat sektor pekerjaan di peringkat

nasional, peringkat negeri, hasilnya begitu. Maka apakah maksud Pakatan Rakyat ini menang 5 negeri ini, kita membuat perubahan. Perubahan supaya ini akan mengambil kira hasrat rakyat, itu maksud saya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Beri laluan kepada Ketua Pembangkang, lama tidak bercakap.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azahar bin Ibahim):

Soalan tambahan. Saya tertarik dengan perbincangan bagi mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang berusaha mengimbangkan pengambilan tentang kakitangan kerajaan, apakah sudah cukup, mengapa tidak pada pihak swasta, ya, apakah usaha Kerajaan Negeri mengimbangkan pula pengambilan kakitangan daripada golongan Melayu dalam swasta dari segi *management* sehingga ke peringkat bawahan. Bagaimana pula dengan askar. Bagaimana pula dengan polis. Adakah benda ini akan dibawa ke Parlimen? Setahu saya banyak orang Melayu di dalam askar, iaitu Angkatan Tentera. Apakah ini Yang Berhormat daripada Perai akan bawa pergi ke Parlimen untuk memperbanyakkan lagi kaum Cina dan India masuk askar begitu juga Polis?. Terima kasih.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy):

Y.B. daripada Penaga, soalan ini telah dibangkitkan di Parlimen, bukan sahaja polis tetapi pentadbiran awam termasuklah agensi-agensi kerajaan ini dan saya rasa jawapan yang saya dapat daripada Parlimen ini tidak begitu memuaskan, tetapi soalan tadi yang pertama tentang sektor swasta. Ini bukan kira Melayu, Cina dan India tetapi maksud saya ialah kalau sektor swasta memang kalau sektor swasta ini kita tidak ada peluang untuk orang Melayu. Ini saya akan bangkitkan juga bukan saya ini semata-mata fokus kepada satu kaum sahaja. Inilah yang kita mahu hakis dalam fikiran kita dalam Pakatan Rakyat supaya memberi

peluang kepada semua kaum menaikkan mereka tetapi jangan naikkan satu kaum lain dengan kaum lain semasa Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azahar bin Ibahim):

Y.B. Tuan Speaker, sambung lagi, kerana saya bangkitkan ini dibentangkan tadi di dalam sektor kerajaan dan juga PBT, sekarang saya ingin bertanya bagaimana peranan, usaha yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri supaya syarikat-syarikat swasta di Pulau Pinang juga akan mengambil langkah yang seperti Yang Berhormat sebutkan tadi.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy):

Pihak atau sektor swasta ini tidak ketinggalan, tetapi pertama fokus kita ialah pada jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun, kemudian kita beralih kepada sektor swasta. Saya rasa ini bukan kita menafikan sektor swasta kalau kita nampak bahawa pendekatan kita bukan kaum. Sebenarnya kita lihat kepada merit, kualiti, kalau katakan satu yang kita rasa di sektor swasta tidak ada pengambilan Melayu, ini kita tidak seronok dengan itu juga, kita akan bangkitkan isu ini, bagaimana, tidak mungkin tidak ada orang Melayu yang layak, so minta maaf lah Y.B. Ahli daripada Penaga, fokus kami bukan semata-mata ialah kaum sahaja.

Apabila saya sebutkan mengimbangi kaum, itu dari segi kualiti dan merit bukan sebab ada lima (5) orang Melayu, mesti ada lima (5) orang India, tidak ini sahaja fikiran rejim lama. Ini kita menghakis dan mengubah kepada satu era yang baru. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Ya, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azahar bin Ibahim):

Bila disebutkan kualiti dan merit dalam sektor kerajaan, sama juga dengan pihak swasta berbicarakan hal seperti itu. Jadi saya berharap dalam mesyuarat penggal hadapan, ya apa dia yang telah di buat di dalam perbahasan ini kita akan buat satu perbahasan nanti kita akan minta itu dan sediakan untuk jawapan ini *to be fair*.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy):

Ok, Y.B. Penaga, terima kasih, memberi jadual kepada kita, jangan buat seperti itu, jangan buat semacam itu *patronising* pada kita, sejak 50 tahun Barisan Nasional tidak boleh buat apa-apa, bagi kita sedikit masa, sebab ini bukan satu perkara yang kita boleh buat serta merta, kita mahu mengkaji, mesti ada data, kita hendak menjaga sensitiviti kaum dan sebagainya so jangan bagi jadual kepada kita. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azahar bin Ibahim):

Saya bukan bagi jadual, saya kata, apakah rancangan yang akan dibuat?

Y.B. Tuan Speaker:

Saya akan teruskan dengan soalan yang berikut. Ahli Yang Berhormat Penaga, kita akan teruskan. Jadi saya akan teruskan dengan soalan berikutnya, Soalan nombor 5 telah pun dijawab oleh Y.A.B. Ketua Menteri sebentar tadi dan saya akan teruskan dengan soalan 6. Silakan Ahli Yang Berhormat Permatang Pasir,

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya nombor 6.

6. Apakah kriteria yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bagi pelantikan JKKK baru pada masa ini. Adakah cadangan daripada wakil rakyat bagi kawasan yang mereka wakili boleh ditolak tanpa dirujuk semula kepada wakil rakyat berkenaan?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Bismillah Hirrahmanirrahim, Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Ahli Kawasan Permatang Pasir. Kriteria yang digunakan untuk penubuhan JKKK Negeri ini adalah berdasarkan kepada Manual Penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Segala perancangan, pelaksanaan dan perubahan yang berkaitan dengan penubuhan JKKK Negeri yang baru ini adalah tertakluk kepada keputusan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Cara yang diguna pakai ialah dengan cara di mana kita mengambil cadangan daripada kawasan itu, daripada Kawasan Undangan Negeri itu dan juga daripada masyarakat di situ. Selepas mendapat pandangan daripada kawasan tersebut maka Kerajaan Negeri akan mengguna pakai

manual penubuhan ini untuk kita memastikan pengerusi dan juga Jawatankuasa JKKK kawasan tersebut dan pendekatan Kerajaan Negeri yang baru adalah untuk, sungguhpun di dalam peraturannya perlantikan untuk jangka masa dua tahun, tetapi Kerajaan Negeri yang baru telah membuat perlantikan di dalam bulan Julai pada kali ini, adalah untuk 31 Disember 2008 sahaja dan selepas itu kita akan meneliti kembali

mendapat pandangan kembali prestasi perlantikan Pengerusi Jawatankuasa JKKK ini dan seterusnya kita akan membuat perlantikan seperti mana yang termatub di dalam peraturan iaitu untuk jangka masa dua tahun iaitu sehingga 2010 insya-Allah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):

Pelan tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan pelan tambahan, Ahli Kawasan Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):

Y.B. Tuan Speaker dan Y.B. Batu Maung, terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan, cuma saya ingin bertanya, tadi Y.B. telah berkata bahawa JKKK sekarang ini dalam pelantikan akan habis tempoh dalam bulan Disember ini. Jadi apabila habis tempoh itu JKKK yang berkenaan, apakah maksudnya daripada pengerusi sehingga JKKK yang ada, apakah dia akan hanya menghadapi *inducement* ...(dengan izin) ataupun dia boleh dilantik semula semuanya dan apabila JKKK ini kita lantik, siapakah yang mencadangkannya. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kawasan yang mencadangkan atau pun Dewan Undangan Negeri ertinya Wakil Rakyat di kawasan itu mencadangkannya. Jadi apabila kita mencadangkannya apakah dia akan di *endos* ataupun di teliti melalui satu Jawatankuasa dan apakah Jawatankuasa ini boleh menolak begitu sahaja. Cadangan yang kita buat tanpa dirujuk balik kepada kita sebab berlaku satu dua perkara dan satu dua tempat yang mana pada hari itu di mana JKKK yang kita cadangkan itu di tolak begitu sahaja tanpa dirujuk kepada kita, tetapi oleh kerana hendak habis tempoh orang itu tidak mengapalah kita boleh meneliti semula. Sekian.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):

Y.B. Speaker dan Y.B. Permatang Pasir, pendekatan Kerajaan Negeri adalah satu untuk mendapat *feedback* ...(dengan izin), untuk mendapat maklum balas daripada ADUN dan juga daripada kawasan, tidak semestinya hanya daripada Ahli Dewan Undangan Negeri, tetapi adalah daripada pemimpin-pemimpin masyarakat kawasan-kawasan tersebut. Setelah mendapat *feedback* ataupun maklum balas maka pihak

Kerajaan Negeri menerusi satu jawatankuasa akan meneliti maklum balas ini dan seterusnya membuat pelantikan, mengumumkan pelantikan untuk dua tahun iaitu 2009 hingga 2010.

Tentang adakah Kerajaan Negeri akan rujuk semula kepada pencadang-pencadang ini, maka jika perlu kita akan rujuk semula, seperti seumpamanya kalau kita dapat sungguh pun orang yang dilantik itu telah dipersetujui dan tidak ada masalah, tetapi kalau kita mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Permatang Pasir, iaitu Pengerusi JKKK tersebut ada masalah dengan masyarakat ataupun ada masalah dalam segi rekod polis dan sebagainya, maka kita akan mengambil kira dan memanggil ataupun memaklumkan semula kepada Yang Berhormat untuk memberikan penjelasan seterusnya, tetapi kalau benda itu ialah *straight forward*, maka kita dapat menerima ataupun menolak cadangan itu, tetapi apa pendekatan kita adalah bermusyawarah untuk mendapat pendekatan, untuk penyelesaian. Dalam pelantikan JKKK ini Y.B. Tuan Speaker, kita mesti melihat kawasan itu pertama, kita mesti lihat kawasan parlimen itu yang kedua, kita melihat daerah itu yang ke tiga. Bukan sahaja setakat kawasan parlimen dan juga daerah itu untuk menyeimbangkan keadaan supaya rakyat di kawasan tersebut dapat di wakili dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung itu dapat berfungsi dengan secara efektif. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Soalan tambahan.

Y.B. Tuan Speaker:

Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya khusyuk mendengar jawapan daripada Ahli Yang Berhormat Batu Maung, tetapi saya tidak nampak apa-apa pun. Dia kata pilih orang dalam kawasan, tetapi pada hakikatnya pemilihan JKKK yang dibuat daripada bulan Julai dahulu sampai sekarang saya tengok, orang di luar kawasan dia bukan kawasan itu. Orang di situ tidak diberi tempat sebagai

JKKK, orang lain di kawasan lain yang dijadikan Ahli JKKK. Orang kawasan lain dia ambil menjadi pengerusi bagi kawasan JKKK, itu satu. Kedua, prestasi. Saya hendak tanya daripada bulan Julai sehingga sekarang macam manakah prestasi yang telah dilakukan oleh JKKK baru ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Y.B Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Y.B. Sungai Dua, terima kasih banyak kerana mendengar jawapan saya dengan khusyuk dan tawaduk. Tentang pemilihan pengerusi dan jawatankuasa JKKK, kalau didapati ada orang yang bukan daripada kawasan itu menjadi pengerusi, kita akan meneliti semula kerana pendekatan JKKK ini adalah mustahak di mana ia mestilah daripada akar umbi kerana siang malam dia kena dihubungi. Siang dan malam dia kena dihubungi tidak kira waktu untuk mendapat bantuan dan sebagainya. Oleh yang sedemikian, jika terdapat mana-mana pengerusi JKKK yang tinggal jauh daripada kawasan itu kalau sebelah itu tidak mengapa, kalau jauh daripada kawasan itu, ini juga akan menjadi kriteria untuk kita membuat perubahan.

Kedua ialah prestasi. Prestasi itulah sebabnya Kerajaan Negeri yang baru mempunyai konsep CAT di mana kita mahu ketelusan. Kita mahu prestasinya baik sebelum kita melantik dua tahun sebab itu kita keluar daripada *practice...* (dengan izin). Keluar daripada *practice* di mana kita buat profesional *select...* (dengan izin) untuk kita uji dulu, tengok bagus tidak bagus. Kalau tidak bagus kita akan tukar kerana tidak mahu JKKK ini menjadi *rubber stamp* saja, *sign* saja *stamp* saja kita tidak mahu. Kita mahu pengerusi dan jawatankuasa yang efektif kepada rakyat membantu rakyat dan membantu kerajaan untuk menyalurkan pandangan dan juga program-program kepada akar umbi. Ini adalah jentera yang terkecil yang paling mustahak di semua peringkat dan Kerajaan Negeri juga sedang memikirkan cadangan untuk kita tambah lagi kawasan JKKK yang kita perlu. Ada kawasan yang besar, satu JKKK tidak cukup, ada kawasan yang kecil tetapi kepadatan penduduknya besar. Ini juga kriteria-kriteria yang kita sedang fikirkan tetapi yang satu lagi tentang prestasi kita mahu semua ADUN bagi *feedback* kepada kita. Kita tidak mahu ada perkauman. Kita hendak cuba supaya pengerusi JKKK, bangsa Cina dapat menjadi ketua kepada pengerusi kepada kawasan yang bercampur. Begitu juga pengerusi JKKK Melayu dapat ada di kawasan campuran di mana dapat memberikan satu contoh yang baik Kerajaan Pakatan Rakyat yang baru. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker, ...(dengan izin).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker saya juga khusyuk dengan apa yang dikatakan oleh Y.B. Sungai Dua tetapi hakikatnya kita dapati setelah Pulau Pinang ini diperintah oleh Barisan Nasional selama 50 tahun JKKK yang dilantik oleh mereka dahulu, semuanya... (dengan izin) mempunyai banyak skandal, ada yang tidak dapat menyediakan akaun-akaun yang sempurna.

Y.B. Tuan Speaker:

Ya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Peraturan, peraturan. Saya ingat kalau hendak tuduh JKKK.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Bhoon Poh):

Peraturan berapa?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

46 (13). Kalau kita hendak membuat tuduhan tanpa asas kata JKKK skandal saya ingat jangan. Kita biar ada bukti, kita ini tuduh pegawai kerajaan koyak, JKKK skandal macam-macam saya ingat lebih baik jangan buat tuduhan. Kita cakap betul-betul. Hendak bercakap, cakap hendak *debate*, kita *debate*.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Pengerusi(dengan izin), kita ada kejadian-kejadian...(dengan izin), Y.B. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Kita menggunakan peraturan. Y.B. Tuan Speaker, buat keputusan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker, ini adalah, saya tidak.

Y.B. Tuan Speaker:

Seri Delima duduk dulu. Kita telah bangkitkan dua tiga kali tadi tentang peraturan telah dibangkitkan. Ada Ahli Yang Berhormat dapat menerima dan menjawab. Jadi kita meminta Ahli-ahli Yang Berhormat ingin membuat sebarang pernyataan tertentu ada bukti dan tidak membuat tuduhan yang *general* dan boleh kerana ini akan di *session* dia ini ialah peraturan. Jadi, saya minta Seri Delima apakah soalannya dan apakah penjelasan yang hendak minta? Teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Penjelasan adalah tuan pengerusi, kita juga mendapati bahawa kalau boleh saya menyambung JKKK yang tidak ingin menyerahkan kunci-kunci dewan JKKK walaupun telah diberi beberapa notis pemberitahuan oleh Pejabat Daerah Timur Laut. Kita mendapati juga dewan JKKK tersebut tidak dibenarkan digunakan oleh JKKK baru yang ditubuhkan dan semua ini adalah perlakuan oleh JKKK yang dilantik oleh kerajaan yang dahulu. Jadi, apakah yang dilaung-laungkan oleh Y.B. Sungai Dua pada hakikatnya semua perlakuan ini dilakukan oleh JKKK yang lama. Apa yang boleh saya katakan sekarang ialah JKKK yang baru dilantik memang telah memainkan peranan mereka walaupun tidak dibenarkan untuk menggunakan dewan dan sebagainya. Jadi saya rasa tidak boleh kita tuduh mengatakan bahawa orang itu bukan daripada kawasan tersebut kawasan yang lain yang pokoknya ialah beliau mempunyai mandat kepercayaan orang di kawasan tersebut.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalannya saya Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Soalan saya sekarang ialah apakah yang boleh dilakukan oleh kerajaan baru untuk memaksa pengerusi-pengerusi JKKK yang lama untuk menyerahkan kunci dan adakah boleh tindakan diambil terhadap mereka, kalau mereka masih berdegil dan enggan menyerahkan kunci dewan-dewan tersebut.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Terima kasih Y.B. Seri Delima, ia satu soalan yang baik oleh sebab ini berlaku Kerajaan Negeri tidak kata semua JKKK yang lepas tidak bertanggungjawab tetapi ada JKKK yang mempunyai tabung yang banyak ada juga yang saya dengar ada sampai RM300,000.00 tetapi apa terjadi serupa juga macam persatuan-persatuan NGO, isteri-isteri Y.B. Bunga Tanjung serupa juga di mana wang ini dikeluarkan begitu saja selepas 8 Mac 2008. Pihak Kerajaan Negeri dan pejabat-pejabat daerah mempunyai masalah untuk mendapat kesinambungan iaitu *continuity* ... (dengan izin) daripada JKKK lama dan JKKK baru dari segi akaun. Bukan semua ada segelintir kecil saja tapi yang kecil ini sampai RM300,000.00 ada.

Kedua, tentang dewan-dewan. Kita mesti faham, saya faham ini adalah kerana *human factor*(dengan izin) sebab itu pihak Kerajaan Negeri dan juga pejabat-pejabat daerah tidak begitu kasar dengan pengerusi-pengerusi JKKK yang lepas. Kita dengan tertib, dengan baik meminta supaya dipulangkan. Ada dewan-dewan JKKK yang kabel elektrik dipotongkan. Kalau boleh saya hendak katakan hati begitu kasar sekali.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri 1:

Nanti, bagi saya habiskan dulu.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Sikit saja. Saya hendak jelas pasal isu elektrik dipotong itu. Sebenarnya kita kena balik kepada asal, dia yang daftar elektrik di situ itu.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Tidak, tidak. Maksud Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Apabila alih orang lain, orang lain daftar pula dengan nama dia.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya ini bukan begitu bodoh, Yang Berhormat. Bukan maksud saya potong elektrik, potong kabel elektrik.....(gangguan). Lepas-lepas 8 hari bulan, lepas-lepas kalahnya Barisan Nasional, mereka masuk ada segelintir bukan semua sampai masuk sudahlah mereka bawa keluar lampu, potong wayar sampai begitu punya hati begitu punya elok sekali. Pintu-pintu dikeluarkan, meja kerusi dikeluarkan, dimasukkan di dalam rumah dan sebagainya tetapi lapan bulan ini kita tidak dengar di dalam surat khabar. Kita faham yang mereka ini adalah pemimpin-pemimpin rakyat yang kecil, mereka ini tidak bersalah. Mereka mempunyai satu masalah ialah *human factor* di mana kuasa telah tidak ada lagi di tangan mereka.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dengan Pejabat-pejabat Daerah sedang berusaha untuk memperbaiki keadaan, untuk mendapatkan kunci-kunci tetapi kita telah memberi satu arahan kepada Pejabat Daerah iaitu selepas 1 Oktober 2008 jika kunci-kunci ini tidak dipulangkan maka pejabat daerah mesti mengambil dewan-dewan JKKK ini secara apa cara iaitu menukar kuncinya dan sebagainya dan jika perlu dan jika itulah peraturan yang ada, mereka boleh membuat laporan polis kalau didapati dewan itu telah rosak dan sebagainya. Dan juga pengerusi JKKK baru boleh membuat laporan polis jika mereka dapati ada salah guna oleh JKKK lama atau barang-barang yang ada di dalam dewan itu hilang dan sebagainya. Saya berharap supaya perkara ini kita mendapat selesaikan tidak kurang daripada 2008 ini kita hendak selesaikan semua supaya dewan-dewan dan harta benda dipulangkan.

Satu lagi yang saya ingin bangkitkan ada dewan selepas tarikh penamatannya terus tukar nama daripada dewan JKKK kepada kelab sukan. Ada dewan yang JKKK bagi sewa kepada sesetengah syarikat dan sebagainya. Ada *agreement* iaitu *agreement* penyewaan JKKK yang bagi sewa selepas pada itu buka Kelab Sukan tetapi tidak mengapa kerana Kerajaan bukan kita ada peraturan dan juga kita ada senarai.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Y.B. Tuan Speaker saya minta penjelasan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya minta penjelasan.

Y.B. Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Sekejap bagi saya habiskan nanti saya lupa. Kita ada senarai kita ada senarai dewan, kita ada peraturan maka insya-Allah kita akan usahakan jika itu bangunan kerajaan kita akan mengambil alih dengan secepat mungkin. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya ada dua perkara yang saya hendak minta penjelasan. Adakah dalam proses pengambilan dewan-dewan ini yang dibuat yang diminta supaya pengerusi JKKK lama serahkan termasuk barangan itu disertakan dengan penyerahan secara berhemah. Maknanya menggunakan borang inventori dan sebagainya. Selama ini yang sedang tetapi saya tidak pasti saya dengar datang saja pengerusi JKKK terus berjumpa minta kunci.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Tidak ada "N".

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Tidak ada "N", okey. Tadi ada tidak mengapa, pihak Kerajaan Negeri kata tidak ada "N" kita terima sebab jawatankuasa itu Kerajaan Negeri. Okey. Tapi yang saya pasti yang datang minta dewan itu, datang minta kunci saja. Ada apa barang dalam itu dan apa keadaan dewan itu tidak diinventorikan pun dan tidak ada borang format pun. Jadi, tidak salah kalau pengerusi yang lama tidak memberikan kerana dia juga bimbang takut barang-barang yang ada dalam itu dikeluarkan oleh pihak ketiga

tanpa pengetahuan pihak yang sedia memegang. Jadi, saya rasa adalah tidak wajar kalau kita meletakkan satu rasa tidak bertanggungjawab kepada pengerusi yang sedia memegang tidak mahu serah, tidak mahu itu dia pun bimbang. Kalau saya jaga dewan, orang datang-datang minta kunci kawan yang datang minta kunci pun tidak tunjuk pun surat kata yang dia dilantik jadi pengerusi JKKK. Dia tidak bawa pun surat, dia datang kata, saya pengerusi JKKK. Apa dia punya *authority?*, tidak ada. Itu satu.

Kedua, dia dapat surat daripada *state* tetapi dia tidak bawa semasa jumpa pengerusi JKKK dia tidak bawa. Yang kedua, tidak ada pun pengerusi buat serahan kalau kita hendak serah tugas ada inventori ada itu ada ini. semua BARANG sepatutnya ada buat daftar inventori, apa benda itu CAT. Ini CAT menyanyi saja CAT daripada dulu sampai sekarang bila sampai proses sekarang ini pun kita hendak *prove* secara pentadbiran.....(gangguan) Nanti tidak habis lagi, Nanti. Jadi maknanya kalau Kerajaan Negeri hendak melaksanakan CAT, laksanakan betul-betul.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Permatang Berangan, cuba ringkaskan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Okey itu yang pertama. Kedua, tadi Y.B. Ahli Kawasan Batu Maung ada sebutkan duit tidak serah. Duit hendak serah macam mana?. JKKK yang ada ini masih hidup tidak batal pun. Dia di bawah SDO, di bawah Pejabat Pembangunan Negeri. Akaun dibuka dulu dia dilantik oleh Pejabat Pembangunan Negeri. Pejabat Pembangunan Negeri di bawah SDO di bawah Persekutuan sekarang dan akaun dia masih hidup, macam mana dia nak buat serahan kepada JKKK baru yang dilantik. Apa *prosiding* dia. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Terima kasih Ahli Kawasan Permatang Berangan. Saya rasa Y.B. Permatang Berangan tidak mendapat fakta yang betul. Kerajaan Pakatan Rakyat bukanlah Kerajaan *cowboy*....(dengan izin). Kita tidak mengarahkan pengerusi JKKK baru pergi mengambil dewan. Tidak, tidak sama sekali. Prosedur kita ialah Pejabat Daerah sebab itu selama ini kalau kita hendak pergi ambil sendiri saya rasa selesai.....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Okey, tidak mengapa, tetapi cuba *check on the ground*. Minta maaf Y.B. Tuan Speaker, saya cuma hendak jelaskan. Cuba *check on the ground* apa yang berlaku. Y.B. Batu Maung betul keluarkan arahan daripada Menara UMNO pula. Tersilap, dulu dia UMNO. Keluar daripada Menara KOMTAR tapi saya mintalah Kerajaan Negeri buat satu siasatan tengok macam mana proses yang berlaku di *ground*. Siapa yang pergi minta kunci dewan itu. Adakah penghulu atau wakil Pejabat Daerah ataupun ada di kalangan orang-orang yang dilantik menjadi JKKK tadi?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker, minta penjelasan.... (dengan izin). Saya rasa Ahli Permatang Berangan ini kalau izin saya gunakan nak main-main membangkitkan soalan kerana kalau kita. Siapakah yang mempunyai tanggungjawab? Pihak yang menyerahkan dewan tersebut yang patutnya mengeluarkan inventori kalau dia hendak menyerahkan dia haruslah memastikan penyerahan itu adalah penyerahan sempurna. Dia(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Y.B. Tuan Speaker boleh saya jawab. Terima kasih Y.B. Permatang Berangan, saya tak sempat duduk di Menara UMNO sebab masa itu Menara UMNO pun tidak ada. Y.B. Permatang Berangan saya rasa yang arahan kita dan saya telah tahu, ada satu dua yang telah berlaku demikian. Satu dua sahaja kerana ghairahnya mereka untuk berkhidmat kepada rakyat. Sebab itu mereka begitu ghairah tetapi kita dah bagi tahu bahawa setiap urusan JKKK mestilah melalui Pejabat Daerah sebab itu Y.B. Seri Delima telah mengatakan tadi sehingga sekarang masih ada lagi yang tak terima, kalau kita nak buat *cowboy*, dah dapat semua dah. Sebab itu kita secara tertib kita buat. Tetapi dari segi pelantikan JKKK yang lalu, saya rasa pelantikan JKKK adalah melalui Pejabat Daerah, bukan SDO. Akaun adalah akaun JKKK pelantikan adalah Pejabat Daerah sebab itu setiap peralihan kerana Kerajaan Negeri tidak mengiktirafkan JKKP. Dulu tidak ada JKKP, hanya ada JKKK sahaja.

Nombor dua, dulu Pejabat DO telah menamatkan dengan hemah satu. Nombor dua, kita juga bagi surat untuk depa pulangkan harta benda dan wang ringgit kepada Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah adalah jabatan perantaraan yang akan menerima harta benda dengan inventori dan menyerahkan harta benda dan inventornya dan menyerahkan dewan dan inventornya kepada JKKK yang baru. Dan kita juga tidak mahu dipersalahkan jikalau ada benda-benda yang hilang. Sebab itu kita mahu jabatan kerajaan iaitu Pejabat Daerah menjadi orang perantaraan menerima dan menyerahkan dan tentang wang ringgit itu, itu adalah fakta yang silap.

JKKK itu adalah tetap JKKK bila ditamatkan perkhidmatannya pada bulan April, maka JKKK baru adalah JKKK. Dulu tidak ada JKPP, SDO hanya sekarang sahaja berperanan yang kami hanya dengar-dengar sekarang ini tetapi Kerajaan Negeri tidak mengiktiraf JKPP.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Penjelasan, Y.B. Tuan Speaker, saya tidak setuju dengan apa yang dikatakan oleh Y.B. Batu Maung kerana dewan JKKK dalam Daerah Barat Daya kebanyakan telah serah. Yang tidak serah dewan tertakluk kepada tanah, dalam *National Land Code* mengatakan bangunan sebahagian daripada tanah, tak kira bangunan siapa pun, kalau tanah itu kepunyaan persendirian, tanah itu kepunyaan KPPTG, maka bangunan itu secara tak langsung kepunyaan JKKK yang lama. Tertakluk kepada *Land Code* yang itu yang pertama. Sebab itu ini jadi begini. Kalau ada paksaan daripada Kerajaan Negeri kepada tanah persendirian memang tertakluk kepada undang-undang yang tersebut.

Yang kedua, kewangan ini JKKK dulu pun bukan Kerajaan Negeri bukanlah memberi geran RM20,000.00 tiap-tiap tahun atau RM10,000.00. Semua cari sendiri sampai botak kepala cari duit. Lepas tu orang yang dilantik baru ini pula muka tak pernah nampak, gotong-royong tak pernah nampak langsung, buat kerja pasang khemah, gotong royong cari duit buat *function*, program tak pernah nampak. Tau-tau mai nak tunjuk mengeras, tak bolehlah begitu. Usaha sendiri sama Ahli Batu Maung, barulah tunjuk kita Kerajaan yang efisien, rajin. Duit orang kita mahu, kerja tak mahu. Tanah pengerusi JKKK yang baru ada, tanah dia tak mahu bagi buat dewan. Nak ambil tanah orang nak buat dewan. Kalau nak adil, adil secara betul-betul, tak bolehlah pukul sama rata bagi gambaran seolah-olah kita semua yang jahat, tak betul. Kenalah buat sama adil.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Terima kasih sahabat saya.....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker minta laluan. Ini sedikit penjelasan yang hendak diberikan kerana Y.B. Batu Maung mengatakan JKKK adalah di bawah pentadbiran Pejabat Daerah dulu ni. Pejabat Daerah hanyalah melaksanakan tetapi yang berperanan penting, yang menentukan

pelantikan JKKK adalah SDO. Pejabat SDO kerana peruntukan itu datang dari Pejabat SDO, elau JKKK sama ada Pengerusi ataupun Ahli-ahli Jawatankuasanya bukan daripada Pejabat Daerah dan peruntukan SDO itu datang daripada *federal*, jadi bila mengatakan bahawa Pejabat Daerah yang mentadbirkan JKKK hanyalah membantu tetapi tuan, taukenya ialah Pejabat SDO.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Terima kasih, terima kasih. Mula saya nak jawab soalan sahabat lama saya Y.B. Bayan Lepas, tentang tanah kategori dewan. Sungguh pun kami ini orang baru tapi bukan kami buat kerja buta tuli. Yang mustahak ialah apabila kita lihat dewan-dewan ini. Kita meneliti dengan bijaksana pegawai-pegawai kerajaan yang ada, mereka beri gambaran yang jelas, iaitu ada dewan yang tanahnya persendirian dan usaha kita ialah untuk mendapatkan kebenaran daripada orang persendirian untuk menggunakan. Kita faham ada yang tanah PERDA, Y.B. Kawasan Penaga, ada yang tanah pusat dan sebagainya. Dan ini kita sedang mengendalikan. Apa yang dibangkitkan oleh Seri Delima adalah yang *clear, very clear case*, Dewan JKKK.

Yang kedua, tentang wang ringgit. Kita mesti faham tentang wang ringgit, akaun dan sebagainya ini adalah usaha JKKK tersebut mengendalikan projek-projek dan sebagainya untuk JKKK dan JKKK adalah sepertinya kita kalau ketua cawangan UMNO. Tak kan kalau habis kita kalah, habis maaf saya nak bagi *example*, contoh kita kalah-kalah yang keluarkan duit kita orang lain masuk kosong tak bolehlah. Yang ketiga ... (gangguan)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Ini cerita tak habis, kita keluarkan duit bukan masuk poket sendiri, kita boleh masuk qariah masjid. Ini juga khidmat juga kepada masyarakat. Pokok pangkal duit itu cari sendiri, usaha sendirilah. Takkan duit orang, *you* apa ini?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Maksud saya wang ringgit ini adalah wang ringgit daripada usaha rakyat. Kalau JKKK tersebut hendak memindahkan wang tersebut kepada qariah masjid, silakan. Alhamdulillah kerana duit itu akan pergi balik kepada rakyat. Itu yang kita mahu. Kita tidak mahu pengerusi dan

ahli jawatankuasanya ambil keluar terus tetapi ini adalah segelintir yang kecil. Kita tidak boleh mempersalahkan mereka yang banyak-banyak di bawah ini. Yang salah ketua-ketua di atas. Pengerusi-pengerusi ini alhamdulillah. Ada sebilangan kecil saja. Yang kedua tentang pengerusi-pengerusi baru dan ahli jawatankuasa baru yang tak nampak. Jangan salah mereka. Mereka semuanya dulunya terpencil, dipencilkan dan disingkirkan. Pasal itu ...(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Y.B. Tuan Speaker, ini tidak betul. Bukan disingkirkan. Kita *be fair*, jemput semua tapi tak datang. Memang tak datang. Saya cerita Y.B. Tuan Speaker satu kes di mana ..(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Sila duduk dulu, sila duduk dulu. Y.B. Bayan Lepas saya nampak banyak Ahli-ahli Yang Berhormat bila beri laluan, Yang Berhormat yang beri laluan duduk. Yang bercakap bangun tapi kadang-kadang dua-dua bangun. Kita patah balik, jangan lupa itu supaya dewan lebih lancar, saya bukan tak bagi Ahli Bayan Lepas teruskan bercakap cuma kalau diberi laluan oleh Batu Maung, Batu Maung duduk, Yang Berhormat Bayan Lepas bercakap. Untuk ringkas saya nak teruskan dengan...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Sikit lagi. Saya dah dapat *microphone* susah nak berhenti. Saya setuju ada kita kena tengok memang ada yang dijemput tak mai. Saya berharap sebelas kawasan pembangkang ini akan tidak melakukan apa yang berlaku dulu iaitu kita kalau jemput semua mesti mai untuk kita

menghidupkan keadaan masyarakat yang mana di bawah ini tidak ada kepartian politik. *Intention* dia masyarakat...(gangguan). Saya nak selesaikan, Y.B. Speaker kata *last* dan saya juga faham tentang SDO. Saya pun faham. Saya bukan baru di Pulau Pinang. Pelantikan dan urusan JKKK adalah Pejabat Daerah. SDO membantu dari segi bajet, membantu dari segi *fund* dan sebagainya dan juga dari segi projek. Tetapi urusan JKKK, Pejabat Pembangunan Negeri untuk menyalurkan peruntukan. Sekian, terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Lepas ini kita boleh berdialog di luar. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat boleh berdialog di luar. Banyak lagi soalan. Dan saya harap penjelasan ringkas. Jadi Y.B. Kebun Bunga silakan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Y.B Tuan Speaker, soalan saya nombor 7.

7. Adakah kerajaan negeri akan mengkaji semula kelulusan yang telah diberikan oleh kerajaan terdahulu kepada syarikat yang mendirikan Antena Pancaran Telekomunikasi sekiranya ia didapati menjejaskan kesihatan?
 - (a) Sekiranya ya, apakah tindakan yang akan diambil?
 - (b) Sama ada penyelidikan menyeluruh telah dibuat untuk memastikan antena tersebut adalah selamat 100%.
 - (c) Jika tidak, apakah kaedah yang digunakan untuk menjamin kesihatan rakyat tidak terjejas?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Kebun Bunga. Bagi menjawab soalan nombor 7, Kerajaan Negeri prihatin terhadap kesihatan dan kesejahteraan rakyatnya. Kerajaan Negeri bersedia memberi jaminan bahawa dalam usaha untuk membangunkan negeri ini, mutu kesihatan dan kesejahteraan rakyat tidak akan dikompromikan. Sekiranya dibuktikan secara konklusi bahawa antena pancaran telekomunikasi menjejaskan kesihatan rakyat, Kerajaan Negeri tidak akan teragak-agak untuk mengkaji semula kelulusan yang telah diberikan sebelum ini. Antara tindakan yang akan diambil termasuklah mengarahkan syarikat telekomunikasi memindahkan

pemancar telekomunikasi ke tempat yang lebih selamat dan tidak akan menjejaskan kesihatan penduduk.

Setakat ini Pihak Berkuasa Negeri tidak membuat apa-apa kajian terhadap kelulusan yang telah diberi oleh Kerajaan yang lepas kepada syarikat yang mendirikan antena pancaran telekomunikasi di seluruh negeri memandangkan kelulusan diberi adalah mematuhi garis panduan yang sedia ada. Dalam Kertas *Guidance To Safety And Health Aspects Of Base Stations And Mobile Phones* yang dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan ke-60 pada 3 Jun 2008, Kementerian Kesihatan telah mengumumkan bahawa sehingga kini tidak ada bukti

konklusi yang dapat mengaitkan dedahan terhadap *Electromagnetic Field (EMF)* yang berpunca daripada telefon bimbit dan menara pemancar memberikan sebarang kesan terhadap kesihatan. Penyelidikan mengenai kesan pemancar telekomunikasi masih diteruskan oleh agensi berkaitan dan setakat ini Kerajaan Negeri tidak boleh memastikan bahawa antena pemancar adalah selamat 100%. Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dengan kerjasama syarikat-syarikat telekomunikasi sedang menjalankan kajian dan penyelidikan mengenai aspek kesihatan termasuk kajian dari segi keselamatan struktur dan pancaran dari alat komunikasi. Program kesedaran diadakan secara berterusan mengenai kesan pancaran alat telekomunikasi. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Penjelasan Y.B. Tuan Speaker. Pada masa sekarang ini terdapatnya laporan-laporan daripada pakar di luar negara yang dapat mengesahkan bahawa memang wujudnya kesan-kesan yang negatif terhadap kesihatan. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa memang benar bahawa terdapat pengesahan daripada laporan-laporan tersebut yang seratus peratus menunjukkan bahawa memang ada kesan yang negatif terhadap kesihatan? Itu soalan saya. Terima kasih Y.B. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat Kebun Bunga yang prihatin terhadap impak alat-alat komunikasi terhadap manusia. Saya rasa *lead* agensi dalam isu-isu ini adalah Kementerian Kesihatan dan juga Suruhanjaya yang saya sebutkan tadi di mana sejak tahun 1996 pun Kementerian Kesihatan sudah melantik satu Jawatankuasa Saintifik pelbagai agensi meneliti dan mengkaji impak *electro magnetic fields* terhadap manusia dan seperti saya jawab tadi, sehingga tahun ini pun mereka sudah mengeluarkan kajian ini yang menyatakan tidak ada bukti saintifik yang mengatakan bahawa ianya akan membawa kesan-kesan kepada manusia.

Sekiranya Yang Berhormat boleh memperolehi laporan-laporan yang boleh membuktikan sebaliknya, sepatutnya laporan-laporan ini diserahkan kepada Kementerian Kesihatan dan juga MC-MC mahu pun kepada Kerajaan Negeri supaya sama-sama dapat meyakinkan diri bahawa jika benar-benar ia dibuktikan membawa kesan-kesan terhadap kesihatan seperti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri berhubung dengan projek Wimax dan WiFi ini. Kerajaan Negeri tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang menjaga kepentingan rakyat berbanding dengan kepentingan komersial mana-mana syarikat, sebab kita pun ingin meyakinkan bahawa di samping memajukan bidang telekomunikasi ini untuk kepentingan rakyat juga terjamin. Sekian.

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Hj. Yahaya):

Terima kasih Yang Berhormat Padang Kota. Memang saya setuju apa Yang Berhormat kata tadi bahawa kesan kepada kesihatan tidak berapa jelas, mungkin tidak ada kesan. Tetapi apa yang sebenarnya daripada *handphone* itu sendiri, set itu sendiri bawa lebih banyak kesan kepada kesihatan. Saya hendak tanya soalan mungkin terkeluar sedikit daripada soalan asal tetapi saya berharap Yang Berhormat akan jawab kalau tidak pun membuat kajian kemudian iaitu sedarkah Yang Berhormat bahawa di Pulau Pinang ini sebuah negeri industri dan pelancongan terdapat banyak kawasan *brown areas* yang *reception* nya kurang baik terutama sekali 012. Saya pakai 012, saya harap pihak kerajaan mengkaji perkara ini dan dapat diperbetulkan keadaan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker dan terima kasih kepada Y.B. Telok Bahang. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah satu isu yang *pertinent* bagaimana kita capai satu keseimbangan dari satu pihak permintaan pengguna untuk mendapat perkhidmatan yang terbaik sekali, *brown area-brown area* dapat dikurangkan dengan pemasangan lebih banyak struktur telekomunikasi dan di pihak lain prihatin penduduk-penduduk khususnya yang duduk sekitar menara ataupun alat-alat pemancar ini, kekhuatiran terhadap kesan-kesan alat-alat ini terhadap kesihatan mereka. Jadi ini satu isu yang menjadi pertimbangan MC-MC bagi satu pihak memberikan lesen atau perluaskan khidmat syarikat-syarikat telekomunikasi yang sedia ada dengan mengeluarkan garis panduan terhadap di mana boleh letak *tower-tower* sedemikian di samping membuat kajian-kajian untuk meyakinkan kita sungguh pun dengan perluasan perkhidmatan telekomunikasi, telefon bimbit mahupun WiFi dan

Wimax pembangunan ini tidak akan terjejas kesihatan penduduk-penduduk. Ini adalah satu isu untuk mencari keseimbangan tetapi kita mengambil pendirian selain daripada ada bukti yang dapat mensahihkan bahawa manusia mati akibat duduk dekat. Ini akan memberi satu iktibar kepada bukan sahaja Kerajaan Negeri mahupun semua *stateholder* dalam bidang ini untuk sama-sama merenung bahawa sama ada alat-alat yang canggih, yang moden ini diperlukan atau tidak. Apabila kita sampai ke tahap ini kita perlukan mencari *conscious* kita untuk menjawab soalan ini.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Dato' Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Satu soalan.

Y.B. Tuan Speaker:

Silakan, Ahli Kawasan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Dato' Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Saya hendak tanya satu soalan daripada Ahli Kawasan Padang Kota tentang antena tersebut dari segi kesihatan sudah diperjelaskan cuma saya hendak tanya adakah motor yang selalu diletak di bawah kadang-kadang sekadar jarak berapa? Sebagai garis panduan daripada tempat penduduk, kadang-kadang perkara ini boleh mengganggu ketenteraman di kawasan sekeliling. Satu kawasan yang biasa saya lawati di mana motor itu berbunyi tengah malam di mana orang sebelah tidak boleh tidur. Adakah Kerajaan Negeri boleh mengambil tindakan terhadap kes yang saya sebut ini di mana tanah yang diletak itu bukan kepunyaan Kerajaan Negeri. Dia bukan dari segi kesihatan tetapi dari segi mengganggu ketenteraman awam kerana *placement of antenna* itu terlalu dekat dengan kawasan-kawasan rumah. Jadi ini soalan saya.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Memang dalam proses pemutihan struktur komunikasi yang dijalankan oleh kerajaan yang lepas. Sejak beberapa tahun ini banyak struktur yang diluluskan kerana mematuhi garis panduan yang ditentukan oleh Kementerian dan juga oleh Kerajaan Negeri. Saya rasa sepatutnya *base station* haruslah dalam keadaan di *air-condition* kan untuk menjaga fungsi alat-alat dalam kabin-kabin tertentu sekiranya ia menimbulkan gangguan dari segi bunyi. Saya akan meneliti perkara ini dan dari segi

jarak ini memang cuma kelulusan diberikan sekiranya *base station* ini mematuhi syarat jarak tetapi saya rasa kebelakangan ini penduduk-penduduk mula menimbulkan ataupun mengadakan kempen untuk menarik perhatian kerajaan dan juga PBT terhadap stesen-stesen ini adalah kerana kerajaan lepas telah membuat keputusan untuk mengecualikan pelan merancang kepada setiap *base station* yang dipohon oleh syarikat-syarikat di mana kalau tidak diperlukan pelan merancang ini, ini bermakna tidak ada proses bantahan dan pendengaran awam yang mungkin penduduk-penduduk dirasakan dipinggirkan dari proses buat keputusan terhadap satu struktur yang mereka anggap ada persepsi bahawa mengancam kesihatan mereka. Jadi ini isu persepsi rakyat yang tidak terlibat dalam proses buat keputusan.

Saya rasa kalau melalui sesi kesedaran awam yang dilakukan oleh MC-MC ia sedikit sebanyak akan menyampaikan maklumat yang tepat kepada penduduk-penduduk dan tambahan pula kalau dilibatkan dalam proses pendengaran awam ini di mana saya rasa jawapan-jawapan akan diberikan disampaikan dengan sebaik-baiknya, saya rasa penduduk boleh faham dan satu keseimbangan dapat tercapai di antara kepentingan untuk memajukan bidang telekomunikasi ini dengan impak ataupun persepsi telekomunikasi ini ada membawa impak negatif kepada kesihatan manusia. Sekian, terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan 8. Saya jemput Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, sebelum itu saya mohon ditukarkan perkataan dalam 8 (a) iaitu berbunyi perkataan “penggunaan” ditukar menjadi “penyelenggaraan”, mungkin ada *typing error*. Soalan saya soalan no. 8.

8. (a) Setakat manakah tindakan dan inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan bahawa flat-flat awam memastikan penggunaannya dilakukan dengan sempurna.
- (b) Berapakah jumlah flat-flat awam yang terdapat di Negeri Pulau Pinang dan nyatakan yang telah ada MC dan yang masih belum diwujudkan MC.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, terima kasih Ahli Kawasan Seberang Jaya yang membangkitkan isu tentang penyelenggaraan flat-flat awam dan juga MC. MC ini bukan *medical certificate* tetapi *management corporation*, perbadanan pengurusan.

- (a) Pihak Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menaik taraf semua rumah-rumah pangsa Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah memberikan peruntukan pembangunan setiap tahun untuk penyelenggaraan dan untuk mengecat semula rumah-rumah pangsa Kerajaan Negeri tersebut.

Di samping itu juga, peruntukan penyelenggaraan untuk rumah-rumah pangsa Kerajaan Negeri ini juga adalah sangat bergantung kepada tabung penyelenggaraan terkumpul hasil daripada bayaran penyelenggaraan yang dibayar oleh penghuni-penghuni. Namun, akibat tunggakan penyelenggaraan yang tinggi, Kerajaan Negeri terpaksa menampung kos-kos penyelenggaraan tersebut. Keutamaan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk memperbaiki kerosakan-kerosakan yang mendesak serta yang melibatkan keselamatan awam.

- (b) Jumlah keseluruhan flat-flat awam Kerajaan Negeri adalah sebanyak 34 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 27 buah flat di bawah penyelenggaraan Kerajaan Negeri dan 7 lagi di bawah penswastaaan Kerajaan Negeri, yang dikendalikan oleh pemaju sendiri. Walau bagaimanapun, penubuhan badan pengurusan (MC) bagi 3 projek perumahan iaitu di Padang Tembak Riffle Range, Kampung Melayu dan Gat Lebu Nordin sedang diusahakan, manakala baki projek yang lain, ianya belum ditubuhkan kerana projek-projek ini masih dalam proses pindah milik kepada pembeli-pembeli dan belum mencapai peratusan yang dibolehkan penubuhan MC dibuat. Bilangan flat-flat awam yang telah didaftarkan hak milik strata di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut daerah seperti berikut:

Daerah Timur Laut	-	20 projek
Daerah Barat Daya	-	4 projek
Seberang Perai Utara	-	5 projek
Seberang Perai Tengah	-	3 projek
Seberang Perai Selatan	-	2 projek
Jumlah	=	34 projek

Secara ringkasnya sehingga akhir bulan Oktober belum ada perbadanan pengurusan ditubuhkan untuk bertanggungjawab mengurus dan menyelenggara flat-flat awam di negeri ini. Sekian.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan. Y.B. Tuan Speaker saya dapat lihat bahawa setakat ini keberkesanan MC, *Joint Management Body (JMB)*, COB nampaknya kurang berkesan, jadi saya juga ingin tahu bagaimanakah cara supaya rakyat yang tinggal di dalam flat ini dibela, iaitu kadang-kadang *lift*

seumpamanya di blok E1, E2 di Seberang Jaya masih tidak di selenggara kerana tidak ada dana yang mencukupi. Pihak PDC menyatakan mereka telah menyerahkan kepada badan pengurusan dan badan pengurusan kata dia tidak ada duit dan sebagainya. Dan bagaimanakah pula bangunan yang begitu lama milik swasta tetapi swasta sudah bankrupt, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Kerajaan Negeri supaya semua lapisan rakyat sama ada ia kalau kata flat milik kerajaan telah dijawab, terima kasih. Yang swasta tetapi rakyat masih ada birokrasi jadi bagaimanakah boleh terutamanya Kerajaan Negeri memperuntukkan satu dana khas membantu menaik taraf kembali dan membaik pulih kembali flat-flat keadaan tertentu dan seterusnya bagi kawasan-kawasan yang tidak ada *sinking fund* ini diberikan juga atas satu peruntukan khas yang di boleh, mungkin boleh diadakan oleh Kerajaan Negeri. Mungkin boleh. Bagaimana pandangan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

MC dan JMB, kedua-duanya, khasnya JMB adalah satu akta yang baru diluluskan pada 2007 dan saya memang bersetuju bahawa terdapat lakuna atau kekosongan dari segi undang-undang dan juga proses pentadbiran yang perlu diperbaiki khasnya dari penubuhan JMB. Kerana ini merupakan satu akta Parlimen yang baru dan memang terdapat kelemahan-kelemahan yang sedia ada. Berkenaan penubuhan MC ia adalah satu *on-going process* untuk memperkemaskan institusi-institusi tersebut. Dalam masa kita mengutarakan tentang bagaimana kita memperkemaskan pengurusan, adalah amat penting institusi-institusi ini ditubuhkan kerana dalam mana-mana pengurusan flat awam atau swasta, pihak pengurusan adalah satu isu yang penting. Seperti yang diutarakan oleh Y.B. Seberang Jaya, adalah isu-isu seperti peruntukan kewangan, isu dari segi kekangan undang-undang dan sebagainya adalah, bagi flat-flat lama, adalah isu yang meruncing. Tambahan yang meruncingkan lagi ialah kenaikan tarif elektrik. Kenaikan tarif elektrik telah menyebabkan kebanyakan pengurusan flat terpaksa menanggung bil elektrik yang lebih tinggi, memandangkan (dengan izin), *common property*, lif di koridor yang

mengguna elektrik yang tinggi. Saya juga ingin menyeru kepada Kerajaan Persekutuan supaya memberi arahan dan tekanan kepada TNB kerana TNB telah menaikkan tarif elektrik selepas kenaikan harga petrol tetapi tidak menurunkan tarif tersebut dan ini telah membebankan penghuni-penghuni flat tersebut.

Saya menerima cadangan Y.B. Seberang Jaya dan kita akan lihat bagaimana kita akan membantu flat-flat swasta dari segi peruntukan dan juga dari segi apa-apa bantuan yang kita boleh salurkan kepada mereka.

Y.B. Tuan Speaker:

Kita ke soalan yang seterusnya, Y.B. Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Haji Maktar bin Haji Shapee):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Soalan saya soalan ke 9.

9. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan bercadang untuk memilih kontraktor tempatan daripada memilih kontraktor luar dalam urusan penyelenggaraan di taman perumahan dan di kampung yang mana projek kecil tersebut dapat dipantau oleh pegawai dan JKKK setempat di samping dapat mengurangkan beban mengurus dan penyelenggaraan serta keuntungan dapat dimasukkan dalam tabung JKKK.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker dan terima kasih kepada Y.B. Sungai Bakap. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 telah diluluskan oleh Parlimen pada 30 Ogos 2007 memberikan kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan, Putrajaya dan Labuan. Pihak Berkuasa Tempatan telah diarahkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk tidak melantik kontraktor baru mulai 12 Februari 2007 bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan am bagi tempoh *transitional* iaitu tempoh pengambilalihan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh Kerajaan Persekutuan. Sebelum pengambilalihan, Kerajaan Negeri masih memberi keutamaan kepada kontraktor tempatan sekiranya mengemukakan tawaran yang menepati spesifikasi dan juga memenuhi anggaran pengiraan kos. Bagi kerja-kerja

kecil penyelenggaraan infrastruktur, kaedah-kaedah berikut adalah digunakan:-

- (i) Pelaksanaan pendaftaran terbuka di kalangan kontraktor kelas F dan pelantikan secara undian bagi menjalankan kerja-kerja kecil ini.
- (ii) Pelantikan secara sebut harga bagi kerja-kerja kecil yang khususnya di kalangan kontraktor kelas F di Pulau Pinang mengikut daerah pendaftaran kontraktor. Sekian.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan tambahan? Sila Y.B. Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Y.B. Tuan Speaker, saya hendak tanya EXCO Tempatan, apakah cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya *landfill* yang kita sedia ada supaya kegunaannya dipanjangkan dan cara-cara atau teknologi-teknologi baru akan digunakan supaya sampah-sampah ini dapat dikitar semula? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker dan terima kasih atas soalan tambahan oleh Y.B. Tanjong Bunga. Beliau ingin tahu apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan tapak-tapak pelupusan sampah yang sedia ada, *landfill* yang sedia ada iaitu di Jelutong dan Pulau Burong, bagaimana hayat penggunaannya dapat dipanjangkan. Jawapannya untuk memanjangkan hayat sesebuah *landfill*, langkah yang paling efektif ialah jangan buang sampah di sana atau kurangkan sampah di *landfill*. Ini adalah satu pendekatan yang sudah pun diambil kira oleh Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri di mana khususnya di Negeri Pulau Pinang di mana tanah menjadi satu isu yang amat kritikal. Di manakah kita boleh mencari satu tapak pelupusan sampah yang besar dan jangka hayatnya adalah untuk berpuluh-puluh tahun. Itu sememangnya satu cabaran yang besar di Negeri Pulau Pinang untuk mencari satu tempat yang sesuai, bukan saiz tanah sahaja tetapi lokasi tapak itu adalah amat penting dari segi logistik dan kos pengangkutan sampah. Kita dimaklumkan bahawa Kerajaan Pusat telah meluluskan teknologi baru untuk menguruskan sisa-sisa pepejal di Negeri Pulau Pinang iaitu menggunakan *Technology Material Recovery Facility*. Dengan ringkasnya ianya adalah satu teknologi kitar semula secara besar-besaran di satu pusat atau di sebuah kilang yang melaksanakan tugas-tugas kitar semula sebelum baki atau

inert waste yang tidak dapat di kitar semula dihantar ke *landfill* kita di Pulau Burong. Jika melalui teknologi MRF ini kita dapat mengitar semula 80% daripada sisa-sisa pepejal sama ada *recycleable* mahupun dari segi *composting*, kalau 20% dihantar ke Pulau Burong, bermaksud kita dapat panjangkan hayat sesebuah tapak itu 5 kali ganda. Jika Pulau Burong boleh digunakan untuk 20 tahun dengan cara *conventional* membawa sampah dan buang di sana tetapi selepas MRF, hayat *landfill* itu ditambah 5 kali ganda iaitu 100 tahun. Itu secara contoh bagaimana sesebuah *landfill* dapat dipanjangkan hayat mereka melalui kaedah yang baru iaitu MRF.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan seterusnya, Y.B. Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya ke 10.

10. Semasa berlakunya kebakaran di Mak Mandin pasukan bomba mendapati pili bomba di kawasan itu tidak berfungsi dengan baik. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai mekanisme yang sempurna untuk memastikan semua pili bomba dapat berfungsi apabila berlakunya kebakaran?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Y.B. Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Padang Lalang. Mak Mandin merupakan kawasan perumahan peralihan yang telah wujud sekian lama di mana umum telah sedia maklum bahawa ia merupakan kawasan penempatan yang tidak dirancang. Oleh itu rancangan berkaitan dengan aspek keselamatan kebakaran dari segi pili bomba, *access* jentera bomba ataupun pembinaan *party wall* pada bangunan-bangunan berkenaan tidak diadakan. Bagi mengatasi masalah tersebut, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan perkara-perkara berikut:-

- (i) Melibatkan penduduk setinggan berkenaan untuk menyertai Skim Teman Pili Bomba di mana mereka bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan keadaan pili bomba supaya sentiasa dalam keadaan baik. JBPN Pulau Pinang telah pun membuat pembaikan ke atas pili-pili bomba di kawasan berkenaan dengan menggunakan peruntukan semasa jabatan. Untuk maklumat Yang Berhormat, sejumlah RM1.4 juta telah dibelanjakan pada tahun

2008 bagi memperbaiki kerosakan pili bomba di seluruh Pulau Pinang. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:-

- (i) Daerah Seberang Perai Utara - RM269,700.00
 - (ii) Daerah Seberang Perai Tengah - RM3,355,00.00
 - (iii) Daerah Seberang Perai Selatan - RM169,800.00
 - (iv) Daerah Barat Daya - RM390,600.00
 - (v) Daerah Timur Laut - RM309,210.00
- (ii) Rondaan berkala sentiasa dilakukan oleh Balai Bomba dan Penyelamat bagi mengatasi masalah kes kehilangan dan perbuatan vandalisme terhadap pili-pili bomba di semua kawasan.
- (iii) JBPN Pulau Pinang juga mendapat kerjasama dari pihak polis dan pihak berkuasa air bagi mengatasi kes kecurian dan penyalahgunaan pili bomba seperti Ops Rusuk yang telah dijalankan baru-baru ini. Di samping itu sebagai langkah jangka pendek, pihak JBPN Negeri Pulau Pinang telah menggunakan peralatan alternatif iaitu *Dismantle Hydrant Elbow* atau PASA 06 dan PASA 07 yang dapat digunakan pada pili bomba yang kehilangan *elbow* nya. Peralatan ini telah diletakkan dalam jentera bomba.

Y.B Tuan Speaker, suka saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang prihatin semasa kebakaran Rumah Hijau di Mak Mandin dengan menghulurkan bantuan dari segi kewangan dan barangan. Mangsa-mangsa sekarang ditempatkan di PPR Ampang Jajar tanpa mengenakan bayaran sewa sehingga akhir tahun ini. Mangsa-mangsa merasa syukur atas bantuan dari Kerajaan Negeri dan semua pihak yang prihatin kepada mereka ini. Sekian terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan tambahan. Jika tidak saya hendak teruskan dengan Y.B. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Dengan izin Y.B. Tuan Speaker, soalan saya yang ke 11.

11. Sila nyatakan dengan terperinci langkah-langkah yang akan diambil untuk melaksanakan Fasa 2 Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang/Sungai Jelutong. Mengapakah terdapat kelewatan di dalam pelaksanaannya termasuk usaha merelokasi penduduk di tebing sungai di mana telah menyebabkan banjir yang serius pada 6.9.2008 dan 30.9.2008. Apakah Kerajaan Negeri akan memberikan keutamaan untuk mengatasi masalah tersebut?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Y.B. Datok Keramat. Y.B. Tuan Speaker, mengenai projek tebatan banjir Sungai Pinang fasa ke 2. Ini adalah satu projek pelengkap bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Sungai Pinang

termasuk sebahagian kawasan George Town. Pelaksanaan projek akan meliputi sebahagian Sungai Pinang iaitu dari Jalan Petani ke Kampung Rawa ke jalan Datok Keramat, lebih kurang sepanjang 1.5 km. Cadangan skop kerja Projek Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa II adalah seperti berikut:-

- (i) Melebar dan mendalamkan Sungai Pinang;
- (ii) Meninggikan ban serta membina laluan penyelenggaraan sungai; dan
- (iii) Membina tembok penahan dan pembedung saluran serta struktur saluran keluaran parit monsun.

Pengambilan balik tanah untuk projek Sungai Pinang Fasa II telah pun selesai dengan kos sebanyak RM6.7 juta. Walau bagaimanapun projek tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana perlu menempatkan dahulu setinggan berjumlah hampir 200 keluarga yang telah pun mendiami sepanjang tapak melibatkan projek pembinaan itu agak kelewatan dan ini juga masalah penempatan juga termasuk juga penghuni-penghuni rumah transit di Lorong Kulit. Kerajaan Negeri akan menumpukan usaha bagi menyelesaikan masalah penempatan semula penduduk. Mesyuarat bagi membincangkan isu ini telah pun kita adakan sebanyak 3 kali dan yang terkini adalah pada 21 Oktober dan keputusan muktamad telah pun di buat adalah seperti berikut:-

- (i) Melaksanakan kerja-kerja pengukuran semula bagi memastikan bilangan rumah-rumah sebenar dan terkini yang terlibat dengan pemindahan yang diperlukan siap sebelum akhir tahun ini;

- (ii) Melaksanakan penempatan sementara penduduk yang terlibat dengan menyewa rumah kos rendah di sekitar George Town mulai 2009; dan
- (iii) Membina penempatan kekal dinamai di Jalan Gopeng melalui pajakan kepada SSI yang perlu disiapkan dalam tempuh 3 tahun.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)

Soalan tambahan. Yang Berhormat saya ingin bertanya satu soalan berkaitan dan juga dengan jawapan pada soalan awal tadi iaitu soalan 3, di mana telah dinyatakan bahawa masalah banjir kilat yang berlaku secara kerap kebelakangan ini. Saya dapati jawapan yang diberikan kebanyakan *blame*...(dengan izin). Siapa yang dipersalahkan seolah-olah penduduk kerana tidak ada *civic mindedness* dan sebagainya, saya ingin mendapat penjelasan RTB Sungai Pinang ini Fasa II sudah lama tidak dilaksanakan. Fasa I sudah habis dilaksanakan difahamkan saya pada tahun 2003. Apakah sebab tiada langkah-langkah yang diambil daripada tarikh itu sehingga sekarang Kerajaan Negeri baru mesti buat keputusan sepertimana yang dinyatakan tadi oleh pada mesyuarat 21 Oktober, iaitu langkah-langkah seperti menempatkan semula, mendapatkan tempat lokasi dan penempatan sementara. Mengapa tidak ada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri sebelum ini. Mereka ini terlalu sibuk dengan projek-projek yang lebih besar macam PGCC dan sebagainya. Mereka langsung tidak prihatin kepada keperluan *basic necessity* ini, tak perlu ada projek-projek yang besar. Walhal pada satu ketika hujan yang besar, Jalan P. Ramlee menjadi sungai P. Ramlee. Saya dengan Y.A.B. Ketua Menteri, ada dalam satu bot Jabatan Pertahanan Awam pada 6 September, 12.00 malam, sampai 4 kaki, 5 kaki. Ini satu perkara *basic amenity* yang mesti diatasi dengan secepat mungkin. Kita tidak boleh selalu ada masalah seperti dulu, masalah yang dinyatakan mengapa Fasa II tidak berjalan, lalah *relocacy*, jadi kita hendak tahu mengapa? Apakah tindakan yang telah dibuat? Setelah Fasa I habis, sehingga sekarang, beberapa tahun telah *as pass back*. Mengapa ada *delay*. Itu soalan saya.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Y.B. Datok Keramat, kalau kita hendak *blame*...(dengan izin), bukan sahaja kita hendak *blame* kepada penduduk-penduduk sekitar mahupun rakyat jelata kerana kekurangan kesedaran sivik, tetapi kita juga kena *blame* semua yang terlibatlah. Kalau ini merupakan satu kepentingan kepada rakyat jelata, tetapi saya tidak mengata bahawa kerajaan dulu, walaupun kita sedia maklum, bahawa Projek Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa II telah dibangkitkan. Saya rasa kalau tidak silap pada tahun 1997, maknanya telah 10 tahun yang lepas. Tetapi itu adalah

satu keadaan fakta yang sepanjang 10 tahun ini, kita masih menghadapi masalah-masalah teknikal. Juga makluman kepada Y.B. Datok Keramat, banyak telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan yang lepas termasuk pengambilan tanah telah pun disiapkan pada tahun 1999. Tetapi kita tidak mahu juga buruk sangka terhadap kerajaan yang lepas, di mana masalah-masalah teknikal itu memang kita menghadapi kesusahan untuk menyelesaikan. Dia bukan sahaja kerana pentadbiran kerajaan, tetapi juga kebanyakannya juga termasuk faktor yang akan terlibat bila hendak melancarkan pengambilan tanah penempatan sementara, mahupun menempatkan kekal. Itu adalah faktor yang paling penting di mana-mana projek RTB sahaja akan menghadapi masalah yang sedemikian. Kita boleh meninjau daripada RTB Sungai Muda sampai sekarang kita juga masih menghadapi masalah teknikal, macam mana kita hendak menempatkan semula penduduk di sekitar.

Walaupun pengambilan tanah telah diselesaikan dan pampasan telah diselesaikan di Projek Tebatan Banjir Sungai Pinang, tetapi kita kena mengakui ada masalah teknikal yang kita hendak selesaikan. Tetapi saya ada berjanji kepada Y.B. Datok Keramat selepas kerajaan baru ini saya telah pun bermula semula *mercenary* untuk menyelesaikan masalah penempatan di Sungai Pinang untuk Fasa ke II dan telah pun dimaklumkan bahawa 3 kali saya telah memanggil mesyuarat Jawatankuasa Khas untuk membincang bagaimana kita boleh selesaikan masalah penempatan dengan secepat mungkin dan tadi saya telah memberi jawapan, segala masalah yang kita hadapi sekarang telah pun kita tahu dan dalam proses supaya kita boleh selesai secepat mungkin.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Soalan saya ialah selain daripada kaedah tebatan banjir dan sebagainya, Tidakkah Kerajaan Negeri dengan inisiatif sendiri ingin memikirkan kaedah-kaedah lain, seperti mensyaratkan supaya kita adakan *store management system*, di dalam Kerajaan Tempatan dan kerjasama Ahli Padang Kota dan sebagainya, supaya apabila kita mengamalkan *store management* ini, bermakna bawah-bawah jalan raya, bahu jalan, padang-padang. Ia boleh dijadikan tempat takungan air, sama ada air hujan, air lebihan dan sebagainya termasuk memperbanyakkan *retention pond* tetapi ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri. Adakah Kerajaan Negeri untuk melakukannya.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya, memang kaedah ini sedikit sebanyak telah diguna pakai khususnya dalam pembinaan skim perumahan, kita dapati skim perumahan yang baru mempunyai kolam takungan yang dibina yang kena dibina. Untuk cadangan yang telah

dikemukakan oleh Ahli Seberang Jaya, kita boleh masukan sebagai satu input juga dalam usaha kita menangani masalah banjir.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan seterusnya, Y.B. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya ialah no. 12

12. Sila huraikan dengan terperinci mengenai tindakan dan rancangan Kerajaan dalam membendung masalah penghuni-penghuni yang tinggal di sekitar kawasan Sungai Jawi sering kali menghadapi masalah ancaman limpahan air bukit yang turun secara mendadak selepas hujan turun dengan lebatnya.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Y.B. Jawi. Y.B. Tuan Speaker sebagai langkah jangka pendek Jabatan Pengairan dan Saliran telah melaksanakan kerja-kerja mendalam di Sungai Jawi mulai tahun 2008 iaitu sepanjang 2 kilometer dan telah pun dapat membantu mengurangkan kesan banjir. Kerja-kerja sambungan akan dilaksanakan pada tahun 2009 apabila peruntukan diperolehi. Bagi langkah jangka panjang tindakan akan dilaksanakan oleh pihak JPS berdasarkan kepada kajian pelan induk Transkrian, Jawi, Byram dan Bukit Panchor yang telah siap pada tahun 2008. Antara komponen kerja yang dicadangkan dalam kajian tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) Menaik taraf 4 buah pintu kawalan pasang surut sepanjang Sungai Jejawi;
- (ii) Satu kolam takungan banjir di mana yang telah dicadangkan oleh Y.B. Seberang Jaya akan diadakan di hulu Sungai Bau;
- (iii) Mendalam dan melebarkan Sungai Jejawi dan Sungai Tengah; dan
- (iv) Mendalam dan melebarkan parit F dan parit pejabat pos Sungai Bakap.

Langkah-langkah jangka panjang ini memerlukan peruntukan besar yang dianggarkan sebanyak RM50 juta. Oleh kerana tiada peruntukan

yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-9. Cadangan akan dibuat bagi melaksanakan projek ini dalam RMK-10.

Y.B. Tuan Speaker:

Tiada soalan tambahan, saya teruskan dengan Ahli Kawasan Tanjung Bunga.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu)

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya no 13.

13. (a) Adakah Kerajaan Negeri mengikut garis panduan pembangunan di kawasan tanah tinggi ketika merancang dan melaksanakan pembangunan di kawasan tanah tinggi.
- (b) Sila senaraikan projek yang berada di kawasan tanah tinggi, terutamanya di KADUN Tanjong Bunga dan berapakah projek yang tidak mematuhi garis panduan ini.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, terima kasih Y.B. Tanjung Bunga. Berkenaan dengan soalan pembangunan kawasan tanah tinggi di KADUN Tanjung Bunga. Pembangunan kawasan tanah tinggi di Pulau Pinang adalah berpandukan Garis Panduan Tanah Tinggi yang sedia ada. Selain daripada garis panduan ini, pembangunan di kawasan tanah tinggi ini juga perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri dan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA). Oleh itu dalam merancang dan melaksanakan pembangunan tanah tinggi di Negeri Pulau Pinang setiap Permohonan Kebenaran Merancang adalah tertakluk kepada dasar pembangunan tanah bukit yang ditetapkan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP). Pembangunan kawasan tersebut tidak dibenarkan kecuali mematuhi garis panduan tanah tinggi yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri serta mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN). Aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan dan perlu merujuk kepada garis panduan dan Jawatan Kuasa Perancang Negeri (JPN) adalah seperti berikut:

- (i) kawasan tanah tinggi yang diwartakan di bawah Akta Pemeliharaan Tanah Bukit 1960;
- (ii) sebarang tanah yang berada pada aras 76 meter (250 kaki); dan
- (iii) Berkecerunan melebihi 25 darjah.

Kerajaan Negeri mengikut sepenuhnya garis panduan pembangunan di kawasan tanah tinggi semasa menimbangkan permohonan kebenaran merancang. Permohonan kebenaran merancang juga di rujuk kepada Jawatankuasa Pembangunan Tanah Berisiko.

Senarai projek pembangunan di kawasan tanah tinggi di KADUN Tanjung Bungah dan senarai Permohonan Merancang Bagi Pemajuan Tanah Tinggi yang diluluskan oleh MPPP di kawasan kawalan pembangunan akan dikemukakan kepada Ahli Y.B. ADUN Tanjung Bunga secara bertulis.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu)

Apakah pendirian Kerajaan Negeri tentang garis panduan kawalan hakisan dan ke ledakan 1996 dan garis panduan pembangunan di kawasan bukit 1997 jika pemaju mengemukakan cadangan pembangunan di atas tanah yang melebihi 250 kaki tingginya dari paras air? Berapakah pemaju yang tidak mematuhi syarat-syarat dan garis panduan tersebut pada masa kebelakangan ini dan apakah tindakan atau dengan yang telah diambil?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih Y.B. Tanjung Bunga, berkenaan dengan kedua-dua soalan ini. Sebenarnya Kerajaan Negeri sangat memandang serius terhadap sebarang aktiviti yang seperti yang saya katakan, pembangunan berisiko tinggi tersebut dan kami memang sebarang pelan terancang yang tidak mematuhi ketiga-tiga kriteria itu akan kita rujuk kepada Jawatankuasa Perancang Negeri yang diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Tentang soalan kedua, berkenaan dengan tindakan yang boleh diambil Kerajaan Negeri melalui PBT boleh memberikan amaran kepada pemaju dan diikuti juga sekiranya amaran untuk memperbaiki keadaan tidak dipenuhi, tindakan-tindakan termasuk *stop work order*, perintah menghentikan kerja boleh dikeluarkan oleh PBT. Oleh itu kita memang mengambil serius terhadap sebarang aktiviti pencabulan terhadap garis panduan-garis panduan yang disebutkan tadi. Sekian.

Y.B. Tuan Speaker:

Saya menjemput ahli Yang Berhormat Bagan Dalam untuk soalan yang seterusnya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya adalah soalan nombor 14.

14. (a) Mengapa pasar awam di Jalan New Chain Ferry Butterworth telah diarahkan untuk ditutup apabila pasar tersebut digunakan oleh penduduk-penduduk dari kawasan Hujung Batu, Kampung Perlis dan penduduk-penduduk yang tinggal di Taman Pangsa Puri Bagan Sena dan Taman Mewah.
- (b) Adakah kerajaan berniat untuk membina pasar awam baru di kawasan tersebut.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Untuk menjawab soalan 14 daripada Yang Berhormat Bagan Dalam. Pasar New Ferry di Butterworth, merupakan sebuah pasar yang didirikan di atas tanah milik persendirian. Pemilik tanah tersebut telah mengeluarkan notis kepada pemilik gerai di pasar itu supaya memindah pasar tersebut bagi membolehkan pemajuan di atas tanah tersebut. Kerajaan Negeri pada masa ini tidak mempunyai perancangan untuk membina pasar baru di lokasi berkenaan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri bersedia menerima peniaga-peniaga di pasar New Ferry ini untuk masuk ke ruang niaga di pasar-pasar milik MPSP yang masih kosong termasuk di Pasar Awam Taman Bagan. Namun begitu Y.B. Tuan Speaker, peniaga-peniaga berkenaan enggan berpindah ke situ. Sekian.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan yang berikutnya.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya nombor 15.

15. (a) Setakat manakah status cadangan pemindahan muzium ke Bangunan 57, Jalan Macalister.
- (b) Berapakah peruntukkan yang disediakan bagi tujuan tersebut.
- (c) Memandangkan kawasan bangunan tersebut agak luas, adakah Kerajaan Negeri akan menggunakan keseluruhan

kawasan tersebut khas untuk muzium atau sebahagiannya hendak digunakan bagi tujuan lain.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Bayan Lepas. Status cadangan pemindahan muzium ke Bangunan 57, Jalan Macalister, beberapa mesyuarat telah diadakan di antara Lembaga Muzium dengan MPPP dan masih belum ada keputusan. Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang bercadang untuk menambah ruang dan lokasi untuk mempamerkan bahan-bahan sejarah dan lukisan-lukisan untuk tatapan umum.

Oleh yang demikian, Bangunan 57, Jalan Macalister, telah dikenal pasti sebagai bangunan yang paling sesuai kerana kedudukan lokasi, reka bentuk dan latar belakang sejarah bangunan itu yang bercirikan warisan. Bangunan ini akan dijadikan satu cabang dan kesinambungan terhadap Muzium Negeri Pulau Pinang yang terletak di Lebuhraya Farquhar. Beberapa mesyuarat di antara pihak Muzium Negeri dan pihak majlis telah diadakan dan setakat ini hanya menunggu panggilan oleh pihak pengurusan MPPP untuk membuat pembentangan dan mesyuarat lanjut bersama dengan semua ahli-ahli majlis. Peruntukan yang disediakan untuk tujuan tersebut, Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang mempunyai simpanan berjumlah RM1 juta untuk digunakan sebagai perbelanjaan permulaan operasi. Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang akan memohon kepada pihak Kerajaan Negeri peruntukan perbelanjaan untuk projek ini dan permohonan juga akan turut dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan sejourus mendapat persetujuan kedua-dua pihak dan kelulusan Kerajaan Negeri. Penggunaan bangunan sama ada keseluruhan atau sebahagian sahaja.

Mengikut *scheme cyphrus* yang di lulus melalui perintah Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 18hb Mac 1955, sebahagian daripada bangunan berkenaan perlu digunakan untuk tujuan amal. Sementara itu pihak Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang menjelaskan bahawa muzium memang adalah satu badan kebajikan berdasarkan hujah-hujah tersebut, pihak pemegang amanah hanya boleh menyewakan sebahagian daripada bangunan tersebut dan sebahagian lain perlu digunakan oleh satu badan kebajikan untuk melaksanakan aktiviti yang bersesuaian. Walaupun begitu, pihak muzium akan memohon supaya dibenarkan menggunakan seluruh bangunan tersebut termasuk kawasan meletak kenderaan dan sebahagian yang lain akan disewakan kepada badan agensi yang lain. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan. Bolehkah juga sebahagian daripada premis ini digunakan sebagai untuk kawasan pameran adat istiadat Melayu seperti yang dicadangkan oleh PEMENANG.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Memang hasrat kita untuk menggunakan Bangunan 57 adalah untuk separuh untuk pameran kesenian.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Soalan tambahan Y.B. Tuan Speaker. Setakat la ni, dah mesyuarat 3 kali, apakah keputusan daripada MPPP tentang yang diperbincangkan tentang pindaan tu? Keputusan daripada MPPP.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Nampaknya mereka membenarkan muzium untuk menggunakan bangunan itu tapi akan mendapat keputusan daripada mahkamah juga.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan seterusnya, Y.B. Telok Bahang.

Adun Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker, soalan saya nombor 16.

16. Sila nyatakan apakah tindakan segera pihak Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah banjir kilat yang berlaku di kawasan Telok Bahang dan seluruh kawasan Balik Pulau.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, terima kasih ahli Yang Berhormat Telok Bahang. Tabung sumbangan saluran ditubuhkan sejak tahun 1993. Semua sumbangan yang dikutip oleh PBT akan diserahkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran, JPS selaku urus setia yang mentadbir tabung ini. Jumlah kutipan dan perbelanjaan oleh MPPP dan MPSP adalah seperti berikut:-

- MPPP, kutipan sehingga Jun 2008 adalah sebanyak RM33.98 juta. Jumlah yang dibelanjakan sebanyak RM14.92 juta. Di peringkat negeri, JPS memainkan peranan yang penting dalam membantu agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti MPPP serta Pejabat Daerah dan Tanah dalam melaksanakan kajian dan projek seperti tebatan banjir. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat Kerajaan Negeri untuk menguruskan hal-hal berkaitan tebatan banjir iaitu Jawatankuasa Tebatan Banjir Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh ahli EXCO dari Bukit Tambun.

Di antara jenis-jenis projek yang dijalankan di bawah tabung ini adalah kajian dan reka bentuk terperinci tebatan banjir, membina semula menaik taraf, membaiki paip utama dan sungai.

- Y.B. Tuan Speaker bagi MPSP pula, jumlah kutipan sehingga 30 September tahun ini, adalah RM87.97 juta dan pecahan kutipan akan diberikan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Sementara jumlah yang dibelanjakan sehingga tarikh yang sama adalah RM78.21 juta dan pecahan juga akan diberikan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Jenis-jenis projek yang telah dilaksanakan pula adalah:-

- | | |
|--|---------------|
| A. Tebatan banjir di Sungai Rambai | - RM5.83 juta |
| B. Tebatan banjir di Parit Lima, Juru | - RM711 ribu |
| C. Tebatan banjir di Parit Sanglang, Nibong Tebal | - RM748 ribu |
| D. Naik taraf saliran di Taman Markisa, SPU | - RM479 ribu |
| E. Membina parit di Taman Cheng Kay, SPU | - RM141 ribu |
| F. Cadangan menaik parit Monsun di Taman Bidara, Machang Bubok | - RM73 ribu |

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Soalan tambahan. Y.B. Tuan Speaker, nampaknya kutipan oleh PBT iaitu MPPP dan MPSP, nampaknya begitu tinggi, banyak. Tetapi kalau kita lihat penggunaannya, MPPP hanya RM14 juta digunakan di kawasan di sebelah pulau. MPSP kalau ikut angka Yang Berhormat Padang Kota bagi tadi kutipan dalam RM87 juta dan perbelanjaan RM78 juta. Tapi saya lihat senarai, Yang Berhormat Padang Kota beri tadi

adalah tak sampai RM10 juta yang digunakan. Mungkin ada lagi senarai yang tak diberi.

Jadi soalan saya adalah, kutipan begitu banyak tapi kenapa simpan duit tu, kenapa tak digunakan untuk projek-projek banjir termasuk yang terlibat dengan banjir kilat dan sebagainya. Saya baru ni di Telok Bahang, banjir 4 kali, 4 kali tiap kali hujan, hujan teruk, lebat la, lebat. Rumah Y.B. Tuan Speaker tak kenalah. Jadi, dah 4 kali dalam sebulan. Pada hal, kos yang nak menyelesaikan masalah tu, sikit sangat. Kenapa tak disegerakan. Duit ni banyak, kenapa nak tunggu duit, kalau tak ada duit daripada Kerajaan Negeri, duit ini boleh digunakan. Makna contoh, banyak lagi yang kita boleh buat tindakan segera dengan menggunakan wang ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Telok Bahang yang pada dulu menguruskan hal wang-wang negara semasa di Kementerian Kewangan. Saya bersetuju dan menerima pandangan Yang Berhormat, seperti saya jawab tadi wang yang dikutip oleh PBT diserahkan kepada JPS selaku urus setia. Saya rasa kita boleh bekerjasama di antara PBT dan JPS untuk melihat bagaimana kita dapat menggunakan sumbangan daripada pemaju-pemaju ini untuk tujuan mengurangkan masalah banjir di negeri ini dan mungkin kalau JPS mungkin PBT pun perlu fikir sama ada ianya mengambil-alih sebahagian daripada sumbangan ini kalau boleh saya akan mengarahkan ianya dikaji. PBT menggunakan sumbangan itu, melaksanakan projek-projek kecil-kecilan di peringkat PBT yang saya rasa mungkin boleh dilaksanakan dengan cepat dan mudah sebab membabitkan PBT sahaja. Namun begitu, cadangan Yang Berhormat dan prihatin Yang Berhormat akan kita ambil kira dan saya berharap PBT dan JPS akan cepat-cepat menggunakan wang untuk kurangkan masalah banjir. Sekian.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Soalan tambahan. Saya ingin menambah sikit kepada Yang Berhormat Telok Bahang. Kalau boleh saya nak minta juga supaya Padang Kota melalui peruntukan untuk menjayakan *masterpiece* kepada semua kawasan di luar bandar. Sebab ini saya rasa perlu memandangkan hari ini tidak ada satu pun bentuk *master drain system* untuk kawasan luar bandar dan boleh menggunakan peruntukan ini untuk membuat perkara ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi cadangan. Saya rasa jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Bukit Tambun di mana saya pun menjadi seorang anggota akan meneliti dan menetapkan *time frame* bagaimana wang-wang ini dapat digunakan di mana kita boleh *prioritize* projek-projek yang amat mendesak dan kalau membabitkan *localize problem* sepatutnya ia haruslah di beri perhatian berbanding projek-projek yang mungkin menelan perbelanjaan dan peruntukan yang lebih besar. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Batu Uban, soalan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Soalan saya adalah soalan nombor 17.

17. (a) Apakah syarat-syarat kelulusan pelan bangunan PB34723(LB) dan siapakah yang meluluskan pelan ini?
- (b) Kerajaan Negeri harus menyiasat kenapa Pemaju Projek telah dibenarkan untuk menjual rumah kedai tanpa membina pasar seperti kelulusan pelan bangunan.
- (c) Bilakah pemaju tersebut sepatutnya memajukan projek ini dan kenapa kerajaan dahulu tidak mengambil tindakan setelah mendapat kelulusan pelan pembangunan?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, dari banjir beralih ke pasar. Untuk menjawab soalan 17 Yang Berhormat Batu Uban. Berhubung dengan pasar di projek perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Batu Uban dan Sungai Dua. Untuk makluman Dewan dan Yang Berhormat, pelan bangunan PB34723 yang diluluskan adalah projek penswastaan Kerajaan Negeri di atas Lot 9117, Mukim 13, Jalan Sungai Dua, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang oleh Tetuan Hamnah Sdn. Bhd. Pelan bangunan tersebut diluluskan oleh MPPP pada 16 Disember tahun 1996 di mana komponen pembangunan yang diluluskan adalah seperti berikut:-

- A. Pelan 34723 – untuk cadangan mendirikan bangunan serba guna 5 tingkat dan 1 tingkat *basement* yang mengandungi tempat letak kereta, pasar, tingkat 1 dan 2 ruang membeli-belah, tingkat 3 ruang penjaja, tingkat 4 dewan tadika dan lain-lain

Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:-

- Permohonan pecah sempadan yang lazim dikenakan.
- Tempat letak kereta dan tempat letak motosikal dan basikal.
- Bayaran sumbangan.
- Bayaran caruman dan perparitan.
- Pelan kerja tanah hendaklah dikemukakan.
- Senarai penjaja-penjaja yang pemaju hendak memperuntukkan gerai, pasar dan kompleks penjaja hendaklah dikemukakan oleh Pengarah Pelesenan.
- Mematuhi kehendak-kehendak agensi-agensi teknikal.

Itulah syarat-syaratnya.

- B. Pembinaan dewan serba guna yang berkaitan merupakan salah satu syarat seperti saya katakan tadi dan diluluskan pada tahun 1992 dan 1995 masing-masing dalam dua kelulusan. Perancangan penswastaan perumahan kos rendah negeri Pulau Pinang, pakej C bagi cadangan mendirikan rumah pangsa kos rendah, 2 blok, blok A dan blok B, 6 blok rumah pangsa kos sederhana di atas lot 101 dan 2168, Mukim 13, Daerah Timur Laut oleh Hamnah Sdn. Bhd. Pembinaan dewan serba guna ini adalah disyaratkan di dalam kelulusan pelan bangunan di mana kompleks pusat serba guna 3 tingkat hendaklah disediakan sebelum OC dikeluarkan. Pemaju telah memohon sijil kelayakan penduduk beberapa kali, iaitu dia sudah habis pembangunannya tetapi tanpa membina pasar berkenaan dia mohon beberapa kali kepada PBT, tetapi telah ditolak oleh PBT pada 4hb Mac 1996, 20hb Julai 1996, atas alasan dewan serba guna tidak disediakan. Terdapat rayuan daripada arkitek bertarikh 16 Julai tahun yang sama, 24 Julai tahun yang sama untuk merayu supaya permohonan Sijil Kelayakan Penduduk dapat dipertimbangkan.

Memandangkan pihak PBT telah menolak rayuan pemaju untuk mendapat sijil OC ini dan ianya adalah projek Kerajaan Perumahan Kerajaan Negeri maka pembeli-pembeli telah membuat tuntutan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk campur tangan dan ada bekas-bekas EXCO di sini pun masuk campur tangan saya rasa.

Justeru itu, Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa mesyuarat dan perbincangan serta meminta PBT mengeluarkan OC terlebih dahulu tetapi pihak arkitek masih diminta untuk menyediakan dewan serba guna tersebut. Jadi, akhirnya walaupun Sijil Kelayakan Menduduki telah dikeluarkan pada 31 Julai tahun itu setelah semua kehendak-kehendak dipatuhi tetapi kecuali penyediaan dewan berkenaan yang mengandungi pasar yang diminta itu. Atas permintaan MPPP, satu permohonan kebenaran merancang dan pelan bangunan telah dikemukakan oleh arkitek untuk satu kemajuan berdekatan yang melibatkan *basement* untuk dijadikan tempat letak kereta. Tingkat bawah ke tingkat tiga untuk ruang perniagaan. Tingkat 4 untuk dewan dan tadika. Maksudnya satu pelan baru dikemukakan yang mengubah corak pembangunan yang ditetapkan pada asalnya. Pelan itu diluluskan pada 16 Disember 1996 dan kebenaran memerlukan kerja telah pun diberikan.

Walau bagaimanapun, pihak pemaju iaitu Tetuan Hamna Sdn Bhd tidak menjalankan kerja-kerja pembinaan di tapak sehingga sekarang. Kelulusan itu pun dianggap telah pun luput kerana pemaju tidak menjalankan kerja-kerja pembinaan dalam tempoh sah kelulusannya iaitu sebelum 15 Disember 1997. Memandangkan ia adalah projek penswastaan Kerajaan Negeri maka pihak pemaju telah diberi peluang untuk meneruskan semula pembinaan dewan serba guna.

Pihak Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah untuk menghidupkan semula projek tersebut dengan mengadakan perbincangan dengan pihak pemaju. Pihak pemaju telah menunjukkan minat untuk meneruskan projek tetapi pelan bangunan yang baru disediakan dengan reka bentuk terkini bukanlah berkonsep dewan serba guna. Mereka bentuk bangunan tersebut telah diubah dengan menawarkan lebih kemudahan untuk menjadikan lebih menarik dan kompetitif dengan kompleks-kompleks lain di Negeri Pulau Pinang. Cuma kos pembangunan adalah tanggungjawab pemaju serta untuk mendapatkan penyewa dan pembeli kompleks tersebut. Bangunan dewan serba guna tersebut akan diuruskan dan diselenggarakan dengan sepenuhnya oleh syarikat tersebut tetapi MPPP tidak setuju dengan perubahan reka bentuk bangunan tersebut kerana ia lebih menjurus kepada bangunan perniagaan dan bukannya kemudahan awam seperti yang dirancangkan sebelumnya.

Kawasan tapak bangunan tersebut dizonkan sebagai tempat kemudahan awam. Pemaju kluatir jika mereka menggunakan reka bentuk lama ianya tidak dapat menarik peminat, penyewa, pembeli dan pengunjung. Itulah kedudukan terkini berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat.

Y.B. Tuan Speaker:

Soalan tambahan. Batu Uban.

Ahli Kawasan Bayan Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Untuk penjelasan Yang Berhormat Padang Kota, jadi polisi yang dipimpin oleh projek penswastaan menemui jalan kebuntuan dan oleh yang demikian, tidak ada satu projek untuk membina pasar di tempat itu. Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Setelah mengetahui halangan-halangan, saya akan membawa perkara ini untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sama ada jalan keluar dari situasi sekarang.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa tiga jam yang kita peruntukkan untuk soalan lisan telah pun tamat. Bagi soalan-soalan yang tidak dijawab, saya minta Y.A.B. Ketua Menteri memberi jawapannya secara bertulis kepada Ahli yang bertanya selaras dengan sub peraturan 26(7) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, jadi soalan bertulis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan kita tangguhkan dan ...(gangguan)

Y.A.B. Ketua Menteri:

Atas permintaan beberapa ahli, bolehkah kita teruskan cuma sehingga pukul 1.00 untuk buat pembentangan Rang Undang-undang ini. Permintaan kepada Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Kita telah peruntukkan tiga jam dan ... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Setengah jam sahaja.

Y.B. Tuan Speaker:

Kita telah peruntukkan tiga jam jadi, ... (gangguan). Ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak beri tetapi ini cadangan daripada Y.A.B. Ketua Menteri untuk teruskan tiga jam tetapi mengikut peraturan kita telah cukup tiga jam.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kita boleh teruskan juga. Tidak apa.

Y.B. Tuan Speaker:

Kita boleh teruskan dengan enakmen pada 2.30 petang. Jadi(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Y.B. Tuan Speaker, yang bukan hendak teruskan itu ialah bukan untuk soalan lisan tetapi Y.A.B. Ketua Menteri untuk menyampaikan Rang Undang-undang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bacakan sahaja, buat ucapan pendek sahaja.

Y.B. Tuan Speaker:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukan soalan lisan. Permintaan Y.A.B. Ketua Menteri ini untuk teruskan membaca Rang Undang-undang. Untuk teruskan, jadi(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini ucapan kepada semua soalan bertulis akan di bentang atas meja ahli yang bertanya pada petang ini dan akan dimasukkan dalam penyata rasmi. Yang saya minta ialah biasanya kita akan tangguh tetapi kerana ada beberapa Ahli EXCO ada urusan dekat Kuala Lumpur dan saya ingat Y.B. Tuan Speaker pun ada urusan dekat Kuala Lumpur dan diminta oleh Y.B. Tuan Speaker tadi, bolehkah saya sekurang-kurangnya bentangkan enakmen ini sahaja dan lepas ini kita boleh teruskan perbahasan pada 2.30 petang.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Perbahasan itu bila.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Pukul 2.30 petang dan saya hanya bentangkan bacaan kali kedua.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalau alasan kata EXCO ada mesyuarat lain, itu bukan alasan saya kerana di sidang Dewan kita tumpukan kepada perbahasan di Dewan dan bukan kerana alasan EXCO hendak pergi ke Kuala Lumpur ke apa, itu tidak dapat diterima.

Y.B. Tuan Speaker:

Saya minta sokongan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bukan, itu saya tahu, ini permintaan saya kepada Y.B. Tuan Speaker kerana atas permintaan, kerana saya rasa ucapan ini pun tidak panjang. Ini saya rasa satu enakmen yang akan disokong oleh parti pembangkang juga. Okey, kalau tidak mahu sokong, tidak apa-apa tetapi ini untuk manfaat parti pembangkang.

Y.B. Tuan Speaker:

Saya minta Ahli Yang Berhormat sokong.

Setiausaha:

Rang Undang-undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih, Y.B. Tuan Speaker. Saya ingin memohon mencadangkan supaya Dewan ini meluluskan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2008 dibaca pada kali yang kedua sekarang. Y.B. Tuan Speaker, seperti mana kita sedia maklum, Negara kita Malaysia dan Negeri Pulau Pinang telah mengamalkan sistem demokrasi berparlimen semenjak pilihan raya yang pertama(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Baru yang pertama dan perlu sokongan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Telah sokong tadi. Saya sebut lagi.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Perbahasan itu bila.

Y.B. Timbakan Ketua Menteri I:

Y.B. Tuan Speaker, saya memohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Teruskan.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama satu enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980.

Y.B. Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibaca kali yang pertama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya, Y.B. Tuan Speaker, sekali lagi mengikut peraturan 59, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mencadangkan bacaan kali kedua, Rang-rang Undang-undang ini diteruskan dengan serta merta.

Setiausaha:

Rang Undang-undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2008 bacaan kali yang kedua.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, seperti yang saya sebutkan tadi Y.B. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini meluluskan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2008 dibaca pada kali yang kedua sekarang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Tuan Speaker saya memohon menyokong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, seperti mana yang kita sedia maklum, Negara kita Malaysia dan Negeri Pulau Pinang telah mengamalkan sistem demokrasi berparlimen semenjak pilihan raya yang pertama pada tahun 1959. Melalui proses pilihan rakyat, rakyat berhak memilih wakil-wakil mereka ke Dewan Rakyat (Parlimen) di peringkat Persekutuan dan di Dewan Undangan Negeri di peringkat negeri. Parti atau gabungan parti yang memperoleh majoriti diberi mandat untuk membentuk dan menerajui kerajaan yang merupakan cabang eksekutif bagi negara atau negeri masing-masing. Manakala Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri berfungsi sebagai penggubal undang-undang di peringkat Persekutuan atau di peringkat negeri.

Selain daripada itu, Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri merupakan suatu arena di mana wakil rakyat yang dipilih mengambil bahagian dalam sesi perbahasan dan sesi soal jawab dengan tujuan untuk menyampaikan hasrat dan masalah rakyat. Ia juga merupakan platform untuk mengemukakan pandangan, cadangan dan maklum balas bagi menarik perhatian kerajaan atau isu yang timbul serta pelaksanaan projek pembangunan demi untuk mempertingkatkan mutu hidup rakyat. Sebagai renungan, kedudukan Ketua Pembangkang adalah institusi yang penting di dalam sistem berparlimen Westminster yang dipinjam dari United Kingdom dan diguna pakai oleh Negara Malaysia. Di Britain, Ketua Pembangkang diberikan penghormatan yang sewajarnya dan dilihat sebagai Perdana Menteri alternatif yang memberikan *checks and balances*, kritikan membina dan preskripsi polisi alternatif. Di Westminster, saran tetap mula diberikan Ketua Pembangkang melalui *Ministers of the Crown Act* pada tahun 1937. Di Malaysia, kedudukan ini diperakui oleh undang-undang, yang memberikan imbuhan elaun kewangan bagi pemegang jawatan tersebut sejak tahun 1971. Sekarang ianya termaktub di dalam Akta Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980 (No. 237). Peruntukan terhadap kedudukan Ketua Pembangkang oleh Kerajaan Persekutuan ini adalah antara warisan terakhir yang ditinggalkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama dan ia dibentangkan di Parlimen sebelum pilihan raya umum pada tahun 1969.

Y.B. Tuan Speaker, seperti mana yang diketahui umum, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang adalah dewan yang paling aktif berbanding dengan Dewan Undangan Negeri di seluruh negara. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat memberikan ruang dan masa mencukupi untuk perbahasan daripada pihak pembangkang bukan seperti kerajaan Barisan Nasional yang memberikan masa dua hari sahaja untuk perbahasan Belanjawan dan itu pun pada hari yang sama belanjawan dibentangkan. Pengerusi Yang Berhormat daripada Pantai Jerejak yang telah menyampaikan permintaan daripada Yang Berhormat daripada parti

pembangkang, saya harap jangan bimbang. Sungguhpun belanjawan akan dibentangkan pada hari esok tetapi ia tidak akan dibahaskan pada hari esok tetapi akan dibahaskan pada minggu hadapan untuk memberi masa yang cukup untuk ahli-ahli pembangkang meneliti belanjawan yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri. Bukan seperti yang berlaku di negeri-negeri lain, hari yang sama belanjawan dibentangkan dan hari yang sama dibahaskan. Bukan kerajaan Pakatan Rakyat, semuanya Barisan Nasional.

Ini menunjukkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat amat menghormati prinsip demokrasi dan mengiktiraf kedudukan semua ahli Yang Berhormat termasuk peranan parti pembangkang yang boleh memainkan peranan *check and balance* dalam pembangunan negeri.

Saya tahu bahawa keikhlasan pihak kerajaan tidak akan dibalas oleh Barisan Nasional. Sungguhpun Pakatan Rakyat bertindak adil, kerajaan Barisan Nasional yang memerintah di negeri lain tetap bersikap rakus dengan menafikan hak demokrasi dan peluang berucap wakil rakyat pembangkang. Akan tetapi, kerajaan Pakatan Rakyat percaya kita tidak harus membalas dendam dengan membenci dan berniat jahat dengan mungkar tetapi terus bersikap baik, mulia dan suci (amar makruf nahi mungkar). Itulah sebabnya sungguh kita tahu bahawa Barisan Nasional Pulau Pinang akan bersikap rakus dan kuku besi sekiranya memerintah kembali di Pulau Pinang.

Kerajaan Pakatan Rakyat masih memegang kuat pada prinsip demokrasi dan *fairplay*. Oleh itu, untuk memastikan demokrasi boleh terus hidup di Pulau Pinang, rakyat Pulau Pinang tidak boleh membenarkan Barisan Nasional kembali berkuasa di Pulau Pinang. Kami di dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang Pakatan Rakyat yang baru berikrar untuk menghapuskan *trend authoritarian* atau kuku besi yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional selama ini dan mengembalikan demokrasi di Malaysia agar sebuah kerajaan yang diterajui oleh rakyat, dipilih oleh rakyat dan untuk rakyat... (dengan izin) *a government of the people, by the people, for the people* yang mengamalkan prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) dapat diinstitusikan di Malaysia dengan Negeri Pulau Pinang sebagai penerajunya.

Sudah tiba masanya kedudukan Ketua Pembangkang diberikan penghormatan yang sewajarnya di Negeri Pulau Pinang dan negeri-negeri lain di Malaysia. Kita berharap Ketua Pembangkang boleh menyokong dan menerima pakai sistem CAT ataupun yang kadangkala dianggap sebagai "kucing" seperti mana kata pemimpin Republik Rakyat Cina, Deng Xiao Peng, "Tidak kira kucing itu putih atau hitam, asalkan ia tangkap tikus, ia adalah kucing yang baik". Jadilah "kucing" yang baik, amanah dan bersifat rasional untuk semua kaum.

Sekali lagi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang Pakatan Rakyat menerajui Negara kita di dalam memartabatkan demokrasi dengan mencadangkan Usul untuk menginstitusikan kedudukan Ketua Pembangkang. Dengan termaktubnya penghormatan kepada Ketua Pembangkang ini, saya ingin menyeru pihak pembangkang di Negeri Pulau Pinang agar belajar untuk menjadi “pembangkang yang setia” yang berikrar untuk taat setia kepada rakyat, mendengar kehendak mereka dan mewakili mereka dengan bersungguh-sungguh. Terdapat beberapa insiden di mana pihak pembangkang bekerja bertentangan dengan kepentingan rakyat Pulau Pinang. Dosa dan kesalahan besar yang saya maksudkan adalah saranan Yang Berhormat daripada Penaga kepada Kerajaan Persekutuan agar menangguhkan semua projek utama, termasuk Monorel, Jambatan Kedua Pulau Pinang dan PORR.

Saranan pihak pembangkang agar Jambatan Kedua Pulau Pinang dibatalkan telah menjejaskan pelaburan dan ini adalah sikap yang sungguh tidak bertanggungjawab. Kita bersyukur akhirnya kerana pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang akan direalisasikan sungguhpun ada usaha oleh pihak pembangkang untuk mensabotajnya. Saya meminta pihak pembangkang untuk berubah sikap mereka dan menyokong memulihkan semula projek-projek Kerajaan Persekutuan yang dibatalkan berjumlah RM4.7 bilion kepada rakyat Pulau Pinang. Pihak pembangkang juga tidak mahu menyokong usul yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri pada Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang lepas meminta balik semula projek-projek tersebut kerana bayaran cukai sebanyak RM5 bilion, cukai duti eksais, semua sekali yang dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan setiap tahun. Ini merupakan contoh sikap dan tindakan pihak pembangkang yang tidak konstruktif dan gagal mendengar kehendak rakyat.

Y.B. Tuan Speaker, Dewan ini pada tahun 2005 telah meluluskan peraturan baru iaitu Peraturan 4A yang berbunyi seperti berikut:-

- (1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Dewan dan sekurang-kurangnya seorang Timbalan Ketua Dewan dan seorang Ketua Pembangkang.
- (2) Ketua Dewan atau Timbalan Ketua Dewan ertinya berhubungan dengan Dewan, Ahli Dewan yang sedang menjadi Ketua atau Timbalan Ketua Kerajaan, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (3) Ketua Pembangkang ertinya, berhubungan dengan Dewan, Ahli Dewan yang sedang menjadi Ketua Kumpulan pihak Pembangkang.

- (4) Jika berbangkit apa-apa keraguan atau pertikaian tentang siapakah yang sedang atau telah menjadi Ketua Pembangkang pada bila-bila masa yang matan, masalah itu hendaklah diputuskan oleh Y.B. Tuan Speaker dan keputusannya yang diperakui secara bertulis di bawah tandatangannya adalah muktamad dan konklusif.

Dengan wujudnya Peraturan tersebut, maka Kerajaan Negeri Pulau Pinang Pakatan Rakyat mengiktiraf peranan Ketua Pembangkang yang semakin mencabar serta mendapat perhatian daripada rakyat. Oleh itu, wajarlah Ketua Pembangkang diberi elaun bulanan sebagai pengiktirafan terhadap peranan yang dimainkan oleh beliau.

Pembayaran elaun untuk Ketua Pembangkang adalah bertujuan untuk memberi imbuhan yang serupa seperti yang diterima oleh Ketua Pembangkang di Parlimen. Berdasarkan Akta ahli Parlimen (Saraan) 1980, ia menyatakan jika seseorang Ahli Parlimen dilantik sebagai Ketua Pembangkang adalah berhak mendapat elaun bulanan di samping lain-lain elaun. Ini bukan berkenaan dengan jumlah wang atau elaun yang diterima, yang penting adalah berkaitan dengan prinsip Ketua Pembangkang dan ini adalah salah satu sifat di mana kita boleh memberikan pengiktirafan kepada jawatan Ketua Pembangkang.

Peruntukan mengenai elaun bagi Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang adalah dinyatakan di dalam Enakmen Anggota Pentadbiran dan Saraan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980. Walau bagaimanapun, elaun Ketua Pembangkang tidak diperuntukkan dalam enakmen tersebut. Bagi mewujudkan elaun Ketua Pembangkang, dicadangkan Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 dipinda dengan memasukkan seksyen baru yang berbunyi seperti berikut:-

“3A” Jika seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri dilantik sebagai Ketua Pembangkang, dia adalah berhak, selain daripada saraan bulanan yang dinyatakan dalam Seksyen 3, mendapat elaun bulanan sebanyak seribu ringgit. Bayaran elaun kepada Ketua Pembangkang, dicadangkan berkuat kuasa mulai tarikh kuat kuasa Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2008.

Akhirnya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin menuju ke arah masyarakat madani dan bersedia mendengar nada-nada suara yang berbeza. Itulah sebabnya kerajaan Pakatan Rakyat bersikap berani dan ikhlas menjemput ahli-ahli pembangkang untuk menyertai Majlis

Mesyuarat Kerajaan Negeri. Malangnya *olive-branch* atau salam kerjasama ini telah ditolak oleh pihak pembangkang.

Marilah kita bekerjasama untuk kepentingan rakyat dan bukanlah mengikut kepentingan politik berpuak atau *sectarian politics* yang memecahbelahkannya rakyat mengikut kaum atau agama. Pindaan hari ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri menunaikan janji memperkukuhkan sistem demokrasi yang sihat dengan memperakui peranan parti pembangkang. Sebuah negeri yang maju memerlukan sebuah masyarakat madani dan kita hanya boleh berbangga dengan Negeri Pulau Pinang yang makmur dan maju dengan hak politik dan kebebasan demokrasi. Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat kita tangguhkan Dewan ini sehingga pukul 1.00 petang dan Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang ini.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Dewan Bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) Pindaan 2008. Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa yang ingin mengambil bahagian, silakan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Izinkan saya berbahas tentang enakmen untuk meminda Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 yang hendaklah dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) Pindaan 2008

yang hendaklah dipinda...(dengan Izin) dengan memasukkan selepas Seksyen 3. Seksyen yang berikut iaitu Elaun Ketua Pembangkang. Satu seksyen baru 3 (a). Jika seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri dilantik sebagai Ketua Pembangkang, dia adalah berhak selain daripada elaun bulanan yang dinyatakan dalam Seksyen 3, mendapat elaun bulanan sebanyak RM1,000.00.

Sebelum saya mulakan ucapan saya, saya ingin menyatakan bahawa saya dengan sebulat suara menyokong dengan apa yang telah dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri baru tadi berkenaan prinsip di belakang mana pindaan ini dicadangkan dan mengapa kita ingin pengiktirafan jawatan Ketua Pembangkang tersebut. Tidak dapat dipertikaikan Y.B. Tuan Speaker bahawa jawatan Ketua Pembangkang itu adalah satu jawatan yang amat penting.

Dalam satu kerajaan berasaskan prinsip demokrasi, pembangkang adalah satu komponen di dalam Dewan Undangan Negeri yang adalah amat penting dan adalah perlu untuk keberkesanan proses perjalanan sesuatu kerajaan demokrasi tersebut. Maka memandangkan ini peranan Ketua Pembangkang, adalah begitu penting di mana tugas-tugas beliau adalah begitu sukar sekali. Di mana beliau hendaklah ataupun dikehendaki bersiap sedia untuk membincang dan membahaskan setiap Rang Undang-undang yang diperkenankan oleh sesebuah kerajaan tersebut.

Walau bagaimanapun, realitinya ialah seseorang Ketua Pembangkang itu tidak mempunyai *resources...* (dengan Izin), yang secukupnya sekiranya di banding dengan seorang Ketua Menteri ataupun Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan beliau. Dimana mereka mempunyai kuasa untuk mendapat maklumat dan bantuan dari Ketua-ketua Jabatan yang tertentu. Ia telah dikatakan Y.B. Tuan Speaker, bahawa seseorang Ketua Pembangkang itu mestilah menjadikan dirinya...(dengan izin) *master of all business which comes before the house*. Bukan sahaja berkenaan satu ataupun dua jabatan. Malahan beliau terpaksa bersedia untuk berbuat demikian di dalam notis pendek dan di dalam keadaan-keadaan yang tegang dan beliau tidak memperoleh bantuan daripada pegawai-pegawai kerajaan.

Maka dengan itu, Y.B. Tuan Speaker, di kebanyakan Negara-negara Komanwel, jawatan Ketua Pembangkang telah pun diiktirafnya sebagai satu jawatan yang begitu penting di mana beliau mempunyai secara efektif status seorang menteri. Di United Kingdom, sepertimana dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tadi, pengiktirafan *statutory* ini diberikan *melalui Ministers of the Crown Act 1937* di mana melalui Sekyen 5 Ketua Pembangkang dibayar gaji tahunan sebanyak 2000 *pound* selain daripada gaji beliau sebagai seorang ahli Parlimen.

Selain daripada itu Y.B. Tuan Speaker, di UK Ketua Pembangkang juga menerima sebuah kereta dan seorang pemandu *chauffeur scoffer driven car* di mana kos untuknya adalah sama dengan kos yang ditanggung untuk menteri kabinet di negara itu. Selain daripada UK, di Negara Komanwel yang lain, di Kanada umpamanya, Ketua Pembangkang mendapat gaji yang setaraf dengan seorang menteri dan beliau juga diberikan sebuah kediaman rasmi yang dipanggil *Stornar way* di Canada.

Y.B. Tuan Speaker, Australia juga mengamalkan prinsip yang sama. Memandangkan bahawa jawatan Ketua Pembangkang adalah satu jawatan yang mempunyai banyak tanggungjawab dan memandangkan kekurangan *resources* oleh beliau sebagai seorang Ketua Pembangkang, maka cadangan yang dibuat melalui enakmen pindaan ini adalah amat wajar demi membolehkan beliau melaksanakan tugas beliau dengan baik.

Kerajaan Pakatan Rakyat telah menunjukkan keikhlasannya, keadilan dan kesaksamaannya di dalam mencadangkan pindaan tersebut dan seharusnya diberi kehormatan yang setinggi-tingginya untuk usahanya ini untuk mengiktiraf lagi betapa pentingnya jawatan seorang Ketua Pembangkang itu. Walau bagaimanapun, memandangkan..... (dengan izin) *sanctity* jawatan seorang Ketua Pembangkang tersebut, walaupun saya dengan ini bersetuju dengan Rang Undang-undang untuk meminda undang-undang ini, saya amat kluatir sama ada beban tanggungjawab dan tugas yang begitu penting itu dapat dipikul dan dapat dilaksanakan oleh Ketua Pembangkang sekarang. Sepertimana dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sebentar tadi, perlunya seorang Ketua Pembangkang dan apakah peranan dia untuk memberi *constructive criticisms* supaya Negeri Pulau Pinang dapat maju ke hadapan. Tetapi, malangnya kita lihat bagaimana dari permulaannya sehingga ini, saranan-saranan daripada Ketua Pembangkang Y.B. daripada Penaga supaya projek-projek besar yang tertentu ditangguhkan walaupun dia seorang anak Pulau Pinang.

Oleh itu, saya kluatir seperti mana saya nyatakan. Selain daripada saranan-saranannya yang mempunyai impak negatif kepada Negeri Pulau Pinang. Kita tahu, negara Malaysia tahu tentang satu insiden di mana kenyataan-kenyataan yang begitu melulu dan tidak boleh diterima sama sekali telah dibuat oleh seorang ahli UMNO di dalam melabelkan orang Cina di negara kita sebagai kaum pendatang. Apa yang mengejutkan lagi Y.B. Tuan Speaker, Ketua Pembangkang kita iaitu Y.B. daripada Penaga mengejutkan semua pihak apabila dia menyatakan bahawa pemberita yang melaporkan apa yang sebenarnya berlaku itu seharusnya ditembak. Apakah ini mutu yang dikehendaki, yang diharapkan daripada seorang Ketua Pembangkang. Saya menyatakan langsung ini bukan mutu yang tersebut. Saya cakap sekarang, Ketua Pembangkang buat signal macam tu ...(menunjukkan gaya menembak). Ini bukan satu perkara yang main-

main Yang Berhormat. Jangan main-main, saya berbahas di sini. Seorang Yang Berhormat itu, terutamanya... (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan. Minta laluan...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Tak bagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tak bagi,...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Saya belum habis. Saya dah habis nanti satu kali *you* cakap...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Satu kali...(ketawa).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh):

Seorang Yang Berhormat itu, bukan seorang Yang Berhormat sahaja, tetapi Ketua Pembangkang. Tujuan pindaan pada enakmen ini sekarang adalah pengiktirafan, betapa pentingnya jawatan ini. So, itu adalah mengapa saya menekankan di sini. Tindakan Y.B. Penaga ini tidak boleh diterima sama sekali. Bagaimana dia boleh kata nak tembak orang yang pemberita tersebut. Bagaimana dia boleh kata begitu dan dibiarkan begitu sahaja. Laporan polis telah pun dibuat antara lain daripada rakan saya daripada Komtar. Kalau betul-betul ini tidak dinyatakan oleh Y.B. Penaga, tak ada penafian, ambil tindakan. Saman mereka yang berkaitan. Tetapi tak buat. Oleh itu Y.B. Tuan Speaker, walaupun saya setuju dengan pindaan yang dicadangkan ini, saya dengan ini menyatakan bahawa manfaat yang akan diterima oleh Ketua Pembangkang itu seharusnya diterima oleh Ketua Pembangkang yang wajar menerimanya dan bukan Y.B. Penaga dan saya minta Y.B. Penaga supaya meletakkan jawatannya sebagai Ketua Pembangkang supaya seorang yang lain yang berpatutan dan wajar dapat menerima manfaat yang kita hendak berikan padanya. Itu sahaja.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya, ada Ahli Yang Berhormat? Ya, Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana membawa usul ini, membawa Rang Undang-Undang ini. Dan juga saya ucapkan terima kasih kepada kawan saya Datok Keramat yang juga menyokong penuh usul ini. Saya juga sokong usul ini, tapi ada *yes or no*. Sokong *yes*, tetapi ada lain yang saya tak sokong.

Y.A.B. Ketua Menteri berkata bahawa Ketua Pembangkang adalah alternatif kepada Ketua Menteri ataupun Perdana Menteri. Itu yang Ketua Menteri bercakap dan Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang paling aktif dalam banyak hal. Paling aktif dari segi urusan dewan aktif, *very active* dan Pulau Pinang oleh kerana disebabkan oleh usaha yang telah dibuat oleh kerajaan yang lalu, Barisan Nasional selama 20 tahun, hari ini Pulau Pinang dah jadi maju. Tadi bila Ketua Menteri sebut tentang kemiskinan pagi tadi, saya teringatlah. Sebenarnya kemiskinan di Pulau Pinang ini kalau tahun 70 dulu, sebelum industri, sebelum era perindustrian, kemiskinan Pulau Pinang 50%. Rakyat Pulau Pinang miskin. Sekarang 0.3%. Itu satu kejayaan yang besar yang Ketua Menteri cuba menafikan. Dan yang saya tak seronok sikit bila Ketua Menteri sebut bahawa Kerajaan Barisan Nasional rakus, Kerajaan Barisan Nasional kuku besi.

Saya ingat ini amalan ini semua dalam DAP, bukan Barisan Nasional. Jadi, saya hampir menggunakan peraturan 46 tadi, sakit hati. Tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, maka saya tidak membangkitkan perkara itu. Jadi, kemudian bila Ketua Menteri bercakap tentang CAT, CAT, *Competency, Accountability, Transparency*, jadi kena tambah sikit lagi. Kena tambah S, *speed*. Saya difahamkan dalam masa kerajaan baru mengambil alih, *slow* sikit. Agak *slow* dalam kelulusan apa-apa, lambat. So, kena tambah CATS, *speed. Competency, Accountability, Transparency and Speed. Speed* takdak ni. *Competent* tapi takdak *speed. Accountable* tapi takdak *speed. Transparent* tapi takdak *speed*. Rakyat hari ni nak *speed*, nak laju. Jadi, kena lihat perkara ini.

Y.B. Tuan Speaker, bila kawan saya Datok Keramat juga sokong dan dia menyatakan, mungkin dia tak pakat dengan Ketua Menteri dulu kot. Ketua Menteri mungkin tak pakat dengan Datok Keramat, sebut bahawa Ketua Pembangkang ni kalau di Canada, di Australia di England, dia bertaraf menteri. Jadi, apa hal dengan Pulau Pinang ni. Takkan bagi

RM1,000.00 sahaja. Saya nak cadangkan supaya, bukan RM1,000.00 elaun dia. Kena bagi RM1,000.00 kurang sikit daripada Ketua Menteri punya elaun. Itu yang saya tak setuju tu. Ataupun bagi taraf EXCO, supaya jadi Ketua Pembangkang ni kena *enjoy* segala kemudahan yang diperoleh oleh EXCO. Nak suruh dia buat kerja dengan tak ada penyokong, tak ada kakitangan sokongan. Bagilah seorang *researcher*, penyelidik. Jadi kita nak buat sendiri semua, tak mampulah dengan pelbagai isu yang ada yang kita nak semak. Perlu ada seorang *researcher*. Kalau tak bagi sepenuhnya sekurang-kurangnya masa, mungkin duduk di KOMTAR, tetapi bertanggungjawab kepada Ketua Pembangkang dan sebagainya. Pejabatnya pun kenalah ada pegawai-pegawai yang membantu.

Kita ini dah taraf menteri kena bagi keistimewaanlah, atau pun taraf EXCO. Yang itu yang saya nak tekankan. Sebab itu saya kata tadi, saya menyokong dan tak sokong. Sokong usul ini, tetapi tak sokong dengan elaun cadangan oleh Ketua Menteri RM1,000.00. Sikit sangat. Sikit sangat dan tak memadai dengan elaun taraf Ketua Pembangkang yang bertaraf menteri kalau di Canada, kalau di Australia, kalau di England sepertimana yang disebut oleh Datok Keramat. Yang ni saya harap, mungkin hari ini tak dimasukkan usul ini, tetapi patut dipertimbangkan semula di kemudian hari dalam hal ini. Saya mohon menyokong Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya. Yang Berhormat Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima kasih, Y.B. Tuan Speaker. Mengenai perkara ini, saya juga ingin mengambil bahagian dalam hal ini tentang pemberian elaun khas bulanan sebanyak RM1,000.00 oleh Kerajaan Negeri kepada Ketua Pembangkang. Kita telah jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri kita adalah sebuah kerajaan yang tidak membelakangkan peranan dan tanggungjawab yang telah dipikul oleh pihak pembangkang. Sungguhpun pemberian ini dikatakan oleh Yang Berhormat Telok Bahang kita adalah tak banyak mana, namun bagi saya, maknanya amatlah besar sekali. Dengan adanya pemberian ini, ia secara tidak langsungnya telah meletakkan satu tanda penghargaan yang bernilai dan pengiktirafan yang sangat bererti terhadap suara pihak pembangkang terutama sekali dalam pelaksanaan sebarang projek pembangunan dan kemajuan nanti. Dengan adanya pemberian ini juga, kita berharap pihak pembangkang akan menggunakan peranan dan kedudukannya secara profesional bagi

memastikan bahawa rakyat kita senantiasa memperoleh faedah dan kebaikan yang maksimum dari setiap Ringgit Malaysia yang akan dibelanjakan oleh kerajaan nanti.

Y.B. Tuan Speaker, pemberian elaun khas secara bulanan ini juga telah membuktikan bahawa Kerajaan Negeri adalah sebuah kerajaan yang mementingkan pandangan dan pendapat semua pihak, tanpa mengira kaum, agama, fahaman politik dan kebudayaan serta jantina. Ini adalah satu pendirian yang sangat positif dan perkembangan yang sihat kerana pengakuan ini juga jelas menunjukkan bahawa kerajaan di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri kita adalah sebuah kerajaan yang mengutamakan kebajikan, keadilan dan pembangunan serta perpaduan rakyat pada keseluruhannya.

Y.B. Tuan Speaker, sejarah telah pun membuktikan pada kita bahawa pihak pengurusan dan kerajaan lama dalam masa 50 tahun yang lalu adalah penuh dengan pelbagai kesilapan yang tidak disedari. Kesilapan-kesilapan yang saya maksudkan di sini adalah seperti yang berikut:

- (i) Tidak mendengar keluhan hati dari rakyat jelata;
- (ii) Mengabaikan pandangan dan pendapat golongan minoriti;
- (iii) Membazirkan wang rakyat dengan mengadakan projek-projek yang tidak berfaedah kepada masyarakat;
- (iv) Kecuaian dalam pengurusan dan pentadbiran seperti harga minyak semasa dan perumahan serta pendidikan; dan
- (v) Mengagihkan kekayaan ekonomi negara hanya pada kroninya sahaja; dan lain-lain.

Menyedari tentang kesilapan-kesilapan yang lalu, adalah patut dan perlu bagi kita mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan sebarang kesilapan yang mungkin akan terjadi sepertimana yang telah dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Selain daripada itu, pelaksanaan ini juga jelas mencerminkan bahawa dasar ekonomi dan suara rakyat kita adalah sentiasa terpelihara di Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, saya mewakili rakyat di Jawi memberikan sokongan penuh terhadap pelaksanaan cadangan ini. Sekian, terima kasih.

Y.B Tuan Speaker:

Yang Berhormat Komtar, silakan.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Terima kasih, Y.B. Tuan Speaker atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyertai perbahasan ke atas Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan 2008). Walaupun pemberian elaun tetap kepada Ketua Pembangkang, tidaklah banyak, tetapi ini merupakan komitmen Kerajaan Negeri yang baru untuk mengiktiraf kedudukan Ketua Pembangkang secara lebih realistik walaupun kita sedang mengalami kegawatan dan kemelesetan ekonomi sedunia. Ingin saya menegur pihak pembangkang bahawa pemberian elaun ini bukanlah gula untuk membisu Ketua Pembangkang secara khususnya atau ahli-ahli pembangkang secara amnya. Malahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berharap pihak

pembangkang dapat memainkan peranan secara membina atau(dengan izin), *constructive criticism* dalam Dewan yang mulia ini untuk menambah baik lagi pentadbiran dan penggubalan dasar Kerajaan Negeri yang berorientasikan kepentingan rakyat.

Y.B. Tuan Speaker, banyak di antara Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Ahli Dewan Undangan Negeri yang sedia pernah dipilih sebagai Ahli Parlimen atau ADUN Pembangkang sebelum pilihan raya tahun ini. Mereka pernah mengalami pelbagai rintangan dan cabaran dalam tempoh pelantikan tersebut. Lebih-lebih lagi dengan layanan tidak adil oleh Kerajaan Barisan Nasional. Dengan itu, kami berkongsi perasaan yang sama dengan wakil rakyat pembangkang supaya keadaan yang sama tidak akan diulangi lagi. Selain daripada Rang Undang-Undang ini, Jawatankuasa Tetap Peraturan Mesyuarat Dewan ini juga pernah membincangkan bagaimana caranya untuk meningkatkan lagi ruang dan kebebasan yang diberikan kepada barisan pembangkang dalam Dewan yang mulia ini. Seseorang ahli pembangkang yang berperanan positif serta memberikan hujah-hujah dan input-input yang bernas dapat membantu Kerajaan Negeri untuk menggerakkan Negeri Pulau Pinang untuk terus maju serta merealisasikan wawasannya untuk menjadi sebuah negeri yang termaju serta bandar raya bertaraf dunia dalam tempoh yang lebih singkat.

Y.B. Tuan Speaker, walaupun kita sudah diberikan mandat oleh rakyat untuk mentadbir Kerajaan Negeri ini, kami tetap berpegang teguh kepada prinsip bahawa sebuah barisan kerajaan mestilah diimbangi oleh barisan pembangkang yang juga mempunyai kekuatan secara relatif. Hanyalah dengan cara ini, sesuatu dasar atau undang-undang yang diamalkan oleh kerajaan, tetapi tidak disenangi oleh rakyat jelata dapat ditolak atau dinafikan. Sesuatu keputusan atau dasar yang digubal oleh kerajaan mestilah dapat membawa kebaikan kepada rakyat jelatanya. Jikalau sesuatu keputusan atau dasar yang kurang rasionalnya tidak dapat

dinafikan atau tidak diperbetulkan, keadaan ini akan mendatangkan impak negatif kepada rakyat jelata serta generasi-generasi yang akan datang. Pelantikan dan kedudukan Ketua Pembangkang telah diperuntukkan dalam peraturan-peraturan mesyuarat yang kita guna pakai sekarang. Dan dari segi tempat duduk, gelaran jawatan Ketua Pembangkang juga dipaparkan pada plat nama bagi ahli kawasan Penaga. Tetapi ini tidak mencukupi, atau dalam kata lain hanya secara kosmetik sahaja untuk mengiktiraf kedudukan Ketua Pembangkang. Atas sebab ini Rang Undang-undang ini haruslah diperkenalkan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru ahli-ahli pembangkang supaya menyokong penuh Rang Undang-undang ini diluluskan. Janganlah membantah niat kerajaan baru yang baik untuk tujuan membantah sahaja. Ini bukanlah

sikap yang harus ada pada ahli-ahli pembangkang yang bertanggungjawab, hargailah Rang Undang-undang ini yang dapat menjamin serta mengerti kedudukan Ketua Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini. Tiada sesiapa yang dapat menjamin kita dapat menjadi kerajaan atau pembangkang untuk selama-lamanya.

Sokonglah Rang Undang-undang ini untuk generasi ini dan juga untuk generasi-generasi yang akan datang. Dengan kata-kata ini saya ingin menyokong rang Undang-undang ini diluluskan. Sekian terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya Y.B. Sungai Dua

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon bangun untuk sama-sama mengambil bahagian dalam enakmen meminda Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak 1980. Y.B. Tuan Speaker, saya pun hairan kita kalau nak bagi elaun, bagi saja lah tapi Y.A.B. Ketua Menteri semasa membentangkan enakmen ini seolah-olah macam tak ikhlas, tak ikhlas cakap macam-macam, kata kuku besilah, kalau kita jujur, kata secara jujur lah, kata ini patut diberi, memanglah. Ini dok cerita kuku besi cerita negeri lain, sedangkan Pulau Pinang memang mengamalkan persidangan Dewan Undangan Negeri. Dari dulu lah 14 hari lama bagi semua orang bercakap. Mana di negeri pembangkang dulu, di Kelantan dia bagi 2 hari selesai. Jadi tak payah, makna memang kita bercakap secara ikhlas.

Yang kedua, kita kalau bagi elaun itu satu ni lah, tapi yang penting seperti yang dikatakan oleh Y.B. Teluk Bahang tadi, kemudahan perlu disediakan kepada Ketua Pembangkang. Bilik Ketua Pembangkang dah

50 tahun macam tu sepatutnya la ni dah cukup selesa. Kita ada ruang semua ahli-ahli pembangkang boleh masuk boleh berbincang dan sebagainya. Berilah ruang yang luas, sediakan kemudahan kepada pembangkang, bukan kepada Ketua Pembangkang dan juga ahli-ahli pembangkang, sediakan kemudahan biar kita ada tempat. Ini kadang-kadang kita nak rehat pun tak ada tempat. Kita terpaksa ke sana ke sini, jadi. Y.B. Tuan Speaker lagi satu saya tengok enakmen ini, tarikh kuat kuasa dia, tarikh kuat kuasa perlu diletakkan tarikh pelantikan seorang ahli pembangkang itu dilantik, bukan tarikh bila ianya diwartakan. Kalau tarikh diwartakan dia tak boleh digunakan untuk masa depan. Tarikh pelantikan Ketua Pembangkang pada tarikh dia di lantik, tarikh itu lah dia di bayar elaun. Bila kita lantik dia masa Dewan Persidangan Negeri pertama hari itu, masa itulah tarikh dikuat kuasa dibayar elaun kepada Ketua Pembangkang.

Jadi Y.B. Tuan Speaker, saya ingat kalau apa ini, yang lain semua telah disebut tadi oleh Y.B. Telok Bahang, saya harap kita dapat mengkaji memberikan, kita sepatutnya secara ikhlas dan jujur, kita tak payah lah nak bagi elaun, bercakap macam-macam, kita nak bagi kita timbang elok-elok memang Parlimen dah lama dah bagi elaun, kita tak usah dok kata lah Pulau Pinang lah yang nak tunjuk, kita nak tunjuk kata kita *champion*. Pulau Pinang lah yang nak bagi. Dak, malahan Ketua Pembangkang ni, Parlimen dah lama bayar. Saya mohon menyokong, Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang yang bertajuk Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan Pindaan) 2008 ini. Pada dasarnya saya memang menyokong langkah yang diambil untuk mengiktiraf kedudukan dan juga peranan yang dimainkan oleh seorang Ketua Pembangkang dalam Dewan ini. Terutamanya untuk kita menginstitusikan Ketua Pembangkang ini. Dalam sistem yang kita amalkan sekarang, taraf seseorang Ketua Pembangkang ini, bolehlah kita bandingkan dengan kedudukannya dengan Ketua Kerajaan. Cuma bezanya Ketua Pembangkang memimpin barisan EXCO bayangan, Ketua Kerajaan pula memimpin barisan EXCO yang mempunyai kuasa untuk melaksanakan tugas-tugas pentadbiran.

Jadi kita tengoklah, kita nampak peranan Ketua Pembangkang ini memang cukup penting dalam sistem demokrasi di mana Ketua Pembangkang dapatlah melaksanakan ataupun menceraiakan fungsi

Dewan ini untuk melakukan *check and balance* terhadap pelaksanaan barisan EXCO Kerajaan. Tambahan elaun RM1,000.00 ini pada pendapat saya, saya berharap ia adalah satu cadangan ataupun langkah permulaan dan kita tidak harus berhenti di sini sahaja. Kerana kalau kita bandingkan dengan elaun-elaun yang diterima oleh Ketua Pembangkang di Parlimen, secara bandingan, elaun tambahan Ketua Pembangkang di Parlimen adalah bernilai RM3,846.59 iaitu 60% berbanding dengan elaun bulanan seorang ahli Parlimen. Ini tambahan, jadi selain daripada itu, Ketua Pembangkang di Parlimen juga diberi elaun untuk seorang Setiausaha Sulit yang bernilai R1583.00. Jadi walaupun kini kita, Dewan ini cuma mencadangkan untuk memberi RM1000.00 sebagai elaun tambahan kepada Ketua Pembangkang dan saya berharap ini kita tidak akan

berhenti di sini sahaja dan kita akan terus untuk mengiktiraf status ataupun kedudukan seorang Ketua Pembangkang dalam Dewan ini dan saya berharap dan saya bercadang pada masa depan dan saya percaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini, dapatlah kita menaikkan ataupun memperbanyakkan ataupun sekurang-kurangnya kita boleh memberi peruntukan kewangan untuk seorang atau dua pembantu atau *researcher* kepada Ketua Pembangkang. Dengan itu saya memohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya silakan pembangkang.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh, Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Tengah hari tadi Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan enakmen ini dan setelah mendengarnya dengan teliti, saya berasa begitu aneh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Minta Maaf, Y.B. *Point Of Order*. Y.B. Tuan Speaker, Peraturan Mesyuarat 46 (14) saya nak dapat tahu daripada Y.B. Tuan Speaker kerana sungguhpun kita tak ada peruntukan ini, tapi kerana Y.B. ADUN daripada Kawasan Penaga diramalkan, dijangka akan dipilih menjadi Ketua Pembangkang di sini adakah elok untuk beliau berucap dalam satu Rang Undang-undang yang mana Yang Berhormat ada kepentingan kewangan.

Y.B. Tuan Speaker:

Terima kasih. Y.A.B. Ketua Menteri membangkitkan Peraturan 46 (14) tentang kepentingan kewangan secara langsung. “Seorang ahli tidak boleh bercakap atau mengundi berkenaan dengan apa-apa perkara jua pun dalam mana dia ada mempunyai kepentingan kewangan secara langsung tanpa menerangkan setakat manakah keputusan itu disebut kepadanya”.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker....(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Saya boleh bagi Yang Berhormat bercakap.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim):

Boleh bercakap, saya tak kata saya nak terima kah nak tolak kah, kepentingan kewangan tak timbul, saya cuma serta dalam perbahasan ini.

Y.B. Tuan Speaker:

Di sini disebutkan dengan jelas bahawa kepentingan kewangan, seorang ahli itu tidak boleh bercakap, yang mana perbahasan melibatkan(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Tuan Speaker, kita sebenarnya sedang membahaskan enakmen. Enakmen ini bukan untuk penggal ini tetapi enakmen ini akan digunakan untuk masa-masa yang akan datang...(ketawa). Sebagai ahli Dewan Undangan Negeri, Y.B. daripada Penaga. Kita bukan bercakap daripada skop Ketua Pembangkang tetapi Ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Penaga adalah berhak untuk bercakap. Ini kerana kepentingan untuk masa-masa yang akan datang bukan pada ketika ini sahaja.

Y.B. Tuan Speaker:

Terima kasih Y.B. Kawasan Sungai Dua. Saya buat ketetapan di sini kita kena ikut Peraturan 46(14) secara jelas diberikan. Jadi ada Ahli-Ahli Berhormat Pembangkang(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed) :

Y.B. Tuan Speaker, adakah dengan ini kita nak menafikan hak dia sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri untuk berucap?

Y.B. Tuan Speaker:

Kita tidak menafikan tetapi saya benarkan mana-mana ahli lain pembangkang lain untuk berbahas, saya beri peluang. Tetapi ternyata jelas di sini bahawa Ketua Pembangkang di sini mempunyai kepentingan, ia melibatkan dengan Ketua Pembangkang. Jadi saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tadi semasa Y.B. Dato' Keramat berbahas, saya minta laluan, tak diberi untuk berbahas. Habis selesai dia duduk, paling tidak saya boleh jawab.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Hari Isnin boleh jawab. Isnin bila ucap bajet boleh jawab.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

You pun CAT telus, nak berucap tak bagi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ahli Bagan Jermal, tadi yang nak tembak saya, lepas itu saya balas balik, dia lompat, dia yang mula. Mata *you* tengok sama keliling.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya, ada lagi?

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Terima kasih, Y.B. Tuan Speaker, saya merujuk kepada Seksyen 3A yang telah pun dibentangkan, seksyen baru Seksyen 3A iaitu Di mana seorang Ahli Dewan Undangan Negeri dilantik sebagai Ketua Pembangkang ini adalah berhak selain daripada elaun bulanan yang dinyatakan di dalam Seksyen 3 mendapat elaun bulanan. Jadi saya percaya tuan-tuan, puan-puan...(minta maaf), Yang Berhormat saya menyokong penuh Rang Undang-undang yang dibentangkan ini berdasarkan satu sebab. Sebab sudah 50 tahun Barisan Nasional memerintah tetapi mereka tidak memberi laluan, satu penghormatan

sebegitu tetapi Pakatan Rakyat sekarang memberi satu penghormatan dan juga satu pengurniaan kepada Ketua Pembangkang. Kita perlu tau sebab pembangkang ini bukannya main-main. Pembangkang adalah pembangkang di Raja Malaysia. Parti Pemerintah, Parti Pemerintah di Raja Malaysia. Parti Pembangkang, Parti Pembangkang, tetapi sebagai Ketua Pembangkang dia juga mewakili Raja dan juga mewakili Rakyat.

Oleh yang demikian, kerja yang dipertanggungjawabkan itu mustahak sebab di sini kita perlu membimbing tanggungjawab ini. Sebab suara rakyat adalah suara keramat bukannya suara pembangkang itu suara keramat. Kita perlu ingat Yang Berhormat sebab tadi Y.B. Teluk Bahang, dia antara sokong dan tak mahu sokong, nak cium dengan tak mau cium. Dia kata tidak dapat terima hakikat, orang kata tidak ada

pendirian yang tegas. Sebab kalau mahu seribu daya, kalau tak mahu seribu dalih. Tetapi di dalam isu ini ada juga yang menyokong separuh dan tidak menyokong sebahagian dan juga *full* Y.B. yang seterusnya memohon bahawa daripada sejak 8 Mac 2008 bila Ketua Pembangkang telah diumumkan, bahawa Rang Undang-undang ini diluluskan berkuat kuasa daripada 8 Mac. Tetapi saya percaya undang-undang harusnya proaktif dan penguatkuasaan perlulah dari tarikh Akta ini dikuatkuasakan dan saya percaya dengan memberi satu ruang ini dapat mewujudkan satu *check and balance* kepada sistem yang sedia ada. Sebab Ketua Pembangkang juga merupakan satu *shadow* bayangan untuk alternatif *Prime Minister* ataupun alternatif Ketua Menteri. Kita jangan lupa itu, yang mustahak, kita jangan lupa. Jadi saya menyokong penuh Pindaan 3A dan ini juga dapat mendatangkan prinsip CAT, *transperancy* kepada prinsip demokrasi berparlimen dan supaya ini tidak akan membuka ruang untuk lain-lain gejala yang tidak baik dan saya menyokong. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya penggulungan. Silakan Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Rang Undang-Undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri Saraan Pindaan 2008. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Datok Keramat, Telok Bahang, dari KOMTAR, dari Jawi, dari Sungai Dua, daripada Bukit Tengah dan juga daripada Batu Uban. Di sini saya ingin memberikan satu jawapan dengan secara keseluruhan tentang beberapa hujah yang telah diutarakan dan tentulah saya amat berterima kasih bahawa Rang Undang-Undang ini disokong sebulat suara oleh

semua ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Cuma ada yang menyokong tanpa keikhlasan yang penuh lah. Sungguhpun cakap tentang keikhlasan tetapi penuh pun secara bersyarat tapi walau bagaimanapun tak apalah. Ini satu *improvement*, satu penambahan baik, sekurang-kurangnya bersedia untuk menyokong sesuatu yang kita rasa berkepentingan rakyat kerana ia boleh mengukuhkan demokrasi.

Y.B. Tuan Speaker, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dari pembangkang, saya rasa seperti yang lazim mereka buat baru-baru ini, membuat tuduhan yang melulu khususnya, Telok Bahang yang menyatakan Kerajaan atau proses pentadbiran Kerajaan agak lambat, itu sebab kena tambah *speed*.

Saya rela mengakui kalau ada apa-apa, kalau ada sebarang kelemahan, kerana kita tahu kita hanya insan yang dicipta oleh Tuhan dan kita bukan sempurna segalanya. Hanya Tuhan yang sempurna. So ada kesilapan kita sedia mengakui supaya kita boleh membetulkannya tapi di sini Yang Berhormat Telok Bahang tidak memberikan contoh macam mana Kerajaan Negeri lambat. Hanya buat satu tuduhan melulu tanpa memberikan contoh-contoh spesifik di mana jabatan kerajaan atau pegawai kerajaan lambat dalam menjalankan tugasnya.

Yang kedua juga daripada Yang Berhormat Telok Bahang tentang perkara miskin. Saya rasa kita tak nafikan usaha yang dibuat oleh Kerajaan Pusat tetapi kita agak kesal ialah nampaknya usaha ini tidak betul-betul serius kerana kalau kita benar-benar serius saya percaya kita boleh basmi masalah kemiskinan tegar 10 tahun yang lepas, tak perlu tunggu sampai sekarang dan itu ialah yang saya nak tekankan. Itulah sebabnya kita rasa macam kita lihat supaya perbandingan ada setengah-setengah negeri kalau kita lihat tentang usaha untuk membasmi kemiskinan 10 tahun dulu saya pergi macam itu, 10 tahun kemudian saya pergi lagi masih macam itu. Tak ada perubahan langsung dan negeri itu tentulah di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Aspek ini saya rasa kita harus terima hakikat dan kita harap bahawa dan usaha membasmi kemiskinan tegar, pihak pembangkang bolehlah menghulurkan bantuan yang sama supaya rakyat atau golongan miskin ini atau golongan yang daif ini boleh dibantu dan diangkat ke tahap mutu kehidupan yang lebih baik. Satu lagi pandangan yang diberikan oleh beberapa Yang Berhormat ialah tentang elaun. Elaun yang diberikan oleh pihak Kerajaan sebanyak RM1000.00, tentulah ini satu permulaan tapi kalau cakap tentang sumber-sumber yang boleh diberikan saya rasa sebelum ini tak pernah ada satu jawatan pun, sebelum ini tak pernah ada elaun pun sekarang bagi RM1000.00 pula minta lebih. Ini macam sudah bagi betis minta pula paha. Saya rasa janganlah lebih sangat kerana ini satu permulaan supaya kita mengiktiraf status dan kedudukan jawatan Ketua Pembangkang.

Dalam aspek ini kalau Yang Berhormat dari pembangkang betul-betul ikhlas mintalah Kerajaan Negeri Barisan Nasional yang lain ujudkanlah jawatan Ketua Pembangkang seperti mana yang dijalankan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat, kalau mereka boleh berbuat demikian kita boleh berbincang lagi tambahlah elaun untuk Ketua Pembangkang. Tetapi di sini kita ujudkan, di sana tak ujudkan tak ada rasa segan ka, tak rasa segan, di Negeri Barisan Nasional tak ada jawatan sedemikian, tak ada demokrasi, di sini kita ada demokrasi, kita iktiraf jawatan Ketua Pembangkang tak segan ke? Saya rasa mesti ada rasa segan sedikit.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Y.A.B. Ketua Menteri harus juga bagi tahu kepada Negeri Perak, Negeri Selangor, Negeri Kelantan, Kedah suruh buatlah juga, suruh buat juga. Kita jangan cakap, kalau Pulau Pinang buat, kita terima kasihlah, kerana Pulau Pinang mengorak langkah jujur dan ikhlas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Macam ini Yang Berhormat Sungai Dua mengakui ini Kerajaan baiklah. Bukan saya yang bagus, sendiri tadi you yang puji, ini Kerajaan yang baik, baik saya terima itu pujian yang dibuat. Untuk negeri-negeri lain seperti Perak akan dilaksanakan kerana ia telah diluluskan secara dasar oleh ECXO. Ini yang saya difahamkan. Itu sebab jangan risau, Kerajaan Pakatan Rakyat dalam aspek ini akan memastikan bahawa demokrasi diperkukuhkan dan kita harap kerana kita telah buat bahagian kita harapkan Yang Berhormat pembangkang boleh nasihatkan atau pujuk Kerajaan Barisan Nasional lain berbuat demikian, boleh dak, boleh dak. Tengok diam sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional dah lama dah bagi elaun kepada Ketua Pembangkang ini, Parlimen lama dah di Parlimen lama dah, apa guna cakap di sini, buat apa.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B Tuan Phee Boon Poh):

Bila ada beri, bila bagi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Mana ada. Selain daripada Parlimen, tak ada dan di Pulau Pinang Y.B. Phee Boon Poh adalah contoh yang paling baik.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Masa tu dia seorang sahaja, tak gamak nak bagi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bila kita bukan seorang pun tak diiktiraf jawatan sedemikian, so saya rasa janganlah pusing-pusing. Janganlah putar belit. Kenyataan, hakikat memang hakikat bahawa sebelum ini tak pernah dibuat oleh Barisan Nasional dan saya harap Sungai Dua kalau ikhlas, kita ikhlaslah

berikan nasihat kepada Kerajaan Barisan Nasional yang lain mencontohi amalan baik yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang. Pada masa yang sama tentang kemudahan sumber-sumber yang boleh diberikan kepada bukan sahaja kepada Ketua Pembangkang dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dari parti pembangkang yang lain. Saya rasa ini mesti kita saksamalah kepada semua, sama taraf dengan ADUN-ADUN lain. Di sini saya rasa kalau nak mendapat kemudahan-kemudahan seperti ini, yang diminta oleh Yang Berhormat, untuk saya tidak ada masalah. Malah sebelum ini pihak Kerajaan Pakatan Rakyat telah mengundang dan menjemput ADUN-ADUN dari pembangkang untuk menyertai Majlis Mesyuarat Kerajaan, menjadi sebagai ahli untuk membantu sama-sama macam mana kita boleh menjaga dan mempertingkatkan kebajikan rakyat Pulau Pinang. Tetapi tawaran ini ditolak sama sekali. So sekiranya kerja tak mahu buat, gaji elaun angkat tak patutlah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta Penjelasan. Saya ingat apa yang Y.A.B. Ketua Menteri tarik baliklah tuduhan kata kerja tak buat. Kami buat kerja di kawasan tak payah mai sampai KOMTAR. Kerja kami jaga rakyat. Jadi tak payah lah, tak payah kata orang tak buat kerja. Kita yang tak terima tawaran Kerajaan Pakatan Rakyat kerana tak ikhlas, tak ikhlas. Kalau kita betul-betul ikhlas kita akan hantar surat kepada Yang Berhormat Pembangkang....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Peraturan, Peraturan.(dengan izin). Y.B. Tuan Speaker, saya rujuk kepada Peraturan 46(13) daripada tadi saya lihat Y.B. Sungai Dua telah menuduh Y.A.B. Ketua Menteri mempunyai niat tidak ikhlas. Saya cuba tak dengarlah. Tetapi saya rasa tuduhan-tuduhan itu telah dimulakan

sekali lagi. Seseorang ahli itu mestilah jangan menuduh seseorang ahli yang lain mempunyai niat tidak baik. Jadi saya rasa perkara ini telah dibuat berulang kali oleh Yang Berhormat daripada Sungai Dua mengatakan Ketua Menteri yang mengusulkan perkara ini, membuatnya dengan niat tidak baik. Saya minta beliau supaya diberi saranan supaya tidak mengulangi tuduhan-tuduhan tersebut. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Seri Delima membangkitkan Peraturan 46(13)....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker. Saya nak buat penjelasan sedikit.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya akan teruskan. Bolehkah saya habiskan ruang jawapan ini, saya akan bagi penjelasan.

Y.B. Tuan Speaker:

Berikan peluang kepada Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Di sini saya rasa, itu yang saya cakap, kalau kita cakap dari segi kemudahan, saya tahu Yang Berhormat ada buat kerja di kawasan. Saya cakap tentang kerja dalam pentadbiran Kerajaan. Kita ikhlas, kalau kita tak ikhlas, Y.B. daripada Batu Maung tak akan berikan tawaran, Y.B. daripada Sungai Puyu, Sungai Puyu sendiri bila jadi EXCO pun ada beri tawaran. Minta ADUN daripada UMNO untuk menyertai Majlis Mesyuarat Kerajaannya. Sungguhpun bila beliau menjadi ADUN pembangkang tunggal kena tindas, kena buli betul-betul kerana dia satu orang sahaja. Tetapi di lawan juga dan di sini sungguhpun dari segi bilangan, kena didiskriminasikan tapi dengan hati yang begitu lapang masih minta ADUN untuk menyertai, dan selepas tawaran diberikan, semua ditolak oleh parti pembangkang. Itu sebab saya ada tanya kalau nak dapat kemudahan, kita sedia berikan sebagai ahli, Ahli Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Ahli EXCO. Tetapi janganlah ahli tak mahu menjadi Ahli Jawatankuasa itu, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan itu, tapi pula nak minta kemudahan ini, nak

minta kemudahan itu. Saya rasa tak patutlah. Saya minta Y.B. dari sana itu bercakap.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri. Saya rasa apa yang kita bincang ini, fokus dia ialah tentang pembentangan enakmen yang telah dibuat tadi. Jadi sekarang ini nampak dah mula melelong pi sampai cerita buat kerja tak buat kerja, sampai cerita yang lain daripada isu saraan, sebagaimana yang dibincangkan. Pada peringkat awal perbincangan, saya nampak tara ini ada baik dia, tetapi bila di pertengahan perbincangan, kita nampak bahawa

isu tawaran saraan ini seolah-olah satu perkara yang digunakan untuk menyatakan bahawa kami di pihak pembangkang ini, perlu sangat RM1000.00 itu. Kemudian mengungkit-ungkit dari segi buat kerja dan memberi syarat itu, kerja ini dan sebagainya dengan hanya RM1000.00 itu. Saya berpandangan dan saya ingin mengesyorkan bahawa tak payahlah, tak payahlah dan saya rasa mungkin ahli pembangkang dalam ini, saya rasa tak setujulah perkara ini, tak perlulah RM1000 itu. Kita cari duit lain lebih daripada itu pun bolehlah. Kalau nak bagi, kemudian dengan syarat, nak ungit, dengan ini, dengan itu, apa semua, tak payah sebut pasal CAT, tak sebut pasal apa, kalau nak bagi *just* bagi. Kita tak perlu bahas panjang-panjang, RM1000.00 nak bahas sampai 4 jam. Bayar bil elektrik ini pun dah dekat RM1000.00.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa Yang Berhormat ini melenting sangat kalau nak ucap tadi kenapa tak ucap? Kita bukan sebut tentang jumlah seperti yang saya sebut tadi satu permulaan kalau kita nak sebut dari segi jumlah ini sama kalau kita lihat dari segi *proportion* kepada elaun ADUN sama dengan *proportion* Ketua Pembangkang di Parlimen kita ikut secara kasar *proportion* sedemikian. Apa yang disebut ini untuk Ahli Parlimen agak-agak sama dengan apa yang diperoleh oleh Ahli Parlimen dan ini mungkin kurang sikit dan ini adalah satu permulaan. So, di sini saya di sini hendak tegaskan.

Tadi Y.B. Teluk Bahang sendiri yang meminta bahawa kalau boleh bagilah kereta, bagilah itu dan bagilah ini inilah, yang saya rujuk so, mengapa pula cakap bahawa kita macam nak pertikaikan kerana nak bagi RM1,000 nak ungit banyak perkara dan ini bukan satu isu. Isu ialah peranan yang boleh dimainkan oleh Parti Pembangkang yang konstruktif dan di sini saya sebut kita telah hulurkan tawaran. Kita kalau boleh

walaupun kita dalam parti politik yang berlainan tapi kalau untuk kepentingan rakyat kita sedia menerima pandangan yang berbeza itu sebab kita jemput untuk menjadi Ahli Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan tapi ditolak tengok di mana Kerajaan Negeri lain yang menawarkan tawaran sedemikian hanya di Pulau Pinang sahaja. Tetapi ini ditolak kita nak kerjasama tapi tak mahu kerjasama, so janganlah sebut tentang perkara yang tak berkaitan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Amat Berhormat boleh tak saya minta...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa tak patutlah..kerana Yang Berhormatlah yang akan mendapat...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tak perlu pun RM1,000.00. Patut tanya saya mahu atau tidak...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu terpulang nantilah, nanti lulus terpulang kepada Yang Berhormat, ini selepas tak patut macam ini. So, di sini saya rasa dalam aspek yang saya sebut tadi kita yang nak kita tegaskan di sini ialah Pakatan Rakyat adalah sebuah kerajaan yang cakap serupa bikin bila kita cakap nak kukuhkan demokrasi kita benar-benar menghayatinya.

Oleh sebab itu saya memang ucap terima kasih kepada semua pihak yang bersedia untuk memberikan sokongan dan apa-apa kemudahan yang kita nak beri saya rasa untuk permintaan yang dibuat oleh pihak pembangkang tentang *resources-resources* seperti yang disebut tadi sumber-sumber, sekiranya Ahli-ahli Pembangkang bersedia menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan saya rasa itu kita boleh aturkan tetapi dengan keadaan sedemikian bila tawaran ditolak dan saya rasa susah untuk diterima.

Di sini Y.B. Tuan Speaker, itulah yang saya rasa kecuali satu lagi daripada Yang Berhormat dari Sungai Dua untuk meminta elaun ini mesti berkuat kuasa pada tarikh bila dilantik. Saya rasa ini tidak memenuhi undang-undang kerana kita tak boleh membuat undang-undang atau kita

tak boleh membelakangkan penguatkuasaan undang-undang. Tidak boleh jadikan dia *retroactive* dan kerana selepas undang-undang ini diluluskan dan diwartakan dan mengikut peraturan mesyuarat bila speaker buat lantikan, baru ia boleh berkuat kuasa, baru elaun bulanan RM1,000 ini boleh dibayar.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Pindaan Saraan 2008) dibacakan bagi kali kedua. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan setuju katakan “Ya.” atau jika tidak setuju katakan “Tidak.”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.” lebih banyak, sebulat suara.

Setiausaha :

Rang Undang-undang bernama Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan 1980).

Y.B. Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang kedua, Rang Undang-undang sekarang akan ditimbang di dalam Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat. Jadual, Fasal 1 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang? Fasal 2 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama satu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan 1980).

Y.B. Tuan Speaker:

Tajuk penuh dan Fasal yang mengundangkan adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang? Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, saya memohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2008 telah pun dipertimbangkan Fasal demi Fasal dalam jawatankuasa telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Y.B. Tuan Speaker:

Menurut Peraturan 80 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri saya dengan ini membuat pindaan seperti berikut, dalam kedua-dua teks Rang Undang-Undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan Pindaan 2008) dipinda dalam Fasal 2 di hujung Seksyen baru 3(e) dengan memotong tanda cetak iaitu tanda berbentuk kotak empat segi dan noktah selepas

tanda kotak itu. Muka surat 12, masalah yang dihadapi sekarang Rang Undang-Undang yang dibacakan bagi kali yang ketiga telah dan serta diluluskan. Bagi ahli yang bersetuju katakan "Ya", dan yang tidak setuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Tuan Speaker:

Sebulat suara. "Ya" lebih banyak.

Setiausaha:

Enakmen Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan 2008) maka dengan ini adalah diperundangkan oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker:

Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan. Ahli-ahli Yang Berhormat saya dengan ini menangguhkan sidang Dewan ini ke hari esok 14 November 2008 dan kita akan bermula pada pukul 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 3.45 petang

JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah dasar perumahan kos rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menambah jumlah rumah kos rendah mengikut keperluan di daerah-daerah dan bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu rakyat negeri ini untuk memiliki rumah dan menyelesaikan masalah perumahan rakyat yang berpendapatan rendah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk memenuhi keperluan perumahan rakyat yang berpendapatan rendah. Ini adalah selari dengan sasaran perumahan Kerajaan Negeri iaitu satu keluarga satu rumah. Sasaran tersebut diharap akan tercapai menjelang 2020. Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha-usaha yang ada termasuk mencari kaedah baru ke arah menggalakkan pembinaan rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah. Antara kaedah untuk mencapai matlamat tersebut adalah:

- (i) memberi keutamaan kepada pembinaan rumah mampu milik atas tanah-tanah kerajaan dan agensinya;
- (ii) mewujudkan dana perumahan untuk digunakan bagi pembelian atau pembangunan rumah;
- (iii) membangun semula dan menggantikan kawasan setinggan dan kawasan perumahan yang lama dan usang dengan perumahan yang lebih banyak dan lebih selesa; dan
- (iv) menyediakan strategi dan insentif untuk terus menggalakkan pembangunan rumah mampu milik oleh pihak swasta.

Perbincangan dengan pihak industri dan masyarakat sivil telah dimulakan dan akan diteruskan untuk mendapatkan input dan idea bagi penggubalan dasar dan strategi berkaitan.

Dasar pembinaan 30 peratus rumah kos rendah juga dikenakan kepada pemaju swasta yang membina rumah melebihi 100/150 unit mengikut kawasan pembangunan. Dasar rumah kos rendah dan sederhana rendah telah digubal bagi menggalakkan pembinaan perumahan mampu milik oleh pemaju swasta. Antara dasar-dasar baru yang telah diperkenalkan adalah:

- (1) Pemaju di beri pilihan melaksanakan 40 – 60 peratus rumah kos sederhana rendah menggantikan 30 peratus rumah kos rendah bagi Daerah Timur Laut dengan harga antara RM58,500 - RM75,000; dan
- (2) Dasar penyediaan perumahan bercampur rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah 20:20 bagi daerah-daerah lain selain DTL.

Perumahan akan disediakan di semua daerah dengan tumpuan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai permintaan yang tinggi khasnya Daerah Timur Laut dan Seberang Perai Utara.

Setakat ini tidak ada perubahan kepada harga rumah kos rendah dan sederhana rendah yang dicadangkan walaupun pihak Real Estate And Housing Developers' Association Malaysia (REHDA) telah mengemukakan permohonan untuk menaikkan harga rumah. Kerajaan Negeri akan memastikan harga rumah berpatutan dan mampu dimiliki oleh rakyat.

Agensi-agensi Kerajaan Negeri akan terus memainkan peranan masing-masing dengan kerjasama pihak swasta. Kerajaan Negeri juga berharap Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perumahan Negara dan Syarikat Perumahan Negara Berhad akan terus membantu untuk menyediakan rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan rakyat memandangkan Y.A.B. Perdana Menteri telah pun memberi komitmen bahawa perumahan untuk rakyat merupakan keperluan asas yang akan diberi tumpuan dan peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan bagi semua negeri.

Kerajaan Negeri turut mempunyai hasrat mewujudkan dana perumahan dengan bantuan sumbangan daripada pihak swasta untuk membiayai pembinaan rumah kos rendah serta perumahan sosial untuk golongan tidak berumah seperti penerima bantuan kebajikan. Dana ini boleh juga digunakan untuk membeli tanah swasta di kawasan yang mempunyai permintaan yang tinggi bagi tujuan pembinaan perumahan kos rendah atau untuk pembangunan kemudahan infrastruktur asas. Kewangan untuk tabung perumahan ini boleh diperoleh secara sumbangan daripada pemaju yang tidak dapat menyediakan rumah kos rendah atas sebab tertentu, mereka yang membina bilangan unit kurang daripada yang ditetapkan tetapi bernilai tinggi dan termasuk mereka yang membangunkan projek komersial yang besar.

Bagi golongan miskin tegar, program bantuan, subsidi atau pinjaman akan diperbanyakkan. Penyediaan skim perumahan sosial adalah perlu bagi menampung keperluan OKU, warga emas dan penerima-penerima kebajikan. Bantuan perumahan untuk keperluan golongan miskin tegar akan dikaji semula mengikut keperluan semasa.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, terdapat dua perancangan untuk membina Projek Perumahan Rakyat (PPR) iaitu di Ladang Kaledonia, Seberang Perai Selatan dan di Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya. Sehingga kini, tiada maklum balas yang diterima oleh Kerajaan Negeri berhubung pembinaan PPR di Ladang Kaledonia, Seberang Perai Selatan. Namun bagi perancangan PPR di Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan secara prinsipnya melalui surat bertarikh 23 Ogos 2008 telah bersetuju dengan cadangan tersebut. Walau bagaimanapun, ianya masih dalam peringkat perbincangan sebelum keputusan pelaksanaan projek tersebut dimuktamadkan.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan pembangunan dan infrastruktur dalam sektor belia, sukan dan kebajikan sehingga 30 September 2008. Sila beri huraian dan pecahan kosnya mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sebagai makluman Y.B., peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan hanya boleh digunakan bagi tujuan penganjuran program dan aktiviti sahaja. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui MMK Belia dan Sukan telah menganjurkan pelbagai program/aktiviti bagi meningkatkan persefahaman dan perpaduan di kalangan belia berbilang kaum. Di antara program tersebut ialah Karnival Hari Belia Negeri Pulau Pinang. Karnival Hari Belia Negeri Pulau Pinang merupakan perhimpunan tahunan yang bersifat

karnival dengan melibatkan kebanyakan pertubuhan belia seluruh Negeri Pulau Pinang. Karnival tersebut juga menampilkan kelainan dan kepelbagaian dalam pengisian program seperti persembahan, kebudayaan, sukan dan sebagainya.

Program Malam Belia dan Komuniti di KOMTAR pula diadakan bagi memberi ruang kepada belia Pulau Pinang untuk menyetengahkan bakat dan kemahiran melalui platform yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Program ini dicadangkan untuk diadakan setiap bulan namun, ianya masih di peringkat kajian. Antara pengisian program yang akan dan telah diadakan ialah persembahan nyanyian, pengucapan awam dan sebagainya.

Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan Kempen Belia Anti Jenayah. Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran belia tentang pentingnya keharmonian di dalam sesebuah negara. Program ini telah diadakan dengan kerjasama pertubuhan belia di bawah naungan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang.

Selain dari itu, pelbagai program berbentuk sukan juga telah diadakan. Antaranya ialah Pertandingan *Skimboarding* dan Karnival Bola sepak Hari Kemerdekaan. Program tersebut diadakan demi mewujudkan komuniti yang gemar kepada gaya hidup sihat selain meningkatkan hubungan antara kaum bagi seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang. Jumlah perbelanjaan untuk pelbagai program tersebut adalah RM45,592,05.

Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:-

BIL.	PROGRAM	JUMLAH (RM)
1.	Program Ramah Mesra dan Makan Tengah hari bersama Rombongan Majlis Belia Labuan dan Majlis Belia Daerah Seberang Perai Tengah pada 14 April 2008	520.00
2.	Karnival Hari Belia Negeri Pulau Pinang di Autocity pada 22 Jun 2008	16,770.00
3.	Malam Belia dan Komuniti di KOMTAR pada 21 Jun 2008 dan 26 Julai 2008	14,942.55
4.	Program Karnival Bola sepak Hari Kemerdekaan pada 17 Ogos 2008	5,325.50
5.	Program Pertandingan <i>Skimboarding</i> Antarabangsa Kali ke 2 Pulau Pinang pada 16 Ogos 2008	4,654.00
6.	Kempen Belia Anti Jenayah pada 30 Ogos 2008	3,380.00
	Jumlah Perbelanjaan	45,592.05

Sehingga 30 September 2008, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi Jawatankuasa MMK Belia Dan Sukan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM150,000.00 untuk aktiviti pembangunan belia di seluruh Negeri Pulau Pinang melalui peruntukan yang disalurkan kepada Majlis Belia Negeri. Daripada jumlah tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi Majlis Belia Negeri Pulau Pinang telah menyumbangkan bantuan peruntukan sebanyak RM1,000.00 kepada 16 buah pertubuhan peringkat Negeri Pulau Pinang dan RM600.00 kepada setiap Majlis Belia Daerah. Peruntukan tersebut turut digunakan untuk tujuan pelaksanaan program/aktiviti di peringkat negeri. Sejumlah 31 program/aktiviti telah dilaksanakan sehingga bulan September 2008 melibatkan penyertaan melebihi 5,000 orang.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri turut memperuntukkan sejumlah wang bagi tujuan menaik taraf kemudahan sukan sedia ada bagi kegunaan belia dan orang ramai. Antara projek naik taraf kemudahan sukan ialah seperti berikut:

- (1) Naik taraf Dewan Badminton Titi Mukim - RM100,000
- (2) Penubuhan Dewan Futsal Titi Mukim - RM200,000
- (3) Naik taraf Dewan Angkat Berat, Bukit Mertajam - RM50,000

Sebagai makluman Y.B. juga, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) lebih menumpukan kepada pembangunan modal insan bagi kesejahteraan penduduk Negeri Pulau Pinang. Menurut maklumat yang dibekalkan oleh JKMM, peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri melalui jabatan adalah untuk tujuan Bantuan Am dan Bantuan Bencana ialah sebanyak RM2,775,000.00 bagi tahun 2008, manakala perbelanjaan sehingga 30 September 2008 adalah sebanyak RM2,373,098.45.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 21. Y.A.B. Ketua Menteri telah melancarkan projek WiFi dan WiMAX di Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.
 - (i) Adakah terdapat sebarang kesan sampingan kesihatan orang awam melalui penggunaannya.
 - (ii) Sila nyatakan kos perbelanjaan untuk projek ini.
 - (iii) Bila projek ini akan siap dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 21. (i) **Kesan sampingan terhadap kesihatan orang awam**

Radiasi dari sistem telekomunikasi adalah dari kategori *non-ionising radiation*. Manakala, radiasi yang boleh memberi kesan kepada tisu sel manusia adalah dari kategori *ionising radiation*. Selain itu, tenaga pemancaran yang dibenarkan pada sistem WiFi adalah dalam julat kurang dari 1 watt dan sangat kecil berbanding dengan tenaga yang digunakan pada sistem telekomunikasi selular.

Sebuah laman khas telah dibangunkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai maklumat radiasi telekomunikasi menerusi alamat www.rfrad.gov.my.

(ii) **Kos Projek**

Tiada sebarang kos perbelanjaan di pihak Kerajaan Negeri kerana kedua-dua projek *Penang Free WiFi* dan *WiMAX@Penang* adalah inisiatif dan pembiayaan pihak swasta.

(iii) **Tarikh Siap Projek**

Projek ini dijadual akan dilaksanakan secara berfasa dan akan siap sepenuhnya dalam tempoh 2 tahun.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan tempatan tentang masalah penutup longkang yang telah dicuri yang membawa bahaya kepada pejalan kaki.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Tempatan untuk mengatasi masalah penutup longkang yang telah dicuri serta merbahaya kepada pejalan kaki adalah seperti berikut:-
- (a) Menggunakan penutup parit yang tidak mempunyai nilai jualan balik seperti *Fibre Reinforced Plastics* (FRP) di kawasan pejalan kaki.
- (i) Kaedah ini telah dilaksanakan sejak tahun 2003 untuk projek-projek baru MPPP dan penggantian penutup parit keluli yang hilang.
- (ii) MPPP juga telah mula mengenakan syarat penggunaan penutup parit jenis FRP terhadap semua pembangunan baru mulai tahun 2004.
- (b) Kerajaan Tempatan juga memohon bantuan pihak polis untuk menjalankan rondaan dan tangkapan yang berterusan serta mengambil tindakan terhadap *scrapyard owner* yang dipercayai membeli penutup parit yang dicuri. Pihak polis telah melancarkan 'Ops Lusu' untuk mencegah masalah kecurian kemudahan awam seperti penutup longkang, pili bomba serta menjalankan pemantauan ke atas peniaga-peniaga barang lusu.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Sila senaraikan jumlah projek perumahan baru yang telah diluluskan di KADUN Paya Terubong bagi tempoh bulan Mac sehingga Oktober 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Terdapat tiga (3) Permohonan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan bagi pemajuan projek perumahan di KADUN Paya Terubong bagi tempoh bulan Mac hingga Oktober 2008. Keterangan terperinci adalah seperti:
- (i) mendirikan kedai pejabat tiga tingkat di Lebuh Relau sebanyak 12 unit dan rumah teres tiga tingkat sebanyak 44 unit.
 - (ii) mendirikan perumahan dan perniagaan di Lebuh Relau yang mengandungi :
 - (a) rumah teres tiga tingkat sebanyak 47 unit dan
 - (b) kedai/pejabat tiga tingkat sebanyak 20 unit
 - (iii) mendirikan pemajuan perumahan di Lebuh Relau yang mengandungi:
 - (a) rumah teres tiga tingkat sebanyak 10 unit.
 - (b) rumah berkembar tiga tingkat sebanyak 16 unit.
 - (c) Rumah sesebuah tiga tingkat sebanyak 2 unit.

Namun, sehingga kini pemaju bagi keempat-empat projek tersebut belum mengemukakan Pelan Bangunan bagi tujuan pemajuan projek perumahan di KADUN Paya Terubong.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Sila nyatakan kedudukan indeks jenayah di Negeri Pulau Pinang dalam tahun 2008 mengikut daerah.
- (b) Jika indeks jenayah meningkat, apakah punca peningkatannya.
- (c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengawal masalah peningkatan kadar jenayah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Kedudukan indeks jenayah di Pulau Pinang bagi tempoh Januari hingga September 2008 ialah sebanyak 13,570 kes berbanding tempoh yang sama tahun 2007 sebanyak 13,303 kes meningkat sebanyak 267 kes atau 2.0 peratus. Terdapat tiga (3) daerah yang menunjukkan peningkatan. Bagi Daerah Timur Laut, kes meningkat sebanyak 226 kes atau 5.0 peratus daripada 4,502 tahun 2007 kepada 4,728 tahun 2008. Daerah Seberang Perai Utara mencatatkan kes sebanyak 1,726 tahun 2008 berbanding 1,560 kes tahun 2007 naik sebanyak 166 kes atau 10.6 peratus. Daerah Seberang Perai Tengah pula meningkat daripada 4,668 kes tahun 2007 kepada 4,784 kes 2008 iaitu naik 116 kes atau 2.5 peratus. Manakala Daerah Barat Daya mencatatkan penurunan kes kepada 1,504 kes bagi tahun 2008 berbanding tahun 2007 sebanyak 1,617 kes iaitu penurunan sebanyak 113 kes atau 7.0 peratus. Daerah Seberang Perai Selatan juga menunjukkan penurunan kes kepada 128 kes atau 13.4 peratus daripada 956 kes tahun 2007 menjadi 828 kes bagi tahun 2008.
- (b) Antara faktor-faktor peningkatan jenayah indeks di Pulau Pinang ialah:-
- (i) kepadatan penduduk serta pembangunan yang pesat;
 - (ii) kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat dan menjadi tumpuan pekerja khususnya dari Utara dan Timur Semenanjung dan warga asing dalam mendapatkan pekerjaan membantu menambahkan kepadatan penduduk yang seterusnya memberi kesan kepada pewujudan pelbagai budaya serta masalah sosial; dan
 - (iii) menjadikan tumpuan dalam pelbagai sektor ekonomi dan juga tempat hiburan yang mempunyai pelbagai aktiviti sosial.
- (c) Pihak polis bersama agensi-agensi Kerajaan Negeri yang lain telah mengambil beberapa langkah bagi membendung kadar jenayah daripada terus meningkat. Antara tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:-
- (i) menggembelng semua unit organisasi sebagai strategi pencegahan yang lebih sistematik dan berkesan di samping kelengkapan logistik yang terkini dijangka akan membantu dalam mengekang

pertumbuhan kadar jenayah di negara ini. Kontinjen ini juga mempunyai komitmen yang amat tinggi dengan sasaran penurunan indeks 10 peratus;

- (ii) mewujudkan *Task Force* khusus di peringkat daerah polis dalam menangani jenayah-jenayah yang menjadi penyumbang utama kes misalnya curi motosikal, pecah rumah, ragut akan ditangani secara lebih berkesan;
- (iii) menambahkan anggota polis beruniform, membuat rondaan berjalan kaki, bermotosikal dan kereta peronda yang ada di setiap zon dalam usaha pencegahan jenayah terutamanya di kawasan-kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai;
- (iv) memperluaskan program bersama masyarakat (antaranya polis bersama pelanggan, hebahan media massa dan media cetak) dalam usaha memerangi jenayah terutamanya menerusi maklumat yang disalurkan dan terus dikaji serta diambil tindakan;
- (v) mempertingkatkan peranan masyarakat dalam membantu pihak polis dari masa ke semasa. Pertubuhan-pertubuhan NGO, Yayasan, Majlis-majlis Perbandaran, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan sekolah-sekolah adalah kumpulan yang harus dirapati, dididik dan dipertanggungjawabkan bersama ke arah mewujudkan masyarakat bebas dari jenayah. Ini termasuklah mengadakan kempen, ceramah dan penubuhan Rakan Cops untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa sendiri; dan
- (vi) melaksanakan Inisiatif Bandar Selamat (IBS). Pada peringkat permulaan lima kawasan IBS telah dilaksanakan di Pulau Pinang iaitu :-

Daerah Timur Laut - IBS Macallum,
Daerah Barat Daya - IBS Bayan Baru,
Daerah Seberang Perai - IBS Taman Siakap
Daerah Seberang Tengah - IBS Bukit Minyak;
Daerah Seberang Perai Utara- IBS Bagan

Semua IBS dilaksanakan dengan rasminya mulai 1 Julai 2007. Perlaksanaan Inisiatif Bandar Selamat ini merupakan penambahbaikan infrastruktur dan alam sekitar di kawasan-kawasan Inisiatif Bandar Selamat antaranya :-

- (1) Pemasangan CCTV untuk memudahkan pemantauan kes ragut, samun curi motosikal dan jenayah lain;
- (2) Pemasangan lampu jalan bertujuan untuk menerangi kawasan yang menjadi tumpuan penjenayah melakukan aktiviti jenayah; dan
- (3) Pembinaan Dewan Komuniti bertujuan untuk masyarakat bersatu dan menanam semangat kejiranan melalui aktiviti yang diadakan dan pembangunan komuniti tercapai dan dapat membantu polis dalam pencegahan jenayah.

Selain daripada itu, pelancaran IBS ini juga bertujuan untuk menggalakkan penyaluran berbagai jenis maklumat kepada pihak polis khususnya maklumat daripada orang awam, Ahli Jawatankuasa IBS, Rukun Tetangga, penduduk taman perumahan, agensi kerajaan/swasta dan lain-lain.

Pada keseluruhannya mengikut statistik indeks jenayah di bandar selamat negeri Pulau Pinang bagi tempoh Julai hingga September 2007 mencatatkan sebanyak 267 kes berbanding 361 kes pada tempoh sama bagi tahun 2006. Ini menunjukkan penurunan indeks jenayah sebanyak 94 kes atau 26 peratus selepas 3 bulan pelancaran IBS.

Pelancaran IBS di kawasan-kawasan yang banyak berlaku jenayah (*crime prone areas*) amat bersesuaian sekali dan dapat menurunkan kadar indeks jenayah di kawasan tersebut dan konsep ini juga akan diperkembangkan dan diadakan di bandar-bandar lain yang mempunyai masalah jenayah bagi menurunkan kadar jenayah seterusnya memastikan keselamatan orang ramai terus terjamin.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Bagaimanakah kerajaan tempatan mengkoordinasikan kerja-kerja mengorek jalan oleh TNB, PBA, JKR dan sebagainya. Adakah kerajaan tempatan menyediakan garis panduan untuk mengurangkan kesesakan dan mengutamakan keselamatan semasa kerja-kerja dijalankan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Agensi Utiliti seperti PBA, TNB, Telekom dan lain-lain lagi akan membuat permohonan kepada pihak berkuasa jalan sama ada JKR, MPPP atau MPSP. Bagi kelulusan yang diberi untuk pengorekan jalan, agensi utiliti hendaklah mengikut garis panduan yang diluluskan termasuk bayaran deposit dan penyediaan *underground utility mapping*. Hanya kontraktor yang memperoleh sijil daripada JKR akan diberi kebenaran untuk mengorek jalan.

Apabila permohonan daripada syarikat utiliti diterima oleh JKR, maka lawatan tapak bersama akan dilakukan. Selain itu, JKR juga akan membuat semakan ke atas lukisan. Untuk jajaran cadangan kabel berserta *road mapping*, pemohon dikehendaki menandatangani borang permohonan JKR84/1 serta menyediakan wang deposit sebagai cagaran ke atas kerja-kerja pemotongan jalan/bahu jalan.

Surat kelulusan permit dikeluarkan dengan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh agensi utiliti. Antara syarat utama yang perlu dipatuhi adalah menyediakan pengurusan lalu lintas di tapak bina (*traffic management plan-TMP*). Pemohon hanya dibenarkan memulakan kerja setelah TMP diluluskan oleh pihak JKR.

Bagi mengutamakan keselamatan semasa kerja-kerja pengorekan jalan dijalankan, setiap agensi utiliti juga dikehendaki mematuhi garis panduan cara mengawal keselamatan yang disyaratkan seperti menyediakan lampu *blinkers* pada waktu malam, penyediaan papan-papan tanda dan sebagainya.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Adakah Kerajaan Negeri sedar lalat menjadi masalah utama penduduk-penduduk di daerah Seberang Perai Selatan kerana terdapat ternakan babi dan ayam di tepi Plaza Tol Jawi, Juru dan di tengah penempatan yang padat yang boleh mengundang penyakit berjangkit yang serius seperti Virus Nipah. Apakah tindakan yang akan diambil.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Masalah lalat merupakan salah satu masalah utama di Daerah Seberang Perai Selatan. Ia disebabkan oleh ladang ternakan ayam dan khinzir di kawasan berhampiran.

Pelbagai tindakan kawalan jangka pendek telah diambil seperti semburan kabus bahan kimia *Aqua Resigen* oleh Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan terhadap pengusaha ternakan ayam. Selain itu, Jabatan Kesihatan juga mencadangkan agar penternakan ayam dan khinzir dijalankan secara kaedah moden dan tertutup agar masalah lalat ini dapat dibendung. Sementara itu, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah pun bekerjasama di dalam memberi pendidikan kesihatan kepada semua penternak-penternak khinzir bagi memastikan *Good Animal Husbandry* – Amalan Penternakan Haiwan Yang Baik/Teratur dipraktikkan.

Program pengawalan dan pembasmian penyakit Nipah telah dilaksanakan dengan jayanya pada tahun 1999. Kerja-kerja pemantauan penyakit ternakan berkenaan terus dijalankan mengikut program-program pengawalan penyakit ternakan yang dijalankan sepanjang tahun. Program pengawalan pencemaran bau serta gangguan lalat dijalankan bersama-sama Agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Tugas pemantauan serta penguatkuasaan dijalankan sepanjang tahun bagi memastikan semua ladang ayam mematuhi peraturan yang ditetapkan. Di samping itu Jabatan Veterinar juga sedang melaksanakan penggunaan *Effective Microbes* (EM) di ladang ternakan bagi memantapkan lagi program pengawalan pencemaran bau dan lalat.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Apakah pelan tindakan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi menangani krisis ekonomi global masa kini bagi memastikan ekonomi negeri mencatatkan pertumbuhan positif.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Saya mohon keizinan untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan no. 49 daripada Ahli Kawasan Pantai Jerejak dan soalan no. 30 Ahli Kawasan Sungai Dua.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menggariskan sepuluh (10) teras strategik bagi Negeri Pulau Pinang untuk terus memajukan ekonomi Negeri. Teras-teras strategik ini adalah berdasarkan tiga (3) unsur utama iaitu pelabur, pelancong dan penduduk.

Teras-teras strategik itu adalah seperti berikut:

- (1) Perindustrian;
- (2) "Regional Headquarters"; dan
- (3) Mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE).

- (4) Kebudayaan dan seni;
- (5) Makanan & masakan Pulau Pinang;
- (6) Sukan; dan
- (7) "Pelancongan-Eko".
- (8) Pendidikan;
- (9) Warisan; dan
- (10) Perkhidmatan perubatan.

(1) Teras Strategik Perindustrian:

Kerajaan Negeri melalui investPenang akan mempertingkatkan usahanya untuk menggalakkan aliran masuk pelaburan asing serta pelaburan tempatan ke dalam sektor perindustrian di Pulau Pinang. Usaha galakan pelaburan tidak akan hanya ditumpukan kepada pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat dan Eropah tetapi tumpuan baru juga akan diberikan kepada potensi pelaburan dari

Korea Selatan, Timur Tengah, Negeri China, India dan juga Indonesia. Dalam pada itu Ketua Menteri telah mengetuai rombongan galakan pelaburan ke Korea Selatan dan Timur Tengah.

Ekonomi Negeri Pulau Pinang, sejak perindustrian berorientasikan eksport mulai diperkenalkan dan dilaksanakan pada tahun 1970an, adalah didominasi oleh sektor pembuatan. Pada akhir tahun 1990an, sumbangan sektor perindustrian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sebanyak 45%. Kini, walaupun sumbangan sektor perindustrian telah menurun kepada 39% daripada KDNK Negeri, sektor ini masih merupakan sektor yang terpenting dalam ekonomi Negeri dan masih dianggap sebagai sektor yang terpenting bagi ekonomi Negeri. Antara aktiviti-aktiviti yang digalakkan termasuk aktiviti yang menggunakan teknologi terkini; melibatkan pengeluaran barangan yang bernilai tinggi; serta mengintensifkan pengetahuan dan ilmu.

Negeri Pulau Pinang akan dibangunkan dan di promosi sebagai pusat perindustrian yang moden bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMG-GT). Pengilang-pengilang dari Indonesia dan Thailand akan digalakkan untuk menggunakan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat untuk menambah nilai serta mengedarkan barangan buatan mereka ke pasaran antarabangsa. Ini adalah disebabkan Negeri Pulau Pinang mempunyai infrastruktur yang lengkap dan berkualiti seperti pelabuhan dan lapangan terbang antarabangsa yang kerap dikunjungi oleh kapal terbang kargo dari seluruh dunia. Selain daripada itu, kewibawaan Malaysia dalam mengeluarkan pensijilan Halal juga berperanan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi terpilih untuk pengeluaran barangan dan perkhidmatan Halal oleh syarikat-syarikat dari Thailand dan Indonesia.

Tumpuan juga akan diberikan kepada pelaburan tempatan. Usaha akan dipertingkatkan dalam fasilitet syarikat-syarikat tempatan. Syarikat-syarikat tempatan yang berjaya dan berdaya saing dalam pasaran antarabangsa bukan sahaja melambangkan keupayaan dan kemampuan pengusaha tempatan, mereka juga merupakan sebahagian daripada rangkaian nilai syarikat-syarikat antarabangsa dan merupakan salah satu daripada daya tarikan utama Pulau Pinang. Dengan kata lain, syarikat-syarikat tempatan menjadi pemangkin sektor perindustrian.

Selain itu, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa ekonomi Negeri Pulau Pinang tidak seharusnya hanya bergantung kepada industri berorientasikan eksport. Seandainya ekonomi Negeri hanya bergantung kepada industri berorientasikan eksport, kejatuhan pasaran antarabangsa yang berlaku seperti pada masa ini akan membawa kesan yang negatif kepada keseluruhan ekonomi Negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri, melalui investPenang juga akan mempertingkatkan usaha untuk menggalakkan pelaburan dalam industri gantian import yang berteknologi dan bernilai tinggi seperti peralatan perubatan. Ini juga dapat membantu dalam mengurangkan aliran keluar dana.

(2) Teras Strategik "Regional Headquarters":

Walaupun sektor perindustrian masih merupakan sektor yang terpenting kepada pembangunan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mempelbagaikan asas ekonomi negeri dengan memberi tumpuan kepada peningkatan aktiviti-aktiviti daripada kegiatan pengilangan kepada aktiviti-aktiviti yang bernilai tambah tinggi. Ini merupakan aktiviti-aktiviti yang mengintensifkan ilmu dan teknologi serta yang memerlukan pekerja-pekerja berpendidikan.

Kerajaan Negeri akan mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai "*Regional Headquarters*" kepada syarikat-syarikat multinasional yang kini beroperasi di dalam negeri serta syarikat-syarikat lain yang belum bertapak di Pulau Pinang. Dengan penubuhan "*Regional Headquarters*" syarikat-syarikat antarabangsa di Pulau Pinang, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat-syarikat ini akan dipertingkatkan, justeru meningkatkan peluang pekerjaan yang bergaji lebih tinggi seperti penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan (*research, design & development*) serta perkhidmatan perkongsian dan penyemburan luar (*shared services outsourcing*) bagi penduduk Pulau Pinang. Penubuhan "*Regional Headquarters*" juga memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang kini menghuni atau bekerja di negara-negara asing untuk balik ke tanah air dan menyandang jawatan-jawatan "*regional*" di sini.

(3) Teras Strategik Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE):

Kerajaan Negeri akan mempromosikan Pulau Pinang sebagai sebuah lokasi untuk MICE. Pada masa ini, Kerajaan Negeri, melalui investPenang sedang mengadakan perbincangan dengan pihak swasta untuk menubuhkan suatu pusat MICE di dalam Negeri ini.

Dengan penubuhan sebuah pusat MICE, pengusaha-pengusaha acara (*event management companies*) akan mendapat dorongan untuk menganjurkan konvensyen, persembahan serta pameran antarabangsa di Negeri Pulau Pinang. Aktiviti-aktiviti MICE yang bertaraf antarabangsa bukan hanya akan mempertingkatkan daya pendapatan pelancongan berdasarkan MICE untuk Negeri ini tetapi penduduk Pulau Pinang juga berpeluang untuk menikmati acara-acara dan persembahan-persembahan bertaraf antarabangsa yang sebelum ini tidak dapat diadakan di Pulau Pinang.

(4) Teras Strategik Kebudayaan dan Seni:

Negeri Pulau Pinang dikurniakan dengan penduduknya yang berbakat seperti Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P Ramlee, Datuk Ahmad Nawab, Mendiang Jimmy Boyle, Dato' Ahmad Merican, Ooi Eow Jin, Dennis Lee dan Alleycats. Terdapat lebih ramai lagi bakat-bakat yang belum dicungkil dan usaha yang gigih diperlukan untuk mengenal pasti serta memupuk bakat-bakat tersebut.

Oleh yang demikian, Kerajaan mencadangkan untuk membangunkan sebuah Pusat Filem, Kebudayaan dan Kesenian (PFKK) di kawasan Komtar. Projek PFKK ini dapat menyediakan suatu tempat pertemuan untuk bakal-bakal seniman dan seniwati untuk berinteraksi, melatih dan mempertingkatkan bakat-bakat mereka. PFKK yang dijangka dapat mengembalikan kegemilangan George Town akan melahirkan sekumpulan warga kota yang kreatif, justeru mempromosikan George Town sebagai sebuah Bandaraya Kreatif (*Creative City*).

Selain daripada itu, persembahan-persembahan kebudayaan dan pameran-pameran antarabangsa juga dapat diadakan di PFKK, justeru menjadi suatu tarikan pelancong antarabangsa.

(5) Teras Strategik Makanan dan Masakan Pulau Pinang:

Pulau Pinang yang dikurniakan dengan masyarakat yang pelbagai kaum serta warisan budaya yang kaya juga menawarkan makanan dan masakan yang diwarisi daripada masyarakat dan budayanya. Kerajaan Negeri bercadang untuk mempertingkatkan lagi usaha untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan melalui makanan dan masakannya yang unik.

(6) Teras Strategik Sukan:

Pelancongan sukan merupakan suatu kegiatan ekonomi yang menguntungkan kerana pelancong-pelancong sukan mempunyai kuasa beli (*buying power*) and tinggi. Sejak 1970an, Pulau Pinang telah berjaya dalam menganjurkan acara sukan bertaraf antarabangsa dalam bidang badminton, lumba basikal (*Le tour de Langkawi*), perahu naga, lumba motosikal (dalam tahun-tahun 1970an dan 1980an), skuasy dan renang. Pulau Pinang juga pernah menjadi tuan rumah kepada beberapa acara sukan peringkat kebangsaan termasuk Sukan Sukma 2000.

Pada tahun ini, Pulau Pinang telah berjaya menganjurkan International Dragon Boat Federation's 6th Club Crew World Championship dan 8th Asian Dragon Boat Federation. Acara ini dihadiri oleh lebih daripada 3,000 pengunjung.

Negeri Pulau Pinang adalah sesuai untuk acara-acara sukan bertaraf antarabangsa kerana keadaan geografinya, rangkaian pengangkutan yang baik, tempat penginapan yang bertaraf tinggi, infrastruktur sukan yang baik seperti stadium dan kolam renang, kos yang rendah berbanding dengan kebanyakan lokasi yang lain serta rekod penganjuran yang cemerlang.

(7) Teras Strategik Pelancongan-Eko:

Negeri Pulau Pinang mempunyai taman negara yang terkecil di Malaysia dan di dunia dengan kawasan seluas 2,562 hektar. Taman Negara Pantai Aceh juga merupakan taman negara yang paling mudah untuk dimasuki kerana pintu masuk Taman Negara ini hanya terletak 10 minit dari kebanyakan hotel-hotel pelancong di bahagian utara Pulau Pinang.

Taman Negara Pantai Aceh adalah unik kerana ia mempunyai pelbagai jenis habitat termasuk tasik "*meromictic*", "*wetlands*", paya bakau, "*coral reefs*" dan kawasan untuk penyu bertelur. Di samping itu, terdapat juga mamalia seperti tupai *glis*, "*slow loris*", "*flying lemur*", "*civet cats*", "*leopard cats*", "*sea otters*" dan "*pangolins*". Selain daripada mamalia, terdapat juga burung, reptilia, amfibia dan penyu terutamanya "*Green Turtles*", "*Ridley Turtles*", "*Leatherback Turtles*" dan "*Hawksbill Turtles*".

Disebabkan keunikan Taman Negara Pantai Aceh yang lokasinya berdekatan dengan tempat penginapan serta tarikan pelancong yang lain seperti warisan budaya dan seni, makanan dan masakan serta sukan, Negeri Pulau Pinang dapat diibaratkan sebagai "Pulau Pinang Miliki Kesemuanya".

(8) Teras Strategik Pendidikan

Negeri Pulau Pinang beraspirasi untuk menjadi sebuah negeri Pendidikan. Pada masa silam dalam tahun-tahun 1960an dan 1970an, warga Indonesia dan Thailand datang ke Pulau Pinang untuk memperoleh pendidikan Bahasa Inggeris and Perdagangan. Ini adalah disebabkan pendidikan barat telah diperkenalkan kepada penduduk Pulau Pinang semasa jajahan British.

Kini, Pulau Pinang mempunyai sebanyak 6 buah sekolah antarabangsa yang menawarkan kurikulum pendidikan Amerika Syarikat, British, Jepun dan Taiwan kepada anak-anak ekspatriat yang bekerja di Pulau Pinang. Lebih banyak lagi sekolah-sekolah yang menawarkan kurikulum pendidikan antarabangsa akan ditubuhkan.

Selain daripada itu, terdapat lebih daripada 30 buah institut pengajian tinggi swasta yang menawarkan sijil-sijil kelayakan diploma dan ijazah sarjana muda dari luar negeri. Terdapat juga institut-institut pengajian tinggi yang menawarkan ijazah sarjana dan juga ijazah kedoktoran.

Kerajaan Negeri memberi perhatian yang serius kepada perkembangan pendidikan penduduk Negeri kerana pendidikan merupakan sumber daya upaya ilmu dan teknologi para penduduk Negeri Pulau Pinang. Selain itu, pelbagai kurikulum yang ditawarkan oleh institut-institut pengajian tinggi swasta ini juga merupakan suatu tarikan kepada pelajar-pelajar dari luar negeri, terutamanya Thailand dan Indonesia. Oleh yang demikian, pendidikan yang ditawarkan oleh institut-institut pengajian tinggi ini juga merupakan sumber pendapatan bagi pelancongan berdasarkan pendidikan.

(9) Teras Strategik Warisan

Pada bulan Julai 2008, George Town telah diiktirafkan sebagai "World Heritage Site" oleh UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization). Pengiktirafan George Town sebagai "World Heritage Site" sedikit sebanyak dapat mengembalikan status Negeri Pulau Pinang sebagai suatu destinasi pelancongan.

Bagaimanapun pengiktirafan ini juga menimbulkan beberapa isu mengenai kemapanan. Pembangunan yang mendadak di Pulau Pinang sejak lebih daripada tiga dasawarsa yang lalu telah mengakibatkan penyusutan dari segi alam persekitaran. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan mengadakan pemantauan yang kerap dan serius terhadap kepentingan kemapanan dari alam sekitar, ekonomi, budaya dan sosial demi untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah tempat yang mempunyai nilai-nilai sejagat yang cemerlang

Dengan terlaksananya pelan-pelan tindakan yang akan dirumuskan oleh Kerajaan Negeri di bawah sepuluh teras strategik ini, saya amat yakin bahawa Pulau Pinang dapat menangani krisis ekonomi global masa kini serta menarik lebih pelaburan kepada sektor-sektor ekonomi dalam Negeri seperti perindustrian, pelancongan, pembinaan serta perdagangan dan sekali dapat membantu memajukan ekonomi negeri.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Senaraikan semua Tender-tender Pemasangan dan Pengurusan Papan Iklan di atas tanah kerajaan Pulau Pinang oleh PBT dan badan berkanun mengikut jenis dan lokasi. Apakah rasional tender tersebut diberi kepada syarikat swasta sedangkan *billboard* boleh diurus oleh SSI sendiri. Senaraikan jumlah pendapatan *billboard* di seluruh Pulau Pinang mengikut lokasi dan jenis.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan untuk menyelaras dan memantau pemasangan dan pengurusan papan iklan di atas tanah Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dibuat oleh kerajaan lama pada tahun 2007. Sebanyak 15 zon telah dikenal pasti di Negeri Pulau Pinang iaitu 9 zon di bahagian Pulau dan 6 zon di bahagian Seberang Perai.

Tender ini dipelawa secara terbuka dan boleh disertai oleh semua syarikat pengiklanan di seluruh negara. Pengiklanan tawaran tender telah disiarkan dalam surat khabar The Star dan Berita Harian pada 7 Julai 2007. Tender telah dikeluarkan pada 10 Julai 2007 dan ditutup pada 27 Julai 2007. Spesifikasi jenis papan iklan yang ditawarkan melalui tender ini adalah seperti berikut:

- (a) Menara Iklan Setiang (*Unipole*)
(tidak melebihi 20" x 60" atau 111 meter persegi)
- (b) Menara Iklan Setiang (*Mini Unipole*) (tidak melebihi 10" x 40" atau 37 meter persegi)
- (c) Papan Iklan Dinding (*Billboard*) dan Gantri
- (d) *Streamers*

Sebanyak 37 syarikat pengiklanan telah menyertai tender ini. Senarai penuh syarikat yang menyertai tender adalah seperti berikut:

**Ringkasan Syarikat Yang Mengemukakan Sijil Pendaftaran
Kementerian Kewangan**

Bil.	Nama Petender	No. Pendaftaran Kementerian Kewangan
1.	Seni Jaya Sdn. Bhd.	357-00012083
2.	Spectrum Outdoor Marketing Sdn. Bhd.	357-02089039
3.	Aura Lincak (M) Sdn. Bhd.	357-02057425
4.	Communications Superhighway (M) Sdn. Bhd.	357-00042833
5.	Outdoor Solutions Sdn. Bhd.	357-02006088
6.	EDSB Sdn. Bhd.	357-01019882

7.	Ikatan Asli Sdn. Bhd,	357-02089161
8.	Koperasi Pembangunan Daerah SPU Berhad	357-00019370
9.	Ganad Media Sdn. Bhd.	357-00029591
10.	Regal Opportunity Sdn. Bhd.	357-02082085
11.	Big Tree Outdoor Sdn. Bhd.	357-00036672
12.	UPD Sdn. Bhd.	357-01011710
13.	Gelumbang Jaya Sdn. Bhd.	357-00019727
14.	Intergrated Media Sdn. Bhd.	357-02082087
15.	Rofar Vista (M) Sdn. Bhd.	357-02028544
16.	Mediamind Sdn. Bhd.	357-02036314
17.	Kurnia Outdoor Sdn. Bhd.	357-02013416
18.	Meru Utama Sdn. Bhd.	357-00016617
19.	United Advertising Co. Sdn. Bhd.	357-00014009

Ringkasan Syarikat Yang Tidak Mengemukakan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan

Bil.	Nama Petender
1.	A-Sight Outdoor Sdn. Bhd.
2.	PDC Events Advertising Sdn. Bhd.
3.	Phenomena Outdoor Sdn. Bhd.
4.	Gotcha Sdn. Bhd.
5.	KGN Jaya Sdn. Bhd.
6.	ZKY Media Sdn. Bhd.
7.	Mediaone Sdn. Bhd.
8.	Rofar Outdoor Sdn. Bhd.
9.	Out Of Home Signs Sdn. Bhd.
10.	Aliran Wijaya (M) Sdn. Bhd.

11.	Mega Outdoor Sdn. Bhd.
12.	Twin Advertising Sdn. Bhd.
13.	Prima Outdoor Sdn. Bhd.
14.	Infinite Edge Sdn. Bhd.
15.	TNL Eng. Sdn. Bhd.
16.	Ax-Flox (M) Sdn. Bhd.

Ringkasan Syarikat Yang Mengemukakan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Yang Tidak Sah

Bil.	Nama Petender	No. Pendaftaran Kementerian Kewangan
1.	Pemasaran Puncak Era Sdn. Bhd.	Sijil Pendaftaran belum lulus
2.	Nilam Simfoni Sdn. Bhd.	Sijil Pendaftaran tamat tempoh

Sembilan belas (19) syarikat telah di senarai pendek kerana memenuhi syarat yang ditetapkan iaitu berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan. Lembaga Perolehan Negeri Pulau Pinang dalam mesyuarat Bil. 9/2007 bertarikh 21 Disember 2007 telah memutuskan bahawa hanya papan iklan jenis Menara Iklan Setiang (*Mini Unipole*) bersaiz 37 meter persegi sahaja akan ditawarkan pada syarikat yang berjaya dan pemilihan dibuat berdasarkan harga tawaran tertinggi yang dikemukakan bagi setiap zon yang disertai. Empat (4) syarikat yang berjaya telah ditawarkan mengikut zon-zon yang dipohon untuk tempoh 3 tahun. Surat tawaran telah dikeluarkan kepada keempat-empat syarikat tersebut pada 12 Februari 2008.

Rasional untuk mengeluarkan tender bagi pengurusan papan iklan serta menswastakan pengurusan papan iklan atas tanah Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan adalah untuk pemantauan serta penyeragaman pembinaan papan iklan. Pemantauan dibuat supaya tiada papan iklan haram yang baru dibina atas tanah Kerajaan Negeri dan semua permohonan untuk pembinaan papan iklan akan melalui mekanisme yang dapat diselarasakan dan dipantau oleh Kerajaan Negeri. Selain daripada itu, ianya untuk memastikan terdapat penyaluran hasil kepada Kerajaan Negeri dengan lebih sistematik dan juga untuk tujuan penguatkuasaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pejabat Daerah dan Tanah juga menguruskan permohonan papan iklan tetapi hanya untuk jangka pendek iaitu antara 1 hingga 3 bulan sahaja.

Hasil pendapatan yang dikutip oleh pihak SSI untuk pengurusan papan iklan bagi tahun 2005 hingga 2008 adalah :

**JUMLAH HASIL PENDAPATAN PAPAN IKLAN DI ATAS TANAH
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG 2005 – OKTOBER 2008**

Bil.	Tahun	Bayaran Proses Permohonan	Bayaran Deposit Sewa Tapak	Bayaran Sewa Tapak	Jumlah
1.	2005	RM23,300.00	RM49,200.00	RM90,000.00	RM162,500.00
2.	2006	RM15,100.00	RM29,000.00	RM180,000.00	RM224,100.00
3.	2007	-	-	RM10,000.00	RM10,000.00
4.	2008	-	-	-	RM0.00
JUMLAH					RM396,600.00

Manakala pihak PDC, melalui anak syarikat milikan penuhnya, PDC Events & Advertising Sdn. Bhd. (PDC E & A) juga terlibat dalam aktiviti perniagaan papan iklan di Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pemasangan papan iklan oleh PDC E & A hanya tertumpu di tanah milikan PDC sahaja. Sejak PDC E & A mula beroperasi pada 1 Ogos 2006, sebanyak 26 papan iklan telah dibina sehingga sekarang. Butir-butir mengenai senarai papan iklan tersebut (*billboard* dan *unipole*) dan jumlah pendapatan yang diterima oleh PDC E & A adalah seperti berikut:

**PDC EVENTS & ADVERTISING SDN BHD: SENARAI PAPAN IKLAN
DI NEGERI PULAU PINANG**

No.	Lokasi	Bil. Yang Telah Dibina	Sewa Yang Telah Dikutip (setakat 30/9/08)	Syarikat Billboard
1.	Berhadapan Barkath Stor di Lebuhraya Butterworth – Kulim	2	RM 16,000.00	Seni Jaya Sdn Bhd
2.	Ujung Pasir (Fasa 5), KOMTAR	7	RM 56,000.00	Seni Jaya Sdn Bhd
3.	Pantai Jerejak (Oxidation Pond)	1	RM 30,000.00	Seni Jaya Sdn Bhd
4.	Berhadapan Jalan Penang (KOMTAR)	1	RM 56,000.00	Big Five Sdn Bhd
5.	Jalan Ria (DALIT)	1	RM 50,500.00	Big Five Sdn Bhd
6.	Tingkat 5, KOMTAR (atas LCD)	1	RM 80,000.00	Seri Media Outdoor Sdn Bhd
7.	Ujung Pasir (Fasa 5), KOMTAR	2	RM 32,000.00	Seri Media Outdoor Sdn Bhd
8.	Kawasan Perindustrian Prai (Fasa 4)	1	RM 45,000.00	Paramount Media Sdn Bhd
9.	Kawasan Perindustrian Prai (Fasa 4)	1	RM 20,000.00	Paramount Media Sdn Bhd
10.	Bukit Jambul Country Club	7	RM 90,000.00	Outdoor Solutions Sdn Bhd
11.	Persimpangan Jln Nipah / Jln Bukit Gambier	2	RM 16,000.00	Outdoor Solutions Sdn Bhd
		26	RM491,500.00	

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Sila nyatakan proses permohonan untuk membuka pusat pra-sekolah di Taman Perumahan.
- (b) Apakah tindakan yang akan diambil terhadap pusat pra-sekolah yang beroperasi tanpa kelulusan.
- (c) Adakah aduan terhadap isu kebisingan dan halangan lalu lintas disebabkan oleh sesebuah pusat pra-sekolah diambil kira dalam meluluskan permohonan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Kelulusan untuk membuka pusat pra-sekolah (TADIKA) di taman perumahan tertakluk di bawah Sek. 20, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang dikuat kuasa oleh Kementerian Pelajaran melalui Jabatan Pelajaran Negeri.

Segala syarat-syarat dan terma operasi adalah dalam bidang jabatan berkenaan. Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab dalam menguatkuasakan penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) mengikut Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 yang mana melibatkan kanak-kanak berumur di bawah 4 tahun sahaja. Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya terlibat mengeluarkan sijil perakuan pendaftaran TASKA.

Permohonan kemudian akan dirujuk kepada Jabatan Teknikal iaitu Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan, Jabatan Bomba serta Pejabat Tanah dan Daerah. Permohonan tersebut juga dirujuk kepada tuan punya lot berjiran untuk mengemukakan sebarang bantahan di bawah Seksyen 21 (6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Sekiranya ada bantahan proses pendengaran bantahan akan diadakan. Jika bantahan diterima permohonan tersebut akan ditolak, tetapi jika tiada sebarang bantahan daripada lot berjiran maka pemohon akan diminta untuk mematuhi syarat-syarat teknikal sebelum kelulusan diberi.

- (b) Taska/Tadika yang beroperasi tanpa kelulusan Kerajaan Negeri akan menghadapi tindakan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974. Operator taska/tadika berkenaan akan diminta untuk menghentikan aktiviti. Kegagalan mematuhi kehendak ini akan mengakibatkan tindakan penguatkuasaan seperti rampasan peralatan atau tindakan mahkamah diambil.

- (c) Aspek kebisingan dan halangan lalu lintas turut juga diambil kira semasa mempertimbangkan Permohonan Kebenaran Merancang. Aspek-aspek kesihatan persekitaran termasuk kesesuaian bangunan dan kacau ganggu awam akan dikaji dan disiasat sebelum kelulusan diberi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usaha memajukan ekonomi negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Saya mohon keizinan untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan no. 49 daripada Ahli Kawasan Pantai Jerejak dan soalan no. 27 Ahli Kawasan Pinang Tunggal.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menggariskan sepuluh (10) teras strategik bagi Negeri Pulau Pinang untuk terus memajukan ekonomi Negeri. Teras-teras strategik ini adalah berdasarkan tiga (3) unsur utama iaitu pelabur, pelancong and penduduk.

Teras-teras strategik itu adalah seperti berikut:

- (1) Perindustrian;
- (2) "Regional Headquarters"; dan
- (3) Mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE).
- (4) Kebudayaan dan seni;
- (5) Makanan & masakan Pulau Pinang;
- (6) Sukan; dan
- (7) "Pelancongan-Eko".
- (8) Pendidikan;
- (9) Warisan; dan
- (10) Perkhidmatan perubatan.

- (1) Teras Strategik Perindustrian:

Kerajaan Negeri melalui investPenang akan mempertingkatkan usahanya untuk menggalakkan aliran masuk pelaburan asing serta pelaburan tempatan ke dalam sektor perindustrian di Pulau Pinang. Usaha galakan pelaburan tidak akan hanya ditumpukan kepada pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat dan Eropah tetapi tumpuan baru juga akan diberikan kepada potensi pelaburan dari Korea Selatan, Timur Tengah, Negeri China, India dan juga Indonesia. Dalam pada itu Ketua Menteri telah mengetuai rombongan galakan pelaburan ke Korea Selatan dan Timur Tengah.

Ekonomi Negeri Pulau Pinang, sejak perindustrian berorientasikan eksport mulai diperkenalkan dan dilaksanakan pada tahun 1970an, adalah didominasi oleh sektor pembuatan. Pada akhir tahun 1990an, sumbangan sektor perindustrian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sebanyak 45%. Kini, walaupun sumbangan sektor perindustrian telah menurun kepada 39% daripada KDNK Negeri, sektor ini masih merupakan sektor yang terpenting dalam ekonomi Negeri dan masih dianggap sebagai sektor yang terpenting bagi ekonomi Negeri. Antara aktiviti-aktiviti yang digalakkan termasuk aktiviti yang menggunakan teknologi terkini; melibatkan pengeluaran barangan yang bernilai tinggi; serta mengintensifkan pengetahuan dan ilmu.

Negeri Pulau Pinang akan dibangunkan dan dipromosi sebagai pusat perindustrian yang moden bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMG-GT). Pengilang-pengilang dari Indonesia dan Thailand akan digalakkan untuk menggunakan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat untuk menambah nilai serta mengedarkan barangan buatan mereka ke pasaran antarabangsa. Ini adalah disebabkan Negeri Pulau Pinang mempunyai infrastruktur yang lengkap dan berkualiti seperti pelabuhan dan lapangan terbang antarabangsa yang kerap dikunjungi oleh kapal terbang kargo dari seluruh dunia. Selain daripada itu, kewibawaan Malaysia dalam mengeluarkan pensijilan Halal juga berperanan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi terpilih untuk pengeluaran barangan dan perkhidmatan Halal oleh syarikat-syarikat dari Thailand dan Indonesia.

Tumpuan juga akan diberikan kepada pelaburan tempatan. Usaha akan dipertingkatkan dalam fasilitasi syarikat-syarikat tempatan. Syarikat-syarikat tempatan yang berjaya dan berdaya saing dalam pasaran antarabangsa bukan sahaja melambangkan keupayaan dan kemampuan pengusaha tempatan, mereka juga merupakan sebahagian daripada rantaian nilai syarikat-syarikat antarabangsa dan merupakan salah satu daripada daya tarikan utama Pulau Pinang. Dengan kata lain, syarikat-syarikat tempatan menjadi pemangkin sektor perindustrian.

Selain itu, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa ekonomi Negeri Pulau Pinang tidak seharusnya hanya bergantung kepada industri berorientasikan eksport. Seandainya ekonomi Negeri hanya bergantung kepada industri berorientasikan eksport, kejatuhan pasaran antarabangsa yang berlaku seperti pada masa ini akan membawa kesan yang negatif kepada keseluruhan ekonomi Negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri, melalui investPenang juga akan mempertingkatkan usaha untuk menggalakkan pelaburan dalam industri gantian import yang berteknologi dan bernilai tinggi seperti peralatan perubatan. Ini juga dapat membantu dalam mengurangkan aliran keluar dana.

(2) Teras Strategik "Regional Headquarters":

Walaupun sektor perindustrian masih merupakan sektor yang terpenting kepada pembangunan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mempelbagaikan asas ekonomi negeri dengan memberi tumpuan kepada peningkatan aktiviti-aktiviti daripada kegiatan

pengilangan kepada aktiviti-aktiviti yang bernilai tambah tinggi. Ini merupakan aktiviti-aktiviti yang mengintensifkan ilmu dan teknologi serta yang memerlukan pekerja-pekerja berpendidikan.

Kerajaan Negeri akan mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai "*Regional Headquarters*" kepada syarikat-syarikat multinasional yang kini beroperasi di dalam negeri serta syarikat-syarikat lain yang belum bertapak di Pulau Pinang. Dengan penubuhan "*Regional Headquarters*" syarikat-syarikat antarabangsa di Pulau Pinang, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat-syarikat ini akan dipertingkatkan, justeru meningkatkan peluang pekerjaan yang bergaji lebih tinggi seperti penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan (*research, design & development*) serta perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (*shared services outsourcing*) bagi penduduk Pulau Pinang. Penubuhan "*Regional Headquarters*" juga memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang kini menghuni atau bekerja di negara-negara asing untuk balik ke tanahair dan menyandang jawatan-jawatan "*regional*" di sini.

(3) Teras Strategik Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE):

Kerajaan Negeri akan mempromosikan Pulau Pinang sebagai sebuah lokasi untuk MICE. Pada masa ini, Kerajaan Negeri, melalui investPenang sedang mengadakan perbincangan dengan pihak swasta untuk menubuhkan suatu pusat MICE di dalam Negeri ini.

Dengan penubuhan sebuah pusat MICE, pengusaha-pengusaha acara (*event management companies*) akan mendapat dorongan untuk menganjurkan konvensyen, persembahan serta pameran antarabangsa di Negeri Pulau Pinang. Aktiviti-aktiviti MICE yang bertaraf antarabangsa bukan hanya akan mempertingkatkan daya pendapatan pelancongan berdasarkan MICE untuk Negeri ini tetapi penduduk Pulau Pinang juga berpeluang untuk menikmati acara-acara dan persembahan-persembahan bertaraf antarabangsa yang sebelum ini tidak dapat diadakan di Pulau Pinang.

(4) Teras Strategik Kebudayaan dan Seni:

Negeri Pulau Pinang dikurniakan dengan penduduknya yang berbakat seperti Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P Ramlee, Datuk Ahmad Nawab, Mendiang Jimmy Boyle, Dato' Ahmad Merican, Ooi Eow Jin, Dennis Lee dan Alleycats. Terdapat lebih ramai lagi bakat-bakat yang belum dicungkil dan usaha yang gigih diperlukan untuk mengenal pasti serta memupuk bakat-bakat tersebut.

Oleh yang demikian, Kerajaan mencadangkan untuk membangunkan sebuah Pusat Filem, Kebudayaan dan Kesenian (PFKK) di kawasan Komtar. Projek PFKK ini dapat menyediakan suatu tempat pertemuan untuk bakal-bakal seniman dan seniwati untuk berinteraksi, melatih dan mempertingkatkan bakat-bakat mereka. PFKK yang dijangka dapat

mengembalikan kegemilangan George Town akan melahirkan sekumpulan warga kota yang kreatif, justeru mempromosikan George Town sebagai sebuah Bandaraya Kreatif (*Creative City*). Selain daripada itu, persembahan-persembahan kebudayaan dan pameran-pameran antarabangsa juga dapat diadakan di PFKK, justeru menjadi suatu tarikan pelancong antarabangsa.

(5) Teras Strategik Makanan dan Masakan Pulau Pinang:

Pulau Pinang yang dikurniakan dengan masyarakat yang pelbagai kaum serta warisan budaya yang kaya juga menawarkan makanan dan masakan yang diwarisi daripada masyarakat dan budayanya. Kerajaan Negeri bercadang untuk mempertingkatkan lagi usaha untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan melalui makanan dan masakannya yang unik.

(6) Teras Strategik Sukan:

Pelancongan sukan merupakan suatu kegiatan ekonomi yang menguntungkan kerana pelancong-pelancong sukan mempunyai kuasa beli (*buying power*) and tinggi. Sejak 1970an, Pulau Pinang telah berjaya dalam menganjurkan acara sukan bertaraf antarabangsa dalam bidang badminton, lumba basikal (*Le tour de Langkawi*), perahu naga, lumba motosikal (dalam tahun-tahun 1970an dan 1980an), skuasy dan renang. Pulau Pinang juga pernah menjadi tuan rumah kepada beberapa acara sukan peringkat kebangsaan termasuk Sukan Sukma 2000.

Pada tahun ini, Pulau Pinang telah berjaya menganjurkan International Dragon Boat Federation's 6th Club Crew World Championship dan 8th Asian Dragon Boat Federation. Acara ini dihadiri oleh lebih daripada 3,000 pengunjung.

Negeri Pulau Pinang adalah sesuai untuk acara-acara sukan bertaraf antarabangsa kerana keadaan geografinya, rangkaian pengangkutan yang baik, tempat penginapan yang bertaraf tinggi, infrastruktur sukan yang baik seperti stadium dan kolam renang, kos yang rendah berbanding dengan kebanyakan lokasi yang lain serta rekod penganjuran yang cemerlang.

(7) Teras Strategik Pelancongan-Eko:

Negeri Pulau Pinang mempunyai taman negara yang terkecil di Pulau Pinang dan di dunia dengan kawasan seluas 2,562 hektar. Taman Negara Pantai Aceh juga merupakan taman negara yang paling mudah untuk dimasuki kerana pintu masuk Taman Negara ini hanya terletak 10 minit dari kebanyakan hotel-hotel pelancong di bahagian utara Pulau Pinang.

Taman Negara Pantai Aceh adalah unik kerana ia mempunyai pelbagai jenis habitat termasuk tasik "*meromictic*", "*wetlands*", paya bakau, "*coral reefs*" dan kawasan untuk penyu bertelur. Di samping itu, terdapat juga mamalia seperti tupai *glis*, "*slow loris*", "*flying lemur*", "*civet cats*", "*leopard cats*", "*sea otters*" dan "*pangolins*". Selain daripada mamalia, terdapat juga burung, reptilia, amfibia dan penyu terutamanya "*Green Turtles*", "*Ridley Turtles*", "*Leatherback Turtles*" dan "*Hawksbill Turtles*".

Disebabkan keunikan Taman Negara Pantai Aceh yang lokasinya berdekatan dengan tempat penginapan serta tarikan pelancong yang lain seperti warisan budaya dan seni, makanan dan masakan serta sukan, Negeri Pulau Pinang dapat diibaratkan sebagai "Pulau Pinang Miliki Kesemuanya".

(8) Teras Strategik Pendidikan

Negeri Pulau Pinang beraspirasi untuk menjadi sebuah negeri Pendidikan. Pada masa silam dalam tahun-tahun 1960an dan 1970an, warga Indonesia dan Thailand datang ke Pulau Pinang untuk memperoleh pendidikan Bahasa Inggeris and Perdagangan. Ini adalah disebabkan pendidikan barat telah diperkenalkan kepada penduduk Pulau Pinang semasa jajahan British.

Kini, Pulau Pinang mempunyai sebanyak 6 buah sekolah antarabangsa yang menawarkan kurikulum pendidikan Amerika Syarikat, British, Jepun dan Taiwan kepada anak-anak ekspatriat yang bekerja di Pulau Pinang. Lebih banyak lagi sekolah-sekolah yang menawarkan kurikulum pendidikan antarabangsa akan ditubuhkan.

Selain daripada itu, terdapat lebih daripada 30 buah institut pengajian tinggi swasta yang menawarkan sijil-sijil kelayakan diploma dan ijazah sarjana muda dari luar negeri. Terdapat juga institut-institut pengajian tinggi yang menawarkan ijazah sarjana dan juga ijazah kedoktoran.

Kerajaan Negeri memberi perhatian yang serius kepada perkembangan pendidikan penduduk Negeri kerana pendidikan merupakan sumber daya upaya ilmu dan teknologi para penduduk Negeri Pulau Pinang. Selain itu, pelbagai kurikulum yang ditawarkan oleh institut-institut pengajian tinggi swasta ini juga merupakan suatu tarikan kepada pelajar-pelajar dari luar negeri, terutamanya Thailand dan Indonesia. Oleh yang demikian, pendidikan yang ditawarkan oleh institut-institut pengajian tinggi ini juga merupakan sumber pendapatan bagi pelancongan berdasarkan pendidikan.

(9) Teras Strategik Warisan

Pada bulan Julai 2008, George Town telah diiktirafkan sebagai "World Heritage Site" oleh UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization). Pengiktirafan George Town sebagai "World Heritage Site" sedikit sebanyak dapat mengembalikan status Negeri Pulau Pinang sebagai suatu destinasi pelancongan.

Bagaimanapun pengiktirafan ini juga menimbulkan beberapa isu mengenai kemapanan. Pembangunan yang mendadak di Pulau Pinang sejak lebih daripada tiga dasawarsa yang lalu telah mengakibatkan penyusutan dari segi alam persekitaran. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan mengadakan pemantauan yang kerap dan serius terhadap kepentingan kemapanan dari alam sekitar, ekonomi, budaya dan sosial demi untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah tempat yang mempunyai nilai-nilai sejagat yang cemerlang

Dengan terlaksananya pelan-pelan tindakan yang akan dirumuskan oleh Kerajaan Negeri di bawah sepuluh teras strategik ini, saya amat yakin bahawa Pulau Pinang dapat menangani krisis ekonomi global masa kini serta menarik lebih pelaburan kepada sektor-sektor ekonomi dalam Negeri seperti perindustrian, pelancongan, pembinaan serta perdagangan dan sekali dapat membantu memajukan ekonomi negeri.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan sekarang untuk mengimbangi jumlah kakitangan dalam kerajaan tempatan supaya ketiga-tiga bangsa iaitu Melayu, Cina dan India dan lain-lain dicerminkan dalam semua jabatan kerajaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengamalkan sistem pengambilan secara terbuka kepada semua kaum bagi mengisi kekosongan jawatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri. Pengambilan dibuat berdasarkan kepada syarat-syarat kelayakan masuk yang ditetapkan.

Pengambilan kakitangan bagi Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu di bawah pengambilan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Bagi pengambilan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Malaysia, calon-calon boleh melayari web "www.spa.gov.my" atau mengisi borang SPA-8 secara manual, di mana borang tersebut boleh didapati di Pejabat Pos atau Jabatan Tenaga Kerja.

Manakala bagi pengambilan jawatan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, semua lapisan masyarakat dapat mengetahuinya melalui iklan kekosongan jawatan yang disiarkan melalui akhbar-akhbar utama tempatan dan di laman web "www.penang.gov.my".

Sememangnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi peluang yang sama kepada semua kaum iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum memohon jawatan-jawatan yang sesuai dengan kelayakan mengikut jenis pekerjaan yang dipohon.

Sekiranya ada kaedah lain yang difikirkan bersesuaian yang hendak dicadangkan oleh mana-mana pihak, maka ia boleh dikemukakan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk dipertimbangkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Y.A.B. Ketua Menteri telah memohon peruntukan sebanyak RM58 juta daripada Kerajaan Pusat untuk tujuan basmi jenayah. Ketua Polis Negeri telah menyatakan bahawa kadar jenayah telah menurun bagi tahun ini. Sila jelaskan dua kenyataan yang bercanggah ini. Perincian kadar jenayah bagi tahun 2007 dan 2008 mengikut daerah dan kategori jenayah yang diguna pakai oleh pihak berkuasa negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Kenyataan Ketua Polis Negeri Pulau Pinang bahawa kadar jenayah di negeri ini telah menurun adalah benar. Kenyataan tersebut dibuat pada bulan Ogos 2008 ketika mana Ketua Polis Negeri baru mengambil alih jawatan tersebut seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Perangkaan kadar jenayah bagi tahun 2007 dan 2008.

Bil	Tempoh	Bil. Kes	Perbezaan	Kadar Peraturan (%)
1	Jan – Julai 2007 Jan – Julai 2008	10,300 10,280	20 kes (Turun)	-0.2
2	Jan – Ogos 2007 Jan – Ogos 2008	11,895 11,850	45 kes (Turun)	-0.4
3	Jan – September 2007 Jan – September 2008	13,303 13,570	267 kes (Meningkat)	2

Berikutan dengan faktor-faktor kemelesetan ekonomi yang berlaku secara berterusan sejak kebelakangan ini, dijangkakan kadar kejadian jenayah mungkin akan meningkat. Oleh yang demikian adalah wajar peruntukan sebanyak RM 58 juta dipohon daripada Kerajaan Pusat untuk tujuan memperbaiki infrastruktur seperti pemasangan CCTV, pemasangan lampu jalan di kawasan yang kerap berlaku jenayah dan melaksanakan Inisiatif Bandar Selamat (IBS) secara menyeluruh di negeri ini dalam usaha membasmi jenayah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Siapakah yang menjalankan kerja-kerja pembersihan Pasar Awam Penanti dan Pasar Awam Sama Gagah buat masa ini sama ada ianya masih dijalankan oleh Syarikat-syarikat tertentu atau ianya diselenggarakan oleh pihak MPSP sendiri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Kerja-kerja pembersihan Pasar Awam milik MPSP dilakukan oleh kontraktor seperti berikut:-

Bil.	Pasar	Kontraktor
1.	Pasar Awam Sama Gagah	Syarikat Kelana Sinergi
2.	Pasar Awam Penanti	Pertubuhan Peladang Negeri (PPN)

Kontrak dengan Pertubuhan Peladang Negeri diperbaharui secara bulanan manakala kontrak dengan Syarikat Kelana Sinergi akan ditamatkan pada Februari 2009.

MPSP akan memanggil tender secara terbuka yang baru bagi melantik kontraktor untuk penyelenggaraan pasar-pasar awam di Seberang Perai termasuk kedua-dua pasar yang dinyatakan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Apakah pandangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkenaan Ahli-ahli Dewan yang juga merupakan Ahli MMK, Ahli Parlimen yang memegang pelbagai jawatan dalam badan/syarikat kerajaan menghadapi jadual yang sibuk.

Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Lantikan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun Kerajaan Negeri bergantung kepada kebolehan dan kemampuan menjalankan kerja dengan profesional dan amanah mengikut sistem CAT yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri baru sebagai teras urus tadbir yang baik.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Apabila berlaku banjir, Kerajaan Negeri sering menyalahkan Kerajaan Persekutuan mengenai keperluan peruntukan rancangan tembatan banjir dan lain-lain. Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan banjir yang berlaku akibat dari kelemahan jabatan-jabatan tertentu di peringkat negeri yang boleh juga dititik beratkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Kerajaan Negeri tidak pernah menyalahkan Kerajaan Persekutuan apabila berlaku banjir di negeri ini. Sebaliknya Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi membantu mempercepatkan pelaksanaan projek-projek bagi mengatasi banjir. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Jabatan dan Agensi terlibat mempercepatkan proses pengambilan balik tanah dan penempatan semula bagi (RTB) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muda, Sungai Perai, Sungai. Junjung dan Sungai. Pinang.

Walau bagaimanapun, kemungkinan masih berlaku kelemahan dari aspek penguatkuasaan dan pematuhan garis panduan dan amalan kerja yang telah menyumbang kepada permasalahan banjir ini. Di samping itu, kepesatan pembangunan setempat telah mengurangkan keluasan permukaan tanah yang telap air (*pervious*) yang mengakibatkan air larian permukaan bertambah dari segi kuantiti dan kelajuan.

Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi mengatasi kelemahan-kelemahan di peringkat Jabatan dan Agensi dapat diperbaiki selaras dengan prinsip CAT (*Competency, Accountability and Transparency*) seperti yang telah diumumkan sebelum ini.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Adakah kerajaan negeri akan menetapkan satu garis panduan papan iklan di seluruh negeri yang tidak mempamerkan gambar wanita separuh bogel supaya menjadikan negeri ini di antara negeri yang bermoral tinggi yang tidak memperdagangkan maruah wanita meratarata tempat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Kerajaan Negeri prihatin tentang sensitiviti orang ramai berkaitan dengan paparan iklan (visual) di papan iklan seluruh Negeri Pulau Pinang.

Di bawah Undang-undang Kecil Iklan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) 2000 dan Garis Panduan Kawalan Papan Iklan (Billboard) dan Menara Papan Iklan Setiang (Unipole) di kawasan MPPP, segala reka bentuk, bahasa dan grafik yang dicadangkan untuk papan iklan dan menara papan iklan yang perlu dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Isi kandungan di dalam papan iklan akan diteliti kesesuaiannya dari segi bahasa, moral, sosial dan sebagainya.

Sebarang pindaan atau perubahan terhadap paparan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada PBT. Sekiranya cadangan paparan iklan (visual) didapati tidak sesuai, pihak syarikat pengiklanan akan diminta menukarkannya iaitu selaras dengan peruntukan di bawah Sek. A Bahagian III Undang-Undang Kecil Papan Iklan. Justeru paparan iklan yang berunsurkan tidak bermoral dapat dikawal dan dipantau oleh PBT dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat apa-apa paparan iklan yang didapati tidak bermoral, Yang Berhormat boleh mengemukakan aduan kepada PBT untuk diteliti dan diambil tindakan penguatkuasaan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Bagaimanakah konsep CAT diamalkan dalam pelantikan pekerja-pekerja baru dalam semua jawatan di jabatan kerajaan tempatan kerana kebelakangan ini terdapat rungutan bahawa pengambilan pekerja-pekerja India dan Cina adalah terlalu kurang dalam semua jabatan kerajaan tempatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan konsep CAT (*competency, accountability and transparency*) di dalam urusan pengambilan kakitangan. Ini termasuk pengambilan kakitangan dalam semua jawatan di semua jabatan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pihak Berkuasa Tempatan menyiarkan secara terbuka iklan jawatan kosong di dua (2) buah akhbar utama, papan kenyataan dan laman web masing-masing. Pemilihan calon-calon yang layak dibuat berpandukan kepada skim-skim perkhidmatan jawatan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA). Ini termasuk peperiksaan kelayakan dan pemeriksaan fizikal bagi jawatan tertentu yang memerlukan kemahiran khusus ataupun yang memerlukan syarat kelayakan fizikal.

Hanya calon-calon yang memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan sahaja akan dipilih. Pemilihan calon-calon yang layak dibuat bukan berdasarkan kaum, tetapi berdasarkan kelayakan seseorang calon itu sendiri.

Walau bagaimanapun, wujudnya fenomena di mana permohonan yang diterima dari kedua-dua golongan tersebut adalah kurang kecuali bagi sesetengah jawatan Pengurusan dan Profesional seperti Jurutera, Arkitek, Doktor dan Peguam. Manakala bagi jawatan-jawatan Kumpulan Sokongan, majoriti permohonan yang diterima adalah dari kaum Melayu.

Setakat 15.10.2008, peratusan kakitangan di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) berbangsa Malayu – 71.54 peratus (1745), Cina – 7.26 peratus (177), India – 20.83 peratus (508) dan lain-lain – 0.37 peratus (9).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Sila nyatakan usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan seluruh Negeri Pulau Pinang sebuah negeri WiFi dalam jangka masa 24 bulan yang akan datang. Adakah ia akan mempunyai kesan yang berbahaya kepada penduduk Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Negeri telah melakukan kajian terperinci untuk memastikan keselamatan mengimplementasikannya terhadap penduduk Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Radiasi dari sistem telekomunikasi adalah dari kategori *non-ionising radiation*. Manakala radiasi yang boleh memberi kesan kepada tisu sel manusia adalah dari kategori *ionising radiation*. Selain itu, tenaga pemancaran yang dibenarkan pada sistem WiFi adalah dalam julat kurang dari 1 watt dan sangat kecil berbanding dengan tenaga yang digunakan pada sistem telekomunikasi selular.

Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk melaksanakan kajian terperinci, kerana telah terdapat banyak kajian yang dilaksanakan oleh badan bertauliah di peringkat antarabangsa seperti ICNIRP dan WHO yang mengesahkan ia selamat.

Sebuah laman khas telah dibangunkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai maklumat radiasi telekomunikasi menerusi alamat www.rfrad.gov.my.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Apakah tindakan dan rancangan kerajaan untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Utara-Selatan yang telah lama dipertikaikan dan telah menyebabkan pembaziran wang serta produktiviti setiap pengguna. yang mencerminkan kelemahan Kerajaan dalam pengurusan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Lebuhraya Utara Selatan sememangnya satu sistem perhubungan darat yang amat penting di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Ia telah menjadi pemangkin kepada pembangunan beberapa bandar di Malaysia. Kesesakan di Lebuhraya Utara Selatan sememangnya sesuatu yang sinonim terutama ketika musim-musim cuti perayaan. Perkara ini berlaku akibat peningkatan jumlah trafik yang tinggi di lebuhraya.

Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan dan pihak PLUS Expressways Berhad sentiasa mengambil langkah-langkah penambahbaikan untuk mengurangkan masalah tersebut. Antara tindakan yang telah diambil ialah dengan menaik taraf lebuhraya daripada 2 lorong kepada 3 lorong di jajaran lebuhraya antara Rawang ke Slim River dan Seremban ke Ayer Keroh. Selain daripada laluan yang sempit, tidak dinafikan plaza tol turut menyumbang kepada punca kesesakan di lebuhraya. Oleh yang demikian kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasinya. Pihak PLUS telah membuat penambahbaikan di Plaza Tol Juru dan Plaza tol Sg. Dua dengan menambah bilangan pondok tol daripada 13 pondok tol kepada 21 di setiap plaza tol. Selain itu pihak PLUS juga telah mewujudkan lorong tol sementara secara manual pada waktu puncak dan musim perayaan.

Sebagai langkah jangka masa panjang, Kerajaan Malaysia sedang melaksanakan pembinaan laluan terus tanpa henti di antara Ipoh Selatan ke Jelapang di mana kenderaan daripada Tol Juru hanya akan membuat bayaran di Plaza Tol Jalan Duta. Melalui cara ini perjalanan kenderaan akan lebih licin dan mampu mengurangkan kesesakan terutama di Plaza Tol Jelapang. Kerajaan dan pihak PLUS akan terus memastikan kerja-kerja penambahbaikan akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan pengguna lebuhraya mendapat perkhidmatan yang terbaik.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

40. Apakah punca kerosakan kabel Keretaapi Bukit Bendera. Adakah kerosakan melibatkan kelalaian mana-mana pihak. Berapakah jumlah kos yang akan di belanjakan untuk mengganti kabel baru.

Y.A.B. Ketua Menteri:

40. Daripada penilaian Jabatan Kerja Raya (JKR), terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kerosakan kabel Kereta Api Bukit Bendera. Di antaranya ialah sistem pengendalian kereta api yang semi automatik. Faktor lain ialah *pully* dan *sheaves* yang telah lanjut usia. Oleh itu, JKR telah mencadangkan supaya sistem tersebut di naik taraf secara keseluruhan di bawah RMKe-9 dan telah diluluskan.

Kerosakan kabel Kereta Api Bukit Bendera bukanlah berpunca daripada kelalaian mana-mana pihak kerana pihak Kereta Api Bukit Bendera melakukan pemeriksaan pada setiap hari bermula dari jam 5.00 pagi sebelum operasi dimulakan. Pemeriksaan ini dilakukan bermula daripada Stesen Bawah hingga ke Stesen Atas. Oleh itu, kerosakan adalah disebabkan masalah teknikal dan bukannya berpunca daripada kelalaian. Kos yang dianggarkan untuk menggantikan kabel yang baru dianggarkan oleh JKR adalah sebanyak RM1.1 juta.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Sila nyatakan apakah tindakan segera pihak Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah banjir kilat yang berlaku di kawasan Telok Bahang dan seluruh kawasan Balik Pulau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Bagi langkah jangka pendek tindakan yang telah dan sedang diambil untuk mengurangkan masalah banjir di kawasan Telok Bahang dan seluruh kawasan Balik Pulau adalah dengan membaiki tebing dan mendalamkan sungai-sungai seperti berikut:-

- (i) Sungai Telok Bahang;
- (ii) Sungai Bagan Air Itam;

- (iii) Sungai Titi Teras, Parit DC; dan
- (iv) Parit-parit Kelompok Kawasan Sungai Rusa Dan Sungai Pinang.

Bagi langkah jangka panjang kawasan Telok Bahang dan Bagan Air Itam telah dimasukkan di dalam Rancangan Tebatan Banjir Barat Pulau dan Rancangan Tebatan Banjir Bagan Air Itam. Pada masa ini, kajian pelan induk tebatan banjir Barat Pulau sedang dilaksanakan dan status kemajuan adalah 80 peratus. Kajian RTB Bagan Air Itam akan dilaksanakan pada tahun 2009. Cadangan pelaksanaan kedua-dua projek ini akan dimasukkan di dalam RMKe-10.

Pada masa ini, kerja-kerja ukur bagi Sungai Telok Bahang, Sungai Telok Awak masih dalam pelaksanaan bagi tujuan mengenal pasti rizab dan sempadan lot-lot persendirian untuk mendalamkan Sungai Telok Bahang / Sungai Telok Awak.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 42. Apakah kriteria yang digunakan untuk mengukur golongan miskin tegar dan miskin dan garis panduan yang digunakan untuk tujuan pendaftaran golongan tersebut dan berapa ramai rakyat Pulau Pinang yang berada di dalam golongan miskin tegar. Apakah projek-projek Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 42. Tuan Speaker,

Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan no. 1 dari Ahli Kawasan Seberang Jaya, no. 5 dari Ahli Kawasan Pulau Betong, dan soalan no. 48 dari Ahli Kawasan Sungai Bakap.

Kerajaan Negeri baru memang terkejut wujudnya keluarga miskin tegar sungguhpun diuar-uarkan oleh kerajaan lama sebelum ini betapa baiknya pentadbirannya. Jelas sekali ia hanya omong-omong kosong menjaga golongan yang tidak berada. Adalah memalukan keadaan ini boleh dibiarkan dalam 50 tahun ini. Oleh itu Kerajaan Negeri berhasrat untuk menghapuskan miskin tegar dalam tempoh setahun agar Negeri Pulau Pinang boleh menyapu bersih kecacatan yang memalukan ini. Miskin dan miskin tegar merupakan dua kategori yang berbeza. Kerajaan Negeri mengkategorikan golongan ini berdasarkan *Poverty Outreach Kit* yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Kriteria utama yang diambil kira untuk mengukur golongan miskin atau miskin tegar adalah berdasarkan pendapatan isi rumah sesebuah keluarga. Sesebuah keluarga dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang dari Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), iaitu pendapatan mencukupi yang membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi

makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahli keluarganya berfungsi di dalam masyarakat. PGK kategori ini ialah sebanyak RM660.00 sebulan bagi sesebuah isi rumah atau pendapatan per kapita sebanyak RM150.00 sebulan.

Sesebuah isi rumah dianggap miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah kurang daripada PGK makanan, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan dan minimum yang membolehkan setiap ahli keluarganya mempunyai tubuh badan yang sihat. PGK bagi kategori ini ialah sebanyak RM400.00 sebulan bagi sesebuah isi rumah atau pendapatan per kapita sebanyak RM90.00 sebulan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyasarkan untuk mencapai miskin tegar sifar dalam tempoh satu tahun bermula dari bulan Mac 2008 sehingga bulan Mac 2009. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mencapai sasaran tersebut contohnya dengan mengadakan bancian dan lawatan bersama-sama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, ADUN, UPEN dan Pejabat Daerah berkaitan bagi memastikan golongan miskin menerima bantuan yang diperlukan. Di peringkat daerah pula Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah yang dianggotai oleh semua agensi/jabatan kerajaan berkaitan menerajui pemantauan pembasmian kemiskinan. Perancangan dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh jawatankuasa ini adalah berasaskan lima peringkat iaitu:

- (i) Peringkat 1 – kes-kes kemiskinan yang sedia ada atau baru dilaporkan akan disiasat dan maklumat berkaitan akan dikumpulkan;
- (ii) Peringkat 2 – Laporan berkenaan akan dibentangkan kepada jawatankuasa untuk mendapatkan pengesahan dan perakuan sama ada keluarga berkenaan layak dikategorikan sebagai keluarga miskin atau miskin tegar berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri;
- (iii) Peringkat 3 – Jawatankuasa akan berbincang dan membuat keputusan berhubung tindakan dan jenis bantuan pembasmian kemiskinan yang layak diberikan kepada keluarga miskin berkenaan;
- (iv) Peringkat 4 – pemantauan akan dijalankan bagi satu tempoh masa tertentu ke atas kes-kes berkenaan bagi keberkesanan tindakan/bantuan yang diberikan; dan

- (v) Peringkat 5 – Jawatankuasa juga perlu mengesah dan memperakukan bagi menentukan jika sesebuah keluarga itu perlu dikeluarkan daripada kategori miskin sekiranya pendapatan keluarga berkenaan melepasi Garis Kemiskinan Pendapatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri bersama agensi-agensi lain turut mengatur pelbagai rancangan dan strategi bagi golongan miskin tegar untuk mendorong mereka keluar dari kepompong kemiskinan. Di Pulau Pinang, terdapat seramai 324 Ketua Isi Rumah (KIR) yang memerlukan perhatian dan bantuan yang bersesuaian daripada Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut 90 peratus berbangsa Melayu, diikuti dengan bangsa India sebanyak 5 peratus, seterusnya bangsa Cina sebanyak 4 peratus dan lain-lain bangsa sebanyak 1 peratus.

Miskin tegar boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu golongan produktif dan tidak produktif. Setelah mengenal pasti golongan miskin tegar yang produktif iaitu berumur 60 tahun ke bawah dan mampu bekerja, bantuan Peningkatan Pendapatan mengikut kebolehan dan keperluan akan diberikan untuk membolehkan mereka menjana dan meningkatkan pendapatan melalui kegiatan ekonomi seperti menjalankan perniagaan, menjahit dan sebagainya. Bagi golongan Miskin Tegar yang tidak produktif pula seperti mereka yang berumur 60 tahun ke atas atau tidak mampu lagi untuk melakukan aktiviti harian, mereka ini akan disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mendapat bantuan yang bersesuaian. Selain itu, usaha dan bantuan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

- (i) Bantuan membaik pulih rumah yang tidak melebihi RM8,000 sebuah;
- (ii) Bantuan Wang Ehsan (Rebet Bil Air) sebanyak RM100.00 kepada rakyat miskin dan berpendapatan rendah;
- (iii) Bantuan Elaun Harian sebanyak RM10.00 sehari untuk pelajar Giat Mara yang dikategorikan golongan miskin tegar. Bantuan ini merangkumi kursus latihan kemahiran selama 6 bulan;
- (iv) Agihan bantuan beras *one-off*;
- (v) Jabatan Veterinar memberi bantuan Bumi Hijau kepada golongan miskin tegar dan di antara bantuan yang diberikan adalah bekalan ayam kampung, itik daging dan itik telur berserta makanan dan reban;
- (vi) Bantuan ihsan *one off* sebanyak RM3,000.00 untuk setiap keluarga miskin tegar yang menepati kriteria-kriteria tertentu seperti musnah tempat kediaman, kematian ketua keluarga, hilang upaya akibat kemalangan dan diberhentikan kerja akibat syarikat mengalami masalah atau telah menganggur lebih dari 3 bulan; dan

- (vii) Kebanyakan badan-badan bukan kerajaan juga berminat untuk menyalurkan sumbangan bagi membasmi miskin tegar. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan mengumpul semua bantuan sama ada kewangan (*in-cash*) atau barangan (*in-kind*).

Untuk pelaksanaan pembasmian kemiskinan perlu mendapat sokongan dan komitmen padu dari pelbagai pihak. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa kekangan seperti berikut:

- (i) Data sedia ada tidak dikemas kini secara berkala;
- (ii) Tiada penyelarasan di antara Agensi Negeri dan Persekutuan;
- (iii) Kebanyakan daripada mereka yang dikategorikan sebagai miskin tegar terdiri daripada mereka yang tidak produktif dan hanya dapat dibantu dengan memberi wang sumbangan sahaja; dan
- (iv) Sikap KIR yang lebih rela menerima bantuan.

Di kawasan Pantai Jerejak yang terletak dalam Daerah Barat Daya mempunyai 10 orang yang dikategorikan sebagai miskin tegar. Daripada jumlah tersebut, seramai 9 orang dikategorikan sebagai miskin tegar tidak produktif dan hanya seorang dikategorikan sebagai miskin tegar produktif.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 42. Apakah kriteria yang digunakan untuk mengukur golongan miskin tegar dan miskin dan garis panduan yang digunakan untuk tujuan pendaftaran golongan tersebut dan berapa ramai rakyat Pulau Pinang yang berada di dalam golongan miskin tegar. Apakah projek-projek Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 42. Tuan Speaker,

Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan no. 1 dari Ahli Kawasan Seberang Jaya, no. 5 dari Ahli Kawasan Pulau Betong, dan soalan no. 48 dari Ahli Kawasan Sungai Bakap.

Kerajaan Negeri baru memang terkejut wujudnya keluarga miskin tegar sungguhpun diuar-uarkan oleh kerajaan lama sebelum ini betapa baiknya pentadbirannya. Jelas sekali ia hanya omong-omong kosong menjaga golongan yang tidak berada. Adalah memalukan keadaan ini boleh dibiarkan dalam 50 tahun ini. Oleh itu Kerajaan Negeri berhasrat untuk menghapuskan miskin tegar dalam tempoh setahun agar Negeri Pulau Pinang boleh menyapu bersih kecacatan yang memalukan ini. Miskin dan miskin tegar merupakan dua kategori yang berbeza.

Kerajaan Negeri mengkategorikan golongan ini berdasarkan *Poverty Outreach Kit* yang dikeluarkan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Kriteria utama yang diambil kira untuk mengukur golongan miskin atau miskin tegar adalah berdasarkan pendapatan isi rumah sesebuah keluarga. Sesebuah keluarga dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang dari Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), iaitu pendapatan mencukupi yang membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahli keluarganya berfungsi di dalam masyarakat. PGK kategori ini ialah sebanyak RM660.00 sebulan bagi sesebuah isi rumah atau pendapatan per kapita sebanyak RM150.00 sebulan.

Sesebuah isi rumah dianggap miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah kurang daripada PGK makanan, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan dan minimum yang membolehkan setiap ahli keluarganya mempunyai tubuh badan yang sihat. PGK bagi kategori ini ialah sebanyak RM400.00 sebulan bagi sesebuah isi rumah atau pendapatan per kapita sebanyak RM90.00 sebulan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyasarkan untuk mencapai miskin tegar sifar dalam tempoh satu tahun bermula dari bulan Mac 2008 sehingga bulan Mac 2009. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mencapai sasaran tersebut contohnya dengan mengadakan bancian dan lawatan bersama-sama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, ADUN, UPEN dan Pejabat Daerah berkaitan bagi memastikan golongan miskin menerima bantuan yang diperlukan. Di peringkat daerah pula Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah yang dianggotai oleh semua agensi/jabatan kerajaan berkaitan menerajui pemantauan pembasmian kemiskinan. Perancangan dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh jawatankuasa ini adalah berasaskan lima peringkat iaitu:

- (i) Peringkat 1 – kes-kes kemiskinan yang sedia ada atau baru dilaporkan akan disiasat dan maklumat berkaitan akan dikumpul;
- (ii) Peringkat 2 – Laporan berkenaan akan dibentangkan kepada jawatankuasa untuk mendapatkan pengesahan dan perakuan sama ada keluarga berkenaan layak dikategorikan sebagai keluarga miskin atau miskin tegar berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri;
- (iii) Peringkat 3 – Jawatankuasa akan berbincang dan membuat keputusan berhubung tindakan dan jenis bantuan pembasmian kemiskinan yang layak diberikan kepada keluarga miskin berkenaan;

- (iv) Peringkat 4 – pemantauan akan dijalankan bagi satu tempoh masa tertentu ke atas kes-kes berkenaan bagi keberkesanan tindakan/bantuan yang diberikan; dan
- (v) Peringkat 5 – Jawatankuasa juga perlu mengesah dan memperakukan bagi menentukan jika sesebuah keluarga itu perlu dikeluarkan daripada kategori miskin sekiranya pendapatan keluarga berkenaan melepasi Garis Kemiskinan Pendapatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri bersama agensi-agensi lain turut mengatur pelbagai rancangan dan strategi bagi golongan miskin tegar untuk mendorong mereka keluar dari kepompong kemiskinan. Di Pulau Pinang, terdapat seramai 324 Ketua Isi Rumah (KIR) yang memerlukan perhatian dan bantuan yang bersesuaian daripada Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut 90 peratus berbangsa Melayu, diikuti dengan bangsa India sebanyak 5 peratus, seterusnya bangsa Cina sebanyak 4 peratus dan lain-lain bangsa sebanyak 1 peratus.

Miskin tegar boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu golongan produktif dan tidak produktif. Setelah mengenal pasti golongan miskin tegar yang produktif iaitu berumur 60 tahun ke bawah dan mampu bekerja, bantuan Peningkatan Pendapatan mengikut kebolehan dan keperluan akan diberikan untuk membolehkan mereka menjana dan meningkatkan pendapatan melalui kegiatan ekonomi seperti menjalankan perniagaan, menjahit dan sebagainya. Bagi golongan Miskin Tegar yang tidak produktif pula seperti mereka yang berumur 60 tahun ke atas atau tidak mampu lagi untuk melakukan aktiviti harian, mereka ini akan disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mendapat bantuan yang bersesuaian. Selain itu, usaha dan bantuan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

- (i) Bantuan membaik pulih rumah yang tidak melebihi RM8,000 sebuah;
- (ii) Bantuan Wang Ehsan (Rebet Bil Air) sebanyak RM100.00 kepada rakyat miskin dan berpendapatan rendah;
- (iii) Bantuan Elaun Harian sebanyak RM10.00 sehari untuk pelajar Giat Mara yang dikategorikan golongan miskin tegar. Bantuan ini merangkumi kursus latihan kemahiran selama 6 bulan;
- (iv) Agihan bantuan beras *one-off*;
- (v) Jabatan Veterinar memberi bantuan Bumi Hijau kepada golongan miskin tegar dan di antara bantuan yang diberikan adalah bekalan ayam kampung, itik daging dan itik telur berserta makanan dan reban;

- (vi) Bantuan ihsan *one off* sebanyak RM3,000.00 untuk setiap keluarga miskin tegar yang menepati kriteria-kriteria tertentu seperti musnah tempat kediaman, kematian ketua keluarga, hilang upaya akibat kemalangan dan diberhentikan kerja akibat syarikat mengalami masalah atau telah menganggur lebih dari 3 bulan; dan
- (vii) Kebanyakan badan-badan bukan kerajaan juga berminat untuk menyalurkan sumbangan bagi membasmi miskin tegar. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan mengumpul semua bantuan sama ada kewangan (*in-cash*) atau barangan (*in-kind*).

Untuk pelaksanaan pembasmian kemiskinan perlu mendapat sokongan dan komitmen padu dari pelbagai pihak. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa kekangan seperti berikut:

- (i) Data sedia ada tidak dikemas kini secara berkala;
- (ii) Tiada penyelarasan di antara Agensi Negeri dan Persekutuan;
- (iii) Kebanyakan daripada mereka yang dikategorikan sebagai miskin tegar terdiri daripada mereka yang tidak produktif dan hanya dapat dibantu dengan memberi wang sumbangan sahaja; dan
- (iv) Sikap KIR yang lebih rela menerima bantuan.

Di kawasan Pantai Jerejak yang terletak dalam Daerah Barat Daya mempunyai 10 orang yang dikategorikan sebagai miskin tegar. Daripada jumlah tersebut, seramai 9 orang dikategorikan sebagai miskin tegar tidak produktif dan hanya seorang dikategorikan sebagai miskin tegar produktif.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 43. Bagaimana dengan perancangan untuk pembangunan koridor daerah Seberang Perai Utara yang menghubungkan jajaran Kepala Batas, Tasek Gelugor dan Butterworth. Apakah status dan kedudukan projek ini pada masa kini dan projek yang telah dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 43. Untuk makluman Y.B., pembangunan Koridor Seberang Perai Utara (SPU) yang dimaksudkan adalah satu konsep pembangunan secara pentadbiran sahaja iaitu agensi-agensi pelaksana hanya mengambil konsep tersebut sebagai panduan untuk perancangan, permohonan peruntukan dan pelaksanaan sahaja. Konsep tersebut bukan merupakan perancangan yang diwartakan sebagaimana Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP) atau Rancangan Pelan Tempatan di bawah Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Seberang Perai mengikut Akta Perancang Bandar dan Desa 1976.

Mengikuti RSNPP 2020 yang merangka dasar pembangunan Negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2020, SPU mempunyai dua koridor pembangunan utama dan satu koridor pembangunan sekunder iaitu Koridor Pembangunan Utama Kepala Batas – Bertam, Koridor Pembangunan Utama Butterworth – Bagan Ajam – Telok Air Tawar (termasuk Sungai Dua) dan Koridor Pembangunan Sekunder Tasek Gelugor – Ara Kuda.

Melalui Dasar Spatial Utama 4 (DSU4) RSNPP, Koridor Pembangunan Utama ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan perbandaran. Dasar Pembangunan Utama bagi kedua-dua koridor adalah seperti berikut:

- (a) Koridor Kepala Batas – Bertam merupakan koridor pembangunan sedia ada.

Aktiviti utama yang dibenarkan di Koridor ini adalah perumahan, perdagangan dan institusi. Ia adalah selaras dengan penaikan taraf kawasan Bertam sebagai sebuah pusat petempatan utama dan peranan Kepala Batas sebagai Pusat Separa Wilayah iaitu sebagai pusat Pentadbiran Daerah SPU. Koridor ini juga akan membangun dengan pesat dengan pengiktirafan Bertam sebagai salah sebuah *Penang Cyber City* yang akan dibangunkan dalam fasa ke 2 iaitu selepas tahun 2008.

- (b) Koridor Butterworth – Bagan Ajam – Telok Air Tawar (Termasuk Sungai Dua) merupakan gabungan koridor pembangunan sedia ada dan koridor baru. Kesan daripada cadangan Jalan Pesisir Pantai Telok Air Tawar – Kuala Muda dijangka akan memberi kesan kepada pembangunan koridor ini.

Keupayaan kemudahan pelabuhan serta kemudahan jaringan pengangkutan yang baik meningkatkan lagi potensi Butterworth sebagai bandar pelabuhan dan salah sebuah pelabuhan utama negara. Aktiviti *Barter Trade* akan memainkan peranan yang lebih luas di dalam menjana peluang ekonomi di peringkat negeri dan serantau. Tumpuan utama aktiviti pembangunan koridor ini adalah perumahan dan perdagangan dengan mengambil kira pengekalan kawasan jelapang padi serta kawasan pertanian kelas 1 dan kelas 2 yang terdapat di sepanjang koridor ini.

Manakala melalui Dasar Spatial Utama 5 (DSU5) RSNPP, Koridor Pembangunan Sekunder akan memberi tumpuan kepada penaik tarafan dan pembangunan terkawal, berskala dan berketumpatan rendah – sederhana iaitu untuk tujuan pembangunan perumahan, pelancongan terhad/ekopelancongan, perdagangan terhad, industri asas tani, industri kraf tangan dan pembangunan desa yang berimpak rendah.

Dalam dasar Pembangunan Sekunder, penumpuan khusus adalah bagi Koridor Tasek Gelugor – Ara Kuda yang mempunyai pertalian dengan Koridor Pembangunan Utama Kepala Batas – Bertam dan dijangka mewujudkan rangkaian sehingga ke sekitar Ara Kuda dan Penanti. Pembangunan koridor ini secara tidak langsung akan menerima kesan daripada kawasan persempadanan iaitu di Kulim. Selain itu, Bertam juga dikenal pasti untuk menjadi satu kluster industri automotif berasaskan kepada teknologi tinggi, zon industri akuakultur, dan terminal bas. Pelbagai agensi pelaksana sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak swasta atau perseorangan terlibat dalam melaksanakan projek-projek bagi mencapai pembangunan di kawasan koridor tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

44. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk melaksanakan projek pembangunan tapak pemusnahan sampah di kawasan JEWay.
 - (i) Sekiranya ada, apakah bentuk projek yang dirancangkan.
 - (ii) Adakah Kerajaan Negeri akan menimbangkan cadangan untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai sebuah Taman Rekreasi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

44. Kerajaan Negeri mempunyai dua cadangan pemajuan di Tapak Pelupusan Sampah Jelutong yang masih dalam penelitian dan kajian untuk:
 - (i) Membina Material Recovery Facilities (MRF); dan
 - (ii) Menjadikan Tapak Pelupusan Sampah Jelutong sebagai Taman Rekreasi.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Adakah Kerajaan Negeri bercadang setiap pembangunan terutamanya pembinaan pangsapuri diwajibkan pemasangan CCTV untuk tujuan mencegah jenayah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Sememangnya pemasangan CCTV di lokasi-lokasi strategik dan kerap berlaku jenayah banyak membantu PDRM dalam penyiasatan dan pencegahan jenayah. Dalam hal ini, bagi setiap pembangunan terutamanya pangsapuri adalah di cadang diwujudkan CCTV supaya

sebarang perbuatan jenayah dapat dipantau, dicegah dan diambil tindakan dengan lebih berkesan dan cepat. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan satu arahan supaya semua bangunan yang mempunyai tempat letak kereta bawah tanah dan bahagian lain supaya mengambil tindakan dengan menyediakan sistem keselamatan di tempat letak kereta seperti pemasangan *intercom system/strobe lights* alat CCTV dan bilik kawalan, pemasangan lampu, pengawal dan pondok pengawal dan sebagainya.

Pihak Berkuasa Tempatan semasa memproses pelan-pelan pemajuan juga mensyaratkan supaya pemaju menyediakan kemudahan sistem keselamatan ini di bangunan-bangunan yang dicadangkan.

Kerajaan Negeri telah mengeluarkan arahan pada 25 September 2008 supaya setiap pembangunan seperti kompleks membeli-belah, pangsapuri dan sebagainya dipasang CCTV oleh pihak pengurusan bangunan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

46. Didapati beribu-ribu orang pekerja asing telah ditempatkan oleh majikan mereka di Taman Terubong Indah (Majestic Height) dan telah mendatangkan pelbagai masalah sosial dan keselamatan kepada penduduk-penduduk tempatan, contohnya kes-kes merompak, mencuri, gangguan seksual, dan vandalisme. Bolehkah Kerajaan Negeri cuba mencari jalan untuk menyelesaikan masalah pekerja asing ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

46. Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dalam usaha mengurangkan kadar jenayah di Pulau Pinang terutama yang melibatkan jenayah yang dilakukan oleh Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan kebanjiran kehadiran mereka, operasi-operasi secara bersepadu dan berterusan peringkat kontinjen dan daerah dilancarkan melibatkan semua cawangan dan juga formasi-formasi Keselamatan Dalam Negeri Ketenteraan Awam (KDN/KA) seperti Pasukan Gerakan Am (PGA), Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) dan Marin.

Operasi-operasi seperti 'OPS RANTAU' dan lain-lain operasi pencegahan jenayah yang dilancarkan oleh PDRM adalah dari masa ke semasa dan berterusan sepanjang tahun.

Di samping operasi-operasi tersebut, PDRM juga membantu agensi-agensi tertentu seperti RELA dan Imigresen dalam 'OPS TEGAS'.

Operasi seperti 'OPS NYAH II' juga dilancarkan secara berterusan oleh PGA bagi membanteras Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) memasuki negara ini.

Selain itu, operasi-operasi juga dipertingkatkan semasa musim-musim perayaan bagi membendung aktiviti jenayah oleh Pemandang Asing Tanpa Izin (PATI).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

47. Dalam usaha untuk mempromosikan negeri Pulau Pinang sebagai “negeri pelancongan perubatan” terutama di Malaysia. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk menarik pelaburan dalam bidang pelancongan perubatan dan apakah hasilnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

47. Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor utama kepada ekonomi Negeri. Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri telah menggariskan 10 teras utama sektor pelancongan Negeri dan salah satu daripada teras tersebut adalah pelancongan perubatan.

Statistik bagi tahun 2007 yang diperoleh daripada Penang Health Association, menunjukkan sejumlah 215,869 pesakit asing telah mendapatkan rawatan di Pulau Pinang. Jumlah ini mewakili dua per tiga daripada jumlah pesakit yang datang ke Malaysia telah mendapatkan rawatan di Pulau Pinang. Ini sekali gus telah menyumbangkan pendapatan berjumlah RM156 juta kepada Negeri Pulau Pinang.

Pada masa ini, nisbah doktor kepada penduduk di Pulau Pinang adalah 1:842, yang dianggap sangat menggalakkan berbanding dengan nisbah negara iaitu 1:1200 atau sasaran yang ditetapkan oleh World Health Organization (WHO) iaitu 1:1000. Kerajaan Negeri telah berperanan dalam memberi penekanan terhadap penjagaan perkhidmatan kesihatan, sementara investPenang pula akan terus mempromosikan pelaburan dari hospital-hospital swasta. Dengan adanya lebih banyak hospital-hospital swasta didirikan, negeri ini berpotensi untuk mendapatkan pakar-pakar bagi penyakit-penyakit berbeza.

Oleh yang demikian, adalah amat penting bagi Kerajaan Negeri untuk terus mempromosikan pelancongan perubatan. Antara langkah-langkah yang di ambil oleh Kerajaan Negeri adalah untuk bekerjasama dengan *Penang Health Association* untuk sama-sama mempromosikan sektor ini. Usaha ini sekali gus adalah dengan memastikan hospital-hospital Kerajaan mahupun hospital-hospital swasta di negeri ini menawarkan rawatan yang bertaraf lima bintang. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti *Medical Screening, Diagnostic Services, Therapeutic Services* dan *Dental Services*.

Bagi menyokong pertumbuhan sektor pelancongan perubatan di negeri ini, ianya memerlukan penambahan golongan profesional perubatan dan penjagaan kesihatan yang berkualiti secara berterusan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan sentiasa memastikan pakar-pakar perubatan tempatan yang bekerja di luar negara untuk pulang ke Malaysia dan berkhidmat di Pulau Pinang.

Selain daripada penerbitan risalah *Heal & Holiday* yang menampilkan senarai hospital dan rawatan yang terdapat di Pulau Pinang, pihak pelancongan telah bekerjasama dengan 7 hospital sekitar Pulau Pinang mengadakan promosi di Medan, Indonesia yang merupakan penyumbang utama kepada aktiviti pelancongan perubatan Pulau Pinang. Di antara hospital yang dimaksudkan adalah:

- (i) Hospital Lam Wah Ee
- (ii) Hospital Adventist
- (iii) Hospital Gleneagles
- (iv) Hospital Pantai Medical Centre
- (v) Island Hospital
- (vi) Hospital Mount Miriam
- (vii) Hospital Loh Guan Lye

Adalah dilaporkan oleh pihak hospital-hospital tersebut di atas, Indonesia adalah merupakan penyumbang pelancong perubatan tertinggi bagi negeri berdasarkan perkhidmatan yang bermutu, kepakaran doktor tempatan, kemudahan dan peralatan perubatan yang moden dengan kos yang rendah.

Selain daripada itu, investPenang juga akan berperanan dalam menjalinkan kerjasama dengan syarikat penerbangan, hotel-hotel serta agensi-agensi pengangkutan untuk turut sama-sama mempromosikan pelancongan perubatan di negeri ini. Walaupun promosi yang dijalankan ini masih di peringkat permulaan, namun Kerajaan Negeri yakin ianya dapat memberi impak yang besar dalam memajukan sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang.

Usaha Kerajaan Negeri dalam mempromosikan pelancongan perubatan telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Kumpulan Perubatan Farrali Mutiara Sdn Bhd, telah membuat pelaburan bernilai RM300 juta untuk mendirikan *Farrali International Specialist Hospital* dan *Wellness Resort* di Batu Kawan. Dengan adanya *Farrali International Specialist Hospital*, ianya bukan sahaja dapat menarik *medical tourist* dari Indonesia dan Thailand tetapi juga dari Negara Timur Tengah untuk mendapatkan rawatan perubatan di negeri ini.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Kerajaan Negeri yang baru berulang kali mengatakan bahawa miskin tegar dapat dihapuskan dalam masa 6 bulan pemerintahan. Sekarang sudah pun 7 bulan memerintah, berapakah kadar kemiskinan tegar yang berjaya dihapuskan setakat ini. Berapakah bilangan miskin tegar di negeri ini dan peratusannya mengikut bangsa bagi 5 tahun yang lalu dan terkini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Tuan Speaker,

Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan no. 1 dari Ahli Kawasan Seberang Jaya, soalan no. 5 dari Ahli Kawasan Pulau Betong dan soalan no. 42 dari Ahli Kawasan Batu Uban.

Kerajaan Negeri baru memang terkejut wujudnya keluarga miskin tegar sungguhpun diuar-uarkan oleh kerajaan lama sebelum ini betapa baiknya pentadbirannya. Jelas sekali ia hanya omong-omong kosong menjaga golongan yang tidak berada. Adalah memalukan keadaan ini boleh dibiarkan dalam 50 tahun ini. Oleh itu Kerajaan Negeri berhasrat untuk menghapuskan miskin tegar dalam tempoh setahun agar Negeri Pulau Pinang boleh menyapu bersih kecacatan yang memalukan ini. Miskin dan miskin tegar merupakan dua kategori yang berbeza. Kerajaan Negeri mengkategorikan golongan ini berdasarkan *Poverty Outreach Kit* yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Kriteria utama yang diambil kira untuk mengukur golongan miskin atau miskin tegar adalah berdasarkan pendapatan isi rumah sesebuah keluarga. Sesebuah keluarga dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut kurang dari Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), iaitu pendapatan mencukupi yang membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahli keluarganya berfungsi di dalam masyarakat. PGK kategori ini ialah sebanyak RM660.00 sebulan bagi sesebuah isi rumah atau pendapatan per kapita sebanyak RM150.00 sebulan.

Sesebuah isi rumah dianggap miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah kurang daripada PGK makanan, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan dan minimum yang membolehkan setiap ahli keluarganya mempunyai tubuh badan yang sihat. PGK bagi kategori ini ialah sebanyak RM400.00 sebulan bagi sesebuah isi rumah atau pendapatan per kapita sebanyak RM90.00 sebulan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyasarkan untuk mencapai miskin tegar sifar dalam tempoh satu tahun bermula dari bulan Mac 2008 sehingga bulan Mac 2009. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mencapai sasaran tersebut contohnya dengan mengadakan bancian dan lawatan bersama-sama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, ADUN, UPEN dan Pejabat Daerah berkaitan bagi memastikan golongan miskin menerima bantuan yang diperlukan. Di peringkat daerah pula Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah yang dianggotai oleh semua agensi/jabatan kerajaan berkaitan menerajui pemantauan pembasmian kemiskinan. Perancangan dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh jawatankuasa ini adalah berasaskan lima peringkat iaitu:

- (i) Peringkat 1 – kes-kes kemiskinan yang sedia ada atau baru dilaporkan akan disiasat dan maklumat berkaitan akan di kumpul;

- (ii) Peringkat 2 – Laporan berkenaan akan dibentangkan kepada jawatankuasa untuk mendapatkan pengesahan dan perakuan sama ada keluarga berkenaan layak dikategorikan sebagai keluarga miskin atau miskin tegar berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri;
- (iii) Peringkat 3 – Jawatankuasa akan berbincang dan membuat keputusan berhubung tindakan dan jenis bantuan pembasmian kemiskinan yang layak diberikan kepada keluarga miskin berkenaan;
- (iv) Peringkat 4 – pemantauan akan dijalankan bagi satu tempoh masa tertentu ke atas kes-kes berkenaan bagi keberkesanan tindakan/bantuan yang diberikan; dan
- (v) Peringkat 5 – Jawatankuasa juga perlu mengesah dan memperakukan bagi menentukan jika sesebuah keluarga itu perlu dikeluarkan daripada kategori miskin sekiranya pendapatan keluarga berkenaan melepasi Garis Kemiskinan Pendapatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri bersama agensi-agensi lain turut mengatur pelbagai rancangan dan strategi bagi golongan miskin tegar untuk mendorong mereka keluar dari kepompong kemiskinan. Di Pulau Pinang, terdapat seramai 324 Ketua Isi Rumah (KIR) yang memerlukan perhatian dan bantuan yang bersesuaian daripada Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut 90 peratus berbangsa Melayu, diikuti dengan bangsa India sebanyak 5 peratus, seterusnya bangsa Cina sebanyak 4 peratus dan lain-lain bangsa sebanyak 1 peratus.

Miskin tegar boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu golongan produktif dan tidak produktif. Setelah mengenal pasti golongan miskin tegar yang produktif iaitu berumur 60 tahun ke bawah dan mampu bekerja, bantuan Peningkatan Pendapatan mengikut kebolehan dan keperluan akan diberikan untuk membolehkan mereka menjana dan meningkatkan pendapatan melalui kegiatan ekonomi seperti menjalankan perniagaan, menjahit dan sebagainya. Bagi golongan Miskin Tegar yang tidak produktif pula seperti mereka yang berumur 60 tahun ke atas atau tidak mampu lagi untuk melakukan aktiviti harian, mereka ini akan disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mendapat bantuan yang bersesuaian. Selain itu, usaha dan bantuan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

- (i) Bantuan membaik pulih rumah yang tidak melebihi RM8,000 sebuah;
- (ii) Bantuan Wang Ehsan (Rebet Bil Air) sebanyak RM100.00 kepada rakyat miskin dan berpendapatan rendah;
- (iii) Bantuan Elaun Harian sebanyak RM10.00 sehari untuk pelajar Giat Mara yang dikategorikan golongan miskin tegar. Bantuan ini merangkumi kursus latihan kemahiran selama 6 bulan;

- (iv) Agihan bantuan beras *one-off*;
- (v) Jabatan Veterinar memberi bantuan Bumi Hijau kepada golongan miskin tegar dan di antara bantuan yang diberikan adalah bekalan ayam kampung, itik daging dan itik telur berserta makanan dan reban;
- (vi) Bantuan ihsan *one off* sebanyak RM3,000.00 untuk setiap keluarga miskin tegar yang menepati kriteria-kriteria tertentu seperti musnah tempat kediaman, kematian ketua keluarga, hilang upaya akibat kemalangan dan diberhentikan kerja akibat syarikat mengalami masalah atau telah menganggur lebih dari 3 bulan; dan
- (vii) Kebanyakan badan-badan bukan kerajaan juga berminat untuk menyalurkan sumbangan bagi membasmi miskin tegar. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan mengumpul semua bantuan sama ada kewangan (*in-cash*) atau barangan (*in-kind*).

Untuk pelaksanaan pembasmian kemiskinan perlu mendapat sokongan dan komitmen padu dari pelbagai pihak. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa kekangan seperti berikut:

- (i) Data sedia ada tidak dikemas kini secara berkala;
- (ii) Tiada penyelarasan di antara Agensi Negeri dan Persekutuan;
- (iii) Kebanyakan daripada mereka yang dikategorikan sebagai miskin tegar terdiri daripada mereka yang tidak produktif dan hanya dapat dibantu dengan memberi wang sumbangan sahaja; dan
- iv) Sikap KIR yang lebih rela menerima bantuan.

Di kawasan Pantai Jerejak yang terletak dalam Daerah Barat Daya mempunyai 10 orang yang dikategorikan sebagai miskin tegar. Daripada jumlah tersebut, seramai 9 orang dikategorikan sebagai miskin tegar tidak produktif dan hanya seorang dikategorikan sebagai miskin tegar produktif.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 49. Dengan krisis ekonomi di Amerika dan Eropah, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah krisis ekonomi yang mungkin melanda Pulau Pinang terutamanya sektor perindustrian di *Free Industry Zone*. Apakah langkah-langkah mengurangkan impak kemungkinan *production slowdown* ke atas pekerja kilang. Apakah usaha untuk menarik pelaburan baru dalam sektor perindustrian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

49. Y.B. Tuan Speaker,

Saya mohon keizinan untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan no. 30 daripada Ahli Kawasan Sungai Dua dan soalan no. 27 Ahli Kawasan Pinang Tunggal.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menggariskan sepuluh (10) teras strategik bagi Negeri Pulau Pinang untuk terus memajukan ekonomi Negeri. Teras-teras strategik ini adalah berdasarkan tiga (3) unsur utama iaitu pelabur, pelancong dan penduduk.

Teras-teras strategik itu adalah seperti berikut:

- (1) Perindustrian;
- (2) "Regional Headquarters"; dan
- (3) Mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE).
- (4) Kebudayaan dan seni;
- (5) Makanan & masakan Pulau Pinang;
- (6) Sukan; dan
- (7) "Pelancongan-Eko".
- (8) Pendidikan;
- (9) Warisan; dan
- (10) Perkhidmatan perubatan.

(1) Teras Strategik Perindustrian:

Kerajaan Negeri melalui investPenang akan mempertingkatkan usahanya untuk menggalakkan aliran masuk pelaburan asing serta pelaburan tempatan ke dalam sektor perindustrian di Pulau Pinang. Usaha galakan pelaburan tidak akan hanya ditumpukan kepada pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat dan Eropah tetapi tumpuan baru juga akan diberikan kepada potensi pelaburan dari

Korea Selatan, Timur Tengah, Negeri China, India dan juga Indonesia. Dalam pada itu Ketua Menteri telah mengetuai rombongan galakan pelaburan ke Korea Selatan dan Timur Tengah.

Ekonomi Negeri Pulau Pinang, sejak perindustrian berorientasikan eksport mulai diperkenalkan dan dilaksanakan pada tahun 1970an, adalah didominasi oleh sektor pembuatan. Pada akhir tahun 1990an, sumbangan sektor perindustrian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sebanyak 45%. Kini, walaupun sumbangan sektor perindustrian telah menurun kepada 39% daripada KDNK Negeri, sektor ini masih merupakan sektor yang terpenting dalam ekonomi Negeri dan masih dianggap sebagai sektor yang terpenting bagi ekonomi Negeri. Antara aktiviti-aktiviti yang di galakan termasuk aktiviti yang menggunakan teknologi terkini; melibatkan pengeluaran barangan yang bernilai tinggi; serta mengintensifkan pengetahuan dan ilmu.

Negeri Pulau Pinang akan dibangunkan dan dipromosi sebagai pusat perindustrian yang moden bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMG-GT). Pengilang-pengilang dari Indonesia dan Thailand akan digalakkan untuk menggunakan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat untuk menambah nilai serta mengedarkan barangan buatan mereka ke pasaran antarabangsa. Ini adalah disebabkan Negeri Pulau Pinang mempunyai infrastruktur yang lengkap dan berkualiti seperti pelabuhan dan lapangan terbang antarabangsa yang kerap dikunjungi oleh kapal terbang kargo dari seluruh dunia. Selain daripada itu, kewibawaan Malaysia dalam mengeluarkan pensijilan Halal juga berperanan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi terpilih untuk pengeluaran barangan dan perkhidmatan Halal oleh syarikat-syarikat dari Thailand dan Indonesia.

Tumpuan juga akan diberikan kepada pelaburan tempatan. Usaha akan dipertingkatkan dalam fasilitasi syarikat-syarikat tempatan. Syarikat-syarikat tempatan yang berjaya dan berdaya saing dalam pasaran antarabangsa bukan sahaja melambangkan keupayaan dan kemampuan pengusaha tempatan, mereka juga merupakan sebahagian daripada rantaian nilai syarikat-syarikat antarabangsa dan merupakan salah satu daripada daya tarikan utama Pulau Pinang. Dengan kata lain, syarikat-syarikat tempatan menjadi pemangkin sektor perindustrian.

Selain itu, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa ekonomi Negeri Pulau Pinang tidak seharusnya hanya bergantung kepada industri berorientasikan eksport. Seandainya ekonomi Negeri hanya bergantung kepada industri berorientasikan eksport, kejatuhan pasaran antarabangsa yang berlaku seperti pada masa ini akan membawa kesan yang negatif kepada kesuluruhan ekonomi Negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri, melalui investPenang juga akan mempertingkatkan usaha untuk mengalakan pelaburan dalam industri gantian import yang berteknologi dan bernilai tinggi seperti peralatan perubatan. Ini juga dapat membantu dalam mengurangkan aliran keluar dana.

(2) Teras Strategik “Regional Headquarters”

Walaupun sektor perindustrian masih merupakan sektor yang terpenting kepada pembangunan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mempelbagaikan asas ekonomi negeri dengan memberi tumpuan kepada peningkatan aktiviti-aktiviti daripada kegiatan pengilangan kepada aktiviti-aktiviti yang bernilai tambah tinggi. Ini merupakan aktiviti-aktiviti yang mengintensifkan ilmu dan teknologi serta yang memerlukan pekerja-pekerja berpendidikan.

Kerajaan Negeri akan mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai “*Regional Headquarters*” kepada syarikat-syarikat multinasional yang kini beroperasi di dalam negeri serta syarikat-syarikat lain yang belum bertapak di Pulau Pinang. Dengan penubuhan “*Regional Headquarters*” syarikat-syarikat antarabangsa di Pulau Pinang, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat-syarikat ini akan dipertingkatkan, justeru meningkatkan peluang pekerjaan yang bergaji lebih tinggi seperti penyelidikan, rekabentuk dan pembangunan (*research, design &*

development) serta perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (*shared services outsourcing*) bagi penduduk Pulau Pinang. Penubuhan "*Regional Headquarters*" juga memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang kini menghuni atau bekerja di negara-negara asing untuk balik ke tanahair dan menyandang jawatan-jawatan "*regional*" di sini.

(3) Teras Strategik Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE):

Kerajaan Negeri akan mempromosikan Pulau Pinang sebagai sebuah lokasi untuk MICE. Pada masa ini, Kerajaan Negeri, melalui investPenang sedang mengadakan perbincangan dengan pihak swasta untuk menubuhkan suatu pusat MICE di dalam Negeri ini.

Dengan penubuhan sebuah pusat MICE, pengusaha-pengusaha acara (*event management companies*) akan mendapat dorongan untuk menganjurkan konvensyen, persembahan serta pameran antarabangsa di Negeri Pulau Pinang. Aktiviti-aktiviti MICE yang bertaraf antarabangsa bukan hanya akan mempertingkatkan daya pendapatan pelancongan berdasarkan MICE untuk Negeri ini tetapi penduduk Pulau Pinang juga berpeluang untuk menikmati acara-acara dan persembahan-persembahan bertaraf antarabangsa yang sebelum ini tidak dapat diadakan di Pulau Pinang.

(4) Teras Strategik Kebudayaan dan Seni:

Negeri Pulau Pinang dikurniakan dengan penduduknya yang berbakat seperti Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P Ramlee, Datuk Ahmad Nawab, Mendiang Jimmy Boyle, Dato' Ahmad Merican, Ooi Eow Jin, Dennis Lee dan Alleycats. Terdapat lebih ramai lagi bakat-bakat yang belum dicungkil dan usaha yang gigih diperlukan untuk mengenal pasti serta memupuk bakat-bakat tersebut.

Oleh yang demikian, Kerajaan mencadangkan untuk membangunkan sebuah Pusat Filem, Kebudayaan dan Kesenian (PFKK) di kawasan Komtar. Projek PFKK ini dapat menyediakan suatu tempat pertemuan untuk bakal-bakal seniman dan seniwati untuk berinteraksi, melatih dan mempertingkatkan bakat-bakat mereka. PFKK yang dijangka dapat mengembalikan kegemilangan George Town akan melahirkan sekumpulan warga kota yang kreatif, justeru mempromosikan George Town sebagai sebuah Bandaraya Kreatif (*Creative City*).

Selain daripada itu, persembahan-persembahan kebudayaan dan pameran-pameran antarabangsa juga dapat diadakan di PFKK, justeru menjadi suatu tarikan pelancong antarabangsa.

(5) Teras Strategik Makanan dan Masakan Pulau Pinang:

Pulau Pinang yang dikurniakan dengan masyarakat yang pelbagai kaum serta warisan budaya yang kaya juga menawarkan makanan dan masakan yang diwarisi daripada masyarakat dan budayanya. Kerajaan Negeri bercadang untuk mempertingkatkan lagi usaha untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan melalui makanan dan masakannya yang unik.

(6) Teras Strategik Sukan:

Pelancongan sukan merupakan suatu kegiatan ekonomi yang menguntungkan kerana pelancong-pelancong sukan mempunyai kuasa beli (*buying power*) and tinggi. Sejak 1970an, Pulau Pinang telah berjaya dalam menganjurkan acara sukan bertaraf antarabangsa dalam bidang badminton, lumba basikal (*Le tour de Langkawi*), perahu naga, lumba motosikal (dalam tahun-tahun 1970an dan 1980an), skuasy dan renang. Pulau Pinang juga pernah menjadi tuan rumah kepada beberapa acara sukan peringkat kebangsaan termasuk Sukan Sukma 2000.

Pada tahun ini, Pulau Pinang telah berjaya menganjurkan International Dragon Boat Federation's 6th Club Crew World Championship dan 8th Asian Dragon Boat Federation. Acara ini dihadiri oleh lebih daripada 3,000 pengunjung.

Negeri Pulau Pinang adalah sesuai untuk acara-acara sukan bertaraf antarabangsa kerana keadaan geografinya, rangkaian pengangkutan yang baik, tempat penginapan yang bertaraf tinggi, infrastruktur sukan yang baik seperti stadium dan kolam renang, kos yang rendah berbanding dengan kebanyakan lokasi yang lain serta rekod penganjuran yang cemerlang.

(7) Teras Strategik Pelancongan-Eko:

Negeri Pulau Pinang mempunyai taman negara yang terkecil di Malaysia dan di dunia dengan kawasan seluas 2,562 hektar. Taman Negara Pantai Aceh juga merupakan taman negara yang paling mudah untuk dimasuki kerana pintu masuk Taman Negara ini hanya terletak 10 minit dari kebanyakan hotel-hotel pelancong di bahagian utara Pulau Pinang.

Taman Negara Pantai Aceh adalah unik kerana ia mempunyai pelbagai jenis habitat termasuk tasik "*meromictic*", "*wetlands*", paya bakau, "*coral reefs*" dan kawasan untuk penyu bertelur. Di samping itu, terdapat juga mamalia seperti tupai *glis*, "*slow loris*", "*flying lemur*", "*civet cats*", "*leopard cats*", "*sea otters*" dan "*pangolins*". Selain daripada mamalia, terdapat juga burung, reptilia, amfibia dan penyu terutamanya "*Green Turtles*", "*Ridley Turtles*", "*Leatherback Turtles*" dan "*Hawksbill Turtles*".

Disebabkan keunikan Taman Negara Pantai Aceh yang lokasinya berdekatan dengan tempat penginapan serta tarikan pelancong yang lain seperti warisan budaya dan seni, makanan dan masakan serta sukan, Negeri Pulau Pinang dapat diibaratkan sebagai "Pulau Pinang Miliki Kesemuanya".

(8) Teras Strategik Pendidikan

Negeri Pulau Pinang beraspirasi untuk menjadi sebuah negeri Pendidikan. Pada masa silam dalam tahun-tahun 1960an dan 1970an, warga Indonesia dan Thailand datang ke Pulau Pinang untuk memperoleh pendidikan Bahasa Inggeris and Perdagangan. Ini adalah disebabkan pendidikan barat telah diperkenalkan kepada penduduk Pulau Pinang semasa jajahan British.

Kini, Pulau Pinang mempunyai sebanyak 6 buah sekolah antarabangsa yang menawarkan kurikulum pendidikan Amerika Syarikat, British, Jepun dan Taiwan kepada anak-anak ekspatriat yang bekerja di Pulau Pinang. Lebih banyak lagi sekolah-sekolah yang menawarkan kurikulum pendidikan antarabangsa akan ditubuhkan.

Selain daripada itu, terdapat lebih daripada 30 buah institut pengajian tinggi swasta yang menawarkan sijil-sijil kelayakan diploma dan ijazah sarjana muda dari luar negeri. Terdapat juga institut-institut pengajian tinggi yang menawarkan ijazah sarjana dan juga ijazah kedoktoran.

Kerajaan Negeri memberi perhatian yang serius kepada perkembangan pendidikan penduduk Negeri kerana pendidikan merupakan sumber daya upaya ilmu dan teknologi para penduduk Negeri Pulau Pinang. Selain itu, pelbagai kurikulum yang ditawarkan oleh institut-institut pengajian tinggi swasta ini juga merupakan suatu tarikan kepada pelajar-pelajar dari luar negeri, terutamanya Thailand dan Indonesia. Oleh yang demikian, pendidikan yang ditawarkan oleh institut-institut pengajian tinggi ini juga merupakan sumber pendapatan bagi pelancongan berdasarkan pendidikan.

(9) Teras Strategik Warisan

Pada bulan Julai 2008, George Town telah diiktirafkan sebagai "World Heritage Site" oleh UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization). Pengiktirafan George Town sebagai "World Heritage Site" sedikit sebanyak dapat mengembalikan status Negeri Pulau Pinang sebagai suatu destinasi pelancongan.

Bagaimanapun pengiktirafan ini juga menimbulkan beberapa isu mengenai kemapanan. Pembangunan yang mendadak di Pulau Pinang sejak lebih daripada tiga dasawarsa yang lalu telah mengakibatkan penyusutan dari segi alam persekitaran. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan mengadakan pemantauan yang kerap dan serius terhadap

kepentingan kemapanan dari alam sekitar, ekonomi, budaya dan social demi untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah tempat yang mempunyai nilai-nilai sejagat yang cemerlang

Dengan terlaksananya pelan-pelan tindakan yang akan dirumuskan oleh Kerajaan Negeri di bawah sepuluh teras strategik ini, saya amat yakin bahawa Pulau Pinang dapat menangani krisis ekonomi global masa kini serta menarik lebih pelaburan kepada sektor-sektor ekonomi dalam Negeri seperti perindustrian, pelancongan, pembinaan serta perdagangan dan sekali dapat membantu memajukan ekonomi negeri.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

50. (a) Apakah punca utama berlakunya banjir kilat di Negeri Pulau Pinang.
- (b) Adakah kaedah perancangan dan pembangunan yang ada sekarang yang menyumbang kepada banjir kilat di Negeri Pulau Pinang.
- (c) Setakat manakah Rancangan Struktur Tempatan dapat membantu menyelesaikan masalah banjir kilat di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

50. (a) Punca-punca utama berlakunya banjir kilat di Negeri Pulau Pinang yang telah dikenal pasti adalah:
- (i) Hujan lebat yang bertembung dengan air pasang.
- (ii) Kapasiti parit-parit sedia ada tidak dapat menampung pertambahan air larian yang disebabkan oleh pembangunan baru terutamanya di kawasan tanah tinggi.
- (iii) Sampah sarap yang terkumpul menyebabkan parit tersumbat dan tidak dapat mengalirkan air hujan dengan baik sehingga ke parit utama/sungai.
- (iv) Halangan-halangan utiliti yang dibina merintang parit dan pemetung jalan menghalang kelancaran aliran air.
- (v) Tanah lumpur dari pembangunan yang tidak terkawal menyebabkan parit tersumbat dan seterusnya menjadikan sungai semakin cetek.

- (b) Kaedah perancangan dan pembangunan yang diamalkan sekarang adalah bertepatan dan mengikut garis panduan. Walau bagaimanapun, kemungkinan masih berlaku kelemahan dalam aspek penguatkuasaan dan pematuhan pada garis panduan dan amalan kerja yang telah menyumbang kepada masalah banjir kilat. Ini adalah kerana pembangunan pesat telah mengurangkan keluasan permukaan tanah yang telap air (pervious) dan mengakibatkan air larian permukaan bertambah dari segi kuantiti dan kelajuan.
- (c) Rancangan Struktur Tempatan adalah lebih bersifat umum yang menentukan zon dan jenis pembangunan yang dibenarkan. Bagi melengkapkan pelan struktur tempatan, Pelan Induk Sistem Saliran dan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak perlu disediakan. Pihak JPS telah pun mengambil tindakan bagi menyediakan pelan induk saluran bagi kawasan-kawasan yang bermasalah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 51. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu para peniaga di KOMTAR?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 51. Kerajaan Negeri sememangnya menyedari bahawa kemerosotan yang dihadapi oleh KOMTAR memang telah memberikan kesan terhadap para peniaga di KOMTAR. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah untuk memulihkan KOMTAR.

Punca utama kemerosotan yang dialami oleh KOMTAR ialah penutupan operasi dua penyewa utama (anchor tenant) di Blok Podium iaitu Super KOMTAR dan Parkson (Aktif Lifestyle/ Yaohan), selain daripada faktor usia bangunan KOMTAR itu sendiri yang boleh dikatakan agak berusia jika dibandingkan dengan kompleks-kompleks membeli-belah yang lebih baru.

Kerajaan Negeri juga telah menjalankan kajian pemulihan KOMTAR melalui perunding hartanah iaitu Henry Butcher Malaysia (Penang) Sdn Bhd (Henry Butcher). Kajian ini merangkumi pengenalan terhadap punca dan faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan KOMTAR dan seterusnya mencadangkan strategi, langkah serta pendekatan yang boleh diambil untuk memulihkan KOMTAR.

Kerajaan Negeri kini telah pun berjaya untuk menarik satu 'anchor tenant' yang baru iaitu Pacific Hypermarket & Departmental Store Sdn. Bhd. (Pacific) yang telah bersetuju untuk menyewa ruang pasar raya yang sebelum ini dikosongkan oleh Super KOMTAR. Pada masa yang sama Pengurusan KOMTAR masih lagi berusaha untuk mendapatkan penyewa yang sesuai bagi mengisi satu lagi ruang pasaraya yang sebelum ini dikosongkan oleh Parkson (Aktif Lifestyle/ Yaohan).

Pada masa yang sama, menyedari akan usia bangunan KOMTAR ini, Kerajaan Negeri juga mengambil inisiatif untuk menjalankan kerja-kerja pemulihan ke atas bangunan KOMTAR dari segi fizikal. Antara kerja-kerja yang telah dilaksanakan termasuklah pembaikan *repeater*, *walkie talkie* dan *antenna*, penggantian *fire rated cable*, penggantian *rubber gasket* dan pencucian panel tingkap di Blok Menara dan juga kerja-kerja ubah suai dan naik taraf tempat letak kereta di Aras 2, Blok Podium serta pengubahsuaian tandas-tandas awam di Aras 1 hingga 5 di Blok Podium, pengubahsuaian 'bus duct' di Blok Menara dan menaik taraf pintu masuk di Lebuhraya Teik Soon (bersebelahan Maybank di Blok Podium) yang merangkumi kemas lantai, dinding, siling, pencahayaan dan juga turut melibatkan lobi lif di Aras 1 dan 2 berdekatan laluan masuk tersebut. Manakala kerja-kerja pemodenan lif (zon tinggi dan zon rendah) sedang dalam pelaksanaan. Keseluruhan kos kerja-kerja ini adalah dianggarkan sebanyak RM16 juta.

Selain daripada itu, kerja-kerja naik taraf/pengubahsuaian kawasan bersama dalaman (internal common areas) di kawasan berdekatan Super KOMTAR/ Pacific akan dimulakan dalam jangka masa terdekat ini. Ianya melibatkan kerja-kerja siling, lantai dan juga pencahayaan. Manakala kerja-kerja lain yang berada dalam perancangan ialah menaik taraf keseluruhan kawasan Konkos di Aras 3 di Blok Podium, ruang terbuka (open space) di kawasan Rooftop Aras 5, cadangan mewujudkan *urban park* di tapak Fasa 5 KOMTAR, menambah baik aksesibiliti ke KOMTAR dengan cara mewujudkan *pick-up and drop-off point* di kawasan tertentu seperti di Jalan Dr Lim Chwee Leong, memperbaiki kemudahan laluan ke ruang terbuka di Rooftop Aras 5 serta naik taraf secara keseluruhan (siling, pencahayaan, kemas lantai dan dinding) di Blok Podium termasuk Dewan 'Geodesic Dome', cadangan 'linkage' ke pembangunan Fasa 3, Komtar (dari ruang bekas Yaohan/ Aktif Lifestyle), program menghidupkan KOMTAR dan juga penambahbaikan keseluruhan aksesibiliti pejalan kaki untuk pembangunan KOMTAR secara keseluruhannya.

Adalah diharapkan dengan langkah-langkah yang diambil ini akan dapat membantu ke arah memulihkan KOMTAR dan seterusnya menarik kembali pengunjung ke KOMTAR. Apabila KOMTAR dapat menarik kembali pengunjung maka ianya akan dapat memberikan impak positif terhadap peniaga-peniaga di KOMTAR.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Bagaimanakah konsep CAT diamalkan dalam pelantikan pekerja-pekerja baru dalam semua jawatan di jabatan kerajaan tempatan kerana kebelakangan ini terdapat rungutan bahawa pengambilan pekerja-pekerja India dan Cina adalah terlalu kurang dalam semua jabatan kerajaan tempatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan konsep CAT (competency, accountability and transparency) di dalam urusan pengambilan kakitangan. Ini termasuk pengambilan kakitangan dalam semua jawatan di semua jabatan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pihak Berkuasa Tempatan menyiarkan secara terbuka iklan jawatan kosong di dua (2) buah akhbar utama, papan kenyataan dan laman web masing-masing. Pemilihan calon-calon yang layak dibuat berpandukan kepada skim-skim perkhidmatan jawatan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA). Ini termasuk peperiksaan kelayakan dan pemeriksaan fizikal bagi jawatan tertentu yang memerlukan kemahiran khusus ataupun yang memerlukan syarat kelayakan fizikal.

Hanya calon-calon yang memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan sahaja akan dipilih. Pemilihan calon-calon yang layak dibuat bukan berdasarkan kaum, tetapi berdasarkan kelayakan seseorang calon itu sendiri.

Walau bagaimanapun, wujudnya fenomena di mana permohonan yang diterima dari kedua-dua golongan tersebut adalah kurang kecuali bagi sesetengah jawatan Pengurusan dan Profesional seperti Jurutera, Arkitek, Doktor dan Peguam. Manakala bagi jawatan-jawatan Kumpulan Sokongan, majoriti permohonan yang diterima adalah dari kaum Melayu.

Setakat 15.10.2008, peratusan kakitangan di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) berbangsa Malayu – 71.54 peratus (1745), Cina – 7.26 peratus (177), India – 20.83 peratus (508) dan lain-lain – 0.37 peratus (9).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengawal kenaikan kadar harga bahan makanan yang meningkat walaupun harga petrol dan diesel telah diturunkan. Apakah punca kenaikan harga ini berlaku.

Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Kenaikan harga barang bukan sahaja berlaku di Pulau Pinang malah di hampir semua negara seperti Indonesia, Thailand malahan negara-negara maju di Eropah pada ketika ini. Kenaikan harga barang pada masa ini adalah sesuatu yang berlaku di luar kawalan Kerajaan Negeri. Ia adalah dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Agensi pengawal seperti Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) adalah di bawah Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa secara langsung untuk mengawal kenaikan harga ini. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri hanya berupaya untuk mendidik dan menyedarkan rakyat Negeri Pulau Pinang mengenai kepentingan kuasa pengguna. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang berusaha mengambil pelbagai inisiatif untuk membantu mengatasi masalah ini. Beberapa langkah telah dan akan diambil untuk menyedar dan mendidik rakyat Pulau Pinang mengenai kuasa pengguna. Di antaranya adalah:-

(i) **Program Pemantau Pengguna**

Pelancaran Program Pemantau Pengguna (*Consumer Watch*) telah diadakan pada 4 Julai 2008. Program ini bertujuan untuk memberi pendidikan dan kesedaran tentang hak pengguna sebagai teras utama dalam menghasilkan dan mewujudkan model pengguna yang bijak di semua peringkat masyarakat.

Melalui program ini, kumpulan Pemantau Pengguna telah ditubuhkan bagi setiap kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Setiap kumpulan terdiri daripada sekurang-kurangnya enam (6) hingga 15 orang penduduk setempat. Kumpulan ini akan menjadi mata dan telinga penduduk tempatan bagi memantau sebarang kenaikan harga barangan dan sebarang kegiatan menyorok barangan keperluan. Kumpulan ini akan melaporkan kepada Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna jika terdapat sebarang kenaikan harga yang tidak mematuhi harga siling yang ditetapkan.

Kumpulan ini juga akan diberikan pendidikan berkaitan hak pengguna dan didedahkan dengan peranan yang boleh dimainkan oleh pengguna bagi menyekat dan menangani isu kenaikan harga barangan.

Usaha ini akan menyedarkan rakyat bahawa mereka mempunyai kuasa dan hak sebagai pengguna, dan dapat menggunakan kuasa tersebut jika bertepatan dengan masa dan keperluan. Mereka boleh bertindak dalam kumpulan yang besar untuk mempengaruhi pasaran selain mendisiplinkan peniaga. Program ini diharap akan melahirkan pengguna yang bijak dan berpengetahuan dalam menggunakan kuasa pengguna untuk menyekat kenaikan harga barangan yang berterusan.

Selain itu, kumpulan ini akan memberi maklum balas kepada Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Pengguna Pulau Pinang mengenai kedai atau pasar raya yang mempunyai harga terendah dan harga tertinggi. Kedai yang mempunyai harga terendah akan diberi pengiktirafan dan dianugerahkan dengan “Kedai Harga Terendah”. Maklumat ini akan diedarkan di seluruh negeri melalui ADUN di kawasan masing-masing.

Usaha ini pastinya akan membantu pengusaha yang jujur dan mengamalkan konsep perniagaan yang murni. Melalui program ini, pengusaha yang tamak dan mengaut keuntungan yang berlebihan akan dipulaukan.

(ii) **Kempen Kesedaran Pengurangan Pembaziran Makanan**

Kempen ini menyentuh mengenai pendedahan dan mengenalpasti punca-punca pembaziran makanan dan kaedah-kaedah untuk mengurangkan pembaziran. Kempen ini akan melibatkan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan Persatuan Hotel-Hotel Malaysia (MAH).

(iii) **Forum Menangani Kenaikan Harga Barangan Utama**

Forum ini akan mengumpulkan persatuan pengguna, ahli akademik, persatuan perdagangan dan peruncit, agensi kerajaan dan NGO bagi membincangkan mengenai isu kenaikan harga barangan utama dan cara untuk mengatasi kenaikan harga ini.

(iv) **Program Pengiklanan dan Promosi**

Program ini meliputi pengiklanan dan promosi terhadap kempen kepenggunaan yang akan dilaksanakan sama ada secara *Billboard*, media cetak dan media elektronik.

(v) **Program Pendidikan Kepenggunaan di peringkat Sekolah**

Program ini merupakan kempen kepenggunaan yang akan dilaksanakan di peringkat sekolah. Kempen kepenggunaan ini akan meliputi pameran, pertandingan melukis, pertandingan pidato dan penulisan esei di sekolah yang terpilih di seluruh Pulau Pinang.

(vi) **Pelancaran Hari Pengguna**

Program ini bukan sahaja dapat membawa kesedaran kepada pengguna dan peniaga tentang peranan dan tanggungjawab kedua-dua pihak, bahkan ia juga akan memberi peluang kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna untuk memaklumkan kepada rakyat tentang peranan dan tanggungjawabnya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

54. Bilakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengumumkan hasil siasatan terhadap beberapa bidang tanah yang didapati diselewengkan oleh pihak-pihak tertentu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

54. Kerajaan Negeri telah membentuk satu Jawatankuasa Khas bagi membuat siasatan ke atas beberapa kes penyelewengan tanah di Negeri Pulau Pinang. Setakat ini Jawatankuasa berkenaan sedang di peringkat mengumpul maklumat dan membuat siasatan. Memandangkan siasatan belum lagi diselesaikan, maka laporan siasatan masih belum dikeluarkan. Jawatankuasa memerlukan sedikit masa lagi bagi melengkapkan siasatan dan mengemukakan laporan sewajarnya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Pulau Pinang khususnya di bahagian Seberang Perai tidak menarik kerana inisiatif lanskap di tepi jalan, bulatan-bulatan dan tanah-tanah lapang tidak diperindahkan. Boleh Kerajaan Negeri menyegerakan bagi menjadikan Pulau Pinang khususnya Seberang Perai dan kawasan di Seberang Jaya sebagai kawasan 'Bandar Dalam Taman'.

Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Selaras dengan konsep kanopi hijau (*green canopy*) yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Negara Kerajaan Tempatan ke-60, Kerajaan Negeri akan melaksanakan polisi 'Bandar Dalam Taman'. Bagi mencapai matlamat tersebut, Kerajaan Negeri akan mensyaratkan setiap pembangunan yang dirancang, pihak pemaju hendaklah merizabkan 10 peratus daripada kawasan yang dimajukan sebagai kawasan hijau. Kawasan hijau tersebut hendaklah dibuat sebagai taman landskap dan kosnya ditanggung oleh pemaju. Syarat-syarat tersebut akan dimasukkan ke dalam syarat wajib bagi setiap pelan landskap kepada setiap pemaju. Di samping itu juga,

pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan memastikan agar penanaman pokok-pokok teduhan ditanam di dalam kawasan perumahan, perindustrian, jalan-jalan utama, kawasan-kawasan lapang dan sebagainya. Usaha-usaha ini adalah ke arah menjadikan kawasan Seberang Perai sebagai Bandar Dalam Taman. Penduduk juga akan digalakkan menanam pokok-pokok hiasan dan teduhan di kawasan perumahan masing-masing.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Apakah tindakan lebih berkesan bagi menghapuskan gejala sosial di kalangan remaja negeri ini selain daripada menganjurkan kursus kesedaran sebanyak 2 kali setahun dan beberapa kali khutbah Jumaat yang tidak menyentuh hati sasaran.

Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Kerajaan Negeri memandang serius masalah gejala sosial di kalangan remaja. Remaja adalah pemangkin pembangunan negara dan juga merupakan tonggak utama dalam setiap agenda kemajuan yang dibawa oleh Kerajaan Negeri. Beberapa usaha dan langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri berlakunya perubahan dan memberi kesan yang positif. Perkara ini dapat dilihat menerusi penurunan bilangan kes-kes gejala sosial di kalangan remaja mengikut tahun dan kategori kes seperti berikut:-

KES		BILANGAN		
		2006	2007	2008 (SEPT)
1.	Berjudi (Seksyen 18)	8	92	32
2.	Minum minuman yang memabukkan (Seksyen 19)	6	24	16
3.	Pelacuran (Seksyen 21)	1	5	9
4.	Persetubuhan Luar Nikah (Seksyen 23 & 24)	42	18	21
5.	Khalwat (Seksyen 27)	190	495	493
6.	Perbuatan Tidak Sopan (Seksyen 29)	90	432	242
7.	Penggalakkan Maksiat (Seksyen 35)	40	61	31

Pelbagai langkah pencegahan turut diambil selain daripada mengadakan kursus kesedaran dua kali setahun dan juga menerusi beberapa siri Khutbah Jumaat. Di antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah:

- (i) Mengadakan program pendedahan dan kefahaman tentang prosedur melaksanakan undang-undang syariah kepada pegawai masjid bagi membolehkan mereka berperanan membantu menangani gejala sosial di kariah masing-masing;

- (ii) Mengadakan program pendidikan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Pengerusi Kariah dan Badan-Badan Bukan Kerajaan bagi memberi kesedaran akan tanggungjawab bersama menangani gejala sosial di kalangan remaja; dan
- (iii) Usaha mendidik masyarakat menerusi program ceramah di masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negeri bagi memberi kesedaran kepada ibubapa dan tanggungjawab mereka untuk memberi pendidikan agama kepada anak-anak sebagai asas pembentukan peribadi mulia dan menghapuskan gejala sosial di kalangan remaja.

Pencegahan sehingga ke akar umbi ini membuktikan Kerajaan Negeri sentiasa berusaha menangani isu gejala sosial secara komited dan berterusan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 57. Sila nyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan usaha pencegahan jenayah memandangkan kejadian jenayah yang serius kerap berlaku baru-baru ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 57. Kontinjen Polis Di Raja Malaysia (PDRM) Negeri Pulau Pinang telah melancarkan pelbagai Operasi Pencegahan Jenayah (OPJ) secara berterusan sepanjang tahun sebagai langkah proaktif pencegahan jenayah dalam usaha menangani kes-kes jenayah yang mempunyai peningkatan seperti kecurian motosikal, samun berkawan tanpa senjata api serta pecah rumah.

Operasi-operasi pencegahan ini dijalankan pada setiap hujung minggu selain daripada operasi berjadual yang ditetapkan. Manakala bagi operasi-operasi yang lain ianya dijalankan secara berterusan pada setiap hari.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 58. Sila nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Sungai Kerian dan kawasan persekitarannya mempunyai potensi yang tinggi untuk dijadikan sebagai satu destinasi pelancongan semula jadi yang menarik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Dalam membangunkan sektor pelancongan di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri memfokuskan kepada semua kawasan secara menyeluruh. Kawasan Sungai Kerian di Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan dan kawasan persekitarannya juga merupakan sebahagian daripada agenda pelancongan di Pulau Pinang. Sungai Kerian sememangnya berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan berasaskan alam semula jadi.

Pelbagai promosi telah dilaksanakan antaranya menerbitkan risalah dan brosur mengenai kawasan tarikan pelancongan di kawasan Sungai Kerian dan kawasan sekitarnya seperti aktiviti melihat kelip-kelip, eksplorasi hutan dan gua, mencandat sotong dan menyauk kerang di samping menikmati keindahan alam sekitar dan makanan-makanan istimewa tempatan akan diteruskan. Risalah dan brosur berkaitan produk pelancongan yang terdapat di Sungai Kerian turut dibawa dan diedarkan di pameran pelancongan dalam dan luar negara. Pelancong yang melawat atau bertanyakan tempat-tempat menarik di Pulau Pinang akan diterangkan mengenai tempat tarikan pelancong di sekitar Sungai Kerian dan kawasan sekitarnya, khasnya keistimewaan menangkap sotong dan melihat kelip-kelip.

Usaha bagi memajukan kawasan Sungai Kerian dan kawasan sekitarnya sebagai destinasi pelancong akan diteruskan. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020) turut menggariskan beberapa cadangan untuk memajukan kawasan Sungai Kerian sebagai destinasi pelancongan tanpa menjejaskan keadaan semula jadi kawasan tersebut.

Selain daripada itu sejumlah peruntukan telah diberikan dibawah pembangunan projek-projek pelancongan di bawah RMKe-9 di Nibong Tebal iaitu pembangunan kemudahan infrastruktur dan aktiviti rekreasi hutan lipur iaitu di kawasan Hutan Lipur Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan.

Usaha berterusan akan terus diambil bagi mempromosi Sungai Kerian dan kawasan sekitarnya sebagai kawasan tarikan pelancong di Pulau Pinang dan diharap melalui aktiviti ini, ianya akan membantu meningkatkan taraf ekonomi di kawasan tersebut.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri setelah George Town diisytiharkan sebagai Bandaraya Warisan untuk membawa masuk atau menarik lebih pelancong ke Pulau Pinang dan berapa banyakkah pelancong dari luar negara telah melawat Pulau Pinang sehingga 15.10.2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Pada 7 Julai 2008, Bandaraya George Town dan Melaka telah disenaraikan secara bersama sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) melalui mesyuarat *World Heritage Committee* yang diadakan di Quebec City, Canada. Kedua-dua Bandar ini disenaraikan sebagai "Bandar Bersejarah di Selat Melaka" di bawah kategori warisan budaya.

Kerajaan Negeri setakat ini telah menjalankan usaha-usaha promosi dan pemasaran pelancongan di dalam dan luar negara melalui aktiviti di antaranya:

- (a) Penerbitan risalah-risalah pelancongan;
- (b) Mengambil ruang iklan dalam majalah tempatan dan juga luar negara;
- (c) Mengiklankan produk pelancongan dalam laman web;
- (d) Menganjurkan program lawatan serta keraian bagi agensi-agensi pelancongan dan para penulis pelancongan;
- (e) Mengambil bahagian dalam pameran pelancongan tempatan seperti Pameran MATTA (Malaysia Tours & Travel Association) di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor; Pameran MATF (Malaysia Airlines Travel Fair) anjuran Malaysia Airlines; acara promosi makanan dan kebudayaan Citra Warna anjuran Tourism Malaysia 2008 dengan kerjasama Hotel Legend dan Pameran Nepcon di PISA. Manakala di peringkat antarabangsa pula seperti AITE (Asia Incentive & Exhibition) Australia; ITB Berlin, Germany; ATM (Arab Travel Mart) Dubai, UAE; NATAS Fair Singapore; IMTGT Songkla, Thailand; Medan Fair 2008 Indonesia; WTM (World Travel Mart) London, UK dan *Discover Thailand & Discover World 2008*, Bangkok.

- (f) Syarikat-syarikat pelancongan tempatan juga mempromosikan kawasan tapak warisan ini dengan mengadakan pakej 'Jejak Warisan George Town' atau *George Town Heritage Trail* untuk pelancong-pelancong.

Kerajaan Negeri juga turut memberi sokongan dalam membantu syarikat-syarikat pelancongan tempatan dengan mengadakan program-program keraian bagi kumpulan pelancong luar negara yang mengadakan acara MICE (Meetings Incentives Conventions and Exhibitions) di tapak warisan seperti:-

- (i) Majlis makan malam acara *Sino South East Asian Clan Symposium* di Khoo Kongsi; dan
- (ii) Majlis makan malam untuk 30 wakil syarikat pelancongan dari Australia di Penang Peranakan Mansion.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai statistik pelancong luar negara yang telah melawat Pulau Pinang bagi tahun 2008.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Apakah tujuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerbitkan Majalah Suara Rakyat Pulau Pinang. Sila nyatakan jumlah yang telah diterbitkan, kekerapan penerbitan dan sasaran pengedarannya. Bagaimana cara pemilihan pembekal dilakukan dan peruntukan yang disediakan untuk tujuan ini. Sila jelaskan adakah penerbitannya mencapai matlamat Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Suara Rakyat merupakan medium penyampaian maklumat antara Kerajaan Negeri kepada orang ramai berkaitan dengan aktiviti, program dan dasar baru Kerajaan Negeri. Melalui majalah ini, penduduk Pulau Pinang dapat melihat dan mengikuti perkembangan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan dan kebajikan rakyat. Terbitan pertama telah dilancarkan pada 23 Julai 2008 dengan 20,000 naskhah yang telah diedarkan kepada Jabatan-Jabatan Kerajaan dan orang ramai melalui pejabat-pejabat ADUN dan juga "consumer watch".

Bagi tahun 2008, terbitan disasarkan sebanyak dua kali manakala bagi tahun 2009 dan seterusnya, edisi penerbitan disasarkan kepada 4 keluaran dengan konsep yang berlainan. Majalah Suara Rakyat akan ditukarkan kepada Tabloid dengan mengekalkan nama yang sama tetapi dapat memuatkan lebih banyak berita dan perkembangan. Jumlah edaran juga akan bertambah dengan sasaran kepada semua lapisan masyarakat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap usaha untuk meningkatkan tahap kebersihan Sungai Pinang.
- (i) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menempatkan semula semua penduduk yang kini tinggal berhampiran dengan sungai tersebut.
 - (ii) Sekiranya ada, berapakah jumlah rumah yang terlibat dan apakah bentuk pampasan yang akan diberikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Bagi meningkatkan tahap kebersihan Sungai Pinang, Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek pemulihan Sungai Pinang Fasa 1 yang telah disiapkan pada tahun 2006. Antara kerja yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-
- (a) Mengorek dan membuang enapan di dasar Sungai Pinang, dan
 - (b) Membina dan memasang perangkap sampah.

Komponen kerja bagi projek pemulihan dan pembersihan Sungai Pinang Fasa 2, akan dilaksanakan secara bersepadu dengan projek RTB Sungai Pinang Fasa I. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan projek akan bergantung kepada penyelesaian masalah penempatan semula yang melibatkan setinggan-setinggan.

Status pelaksanaan semasa bagi pengambilan balik tanah dan penempatan semula penduduk adalah seperti berikut:-

- (a) Pengambilan Balik Tanah untuk Projek Sungai Pinang Fasa 2 telah selesai dengan kos sebanyak RM6.7 juta. Walau bagaimanapun, projek tidak dapat dilaksanakan kerana perlu menempatkan dahulu setinggan berjumlah hampir 200 keluarga yang mendiami sepanjang tapak melibatkan projek pembinaan termasuk penghuni rumah transit di Lorong Kulit; dan
- (b) Kerajaan Negeri akan menumpukan usaha bagi menyelesaikan masalah penempatan semula penduduk. Mesyuarat bagi membincangkan isu-isu yang berbangkit telah diadakan pada 21 Oktober 2008 dan keputusan utama yang telah diputuskan adalah seperti berikut:

- (i) Membina penempatan kekal di tanah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di Jalan Gopeng melalui pajakan kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan (SSI) yang perlu disiapkan dalam tempoh 3 tahun;
- (ii) Melaksanakan penempatan sementara penduduk-penduduk yang terlibat dengan menyewa rumah-rumah kos rendah di sekitar George Town mulai tahun 2009; dan
- (iii) Melaksanakan kerja-kerja pengukuran semula bagi memastikan bilangan rumah-rumah sebenar dan terkini yang terlibat di dalam pemindahan yang perlu disiapkan sebelum akhir 2008.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri :

- 62. (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang cadangan untuk memasang sistem pencegahan api di semua clan jetty.
- (b) Jika ada, bilakah akan dipasang dan jika tiada, mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 62. Secara dasarnya, sebelum sesuatu projek pembinaan diberikan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pelan tersebut perlulah dikemukakan kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia untuk disemak dan dibuat pengesahan dari aspek keselamatan kebakaran berdasarkan undang-undang yang berkaitan. Oleh itu, jika pembinaan itu perlu dirujuk kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat, maka pemaju projek berkenaan memasang kemudahan tersebut di bangunan projek berkenaan.

Adalah menjadi tanggungjawab tuan punya atau pemilik tempat berkenaan untuk merujuk kembali kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat jika semasa pembinaannya sebelum ini tidak di rujuk kepada jabatan berkenaan.

Clan Jetty dibina melebihi 100 tahun dan pada masa itu sistem pencegahan api tidak menjadi syarat kelulusan untuk pembinaannya. Kediaman di *Clan Jetty* bukan berbentuk kekal dan statusnya masih belum ditentukan lagi. Terdapat satu daripada jeti dengan rumah kediaman iaitu Koay Jeti telah dirobuhkan untuk pembangunan di kawasan tersebut. Oleh itu, Kerajaan Negeri pada masa ini tidak bercadang untuk memasang sistem pencegahan api di sana.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

63. Suatu projek perumahan di tanah bukit (bersebelahan Stesen Petrol Petronas) di Jalan Paya Terubong telah menyebabkan tanah dan air tanah merah mengalir ke kawasan sekeliling khususnya waktu hujan. Adakah Kerajaan Negeri boleh menyelesaikan masalah ini. Selain itu, adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa polisi yang mengawal pembangunan di kawasan tanah bukit.

Y.A.B. Ketua Menteri:

63. Berhubung dengan perkara ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah merujuk masalah tersebut kepada pihak pemaju Tetuan Sterling Reserves melalui surat bertarikh 14 Oktober 2008. Pihak pemaju dan jurutera perundingnya telah diminta untuk mengkaji punca berlakunya masalah tersebut dan mencari kaedah yang boleh digunapakai bagi mengatasi masalah berkenaan. Pihak pemaju memaklumkan bahawa pihak mereka ada menyediakan kolam takungan, basin mencuci tayar dan parit tanah sementara untuk mengurangkan pencemaran dan menanam rumput di cerun-cerun yang telah dipotong seperti disyaratkan dalam kelulusan Pelan Kerja Tanah.

Secara amnya, Kerajaan Negeri mengguna pakai Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 di bawah Dasar DK3 L1, Pembangunan Di Kawasan Tanah Tinggi Yang Diwartakan Di Bawah Akta Pemeliharaan Tanah 1960, iaitu tanah yang berada pada aras melebihi 76 meter (250 kaki) dan berkecerunan melebihi 25 darjah tidak dibenarkan.

Berdasarkan polisi RSNPP dan prosedur PBT, sebarang permohonan untuk pemajuan di kawasan tanah tinggi dan lereng bukit akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pengurusan Dan Pembangunan Tanah Berisiko untuk ulasan. PBT juga mengguna pakai garis panduan Pembangunan Di Kawasan Tanah Tinggi dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

64. Apakah tanggungjawab dan kuasa Jawatankuasa UNESCO yang ditubuhkan baru-baru ini yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Adakah rancangan-rancangan pembangunan diwujudkan untuk kawasan warisan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

64. Tanggungjawab dan kuasa Jawatankuasa UNESCO yang ditubuhkan di bawah Ketua Menteri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (a) Melindungi tapak warisan dan memastikan pembangunan persekitaran yang seimbang;
 - (b) Bertindak sebagai perantara dengan Jabatan Warisan Negara bagi memastikan nilai-nilai warisan dipelihara berdasarkan *standard* yang telah digariskan di bawah *World Heritage Convention*;
 - (c) Memantau keadaan tapak warisan dan mengambil tindakan sewajarnya bagi memulihara nilai *universal* tapak warisan tersebut;
 - (d) Memantau pelaksanaan *World Heritage Office*, Pelan Pengurusan Pemuliharaan dan program-program berkaitan dan mengemas kini Pelan Pengurusan Pemuliharaan sewajarnya;
 - (e) Membuat keputusan mengenai program pemuliharaan, latihan, pendidikan dan program-program kesedaran;
 - (f) Bertanggungjawab bagi mendapatkan dana / peruntukan;
 - (g) Melantik Pengurus Besar *World Heritage Office* bagi menjalankan kajian mengenai sosial dan kebudayaan; dan
 - (h) Memperaku peruntukan bagi tujuan pemuliharaan, konservasi dan apa-apa program dan projek yang diuruskan oleh pihak pengurusan tapak.

Sebarang tindakan yang diambil haruslah berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Pemuliharaan yang merupakan sebahagian daripada *dossier* pencalonan. Perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan perlulah dipatuhi kerana Pelan Pengurusan Pemuliharaan ini akan dijadikan asas rujukan kepada pihak UNESCO semasa membuat penilaian berkala (*periodic assessment*). Pelan Pengurusan Pemuliharaan juga adalah sebagai satu mekanisme untuk mengurus tadbir dan memulihara nilai kawasan yang dicalonkan. Di antara perkara penting yang digariskan oleh Pelan Pengurusan Pemuliharaan adalah seperti berikut:

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Warisan.
- (ii) Penubuhan Pejabat Warisan Dunia (*World Heritage Office*) peringkat Negeri Pulau Pinang.
- (iii) Menubuhkan *State Heritage Fund*.
- (iv) Penubuhan Jabatan Warisan di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
- (iv) Menubuhkan *Technical Review Panel* di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Tatacara penubuhan, skop, tanggungjawab dan keahlian ada dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan.

Di samping itu, Y.A.B. Ketua Menteri telah menubuhkan Panel Penasihat Warisan yang terdiri daripada ahli-ahli terkemuka dan berpengalaman dalam bidang warisan untuk memberi nasihat berkaitan pemuliharaan warisan di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 65. Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk mewartakan lot-lot sawah sebagai kawasan yang hanya dibenarkan untuk menanam padi sahaja kerana aktiviti pertanian lain akan menjejaskan penanaman padi di kawasan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 65. Kerajaan Negeri sentiasa memikirkan kaedah yang terbaik bagi memastikan penanaman padi di Negeri Pulau Pinang tidak terjejas. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mewartakan lot-lot sawah sebagai kawasan yang dibenarkan untuk menanam padi melalui Sistem Taliair JPS.

JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN BERTULIS.

I. Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan tempatan untuk meningkatkan lagi peruntukkan untuk perbelanjaan di kadun-kadun memandangkan peruntukan yang disediakan sekarang iaitu RM100,000.00 tidak mencukupi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Semenjak tahun 1998, Kerajaan Tempatan menyediakan peruntukan yang boleh digunakan oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk projek-projek infrastruktur dan kemudahan awam bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri. Oleh kerana kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan tidak kukuh, peruntukan KADUN tidak lagi disediakan oleh Kerajaan Tempatan sejak tahun 2008. Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri boleh membuat cadangan projek kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk memohon peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan melalui kementerian yang berkaitan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Pejabat Daerah Timur Laut untuk menyediakan kawasan jeti untuk nelayan-nelayan di Sungai Gelugor memandangkan nelayan-nelayan tersebut tidak mahu berpindah ke kawasan penempatan semula di Sungai Pinang dan sudahkah pampasan yang dijanjikan dibayar kepada semua nelayan-nelayan yang terlibat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Penyediaan jeti kekal bagi menempatkan semula semua nelayan yang terlibat dengan projek pembinaan Lebuh raya Jelutong di kawasan Sungai Pinang adalah merupakan sebahagian daripada persetujuan antara Kerajaan Negeri dengan pihak pemaju iaitu Tetuan Jelutong Development Sdn. Bhd. Pembinaan jeti kekal telah dibuat dengan persetujuan Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang bertindak mewakili semua nelayan yang terlibat.

Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut tidak mempunyai rancangan untuk menyediakan sebuah jeti khusus bagi nelayan di kawasan Sungai Gelugor, melainkan ianya diputuskan oleh Kerajaan Negeri. Peruntukan untuk tujuan pembinaan jeti khusus ini tidak disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri telah memberikan pampasan kepada 29 orang nelayan yang terlibat, manakala wang pampasan bagi 9 orang nelayan dan 44 orang awak-awak masih dalam perhatian dan tindakan pembayaran.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Mengapakah Pejabat Daerah Timur Laut masih gagal memperoleh kunci-kunci untuk beberapa dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berdasarkan kepada maklumat sehingga 23 Oktober 2008, kesemua kunci bagi 12 Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang terletak di atas tanah milik Kerajaan Negeri/ Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah diserahkan kepada Pengerusi JKKK yang baru. Hanya Dewan JKKK Sungai Dua sahaja yang masih belum diserahkan disebabkan pengerusinya masih gagal dihubungi sehingga kini dan pihak Kerajaan Negeri masih lagi mencari beliau. Bagi 6 Dewan JKKK yang terletak di atas tanah persendirian, sebanyak 4 dewan telah diperoleh kuncinya berdasarkan kepada persetujuan daripada pemilik tanah dan ianya telah diserahkan kepada Pengerusi JKKK yang baru manakala baki 2 dewan yang masih belum diperoleh kuncinya. Ini bermaksud hanya dua buah dewan sahaja yang masih gagal diperoleh kuncinya daripada 19 JKKK yang terdapat di Daerah Timur Laut manakala satu JKKK tiada dewan dan tindakan sedang diusahakan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Bolehkah Kerajaan Negeri menubuhkan satu institusi seperti institusi rukun tetangga di semua KADUN-KADUN untuk mengambil alih ataupun melaksanakan tanggungjawab menjaga keselamatan KADUN-KADUN memandangkan rukun tetangga adalah sebuah institusi yang dikelolakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Setakat ini Kerajaan Negeri belum ada cadangan untuk menubuhkan satu institusi seperti Rukun Tetangga di semua KADUN-KADUN untuk mengambil alih ataupun melaksanakan tanggungjawab menjaga keselamatan KADUN-KADUN. Perkara ini perlu dikaji secara terperinci bagi meneliti beberapa faktor asas seperti implikasi kewangan dan pertindihan dengan institusi sedia ada dan sebagainya.

II. Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Sila nyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi setiap projek pembangunan sejak bulan Mac 2008 hingga kini dan senaraikan jumlah perbelanjaan projek tersebut mengikut daerah secara terperinci.
- (b) Sila nyatakan jumlah perbelanjaan dan pembelian peralatan, perbelanjaan mengurus dan sebagainya sejak bulan Mac 2008 hingga kini dan senaraikan secara terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) **PERBELANJAAN PROJEK PEMBANGUNAN**

Projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 adalah berdasarkan kepada cadangan projek yang telah dipohon pada tahun 2007. Peruntukan bajet pembangunan yang telah diluluskan bagi tahun 2008 adalah sejumlah RM162,527,330.00 yang melibatkan sebanyak 655 buah projek. Sehingga 30 September 2008, sejumlah RM67,357,283.68 telah dibelanjakan. Jumlah ini tidak termasuk jumlah tanggungan sebanyak RM8,671,343.34 bagi melaksanakan projek-projek pembangunan bagi Negeri Pulau Pinang. Peratus perbelanjaan keseluruhan termasuk tanggungan adalah sebanyak 46.78% daripada bajet yang telah diperuntukkan untuk tahun 2008.

Pecahan pelaksanaan projek mengikut daerah adalah seperti berikut:-

DAERAH	BILANGAN PROJEK
Seberang Perai Utara	140
Seberang Perai Tengah	91
Seberang Perai Selatan	112
Daerah Timur Laut	129
Daerah Barat Daya	66
Melibatkan lebih dari satu daerah	117
Jumlah	655

Butiran terperinci perbelanjaan pelaksanaan projek di bawah bajet pembangunan negeri boleh diperolehi di Pejabat Daerah berkaitan.

(b) **PERBELANJAAN MENGURUS**

Berikut adalah jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan di bawah Maksud Bekalan B01 Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan sejak bulan Mac 2008 hingga 30 September 2008:

Bil	Butir Perbelanjaan	Jumlah (RM)
1	Emolumen	13,138,980.46
2	Bekalan & Perkhidmatan	13,670,166.13
3	Aset	293,690.51
4	Pemberian dan Kenaan Tetap	11,984,525.68
5	Perbelanjaan Lain	20,378.32
	Jumlah	39,107,741.10

Jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan di bawah Setiausaha Kerajaan bagi tempoh yang sama pada tahun 2007 adalah seperti berikut :

Bil	Butir Perbelanjaan	Jumlah (RM)
1	Emolumen	14,038,091.25
2	Bekalan & Perkhidmatan	19,647,829.12
3	Aset	597,725.96
4	Pemberian dan Kenaan Tetap	21,304,705.62
5	Perbelanjaan Lain	226,595.68
	Jumlah	55,814,947.64

Jumlah ini menunjukkan terdapat penjimatan sebanyak RM16,707,206.54 (29.9%) berbanding dengan perbelanjaan dalam tempoh yang sama pada tahun 2007.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Berapakah bilangan mereka yang telah berdaftar dengan bahagian perumahan Kerajaan Negeri sehingga kini.
- (b) Senaraikan bilangan yang berdaftar dan bilangan yang telah ditawarkan sehingga kini mengikut daerah di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Jumlah permohonan berdaftar yang layak untuk penawaran rumah kos rendah sehingga 30 September 2008 adalah seperti berikut :

DAERAH	MELAYU	CINA	INDIA/DLL	JUMLAH
SPT	3,475	2,394	1,077	6,946
SPU	7,058	3,118	1,538	11,714
SPS	1,757	1,139	784	3,680
DTL	5,666	12,445	2,768	20,879
DBD	4,027	1,566	379	5,972
JUMLAH	21,983	20,662	6,546	49,191

Manakala jumlah pemohon yang telah ditawarkan sehingga 30 September 2008 adalah seperti berikut :

DAERAH	MELAYU	CINA	INDIA/DLL	JUMLAH
SPT	3,428	2,320	1,026	6,774
SPU	5,519	1,169	455	7,143
SPS	1,528	920	628	3,076
DTL	5,551	9,515	2,651	17,717
DBD	1,857	565	220	2,642
JUMLAH	17,883	14,489	4,980	3,7352

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Dari bulan Mac 2008 hingga kini berapa banyak tanah-tanah yang telah dibuat pengambilan oleh Kerajaan Negeri. Nyatakan lot-lot berkenaan mengikut daerah dan tujuan pengambilan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Dari bulan Mac 2008 hingga kini sebanyak 3 permohonan pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri telah diluluskan. Pecahan mengikut daerah adalah seperti jadual yang di senaraikan.

**LAPORAN PENGAMBILAN TANAH DARI MAC HINGGA OKTOBER
UNTUK PROJEK KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

DAERAH: SEBERANG PERAI TENGAH

BIL.	NO. FAIL PTG/DAERAH	PERMOHONAN / PERKARA	TARIKH KELULUSAN/ PENGESAHAN
1.	PTG/PT/SPT/328 PTSPT/B/550	Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah , Lot 588 Mukim 15, SPT, seluas 735.79 mp (7,920 kp) untuk tujuan awam iaitu jalan keluar masuk ke Tanah Perkuburan Alma.	<u>11.6.2008</u> 13.6.2008
2.	PTG/PT/SPT/328 PTSPT/B/550	Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah , lot 776, Mukim 13, SPT seluas 2,670.925 mp (28,7496 kp) untuk tujuan awam iaitu Dewan Orang Ramai Kampong Tok Kangar, Juru	<u>11.6.2008</u> 13.6.2008
3.	PTG/PT/SPT/330 PTSPT/B/552	Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah , lot 1638, Mukim 12, SPT seluas 0.3849 ha (0.951 ekar) untuk tujuan awam iaitu Dewan Masyarakat Juru.	<u>13.6.2008</u> 18.6.2008

DAERAH: SEBERANG PERAI SELATAN	-	TIADA
DAERAH: SEBERANG PERAI UTARA	-	TIADA
DAERAH : BARAT DAYA	-	TIADA
DAERAH : TIMUR LAUT	-	TIADA

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Dari bulan Mac, 2008 hingga kini berapa banyak projek-projek perumahan yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Sila nyatakan projek berkenaan dan daerah dan berapa banyak projek kos rendah daripadanya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Mengikut maklumat yang diperolehi dari Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), dari bulan Mac hingga September 2008, sebanyak 30 projek perumahan telah diberi kelulusan Kebenaran Merancang oleh MPSP.

Daripada 30 projek tersebut, 13 projek terletak di Seberang Perai Utara, 10 projek di Seberang Perai Tengah dan 7 projek di Seberang Perai Selatan. Senarai projek dan maklumat terperinci adalah seperti di senaraikan.

**SENARAI PROJEK PERUMAHAN YANG DIBERI KELULUSAN
KEBENARAN MERANCANG OLEH MPSP DARI BULAN MAC
HINGGA SEPTEMBER 2008**

BIL	LOKASI / DAERAH	NAMA PEMAJU	BIL. JENIS RUMAH		
			LAIN-LAIN KOS	KOS SEDERHANA RENDAH	KOS RENDAH
1	Jalan Permatang Tengah Sungai Puyu SPU	Tetuan Sumer Space Sdn. Bhd.	10	-	-
2	Bagan Lallang SPU	Tetuan Boon Siew Dev. Sdn. Bhd.	152	-	46 (Telah disediakan di dalam fasa 1)
3	Mak Mandin SPU	Tetuan Sin Chooi Huat Sdn. Bhd.	18	-	-
4	Bagan Ajam SPU	Tetuan Eastern Green View Sdn. Bhd.	95	-	-
5	Sungai Dua SPU	Sunrise Accord Sn. Bhd	13	-	-
6	Mak Mandin SPU	Sri Jayamas Company	9	-	-
7	Taman Cengal SPU	Evergreen 88 Sdn. Bhd.	6	-	-
8	Telok Air Tawar SPU	Starry Planner Sdn. Bhd.	28	-	-
9	Jalan Bagan Lallang SPU	Tetuan G & G utama Sdn. Bhd.	2	-	-
10	Kampong Jawa Butterworth SPU	Tetuan Tan Chong Co. Sdn. Bhd.	16	-	-
11	Jalan Pongsu Seribu	BMG Protty Dev. Sdn.	49	-	-

	SPU	Bhd.			
12	Tasek Gelugor SPU	JKP Sdn. Bhd.	53		

BIL	LOKASI / DAERAH	NAMA PEMAJU	BIL. JENIS RUMAH		
			LAIN-LAIN KOS	KOS SEDERHANA RENDAH	KOS RENDAH
13	Bertam Kepala Batas SPU	Bertam Properties Sdn. Bhd.	400	-	120 (Telah disediakan di dalam fasa 1)
14	Jalan Kulim Bukit Mertajam SPT	Perfect Wonderland Sdn. Bhd.	31		
15	Taman Bukit Minyak Utama SPT	DNP Land Sdn. Bhd.	47	-	-
16	Bersebelahan Taman Kerjasama SPT	Ban Eng Hock Building Sdn. Bhd.	25	-	-
17	Jalan Kebun Baru Juru SPT	Ivory Horizon Sdn. Bhd.	79	-	-
18	Taman Tan Sai Gin, Bukit Mertajam SPT	Ban Seng Huat Sdn. Bhd.	27	-	-
19	Bersebelahan Taman Alma Baru SPT	Bermojaya Sdn. Bhd.	16	-	-
20	Bersebelahan Taman Arowana Emas, Pmtg Pauh SPT	Ghee Bee Sdn. Bhd.	34	-	-
21	Bersebelahan Taman Seri Permai SPT	Starlight Fair Sdn. Bhd.	27	-	-
22	Taman Kelisa Emas Seberang Jaya SPT	Billion Scale Sdn. Bhd.	29	-	-
23	Jalan Song Bang Kheng SPT	Dutamas Summit Sdn. Bhd.	65	-	-
24	Bukit Tambun SPS	Juwanas Sdn. Bhd.	40	-	-
25	Taman Pekaka SPS	Asia Bina	12	-	-
26	Jalan Bukit Panchor SPS	Silver Resort Sdn. Bhd.	42	-	-
27	Jalan Bukit Panchor SPS	Ambang Kekal Sdn. Bhd.	80	-	-
28	Berhadapan Taman Sintar SPS	Asas Dunia Berhad	261	-	78 (disediakan di projek Sungai Dua)
29	Jalan Bukit Panchor SPS	JKP Sdn. Bhd.	92	-	-
30	Bersebelahan Taman Rasa Ria Sg. Bakap SPS	Garden City Realty Sdn. Bhd.	50	-	-
JUMLAH KESELURUHAN			1807	0	244

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berapa banyak hasil yang diperolehi oleh MPSP pada tahun ini terutama dari cukai pintu di daerah Seberang Perai Utara dan daripada itu berapakah yang telah dibelanjakan untuk kerja-kerja pembersihan dan kutipan sampah di daerah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Hasil yang diperolehi oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di Daerah Seberang Perai Utara sehingga 30 September 2008 dan perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk kerja pembersihan dan kutipan sampah adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Hasil Cukai Taksiran SPU	20,914,548.00
2.	Perbelanjaan kerja-kerja pembersihan untuk kontrak pembersihan am dan kontrak perkhidmatan pelupusan sampah di kawasan Seberang Perai Utara serta kawasan yang dibuat oleh MPSP sendiri termasuk juga selain dari lain-lain perbelanjaan.	779,930.00

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berapa banyak tanah-tanah pertanian yang telah diluluskan untuk projek pembangunan di negeri ini. Nyatakan lot-lot berkaitan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bagi menjawab soalan ini saya tidak bercadang untuk mengemukakan statistik bagi tempoh yang lama, tetapi memadai dengan maklumat bagi tempoh lima (5) tahun kebelakangan iaitu bagi tempoh 2004 – 2008.
- (a) Keluasan tanah pertanian yang telah diluluskan tukar syarat kepada pembangunan sejak tahun 2004 sehingga 30 Oktober 2008 adalah seperti berikut:-

Daerah Timur Laut	-	4.269 ha	(10.53 ekar)
Daerah Barat Daya	-	9.9496ha	(24.57 ekar)
Seberang Perai Utara	-	22.2076ha	(54.852 ekar)
Seberang Perai Tengah	-	71.9597ha	(177.74 ekar)
Seberang Perai Selatan	-	121.4638ha	(3001.01 ekar)
JUMLAH	-	229.8497 ha	(567.712 ekar)

- (b) Senarai penuh lot-lot dan pemilik-pemilik adalah seperti di lampiran.

SENARAI UBAH SYARAT TANAH PERTANIAN

DAERAH TIMUR LAUT

BIL	NO.LOT	MK.	DAERAH	LUAS	TARIKH LULUS	TUJUAN KELULUSAN	PEMOHON
1.	6587-6588	13	DTL	2.93 hektar	1.2.2005	perumahan	Tetuan Chong Company Sdn. Bhd.
2.	48	18	DTL	0.731 hektar	29.8.2007	perumahan	Tetuan Nilai Arif Sdn. Bhd.
3.	2223	13	DTL	0.608 hektar	13.6.2007	perumahan	Tetuan Prestigedge Dev. Sdn. Bhd.
4.	10513, 10515 – 10526	13	DTL	0.9434 hektar	6.8.2008	perumahan	Tetuan Metro Penang Sdn. Bhd.
5.	471	17	DTL	3.908 hektar	10.9.2008	perumahan	Tetuan Elegance Sonata Sdn. Bhd.

SENARAI UBAH SYARAT TANAH PERTANIAN DAERAH BARAT DAYA

BIL	NO.LOT	MK.	DAERAH	LUAS	TARIKH LULUS	TUJUAN KELULUSAN	PEMOHON
1.	375-613	12	DBD	0.962 hektar	18.2.2004	perumahan	Tetuan Grandel Trading Com.Sdn. Bhd.
2.	1015	12	DBD	0.311 hektar	14.4.2004	perumahan	Tetuan Heap Seng Hin (Pg) Sdn Bhd
3.	847	B	DBD	0.5097 hektar	28.4.2004	perumahan	Encik Neoh Loon Chai
4.	805	12	DBD	0.4411 hektar	2.6.2004	perumahan	Tetuan Premier Ridge Sdn. Bhd.
5.	214	8	DBD	0.4953 hektar	10.11.2004	perumahan	Tetuan Roson Holdings Sdn Bhd
6.	PT. 5124	12	DBD	0.1254 hektar	12.1.2005	perusahaan	Encik Tee Theam Siew & Teh Poh Chooi
7.	152-153	11	DBD	0.9943 hektar	1.2.2005	perumahan	Tetuan Rich Enterprise Sdn. Bhd.
8.	PT 1241	12	DBD	1.3 hektar	1.2.2005	perumahan	EncikTan Niah
9.	398	12	DBD	0.6483 hektar	1.2.2005	perumahan	Tetuan Nai Seng Sdn. Bhd.
10.	PT. 5112	12	DBD	0.1394 hektar	18.5.2005	perusahaan	Encik Goh Chew Hoo
11.	PT. 1871	12	DBD	0.1393 hektar	1.6.2005	perusahaan	Encik Lim Hoe Seng
12.	1800, 1801	12	DBD	0.567 hektar	5.7.2006	perusahaan	Encik Neoh Tong Hock
13.	410	12	DBD	0.2424 hektar	1.11.2006	perumahan	Tetuan Nai Seng Sdn. Bhd.
14.	1220	9	DBD	0.7855 hektar	1.11.2006	perumahan	Tetuan Asia Bina Sdn. Bhd.
15.	1552	12	DBD	0.2056 hektar	18.10.2006	perumahan	Tetuan Nai Seng Sdn. Bhd.
16.	409	12	DBD	0.293 hektar	20.12.2006	perumahan	Tetuan Nai Seng Sdn. Bhd.
17.	2014-2017, 151	6	DBD	0.7823 hektar	6.6.2007	perumahan	Tetuan Casa Familia Sdn. Bhd.
18.	PT. 5061	12	DBD	0.248 hektar	24.10.2007	perusahaan	Encik Poh Ah Bah @ Poh Cheow Ho
19.	1046	12	DBD	0.760 hektar	9.5.2008	perniagaan	Tetuan Kembang Biru Sdn. Bhd.

SENARAI UBAH SYARAT TANAH PERTANIAN SEBERANG PERAI UTARA

BIL	NO.LOT	MK.	DAERAH	LUAS	TARIKH LULUS	TUJUAN KELULUSAN	PEMOHON
1.	1314	12	SPU	0.753 hektar	14.4.2004	perusahaan	Encik Lee Ah Lai
2.	1269	12	SPU	0.8089 hektar	21.4.2004	Kuil Cina	Persatuan Beng Hock Seah
3.	539	14	SPU	0.4634 hektar	21.4.2004	perumahan	Tetuan Creative City Property Sdn. Bhd.
4.	595, 611	16	SPU	8.1777 hektar	2.6.2004	perusahaan	Tetuan Boon Siew Sdn. Bhd.
5.	918	16	SPU	0.372 hektar	30.6.2004	perusahaan	Encik Ooi Say Ghee
6.	2027	7	SPU	0.3144 hektar	6.4.2005	perumahan	Tetuan Akib Holding Sdn. Bhd.
7.	1080	14	SPU	0.7830 hektar	28.9.2005	perumahan	Tetuan Megah Majumas Sdn. Bhd.
8.	1828	14	SPU	0.1997 hektar	14.12.2005	perumahan	Encik Teoh Ching Kee @ Teoh Ah Sun
10.	188	16	SPU	6.4472 hektar	5.8.2006	perumahan	Tetuan Airmas Dev. Sdn. Bhd.
11.	117	16	SPU	0.3339 hektar	5.7.2006	perumahan	Tetuan One Prosperous Sdn. Bhd.
12.	432	14	SPU	1.0554 hektar	1.11.2006	perumahan	Tetuan Evergreen 88 Sdn. Bhd.
13.	1072	14	SPU	0.623 hektar	18.4.2007	perumahan	Tetuan Limsa Garden Sdn. Bhd.
14.	3420	16	SPU	1.633 hektar	13.6.2008	perusahaan	Tetuan K.G. Saw Holding Sdn. Bhd.
15.	1463	14	SPU	0.173 hektar	11.6.2008	perniagaan	Encik Ong Chin Chuan

SENARAI UBAH SYARAT TANAH PERTANIAN SEBERANG PERAI TENGAH

BIL	NO.LOT	MK.	DAERAH	LUAS	TARIKH LULUS	TUJUAN KELULUSAN	PEMOHON
1.	12019-12021	15	SPT	1.9069 hektar	7.1.2004	perniagaan	Tetuan ACE Quality Sdn. Bhd.
2.	649	11	SPT	0.666 hektar	7.7.2004	perniagaan	Encik Lim Toa Nya dll
3.	688	11	SPT	2.5471 hektar	14.7.2004	perumahan	Tetuan Ang Toon Hock Dev. Sdn. Bhd.
4.	961	Bandar Prai	SPT	1.8669 hektar	21.7.2004	perusahaan	Tetuan Townside Dev. Sdn. Bhd.
5.	434	9	SPT	0.3691 hektar	1.9.2004	perumahan	Tetuan Kisah Etika Sdn. Bhd.
6.	258	11	SPT	0.731 hektar	27.10.2004	perumahan	Tetuan Malayan Sugar Manufacturing Co. Bhd
7.	6	16	SPT	1.0546 hektar	12.1.2005	perumahan	Encik Teh Seng Giap
8.	1991	10	SPT	0.9712 hektar	12.1.2005	perumahan	Encik Yong Khee Teik
9.	86, 1110-1111, 1131	18	SPT	6.259 hektar	1.2.2005	perkuburan	Encik Ong Lean Thuan dll.
10.	228, 259, 261	11	SPT	1.480 hektar	23.3.2005	perumahan	Tetuan Unoland Sdn. Bhd.
11.	664	14	SPT	2.916 hektar	9.3.2005	perumahan	Encik Micheal Ong Chin Keong
12.	698	11	SPT	2.2658 hektar	30.3.2005	perumahan	Tetuan Mooi Hwa Dev. Sdn. Bhd.
13.	2550	10	SPT	1.161 hektar	18.5.2005	perumahan	Encik Chew Eng Boo dan Lim Mee Nine
14.	514	13	SPT	0.607 hektar	18.5.2005	perusahaan	Encik Heng Kim Song
15.	2551	10	SPT	0.5191 hektar	6.7.2005	stesyen minyak	Tetuan Mooi Hwa Dev. Sdn.

							Bhd.
16.	159, 1430, 535, 537	14, 15	SPT	3.8834 hektar	6.7.2005	perumahan	Tetuan Naga Utama Construction Sdn Bhd
17.	666	14	SPT	2.355 hektar	6.7.2005	perumahan	Tetuan Acme Asset Holding Sdn. Bhd.
18.	840	15	SPT	1.0653 hektar	14.12.2005	perumahan	Encik Choong Yoon Yee
19.	1794	14	SPT	2.805 hektar	14.12.2005	perumahan	Encik Tan Wah Ming dan The Teck Nai
20.	1675	14	SPT	0.908 hektar	14.12.2005	perusahaan	Tetuan Circulas Hub Dev. Sdn. Bhd.
21.	266,267	14	SPT	1.442 hektar	6.6.2005	perumahan	Tetuan DNP Land Sdn. Bhd.
22.	138,1386	14	SPT	2.810 hektar	17.5.2006	perumahan	Tetuan Sentimur Sdn. Bhd.
23.	136,137	14	SPT	3.376 hektar	17.5.2006	perumahan	Tetuan Landover Sdn. Bhd.
24.	1384	14	SPT	1.404 hektar	17.5.2006	perumahan	Tetuan Zuwen Bina Sdn. Bhd.
25.	2633	10	SPT	0.2808 hektar	11.10.2006	perniagaan	Encik Ooi Bak Heng

BIL	NO.LOT	MK.	DAERAH	LUAS	TARIKH LULUS	TUJUAN KELULUSAN	PEMOHON
27.	1185	15	SPT	5.7693 hektar	12.7.2006	perumahan	Tetuan Top Nova Property Sdn Bhd
28.	563,564	11	SPT	2.129 hektar	1.11.2006	perumahan	Tetuan Eramec Jaya Sdn. Bhd.
29.	1791	14	SPT	2.00324 hektar	13.6.2007	perumahan	Encik Sim KeanTeong dan 9 yang lain
30.	951	3	SPT	0.740 hektar	13.6.2007	perniagaan	Tetuan Era Alpha Sdn. Bhd.
31.	800	13	SPT	0.399 hektar	13.6.2007	perumahan	Encik Tan Ah Kee
32.	52	1	SPT	0.599	13.6.2007	perumahan	Tetuan Concrete Idea Sdn.

				hektar			Bhd.
33.	422, 423, 424	9	SPT	1.084 hektar	20.9.2007	perumahan	Tetuan Golden City Dynasty Sdn. Bhd.
34.	436, 456, 2836	15	SPT	0.585 hektar	3.10.2007	perumahan	Tetuan Perfect Wonderland Sdn. Bhd.
35.	1379, 1380, 1742	15	SPT	11.96596 hektar	31.10.2007	perumahan	Tetuan DNP Land Sdn. Bhd.
36.	6425	11	SPT	1.003 hektar	28.11.2007	perniagaan	Tetuan Duta Palma Dev. Sdn. Bhd.
37.	6424	11	SPT	0.777 hektar	1.4.2008	perniagaan	Tetuan Hikmat Bumimas Sdn. Bhd.
38.	685, 687	11	SPT	3.9636 hektar	9.5.2008	perumahan	Tetuan Star Series Sdn. Bhd.
39.	1344	14	SPT	0.4359 hektar	16.4.2008	perniagaan	Tetuan Perniagaan dan Pengangkutan Nion-Yu Sdn. Bhd.
40.	1699	15	SPT	0.537 hektar	11.6.2008	perumahan	Tetuan Pacific Treasure Land Sdn. Bhd.
41.	1310	14	SPT	2.7689 hektar	25.4.2008	perusahaan	The Asia File Products Sdn. Bhd.
42.	1228	14	SPT	1.3908 hektar	11.6.2008	perumahan	Tetuan Starlight Fair Sdn. Bhd.
43.	12037	14	SPT	0.4797 hektar	13.6.2008	perniagaan	Tetuan Bandarex Sdn. Bhd.
44.	545	13	SPT	0.607 hektar	6.8.2008	perusahaan	Encik Ooi Teow Hee
45.	6423	11	SPT	0.4339 hektar	6.8.2008	perniagaan	Tetuan Hecta Consolidated Sdn. Bhd.
46.	1785, 1790	14	SPT	4.085 hektar	10.9.2008	perumahan	Tetuan CBD Land Sdn. Bhd. dan Ching Boon Development Sdn. Bhd.

SENARAI UBAH SYARAT TANAH PERTANIAN

SEBERANG PERAI SELATAN

BIL	NO.LOT	MK.	DAERAH	LUAS	TARIKH LULUS	TUJUAN KELULUSAN	PEMOHON
1.	860	14	SPS	2.3003 hektar	7.1.2004	perumahan	Tetuan Epiland Properties Sdn. Bhd.
2.	1202	11	SPS	0.667 hektar	7.1.2004	perumahan	Encik Tan Mooi Weng
3.	6176	7	SPS	1.82 hektar	3.3.2004	perumahan	Tetuan Kwantarna Base Dev. Sdn. Bhd.
4.	2054	11	SPS	2.2233 hektar	18.8.2004	perumahan	Tetuan Clear Frontier Sdn. Bhd.
5.	539, 590	7	SPS	6.433 hektar	1.9.2004	perumahan	Tetuan Leader Phoenix Sdn Bhd
6.	2951, 2952	14	SPS	1.6195 hektar	1.2.2005	perumahan	Tetuan Epiland Properties Sdn. Bhd.
7.	145, 151	12	SPS	0.6271 hektar	27.2.2005	perumahan	Tetuan Ping Wah Dev. Sdn. Bhd.
8.	6174	7	SPS	0.534 hektar	27.2.2005	perumahan	Tetuan Elit Intelek Bina Sdn. Bhd.
9.	488	14	SPS	3.991 hektar	27.2.2005	perumahan	Tetuan Pridaman Sdn. Bhd.
10.	13, 16, 114, 116,	15	SPS	28.9459	6.7.2006	perumahan	Tetuan Pembangunan

	1067, 1345, 1383, 1393, 1427, 1428, 1433			hektar			Bandar Mutiara Sdn. Bhd.
11.	509	7	SPS	9.004 hektar	6.7.2005	perumahan	Tetuan Prima Jadi Sdn. Bhd.
12.	328	15	SPS	0.6111 hektar	16.11.2005	perumahan	Encik Goh Ah Weng
13.	1774, 1779, 1781, 1782	9	SPS	2.4423 hektar	17.1.2006	perusahaan	Tetuan Chin Lak Motor Sdn. Bhd.
14.	7309	14	SPS	1.107 hektar	1.3.2006	perusahaan	Tetuan Perquest Sdn. Bhd.
15.	498	7	SPS	6.814 hektar	1.3.2006	perumahan	Tetuan Galiancon Sdn Bhd
16.	463	14	SPS	3.845 hektar	22.2.2006	perumahan	Tetuan United Midvalley Sdn. Bhd.
17.	3487	15	SPS	3.460 hektar	5.7.2006	perumahan	Pembangunan Bandar Mutiara Sdn Bhd
18.	2940	4	SPS	2.226 hektar	24.1.2007	perusahaan	Tetuan Malaysia Cuncil (MTC)
19.	458	14	SPS	3.522 hektar	8.8.2007	perumahan	Tetuan Modern Reward Sdn. Bhd.
20.	493, 536	7	SPS	6.6673 hektar	19.12.2007	perumahan	Tetuan JF Properties Sdn. Bhd.
21.	3974	11	SPS	2.075 hektar	24.10.2007	perumahan	Tetuan Kwantana Base Dev. Sdn. Bhd.
22.	5734	11	SPS	4.4796 hektar	24.10.2007	perumahan	Tetuan Asas Dunia Berhad

BIL	NO.LOT	MK.	DAERA H	LUAS	TARIKH LULUS	TUJUAN KELULUSAN	PEMOHON
23.	3040	7	SPS	2.7181 hektar	28.11.2007	perumahan	Tetuan Competitive Merge Sdn. Bhd.
24.	5732, 5733	11	SPS	4.8391 hektar	28.11.2007	perumahan	Tetuan Mastiara Construction Sdn. Bhd.
26.	5730, 5731	11	SPS	4.9637 hektar	28.11.2007	perumahan	Tetuan Asas Dunia Berhad
27.	1185	11	SPS	0.7086 hektar	9.5.2008	perniagaan	Encik Ng Kwang Sneah
28.	850, 851	14	SPS	0.8867 hektar	1.4.2008	perumahan	Juwanas Sdn Bhd
29.	5727, 5728	11	SPS	5.4552 hektar	6.5.2008	perumahan	Tetuan Asas Dunia Berhad
30.	907, 908	5	SPS	3.367 hektar	11.6.2008	perumahan	Tetuan Mastiara Construction Sdn. Bhd.
31.	18	4	SPS	0.8372 hektar	16.7.2008	perumahan	Encik Pritpal Singh a/l Amar Singh
32.	27, 28 dan 79	16	SPS	2.949 hektar	16.7.2008	chalets	Tetuan Ocean View Hotel Sdn. Bhd.
33.	1463	9	SPS	0.4282 hektar	16.7.2008	perniagaan	Encik Tioh Chuang Siah dan Siti Hadijah bt Aman @ Saudah bt Ahman
34.	2609 – 2611	11	SPS	10.0727 hektar	22.9.2008	perumahan	Tetuan Mapahill Development Sdn. Bhd.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sejak akhir-akhir ini didapati banyak jalan-jalan negeri banyak jalan-jalan yang telah rosak dan berlubang terutama di persimpangan Sungai Dua ke Desa Murni, Jalan Maklom, depan lampu isyarat Sungai Dua, SPU dan beberapa jalan yang lain. Apakah tindakan kerajaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan telah menyediakan beberapa saluran untuk pengguna jalan raya memberi maklum balas mengenai infrastruktur jalan raya iaitu melalui PINTAS, e-mail, Fax, sms, Toll Free dan Biro Pengaduan Awam. Banyak jalan yang rosak adalah disebabkan faktor cuaca yang buruk. Jalan-jalan yang disebutkan di atas telah pun dibaiki.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Banyak parit-parit di Seberang Perai Utara (SPU) didapati tidak dicuci dan sering tersumbat dan apabila hujan lebat mengakibatkan banjir kilat.

Sila nyatakan apakah tindakan Majlis perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam hal ini dan senaraikan nama-nama kontraktor yang diberikan kontrak pembersihan di kawasan SPU mengikut kawasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Pembersihan parit di taman dilakukan sebanyak seminggu sekali. Kerjasama penduduk amat diperlukan untuk memastikan sampah dibuang di tempat yang disediakan. Dalam hal ini, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga menggalakkan penduduk melibatkan diri dalam program kitar semula.

Senarai kontraktor pembersihan di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) adalah seperti berikut:-

Parlimen	KADUN	Kontraktor Kerja Pembersihan Am
Kepala Batas	Penaga	i) AHI TEGUH ENTERPRISE ii) PPN PULAU PINANG CONSED (M) SDN. BHD.
	Bertam	PPN PULAU PINANG CONSED (M) SDN.BHD
	Pinang Tunggal	i) PPN PULAU PINANG CONSED (M) SDN.BHD ii) IZ SEPAKAT ENTERPRISE
Tasek Gelugor	Permatang Berangan	i) IZ SEPAKAT ENTERPRISE ii) PPN PULAU PINANG CONSED (M) SDN.BHD
	Sungai Dua	Tiada
	Teluk Air Tawar	i) AHI TEGUH ENTERPRISE ii) KOPERASI SERBAGUNA TASEK GELUGOR
Bagan	Sungai Puyu	PPK LAHAR BUBU
	Bagan Jermal	i) SINAR JUJUR SERVICES ii) MERS ENTERPRISE ii) RUZAIDI BIN RAMLI iii) MIRA PERMAI
	Bagan Dalam	MERS ENTERPRISE

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sejak dari Mac 2008 hingga kini berapa kalikah mesyuarat MMK agama diadakan. Siapakah anggota-anggotanya dan apakah program dan aktiviti yang telah dilaksanakan. Nyatakan berapakah perbelanjaan bagi setiap aktiviti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Mesyuarat MMK Agama telah diadakan sebanyak 3 kali.

Senarai Ahli-Ahli Jawatankuasa MMK Agama yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri seperti berikut :

- (i) Y.B. Tuan Mohammad Fairus bin Khairuddin -
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama,
- (ii) Y.B. Setiausaha Kerajaan
- (iii) Y.B. Penasihat Undang–Undang Negeri
- (iv) Y.B. Pegawai Kewangan Negeri
- (v) Y.B. ADUN Sungai Bakap
- (vi) Y.B. ADUN Permatang Pasir
- (vii) Sahibul Samahah Mufti Negeri Pulau Pinang
- (viii) Y.A.A. Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang
- (ix) Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) /
Pengarah UPEN
- (x) Setiausaha Majlis Agama Islam Pulau Pinang
- (xi) Pengarah Jabatan Kerja Raya
- (xii) Pengarah Jabatan Pelajaran
- (xiii) Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Desa
- (xiv) Pegawai Daerah Timur Laut
- (xv) Pegawai Daerah Barat Daya
- (xvi) Pegawai Daerah Seberang Perai Utara
- (xvii) Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah
- (xviii) Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan
- (xix) Pegawai Tadbir Agama Daerah Timur Laut
- (xx) Pegawai Tadbir Agama Daerah Barat Daya

- (xxi) Pegawai Tadbir Agama Daerah Seberang Perai Utara
- (xxii) Pegawai Tadbir Agama Daerah Butterworth
- (xxiii) Pegawai Tadbir Agama Daerah Seberang Perai Tengah
- (xxiv) Pegawai Tadbir Agama Daerah Seberang Perai Selatan
- (xxv) Pengetua Sekolah Agama Islam Tahfiz Al-Islah
- (xxvi) Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia Pulau Pinang
- (xxvii) Yang Dipertua ABIM Pulau Pinang
- (xxviii) Yang Dipertua Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia, Pulau Pinang
- (xxix) Yang Dipertua Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Pulau Pinang
- (xxx) Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang - Urus setia

Senarai aktiviti yang telah dijalankan dan perbelanjaannya seperti dilampirkan.

Program/Seminar yang telah diluluskan :

BIL	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)
1.	Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Islam Pulau Pinang (1 Jun hingga 5 Jun, 2008)	23,293.00
2.	Modul Latihan Kemahiran Undang-undang kepada Pegawai Masjid (11 Ogos hingga 12 Ogos, 2008)	14,810.00
3.	Seminar Halalan Toyyiba (9 September, 2008)	11,738.00
4.	Perasmian Masjid-Masjid di Pulau Pinang Masjid Jamek Sungai Pinang (25 Julai, 2008) Masjid Jamek Pulau Betong (8 Ogos, 2008) Masjid Jamek Ara Kuda (4 September, 2008) Masjid Jamek Lahar Tembun (11 September, 2008)	20,000.00
5.	Kejohanan Sukan Silaturrahim Institusi Agama (16 Ogos hingga 18 Ogos, 2008)	30,000.00

BIL	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)
6.	Taklimat Undang-Undang Syariah kepada Pemimpin Masyarakat (25 September, 2008)	-
7.	Seminar Kaunseling untuk Pegawai Rundingcara (13 Oktober hingga 14 Oktober, 2008)	6,928.00
8.	Bengkel Pembangunan Umat Islam 08 – Siri 1 dan Siri 2 Siri 1 (6 Ogos hingga 7 Ogos, 2008) Siri 2 (30 Ogos, 2008)	43,040.00
9.	Souq Ramadhan (1 September hingga 30 September, 2008)	10,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN	159,809.00

III. Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berikan takrifan miskin dan miskin tegar yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri. Perincian nama-nama mereka mengikut takrifan di atas dan daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Program Pembasmian Kemiskinan oleh Kerajaan Negeri dilaksanakan berteraskan kepada kelayakan sesebuah keluarga tanpa mengira kaum, dengan berpandukan kepada takrifan miskin dan miskin tegar serta Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan di dalam *Poverty Outreach Kit* dikeluarkan oleh ICU, JPM. Takrifan yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri hingga hari ini adalah:

(i) Takrif Miskin

Sesebuah isi rumah adalah dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya

berfungsi di dalam masyarakat. PGK bagi kategori ini adalah sebanyak RM660.00 sebulan bagi sesebuah isi rumah atau pendapatan per kapita sebanyak RM150.00 sebulan.

(ii) **Takrif Miskin Tegar**

Sesebuah isi rumah adalah dianggap sebagai miskin tegar sekiranya pendapatan bulanan isi rumah yang tersebut adalah kurang daripada PGK makanan, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan yang minimum yang membolehkan setiap ahlinya mempunyai tubuh badan yang sihat. PGK bagi kategori ini adalah sebanyak RM400.00 sebulan bagi sesebuah isi rumah atau pendapatan per kapita sebanyak RM90.00 sebulan.

Perincian nama KIR miskin dan miskin tegar mengikut daerah adalah seperti di lampiran. Bagi Daerah Timur Laut terdapat 20 Ketua Isi Rumah (KIR) yang miskin dan 17 KIR miskin tegar. Manakala bagi Daerah Barat Daya terdapat 72 KIR miskin dan 104 KIR miskin tegar. Berbeza dengan Daerah Seberang Perai Utara yang mempunyai 47 KIR miskin dan 62 KIR miskin tegar. Di Daerah Seberang Perai Selatan pula hanya 41 KIR miskin dan 65 KIR miskin tegar. Bagi Daerah Seberang Perai Tengah 35 miskin KIR dan 76 KIR miskin tegar.

Senarai-senarai ini dikenal pasti hasil usaha dan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti hasil kajian yang telah dijalankan secara usaha sama di antara pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pulau Pinang dan USM pada tahun 2007. Begitu juga dengan kes-kes kemiskinan yang dilaporkan terus kepada Pejabat-pejabat Daerah, hasil siasatan Penghulu sendiri dan bancian yang di adakan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat yang turut melibatkan Y.B. ADUN dan pemimpin-pemimpin tempatan. Senarai kemiskinan ini juga dikemas kini dari semasa ke semasa supaya Pulau Pinang menjadi negeri pertama yang mencapai miskin tegar sifar menjelang Mac 2009 nanti.

ADA LAMPIRAN MFS1(ID17)

LAMPIRAN 197 – 237 mfs No. 2

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Nyatakan dasar-dasar Kerajaan Negeri bagi membantu pengusaha pelancongan Bumiputera negeri ini. Apakah pendekatan yang telah diambil setakat ini dan kejayaannya. Perincikan nama-nama individu/syarikat Bumiputera negeri ini yang terlibat, mengikut kategori yang diguna pakai oleh Kementerian Pelancongan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menggariskan sepuluh (10) teras utama pelancongan negeri iaitu:-
 - (i) Pelancongan Perubatan
 - (ii) Pelancongan Kebudayaan, Warisan & Bersejarah
 - (iii) Pelancongan Pendidikan
 - (iv) Ibu Pejabat Wilayah bagi MNCs
 - (v) Pusat MICE
 - (vi) Eko-Pelancongan
 - (vii) Dataran Kulinari
 - (viii) Pusat Filem, Kebudayaan & Kesenian
 - (ix) Syurga Membeli-Belah
 - (x) Pelancongan Sukan

Sehubungan itu, pengusaha pelancongan Bumiputera yang berminat berpeluang menerokai peluang-peluang yang ada dan mengambil bahagian di dalam sektor pelancongan khususnya berdasarkan 10 teras utama pelancongan tersebut.

Pada masa ini terdapat beberapa syarikat Bumiputera yang terlibat dalam industri pelancongan di Pulau Pinang antaranya ialah Penang War Museum Sdn. Bhd. di mana syarikat tersebut bertanggungjawab mengurus Muzium Perang di Batu Maung. Selain itu syarikat Sebagai Travel & Tours Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk mengurus Fort Cornwallis yang merupakan tempat bersejarah yang menjadi tumpuan pelancong. Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang dalam industri pelancongan juga dapat dilihat dengan penyertaan 200 keluarga dalam program Homestay di 9 kampung di seluruh Pulau Pinang. Selain itu terdapat 16 tempat penginapan di seluruh Pulau Pinang yang dimiliki oleh Bumiputera. Terdapat juga lebih kurang 100 agensi pelancongan yang dimiliki oleh Bumiputera. Penyertaan Bumiputera dalam sektor ini dapat di pertingkatkan lagi setelah Kerajaan Negeri menggariskan sepuluh teras utama industri pelancongan di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berapakah jumlah perbelanjaan bagi merayakan sambutan kejayaan World Heritage Site (WHS) dan berikan pecahan yang diperuntukkan dan disumbangkan oleh Kerajaan Negeri dan pihak swasta dalam bentuk *monetary* atau barangan (nyatakan nilai). Untuk menjayakan WHS ini, apakah rancangan serta unjuran kewangan bagi 10 tahun akan datang dan berapakah anggaran jumlah kedatangan pelancong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pada 7 Julai 2008, Bandar George Town dan Melaka telah disenaraikan secara bersama sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) melalui mesyuarat *World Heritage Committee* yang diadakan di Quebec Dity, Canada. Kedua-dua Bandar ini disenaraikan sebagai "Bandar Bersejarah di Selat Melaka" di bawah kategori warisan budaya.

Pada 8 Julai 2008, satu mesyuarat telah diadakan oleh Ketua Menteri bersama Ketua-ketua Jabatan di peringkat negeri dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bagi memaklumkan agar sambutan bagi meraikan kejayaan Bandar George Town sebagai Tapak Warisan Dunia diadakan pada 25 Julai hingga 27 Julai 2008. Pelaksanaan sambutan ini diselaraskan oleh pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Bagi melaksanakan sambutan ini, Jawatankuasa Kerja Sambutan Bandar George Town dan Melaka ke Senarai Warisan Dunia telah diwujudkan pada 9 Julai dan dipengerusikan oleh Yang Dipertua MPPP. Beberapa program telah dijalankan antaranya ialah:-

- (i) Aktiviti kebudayaan di kawasan lebuah Acheh – Lebuah Armenian, Little India dan Clan Jetty yang dianjurkan oleh organisasi atau pemilik di kawasan tersebut.
- (ii) Pameran mengenai Tapak Warisan Dunia George Town dan Melaka di Pusat Warisan Pulau Pinang.
- (iii) Kemuncak program adalah pertunjukan pelbagai persembahan kebudayaan warisan yang diadakan di Padang Kota Lama.

Secara keseluruhannya perbelanjaan yang terlibat adalah dalam lingkungan RM259,000.00 dan semua perbelanjaan tersebut adalah disumbangkan oleh pihak swasta.

Sementara itu Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah menyumbang dari segi pengelolaan acara, tenaga kerja pegawai/kakitangan (sumber manusia), logistik, peralatan landskap, penyediaan bangunan Majlis dan sebagainya.

Majlis tersebut juga mendapat bantuan daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk mengelolakan acara-acara sampingan semasa menyambut kejayaan dalam Penyenaraian George Town sebagai Tapak Warisan Sedunia.

Bagi memastikan status tapak warisan dunia tersebut dikekalkan Kerajaan Negeri akan memastikan pembangunan yang dirancang di dalam kawasan warisan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Ianya juga harus selaras dengan Pelan Pengurusan Pemuliharaan (PPP) yang telah disediakan.

Oleh yang demikian Kerajaan Negeri amat berharap jumlah kedatangan pelancong di Pulau Pinang terus meningkat dari tahun ke tahun. Ini seterusnya akan dapat merancakkan ekonomi negeri dan terus memakmurkan Pulau Pinang. Bagi merealisasikan objektif ini Kerajaan Negeri akan terus mempergiatkan aktiviti promosi dan pemasaran pelancongan Pulau Pinang di dalam dan luar negara bagi memperkenalkan George Town sebagai tapak warisan dunia.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Berapakah jumlah perbelanjaan bagi merayakan sambutan hari kemerdekaan tahun ini. Berikan pecahan yang disumbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan pihak swasta. Berapakah jumlah kontinjen dan orang yang mengambil bahagian dalam perarakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM197,636.00 bagi tujuan penganjuran keseluruhan program sempena Sambutan Perayaan Hari Kemerdekaan Ke-51 Tahun 2008 Peringkat Negeri Pulau Pinang. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:-

i	Program Tahlil dan Jamuan Kesyukuran Sempena Perayaan Hari Kemerdekaan Ke-51	RM7,750.00
ii	Program Perarakan Hari Kemerdekaan	RM189,886.00
	JUMLAH BESAR	RM197,636.00

Tiada sumbangan oleh pihak swasta bagi program berkenaan.

(b) Jumlah kontinjen dan orang yang mengambil bahagian dalam Perarakan Hari Kemerdekaan tahun ini adalah seperti berikut:-

i.	91 Kontinjen berjalan kaki seramai	6,626 orang
ii.	6 Kontinjen kenderaan seramai	184 orang
iii.	Jawatankuasa dan Pasukan Petugas	862 orang
JUMLAH KESELURUHAN		7,672 orang

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berapakah jumlah bantuan kewangan (pecahan diberikan mengikut sumber peruntukkan) yang telah disumbangkan/diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada mangsa dalam bencana banjir yang melanda Pulau Pinang pada bulan Ogos, September dan Oktober tahun ini. Sila nyatakan jumlah keluarga terlibat dan sumbangan bagi setiap keluarga mengikut pecahan daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri telah mengeluarkan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana alam meliputi kebakaran, ribut, banjir/banjir kilat dan tanah runtuh. Bagi sepanjang tahun 2008 sehingga bulan Oktober, jumlah bantuan yang diluluskan adalah seperti di Lampiran. Bantuan bencana alam adalah untuk membantu mangsa-mangsa malapetaka yang mengalami kehilangan mata pencarian serta kerosakan rumah kediaman melalui bantuan serta merta dan bantuan pemulihan jangka panjang.

Jumlah Bantuan Yang Diluluskan Setakat Bulan Oktober 2008.

Daerah	Bil. Kes	Amaun Bantuan RM
Seberang Perai Utara	371	39,393.20
Seberang Perai Tengah	592	39,284.60
Seberang Perai Selatan	14	19,020.00
Timur Laut	997	18,130.00
Barat Daya	1,916	22,200.00
Jumlah	3,890	138,027.80

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila senaraikan nama dan jawatan kakitangan yang berkhidmat di Pejabat Ketua Menteri dan pejabat semua EXCO Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Senarai nama dan jawatan kakitangan yang berkhidmat di Pejabat Ketua Menteri dan pejabat semua Exco Kerajaan Negeri adalah seperti di berikut:-

**SENARAI NAMA ANGGOTA DI PEJABAT KETUA MENTERI PULAU PINANG
SELEPAS 8 MAC 2008**

(1) PEJABAT KETUA MENTERI (Y.A.B. TUAN LIM GUAN ENG)

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Encik Ng Wee Kok*	Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B. KM Gred M48 [tetap]
2.	Y.B. Ng Wei Aik #	Setiausaha Politik
3.	Cik Cheong Yin Fan+	Setiausaha Akhbar Gred N41 [kontrak]
4.	Encik Zasman bin Asna+	Setiausaha Sulit [Terbuka] Gred N41 [kontrak]
5.	Encik Azmi bin Kechik*	Sarjan/Koperal [tetap]
6.	Cik Marziah bt Mohd Mukhtar**	Pembantu Setiausaha Akhbar Gred N41 KUP [kontrak]
7.	Encik Gooi Seong Kin**	Pembantu Khas Gred N41 [kontrak]
	Encik Cheah Chin Voon** (DITAMATKAN TEMPOH KONTRAK MULAI 20/5/2008)	Pembantu Khas Gred N41 [kontrak]
8.	Encik Wong Kim Fei	Pembantu Khas Gred N41 [kontrak]
9.	Encik Jeffrey Chew Gim Eam**	Pembantu Khas Gred N41 [kontrak]
10.	Puan Ong Beng Guat ***	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
11.	Encik Foo Yu Keong ***	Pembantu Khas Gred N41 [kontrak]
12.	Puan Stella a/p Francise Xavier*	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 [tetap]
13.	Encik Tan Chor Sim*	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
14.	Puan Safiah bt Abu Bakar*	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [kontrak]
15.	Cik Hanisah bt Hamzah*	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [kontrak]
16.	Cik Nur Zuliana bt Zulkefli*	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17 [kontrak]
17.	Puan Noor mala bt Jaafar*	Jurutaip Gred N11 [tetap]
18.	Cik Premalatha a/p Ganapathi*	Jurutaip Gred N11 [tetap]
19.	Nor Atika bt Shahrudin*	Jurutaip Gred N11 [tetap]
20.	Encik Abdul Razak bin Che Embee*	Pembantu Am Pejabat Gred N4 [tetap]
21.	Puan Khairon Bee bt S.S. Ibrahim*	Pembantu Am Pejabat Gred N1 [tetap]
22.	Puan Halijah bt Saad*	Pembantu Am Pejabat Gred N1 (tetap)
22.	Paramanathan a/l Ramalingam*	Pemandu Kenderaan Gred R3 [tetap] kepada Y.A.B. KM
23.	Encik Rozali bin Ishak*	Pemandu Kenderaan Gred R3 [kontrak] kepada Y.A.B. KM
24.	Encik Yusniliron bin Md. Yatim*	Pemandu Kenderaan Gred R3 kepada Setiausaha Politik [kontrak]

(2) **PEJABAT TIMBALAN KETUA MENTERI 1**
Y.B. TUAN MOHAMAD FAIRUS BIN KHAIRUDDIN

- (a) Hal Ehwal Agama
- (b) Pembangunan Usahawan dan Koperasi
- (c) Penerangan & Perhubungan Masyarakat

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Encik Mohd Shahrulazilan bin Said	Setiausaha Sulit Gred N27 [kontrak]
2.	Encik Hazzrie bin Abu Bakar	Setiausaha Politik <i>*(Pelantikan dan Gaji dibayar oleh Parti)</i>
3.	Encik Zainal Abidin bin Saad	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Encik Zulkifli bin Mohamed (BERTUKAR KE PEJABAT Y.B. TUAN ABDUL MALIK 18/7/2008)	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
5.	Encik Farid Wajdi bin Mohd Nor	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
6.	Encik Rezal Huzairi bin Md. Zaki	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
7.	Puan Masayu Azreen bt Md Said*	Pegawai Perhubungan Majlis Perundingan Mahasiswa Gred N41 (Sementara) – Majlis Perundingan Pendidikan P.Pg.
8.	Puan Rosma bt Salleh	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 [kontrak]
9.	Puan Haizan bt Abdul Rashid*	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
10.	Encik Zainol Abidin bin Kassim*	Pembantu Am Pejabat Gred N1 [tetap]
11.	Encik Mohamed Ali bin N.M. Nagoor Meerah*	Pemandu Kenderaan Gred R3 [tetap]

(3) **PEJABAT Y.B. TIMBALAN KETUA MENTERI II**
Y.B. TUAN RAMASAMY A/L PALANISAMY

- (a) Perancangan Ekonomi Negeri
- (b) Pendidikan & Sumber Manusia
- (c) Sains, Teknologi & Inovasi

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Encik Jayabalan a/l Peraman #	Setiausaha Sulit Gred N27
2.	Cik Sheamala a/p Muniandy*	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Encik Vickneswaran a/l Ganesan*	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Cik Ng Ai Loong*	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
5.	Kosong	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 [kontrak]
6.	Encik Zulkifli bin Ariffin	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [Tetap]
7.	Encik Mohd Khairni Firdaus bin Abdual Nasir	Pembantu Am Pejabat Gred N1 [kontrak]
8.	Encik Thavakumar a/l N.Uthiram	Pemandu Kenderaan Gred R3 [tetap]

(4) **PEJABAT Y.B. TUAN CHOW KON YEOW**

- (a) Kerajaan Tempatan
- (b) Pengurusan Lalu lintas
- (c) Alam Sekitar

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Cik Tew Yam Hwa @ Chang Yann Wah*	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Encik Teh Lai Heng	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Cik Low Vin Yin	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Cik Tan Keng Luan*	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
5.	Encik Vijaya Pragasa/ Subramaniam*	Pemandu Kenderaan Gred R3 [tetap]

(5) **PEJABAT Y.B. TUAN WONG HON WAI**

- (a) Perancangan Bandar & Desa
(b) Perumahan

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Encik Teh Choong Kong*	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Cik Bok Chek Ean	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Cik Yin Mei Yee	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Puan Zaharah bt Abdul Salim*	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [kontrak]
5.	Encik Lee Sen Soon*	Pemandu Kenderaan Gred R3 [kontrak]

(6) **PEJABAT Y.B. TUAN LIM HOCK SENG**

- (a) Kerja Raya
(b) Utiliti (Tenaga, Air, Telekom)
(c) Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi)

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Cik Yeoh Yee Yui*	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Encik Yeap Choon Keong	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Encik Lim Chin Seng	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Puan Fazilah bt Abd. Karim*	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
5.	Encik Rosdi Rauf bin Mohd Noor* (LETAK JAWATAN 14/10/2008 UNTUK DILANTIK KE JAWATAN TETAP)	Pemandu Kenderaan Gred R3 [kontrak]

(7) **PEJABAT Y.B. TUAN LAW CHOO KIANG**

- (a) Pertanian & Industri Asas tani
(b) Pembangunan Luar Bandar
(c) Tebatan Banjir

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Encik Aidi Rafizul bin Idrus	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Encik Lim Eng Nam	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Encik Noor Izzar bin Jamaludin	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Puan Laily bt Othman*	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
5.	Encik Mohd Sobri bin Hj. Ahmad* (LETAK JAWATAN 14/10/2008 UNTUK DILANTIK KE JAWATAN TETAP)	Pemandu Kenderaan Gred R3 [kontrak]

(8) PEJABAT Y.B. PUAN ONG KOK FOOI

- (a) Belia & Sukan
(b) Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Puan Yeoh Lai Kim (DITAMATKAN KONTRAK MULAI 18/5/2008)	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Encik Go Jit Hong (LETAK JAWATAN 16/10/2007)	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Encik Sim Chee Keong	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Cik Tan Xin Ying (LETAK JAWATAN 1/7/2008)	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
5.	Cik Tor Sin Ee (LETAK JAWATAN 1/11/2008)	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
6.	Puan Rathiah @ Radziah bt Ahmad*	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
7.	Encik Murugesan a/l Somasundram*	Pemandu Kenderaan Gred R3 [tetap]

(9) PEJABAT Y.B. TUAN ABDUL MALIK BIN ABUL KASSIM

- (a) Perdagangan Dalam Negeri
(b) Hal Ehwai Pengguna

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Cik Rodziah bt Abul Khassim	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Ahmad Azrizal bin Tahir	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Encik Zulkifli bin Mohamed	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Cik Norliza bt Md. Saad*	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
5.	Encik Mohd Anwar bin Yousoof*	Pemandu Kenderaan Gred R3 [kontrak]

(10) PEJABAT Y.B. TUAN PHEE BOON POH

- (a) Kesihatan & Kebajikan
(b) Masyarakat Penyayang

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Cik Ng Ya Ling	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Cik Sim Phoi Yong	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Encik Lim Hon Meng	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Puan Siti Zuraidah bt Hj. Ibrahim* (LETAK JAWATAN 1/12/2008)	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [kontrak]
5.	Encik Ishak bin Samad* (BERSARA WAJIB 24/10/2008) –mulai bercuti	Pemandu Kenderaan Gred R3 [tetap]
6.	Encik Khairul Izwan bin Ishak	Pemandu Kenderaan Gred R3 [kontrak]

(11) PEJABAT Y.B. TUAN LAW HENG KIANG

- (a) Pembangunan Pelancongan
(b) Kebudayaan, Kesenian & Warisan

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Carolyn Ooi Ai Choo	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Cik Kong Lina	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Encik Nioh Chu Chai	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Puan Roshidah bt Hj Abdullah*	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
5.	Encik Pubalam a/l Erriah*	Pemandu Kenderaan Gred R3 [kontrak]

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila senaraikan projek-projek dan kosnya yang telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui agensinya seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di kawasan Parlimen Balik Pulau dari bulan April 2008 sehingga bulan Disember 2008. Senaraikan projek dalam perancangan untuk dilaksanakan bagi tahun 2009 dan berapakah jumlah kos projek setiap satu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Projek-projek dan kosnya yang telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri dari bulan April 2008 sehingga bulan Disember 2008 di kawasan Parlimen Balik Pulau adalah seperti berikut:-

Bil.	Tajuk	Kos (RM)	Status
1.	Projek Menaik Taraf Taman Metropolitan	2,000,000	Panggilan tender
2.	Menaik Taraf Laluan Kampung di Kampung Kongsu dan Titi Teras, Balik Pulau	38,401.00	Siap
3.	Menaik Taraf Laluan Kampung di Sungai Burong, Balik Pulau	48,070.00	Siap
4.	Menaik Taraf Laluan Kampung di Kawasan Pondok Upeh dan Pulau Betong	20,825.00	Siap
5.	Menaik Taraf Laluan Kampung di Simpang Empat dan Sungai Pinang, Balik Pulau	39,589.00	Siap
6.	Pembinaan 19 pondok perhentian bas di kawasan Balik Pulau	193,441.80	Siap
7.	Memasang 5 batang lampu jalan awam di kawasan kampung	6,000.00	Siap
JUMLAH		2,346,326.80	

Untuk makluman Yang Berhormat, projek menaik taraf Taman Metropolitan masih dalam peringkat panggilan tender dan dijangka dilaksanakan pada tahun 2009.

Nota: Projek Bil. 2 – 5 dilaksanakan dengan pembiayaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Projek pembinaan Kompleks Pasar Awam Balik Pulau dengan kos RM15,892,177.63 telah siap dibina pada akhir tahun 2007. Kompleks Pasar Awam dilengkapi dengan fasiliti seperti kemudahan pasar awam/basah, gerai, kedai, pusat bayaran bil setempat, pusat transit bas awam serta kemudahan dewan orang ramai. Kewujudan kompleks ini telah memberikan suntikan kepada perkembangan industri sekitar kawasan Balik Pulau yang melibatkan pihak swasta terutama industri hartanah/perumahan.

Kerajaan Negeri memberikan penekanan bagi memaksimumkan modal pembangunan yang telah dilaburkan di Kompleks Pasar Awam dengan usaha-usaha memenuhi ruang-ruang gerai yang kosong dan aktiviti ekonomi setempat di Kompleks Pasar Awam Balik Pulau.

Berikut adalah projek pembangunan yang dirancang pelaksanaannya mulai tahun 2009:

Bil.	Tajuk	Kos (RM)	Tempoh
1.	Pemasangan lampu awam di kawasan Balik Pulau (bergantung kepada permintaan)	30,000.00	-
2.	Pembinaan pondok perhentian bas (permohonan dirujuk kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan)	375,000.00	Mac - Mei 2009

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Senaraikan projek-projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam sektor pelancongan, sama ada oleh Kerajaan Negeri atau pihak swasta. Sila perincikan nama projek berserta lokasi, jumlah anggaran kos, nama pemaju dan tarikh dijangkakan bermula. Bagi setiap satu projek nyatakan manfaat dan keuntungannya kepada negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menandatangani Perjanjian Jual-Beli tanah seluas 15 ekar di Batu Musang, utara Batu Kawan dengan Kumpulan Perubatan Farrali Mutiara Sdn Bhd pada 27 September 2008 untuk membangunkan hospital dan *resort* perubatan dengan nilai pelaburan berjumlah RM250,000,000.00.

Komponen pembangunan adalah seperti berikut:-

- (i) Hospital bertaraf 5 bintang (kapasiti 120 katil) lengkap dengan kolej jururawat (*nursing college*), ladang herba, pusat membeli-belah, kafeteria dan bilik persidangan; dan
- (ii) *Resort* bertaraf 5 bintang dengan bilangan bilik 200 untuk pesakit dan keluarga, *wellness centre*, *resort apartment* dan masjid.

Projek ini akan memberi manfaat kepada Negeri Pulau Pinang dari segi membantu memperhebatkan lagi Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk pelancongan perubatan serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk di negeri ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bagi setiap jawatankuasa MMK, senaraikan tarikh dan keanggotaan mesyuarat yang telah dijalankan dari bulan April sehingga kini dan nyatakan dasar-dasar baru yang diperkenalkan bagi setiap portfolio bagi memajukan negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Senarai Majlis Mesyuarat Kerajaan, tarikh, keanggotaan mesyuarat dari bulan April sehingga kini dan dasar-dasar baru yang diperkenalkan bagi setiap portfolio adalah seperti di lampiran

249 - 269

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memajukan sektor ICT di negeri ini. Perincikan fasa dan kawasan pelaksanaan projek untuk menyediakan *broadband/wireless*, kaedah pembiayaan projek, bayaran oleh pengguna dan kebaikan dan kekurangan projek ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan berasaskan kepada konsep 3A iaitu *Accessibility*, *Availability* dan *Affordability* bagi memajukan sektor ICT di Pulau Pinang. Konsep 3A ini dijangka dapat memberangsangkan pertumbuhan industri ICT. Ianya juga akan mempercepatkan penggunaan e-Perniagaan, meningkatkan pengurusan rantai nilai dan mengukuhkan pertumbuhan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat ICT. Industri Kecil dan Sederhana juga dapat memperkukuhkan keupayaan operasi melalui penggunaan ICT dengan kos yang rendah.

Kerajaan Negeri akan terus giat mempromosi dan menarik lebih ramai pelabur asing dan tempatan untuk menceburi industri-industri yang berasaskan ilmu pengetahuan (*knowledge-intensive*) dan ICT. Industri multimedia dan animasi serta *Shared Service Outsourcing* merupakan antara bidang yang diberi tumpuan oleh Kerajaan Negeri kerana ia merupakan salah satu bidang pertumbuhan yang berpotensi untuk negeri.

Projek *Wireless@Penang* merupakan antara perancangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kadar penembusan pengguna jalur lebar kepada 50% isi rumah pada penghujung 2010 iaitu selaras dengan sasaran negara. Inisiatif ini juga merupakan salah satu sasaran Kerajaan Negeri untuk meningkatkan daya saing Pulau Pinang serta merapatkan jurang digital di kalangan rakyat Pulau Pinang.

Hasrat Kerajaan Negeri ini disambut baik oleh pihak syarikat telekomunikasi melalui pelancaran 2 projek utama di Pulau Pinang:

- (a) *Penang Free WiFi* oleh jalinan kerjasama antara Syarikat REDtone Telecommunications Sdn. Bhd. dan Syarikat Hotgate Technology (M) Sdn. Bhd. dilancarkan pada 18 September 2008, dan
- (b) *WiMAX@Penang* oleh Syarikat Packet One (P1) Networks (M) Sdn. Bhd. dilancarkan pada 25 September 2008.

Kedua-dua projek ini merupakan inisiatif pihak swasta dan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat-syarikat terlibat.

Projek *Penang Free WiFi* akan menawarkan perkhidmatan capaian Internet tanpa wayar (WiFi) secara percuma kepada rakyat Pulau Pinang. Sebanyak 750 *hotspot* akan dipasang secara berfasa dalam tempoh 15 ke 24 bulan di lokasi-lokasi awam di seluruh Pulau Pinang.

Manakala projek *WiMAX@Penang* lebih fokus dalam menyediakan perkhidmatan capaian Internet tanpa wayar melalui teknologi terkini *WiMAX* yang mempunyai liputan dan kapasiti/*bandwidth* Internet yang lebih tinggi. Perkhidmatan berbayar mampu milik ini disasarkan untuk kegunaan aktiviti-aktiviti yang memerlukan *bandwidth* yang tinggi khususnya di kalangan sektor korporat dan komersial. Di samping itu, projek *WiMAX@Penang* juga akan menyediakan *hotspot-hotspot WiFi* di atas rangkaian *WiMAX* untuk capaian rakyat Pulau Pinang secara percuma dan mudah. Projek *WiMAX@Penang* akan dilaksanakan secara berfasa dalam tempoh 18 ke 24 bulan di lokasi-lokasi yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi di bahagian Pulau dan Seberang Perai.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berpuasa dan berbuka adalah satu ibadat wajib umat Islam. Atas dasar dan sebab apakah kaum bukan Islam dijemput berbuka di masjid.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berpuasa dan berbuka puasa memang merupakan satu ibadat wajib umat Islam. Walau bagaimanapun, kaum bukan Islam juga boleh dijemput untuk berbuka puasa dengan umat Islam bagi memupuk hubungan silaturahmi di kalangan mereka.

Bagi majlis berbuka puasa yang diadakan di masjid, golongan bukan Islam tidak dibenarkan untuk memasuki dewan solat. Mereka hanya dibenarkan untuk berbuka puasa dengan umat Islam di perkarangan masjid.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Nyatakan satu persatu peraturan dan undang-undang dalam urusan pentadbiran masjid dan membaca khutbah. Mengapakah, peraturan tidak diikuti dan membiarkan sesiapa sahaja tanpa watakah pelantikan membaca khutbah sesuka hati. Nyatakan pendirian Kerajaan Negeri dalam hal ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Peraturan bagi urusan pentadbiran masjid dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid Negeri Pulau Pinang 1997. Walau bagaimanapun, dalam peraturan ini tidak digariskan secara terperinci mengenai peraturan membaca khutbah.

Sebagaimana yang telah ditentukan dalam peraturan ini tugas membaca khutbah diletakkan di bawah tugas imam dan bilal yang telah dilantik dan diberi tauliah oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Buat masa ini, MAINPP tidak mensyaratkan seseorang yang hendak membaca khutbah memiliki tauliah khusus. Pengerusi Jawatankuasa Kariah perlu memastikan khatib luar yang dijemput untuk membaca khutbah hendaklah mempunyai tauliah mengajar Agama Islam. Bagaimanapun terdapat Jawatankuasa Kariah Masjid atau pegawai masjid sendiri yang menjemput dan memberi laluan (kebenaran kepada khatib luar untuk membaca khutbah) dan mengimamkan solat Jumaat di masjid mereka. Kerajaan Negeri berpendirian bahawa sesiapa yang hendak membaca khutbah tertakluk kepada kebenaran yang diberi oleh pihak Jawatankuasa Kariah masjid berkenaan. MAINPP wajar mengambil tindakan terhadap Pengerusi dan Pegawai Masjid yang telah memberi kebenaran pada khatib luar yang tidak mempunyai tauliah mengajar agama Islam sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada peraturan berkenaan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Mohon YAB. Ketua Menteri jelaskan apakah yang sebenarnya pemahaman beliau tentang pentadbiran Khalifah Umar Abdul Aziz yang mahu diterapkan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Senaraikan dasar-dasar dan program serta projek Kerajaan Negeri yang mencerminkan pentadbiran Khalifah Umar A. Aziz yang telah, sedang dan dirancang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sememangnya Khalifah Sayidina Umar bin Abdul Aziz adalah antara tokoh pemimpin Islam yang tersohor pernah dilahirkan. Beliau merupakan seorang pentadbir dan pengurus yang adil dan berjiwa rakyat yang sebenar-benarnya.

Antara langkah-langkah yang beliau ambil semasa pemerintahannya adalah merombak semula jentera pentadbirannya dengan memecat para pegawai yang tidak cekap, menyalahgunakan kuasa dan zalim; mengembalikan tanah yang dirampas oleh pihak penguasa secara tidak adil kepada pemiliknya; mengurangkan bebanan cukai; menitikberatkan kebajikan rakyat yang miskin; menumpukan perhatian terhadap meningkatkan ilmu pendidikan di kalangan rakyat; serta melayan rakyat dengan penuh adil tanpa mengira pangkat atau keturunan.

Corak pemerintahan Khalifah Sayidina Umar adalah model yang amat saya kagumi dan boleh diguna pakai sepanjang zaman. Saya amat tertarik dengan corak pemerintahan dan pentadbiran beliau yang berlandaskan konsep amar makruf dan nahi mungkar.

Sesungguhnya, konsep ini hanya boleh dicapai sekiranya hati kita benar-benar ikhlas dan tidak memikirkan kepentingan diri sendiri semata-mata. Sebagai pemimpin yang dipilih oleh rakyat, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk terus membela dan memperjuangkan nasib rakyat jelata “*without fear or favour*”, tanpa mengira status, bangsa, jantina, agama atau kefahaman politik.

Adalah sukar untuk kita mencontohi kesemua langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Khalifah Sayidina Umar, namun perjalanan yang jauh itu harus bermula dengan langkah yang pertama. Kerajaan Negeri Pulau Pinang Pakatan Rakyat amat prihatin terhadap nasib golongan berpendapatan rendah, lebih-lebih lagi di masa keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil dan kenaikan harga barangan keperluan akibat lonjakan harga minyak oleh Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional tidak lama dahulu.

Kerajaan Negeri telah memberikan bantuan sekampit beras kepada setiap keluarga miskin yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, bagi meringankan beban mereka. Ini ditambah dengan pemberian rebet bil air sebanyak RM100 kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM1,500, para penghuni di rumah kos rendah, golongan miskin yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga mereka yang menghuni di Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Kerajaan Negeri Pulau Pinang Pakatan Rakyat akan terus menjadikan konsep CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) sebagai pedoman di dalam melaksanakan tugas seharian. Bagi mengelakkan pembaziran wang rakyat, kerajaan negeri telah membatalkan pembelian 10 buah kereta baru untuk kegunaan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan sebaliknya terus menggunakan kereta yang sedia ada. Malahan Ketua Menteri, Timbalan-timbalan Ketua Menteri dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan sekarang serta para pegawai kanan kerajaan negeri juga hanya menggunakan kelas ekonomi bagi penerbangan domestik dan luar negara bagi menjalankan tugas-tugas rasmi.

Selain itu, sistem tender terbuka telah pun mula dilaksanakan bagi projek-projek kerajaan negeri. Ini secara tidak langsung dapat mengelakkan penyelewengan, penyalahgunaan dan gejala rasuah di kalangan rakyat serta penjawat awam.

Kerajaan Negeri juga telah dan akan terus melakukan penyiasatan, membongkar dan mengambil tindakan terhadap kes-kes penyelewengan tanah yang telah berlaku semasa pemerintahan kerajaan Barisan Nasional. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat juga telah melaksanakan Reformasi Tanah dengan memperkenalkan polisi baru pemilikan tanah bagi mengelakkan perkara yang sama berlaku sekarang.

Langkah-langkah yang disebut di atas telah pun dilaksanakan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang baru menerajui pentadbiran negeri ini tidak sampai pun satu tahun. Saya percaya dengan komitmen yang tinggi daripada para pemimpin politik dan para penjawat awam serta kepercayaan daripada rakyat jelata, kita mampu membebaskan Negeri Pulau Pinang daripada belenggu rasuah, penyelewengan dan kronisme.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Senaraikan nama, alamat dan keluasan tanah dan rumah-rumah ibadat yang telah diluluskan berserta tarikh kelulusan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengikut pecahan agama di seluruh negeri ini pada tahun ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Senarai rumah-rumah ibadat yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui MPPP pada tahun 2008 (setakat bulan September) adalah sepertimana di Lampiran. Bagi tahun 2008, setakat bulan Oktober 2008 Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang permohonan untuk rumah ibadat melalui MPSP.

SENARAI RUMAH IBADAT MENGIKUT PECAHAN AGAMA DI BAHAGIAN PULAU BAGI TAHUN 2008

PELAN BANGUNAN	TARIKH LULUS	KEMAJUAN	PEMILIK	MASJID/SURAU * (METER PER)	TAPAK LAIN-LAIN AGAMA (METER PER)
42922	5/8/2008	Cdgn.meroboh bangunan sediaada & tambahan 2ikt. bangunan (dewan sembahyang & pejabat) dengan 2ikt. bangunan annexe (bilik tamu, caretaker, sembahyang dan aktiviti di Burmah Road, Pulau Pinang.	Tetuan Christian Brethren Of Malaysia Property	0	2280
43550	2/14/2008	Cadangan 1 Blok Rumahpangsas 15 Tingkat (132 Unit) (700 k/p Unit) (5 Unit Akan Diserahkan Kepada Setinggalan) Dan 4 Tingkat Tempat Letak Kereta Berbumbung Di Lintang P. Ramlee, Pulau Pinang	Tetuan EONLITE VENTURES SDN. BHD.,	38.9	64.6
44148	8/14/2008	Cadangan Mendirikan :- 1) 4 Blok 3 Tingkat Yang Mengandungi 86 Unit Kediaman Yang Terdiri Daripada :- a) Blok A - 34 Unit, b) Blok B - 8 Unit, c) Blok C - 37 Unit, d) Blok D - 7 Unit. 2) 1 Unit Rumah Kelab 2 Tingkat, 3) 1 Unit Bangunan Kemudahan Yang Mengandungi Pejabat Pengurusan, Pondok Pengawal, Pencawang TNB & Pusat Pembuangan Sampah, 4) 1 Unit Pencawang TNB Di Tanah Tebusguna, Kawasan Persisiran Pantai Sungai Nibong, Pulau Pinang.	Tetuan C P Landmark Sdn.Bhd	565	792

44178	6/12/2008	Cadangan Mendirikan Rumah Sesebuah 3 Tingkat (3 Unit) Dan Rumah Berkembar 3 Tingkat (28 Unit) Di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Tetuan Airmas Venture Sdn.Bhd	0	828
44280	7/3/2008	Cadangan 1 Blok Rumah Pangsa 12 Tingkat Mengandungi 161 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah Di Bandar Jelutong, Off Jalan Jelutong, Pulau Pinang.	Tetuan Hooi Hwa Development Sdn.Bhd	48.3	0
44611	2/14/2008	Cadangan Pindaan Dan Tambahan Kepada Bangunan Sedia Ada (Yap Temple) No. 71 Lebuh Armenian, Pulau Pinang	Lam Yeong Tong Yap Temple	0	85.08
45280	6/26/2008	Cadangan Skim Perumahan Terdiri Daripada J : 1 Blok Medan Makan, Pasar Dan Ruang Kereta 7 Tingkat Di Jalan Teluk Kumbar, Pulau Pinang	Tetuan TPPT Sdn. Bhd.	30.96	0
MPPP/OSC/PB(60)/07(LB)	2/21/2008	Cadangan Untuk Mendirikan :- (a) Blok A : 19 Tingkat Rumah Pangsa Kos Rendah Yang Terdiri Daripada 306 Unit Rumah Kediaman (650kp) & Dewan Serbaguna Di Tingkat Bawah, (b) Blok B : 19 Tingkat Rumah Pangsa Kos Rendah Yang Terdiri Daripada 306 Unit Rumah Kediaman (650kp), 1 Unit Pejabat Pengurusan & 1 Unit Kedai Di Tingkat Bawah, (c) Sebuah Surau 2 Tingkat, (d) Sebuah Tapak Penjaja Di Lengkok Nipah 3, Pulau Pinang.	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.	564.88	183.6
MPPP/OSC/PB(213)/07(LB)	6/12/2008	Cadangan Membina :- Townhouse 3-4 Tingkat (116 Unit), 1 Blok Pangsapuri 20 Tingkat Yang Mengandungi :- Rumah Pangsa Kos Sederhana (133 Unit, 699kp/unit), Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah (123 Unit, 699kp/unit), 4 Tingkat Podium Termasuk Kemudahan Masyarakat Dan Tempat Letak Kenderaan Di Jalan Paya Terubong, Pulau Pinang	Jiran Ikhlas Sdn. Bhd.	136	284
MPPP/OSC/PB(220)/07(LB)	6/5/2008	Kerja-Kerja Telah Dijalankan Untuk Pindaan Dan Tambahan Kepada Bangunan Hotel 5 Tingkat Sedia Ada : Tingkat Bawah :- (i) Batalkan Dapur, Kantin Pekerja, bar Lounge & Diganti Dengan 17 Bilik Hotel, (ii) Rumah Sedia Ada No. 330 Ditukar Kepada SPA, (iii) Pengubahsuaian Kolam Renang/Kawasan Rekreasi Sedia Ada, Tingkat 5 :- (i) Batalkan 6 Bilik Sedia Ada & Diganti Dengan Kelab Hiburan, (ii) Tambahan 10 Bilik Hotel Baru, Cadangan 1 Blok Bangunan Hotel 5 Tingkat (49 Bilik) Dan 1 Blok Bangunan 2 Tingkat Pejabat/Cafetaria/restoran Di Bandar atu Ferringhi, Pulau Pinang	Palmco Hotels Sdn. Bhd.	25.96	0
MPPP/OSC/PB(255)/07(LB)	6/12/2008	Cadangan Pindaan Kepada BP 44182 Untuk Meminda : 1 Blok Rumah Pangsa 24 Tingkat Kos Sederhana Rendah - 376 Unit (650 k.p-288 Unit & 700 k.p- 88 Unit) Terdiri Dari 4 Tingkat Podium Tempat Letak Kereta Dengan 24 Unit Kedai Di Tingkat 1 Kepada : 1 Blok Rumah Pangsa 26 Tingkat Kos Sederhana Rendah - 420 Unit (650 k.p-320 Unit & 700 k.p- 100 Unit) Terdiri Dari 4 Tingkat Podium Tempat Letak Kereta Dengan 24 Unit Kedai Di Tingkat 1 Di Jalan Perak, Bandar Jelutong, pp	Tetuan Regata Maju Sdn. Bhd.	63.42	126.07

PELAN BANGUNAN	TARIKH LULUS	KEMAJUAN	PEMILIK	MASJID/SURAU * (METER PER)	TAPAK LAIN-LAIN AGAMA (METER PER)
MPPP/OSC/PB (256)/07(LB)	6/12/2008	Cadangan Membina Rumah Teres 2 Tingkat (a) Jenis A (28 Unit), (b) Jenis B (18 Unit) Dan Rumah Teres 3 Tingkat (a) Jenis A (29 Unit), (b) Jenis B (19 Unit) Di Jalan Dato' Ismail Hashim/Jalan Tun Dr. Awang, Pulau Pinang	Tetuan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad	6410.16	832.34
MPPP/OSC/PB (212)/07/SRT-7(5)	2/14/2008	Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan Bagi Cadangan Membina : (1) 1 Blok Pangsapuri 15 Tingkat Mengandungi Jenis A, Jenis B (50 Unit), Jenis C (24 Unit) & Jenis D (24 Unit), (2) Kedai Pejabat 2 Tingkat (14 Unit), (3) Kemudahan (Surau, Pusat Masyarakat, Kawasan Lapang, Kolam Renang, Rumah Kelab, Gimnasium, Blik Mekanikal & Rumah Elektrikal) Di Jalan Williams, Bandar Jelutong, pp. MPPP/OSC/PB(212)/07/SRT-7(5)	Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad	77.25	0
MPPP/OSC/PB (304)/07(LB)	6/12/2008	Cadangan Untuk Mendirikan Bangunan Gudang Jualan Sementara 2 Tingkat Di Jalan Thein Teik, Bandar Baru Air Itam, Pulau Pinang	Tetuan Sunshine Amanjaya Sdn. Bhd.	57.8	0
MPPP/OSC/PB (339)/07(LB)	6/26/2008	Cadangan Untuk Membina :- (A) Rumah Berkembar 3 Tingkat (44 Unit), (B) 1 Blok Kondominium 32 Tingkat (112 Unit) & 1 Blok Tempat Letak Kereta 4 Tingkat Di Bandar Batu Ferringhi, Pulau Pinang (BAYU FERRINGHI)	Tetuan Plenitude Heights Sdn. Bhd.	0	100
MPPP/OSC/PB (342)/07	8/28/2008	Cadangan Tambahan 1 Tingkat Tempat Letak kereta Kepada Cadangan 1 Blok Rumah Pangsa 12 Tingkat Mengandungi 161 Unit Rumah Pangsa LMC (BP No. 44280 - Lulus Pada 31/05/2007) Di Bandar Jelutong Off Jalan Jelutong, Pulau Pinang	Tetuan Hooi Hwa Development Sdn. Bhd.	48.3	0
MPPP/OSC/PB (350)/07(LB)	7/10/2008	Cadangan Pindaan Dan Tambahan Kepada Pelan Bangunan No. 44018(LB): PARCEL A : Tambahan 1 Paras 'Split' TLK (134 Bays) Ke Atas 1 Blok 3 Paras 'Split' TLK Dengan Ruang Rekreasi Di Bumbung Dan 1 Plot Tapak Ibadat Lain-Lain Agama, PARCEL C : Tambahan 1 Paras 'Split' TLK (65 Bays) Ke Atas 1 Blok 4 Paras 'Split' TLK Dengan Ruang Rekreasi Di Bumbung, 2 Blok 18 Tingkat Rumah Pangsa LMC (701 Unit - 630 kp) Dengan Kemudahan Masyarakat & Surau Di Persiaran Paya Terubong 3 / Persiaran Paya Terubong 4, pp	Chong Company Sdn. Bhd.	106	0
MPPP/OSC/PB (353)/07(LB)	9/18/2008	Cadangan Pemajuan Perumahan Kos Rendah Yang Mengandungi :- (A) 1 Blok 9 Tingkat (190 Unit) Rumah Pangsa Kos Rendah (Blok A), (B) 1 Blok 9 (170 Unit)Tingkat Rumah Pangsa Kos Rendah (Blok B) Di Persiaran Kelicap, pp	Setia Promenade Sdn. Bhd.	72	0
MPPP/OSC/PB (357)/08(LB)	8/6/2008	Cadangan Membina : BLOK A1 :- 1 Blok Kompleks Komersial 28 Tingkat Terdiri Daripada Ruang-Ruang Komersial & 2 Tingkat Basemen Tempat Letak Kenderaan, BLOK A2 :- 1 Blok 3 Tingkat Kedai / Pejabat Di Jalan Mahsuri, Pulau Pinang	Fujasa Property Sdn. Bhd.	49.78	0

PELAN BANGUNAN	TARIKH LULUS	KEMAJUAN	PEMLIK	MASJID/SURAU * (METER PER)	TAPAK LAIN-LAIN AGAMA (METER PER)
MPPP/OSC/PB (390)/08(LB)	7/3/2008	Cadangan Pindaan Dan Tambahan Kepada Pelan Bangunan No. BP. 36198(LB) Daripada 6 Tingkat Kepada 7 Tingkat Bangunan Ruang Perniagaan / Pejabat Dan 2 Tingkat Basemen Tempat Letak Kereta Di Jalan Mayang Pasir 1, Pulau Pinang	Interglobal Resources Sdn. Bhd.	6.6	0
PPP/OSC/PB (455)/08(LB)	7/29/2008	Kerja-Kerja Telah Dijalankan Untuk Pindaan Dan Tambahan Kepada Pelan bangunan No. 42767(LB) Yang Diluluskan Pada 27/10/04 Untuk Skim Perumahan Terdiri Daripada :- (c) Rumah Teres 2 Tingkat (86 Unit) Di Jalan Teluk Kumbang, Pulau Pinang	Tetuan TPPT Sdn. Bhd.	0	828
MPPP/OSC/PB (439)/08(LB)	3/6/2008	Pindaan Kecil Dan Tambahan Kepada Pelan Bangunan Telah Lulus No. 43105(LB) Pada 12/12/05 Untuk Cadangan Pembangunan Perumahan Yang Terdiri Daripada :- (1) 1 Buah Bangunan Kemudahan Masyarakat 1 Tingkat - Pindaan Lokasi Kepada Bangunan Berlulus, Lokasi Surau, Ketinggian Keseluruhan Bangunan, Dinding 'Retaining Wall' & Pandangan Bangunan Di Solok Paya Terubong 3, Pulau Pinang	Geduri Sdn. Bhd.	43	0
MPPP/OSC/PB (508)/08(LB)	9/25/2008	Cadangan Membina 140 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat Di Jalan Loh Poh Heng, Bandar Tanjung Bunga, Pulau Pinang	Tetuan Taman Sri Bunga Sdn. Bhd.	209.9	0
MPPP/OSC/PB (510)/08(LB)	8/6/2008	Cadangan Membina & Menyiapkan Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Pondok Upeh Yang Mengandungi :- (a) Blok Pentadbiran 3 Tingkat, (b) Blok Akademik A & B 4 Tingkat (24 Bilik Darjah), (c) Blok Bengkel 4 Tingkat, (d) Blok Makmal 3 Tingkat, (e) Kantin 1 Tingkat, (f) Dewan Serbaguna 1 Tingkat, (g) Sebuah Pencawang TNB, (h) Pondok Pengawal, (i) Depo Sampah, (j) Rumah Pam (Hosereel) & (k) Rumah Pam PBA Di Jalan Balik Pulau, Balik Pulau, Pulau Pinang	Kementerian Pelajaran Malaysia	171	0
MPPP/OSC/PB (538)/08(LB)	9/25/2008	Kerja-Kerja Telah Dijalankan Untuk Pindaan Dan Tambahan Kepada Pelan bangunan Yang Telah Diluluskan No. 43743 (LB) Untuk Merobohkan 22 Unit Rumah Sedia Ada & Membina 1 Blok Kedai/Pejabat 3 Tingkat & 1 Tingkat (56 Unit) Dengan Sebahagian Tempat Letak Kenderaan Di Paras 1, 2 & 3 Bersambungan Dengan : (A) 1 Blok Podium 2 Tingkat Tempat Letak Kenderaan Dengan Kemudahan Rekreasi, (B) 1 Blok Pangsapuri 9 Tingkat (Jenis 1) (32 Unit), (C) 1 Blok Pangsapuri 8 Tingkat (Jenis 2) (32 Unit), (C) 1 Blok Pangsapuri 21 Tingkat (Jenis 3) (193 Unit) Kepada : Cadangan Merobohkan 22 Unit Rumah Sedia Ada & Membina 1 Blok Kedai/Pejabat 3 Tingkat Dan 1 Tingkat (62 Unit) Dengan Sebahagian Tempat Letak Kenderaan Di Paras 1 & 2 Dengan (A) 1 Blok Podium 3 Tingkat Tempat Letak Kenderaan Dengan Kemudahan Rekreasi, (B) 1 Blok Pangsapuri 9 Tingkat (Jenis 1) (32 Unit), (C) 1 Blok Pangsapuri 8 Tingkat (Jenis 2) (32 Unit), (C) 1 Blok Pangsapuri 21 Tingkat (Jenis 3) (193 Unit) Di Jalan Bukit Gambir, Pulau Pinang.	Cygal Properties Sdn. Bhd.	129	129
* Nota: Disediakan sama ada di dalam bangunan atau penyediaan tapak sahaja.			JUMLAH	10689.87	7575.96

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri yang telah diambil dan dirancang dalam mewujudkan sebuah pembangunan yang lestari (*sustainable development*) di negeri ini. Senaraikan dan berikan justifikasinya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pembangunan di Negeri Pulau Pinang kini berpandukan kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020) yang telah digazet pada 28 Jun 2007. Dalam dokumen tersebut sememangnya pembangunan lestari ditekankan bukan sahaja untuk alam sekitar tetapi juga untuk perancangan sumber manusia. Arah tuju pembangunan negeri adalah berasaskan pembangunan lestari dan ini dijelaskan dalam Bahagian 2.5.9 dokumen RSNPP tersebut seperti berikut:

Bahagian 2.5.9 : Pembangunan Guna Tanah Dan Pemeliharaan Alam Sekitar Yang Seimbang.

Pembangunan lestari adalah antara agenda yang disasarkan oleh RSNPP di dalam menangani isu tekanan pembangunan di luar kawasan keutamaan pembangunan dan ancaman pembangunan terhadap Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). Kepesatan pembangunan Negeri Pulau Pinang secara langsung dan tidak langsung telah mengubah struktur dan pola guna tanah serta alam sekitar negeri. Perubahan yang ketara ialah peningkatan keluasan guna tanah tepu bina dan pengurangan keluasan guna tanah pertanian, perhutanan dan perkampungan. Bagi memastikan perubahan guna tanah yang mapan, pembangunan guna tanah dan sumber jaya negeri perlu dirancang dengan teliti. Di antara prinsip yang digariskan dalam RSNPP untuk perhatian dan tindakan Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

- (i) Penggunaan tanah negeri yang optimum ke arah mencapai guna tanah yang mapan;
- (ii) Menangani nilai tanah yang tinggi;
- (iii) Pengekalan dan pemeliharaan kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) dan kawasan sumber semula jadi;
- (iv) Peningkatan kualiti air di semua lembangan sungai Negeri Pulau Pinang;
- (v) Peningkatan kualiti air marin dalam menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan dan industri perikanan tempatan; dan

(vi) Peningkatan Sistem Pelupusan Sisa Pepejal dan Sisa Industri Berjadual

Antara dasar-dasar RSNPP yang menyentuh pembangunan lestari pula ialah Dasar Sektor (DS4) Strategi Pembangunan Mapan Akan Dilaksanakan Bagi Mencapai Agihan Penduduk Yang Seimbang. Setiap dasar akan diterjemahkan kepada beberapa langkah dan salah satu langkah bagi dasar ini ialah DS4L1 – iaitu menggalakkan pertumbuhan penduduk Negeri Pulau Pinang bagi mencapai unjuran penduduk seramai 1.6 juta orang pada tahun 2010 dan 2 juta orang pada tahun 2020 melalui:-

- Agihan 45 peratus di bahagian Pulau dan 55 peratus di Seberang Perai pada tahun 2010 dan 40 peratus di bahagian Pulau serta 60 peratus di Seberang Perai pada tahun 2020; dan
- Menggalakkan dan meningkatkan pertumbuhan pembangunan di koridor-koridor pembangunan yang telah dikenal pasti. Bagi sektor alam sekitar, banyak dasar telah digubal dan di antaranya ialah DS55 iaitu pembangunan secara mapan bagi memastikan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan kepentingan alam sekitar terjamin. Sebanyak 13 langkah telah digariskan untuk menterjemahkan dasar ini dan semua ini terkandung dalam RSNPP 2020.

Berdasarkan kepada dasar yang digariskan dalam RSNPP 2020 tersebut, Kerajaan Negeri sedang meneliti dan memberi perhatian ke atas usaha-usaha berikut:

- (i) Faktor alam sekitar akan terus disepadukan dalam setiap perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan yang melibatkan guna tanah;
- (ii) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan memperkemas garis panduan pembangunan tanah yang spesifik bagi membolehkan pemaju melaksanakan projek pembangunan dengan sempurna;
- (iii) Input alam sekitar akan terus diambil kira untuk memastikan pelaksanaan pelan perancangan pembangunan projek kecil yang tidak memerlukan kajian Laporan Impak Alam Sekitar (EIA). Projek yang berkemungkinan menyebabkan pencemaran alam akan ditempatkan jauh dari kawasan sensitif dan langkah kawalan untuk mencegah dan meminimumkan pencemaran alam sekitar akan diambil kira;
- (iv) Syarat-syarat kelulusan Laporan EIA juga akan diperketatkan bagi projek-projek pembangunan yang berisiko tinggi terhadap alam sekitar; dan

- (v) Mengambil langkah pencegahan awal dan melaksanakan prinsip berhati-hati dalam menangani isu pengurusan alam sekitar dan sumber asli yang mapan seperti berikut:
 - (a) mengurangkan bahan pencemaran dan sisa daripada aktiviti perbandaran dan perindustrian untuk menangani pencemaran udara, mengatasi kemerosotan kualiti air dan pelupusan sisa;
 - (b) menggalakkan pihak industri mengambil langkah pengawal-aturan sendiri;
 - (c) menggalakkan pengukuran prestasi alam sekitar dan memperkukuh pangkalan data bagi membuat keputusan tentang alam sekitar; dan
 - (d) mempertingkatkan perancangan guna tanah, pemuliharaan kepelbagaian biologi dan pengurusan hutan yang mapan serta pengurusan hal-ehwal laut.

Pada masa ini, Kerajaan Negeri akan mengawal pembangunan dan mencegah pencemaran mengikut undang-undang dan keperluan lain serta menambah baik program alam sekitar secara berterusan untuk menjadikan negeri yang bersih, indah dan bebas daripada pencemaran. Langkah awal ini telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan mengguna pakai sistem MS ISO 14001:2004. Antara peranan yang dimainkan oleh PBT di bawah MS ISO ini adalah:

- (i) Meningkatkan kesepakatan komuniti untuk penambahbaikan alam sekitar secara berterusan;
- (ii) Memantau *effluent* mengikut standard yang ditetapkan;
- (iii) Melaksanakan pengurusan sisa pepejal yang teratur;
- (iv) Melaksanakan program pengindahan secara berterusan dan komprehensif;
- (v) Merancang, mengawal dan melaksanakan pembangunan infrastruktur bersesuaian dengan kehendak alam sekitar; dan
- (vi) Mematuhi undang-undang dan garis panduan alam sekitar.

Pelaksanaan program pengawasan dan penguatkuasaan daripada punca pencemaran seperti pelepasan *effluent* industri, pelepasan pencemar udara dan kawalan buangan terjadual juga sentiasa dilakukan secara berkala. Selain itu, zon penamparan antara kawasan industri dan kawasan penempatan yang dirancang akan dipastikan mempunyai jarak yang

mencukupi supaya kacau ganggu seperti pencemaran bau, bunyi dan pencemaran lain dapat dielakkan. Di samping itu, program pemantauan status kualiti udara, air sungai dan air marin akan dipastikan ia di laksana seperti biasa.

Kerajaan Negeri juga sentiasa memberi komitmen yang tinggi dalam aktiviti menambah kehijauan di negeri ini. Pelbagai kajian telah dibuat yang menunjukkan impak positif penanaman pokok teduhan bagi mengurangkan impak Green House Gas. Pokok teduhan terutama daripada jenis hutan tropika bertindak mengurangkan suhu (*climate*) melalui penyerapan gas karbon dioksida dari atmosfera. Proses transpirasi yang membebaskan wap air ke udara seterusnya menambahkan bilangan awan, serta menyerap pantulan cahaya matahari terik. Atas sebab inilah Kerajaan Negeri akan memastikan semua program penghijauan yang dijalankan oleh agensi kerajaan sebelum ini dibuat secara berterusan. Di antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Program penanaman pokok di Kawasan tanah lapang Tingkat Permai, Gelugor bersama kilang Agilent Technologies dan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang;
- (ii) Program penanaman pokok kelapa di pembahagi Jalan Batu Feringghi (di hadapan hotel dan di kawasan pantai Tanjung Bungah) bersama pihak Hotel Sandy Beach Paradise, Crown Prince Jewel, Park Royal dan Sekolah Antarabangsa Dalat;
- (iii) Program penanaman pokok kelapa dan bunga raya di kawasan pantai Hotel Golden Sands, Batu Feringghi; dan
- (iv) Penanaman pokok bunga raya di kawasan Zon Perindustrian Bebas bersama kakitangan kilang berhampiran dan kakitangan jabatan kerajaan.

Dalam mewujudkan sebuah pembangunan yang lestari (*sustainable development*), Kerajaan Negeri sebenarnya telahpun mengintegrasikan dimensi alam sekitar dalam setiap perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan di negeri ini. Kelulusan sesuatu projek akan mengambil kira penilaian impak projek tersebut kepada alam sekitar, guna tanah sekitarnya serta RSNPP 2020.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Senaraikan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan tidak berlakunya banjir kilat di negeri ini. Berapakah kos yang telah diperuntukkan untuk tujuan ini, mengikut pecahan daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan tidak berlakunya banjir kilat adalah dengan menyalur peruntukan bagi pihak jabatan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan membaik pulih sistem perparitan sehingga ke sungai. Kos yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan ini mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:

(i) Belanja Mengurus Saliran & Sungai

Daerah Timur Laut	-	RM736,980.00
Daerah Barat Daya	-	RM1,000,000.00
Seberang Perai Utara	-	RM3,550,000.00
Seberang Perai Tengah	-	RM1,500,000.00
Seberang Perai Selatan	-	RM1,100,000.00

(ii) Projek Mendalam & Membaiki Sungai (Peruntukan Pembangunan Negeri)

Daerah Timur Laut	-	RM410,000.00
Daerah Barat Daya	-	RM200,000.00
Seberang Perai Utara	-	RM230,000.00
Seberang Perai Tengah	-	RM100,000.00
Seberang Perai Selatan	-	RM520,000.00

(iii) Projek Pencegahan Banjir (Peruntukan Pembangunan Negeri)

Daerah Timur Laut	-	RM300,000.00
Daerah Barat Daya	-	RM70,000.00
Seberang Perai Utara	-	RM100,000.00
Seberang Perai Tengah	-	RM100,000.00
Seberang Perai Selatan	-	RM275,000.00

- (iv) Projek Pemulihan Banjir (Peruntukan Caruman Saliran Negeri yang diluluskan pada 23 September 2008)

Daerah Timur Laut	-	RM850,000.00
Daerah Barat Daya	-	RM170,000.00
Seberang Perai Selatan	-	RM200,000.00

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Senaraikan usaha-usaha promosi dan pemasaran pelancongan yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri di dalam dan luar negeri; perincian lokasi dan kos.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri setakat ini telah menjalankan usaha-usaha promosi dan pemasaran pelancongan di dalam dan di luar negeri melalui aktiviti di antaranya :
- (i) Penerbitan risalah-risalah pelancongan;
 - (ii) Mengambil ruang iklan dalam majalah tempatan dan juga luar negara;
 - (iii) Mengiklankan produk pelancongan dalam laman web;
 - (iv) Menganjurkan program lawatan serta keraian bagi agensi-agensi pelancongan dan para penulis pelancongan;
 - (v) Mengambil bahagian dalam pameran pelancongan tempatan seperti Pameran MATTA (Malaysia Tours & Travel Association) di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor; Pameran MATF (Malaysia Airlines Travel Fair) anjuran Malaysia Airlines; acara promosi makanan dan kebudayaan Citra Warna anjuran Tourism Malaysia 2008 dengan kerjasama Hotel Legend dan Pameran Nepcon di PISA. Manakala di peringkat antarabangsa pula seperti AITE (Asia Incentive & Exhibition) Australia; ITB Berlin, Germany; ATM (Arab Travel Mart) Dubai, UAE; NATAS Fair Singapore; IMTGT Songkla, Thailand; Medan Fair 2008 Indonesia; WTM (World Travel Mart) London, UK dan Discover Thailand & Discover World 2008, Bangkok.

Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut :

- (i) MATTA (Malaysia Tours & Travel Association) Kuala Lumpur = RM8,067.90
- (ii) AITE (Asia Incentive & Exhibition) Australia = RM32,573.45
- (iii) ITB Berlin, Germany = RM35,545.66
- (iv) ATM (Arab Travel Mart) Dubai, UAE = RM23,077.26
- (v) NATAS Fair Singapore = RM19,847.15
- (vi) IMTGT Songkla, Thailand = RM3,326.25
- (vii) Medan Fair 2008 Indonesia = RM8,532.64
- (viii) Discover Thailand & Discover World 2008, Bangkok = RM16,333.00
- (ix) WTM (World Travel Mart) London, UK = RM17,320.00

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Terdapat pembangunan baru di Balik Pulau. Apakah tindakan yang telah diambil dan dirancang oleh pihak kerajaan dalam memastikan sumber tanah untuk tujuan menambun diambil dari sumber yang sah di kawasan Balik Pulau. Nyatakan secara terperinci, nombor lot tanah, keluasan dan jumlah anggaran sumber tanah boleh ambil/pindah, yang telah diluluskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Adalah dimaklumkan bahawa setakat ini tiada kawasan yang dirancang/dikhaskan untuk mendapatkan sumber tanah yang boleh diambil/pindah bagi tujuan pengeluaran tanah untuk projek-projek pembangunan di Daerah Barat Daya. Sebarang urusan untuk mendapatkan bekalan tanah merah adalah menjadi tanggungjawab pemaju sendiri untuk mendapatkan kelulusan serta memperolehi permit 4C daripada Pentadbir Tanah bagi tujuan tersebut.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Berapakah jumlah tanah yang diperlukan untuk menyediakan tapak pembangunan *The Lights*, dan berapakah keluasan kawasan yang akan ditambah serta nyatakan sumber-sumber tanah itu diambil berserta surat kelulusan pihak berkuasa. Perincikan komponen pembangunan tersebut. Apakah akan terjadi kepada jeti dan nasib nelayan di kawasan itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Projek *The Light* merupakan sebahagian daripada keseluruhan projek penswastan yang telah dan akan dilaksanakan di kawasan tebus guna Jelutong oleh Jelutong Development Sdn. Bhd. Ianya merupakan sebahagian daripada kawasan seluas 324.9 ekar yang telah diberikan hak menebus guna dan membangunkan projek pembinaan bercampur pihak Kerajaan Negeri kepada pihak Jelutong Development Sdn Bhd. yang dipersetujui pada 22 April 1997.

Tapak cadangan pembangunan *The Light* adalah seluas 113.27 ekar mengikut pelan induk pembangunan kawasan tebus guna Jelutong yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 7 Mei 2008. Komponen pembangunan yang telah diluluskan ialah:-

Pangsapuri : 1602 unit
Perdagangan : 31.79 ekar dengan plot ratio antara 1:3.7 dan 1:4.3
Sea Front Park : 5.20 ekar
Marina : 2.2 ekar
Hotel : 4.62 ekar
Kawasan Lapang : 3.57 ekar
Promenade

Sumber pasir yang digunakan oleh pihak Jelutong Development Sdn Bhd bagi kerja-kerja tebus guna diambil dari Tanjung Dawai, Kedah iaitu melalui kelulusan dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Kerja-kerja tebus guna bagi projek *The Light* sememangnya melibatkan pemindahan nelayan iaitu dari Unit Sg Gelugor. Kerajaan Negeri telah memberi pampasan kepada nelayan yang terlibat dengan setiap tekong menerima RM11,000 dan awak-awak sebanyak RM1,000 setiap orang. Selain itu pihak Jelutong Development Sdn. Bhd. telah membina satu jeti kekal di kawasan Jelutong bagi memindahkan semua nelayan yang terlibat dengan projek JEWay. Pembinaan jeti kekal telah dibuat dengan persetujuan Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang bertindak bagi pihak dan mewakili semua nelayan yang terlibat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sila nyatakan skop dan jenis penyelidikan/kajian sosio-ekonomi yang sedang dijalankan, sedang dirancangan bagi Negeri Pulau Pinang, sama ada diinisiasikan oleh peringkat Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan. Apakah pecahan perbelanjaan bagi setiap kajian dan siapakah/syarikat manakah yang menjalankan kajian/penyelidikan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Buat masa kini, terdapat tiga kajian sosioekonomi yang masih berjalan. Hanya satu daripadanya diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu Kajian *Transport For The Disabled* dijalankan oleh Pasukan Kajian *United Nations Development Programme* (UNDP) dengan kerjasama Kerajaan Negeri. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah merancang dan memohon peruntukan untuk menjalankan beberapa kajian sosioekonomi pada tahun 2009.

Butiran kajian, skop kajian, konsultan dan kos kajian adalah seperti di Jadual di bawah:-

JADUAL

Kajian yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri.

Bil.	Kajian	Skop Kajian	Konsultant	Kos Kajian (RM)	Perbelanjaan Sehingga 31 Oktober 2008 (RM)
1.	Kajian Membangunkan Pangkalan Data Pengusaha Industri Asas Tani (IAT) Pulau Pinang	Mewujudkan satu pangkalan data pengusaha industri asas tani Pulau Pinang untuk tujuan perancangan dan pembangunan masa hadapan.	Universiti Sains Malaysia	61,920.00	61,920.00
2.	Kajian Murid-Murid Sekolah Rendah Yang Menghadapi Masalah Emosi dan Tingkah Laku	Mengkaji masalah dan implikasi gangguan emosi dan salah laku terhadap murid-murid sekolah rendah dan menengah di negeri Pulau Pinang. Juga menghasilkan strategi penyelesaian jangka pendek dan panjang dan panduan profail untuk guru-guru menangani pelajar-pelajar ini.	Universiti Utara Malaysia	41,600.00	24,960.00
3.	Kajian UNDP – Transport For The Dissabled: Support of The Development of Accessible Transport in Penang	Mengkaji pengintegrasian pembangunan dengan kemudahan sistem pengangkutan yang bersepadu dan sesuai untuk diakses oleh OKU di Pulau Pinang.	UNDP	1,626,084.00	124,294.84

Kajian yang telah dirancang dan dipohon peruntukannya untuk dijalankan pada tahun 2009.

Bil.	Kajian	Konsultant	Kos Kajian Yang Telah Dipohon(RM)
1.	Kajian Indeks Kualiti Hidup Negeri Pulau Pinang	Belum ditentukan	100,000.00
2.	Kajian Bagi Mengenalpasti dan Meningkatkan Aktiviti Hulan dan Hiliran dalam Sektor Pertanian di Pulau Pinang	Belum ditentukan	170,000.00
3.	Kajian Impak Ekonomi Pulau Pinang bagi Sektor Perikanan Pantai dan Sungai	Belum ditentukan	160,000.00
4.	Pelan Pembanginan Agro-Pelancongan di atas Tapak Pertanian Relau	Belum ditentukan	200,000.00
5.	Kajian Pengiraan KDNK Negeri Pulau Pinang	Belum ditentukan	687,500.00
6.	Kajian Pelancongan Pulau Pinang	Belum ditentukan	150,000.00

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Sila perincikan jumlah laporan Environmental Impact Assesment (EIA) yang telah dikemukakan, diluluskan dan tidak diluluskan mengikut daerah dan jenis aktiviti bagi Pulau Pinang bagi tahun 2006, 2007 dan 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Jumlah Laporan *Environmental Impact Assesment* (EIA) yang telah dikemukakan, diluluskan dan tidak diluluskan mengikut daerah dan jenis aktiviti di Pulau Pinang bagi tahun 2006, 2007 dan 2008 adalah seperti di Lampiran A yang dikepilkan.

Lampiran kepada Soalan YB. MFS (soalan No. 21)

РЭСЯНН ЛАРОБАН ОИЯ ЖЕНГИКЪТЪН

БИРЯН	АКЛУМ	2006			2007			2008		
		БИЛ ЛАРОБАН	ДОЛАК	ЛУЛУС	БИЛ ЛАРОБАН	ДОЛАК	ЛУЛУС	БИЛ ЛАРОБАН	ДОЛАК	ЛУЛУС
7	Рекстахан (50 Мекка Ярак Левих)	7	1	6	3	2	1	0	0	0
8 (a)	Индустри Киита (Ренселмаан 100 Тан/Хани)				2	0	2	0		
9 (b)	Ремвагинил Кам. Индустри Себерхана	1		1	1	0	1	2	1	1
	Дан Белат (50 Мекка Ярак Левих)									
9 (c)	Ремваан Левихава Баллак	1		1	1	0	1	1	0	1
9 (e)	Ремваан Баллак-Баллак Бару	1		1				1	0	1
10 (c)	Ремваан Релавихан	1		1	2	0	2			
11 (c)	Ремваан Раса							1	1	0
14	Киити	4	3	1	8	2	6	7	2	5
17 (a)	Ремваан Кемидакан Темпат Реланган				6	2	4	3	0	3
	Дикаман Ралат									
18 (a) (ii)	Ремваан Лол Рилжигина Луар Барак	4	1	3	11	1	10	7	3	4
	Бианган Белладуа									
18 (a) (i)	Ремваан Лол Реланган Бианган Белладуа	1		1	1	0	1			
		20	5	15	35	7	28	22	7	15

РЭСЯНН ЛАРОБАН ОИЯ ЖЕНГИКЪТЪН ДАЕРЯХ

ДАЕРЯХ	БИЛАНГАН ЛАРОБАН 2006			БИЛАНГАН ЛАРОБАН 2007			БИЛАНГАН ЛАРОБАН 2008		
Северанг Ренат Ушара		2			1			1	
Северанг Ренат Бенгах		11			17			10	
Северанг Ренат Селатан		1			1			6	
Даенан Барат Daya		1			7			2	
Даенан Битур Laut		5			9			3	

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Sila nyatakan langkah-langkah penjimatan belanja pengurusan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri dan jumlah penjimatan yang telah berjaya dijalankan secara pengurusan dan pentadbiran. Sila nyatakan secara terperinci, apakah yang telah dirancang dan ke manakah penjimatan tersebut akan disalurkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil 11 Tahun 2008 telah menggariskan 13 Perkara Penting sebagai satu Arahan Penjimatan. Perkara-perkara tersebut ialah :
- (i) Digalakkan menggunakan perjalanan udara tambang murah dengan bayaran tunai atau kad kredit dan membuat tuntutan bayaran balik.
 - (ii) Pegawai yang layak kelas satu digalakkan menggunakan kelas ekonomi.
 - (iii) Perjalanan keluar negara perlu mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan.
 - (iv) Perjalanan keluar negara hendaklah menggunakan penerbangan MAS dan penggunaan perkhidmatan syarikat lain perlu mendapat kelulusan daripada JPM terlebih dahulu.
 - (v) Mengadakan kursus/ bengkel/ seminar hendaklah menggunakan bangunan dan kemudahan sedia ada milik kerajaan dan tidak di hotel.
 - (vi) Perbelanjaan makan dan minum bagi majlis rasmi kerajaan hendaklah dibuat secara sederhana dan dengan kadar kelayakan yang dibenarkan.
 - (vii) Pembekalan pakaian untuk majlis-majlis rasmi tidak dibenarkan.
 - (viii) Penggunaan kenderaan persendirian bagi menjalankan tugas rasmi tidak digalakkan dan hendaklah menggunakan kenderaan rasmi jabatan.
 - (ix) Penggunaan utiliti seperti telefon, air dan bekalan elektrik hendaklah dijimatkan.
 - (x) Ubahsuai pejabat dan perpindahan ke pejabat baru adalah ditangguhkan.

- (xi) Pembelian aset adalah dibekukan dan bekalan pejabat hendaklah dijimatkan.
- (xii) Pewujudan jawatan baru, pengambilan secara kontrak tidak dibenarkan.
- (xiii) Kadar bayaran elaun kepada pengerusi dan ahli mesyuarat lembaga di Badan Berkanun hendaklah dikurangkan.

Peraturan ini harus dikaji sekiranya perubahan boleh menjimatkan lagi perbelanjaan kerajaan negeri.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Sila nyatakan pecahan jumlah nelayan berdasarkan bangsa, dan daerah dan sila nyatakan pertubuhan/persatuan/koperasi yang mewakili/dianggotai oleh nelayan dan purata pendapatan mereka. Apakah dasar-dasar dan langkah-langkah Kerajaan Negeri yang diambil bagi memastikan kerjaya mereka ini tidak pupus dan nasib mereka dibela dan tidak ditelan oleh pembangunan terutamanya di persisiran pantai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Jumlah bilangan nelayan yang bekerja di atas vesel berlesen pada tahun 2007 ialah seramai 3,193 orang. Pecahan mengikut bangsa dan daerah adalah seperti berikut:-

Pulau Pinang						
Bilangan Nelayan Yang Bekerja Di atas Vesel-Vesel Berlesen Mengikut Keturunan Dan Daerah 2007						
Daerah	Keturunan	Melayu	China	India	Lain-lain	Jumlah
SEBERANG PERAI UTARA		390	178	7	0	575
SEBERANG PERAI TENGAH		140	60	0	0	200
SEBERANG PERAI SELATAN		140	399	9	30	578
TIMUR LAUT		334	345	47	30	756
BARAT DAYA		354	423	0	307	1084
JUMLAH (TOTAL)		1358	1405	64	367	3193

Majoriti daripada nelayan-nelayan ini adalah merupakan ahli Persatuan Nelayan Kawasan. Pendapatan nelayan adalah berbeza-beza mengikut kaedah tangkapan, perkakas yang digunakan dan kawasan tangkapan.

Bagi memastikan kerjaya golongan ini tidak pupus dan nasib mereka dibela serta tidak ditelan oleh pembangunan terutamanya nelayan di persisiran pantai, usaha-usaha berikut sedang giat dijalankan oleh Kerajaan:

- (i) Menyedia dan menaik taraf infrastruktur jeti pendaratan yang lengkap;
- (ii) Menyediakan kursus dan latihan kemahiran yang bersesuaian;
- (iii) Memberi bantuan kewangan, subsidi dan insentif;
- (iv) Mengawal jumlah lesen pengusaha perikanan laut dalam pada satu jumlah yang munasabah supaya hasil perikanan tidak dieksploitasi secara berlebihan;
- (v) Memastikan tempat pembiakan sumber perikanan terutama di kawasan paya bakau, tukun dan muara sungai terpelihara daripada sebarang bentuk ancaman pembangunan;
- (vi) Mewujudkan program transformasi nelayan iaitu penghijrahan nelayan tradisional kepada nelayan moden / komersial; dan
- (vii) Meningkatkan pengurusan perikanan persisiran pantai dan pendapatan nelayan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Berapakah jumlah rumah kebajikan, orang tua, anak yatim, orang kurang upaya dan lain-lain mengikut kategori milik kerajaan dan swasta. Sila nyatakan pemilik/Ahli Lembaga Pengarah di Pulau Pinang. Berapakah jumlah penghuni rumah-rumah tersebut berdasarkan pecahan mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang mengurus tadbir 3 institusi kanak-kanak secara langsung. Kos keseluruhan operasi adalah di tanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Selain itu, JKM juga menjalankan pemantauan perjalanan dan operasi Pertubuhan Sukarela Kebajikan dan pihak swasta. Sehingga kini, sebanyak 7 institusi Kebajikan Orang Tua, 6 Pertubuhan Kebajikan Kanak-Kanak / Anak Yatim, 4 institusi Orang Kurang Upaya dan 18 Pertubuhan Kebajikan Orang Kurang upaya yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO's). JKM juga membuat pemantauan ke atas lain-lain pertubuhan sukarela yang menyediakan jagaan dan perlindungan kepada kumpulan sasar jabatan. Keseluruhan penghuni yang mendapat perkhidmatan jagaan dan perlindungan adalah seramai 2077 orang. Senarai institusi dan bilangan penghuni adalah seperti di Lampiran.

Jawapan kepada soalan No. 24 MFS

LAMPIRAN A

INSTITUSI KEBAJIKAN ORANG TUA NEGERI PULAU PINANG

Bil	Nama Pertubuhan & Alamat	No. Tel/Faks	Pegawai Yang Boleh dihubungio	Jumlah Penghuni	Catatan
1.	Rumah Orang Tua Jubilee Perak, Jalan Sungai Dua 11700 Pulau Pinang,	No Tel: 04 - 6447942 No Faks: 04- 6440418	Penyelia	210 orang	Pertubuhan Sukarela (Ngo's) Menerima Geran Pertubuhan
2.	Rumah Orang Tua Uzur Pulau Pinang No. 409 Jalan Mesjid Negeri, 11600 Pulau Pinang.	No Tel: 04-6582457 No Faks: 04-6582148	Penyelia	278 orang	Pertubuhan Sukarela (Ngo's) Menerima Geran Pertubuhan
3.	Rumah Orang Tua Little Sister's of the Poor No.79 Lorong Batu Lancang 11400 Pulau Pinang	No Tel: 04-6582457 No Faks: 04-6582148	Penyelia	278 orang	Pertubuhan Sukarela (Ngo's) Menerima Geran Pertubuhan
4.	Rumah Sejahtera Permatang Tinggi Jalan Besar Permatang Tinggi, 14100 Bukit Mertajam.	No Tel: 04-5887080 No Faks:	Penyelia	54 orang	Pertubuhan Sukarela (Ngo's) Menerima Geran Pertubuhan
5.	Rumah Orang Tua Permatang Tok Gelam, Penaga Butterworth.	No Tel: 04-3514658 No Faks:	Penyelia	10 orang	Institusi Dibawah MAIPP Tidak Menerima Geran Pertubuhan
6.	Rumah Orang Tua Islam Tidak Waris Kubang Semang Seberang Perai Tengah 14000 Bukit Mertajam	No Tel: 04-5373051	Penyelia	11 orang	Institusi Dibawah MAIPP Tidak Menerima Geran Pertubuhan
7.	Rumah Transit Permatang Tok Gelam, Jln Pekan Darat Butterworth.	No Tel: 04-3514658	Penyelia	35 orang	Institusi Dibawah MAIPP Tidak Menerima Geran Pertubuhan

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sila nyatakan jumlah unit perpustakaan bergerak yang masih wujud dan rutin aktiviti perpustakaan bergerak tersebut terutamanya di kawasan luar bandar berapakah peruntukkan yang disalurkan dari tahun 2004 hingga 2008 dan apakah dasar Kerajaan Negeri bagi menggalakkan sifat membaca di kalangan kanak-kanak terutamanya di luar bandar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Perpustakaan Bergerak adalah milik Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang dengan jumlah sebanyak 11 unit. Lokasi yang dilawati adalah lokasi yang berjauhan daripada perpustakaan statik sedia ada seperti Perpustakaan Negeri di Seberang Jaya. Perkhidmatan yang diberi oleh perpustakaan bergerak ialah pendaftaran keahlian, pinjaman, pemulangan, rujukan, pinjaman antara perpustakaan dan kelab aktiviti. Keahlian perpustakaan bergerak adalah percuma. Peruntukan yang disalurkan untuk perpustakaan bergerak untuk tempoh 5 tahun (2004-2008) adalah berjumlah RM425,000 meliputi kos penyelenggaraan 11 unit bas dan pembelian koleksi.

Dalam usaha untuk menanamkan sikap minat membaca di kalangan kanak-kanak, Perbadanan telah mewujudkan sebuah Perpustakaan Kanak-Kanak di George Town. Di samping itu juga, Perbadanan turut mewujudkan 4 buah Perpustakaan Cawangan di Bukit Mertajam, Jawi, Balik Pulau dan George Town dan 2 buah Perpustakaan Pekan di Bagan Ajam dan Simpang Empat Seberang Perai Selatan. Sebanyak 77 buah Perpustakaan Desa ditubuhkan di kawasan-kawasan kampung manakala 3 buah Perpustakaan diwujudkan di dalam kawasan pusat membeli belah seperti Jaya Jusco Bandar Perda, KOMTAR dan Bayan Mall.

IV. Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan perpaduan kaum di samping tindakan yang diambil itu tidak menyinggung perasaan satu-satu kaum yang lain.

Y.A.B. Ketua Menteri

1. Antara inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri bagi mempertingkatkan perpaduan kaum ialah menggalakkan penglibatan berbagai kaum di dalam menyambut perayaan-perayaan utama seperti Hari Raya Puasa, Hari Deepavali dan Tahun Baru Cina dengan mengadakan Rumah Terbuka.

Begitu juga sambutan Hari Kemerdekaan, Sambutan Hari Lahir TYT dan juga Sambutan Hari Malaysia telah diatur melibatkan kehadiran berbagai kaum di negeri ini.

Penubuhan Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga dan juga JKKK yang melibatkan penyertaan berbagai kaum telah dapat mempertingkatkan kerjasama dan persefahaman serta mewujudkan perpaduan di antara kaum di negeri ini.

Selain dari itu, kegiatan sukan dan rekreasi, program kemasyarakatan seperti gotong-royong dan kerja amal adalah di antara beberapa contoh program yang melibatkan penyertaan berbagai kaum yang boleh menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan rakyat negeri ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pembeli rumah di Taman Guar Perahu Indah menghadapi masalah akibat rumah yang dibeli masih belum disiapkan melebihi 7 tahun. Apakah tindakan Kerajaan Negeri sekarang tanpa menyalahkan kerajaan yang terdahulu atau Kerajaan Persekutuan untuk mencari jalan penyelesaian segera bagi kes ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri bersedia untuk membantu pembeli bagi projek Taman Guar Perahu Indah. Kerajaan Negeri telah dua (2) kali memanggil pihak pemaju untuk bermesyuarat bagi membincangkan masalah projek tersebut iaitu pada 12 Mei 2008 dan 22 September 2008, namun pihak pemaju gagal hadir ke mesyuarat tersebut. Kerajaan Negeri akan berunding dengan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) serta pihak-pihak yang berkepentingan bagi membantu pembeli di projek tersebut menyelesaikan masalah mereka.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kecurian logam-logam penutup longkang, *manhole* dan lain-lain di tepid an tengah-tengah jalan termasuk di kawasan perumahan sering berlaku mengakibatkan keadaan bahaya yang ketara kepada penduduk setempat dan lain-lain. Oleh itu apakah tindakan proaktif kerajaan bagi mengatasi perkara ini dan 'modus operandi' pembaikan segera termasuk yang melibatkan PBT, JKR, JPS dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa tindakan proaktif bagi mengatasi masalah kecurian penutup longkang, *manhole* dan lain-lain di tepi dan di tengah-tengah jalan termasuk di kawasan perumahan dengan menggunakan penutup parit yang tidak mempunyai nilai jualan balik seperti *Fibre Reinforced Plastics (FRP)* di kawasan pejalan kaki dan *slab concrete* untuk menggantikan penutup longkang besi. Manakala bagi *manhole* dan penutup longkang di atas jalan akan menggunakan *pre cast slab concrete* yang mampu menahan beban berat. Kaedah ini telah dilaksanakan sejak tahun 2003 untuk projek-projek baru MPPP dan penggantian penutup parit keluli yang hilang.

Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan telah mengenakan syarat penggunaan penutup parit jenis FRP dalam syarat kelulusan merancang ke atas semua projek-projek pembangunan yang baru.

Manakala di kawasan perumahan Kerajaan Negeri telah membina dan menyediakan penutup jenis konkrit bagi mengelakkan masalah kecurian. Pihak JPS akan mengambil tindakan segera dengan menggantikan struktur tersebut bagi mengelakkan bahaya kepada penduduk setempat. Namun begitu, kebanyakan parit atau saliran yang di selenggara oleh JPS merupakan parit atau saliran terbuka.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Tolong senaraikan peratusan kemiskinan bandar dan luar bandar mengikut daerah dan bangsa dan apakah jenis pertolongan yang boleh diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan ini mengikut tajuk pertolongan dan keperluan-keperluan yang patut diberikan bantuan.

Y.A.B. Ketua Menteri

4. Hasil kajian kemiskinan di peringkat negeri dibezakan mengikut miskin dan miskin tegar kemudian dikategorikan kepada produktif dan tidak produktif bagi setiap daerah. Namun untuk melihat kepada peratusan kemiskinan bandar dan luar bandar ia adalah berdasarkan persempadanan yang telah ditetapkan dan ianya dipantau oleh daerah masing-masing. Daerah Seberang Perai Utara mempunyai empat miskin bandar dan 75 luar Bandar. Daripada jumlah itu 98% daripadanya adalah berbangsa Melayu dan 2% berbangsa Cina. Bagi Daerah Seberang Perai Tengah golongan miskin bandar adalah seramai 46.84% dan luar bandar sebanyak 53.16%. Golongan miskin di daerah ini 100% daripadanya adalah berbangsa Melayu. Manakala di daerah Seberang Perai Selatan didapati seramai 6 orang dalam kategori miskin bandar dan 100 orang miskin luar bandar. Daripada jumlah berkenaan 78.3% adalah berbangsa Melayu, diikuti dengan bangsa India sebanyak 20.8% dan 0.94% adalah berbangsa Cina. Bagi daerah Barat Daya 100% golongan miskin adalah dalam kategori luar bandar dengan pecahan mengikut bangsa iaitu Melayu 92%, Cina 6% dan lain-lain 2%. Manakala bagi daerah Timur Laut pula didapati hanya Melayu sebanyak 95% dan bangsa India 5% sahaja.

Bagi membantu golongan ini menjalani kehidupan seharian dan mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan, pelbagai bentuk bantuan telah disalurkan mengikut keperluan yang bersesuaian. Jabatan Kebajikan Masyarakat misalnya menyediakan bantuan kepada golongan tidak berkemampuan iaitu melalui pemberian bantuan bulanan kepada pemohon yang layak mengikut kriteria yang ditetapkan. Antara kriterianya adalah:-

- (i) Pendapatan dibawah RM400.00 sebulan.
- (ii) OKU yang memerlukan.
- (iii) Orang terdampar.
- (iv) Orang papa.
- (v) Keluarga yang berkeperluan dan tidak berkemampuan (faktor-faktor lain semasa siasatan dijalankan ke atas setiap permohonan juga mengambil kira bilangan tanggungan dalam keluarga, keadaan rumah kediaman, umur penjaga atau ketua keluarga, tahap kecacatan dan keuzuran pemohon serta lain-lain aspek dalam keluarga).

Di peringkat daerah pula, bantuan-bantuan disalurkan melalui jawatankuasa pembasmian kemiskinan adalah seperti berikut:

- (i) Program Peningkatan Pendapatan (Pemberian Modal, Peralatan dan Kemahiran);
- (ii) Program Focus Group – Bancian semula Ketua Isi Rumah (KIR), Penglibatan semua Jabatan dalam Pembasmian Kemiskinan, Program Bantuan Baik Pulih Rumah;
- (iii) Pemberian Rebat air RM100.00 – bagi golongan berpendapatan RM150.00 ke bawah; dan
- iv) Memberi latihan dan pendedahan kepada anak-anak KIR secara percuma di bawah bimbingan Kolej Silicon Perai.

Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) juga dikendalikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PBT. Di antara usaha-usaha yang telah dijalankan adalah:

- (i) Bantuan bayaran sewa rumah RM124 atau kadar sebenar mengikut yang terendah;
- (ii) Bantuan bayaran sewa bilik RM70 atau kadar sebenar mengikut yang terendah;
- (iii) Bantuan kemasukan ke sekolah termasuk pakaian seragam, kasut, beg dan alat tulis untuk setiap tahun atau bantuan *one off* kemasukan ke IPT sebanyak RM1000;
- (iv) Bantuan kos jagaan kanak-kanak/tadika/jiran/individu sebanyak RM200 sebulan;
- (v) Bantuan kos pengangkutan ke tempat kerja dan sekolah. Kadar bayaran adalah RM30 kepada pelajar dan RM50.00 kepada ibu yang bekerja;

- (vi) Bayaran kos rawatan dialisis buah pinggang;
- (vii) Bantuan latihan dan kemahiran beserta elaun RM150 sebulan semasa mengikuti latihan; dan
- (viii) Bantuan ihsan *one off* RM3000 untuk setiap keluarga miskin tegar dan RM2000 untuk keluarga miskin yang menepati kriteria-kriteria tertentu seperti musnah tempat kediaman, kematian ketua keluarga, hilang upaya akibat kemalangan dan diberhentikan kerja disebabkan masalah syarikat serta telah menganggur lebih dari 3 bulan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Bagi memastikan bahawa perkhidmatan kepada seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang diberikan tanpa fahaman politik, agama dan bangsa maka bolehkah Kerajaan Negeri memberikan juga peruntukan tahunan kepada wakil rakyat pembangkang supaya masalah setempat yang diwakili oleh pembangkang juga dapat diatasi dan pembelaan kepada semua dapat diberikan.

Y.A.B. Ketua Menteri

5. Untuk memberikan perkhidmatan yang menyeluruh kepada rakyat Negeri Pulau Pinang tanpa mengambil kira fahaman politik, agama dan bangsa, Kerajaan Negeri sememangnya memerlukan penglibatan wakil rakyat pembangkang dalam proses penggubalan dasar kerajaan, khasnya dalam menyertai Jawatankuasa MMK yang ditubuhkan mengikut portfolio yang dipegang oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri masing-masing.

Disebabkan keengganan ADUN-ADUN pembangkang untuk mengambil bahagian dalam Jawatankuasa MMK, maka peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri tidak dapat disalurkan secara terus kepada ADUN-ADUN pembangkang.

Keadaan ini tidak ditunjukkan dan dihayati oleh Barisan Nasional (BN) semasa menjadi kerajaan dan hanya sekarang bila menjadi pembangkang. Ini mencerminkan kurangnya kematangan perjuangan politik BN dan fahaman cetek konsep demokrasi. Lagipun, tidak dapat dilihat wakil rakyat Barisan Nasional Negeri Pulau Pinang yang mendesak layanan saksama dan adil untuk wakil rakyat dan kawasan ahli pembangkang di negeri-negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional.

Walau bagaimanapun, peruntukan tahunan masih disediakan melalui agensi-agensi seperti MPPP, MPSP dan Pejabat-pejabat Daerah. Penyaluran peruntukan berkenaan perlulah melalui permohonan dan tatacara pengurusan kewangan yang ditetapkan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyegerakan pembangunan semula atau "*redevelopment*" bagi kawasan-kawasan tertentu agar kawasan yang strategik dapat disusun semula termasuk sebagai contoh kawasan perumahan rumah-rumah teres lama dibangunkan semula menjadi kawasan perumahan bertingkat sederhana murah dan mewah.

Y.A.B. Ketua Menteri

6. Sememangnya Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk pembangunan semula atau "*redevelopment*" bagi kawasan perumahan yang lama dan tidak lagi sesuai seperti perumahan teres yang lama dan rumah pangsa yang mempunyai hanya 1 atau 2 bilik yang dibina di atas tanah kerajaan atau kawasan setinggan. Rumah pangsa atau kawasan perumahan lama ini di cadang dibangunkan semula secara berperingkat dan digantikan dengan perumahan yang lebih selesa serta dilengkapi dengan kemudahan awam dan ameniti yang sempurna. Walau bagaimanapun perancangan pembangunan semula ini perlu dihalusi secara mendalam kerana ianya melibatkan banyak isu yang perlu diselesaikan terlebih dahulu seperti penempatan sementara penduduk. Bagi projek-projek yang telah dikeluarkan hak milik strata, ianya memerlukan kebenaran dan persetujuan dari semua pemilik. Selain itu, pembangunan semula ini akan melibatkan sumber kewangan yang besar yang memerlukan kajian mendalam sebelum ianya dilaksanakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sepanjang pemerintahan Kerajaan Negeri di bawah 'Pakatan Rakyat' apakah pencapaian yang telah diperolehi dari segi Pelaburan Luar Negara (FDI), pembangunan usahawan untuk rakyat tempatan dan perancangan jangka panjang dan jangka pendek bagi perancangan ekonomi negeri termasuk hala tuju polisi baru Kerajaan Negeri untuk tempoh 10 tahun dari sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri

7. Ekonomi Negeri Pulau Pinang, sejak perindustrian berorientasikan eksport mulai diperkenalkan dan dilaksanakan pada tahun 1970an, adalah didominasi oleh sektor pembuatan. Pada akhir tahun 1990an, sumbangan sektor perindustrian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sebanyak 45%. Kini, walaupun sumbangan sektor perindustrian telah menurun kepada 39.5% daripada KDNK Negeri, sektor ini masih merupakan sektor yang terpenting dalam ekonomi Negeri dan masih dianggap sebagai sektor yang terpenting bagi ekonomi Negeri. Antara aktiviti-aktiviti yang digalakkan termasuk aktiviti yang menggunakan teknologi terkini; melibatkan pengeluaran barangan yang bernilai tinggi; serta berintensifkan pengetahuan dan ilmu.

Sepanjang pemerintahan Kerajaan Negeri di bawah 'Pakatan Rakyat', pencapaian yang telah diperoleh dari segi Pelaburan Luar Negara (FDI) adalah amat memberangsangkan. Setakat tahun 2008, Jumlah pelaburan luar Negara dan pelaburan dalam Negara mencatat angka RM6.1 bilion. Walau bagaimanapun, oleh kerana perangkaan RM8 bilion sehingga Ogos 2008 yang diumumkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa Y.B. Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin di surat khabar tempatan bercanggah dengan jumlah RM6.1 bilion, Kerajaan Negeri sedang berusaha mendapat kepastian.

Untuk membangunkan lagi daya saing dan nilai tambah usahawan tempatan, pihak Kerajaan Negeri telah mempergiatkan lagi usaha pembangunan PKS tempatan melalui kerjasama dan penyelarasan antara agensi kerajaan negeri (e.g investPenang, PDC) dengan pihak swasta dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti MIDA, SMIDEC, MATRADE. Kerjasama antara PKS dan USM juga telah dipertingkatkan dari segi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan teknologi. Sokongan dari syarikat-syarikat multinasional (MNCs) melalui program vendor mereka juga telah dilipat gandakan untuk memberi peluang PKS menjalinkan perniagaan dalam rantaian nilai MNCs.

Pihak Kerajaan Negeri juga menggalakkan usahawan tempatan untuk memanfaatkan pelbagai jenis bantuan dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan Pusat. Bantuan dan insentif yang disediakan terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori "Bantuan Kewangan" dan kategori "Perkhidmatan Sokongan Perniagaan". Tujuan bantuan ini disediakan adalah untuk membantu PKS tempatan dari segi:-

- (i) Peningkatan Kemahiran Sumber Manusia;
- (ii) Pembangunan Usahawan (Entrepreneur Development);
- (iii) Pemasaran dan Promosi (Marketing & Promotion);
- (iv) Pembangunan Produk & Pentauliahahan Mutu (Product Development & Quality Accreditation);
- (v) Pembangunan Teknologi (Technology Development) dan
- (vi) Penyusunan Semula Pinjaman (Debt Restructuring) dan
- (vii) Pengetahuan dan Penjangkauan (Awareness & Outreach). Khidmat nasihat juga diberikan dari masa ke semasa untuk membantu PKS mengendalikan pengembangan perniagaan, penyusunan semula perniagaan, dan juga untuk menerokai perniagaan baru.

Bantuan Kewangan khusus untuk PKS merangkumi jenis-jenis berikut:

- Pinjaman di bawah Tabung-tabung Khas (Soft loans)
- Geran (Grants)
- Pembiayaan Ekuiti (Equity Financing)
- Modal Usaha Niaga (Venture Capital)
- Skim Jaminan (Guarantee Scheme)
- Insentif Cukai (Tax Incentives)

Pihak Kerajaan Negeri juga membantu dari segi urus tadbir tanah perindustrian serta premis perniagaan dan kilang, serta kelulusan lesen perniagaan. Ini dilaksanakan melalui majlis tempatan (MPPP dan MPSP) serta agensi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). PKS juga dapat mengambil peluang dari pelbagai program pembangunan usahawan dibawah PDC dan program promosi dan jangkauan pasaran (e.g. aktiviti pepadanan perniagaan, misi perniagaan, pameran perniagaan) melalui agensi investPenang.

Perancangan jangka panjang, pendek dan hala tuju Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menggariskan tiga (3) halatuju utama dalam memajukan ekonomi Pulau Pinang iaitu menjadi lokasi pilihan kepada pelabur, destinasi pilihan kepada pelancong dan tempat tinggal pilihan untuk mereka yang inginkan "*sustainable living*". Hala tuju ini diperkukuhkan dengan 10 teras utama pembangunan iaitu pendidikan, warisan, perubatan, ibu pejabat serantau (regional HQs), industri, MICE (Meeting, Incentives, Conference and Exhibition), kesenian dan kebudayaan, makanan (culinary), sukan dan eko-pelancongan.

Berdasarkan teras-teras tersebut, pelbagai rancangan jangka panjang dan pendek telah dan akan diberi keutamaan dalam menjana pembangunan ekonomi bersepadu untuk Pulau Pinang. Di antara perancangan jangka panjang ekonomi Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

- (a) Meningkatkan keyakinan pelabur melalui urus tadbir berpandukan prinsip CAT iaitu Cepak (Competency), Bertanggungjawab (Accountability) dan Telus (Transparency). Ini dilakukan dengan menambah baik sistem penyampaian sektor awam iaitu mempermudah sistem, garis panduan dan prosedur, menyelaraskan agensi-agensi di peringkat Kerajaan Negeri dan mempertingkatkan tahap mesra pelanggan bagi membolehkan Pulau Pinang kekal menarik kepada bakal pelabur.
- (b) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai lokasi utama pilihan pelabur dengan membangunkan pelbagai jenis kawasan perindustrian baru seperti "*Penang Science Park*" dan Kawasan Perindustrian di Batu Kawan. Kawasan-kawasan perindustrian ini dibangunkan untuk memenuhi permintaan pelabur dalam industri strategik.

- (c) Menerokai pelaburan baru yang berpotensi dari negara-negara Timur Tengah, Asia Selatan dan Asia Timur.

Perancangan jangka pendek pula adalah seperti berikut:

- (a) Menggiatkan usaha untuk menarik pelaburan di dalam sektor perkhidmatan (hartanah, hotel, pelancongan, pelancongan perubatan, sekolah antarabangsa dan sebagainya) dan pada masa yang sama terus aktif mempromosi Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan pelabur dari pelbagai negara.
- (b) Menubuhkan “Pasukan Petugas Khas” (Special Task Force) yang diketuai oleh YAB Ketua Menteri untuk memudah cara perniagaan bagi pelaburan strategik. Pasukan Petugas Khas berperanan membantu pelabur dengan cara mempermudah dan mempercepatkan semua proses berkaitan dengan kelulusan dan pelesenan.
- (c) Menyusun semula struktur organisasi investPenang untuk memberi fokus kepada sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan. Ini untuk membolehkan investPenang bergerak dengan lebih efektif dan efisien untuk menarik pelaburan ke Pulau Pinang.
- (d) Mengukuhkan “clusters” yang sedia ada iaitu Penang Automation Cluster (PAC), Penang RF Cluster (PRFC), Software Consortium of Penang (SCOPE) dan Techbiz (Bumiputera ICT Cluster). Kerajaan Negeri terus berusaha mengelompokkan (*grouping*) industri-industri yang berkaitan di dalam “clusters” untuk mewujudkan sinergi, sokongan usaha sama, perhubungan di antara “clusters” dan organisasi-organisasi industri lain, meningkatkan daya saing industri tempatan serta mempromosikan kepakaran dan kemampuan syarikat tempatan kepada syarikat multinasional.
- e) Meningkatkan jaringan teknologi tanpa wayar. Ini dapat dibuktikan dengan pengiktirafan Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang menggunakan perkhidmatan internet jalur lebar tanpa wayar melalui Wi-Fi dengan pelancaran “Wireless@PENANG”. Peringkat pertama projek adalah kemudahan teknologi Wi-Fi secara percuma di seluruh negeri, diikuti peringkat kedua iaitu perkhidmatan berbayar untuk capaian yang lebih laju di kawasan tertentu menggunakan teknologi WiMAX. Kemudahan Wi-Fi percuma disediakan di lokasi-lokasi terpilih dan akan diperluaskan secara berperingkat sehingga meliputi kira-kira 750 kawasan tumpuan dalam tempoh 15 bulan.

- f) Mengadakan perbincangan di antara industri dan akademia untuk meningkatkan serta menambah baik pembangunan dan latihan sumber manusia untuk tenaga kerja (*talent pool*) yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi (*skilled and knowledge workers*).
- g) Meningkatkan infrastruktur untuk menyokong industri pembuatan contohnya pengangkutan awam seperti Rapid Penang menyediakan 33 laluan yang merangkumi 106 kawasan perumahan dan Zon Perindustrian di dalam pulau.
- h) Mengadakan dialog dengan Syarikat Multinasional (MNC), Syarikat Besar Tempatan (LLC) dan juga Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk memahami isu-isu semasa industri pembuatan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. Dengan wujudnya begitu banyak *hypermarket* di Negeri Pulau Pinang adalah dikhuatiri pendapatan pekedai-pekedai runcit dan peniaga kecil akan terus terjejas, maka apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meneruskan membantu golongan ini supaya mereka masih boleh teruskan perniagaan mereka dan dapat mempertingkatkan keuntungan yang diharapkan.

Y.A.B. Ketua Menteri

- 8. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah mensyaratkan bahawa sebelum sesebuah *hypermarket* yang baru diberikan kelulusan untuk kebenaran merancang, pihak pemohon adalah dikehendaki mengemukakan laporan analisis yang turut mengambil kira impak ke atas peniaga-peniaga kecil di kawasan sekitarnya kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Hasil daripada laporan tersebut akan dijadikan sebagai asas dalam mempertimbangkan permohonan tersebut termasuk membuat *zoning* kawasan dan pandangan daripada jabatan teknikal juga akan diambil kira. Ini adalah merupakan langkah yang diambil bagi mengelakkan berlaku sebarang ketidakadilan kepada para pekedai runcit dan peniaga kecil di sesebuah kawasan. Selain itu, pihak PBT juga sedang meneliti semula dasar sedia ada terhadap penjaja dan peniaga kecil sebelum merangka Pelan Induk Penjaja di Bahagian Pulau dan Seberang Perai.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 9. Apakah perancangan negeri bagi memastikan kontraktor Kelas F di Negeri Pulau Pinang memperoleh sekurang-kurangnya 5 atau 6 projek setahun bagi memastikan golongan usahawan ini tidak 'gulung tikar' dan berapakah anggaran projek sepanjang 5 tahun dari sekarang bagi maksud yang sama dan pecahan anggaran mengikut jabatan dan sumber lain.

Y.A.B. Ketua Menteri

9. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 2 November 2008, terdapat 1,396 kontraktor Kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di Pulau Pinang. Dalam usaha memastikan kontraktor kelas F mendapat agihan projek yang mencukupi, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil pendekatan berikut :-
- (i) Memastikan proses penawaran kerja adalah berasaskan kepada dasar "Cekap, *Akauntabiliti* dan Telus" (CAT) iaitu prinsip yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dalam mengagihkan projek-projek kepada kontraktor Kelas F. Dasar tersebut mempraktikkan sistem undian secara terbuka bagi projek-projek infrastruktur yang bernilai kurang daripada RM20,000.00 dan projek-projek bekalan yang bernilai kurang daripada RM5,000.00. Dasar ini memberi peluang sama rata kepada kontraktor untuk menyertai undian tersebut. Iklan untuk undian dipamerkan menerusi laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Papan Kenyataan Pejabat Daerah.
 - (ii) Melaksanakan sepenuhnya arahan Jabatan Kewangan Negeri melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 5 dan 8 Tahun 2008 mengenai amalan ketelusan sebagai satu daripada peraturan tambahan dalam memproses tender dan sebut harga bagi projek-projek yang dibiayai daripada sumber negeri. Di antara perkara-perkara yang digariskan dalam Surat Pekeliling tersebut termasuklah :-
 - (a) Ketelusan dalam memproses tawaran di mana kaedah tawaran secara terbuka hendaklah diguna pakai dalam semua proses tawaran bernilai kurang daripada RM20,000.00 bagi perolehan kerja dan kurang daripada RM50,000.00 bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan selain daripada kaedah sebut harga dan tender sedia ada;
 - (b) Pelaksanaan kaedah undian di kalangan kontraktor kelas F bagi tawaran kerja bernilai kurang daripada RM20,000.00;
 - (c) Publisiti yang meluas termasuk penggunaan portal Kerajaan Negeri dan laman web jabatan dalam mempamerkan tawaran sebut harga, tawaran tender dan keputusan pemilihan Jawatankuasa Sebut Harga serta keputusan Lembaga Tawaran; dan
 - (d) Mempertimbangkan semula keputusan Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan dan Lembaga Tawaran sekiranya terdapat bantahan atau aduan yang sah kebenarannya.

- (iii) Melaksanakan sepenuhnya arahan Jabatan Kewangan Negeri melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 15 Tahun 2008 berkaitan Pelaksanaan Sistem e-Perolehan di Negeri Pulau Pinang. Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang secara rasminya telah melancarkan Sistem e-Perolehan pada 17 Ogos 2008. Berdasarkan Surat Pekeliling tersebut, kesemua agensi dan jabatan di bawah pentadbiran Negeri Pulau Pinang akan melaksanakan sistem perolehan secara terbuka selaras dengan prinsip ketelusan dan akauntabiliti yang dipegang oleh Kerajaan Negeri. Tawaran sebut harga, tawaran tender dan keputusan pemilihan Jawatankuasa Sebut Harga serta keputusan Lembaga Tawaran akan dipamerkan dalam laman web Kerajaan Negeri dan Jabatan. Hanya kontraktor yang berdaftar dengan sistem ini sahaja akan dipertimbangkan untuk tujuan pelawaan perolehan kerja di Negeri Pulau Pinang.

Untuk makluman, anggaran pembangunan dibuat bagi tempoh setiap 5 tahun. Penyediaan bajet pembangunan secara terperinci dibuat secara tahunan melalui Sistem Pemantauan Projek Negeri (SPPN) dan dipantau oleh Unit Pembangunan. Pada tahun 2008 (sehingga September 2008), sebanyak 645 projek dengan nilai kos projek sebanyak RM162,527,330.00 telah diperuntukkan kepada Kontraktor Kelas F untuk dilaksanakan. Anggaran projek bagi tempoh 5 tahun (2006-2010) dan pecahan anggaran mengikut jabatan adalah seperti berikut:-

ANGGARAN PROJEK BAGI TEMPOH 5 TAHUN (2006-2010) DAN PECAHAN ANGGARAN MENGIKUT JABATAN

BUTIRAN (PROJEK)	TAJUK	ANGGARAN KOS PROJEK TAHUN 2006-2010 (RM)	ANGGARAN KOS PROJEK DISEMAK TAHUN 2006-2010 (RM)
P01	Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	550,299,990	431,620,020
P08	Jabatan Pengairan dan Saliran	80,000,000	56,264,000
P09	Jabatan Perhutanan	25,000,000	17,582,500
P10	Jabatan Taman Botani	8,600,000	6,048,380
P12	Jabatan Kerja Raya	216,954,340	152,583,990
P13	Jabatan Hal Ehwal Agama	50,000,000	335,165,000
P16	Jabatan Kewangan Negeri	56,150,000	39,490,300
P17	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	16,284,990	11,453,230
P18	Jabatan Pertanian	34,740,000	24,432,640
	JUMLAH	1,038,029,320	774,640,060

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)

bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Di dalam mesyuarat dewan yang lalu telah dipohon sebidang tanah berdekatan Safira Club di tepi sungai berhadapan Jalan Todak untuk dijadikan tapak bagi 'Funeral Palour' untuk kaum bukan Melayu di Seberang Jaya dan kawasan berdekatan dengannya. Setakat manakah inisiatif dan kelulusan mengenai permohonan ini dibuat oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri

10. Kerajaan Negeri telah menerima permohonan daripada Pertubuhan Perayaan Yee Lan, Seberang Jaya untuk tujuan membina *Funeral Palour* di sebelah Plot 11, Mukim 1 Seberang Perai Tengah pada 5 September 2008. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut didapati tidak lengkap disebabkan tidak disertakan pelan lokasi yang lengkap. Pada 9 September 2008, Pejabat Tanah Seberang Perai Tengah telah memaklumkan kepada pemohon supaya mengemukakan pelan tapak dan lokasi yang lengkap. Justeru itu, pada 16 September 2008 pemohon telah mengemukakan pelan lokasi tersebut namun, masih juga tidak lengkap untuk di proses kerana tiada butiran lengkap mengenai tapak yang dipohon. Pada 26 September 2008, Pejabat Tanah Seberang Perai Tengah sekali lagi meminta pemohon mengemukakan pelan terperinci tapak tersebut. Sehingga kini Pejabat Tanah Seberang Perai Tengah masih belum menerima apa-apa maklum balas daripada pemohon.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)

bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berapakah anggaran bajet untuk penyelenggaraan jalan-jalan negeri bagi 5 tahun ke hadapan dan tolong senaraikan jalan-jalan baru yang dirancang dan yang telah diluluskan bagi perlaksanaannya dalam tempoh tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri

11. Penyelenggaraan jalan negeri menggunakan peruntukan Wang Amanah sumbangan Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan perkiraan tahun-tahun sebelum ini jumlah peruntukan adalah RM44 Juta. Rancangan Negeri Pulau Pinang ke 2 (RNPP2) yang bermula pada tahun 2006 sehingga tahun 2010 telah meluluskan 20 projek pembinaan jalan baru. Walau bagaimanapun pembinaan projek tersebut adalah bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri. Senarai jalan-jalan baru yang dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun akan datang seperti di lampiran.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)

bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Bagi mempertingkatkan pemeliharaan alam sekitar dan galakan aktiviti kitar semula; apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi memperbanyakkan lagi '*Household Hazardous Waste (HHW) Collection Points*' dan apakah bentuk kawalan perundangan dan sokongan yang dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi mengoptimumkan kegiatan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri

12. Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan aktiviti kitar semula bagi pemeliharaan alam sekitar. Pada masa ini, program kitar semula HHW seperti komputer terpakai dan lampu kalimantang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan serta NGO. Di samping itu, program pengumpulan bateri telefon terpakai pula dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar. Pada masa ini, '*Collection Points*' bagi HHW ini adalah di kawasan tumpuan orang ramai seperti *hypermarket* dan juga pejabat kerajaan.

Kerajaan Negeri menyokong program ini dan bersedia membantu pihak NGO menyediakan HHW '*Collection Points*' di tempat-tempat tertentu.

HHW yang dinyatakan di atas dikategorikan sebagai buangan terjadual, oleh itu pengurusan dan pengendalian buangan-buangan tersebut perlulah mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

MPPP hanya melancarkan kutipan HHW dalam tahun 2004. Urusan pelupusan HHW sebenarnya adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan MPPP hanya bertanggungjawab dalam urusan kutipan "*Municipal Waste*".

Anggaran kos untuk HHW ini adalah terlalu tinggi kerana harga bagi bulan September 2007 untuk melupuskan lampu kalimantang (*Flourecent Tube*) adalah sebanyak RM3,600.00 setan manakala harga pelupusan bateri (*Dry Cell*) adalah sebanyak RM1,500.00 se tan.

Terdapat permintaan di kalangan kilang-kilang dan kedai-kedai elektrik yang ingin mengambil kesempatan untuk melupuskan sisa HHW ke pusat pungutan yang telah ditetapkan dan ini sudah pasti akan membebankan MPPP dan timbul masalah tempat simpanan.

MPSP telah membina sebanyak 14 pusat pengumpulan barangan kitar semula di Seberang Perai dan memberi galakkan kepada penggiat kitar semula untuk membina 16 lagi pusat tersebut. Pusat ini juga telah dijadikan tempat pengumpulan bagi HHW.

MPSP juga telah melaksanakan Sistem Pengurusan Alam Sekitar iaitu EMS (ISO 14001 : 2004) yang menekankan terhadap kepentingan pelupusan selamat terhadap HHW. Di samping itu, MPSP juga melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Dianggarkan 1800 tan sehari atau melebihi 650K tan setahun jumlah sampah di Pulau Pinang di mana 700 tan sehari atau 250K tan setahun dari bahagian pulau sahaja; maka apakah kaedah baru akan diperkenalkan Kerajaan Negeri bagi menguruskan sampah ini termasuk mekanisma apakah akan digunakan untuk proses pelupusannya.

Y.A.B. Ketua Menteri

13. Tapak pelupusan sisa pepejal yang diuruskan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di Jelutong telah lama mencapai had maksimumnya. Sebagai langkah alternatif, sebahagian daripada sisa pepajal yang dikutip iaitu sisa domestik dan sisa industri perlu dipindah melalui sistem tongkang ke tapak pelupusan Pulau Burung sejak Ogos 2001, sementara sisa binaan dan sisa pukal masih dilupuskan di tapak pelupusan Jelutong. Kaedah pelupusan yang diguna pakai adalah *sanitary landfill* di Pulau Burung dan *control landfill* di Jelutong.

Untuk jangka masa panjang, beberapa kajian kemungkinan (*feasibility study*) telah dijalankan pihak Kerajaan Persekutuan untuk menilai beberapa teknologi baru bagi tujuan rawatan dan pelupusan yang lebih menyeluruh, berkesan dan mesra alam. Antara kaedah yang telah dikaji adalah seperti kemudahan *incinerator* dan *material recovery facility* (MRF).

Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk memilih kaedah MRF selepas meneliti hasil kajian kemungkinan dan juga implikasi kos serta impak persekitaran yang terlibat. Loji MRF ini berupaya mengasingkan bahan-bahan yang boleh diguna semula dan dijangkakan hanya peratusan kecil akan dilupuskan di tapak pelupusan sampah nanti. Cadangan MRF berkenaan sedang dalam penelitian Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah perancangan strategik dan produk pelancongan baru yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dalam tempoh tujuh (7) bulan yang lalu dan kaedah apakah yang akan digunakan bagi mempertingkatkan ketibaan pelancong ke Pulau Pinang bagi melebihi anggaran angka ketibaan untuk tahun 2007 yang berjumlah 1.43 juta.

Y.A.B. Ketua Menteri

14. Bagi memastikan sektor pelancongan terus menjadi penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah yang proaktif. Kerajaan Negeri telah menggariskan 10 teras utama pelancongan yang bertindak sebagai strategi untuk mempertingkatkan ekonomi negeri melalui ketibaan pelancong. Teras tersebut akan menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk aktiviti-aktiviti berikut:-

- (i) Pelancongan Perubatan;
- (ii) Pelancongan Kebudayaan, Warisan dan Bersejarah;
- (iii) Pelancongan Pendidikan;
- (iv) Ibu Pejabat Wilayah bagi MNCs;
- (v) Pusat MICE;
- (vi) Ekopelancongan;
- (vii) Dataran Kulinari;
- (viii) Pusat Filem, Kebudayaan dan Kesenian;
- (ix) Syurga Membeli Belah; dan
- (x) Pelancongan Sukan.

Untuk memastikan jumlah pelancong terus meningkat Kerajaan Negeri telah menjalankan usaha-usaha promosi dan pemasaran pelancongan di dalam dan di luar negeri seperti berikut:-

- (i) Penerbitan risalah-risalah pelancongan;
- (ii) Mengambil ruang iklan dalam majalah tempatan dan juga luar negara;
- (iii) Mengiklankan produk pelancongan dalam laman web;
- (iv) Menganjurkan program lawatan serta keraian bagi agensi-agensi pelancongan dan penulis pelancongan;
- (v) Mengambil bahagian dalam pameran pelancongan tempatan seperti Pameran Malaysia Tours & Travel Association (MATTA) di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor, Pameran Malaysia Airlines Travel Fair (MATF) anjuran Malaysia Airlines, acara promosi makanan dan kebudayaan Citra Warna anjuran Tourism Malaysia 2008 dengan kerjasama Hotel Legend dan Pameran Nepcon di PISA.

- (vi) Mengambil bahagian dalam peringkat antarabangsa seperti *Asia Incentive and Exhibition (AITE)* Australia, *ITB Berlin*, Germany, *Arab Travel Mart (ATM)* Dubai, UAE, *NATAS Fair* Singapore, *IMTGT Songkla*, Thailand, *Medan Fair 2008* Indonesia, *World Travel Mart London (WTM)*, UK dan *Discover Thailand and Discover World 2008*, Bangkok.

Produk pelancongan baru yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri ialah pembangunan hospital dan *resort* perubatan. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menandatangani Perjanjian Jual Beli tanah seluas 15 ekar di Batu Musang, utara Batu Kawan dengan Kumpulan Perubatan Farrali Mutiara Sdn. Bhd. pada 27 September 2008 untuk membangunkan hospital dan *resort* perubatan dengan nilai pelaburan berjumlah RM250,000,000.00.

Komponen pembangunan adalah seperti berikut:-

- (i) Hospital bertaraf lima (5) bintang (kapasiti 120 katil) lengkap dengan kolej jururawat (*nursing college*), ladang herba, pusat membeli belah dan kafeteria dan bilik persidangan.
- (ii) Resort bertaraf lima (5) bintang dengan 200 buah bilik untuk pesakit dan keluarga, *wellness centre*, *resort apartment* dan masjid.

Projek ini akan memberi manfaat kepada negeri Pulau Pinang dari segi membantu memperhebatkan lagi Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk pelancongan perubatan serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk negeri ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 15. Apakah strategi yang digunakan untuk memastikan *Average Occupancy Rate (AOR)* bagi tahun-tahun hadapan melebihi anggaran tahun 2007 dalam persekitaran 65.3% dan apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mempromosikan hotel-hotel dan rumah-rumah tumpangan di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri

- 15. Untuk memastikan *Average Occupancy Rate (AOR)* sentiasa terus meningkat berbanding tahun sebelumnya, pelbagai strategi telah digunakan oleh Kerajaan Negeri yang melibatkan aktiviti promosi dan pemasaran pelancongan. Aktiviti promosi dan pemasaran dijalankan sama ada di peringkat domestik atau antarabangsa. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut :
 - (i) Penglibatan di dalam pameran pelancongan anjuran Tourism Malaysia ataupun pihak swasta bersama-sama dengan hotel-hotel yang terdapat di Pulau Pinang;

- (ii) Pengiklanan di dalam majalah-majalah pelancongan tempatan dan antarabangsa;
- (iii) Penganjuran dan penajaan acara pelancongan yang bertaraf antarabangsa; dan
- (iv) Mengeluarkan bahan-bahan promosi seperti brosur dan cenderahati.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan sentiasa mementingkan tahap keselamatan yang tinggi di hotel-hotel dan kawasan pelancongan. Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak polis, persatuan hotel dan agensi-agensi yang berkenaan dari masa ke semasa memantau tahap keselamatan di hotel-hotel dan kawasan pelancongan bagi memastikan tahap keselamatan pelancong dalam keadaan terbaik. Ini bagi memastikan tahap keselamatan yang tinggi seterusnya tidak menjejaskan *Average Occupancy Rate* (AOR) hotel-hotel di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 16. Semenjak Kerajaan Pakatan Rakyat memerintah Pulau Pinang apakah perancangan dan pencapaian peningkatan sumber makanan dan pertanian yang telah dilaksanakan dan sila huraikan jenis inisiatif tersebut, tempat, anggaran penambahan hasil pengeluaran dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri

- 16. Kerajaan Pulau Pinang akan meneruskan usaha membangunkan sektor pertanian bersama-sama dengan Agensi di bawah Kerajaan Persekutuan. Langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan bahan-bahan sumber makanan dan pertanian ini ialah:

- (a) Menggalakkan transformasi pertanian secara menyeluruh. Transformasi pertanian dilakukan merangkumi 2 aspek iaitu melalui transformasi ladang dan transformasi tenaga.

- (i) Transformasi Ladang

Beberapa program diwujudkan dalam usaha untuk merealisasikan transformasi ladang. Antaranya:

- (a) Projek Berkelompok

Pelaksanaan Projek Berkelompok adalah satu usaha untuk menyatukan kebun-kebun kecil petani yang dilaksanakan secara individu menjadi ladang-ladang yang dilaksanakan secara komersil. Melalui projek-projek berkelompok, pengurusan ladang dapat dilakukan secara lebih ekonomik, contohnya

melalui input-input pertanian secara pukal dan penyediaan infrastruktur ladang secara bersepadu.

Pengawalan pengeluaran dapat dilakukan secara matriks tanaman bagi mengatasi masalah lambakan pasaran. Pengurusan secara berkelompok juga lebih memudahkan penyampaian teknologi terkini terutamanya melalui Amalan Ladang Yang Baik (*Good Agricultural Practice*) yang mana secara tidak langsung meningkatkan kualiti tanaman dan harga.

(b) Program Pembangunan Tanah Terbiar

Hasrat utama pelaksanaan Program Pembangunan Tanah Terbiar adalah untuk mendapatkan tanah-tanah yang boleh dimajukan dengan aktiviti pertanian.

Tanah-tanah yang dikenal pasti berpotensi dibangunkan dengan kemudahan infrastruktur ladang seperti jalan ladang, sistem perparitan bagi memastikan ia sesuai untuk aktiviti pertanian.

(c) Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

Pelaksanaan Pembangunan TKPM adalah bertujuan untuk mewujudkan kawasan pertanian kekal bagi pengeluaran makanan terpilih secara intensif dan moden yang merangkumi unsur-unsur penyelidikan dan pembangunan, pendidikan, pelancongan dan pemeliharaan alam sekitar.

(d) Projek Padi 10 Tan

Pengeluaran hasil padi semasa dengan purata 3 hingga 4 tan metrik sehektar. Nilai pengeluaran ini, selain hanya menampung 70 peratus keperluan negara, ia juga tidak memberikan pulangan yang sewajarnya kepada golongan petani.

Bagi tujuan tersebut, matlamat untuk meningkatkan pengeluaran padi pada purata 10 tan metrik sehektar pada tahun 2010 telah ditetapkan. Melalui program ini pakej pengurusan tanaman disediakan mampu untuk

mencapai matlamat tersebut. Selain itu, insentif tanaman padi turut disediakan bagi memberi suntikan kepada petani meningkatkan hasil pengeluaran padi iaitu Insentif Peningkatan Pengeluaran Padi.

(e) Pembangunan Industri Asas Tani.

Pembangunan Industri Asas Tani adalah program penting yang menyokong program pembangunan tanaman makanan. Melalui program ini produk-produk makanan yang dikenalpasti mampu dipasarkan dan dimajukan dengan kualiti yang lebih baik, persembahan yang lebih menarik dan sebagainya.

(f) Perlaksanaan Pelan Imbangan Perdagangan (*Balance Of Trade-BOT*)

Antara isu utama dalam bidang pertanian yang sedang dihadapi negara pada masa ini ialah defisit perdagangan makanan yang begitu besar dan kian meningkat. Melalui BOT, tanaman-tanaman yang berpotensi akan dikenal pasti untuk dieksport ke luar negara. Antaranya pisang dan mangga yang telah mendapat tempahan pasaran dari luar negara. Beberapa jenis tanaman sayur-sayuran juga telah dikenal pasti untuk dimajukan bagi menggantikan sayur-sayuran yang sering diimport dari luar negara.

(ii) Transformasi Tenaga

Beberapa program diwujudkan dalam usaha untuk merealisasikan transformasi tenaga. Antaranya :

(a) Transformasi Pengamalan Ladang

Usaha giat sedang dijalankan untuk transformasi pengamalan ladang yang menekankan kepada penggunaan mekanisasi ladang, automasi dan teknologi moden.

(b) Penggalakan Penglibatan Pihak Swasta

Penglibatan pihak swasta dalam membangunkan industri pertanian negara akan terus digalakkan. Penglibatan pihak swasta amat perlu kerana keupayaan mereka dari segi modal, pembangunan teknologi dan jaringan pemasaran.

(c) Penglibatan Usahawan/Belia

Usahawan muda dan golongan belia sentiasa digalakkan untuk menyertai bidang pertanian sebagai satu bidang baru dalam pembangunan ekonomi. Ini adalah kerana golongan ini dilihat mampu menjadikan bidang pertanian sebagai satu perniagaan dan mereka berupaya berubah sepenuhnya bidang ini dari pengamalan pertanian secara tradisional kepada bidang yang lebih moden, dinamik dan berdaya saing.

(b) Menyediakan Pelan Tindakan Komprehensif Jaminan Bekalan Makanan. Pelan ini meliputi usaha seperti berikut iaitu :

- (i) Perlaksanaan pelan tindakan untuk meningkatkan pengeluaran beras yang merangkumi penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran, perataan tanah sawah, peningkatan kesuburan tanah, kawalan makhluk perosak, pemilikan jentera dan mekanisasi ladang dan kempen meningkatkan kesedaran pesawah untuk mengurus dan meningkatkan pengeluaran padi.
- (ii) Perlaksanaan pelan tindakan projek bagi sub-sektor tanaman makanan mencakupi Program Bumi Hijau dan pengurusan tanah terbiar.
- (iii) Pemberian insentif pengeluaran tanaman makanan (buah-buahan dan sayur-sayuran). Bagi tujuan ini, petani akan diberi insentif sebanyak RM81 bagi setiap tan pengeluaran sayuran dan RM78 bagi setiap tan pengeluaran buah-buahan.

(c) Menyediakan Insentif Peningkatan Hasil dan Pengeluaran padi.

Antara insentif yang ditawarkan ialah :

- (a) Insentif peningkatan hasil untuk petani yang dapat meningkatkan pengeluaran sekurang-kurangnya 1 peratus berbanding dengan hasil musim asas pada kadar RM650 bagi setiap tan metrik sehektar;
- (b) Insentif RM 650 bagi pengeluaran yang mencapai hasil 10 tan metrik sehektar; dan
- (c) Insentif upah membajak dan bantuan input pertanian atau baja tambahan.

Unjuran hasil pengeluaran tanaman mengikut tan metrik adalah seperti berikut :

JENIS PENGELUARAN	2008	2009	2010
Padi	11.0	12.0	12.9
Buah-buahan	3.8	3.9	4.0
Sayur-sayuran	62.8	64.4	66.4
Kelapa	7.1	7.2	7.3
Getah	0.6	0.7	0.7
Kelapa sawit	24.0	26.0	30.0

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Apakah mekanisme kawalan ke atas pengusaha-pengusaha pasar malam/pasar tani dan premis-premis kerajaan termasuk termasuk tanah-tanah kosong milik Kerajaan Negeri dan Jabatan-jabatan di bawah kawalannya dan bagaimanakah kaedah pertimbangan untuk diberikan kelulusan kepada pemohon-pemohon bagi maksud yang sama.

Y.A.B. Ketua Menteri

17. Kerajaan Negeri mempunyai garis panduan khas untuk menganjur pasar malam, pagi, minggu dan tani.

Dasar garis panduan pasar malam, pagi, minggu dan tani adalah seperti berikut:-

GARIS PANDUAN UNTUK MENGRUS DAN MENGAWAL AKTIVITI PASAR MALAM, PASAR PAGI, PASAR MINGGU DAN PASAR TANI (PINDAAN 2006)

(a) PERMOHONAN

- (i) Penganjur hendaklah mengemukakan permohonan untuk setiap Pasar Malam/Minggu dalam borang yang disediakan berserta dengan pelan lokasi dan pelan tataletak petak-petak yang akan disediakan termasuk ukuran setiap petak.
- (ii) Setiap permohonan akan dirujuk kepada Pegawai Daerah, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Dalaman Kerajaan Tempatan untuk ulasan. Setiap jabatan/pejabat akan diberi tempoh selama satu (1) bulan untuk mengemukakan ulasan. Jika tiada ulasan diterima dalam tempoh tersebut, maka akan menganggap bahawa jabatan/pejabat berkenaan tidak ada ulasan/bantahan.

- (b) KELAYAKAN PEMOHON
- (i) Untuk mengurus Pasar Malam, Pasar Pagi dan Pasar Minggu hanya permohonan daripada badan-badan seperti JKKK atau Persatuan Penduduk akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri.
 - (ii) Kerajaan Negeri hanya akan mempertimbangkan permohonan daripada FAMA bagi tujuan menganjur pasar tani.
- (c) PERSEDIAAN TAPAK
- (i) Setiap Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Minggu dan Pasar Tani hendaklah ditempatkan di lokasi yang tidak mengganggu lalu lintas dan laluan awam.
 - (ii) Penganjur hendaklah menyediakan ruang berukuran 5 kaki x 10 kaki setiap tapak.
 - (iii) Penganjur hendaklah memastikan jarak ruang bebas di antara gerai-gerai bertentangan sekurang-kurangnya seluas 10 kaki antara satu dengan yang lain.
 - (iv) Bilangan maksimum peniaga pasar malam bagi setiap pasar malam yang diadakan dihadkan kepada 300 orang sahaja.
- (d) TANGGUNGJAWAB PENGANJUR
- (i) Penganjur hendaklah memastikan bahawa setiap peniaga mempunyai lesen penjaja (pasar malam) sebelum dibenarkan menjalankan perniagaan di Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Minggu dan Pasar Tani dan mematuhi peraturan-peraturan di bawah Undang-undang Kecil Kerajaan Tempatan.
 - (ii) Semua pengendali makanan hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan, memperoleh pelalian anti-tifoid dan mematuhi peraturan-peraturan di bawah Undang-Undang Kecil (Pengendali Makanan) Kerajaan Tempatan.
 - (iii) Penganjur hendaklah memastikan bahawa setiap peniaga mendaftar dengan penganjur. Buku daftar yang mengandungi nama penjaja, nombor tapak, jenis jualan hendaklah disimpan dan dikemaskinikan bagi tujuan pemeriksaan oleh pegawai Majlis dari semasa ke semasa.

- (iv) Penganjur hendaklah memastikan bahawa hanya peniaga berdaftar sahaja dibenarkan berniaga di Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Minggu dan Pasar Tani.
 - (v) Penganjur hendaklah memastikan tiada pendatang asing berniaga di Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Minggu dan Pasar Tani.
 - (vi) Penganjur hendaklah mengemukakan kepada Kerajaan Negeri senarai para peniaga setiap tahun. Apabila mana-mana peniaga telah berhenti berniaga, penganjur hendaklah melaporkan kepada dan mendapatkan kelulusan dari Kerajaan Negeri terlebih dahulu sebelum tapak berkenaan digantikan dengan peniaga lain. Disamping itu sebarang tambahan tapak baru perlu mendapatkan kelulusan dari Kerajaan Negeri terlebih dahulu.
 - (vii) Penganjur tidak dibenarkan memperuntukkan lebih daripada tiga (3) tapak untuk setiap peniaga.
 - (viii) Penganjur hendaklah memastikan bahawa setiap peniaga menyediakan tong sampah-tong sampah yang sesuai besarnya dan dilapik dengan karung plastik.
 - (ix) Penganjur adalah bertanggungjawab di atas penyenggaraan dan kebersihan kawasan Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Minggu dan Pasar Tani. Penganjur juga perlu memastikan tapak dibersihkan dengan sempurna sebaik sahaja perniagaan tamat.
 - (x) Kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik hendaklah disediakan dan dibiayai oleh penganjur.
 - (xi) Penganjur hendaklah memastikan bahawa penjualan kaset dan pita video dikawal dari sudut tahap kebisingan supaya tidak mengganggu ketenteraman awam dan rumah-rumah ibadat.
- (e) TEMPOH SAH LAKU KEBENARAN KEPADA PENGANJUR
- (i) Tempoh sah laku kebenaran adalah untuk setahun dan akan tamat pada 31 Disember tahun berkenaan. Semua permohonan untuk pembaharuan perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada 30 November tahun semasa. Permohonan yang lewat akan dikenakan denda sebanyak RM250.00.

(f) BAYARAN LESEN

- (i) Bayaran lesen penjaja bagi Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Minggu dan Pasar Tani adalah sebanyak RM36.00 setahun bagi setiap peniaga.
- (ii) Bayaran kutipan sebanyak 50 sen sehari untuk setiap tapak (dengan mengambilkira purata kehadiran peniaga pada kadar 80%) dikenakan bagi aktiviti pasar malam berdasarkan kategori berikut:

Bil. Peniaga Pasar Malam	Kadar Bayaran Sebulan (RM)
(a) 100 dan kebawah	RM 160
(b) 101 – 150	RM 240
(c) 151 – 200	RM 320
(d) 201 – 250	RM 400
(e) 251 – 300	RM 480

Bayaran hendaklah dijelaskan oleh penganjur sebelum 15 haribulan bulan berkenaan.

(g) KUASA KERAJAAN NEGERI

- (i) Kerajaan Negeri berhak menutup atau mengubah lokasi Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Minggu dan Pasar Tani pada bila-bila masa pada tarikh-tarikh tertentu apabila tempat tersebut diperlukan bagi mengendali apa-apa fungsi.
- (ii) Kerajaan Negeri berhak menarik balik kebenaran untuk mengadakan Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Minggu dan Pasar Tani pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.
- (iii) Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan untuk membatalkan lesen mana-mana peniaga yang tidak mematuhi arahan yang diberi.

Kelulusan penjualan tanah atau bangunan milik Kerajaan Tempatan dibuat melalui keputusan Majlis Penuh Kerajaan Tempatan dan disahkan oleh Kerajaan Negeri.

Kelulusan sewaan tanah atau bangunan milik Kerajaan Tempatan pula dibuat melalui Jawatankuasa Sebut harga atau Jawatankuasa Tender.

Bagi sewaan jangka pendek dari bulan ke bulan dan juga sewaan untuk gerai-gerai terbengkalai, kelulusan ditentukan oleh Majlis Penuh Kerajaan Tempatan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)

bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah dasar Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang mengenai kuota Bumiputera sama ada mengenai perumahan, pembangunan usahawan dan lain-lain serta sila berikan pengesahan rasmi pendirian Kerajaan Negeri ke atas Dasar Ekonomi Baru (NEP) di samping polisi-polisi untuk membantu kaum bukan Bumiputera dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri

18. Pada masa kini, Kerajaan Negeri akan meneruskan dasar sedia ada untuk membantu kaum Bumiputera di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri akan terus menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam semua sektor ekonomi dengan mengekalkan kuota minimum 30% peruntukan terutamanya dalam sektor perumahan, premis perniagaan, industri (termasuk industri asas tandu) dan pelancongan untuk Bumiputera. Dasar-dasar tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) Bagi sektor perumahan, kuota Bumiputera sebanyak 30% adalah dikekalkan. Dari segi jualan, Kerajaan Negeri berhasrat untuk mempercepatkan proses pelepasan kuota tersebut bagi membantu masalah pemaju dari segi kewangan mereka. Semua syarat pelepasan kuota bumiputera masih dikekalkan seperti sedia kala. Pelepasan kuota di cadang diberi secara automatik kepada pemaju apabila semua syarat yang dikenakan dalam tempoh diberikan dipenuhi oleh pemaju.
- (ii) Dari segi pembangunan usahawan, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam meningkatkan ekuiti Bumiputera sebanyak 30% dalam sektor perniagaan dengan memastikan Bumiputera melibatkan diri di dalam semua sektor ekonomi secara positif dan efektif dengan penekanan kepada peningkatan bina upaya (*capacity building*). Usahawan Bumiputera akan dibantu untuk menjadi usahawan yang berdaya saing dan berdikari melalui pendekatan berikut:-
 - (a) Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian dengan menyediakan bantuan kewangan yang mencukupi dan program latihan bagi usahawan ini supaya meningkatkan operasi perniagaan mereka melalui teknologi ICT dalam operasi perniagaan mereka dan menguasai kemahiran pengurusan, perakaunan dan pemasaran;
 - (b) Menyediakan lebih banyak premis-premis perniagaan yang mampu dibeli atau disewa oleh Bumiputera bagi menarik lebih ramai Bumiputera berniaga dalam kawasan pusat bandar dan bandar utama lain;

- (c) Memperkenalkan dan menggalakkan pembinaan dan penyediaan ruang-ruang niaga mengikut konsep Pekan Rabu bagi kawasan George Town dan bandar-bandar utama lainnya, iaitu ruang-ruang niaga kecil untuk belian atau sewaan di dalam sebuah kompleks perniagaan; dan
 - (d) Menggembeng secara usaha bersepadu dan menyeluruh semua agensi dan usahawan Bumiputera supaya sektor perkhidmatan dapat diceburi secara bermakna oleh Bumiputera.
- (iii) Bagi meningkatkan pembangunan usahawan dalam sektor industri asas tani, Kerajaan Negeri akan terus memberi galakan kepada golongan petani dan nelayan dalam menggunakan teknologi moden di bidang pengurusan perladangan yang baik, teknologi mekanisme ladang, teknologi marin dan bioteknologi serta meningkatkan pemberian bantuan oleh agensi. Perkampungan nelayan dan pertanian yang bersesuaian akan turut dimajukan sebagai produk ekopelancongan dan agro. Skim Usahawan Siswazah akan terus diperluas bagi menarik lebih ramai Bumiputera untuk menceburi bidang pertanian sebagai usahawan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Masjid Seberang Jaya memerlukan peruntukan di antara RM4.5 juta hingga RM5.5 juta dan Masjid Timah juga memerlukan peruntukan RM3.5 juta hingga RM4.0 juta bagi pembiayaan pembesaran dan pengubahsuaian masjid-masjid tersebut. Maka bilakah peruntukan tersebut dapat diluluskan.

Y.A.B. Ketua Menteri

19. Dimaklumkan bahawa permohonan bagi mendapatkan peruntukan pembesaran Masjid Seberang Jaya telah dikemukakan kepada Pejabat Pembangunan Negeri untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM4.5 juta. Walau bagaimanapun sehingga kini ianya masih dalam pertimbangan pihak Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan sejumlah peruntukan selepas Kerajaan Persekutuan meluluskan permohonan tersebut atas dasar pembiayaan bersama 70% Kerajaan Persekutuan dan 30% Kerajaan Negeri. Sementara itu, bagi permohonan peruntukan Masjid Timah juga telah dikemukakan ke Pejabat Pembangunan Negeri untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan dimaklumkan bahawa permohonan ini juga masih dalam pertimbangan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Apakah perancangan di peringkat negeri bagi membantu dalam bentuk dana pinjaman kepada belia-belia untuk mereka dapat menceburi bidang perniagaan kecil dan industri asas tani.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk menubuhkan Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil Negeri Pulau Pinang bagi membantu peniaga dan penjaja kecil Negeri Pulau Pinang mendapatkan kemudahan kewangan bagi tujuan sama ada untuk memulakan perniagaan atau mempertingkatkan perniagaan yang diceburi. Wang dalam tabung ini akan disalurkan kepada penjaja dan peniaga kecil dalam bentuk pinjaman dengan bantuan tidak melebihi RM10,000.00. Melalui tabung ini, Kerajaan Negeri berhasrat untuk membantu Ketua Isi Rumah (KIR) yang miskin keluar dari kepompong kemiskinan dengan menceburi bidang keusahawanan.

Selain dari itu Kerajaan Negeri juga sentiasa menyokong program keusahawanan dan pertanian yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian Negeri. Antara program Pembangunan Pertanian yang boleh diceburi oleh belia-belia ialah:

- (i) Pembangunan Industri Tanaman Makanan.
- (ii) Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan (Industri Asas Tani).
- (iii) Pembangunan Lain-Lain Tanaman Ekonomi.
- (iv) Pembangunan Kawasan Kelapa.
- (v) Pembangunan Sumber Manusia.
- (vi) Pembangunan Kelompok Tani.
- (vii) Pembangunan Petani Pelapis.
- (viii) Pembangunan Aktiviti Jualan Terus.

Insentif yang telah dan akan diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pengeluaran makanan di Pulau Pinang melalui program pembangunan negeri adalah:

- (1) Insentif Galakan Teknologi.
 - (a) Infrastruktur Ladang seperti pembersihan ladang dan perparitan.

- (b) Input pertanian seperti baja dan racun.
 - (c) Mekanisasi ladang seperti pam air, *cultivator* dan lain-lain semuanya dalam bentuk pinjaman.
- (2) Pembangunan Projek Industri Asas Tani.
- (a) Bengkel Baru dan menaik taraf bengkel.
 - (b) Peralatan atau mesin dalam bentuk pinjaman.
 - (c) Pembangunan Produk seperti pembungkusan.
- (3) Perkhidmatan Pengembangan Perladangan Kelompok
- (a) Khidmat Nasihat Teknikal Dan Pengurusan Projek
 - (b) Latihan Teknikal
 - (c) Petak Demonstrasi
 - (d) Lawatan Belajar Ke Projek-Projek Yang Berjaya
 - (e) Insentif Amalan Teknologi Pertanian
 - (f) Bimbingan Pemasaran Hasil Pertanian
 - (g) Diagnostik Tanaman
 - (h) Klinik Pengembangan (Dr.Pokok)
 - (i) Pameran Dan Promosi
 - (j) Media Pengembangan

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah perancangan dan dasar Kerajaan Negeri yang telah dan akan dilaksanakan bagi mengukuhkan lagi institusi keluarga bahagia berbilang bangsa dan kaedah. Apakah yang akan diperkenalkan untuk membantu golongan wanita-wanita yang daif di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan mewujudkan Pusat Perkhidmatan Wanita di Seberang Perai dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak di Padang Tembak, Air Itam.

Wanita yang berkeluarga dan mempunyai masalah disarankan untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar kaunselor yang ditempatkan di Pusat Perkhidmatan Wanita. Khidmat nasihat yang disediakan adalah secara percuma sama ada secara bersua muka atau berhubung melalui talian telefon.

Pusat Jagaan Kanak-Kanak ditubuhkan untuk membantu ibu tunggal dan keluarga yang berpendapatan rendah menempatkan anak-anak mereka dengan kadar bayaran yang amat minima. Melalui program ini, ibu tunggal dan wanita daripada keluarga berpendapatan rendah dapat keluar bekerja mencari rezeki bagi menampung beban keluarga.

Pusat Perkhidmatan Wanita dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak akan menempatkan pegawai-pegawai daripada berbilang bangsa bagi menunjukkan keprihatinan Kerajaan dalam menerapkan nilai perpaduan dalam pelaksanaan kepada program-program tersebut.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Bagaimanakah dapat Kerajaan Negeri membantu bagi memastikan bahawa infrastruktur dan keperluan asas penduduk di luar bandar disediakan peruntukan termasuk pembinaan dan penyelenggaraan jalan mini tar, dewan-dewan orang ramai, parit dan longkang kampung dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Untuk memastikan infrastruktur dan keperluan asas penduduk di luar bandar disediakan, Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan untuk pelaksanaan projek infrastruktur dan keperluan asas penduduk luar bandar seperti berikut :-
 - (i) Pembinaan, pembaikan (naik taraf) dan penyelenggaraan kecil seperti penyelenggaraan jalan kampung, surau, masjid, sekolah agama rakyat, dewan, longkang, titi dan kemudahan-kemudahan masyarakat yang lain.
 - (ii) Projek bekalan air dan elektrik luar bandar.
 - (iii) Projek pertanian dan projek ekonomi yang memberi faedah secara langsung kepada petani seperti penyelenggaraan saluran/sistem perparitan, projek mencegah banjir dan pembinaan pusat-pusat kegiatan petani.

Bagi memastikan keperluan peruntukan disediakan untuk projek infrastruktur dan keperluan asas penduduk di luar bandar, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah akan menyiasat dan mempertimbangkan permohonan dan cadangan daripada pelbagai pihak termasuk JKKK, agensi kerajaan dan orang ramai. Peruntukan bagi

projek ini akan disalurkan berdasarkan permohonan dan keperluan sebenar yang diperlukan kerana dengan peruntukan yang terhad, Kerajaan Negeri perlu membelanjakan sumber dengan sebaiknya bagi memastikan impak yang optimum.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Apakah cara pengawalan dan bantuan yang dapat diberikan supaya pembinaan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang baru di tepi-tepi jalan dan tempat awam dapat diberikan kelulusan dan/atau diambil tindakan supaya tidak berlaku perselisihan faham dan kekeliruan dasar PBT dan pegawai-pegawai kerajaan tidak dipersalahkan jika sesuatu tindakan diambil bagi perkara yang sama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pemohon Pembinaan Rumah Ibadat perlu mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang mengikut senarai semak Pusat Setempat (OSC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Jawatankuasa OSC akan merujuk pelan ini kepada semua jabatan teknikal untuk mendapatkan ulasan dan seterusnya merujuk notis kepada lot berjiran mengikut Sek. 21(6), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976.

Sekiranya terdapat bantahan daripada lot berjiran, satu pendengaran bantahan akan diadakan oleh Jawatankuasa OSC. Pemohon perlu mematuhi kehendak-kehendak teknikal yang telah ditetapkan. Sekiranya pemohon mematuhi semua kehendak teknikal tersebut dan Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) memperakukan permohonan ini, maka permohonan ini akan diluluskan oleh Jawatankuasa OSC. Permohonan ini juga akan dirujuk kepada Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di peringkat negeri untuk pandangan dan perakuan. Pertimbangan bagi permohonan Kebenaran Merancang yang dikemukakan akan mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) pelengkungan tapak tersebut adalah berdasarkan Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP);
- (ii) tatasusunan jalan tapak tersebut;
- (iii) komposisi/kepadatan kaum di kawasan tersebut; dan
- (iv) sama ada terdapat bantahan daripada lot-lot berjiran.

Pembinaan RIBI yang baru di tepi-tepi jalan dan tempat awam juga terikat dengan undang-undang ini dan perlu mengemukakan pelan untuk kelulusan. Bagi pembinaan di tepi jalan dan tempat awam, ia perlu mendapat kebenaran dari Pejabat Tanah dan Daerah kerana tapak-tapak ini adalah milik Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Apakah sumber-sumber kewangan baru yang sedang dirancang oleh Kerajaan Negeri dan berapakah anggaran jumlah pendapatan dari sumber ini untuk tempoh 5 tahun dari sekarang dan huraikan secara terperinci mengikut tajuk dan anggaran jumlah yang dijangkakan.

Y.A.B. Ketua Menteri

24. Kerajaan Negeri tidak mempunyai sumber baru untuk dimajukan kecuali memastikan bahawa penggunaan sumber-sumber kewangan sedia ada diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan melalui amalan prinsip CAT; Cekap, Akauntabiliti dan Telus dalam urus tadbir, mempergiatkan usaha mengutip tunggakan hasil dan memastikan perbelanjaan dibuat dengan mengambil kira nilai kos/faedah yang terbaik bagi mendapatkan pulangan yang maksima dalam melaksanakan projek pembangunan dan pemberian perkhidmatan kepada rakyat di negeri ini.

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha mendapatkan sumber kewangan baru bagi membiayai pelaksanaan projek-projek pembangunan di negeri ini khususnya projek-projek besar dengan cara memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Di samping itu, usaha sama juga dibuat dengan sektor swasta termasuk membawa masuk pelaburan asing dari luar negara. Namun demikian, pulangan hasil yang dapat dikutip daripada aktiviti pelaburan asing tersebut dan rangkaian aktiviti-aktiviti yang timbul berikutannya dalam bentuk cukai kastam, cukai syarikat, cukai pelabuhan, caj pengangkutan udara dan cukai pendapatan individu, kesemuanya adalah milik Persekutuan. Namun begitu, Kerajaan Negeri tetap memperoleh manfaat melalui kewujudan peluang-peluang pekerjaan dan kemajuan ekonomi negeri yang berkembang pesat berikutan aktiviti pelaburan asing tersebut seperti mana yang disasarkan iaitu meningkatkan mutu kehidupan dan kesejahteraan rakyat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Setakat manakah dapat Kerajaan Negeri membantu untuk diwujudkan satu bangunan 3 tingkat bagi melengkapkan gelanggang bola keranjang di Jalan Tenggara dan dijangka memerlukan peruntukan RM800 ribu – RM1.5 juta sekiranya peruntukan yang diharapkan dari Kerajaan Persekutuan tidak diperolehi.

Y.A.B. Ketua Menteri

25. Kerajaan Negeri pada masa kini tiada perancangan untuk mewujudkan bangunan 3 tingkat bagi melengkapkan gelanggang bola keranjang di Jalan Tenggara kerana kekangan kewangan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan permohonan apabila keadaan kewangan mengizinkan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)

bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Bolehkah Kerajaan Negeri mewujudkan produk–produk pelancongan ala *Disneyland* dan satu *Water Theme Park* yang dapat dikunjungi sepanjang tahun oleh penduduk tempatan dan penduduk negeri-negeri dalam Malaysia.

Y.A.B. Ketua Menteri

26. Pada masa ini Kerajaan Negeri ada menerima cadangan daripada pihak swasta untuk membina *Water Theme Park* di negeri ini. Walau bagaimanapun ianya masih di peringkat pertimbangan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah)

bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Bagaimanakah bantuan dari Pusat Urus Zakat diluluskan untuk bantuan-bantuan mengikut asnaf-asnaf yang diluluskan dan adakah bantuan-bantuan kepada bukan Islam juga dibuat. Jika ya, adakah ianya bertentangan dengan kehendak Islam dan jika ianya dibolehkan tolong nyatakan kelulusan diberikan mengikut taksiran yang bagaimana.

Y.A.B. Ketua Menteri

27. Pengagihan zakat yang dilaksanakan oleh Pusat Urus Zakat (PUZ), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang adalah berasaskan kepada Firman Allah S.W.T. di dalam Surah At-Taubah, ayat: 60. Ayat tersebut telah menyatakan dengan jelas bahawa terdapat 8 golongan Asnaf Zakat iaitu Fakir, Miskin, Amil, Muallaf, Ghorimin, Ibnu Sabil, Riqab dan Fisabilillah.

Program-program bantuan yang dilaksanakan di bawah asnaf-asnaf tersebut hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dan diperakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang supaya selaras dengan hukum dan kehendak syarak.

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang telah memutuskan bahawa zakat tidak boleh diagihkan kepada golongan bukan Islam dan tiada peruntukan agihan zakat bagi tujuan yang tersebut.

Walaupun PUZ pernah mengadakan program lawatan ke hospital di mana semua pesakit di wad termasuk yang bukan Islam diberikan hamper dan sagu hati menggunakan sumber zakat tetapi program itu telah dihentikan setelah mendapat keputusan Jawatankuasa Fatwa bahawa ianya tidak menepati hukum syarak.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Apakah keistimewaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada agensi-agensi kerajaan sama ada bagi yang di peringkat Negeri dan Persekutuan untuk memperolehi pertimbangan dan kelulusan cepat bagi perkara-perkara yang memerlukan restu dan kelulusan dari Kerajaan Negeri seperti kelulusan oleh PBT-PBT, Pejabat Tanah dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri

28. Keistimewaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada agensi-agensi Kerajaan sama ada di peringkat Negeri dan Persekutuan adalah seperti berikut:-
- (i) Bagi Cadangan Pemajuan (Permohonan Kebenaran Merancang, Permohonan Pelan Bangunan, Permohonan Pelan Jalan dan Parit dan lain-lain) sama ada di Agensi Negeri atau Persekutuan, tempoh masa memproses Cadangan Pemajuan adalah selama 4 bulan berbanding oleh agensi swasta selama 6 bulan. Agensi kerajaan dibolehkan untuk mengemukakan permohonan secara serentak untuk permohonan kebenaran merancang, permohonan pelan bangunan, permohonan kerja tanah dan sebagainya;
 - (ii) Bagi projek kerajaan, kebenaran khas untuk memulakan kerja boleh diberikan selepas kebenaran merancang diberikan dan sebelum pelan bangunan diluluskan. Walau bagaimanapun, pelan bangunan hendaklah mengikut Kebenaran Merancang yang telah diberikan. Tempoh untuk memproses permohonan kebenaran merancang bagi projek agensi kerajaan adalah 92 hari berbanding dengan 142 hari bagi projek oleh pemaju biasa.

Untuk mempercepatkan lagi proses ini, Jabatan Induk (contohnya Jabatan Perancang Bandar dan Pengindahan) akan diberi tempoh 70 hari untuk menyediakan Kertas Mesyuarat bagi pertimbangan Jawatankuasa OSC. Dalam permohonan oleh pemaju biasa, tempoh yang diberikan adalah 94 hari.

Jabatan-jabatan teknikal yang terlibat untuk memberi ulasan teknikal pula (seperti JKR, JPS, PTD, Bomba, JAS dan lain-lain) akan diberikan tempoh masa 30 hari untuk memberi ulasan berbanding dengan 40 hari untuk projek biasa; dan

- (iii) Yuran pelan boleh dikecualikan bagi projek Kerajaan mengikut Sek. 57(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 29. Bagaimanakah boleh Kerajaan Negeri membantu bagi pemilik-pemilik tanah bukit di Negeri ini memajukan tanah mereka untuk pembangunan perumahan dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 29. Pemilik-pemilik tanah yang tanahnya terlibat dengan kawasan tanah bukit yang diwartakan boleh mengemukakan permohonan untuk pengeluaran di bawah Akta Tanah Bukit 1960 dan permohonan tukar syarat tanah sekiranya ia merupakan tanah pertanian melalui Pentadbir Tanah Daerah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 30. Sila namakan nama dan fungsi syarikat dan anak syarikat Kerajaan Negeri secara terperinci dari segi jumlah keseluruhan syarikat yang diwujudkan, jumlah yang akan dijual atau ditutup dan juga yang akan diwujudkan lagi serta maklumat mengenai ekuiti peratusan milik kerajaan modal dibenarkan dan modal berbayar bagi perkara yang sama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 30. Setakat ini, bilangan anak syarikat milikan penuh dan anak syarikat (ekuiti sekurang-kurangnya 51%) PDC adalah sebanyak 16. Daripada jumlah tersebut sebanyak 13 buah syarikat adalah aktif, 2 tidak aktif dan sebuah di bawah proses pembubaran. Pada masa ini PDC tiada rancangan untuk menjual anak-anak syarikatnya ataupun mewujudkan syarikat baru. Butir-butir mengenai anak-anak syarikat tersebut adalah seperti di Lampiran 1.

V. Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah pendirian Kerajaan Pulau Pinang terhadap menara-menara telekomunikasi yang terdapat di negeri ini, dan adakah kajian-kajian yang perlu telah pun dan atau akan diadakan untuk memastikan keselamatan menara-menara telekomunikasi tersebut kepada rakyat jelata. Sekiranya ya, apakah keputusan kajian-kajian yang tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berhubung dengan pembinaan menara-menara telekomunikasi, Kerajaan Negeri mengguna pakai Garis Panduan Pembinaan Menara & Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan pada April 2002. Di samping itu, Kerajaan Negeri pada 27 Julai 2005 turut membuat keputusan supaya semua permohonan menara telekomunikasi dikecualikan daripada mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang.

Semasa permohonan dibuat, pemohon dikehendaki mendapatkan perakuan daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Penerbangan Awam dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sebelum permohonan mereka boleh dipertimbangkan.

Susulan kepada bantahan orang awam yang kian meningkat terhadap pembinaan menara/struktur telekomunikasi, Kerajaan Negeri sedang mengambil langkah untuk mengkaji semula keperluan Permohonan Kebenaran Merancang untuk permohonan membina menara telekomunikasi di Pulau Pinang. Kertas cadangan berhubung perkara tersebut telah siap dan akan dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Satu kertas makluman bertajuk *Guidance To Safety And Health Aspects Of Base Stations And Mobile Phones* yang dibentangkan oleh wakil Kementerian Kesihatan semasa mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-60 pada 3 Jun 2008 memaklumkan bahawa hasil kajian yang dilakukan mendapati tiada bukti konklusif bahawa frekuensi pemancar telekomunikasi menyebabkan masalah kesihatan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/ Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila nyatakan maklum balas terhadap polisi Kerajaan Negeri yang membenarkan pertukaran status tanah pajakan kepada pegangan bebas. Adakah terdapat aspek-aspek di dalam proses tersebut yang boleh dipertingkatkan agar dapat mengatasi kebimbangan rakyat Pulau Pinang yang ingin membuat permohonan sedemikian termasuk sama ada keperluan menyerahkan geran asal tanah dapat dikecualikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Adalah dimaklumkan bahawa tidak ada peruntukan seksyen khusus di bawah Kanun Tanah Negara bagi permohonan sedemikian. Sehubungan itu, bagi membolehkanlah tuan tanah menukar status tanah (kediaman) daripada pajakan kepada pegangan bebas, tuan tanah perlu menyerahkan tanah mereka terlebih dahulu di bawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara dan memohon pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara.

Bagi mengelakkan sebarang kesulitan kedua-dua permohonan tersebut perlu dibuat serentak. Kelulusan pemberimilikan ini akan diberikan dalam bentuk tawaran berserta bayaran premium yang perlu dijelaskan (nilai bagi pegangan kekal - nilai bagi tempoh pajakan sedia ada). Sekiranya pemohon gagal menjelaskan bayaran premium yang dikenakan, kelulusan adalah terbatal dan hak milik baru tidak akan dikeluarkan. Tempoh pegangan tanah adalah kekal seperti pegangan asal.

Sebagai langkah bagi mengatasi keraguan rakyat, Pentadbir Tanah telah tidak mensyaratkan supaya dokumen hak milik tanah diserahkan semasa membuat permohonan. Surat hak milik asal hanya perlu diserahkan untuk tujuan pembatalan setelah tuan tanah bersetuju dengan terma-tema pemberian milik yang baru. Pembatalan hak milik lama dibuat serentak di peringkat pendaftaran hak milik baru. Senarai semak proses permohonan adalah seperti berikut:-.

**SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN PENYERAHAN TANAH DAN
PEMBERIMILIKAN TANAH**

(a)	(i)	Enam (6) salinan Borang 12A yang lengkap diisi (Seksyen 197) dan dua (2) salinan Borang Form 1 yang lengkap diisi (Seksyen 76 KTN)
	(ii)	(Borang boleh diperolehi secara percuma di kaunter Pejabat Tanah Daerah atau dicetak dari Laman Web www.ptg.penang.gov.my).
(b)		Bayaran memproses permohonan atas kadar RM200.00 bagi satu lot
(c)		Satu (1) salinan resit cukai tanah terkini.
		Satu (1) salinan hak milik (Geran Tanah) (photo copy).
		Dua (2) salinan pelan saiz A4 (pelan boleh dibeli di kaunter Pejabat Tanah dimana tanah itu berada/Pejabat Ukur).
		Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon (bagi permohonan individu).
		Dua (2) salinan <i>Memorandum And Article Of Association</i> (bagi permohonan daripada syarikat).

***Catatan:**

- (a) Hanya hartanah berstatus *landed* sahaja boleh mengemukakan permohonan. Bagi pemilik-pemilik berbilang tingkat (strata), permohonan belum dapat dipertimbangkan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri :

3. Merujuk kepada kejatuhan pasaran ekonomi global dan keadaan yang tidak menentu, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menahan kesan-kesannya (*to cushion its effects*).

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Masalah kewangan antarabangsa (bermula dari Amerika Syarikat dan diperluaskan ke Eropah serta Asia Pasifik) dijangka akan menyebabkan kemelesetan ekonomi sedunia pada masa yang akan datang. Ekonomi Negeri Pulau Pinang yang berorientasikan eksport, terutamanya barang-barang pembuatan elektronik dan semikonduktor, di mana pasaran eksportnya kebanyakan ke Amerika Syarikat dan Eropah, dijangka akan mengalami kelembapan, kalau bukan kemelesetan.

Dalam jangka pendek, langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri termasuk :

- (i) Memantau perkembangan ekonomi sedunia serta prestasi sektor-sektor ekonomi dalam negeri;
- (ii) Mengadakan perbincangan dan mendapat maklum balas dari persatuan-persatuan industri untuk mengkaji, menyelesaikan atau mengurangkan masalah yang dihadapi oleh pihak industri dan pekerja;
- (iii) Meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengurusan bagi sektor awam dan swasta, agar mengurangkan kos serta perubahan ke arah sektor yang memberi lebih ekonomi;
- (iv) Memantapkan lagi kempen perbelanjaan berhemat atau berjimat-cermat supaya kesedaran masyarakat terus dipupuk;
- (v) Bekerjasama dengan universiti awam, pusat-pusat latihan kemahiran dan kolej-kolej swasta untuk menjalankan program latihan semula atau '*reskilling*' bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan pekerjaan (*layoff*) akibat kemelesetan ekonomi dan para graduan yang belum dapat pekerjaan;

- (vi) Mewujudkan sebuah *'skill-rematching task force'* untuk membantu pekerja-pekerja yang kehilangan kerja atau para graduan yang belum dapat pekerjaan, untuk mencari pekerjaan baru;
- (vii) Menggalakkan pengusaha-pengusaha kilang untuk mengurangkan pengambilan pekerja-pekerja asing dan mengutamakan pekerja tempatan dalam mengisi kekosongan di kilang masing-masing;
- (viii) Membantu industri kecil dan sederhana tempatan untuk membuka peluang pasaran yang baru melalui :
 - (a) kerjasama erat dengan MATRADE;
 - (b) mengadakan program pemadanan *perniagaan (business matching program)* dengan MNCs yang beroperasi di Pulau Pinang dan Malaysia; dan
 - (c) mengadakan misi perdagangan ke negara-negara yang bukan pasaran tradisi seperti Korea Selatan, Timur Tengah, Negeri China, India dan juga Indonesia.
- (ix) Mengkaji cadangan projek-projek perumahan, pejabat dan pusat pembeli-belah yang baru secara teliti sebelum kelulusan diberikan agar masalah *'overhang'* dan NPLs (Non-performing loans) dapat dikurangkan atau dielakkan; dan
- (x) Mempergiatkan lagi strategi untuk memelihara dan mengekalkan pasaran pelancong domestik. Usaha ini diharap akan dapat menstabilkan sektor pelancongan yang memang merupakan salah satu penjana sumber kewangan kepada ekonomi negeri selama ini. Krisis global dijangka akan memberi kesan kepada perkembangan industri pelancongan antarabangsa dan kadar pelancong asing yang mengunjungi Malaysia (dan Pulau Pinang) dijangka akan berkurangan.

Sesungguhnya pelancongan domestik mempunyai potensi untuk diperkembangkan. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan menjalinkan hubungan kerjasama dengan pihak hotel serta pihak industri servis/penyokong yang lain bagi meningkatkan publisiti dan mengadakan *'road show'* untuk menawarkan pakej *'makan angin'* domestik yang sesuai kepada pelancong tempatan. Jenis pakej lawatan yang bertemakan hiburan keluarga, lawatan ke tempat-tempat berunsurkan budaya, agama dan makanan tempatan ala Pulau Pinang, yang dianggap sebagai *'best-value'* dan masih dalam kemampuan pelawat domestik yang ingin melancong pada masa inflasi dan krisis ekonomi sedang melanda di pentas dunia akan dirangka dan dilaksanakan. Pengekalan pasaran domestik ini merupakan salah satu langkah meningkatkan sentimen dan aktiviti pengguna/pembeli yang menimbulkan kesan positif sebagai pendorong kepada ekonomi Pulau Pinang.

Bagi jangka pertengahan dan panjang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang bergiat untuk :

- (i) Memperluas dan mempelbagaikan struktur ekonomi, termasuk memberi fokus untuk mentransformasikan sektor pertanian ke arah berorientasikan teknologi dan peningkatan kualiti dan keluaran;
- (ii) Menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana tempatan; dan
- (iii) Mempromosikan sektor pertumbuhan yang baru, memupuk nilai-nilai inovasi, dan bergerak menuju ke industri berasaskan pengetahuan, agar ekonomi negeri dapat terus berkembang maju.

Kerajaan Negeri juga akan memberi tumpuan kepada pelaburan tempatan. Usaha akan dipertingkatkan dalam *facilitation* syarikat-syarikat tempatan. Syarikat-syarikat tempatan yang berjaya dan berdaya saing dalam pasaran antarabangsa bukan sahaja melambangkan keupayaan dan kemampuan pengusaha tempatan, mereka juga merupakan sebahagian daripada rangkaian nilai syarikat-syarikat antarabangsa dan merupakan salah satu daripada daya tarikan utama Pulau Pinang. Dengan kata lain, syarikat-syarikat tempatan menjadi pemangkin sektor perindustrian.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menarik pelaburan-pelaburan terus asing (*Foreign Direct Investments-FDI*) ke Pulau Pinang dan sila nyatakan fakta-fakta dan angka-angka berkaitan dengan FDI di Pulau Pinang sejak 8.3.2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan-pelaburan terus asing (*Foreign Direct Investment-FDI*) ke Pulau Pinang adalah seperti berikut:
 - (a) Kerajaan Negeri berwawasan menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar raya antarabangsa yang menjadi lokasi pilihan kepada pelabur, destinasi pilihan kepada pelancong dan tempat tinggal pilihan untuk *sustainable living*. Wawasan ini diperkukuhkan dengan 10 teras utama pembangunan iaitu pendidikan; warisan; perubatan; ibu pejabat serantau (*regional HQs*), industri, *Meeting, Incentives (MICE); Conference and Exhibition*; kesenian dan kebudayaan; makanan (*culinary*); sukan; dan ekopelancongan.

- (b) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai lokasi utama pilihan pelabur dengan membangunkan kawasan-kawasan perindustrian baru seperti *Penang Science Park* dan kawasan perindustrian Batu Kawan. Kawasan perindustrian ini dibangunkan untuk memenuhi permintaan pelabur dalam industri strategik pada masa hadapan.
- (c) Kerajaan Negeri melalui investPenang akan mempertingkatkan usahanya untuk menggalakkan aliran masuk pelaburan asing ke dalam sektor perindustrian di Pulau Pinang. Usaha galakan pelaburan tidak akan hanya ditumpukan kepada pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat dan Eropah tetapi tumpuan baru juga akan diberikan kepada potensi pelaburan dari Korea Selatan, Timur Tengah, China, India dan juga Indonesia.
- (d) Meningkatkan jaringan teknologi tanpa wayar. Ini dapat dibuktikan dengan pengiktirafan Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang menggunakan perkhidmatan *internet* jalur lebar tanpa wayar melalui WiFi dengan pelancaran *Wireless@PENANG*. Peringkat pertama projek adalah kemudahan teknologi WiFi secara percuma di seluruh negeri, diikuti dengan peringkat kedua iaitu perkhidmatan berbayar untuk capaian yang lebih laju di kawasan tertentu menggunakan teknologi WiMAX. Kemudahan WiFi percuma disediakan di lokasi-lokasi terpilih dan akan diperluaskan secara berperingkat sehingga meliputi kira-kira 750 kawasan tumpuan dalam tempoh 15 bulan.
- (e) Kerajaan Negeri akan terus mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab pelaburan global dengan menasaskan pelaburan industri berteknologi tinggi seperti *Avionics*, *OLED* dan *Photovoltaic*.
- (f) Mengukuhkan *clusters* yang sedia ada iaitu *Penang Automation Cluster (PAC)*, *Penang RF Cluster (PRFC)*, *Software Consortium of Penang (SCOPE)* dan *Techbiz (Bumiputra ICT Cluster)*. Kerajaan Negeri akan terus berusaha mengelompokkan *grouping* industri-industri yang berkaitan di dalam *clusters* untuk mewujudkan sinergi, sokongan usahasama, perhubungan di antara *clusters* dan organisasi-organisasi industri lain, meningkatkan daya saing industri tempatan serta mempromosikan kepakaran dan kemampuan syarikat tempatan kepada syarikat multinasional.

Untuk tahun 2008, pelaburan yang diluluskan oleh Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) untuk sektor pengilangan bagi jangkamasa Januari – Ogos adalah dijangka sebanyak RM6.1 billion. Ini merupakan jumlah pelaburan yang tertinggi sekali diluluskan dalam sejarah Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, oleh kerana ada perangkaan RM8 bilion yang diumumkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa, Y.B. Tan Sri Muhyiddin Yassin di surat khabar tempatan yang bercanggah dengan RM8 billion sehingga Ogos 2008, Kerajaan Negeri sedang berusaha mendapat kepastian.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila nyatakan langkah-langkah yang telah diambil sejak 8 Mac 2008 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di bahagian pulau dan keberkesanannya dalam mengatasi masalah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Langkah-langkah yang diambil sejak 8 Mac 2008 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di bahagian pulau adalah seperti berikut:
 - (i) Mengurus lalu lintas dengan melaksanakan pengurusan lalu lintas setempat (*localised traffic management plan*) seperti sistem jalan sehalu, mengadakan papan tanda larangan, menyediakan kawalan lampu isyarat serta menyelaraskan lampu isyarat antara persimpangan. Kawalan *Intelligent Transport System* dan CCTV telah disediakan dan akan diperluaskan secara berperingkat. Di samping itu, tindakan sedang diambil untuk menangani masalah lalu lintas di kawasan sekolah yang menjadi salah satu punca kesesakan lalu lintas;
 - (ii) Membina, meluaskan dan menambah baik laluan pejalan kaki serta kemudahan berkaitan termasuk kemudahan orang kurang upaya dan berusia untuk menggalakkan orang ramai berjalan kaki untuk perjalanan jarak dekat. Tindakan-tindakan selaras dengan perwujudan Bandar Selamat juga telah diambil dan akan dipertingkatkan seperti mengasingkan laluan pejalan kaki dan kenderaan, meningkatkan pencahayaan serta mengadakan Sistem CCTV;
 - (iii) Menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam terutama sekali bas awam. Kerajaan Negeri telah memberi bantuan dan kerjasama serta menyediakan pelbagai kemudahan untuk menjayakan perkhidmatan RapidPenang Sdn. Bhd. di Pulau Pinang dan akan terus menyeru Kerajaan Pusat menambah baik perkhidmatan RapidPenang. Kerajaan pusat telah menyatakan bahawa sebanyak 100 buah bas lagi akan disediakan untuk perkhidmatan RapidPenang yang dijangka dapat beroperasi pada bulan April 2009. Kerajaan Negeri juga mensasarkan untuk mewujudkan perkhidmatan Bas Shuttle di pusat bandar George Town pada 1 Januari 2009. Selain daripada ini, *Hybrid Electric Tram System* sedang dipertimbangkan untuk kawasan pusat bandar;

- (iv) Merancang pembangunan dan corak guna tanah yang terkawal dan tersusun dengan infrastruktur yang berpadanan di samping mewujudkan bandar-bandar satelit untuk mengurangkan kesesakan di kawasan pembangunan padat sedia ada;
- (v) Membina jalan-jalan baru dan menaik taraf yang sedia ada untuk mengawal kesesakan, mengagih dan menyurai aliran lalu lintas serta meningkatkan keselamatan jalan raya. Kerajaan Negeri akan terus mendesak Kerajaan Persekutuan dalam hal ini terutama sekali bagi pembinaan Projek Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) dan mempercepatkan pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua serta lain-lain projek yang telah dikenal pasti di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Di samping ini, pemaju pembangunan baru disyaratkan membina jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada serta menyediakan ruang peletakan kenderaan yang mencukupi, dan
- (vi) Kerajaan Negeri telah mengenal pasti tapak-tapak untuk disediakan dengan kemudahan *Compressed Natural Gas* (CNG) terutama sekali untuk teksi dan kenderaan pengangkutan awam. Dengan kemudahan ini, pengusaha perkhidmatan pengangkutan awam dapat menjimatkan kos yang dapat disalurkan semula untuk menambah baik perkhidmatan dan mengurangkan tambang. Melalui penyediaan kemudahan CNG, Kerajaan Negeri berharap sistem teksi bermeter dapat diperkenalkan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri sedang di peringkat mengenal pasti perunding untuk menjalankan Kajian Pelan Induk Pengangkutan untuk Negeri Pulau Pinang. Kajian ini akan mengenal pasti polisi-polisi dan tindakan yang perlu diambil secara menyeluruh dan bersepadu bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang untuk menambah baik sistem pengangkutan di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri percaya bahawa setiap tindakan dan langkah yang diambil telah dan akan menyumbang kepada pengurangan kesesakan lalu lintas. Ada di antaranya memberi keputusan serta-merta seperti pengurusan lalu lintas setempat dan ada yang akan mengambil masa untuk direalisasikan. Oleh itu peranan, kerjasama dan peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan juga diperlukan untuk membolehkan langkah-langkah ini dilaksanakan secara berkesan.

Kerajaan Negeri akan memastikan segala usaha diambil secara berterusan untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas di bahagian pulau ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan dan mempertingkatkan tahap keselamatan di hotel-hotel, khususnya selepas insiden yang meragut nyawa seorang kanak-kanak kecil di sebuah hotel di Pulau Pinang yang berlaku pada 3 Oktober, 2008 kerana peristiwa tersebut akan memberi kesan kepada sektor pelancongan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri sentiasa memberi penekanan terhadap tahap keselamatan yang tinggi di hotel-hotel dan kawasan-kawasan pelancongan. Merujuk kepada insiden yang meragut nyawa seorang kanak-kanak di hotel tersebut, pihak pengurusan hotel telah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi meningkatkan tahap keselamatan di hotel berkenaan. Antara tindakan yang diambil adalah seperti berikut:
 - (i) Menempatkan petugas penyelamat dan pemantau di kawasan kolam renang.
 - (ii) Melakukan pemerhatian di kawasan kolam renang melalui CCTV.
 - (iii) Memastikan kolam renang digunakan oleh penyewa hotel sahaja.
 - (iv) Menyediakan alat keselamatan yang terbaik di kawasan hotel.
 - (v) Memastikan tiada kanak-kanak bersendirian di kawasan kolam renang.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak Polis, Persatuan Hotel dan agensi-agensy yang berkenaan sentiasa memantau tahap keselamatan di hotel-hotel dan kawasan-kawasan pelancongan bagi memastikan tahap keselamatan tetamu-tetamu hotel dan pelancong sentiasa berada dalam baik dan terjamin.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri :

7. Sila nyatakan sejak Negeri Pulau Pinang dijadikan Tapak Warisan Dunia UNESCO, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan penyenaraiannya sebagai Tapak Warisan Dunia dikekalkan dan seterusnya sila nyatakan usaha-usaha yang telah diambil sehingga tarikh ini berkenaan perkara tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sehingga kini langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :

- (a) Tindakan berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Pemuliharaan yang merupakan sebahagian daripada *dossier* pencalonan. Perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan perlulah dipatuhi kerana Pelan Pengurusan Pemuliharaan ini akan dijadikan Asas Rujukan kepada pihak UNESCO semasa membuat penilaian berkala (*periodic assessment*).

Pelan Pengurusan Pemuliharaan juga adalah sebagai satu mekanisma untuk mengurus tadbir dan memulihara nilai kawasan yang dicalonkan. Di antara perkara penting yang digariskan oleh Pelan Pengurusan Pemuliharaan ialah :

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Warisan.
- (ii) Penubuhan Pejabat Warisan Dunia (*World Heritage Office*) Peringkat Negeri Pulau Pinang.
- (iii) Menubuhkan *State Heritage Fund*.
- (iv) Penubuhan Jabatan Warisan di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
- (v) Menubuhkan *Technical Review Panel* di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Tatacara penubuhan, skop, tanggungjawab dan keahlian ada dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan.

- (b) Di samping cadangan dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan, langkah-langkah tambahan seperti berikut telah dilaksanakan:
- (i) Kesedaran orang awam dan penyambutan kejayaan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia pada 25-27 Julai 2008.
 - (ii) Penubuhan dan Mesyuarat Panel Penasihat Warisan.
 - (iii) Cadangan taklimat oleh pakar warisan Encik Richard Engelhart.
 - (iv) Mesyuarat Penyelarasan Tapak Warisan antara Kerajaan Negeri Melaka, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang juga membincangkan peruntukan kewangan persekutuan dan pelaksanaan projek.
 - (v) Bengkel Perlindungan Monumen Lama dan Tanah dan Bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah atau seni bina.

- (c) Memastikan Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 (Pulau) mengambil kira perkara-perkara yang diliputi oleh *dossier* dan Pelan Pengurusan Pemuliharaan.
- (d) Menyediakan dokumen seperti kandungan *dossier* untuk bacaan umum oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pencalonan ini supaya apa-apa tindakan yang diambil tidak terkeluar daripada ciri-ciri pencalonan yang telah diluluskan.
- (e) Mengadakan beberapa siri dialog dengan pihak berkepentingan bagi memudahkan pelaksanaan Pelan Pengurusan Pemuliharaan.
- (f) Mengadakan publisiti meluas di dalam dan di luar negara.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri :

- 8. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menjadikan beberapa kampung Melayu, Cina dan India di seluruh Negeri Pulau Pinang untuk digazetkan sebagai kampung warisan. Sekiranya ya, sila nyatakan nama kampung-kampung tersebut dan sekiranya tidak, sila nyatakan mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mewartakan beberapa kampung tertentu sebagai kampung warisan tetapi hanya mempunyai dasar bagi kampung tradisi sahaja di bawah dasar DS33: PERKAMPUNGAN TRADISIONAL DAN PERKAMPUNGAN DALAM BANDAR AKAN DIKEKAL DAN PRASARANA DINAIKTARAF, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020).

Rancangan Struktur Negeri telah menyenaraikan perkampungan-perkampungan yang akan dikekalkan sebagai perkampungan tradisional. Senarai perkampungan yang terlibat adalah seperti berikut:

Bahagian Pulau

Kampung Seronok, Kampung Sungai Rusa, Kampung Teluk Bahang, Kampung Nelayan Balik Pulau, Kampung Sungai Batu, Kampung Teluk Kumbang, Kampung Masjid Teluk Kumbang, Kampung Bukit Gemuruh, Kampung Kongsi, Kampung Paya Teluk Kumbang, Kampung Paya Kongsi, Kampung Titi Teras, Kampung Perlis, Kampung Pondok Upeh, Kampung Kuala Sungai Pinang, Kampung Pantai Aceh, Kampung Sungai Pinang, Kampung Kuala Jalan Bharu, Kampung Sungai Korok, Kampung Bukit Bayan Lepas, Kampung Binjal, Kampung Permatang Tepi Laut, Kampung Genting, dan Kampung Terang.

Seberang Perai

Kampung Cheruk To'Kun, Kampung Machang Bubuk, Kampung Bukit Teh, Kampung Junjong, Kampung Alma, Kampung Baru, Kampung Bukit Minyak, Kampung Kuala Tasik, Kampung Teluk, Kampung Manggis, Kampung Tok Subuh, Kampung Bukit Kecil di Bukit Mertajam, Kampung Seri Kijang, Kampung Mengkuang Titi, Kampung Juru, Kampung Kota Aur, Kampung Pinang Tunggal, Kubang Menerung, Kampung Ara Kuda, Kampung Tasek, Kampung Besar (SPS), Kampung Sungai Acheh, Kampung Sungai Gelugur, Kampung Surau, dan Kampung Masjid Timah.

Kerajaan Negeri akan mengekalkan dan menaik taraf kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam kampung-kampung tradisional dari masa ke semasa. Selain itu usaha-usaha dan program-program menaik taraf jalan, pengindahan dan landskap perlu mengekalkan ciri-ciri tradisi dan budaya setempat kampung dan perlu dilaksanakan secara berterusan di kawasan-kawasan perkampungan ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri :

9. Sila nyatakan adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memberi perkhidmatan meletak kenderaan (*parking*) secara percuma kepada kakitangan Kerajaan Negeri di KOMTAR. Sekiranya tidak, sila nyatakan mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri sedang berusaha mewujudkan sebuah tempat meletak kenderaan untuk kakitangan awam khususnya yang bertugas di KOMTAR dengan menyewa sebuah tempat meletak kenderaan bertingkat daripada pengusaha tempat meletak kenderaan yang sedia ada di KOMTAR. Namun demikian, penyediaan ruang meletak kenderaan ini tidak dapat disediakan secara percuma. Usaha sedang dilakukan untuk mendapatkan kadar sewaan yang paling minima dan berpatutan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri :

10. Apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil untuk menangani masalah berkaitan dengan kerosakan lif dan ataupun perkhidmatan lif yang begitu lambat di KOMTAR yang menyukarkan orang awam mendapatkan akses yang mudah kepada agensi-agensi kerajaan yang ditempatkan di KOMTAR.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Perkhidmatan lif di KOMTAR telahpun berusia hampir 20 tahun. Dalam jangka masa perkhidmatan ini peralatan sokongan seperti kabel lif berkenaan perlulah diselenggara selalu dan kadangkala berlaku kerosakan yang memerlukan pembaikan besar.

Dalam menangani masalah ini, peralatan sokongan bagi 16 buah lif sedang diperbaharui dan pertambahan kemudahan akan dilaksanakan. Dijangka pada Oktober 2009 soal kelewatan dan kerosakan lif di zon bawah (kuning) dan lif zon tinggi (biru) akan dapat diatasi.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri :

11. Di peringkat negeri, apakah langkah-langkah yang telah ataupun sedang dan akan dibuat untuk mempereratkan perhubungan antara kaum, yang semakin kelihatan meleset memandangkan polisi-polisi Kerajaan Persekutuan, baru-baru ini. Apakah langkah-langkah yang wajar dan perlu boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan perhubungan antara kaum.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri amat prihatin akan perhubungan kaum dan juga perpaduan kaum. Oleh demikian, salah satu pendekatan yang dilakukan ialah menganjurkan program dan juga aktiviti yang melibatkan penglibatan semua kaum. Melalui program dan aktiviti yang dianjurkan, perpaduan dapat diterapkan apabila masyarakat berbilang kaum ini bekerjasama dalam menjayakan sesuatu program dan aktiviti. Antara program yang menerapkan perpaduan kaum ialah pelantikan JKKK di mana Kerajaan Negeri mewajibkan kesemua keahlian JKKK harus terdiri daripada pelbagai lapisan kaum.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri :

12. Melayu terpinggir merupakan satu isu yang telah lama dibangkitkan di Pulau Pinang. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasinya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Isu 'Melayu terpinggir', bukanlah satu isu yang baru dan bukanlah terhad kepada Negeri Pulau Pinang. Isu ini berbangkit kerana jurang perbezaan dari segi pencapaian ekonomi yang tidak seimbang dalam beberapa aspek seperti pegangan ekuiti, pemilikan hartanah, tahap pendapatan, pekerjaan, harta intelek, perdagangan dan perindustrian. Di samping itu, tahap pencapaian bumiputera dalam bidang-bidang baru seperti ICT dilihat sebagai terlalu perlahan.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui PDC telah berusaha untuk mengatasi isu ini melalui pendekatan seperti berikut;

- (i) Meningkatkan jumlah pemilikan rumah mampu milik terutamanya di kawasan bandar supaya kaum bumiputera dapat memiliki rumah dan meningkatkan ekonomi mereka di kawasan bandar;

- (ii) Penyediaan premis perniagaan seperti ruang niaga, gerai untuk peniaga kecil, unit-unit kilang siap bina IKS secara jualan, sewaan dan skim sewa beli untuk meningkatkan penglibatan bumiputera dalam sektor perniagaan yang berpotensi;
- (iii) Mewujudkan peluang perniagaan kepada bumiputera di kawasan bandar melalui peruntukan kerja kontrak pembinaan bangunan, infrastruktur, pembekalan, pengedaran dan perkhidmatan melalui proses tender;
- (iv) Melaksanakan usaha mempromosi produk usahawan melalui program bersama seperti Ekspo, *Showcase* Usahawan dan Pameran Perdagangan bagi membolehkan usahawan bumiputera turut serta membina jaringan perniagaan, memperluaskan pasaran dan mewujudkan peluang perniagaan kepada usahawan baru;
- (v) Melaksanakan program keusahawanan seperti Program Mentor-Mentee Kraf, Program Vendor, Program Akademi Teknopreneur dan Program Inkubator ICT bagi membuka peluang perniagaan kepada Bumiputera yang berpotensi dan kompeten untuk menjadi usahawan baru; dan
- (vi) Melaksanakan program Pembudayaan dan Latihan Keusahawanan untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan serta membantu mereka untuk memaju dan mengembangkan perniagaan. Di samping itu PDC juga melaksanakan program untuk memupuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar supaya mereka dapat menjadi usahawan di masa hadapan dan seterusnya berupaya meningkatkan taraf hidup bumiputera di Pulau Pinang termasuk di kawasan bandar dan luar bandar.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri :

13. Memandangkan kejayaan projek MM2H di Negeri Pulau Pinang, apakah langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menarik lebih ramai golongan warganegara asing untuk menyertai projek tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Program Malaysia *My Second Home* yang dipromosikan oleh Kerajaan Malaysia adalah bagi menggalakkan para pelancong dari seluruh dunia untuk datang bermastautin di Malaysia sebagai rumah kedua. Para pelancong yang ingin memohon program Malaysia *My Second Home* hendaklah mempunyai kriteria-kriteria yang dinyatakan dalam syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dengan menggunakan pas lawatan sosial untuk jangka masa 10 tahun. Pas lawatan sosial tersebut boleh diperbaharui bergantung kepada tarikh tamat tempoh passport antarabangsa pemohon tersebut.

Pelbagai langkah spesifik diambil bagi mempromosi program Malaysia *My Second Home*. Pelbagai strategi telah diatur bagi memastikan Pulau Pinang memperoleh keuntungan daripada program ini. Antara program-program yang diadakan ialah seperti berikut:

- (a) Seminar *Malaysia My Second Home* yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia bersama dengan Pusat MM2H ke negara-negara sasaran iaitu United Kingdom, Jepun dan Korea sekurang-kurangnya 2 kali setahun di bandar yang berbeza;
- (b) Penglibatan di dalam pameran/acara dalam negara dan antarabangsa yang dianjurkan oleh pihak swasta;
- (c) Penglibatan di dalam misi promosi yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia;
- (d) Seminar Malaysia My Second Home di dalam negara yang dianjurkan oleh persatuan, pihak swasta atau syarikat-syarikat MM2H;
- (e) Pembangunan laman web pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Jepun, Korea, Perancis, German, Itali, Arab dan Mandarin untuk pasaran berkaitan;
- (f) Hebahan mengenai program melalui brosur pelbagai bahasa seperti Bahasa Inggeris, Jepun dan Korea;
- (g) Penerbitan DVD mengenai program ini di dalam versi Bahasa Inggeris, Jepun dan Korea;
- (h) Wawancara mengenai program ini oleh media massa tempatan mahupun luar negara (The Star Sdn. Bhd, Real TV Seoul, Zealous Co. Ltd); dan
- (i) Penulisan/penerbitan artikel berkaitan MM2H di dalam media cetak yang akan dikenal pasti oleh Tourism Malaysia.

Untuk tahun 2008, usaha-usaha mempromosi program ini akan diteruskan lagi dengan meneruskan program seminar ke negara-negara sasaran dan akan memperluaskan skop seminar ke negara-negara sasaran kedua. Kerajaan Negeri bersama-sama pihak swasta akan terus menggembeng tenaga untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi MM2H dengan mempromosi Pulau Pinang sebagai negeri yang paling ideal untuk dijadikan sebagai tempat tinggal kedua (selain negara asal pelancong) atas faktor-faktor geografi, sosial, politik dan ekonomi yang stabil selain rakyatnya yang berbilang bangsa, kaya dengan adat dan budaya. Di samping itu, Pulau Pinang yang juga terkenal dengan pusat-pusat tarikan pelancongan serta kos sara hidup yang sederhana amat sesuai untuk pelaburan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang satu negeri yang *disabled friendly*. Sekiranya ya, sila nyatakan apakah tindakan yang telah diambil dan ataupun akan diambil, dan sekiranya tidak sila beritahu mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mengguna pakai Akta Orang Kurang Upaya 2007 bagi segala urusan berkaitan dengan Orang Kurang Upaya (OKU). Akta ini merupakan satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU serta penubuhan Majlis Kebangsaan bagi OKU dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri *disabled friendly*. Antara perancangan serta tindakan yang telah dan akan diambil merangkumi bahagian-bahagian yang berkaitan dengan akses kepada:

- (i) Kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam;
- (ii) Kemudahan awam;
- (iii) Pendidikan;
- (iv) Pekerjaan;
- (v) Maklumat komunikasi dan teknologi;
- (vi) Kehidupan berbudaya;
- (vii) Rekreasi, santai dan bersukan;
- (viii) Habilidad dan rehabilitasi;
- (ix) Perkhidmatan di rumah, kediaman dan sokongan komuniti lain;
- (x) Kesihatan; dan
- (xi) Bantuan.

Antara komitmen Kerajaan Negeri pada tahun 2008 dalam usaha ini ialah Projek Pengangkutan Awam untuk Orang Kurang Upaya di Pulau Pinang dengan kerjasama UNDP, Kaji selidik berhubung *accessibility* Pengangkutan Awam kepada OKU dengan kerjasama USM dan Kursus Bahasa Isyarat Malaysia kepada petugas kaunter di agensi Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan satu sistem pengangkutan jenis LRT di Pulau Pinang untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Sekiranya ya, sila beritahu rancangannya, dan sekiranya tidak sila jelaskan mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri sememangnya memberikan perhatian bagi meningkatkan kualiti sistem pengangkutan di Pulau Pinang. Mengikut Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020, Sistem LRT sememangnya salah satu sistem yang telah dikenal pasti untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan di Pulau Pinang. Ini dicerminkan dalam Dasar Spatial Utama (DSU) berikut :

DSU12 : Mewujudkan Satu Rangkaian Perhubungan Negeri Dan Wilayah Yang Lebih Menyeluruh Bagi Meningkatkan Tahap Ke mudah sampaian.

Dasar ini diterjemahkan melalui:

DSU12 L2 Menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai *Regional Transportation Hub* melalui pengukuhan peranan lapangan terbang, pelabuhan, perkhidmatan kargo, kereta api, transit laju serta penyediaan terminal-terminal pengangkutan awam bersepadu di lokasi-lokasi bersesuaian di Pulau dan Seberang Perai.

DSU12 L4 Mewujudkan sistem aliran transit laju yang menghubungkan pusat-pusat petempatan utama yang dikenal pasti dan di antara Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai dan di antara Negeri Pulau Pinang dan negeri-negeri bersempadan.

Untuk Dasar Sektor ia adalah melalui:

DS44 Kemudahan Perkhidmatan Pengangkutan Awam Yang Lebih Cepak Dan Selesa Akan Dipertingkatkan Secara Menyeluruh

lanya diterjemahkan melalui :

DS44 L4 Menjalankan kajian kemungkinan bagi mewujudkan perkhidmatan Transit Laju Ringan (Monorel) di beberapa koridor utama Bahagian Pulau dan Seberang Perai, merangkumi laluan seperti berikut:-
: Butterworth – Seberang Jaya – Kawasan Perindustrian Prai – Bukit Mertajam – Permatang Pauh (Bandar Baru PERDA) – Batu Kawan;

Jajaran Timur – Barat dari pangkalan feri ke Paya Terubong melalui kawasan Datok Keramat dan Ayer Itam; dan Jajaran Utara – Selatan dari Tanjong Tokong ke Lapangan Terbang

Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan bagi melaksanakan projek Monorel di Pulau Pinang. Projek ini akan menghubungkan pengkalan feri ke Paya Terubong (jajaran timur-barat) dan Tanjong Tokong ke Bayan Lepas (jajaran utara-selatan). Walau bagaimanapun di bawah Kajian Separuh Penggal RMK-9 Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan projek monorel di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri :

16. Sila nyatakan keberkesanan PDC, termasuk fakta-fakta dan angka-angkanya (*facts and figures*) setakat ini, selepas 8.03.2008 di dalam membawa pelaburan kepada Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Untuk tahun 2008, pelaburan yang diluluskan oleh MIDA untuk sektor pengilangan bagi jangka masa Januari – Ogos adalah di jangka sebanyak RM6.1 bilion. Ini merupakan jumlah pelaburan yang tertinggi sekali diluluskan dalam sejarah Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, oleh kerana ada perangkaan RM8 bilion yang diumumkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa Y.B. Tan Sri Muhyuddin Yassin di surat khabar tempatan yang bercanggah dengan RM8 bilion untuk tempoh masa yang sama, Kerajaan Negeri sedang berusaha mendapat kepastian.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri :

17. Sila nyatakan sehingga tarikh ini apakah projek-projek pembangunan di Pulau Pinang yang telah ditangguhkan oleh Kerajaan Persekutuan. Sekiranya ada projek sedemikian, sila nyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakannya secara sendiri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sehingga kini terdapat 2 projek mega di Negeri Pulau Pinang telah dikaji semula pelaksanaannya oleh Kerajaan Persekutuan. Projek-projek tersebut ialah:
 - (i). Projek Monorel
 - (ii). Projek *Penang Outer Ring Road* (PORR)

Projek Monorel Pulau Pinang sepanjang 32.2 kilometer yang menghubungkan Pengkalan Weld ke Paya Terubong dan Tanjung Tokong Ke Bayan Lepas sememangnya satu projek yang amat penting kepada Pulau Pinang. Pulau Pinang sering mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk terutama di bahagian pulau dan projek Monorel merupakan antara jalan penyelesaian yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah tersebut.

Projek ini dijangka menawarkan sistem pengangkutan awam yang cekap dan bersih, mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan raya dalam kawasan Bandar, mengurangkan kadar pencemaran udara, menjadi alternatif kepada pengangkutan awam yang sedia ada seperti bas dan teksi mengurangkan kemasukan kenderaan ke dalam kawasan bandar sekali gus mengurangkan penyediaan tapak meletak kenderaan awam dan mempercepatkan tempoh masa perjalanan berbanding pengangkutan awam yang lain.

Kelebihan pelaksanaan projek Monorel ini adalah seperti:-

- (i) Menawarkan sistem pengangkutan awam yang cekap dan bersih;
- (ii) Mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan raya dalam kawasan bandar;
- (iii) Mengurangkan kadar pencemaran udara;
- (iv) Menjadi alternatif kepada pengangkutan awam yang sedia ada seperti bas dan teksi;
- (iii) Mengurangkan kemasukan kenderaan ke dalam kawasan bandar sekali gus mengurangkan penyediaan tapak meletak kenderaan awam; dan
- (iv) Mempercepatkan tempoh masa perjalanan berbanding pengangkutan awam yang lain.

Sementara itu, penangguhan projek *Penang Outer Ring Road* (PORR) dijangka akan memburukkan masalah kesesakan lalu lintas yang dihadapi oleh penduduk Pulau Pinang. Projek PORR sepanjang 17 kilometer menghubungkan Tanjung Tokong ke Gelugor, merentasi Gurney Drive dan akan bertindak sebagai lebuh raya utama kepada Pulau Pinang. PORR akan mengurangkan kesesakan lalu lintas dari Jalan Air Hitam, Jalan Tanjung Tokong dan Jalan Sultan Azlan Shah serta mengurangkan kesesakan di kawasan bandar. Projek PORR amat diperlukan bagi mengatasi kesesakan kenderaan di pulau dan akan melengkapi Lebuh raya Jelutong bagi membentuk lingkaran keliling George Town yang menyalurkan trafik ke pertengahan kota. Kegagalan mengatasi masalah kesesakan lalu lintas sememangnya akan memberi kesan dan membantutkan usaha Kerajaan Negeri bagi menarik lebih ramai pelabur ke Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri sememangnya telah membuat permohonan agar Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan semula penangguhan pelaksanaan projek-projek tersebut. Memandangkan kos pelaksanaan projek yang tinggi maka, kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah perlu. Walau bagaimanapun, sekiranya projek tersebut tidak mendapat kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri mungkin akan melaksanakan projek tersebut secara penswastaaan di mana konsep tender terbuka akan diguna pakai. Ini bagi memastikan ketelusan dalam pelaksanaan projek dan selaras dengan dasar CAT (*Competencies, Accountabilities, Transparency*) yang diamalkan Kerajaan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengimplementasikan satu projek 'Green Penang' iaitu menjadikan Negeri Pulau Pinang eco-friendly dengan antara lainnya melaksanakan pemasangan lampu LED di semua jalan di Pulau Pinang ataupun projek-projek lain yang dapat memaparkan imej Pulau Pinang sebagai benar-benar satu 'Green Penang'.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan Negeri tiada mempunyai perancangan untuk memasang atau menggantikan lampu jalan HPSV kepada lampu LED di atas sebab-sebab berikut:-
 - (i) Kos yang tinggi;
 - (ii) Kuasa lampu LED tidak setanding dengan kuasa lampu HPSV;
 - (iii) Lampu jenis LED ini tidak menepati *standard* yang ditetapkan oleh JKR di mana lampu jenis LED ini hanya boleh digunakan untuk tiang yang mana ketinggiannya kurang dari 7 meter dan pembiasan cahayanya hanya dapat menerangi lingkungan 10m2 sahaja. Kebanyakan tiang lampu yang dipasang di tepi-tepi jalan mempunyai ketinggian 9 meter ke atas dan jaraknya di antara 30 hingga 50 meter.
 - (iv) Tidak mempunyai pemasaran yang luas dan berkompertif; dan
 - (v) Lampu HPSV juga tidak memberi impak yang buruk kepada Projek *Green Penang*.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memastikan bahawa semua tempat kerja diwujudkan satu perkhidmatan "*crèche*" (tempat di mana bayi-bayi dapat dijaga) sementara ibu kandungnya dapat menyumbangkan kepada ekonomi dengan bekerja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan semua majikan menyediakan kemudahan penjagaan bayi di tempat kerja. Pada masa ini terdapat beberapa agensi kerajaan yang menyediakan kemudahan ini seperti di Bangunan PERKESO Seberang Jaya.

Kerajaan Negeri juga telah mengadakan kemudahan tersebut di Pangsapuri Mesra di mana satu Tadika dan dua Taska telah disediakan semenjak 1 Mac 1999. Cadangan untuk mengadakan kemudahan yang sama di KOMTAR yang merupakan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri tidak dapat dipertimbangkan kerana pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam pemeriksaannya mendapati kurang sesuai diadakannya di KOMTAR atas faktor keselamatan terutama ketika berlakunya kebakaran.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sila nyatakan piawai atau garis panduan Kerajaan Negeri di dalam memberi peruntukan kebajikan sejumlah RM3.00 untuk sepaket makanan kepada mangsa banjir di Datok Keramat pada 30.9.2008. Apakah Kerajaan Negeri tidak prihatin bahawa di dalam keadaan ekonomi ini, ianya langsung tidak mencukupi. Sila nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbetulkan keadaan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mengguna pakai Garis Panduan Pengurusan Bantuan Bencana dalam melaksanakan pemberian bantuan makanan kepada mangsa bencana. Garis Panduan Pengurusan Bantuan Bencana hanya memperuntukkan bekalan bahan mentah untuk dimasak secara gotong royong di pusat pemindahan. Garis Panduan Pengurusan Bantuan Bencana yang sedang diguna pakai adalah daripada Kerajaan Negeri yang lepas. Cadangan pindaan ke atas garis panduan supaya selaras dengan kehendak semasa adalah dalam peringkat akhir. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telah meluluskan peruntukan makanan sebanyak RM 10.00 kepada mangsa banjir yang berada di pusat pemindahan. Untuk lain-lain mangsa banjir yang tidak pindah ke pusat pemindahan peruntukan sebanyak RM3.50 untuk sebungkus makanan telah disediakan. JKM bertanggungjawab untuk membuat persediaan logistik.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri :

21. Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap "*breastfeeding*" oleh ibu memandangkan krisis yang melanda seluruh dunia berikutan pencemaran melamin di China. Adakah Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa semua tempat awam terutamanya kawasan rehat dan pusat membeli-belah, dipastikan terdapatnya satu bilik khas untuk ibu-ibu yang berkenaan untuk menyusukan anak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Pencemaran *melamine* di China tidak menjejaskan penyusuan ibu dan ianya tiada kaitan dengan masalah penyusuan ibu.

Kerajaan Negeri sememangnya menggalakkan penyusuan ibu kerana diakui amat baik untuk kesihatan bayi dan ibu. Namun demikian, tidak semua pusat membeli belah dan kawasan rehat mempunyai bilik-bilik khas untuk menyusukan anak tetapi ada bilik atau ruang yang disediakan untuk tujuan ini terutamanya di pusat-pusat membeli belah yang baru dibina dan kawasan rehat lebuhraya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan supaya produk-produk yang dicemari dengan melamin yang berlebihan tidak masuk ke dalam Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dalam memastikan keselamatan pengguna di Pulau Pinang. Justeru itu, Kerajaan Negeri tidak berasa ragu untuk bergantung kepada sistem kawalan makanan yang diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun mewujudkan satu sistem untuk mengawal makanan import melalui pintu-pintu masuk di seluruh negeri di Malaysia yang dikenali sebagai FOSIM (Food Safety Information System Malaysia). Setiap makanan yang ada pelanggaran atau melebihi tahap yang dibenarkan di mana-mana negara samada maklumat di siar di dalam akhbar, *internet* akan di buat *alert* dalam FOSIM kepada pegawai berkuasa di Pintu Masuk. Setiap *alert* akan diambil tindakan mengikut paras tertentu (*Level*).

- Level 1 - Auto Clearance (Food Automatically released without inspection)
- Level 2 - Documentation Examination (Food released after satisfactory documentation inspection)
- Level 3 - Monitoring Examination (Food released after inspection and sampels may taken for analysis)
- Level 4 - Surveillance Examination (Food released after inspection with samples taken for analysis)
- Level 5 - Hold Test & Release (Food detained pending of sample analysis)
- Level 6 - Auto Rejection (Food automatically rejected)

Pada masa kini, Susu dan Produk Hasilan susu dari negara China adalah dalam Level 6. Sayur dan buah-buahan dari negara China dalam Level 4. Konfeksi dari negara China yang tidak mengandungi susu adalah dalam Level 4. Bahan penaik *ammonium bikarbonat* dan *sodium bikarbonat* yang diimport dari negara China dan Hong Kong dalam Level 6. Bahan penaik *ammonium bikarbonat* dan *sodium bikarbonat* yang diimport dari negara lain dalam Level 4.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri :

23. Memandangkan wujudnya sekarang satu rawatan penyembuhan (*cure*) untuk penyakit barah *cervical* pada wanita, apakah Kerajaan Negeri boleh mengamalkan satu polisi supaya perubatan percuma untuk mengatasi ini dapat diberikan kepada wanita di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Perkembangan perubatan yang baru adalah vaksin Human Papillovirus (HPV vaccine) yang boleh mengurangkan risiko atau boleh mencegah daripada mendapat barah serviks tetapi ianya bukan satu kaedah penyembuhan. Vaksin ini mencegah jangkitan HPV yang dikaitkan dengan sebahagian besar kes barah serviks. Walau bagaimanapun, kajian awal oleh *Centers for Disease Control and Prevention, USA* menunjukkan 30% daripada barah serviks tidak dapat dicegah oleh vaksin ini.

Vaksin ini digunakan dalam program pelalian bagi golongan remaja wanita di beberapa buah negara di dunia. Di Malaysia, pelaksanaan program pelalian HPV masih dalam peringkat kajian dan belum lagi menjadi dasar Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memberikan vaksin ini secara percuma.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri :

24. Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk menarik balik (*talent*) warga Negeri Pulau Pinang untuk kembali dan dapat menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Program *Brain Gain Malaysia* (BGM) adalah salah satu usaha untuk menyokong pembangunan modal insan dalam bidang sains dan teknologi (S&T) bagi meningkatkan tahap inovasi serta daya saing negara. Ia juga bertindak sebagai satu mekanisme pantas bagi pembangunan modal insan, merangkumi aspek penyelidikan, pembangunan dan komersial. Objektif program ini ialah untuk menarik dan mengekalkan pakar atau teknologis inovatif, saintis, penyelidik dan usahawan tekno dalam negara yang akan membantu merangsangkan ekonomi negara bagi mencapai status negara membangun pada 2020.

Selain itu, terdapat juga program melibatkan kolaborasi di antara saintis daripada luar dan dalam negara dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), bantuan geran R&D dan sokongan serta pembiayaan mengkomersialkan dengan memberi fokus kepada lima bidang utama iaitu pertanian, bioteknologi, teknologi maklumat dan komunikasi, industri dan angkasa lautan. Empat program yang dibangunkan di bawah BGM ialah Program Kolaborasi R&D, Program Pelawat Unggul, Program Pasca-Doktrate dan Persahabatan Antarabangsa dan Program Kembali Ke Makmal.

Bagi Negeri Pulau Pinang tidak ada insentif khusus yang disediakan tetapi Kerajaan Negeri menggunakan peluang yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui program BGM untuk menarik minat bakat tempatan yang sedang menghuni atau bekerja di negara asing untuk pulang bekerja di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri juga ada mengambil inisiatif untuk menarik warga Negeri Pulau Pinang kembali dan dapat menyumbangkan kepada perkembangan dan pembangunan Pulau Pinang dengan mempertingkatkan pembangunan industri dan ekonomi dalam rantai lebih tinggi. Peningkatan ini akan dapat membuka banyak peluang pekerjaan yang lebih mencabar terutamanya dalam industri yang bernilai tambah tinggi. Ini merupakan aktiviti yang mengintensifkan ilmu dan teknologi serta memerlukan pekerja berpengetahuan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai *Regional Headquarters* kepada syarikat multinasional yang kini beroperasi di dalam negeri serta syarikat lain yang belum bertapak di Pulau Pinang. Dengan penubuhan *Regional Headquarters*, aktiviti yang dijalankan oleh syarikat dapat dipertingkatkan. Justeru, ia dapat meningkatkan peluang pekerjaan dengan penawaran gaji yang lebih tinggi dalam bidang seperti penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan (*research, design & development*) serta perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (*shared services outsourcing*) bagi penduduk Pulau Pinang. Penubuhan *Regional Headquarters* juga memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk balik ke tanah air dan menyandang jawatan-jawatan *regional* di sini.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar raya antarabangsa yang menjadi lokasi pilihan kepada pelabur, destinasi pilihan kepada pelancong dan tempat tinggal pilihan untuk mereka yang inginkan *sustainable living*. Wawasan ini telah diperkukuhkan dengan 10 teras utama pembangunan iaitu pendidikan, warisan, perubatan, ibu pejabat serantau (*regional HQs*), industri, MICE, kesenian dan kebudayaan, makanan, sukan dan ekopelancongan. Ini sudah semestinya dapat menarik warga Negeri Pulau Pinang untuk kembali dan menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan Negeri Pulau Pinang dan sekali gus membantu untuk memperkukuhkan 10 teras utama yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Apakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menjadikan Pulau Pinang satu negeri bebas cukai agar dapat meningkatkan ekonomi negeri. Sekiranya tidak, sila beritahu mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak bercadang untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bebas cukai. Status negeri bebas cukai tidak semestinya dapat meningkatkan ekonomi negeri. Perkembangan ekonomi Negeri Pulau Pinang adalah dijana oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan. Sektor pembuatan menyumbang kepada 39.5% daripada keseluruhan ekonomi negeri manakala sektor perkhidmatan menyumbang kepada 56.9% dan lain-lain sebanyak 3.6%.

Sektor pembuatan di Pulau Pinang kebanyakannya adalah terdiri daripada sektor elektrik dan elektronik, ICT serta industri sokongan kepada industri elektronik dan ICT. Kebanyakan syarikat telah mempertingkatkan keupayaan teknologi yang dimiliki kepada aktiviti bernilai tambah yang lebih tinggi. Syarikat-syarikat ini juga telah melalui suatu transformasi daripada tenaga kerja berintensifnya buruh kepada pekerja yang berpendidikan iaitu *k-Workers*.

Peralihan sektor pembuatan ke arah 'k-Ekonomi' akan membantu Negeri Pulau Pinang untuk maju seperti negara Singapura dan Hong Kong.

Sektor perkhidmatan di Negeri Pulau Pinang telah beralih dari sektor yang merangkumi aktiviti perdagangan yang bergantung kepada status pelabuhan bebas Pulau Pinang sebelum tahun 1970an kepada sektor yang moden. Kini sektor perkhidmatan di Pulau Pinang merangkumi aktiviti yang bernilai tambah tinggi seperti aktiviti penyelidikan, reka bentuk & pembangunan (*research, design & development*), perbankan & insurans, pelancongan, hartanah dan perkhidmatan perniagaan yang lain. Kebanyakan daripada aktiviti ini memerlukan tenaga kerja yang berpendidikan.

Status Negeri Bebas Cukai mungkin dapat membantu untuk meningkatkan bilangan pelancong yang datang untuk tujuan membeli-belah. Walau bagaimanapun, tumpuan utama pelancongan di Negeri Pulau Pinang kini adalah kepada warisan dan kebudayaan, pelancongan berdasarkan perkhidmatan kesihatan dan juga mesyuarat, insentif, konvensyen & pameran (MICE). Selain daripada itu, dengan kewujudan zon perindustrian bebas dan status Gudang Pengilangan Berlesen (LMW) yang memberikan pengecualian cukai kepada pengimportan bahan mentah dan mesin untuk tujuan pembuatan serta pengeksportan barangan yang dikeluarkan, maka cadangan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Bebas Cukai adalah tidak perlu lagi.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat menjamin status *freehold* tanah-tanah yang telah di *reclaimed* di kawasan Pantai Jerejak, Bayan Baru dan juga di kawasan Tanjung Tokong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Di Pulau Pinang terdapat beberapa kawasan yang telah ditebus guna atau *reclaimed* iaitu di Kawasan Pantai Jerejak, Bayan Baru, Jelutong dan Tanjung Tokong. Kawasan-kawasan tebus guna di Pantai Jerejak dan Bayan Baru dilaksanakan oleh PDC, manakala di Jelutong dan Tanjung Tokong dilaksanakan oleh pemaju swasta. Status pegangan tanah sama ada ianya bertaraf pajakan atau pegangan kekal, adalah bergantung kepada terma-terma yang terkandung di dalam perjanjian konsesi yang ditandatangani lebih awal. Bagi kes-kes yang tidak terlibat dengan perjanjian konsesi seperti kawasan tebus guna di Pantai Jerejak, pertimbangan sama ada untuk memberikan taraf *free hold* atau adalah tertakluk kepada undang-undang. Kerajaan Negeri tidak bercadang memberikan status hak milik bebas atau *free hold* untuk tanah bukan kediaman. Untuk tanah yang ditebus guna, dasar Kerajaan Negeri baru pada masa ini adalah memberikan pajakan tanah selama 99 tahun.

VI. Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapa banyakkah tempat-tempat pemeriksaan atau rawatan pergigian yang terdapat di hospital-hospital serta klinik-klinik kerajaan di seluruh Negeri Pulau Pinang dan sila sebutkan tempat-tempat tersebut secara terperinci.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pemeriksaan dan rawatan pergigian diberikan kepada pesakit luar, murid sekolah rendah dan menengah, kanak-kanak istimewa dan warga emas mengikut jadual harian dan temu janji. Di Pulau Pinang, terdapat 5 buah klinik pergigian di hospital kerajaan dan 22 buah klinik pergigian di klinik kesihatan, 2 klinik pergigian kepakaran bedah mulut, 2 klinik pergigian kepakaran periodontik, 2 klinik kepakaran ortodontik, 1 klinik pergigian kepakaran paediatric dan 1 klinik pergigian kepakaran restoratif, 2 klinik pergigian bergerak, 53 klinik pergigian sekolah, 1 pusat pergigian sekolah dan klinik pergigian bergerak warga emas seperti berikut:-

KLINIK PERGIGIAN DI HOSPITAL – HOSPITAL KERAJAAN DI PULAU PINANG

- (i) Hospital Pulau Pinang

- (a) Kepekaran Bedah Mulut
- (b) Kepekaran Pediatrik
- (ii) Hospital Seberang Jaya
 - (a) Kepekaran Bedah Mulut
- (iii) Hospital Bukit Mertajam
- (iv) Hospital Sungai Bakap
- (v) Hospital Balik Pulau

KLINIK PERGIGIAN MENGIKUT DAERAH DI PULAU PINANG

(A) KLINIK PERGIGIAN DAERAH TIMUR LAUT

- (i) Klinik Pergigian Jalan Perak
 - (a) Kepekaran Ortodontik
 - (b) Kepekaran Periodontik
- (ii) Klinik Pergigian Air Itam
- (iii) Klinik Pergigian Jalan Macalister
- (iv) Klinik Pergigian Bukit Jambul
- (v) Klinik Pergigian Sg. Dua dan Klinik Pergigian Tanjung Bungah – Lawatan pemeriksaan dan rawatan pergigian dijalankan 2 kali seminggu oleh pegawai bertugas.

Sebanyak 18 buah Klinik Pergigian Sekolah Rendah (Statik) dan 37 buah sekolah rendah, 3 buah Klinik Pergigian Sekolah Menengah (Statik) dan 28 sekolah menengah yang mana pemeriksaan dan rawatan pergigian dijalankan oleh Jururawat Pergigian Pasukan Pergigian Bergerak.

(B) KLINIK PERGIGIAN DI BARAT DAYA

- (i) Klinik Pergigian Bayan Baru
- (ii) Klinik Pergigian Bayan Lepas
- (iii) Klinik Pergigian Teluk Bahang – Lawatan pemeriksaan dan rawatan pergigian dijalankan 1 kali seminggu oleh pegawai bertugas.

Sebanyak 4 buah Klinik Pergigian Sekolah Rendah (Statik), 33 buah sekolah rendah, 1 Klinik Pergigian Sekolah menengah (Statik) dan 10 buah sekolah menengah di mana pemeriksaan dan rawatan dijalankan oleh Jururawat Pergigian Pasukan Pergigian Bergerak.

(C) KLINIK PERGIGIAN SEBERANG PERAI UTARA

- (i) Klinik Pergigian Mak Mandin
 - (a) Kepakaran Ortodontik
 - (b) Kepakaran Periodontik
 - (c) Kepakaran Retroaktif
- (ii) Klinik Pergigian Butterworth
- (iii) Klinik Pergigian Kepala Batas
- (iv) Klinik Pergigian Tasik Gelugor
- (v) Klinik Pergigian Sg. Dua
- (vi) Klinik Pergigian Penaga

Di Seberang Perai Utara, sebanyak 8 buah KP Sekolah Rendah (Statik), 52 sekolah rendah, 2 buah KP Sekolah Menengah (Statik), 20 sekolah menengah. Pemeriksaan dan rawatan pergigian dijalankan oleh Jururawat Pergigian Pasukan Pergigian Bergerak.

(D) KLINIK PERGIGIAN SEBERANG PERAI TENGAH

- (i) Klinik Pergigian Kubang Semang
- (ii) Klinik Pergigian Seberang Jaya
- (iii) Klinik Pergigian Hospital Bukit Mertajam
- (iv) Klinik Pergigian Berapit
- (v) Klinik Pergigian Hospital Seberang Jaya
- (vi) Kepakaran Bedah Mulut

Sebanyak 10 buah Klinik Pergigian Sekolah Rendah (Statik), 43 buah sekolah rendah, 4 buah Klinik Pergigian Sekolah Menengah (Statik), 20 sekolah menengah. Pemeriksaan dan rawatan pergigian dijalankan oleh Jururawat Pergigian Pasukan Pergigian Bergerak.

(E) KLINIK PERGIGIAN SEBERANG PERAI SELATAN

- (i) Klinik Pergigian Bukit Panchor
- (ii) Klinik Pergigian Nibong Tebal
- (iii) Klinik Pergigian Hospital Sg. Bakap
- (iv) Klinik Pergigian Sg. Aceh
- (v) Klinik Pergigian Simpang Ampat

Sebanyak 3 buah Klinik Pergigian Sekolah Rendah (Statik), 35 buah sekolah rendah, 2 buah Sekolah Menengah (Statik) dan 15 buah sekolah menengah yang juga pemeriksaan dan rawatan dijalankan oleh Jururawat Pergigian Pasukan Pergigian Bergerak.

(F) PUSAT PERGIGIAN SEKOLAH PENAGA

Pemeriksaan dan rawatan dijalankan kepada murid-murid sekolah yang di bawa ke Pusat tersebut.

(G) KLINIK PERGIGIAN BERGERAK WARGA EMAS

Pesakit warga emas dari Rumah Orang-orang Tua mendapat rawatan pemeriksaan pergigian dari pegawai pergigian bertugas mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah ada cadangan daripada Kerajaan Pakatan Rakyat untuk menambah bilangan perkhidmatan feri buat masa ini dan sehingga sekarang tolong beritahu berapa buah feri yang masih beroperasi sehingga sekarang. Jika kerajaan tiada berhasrat untuk menambah bilangan perkhidmatan feri buat masa ini tolong beritahu masalah dan kesulitan yang dihadapi berkenaan dengan penambahan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sehingga sekarang, Kerajaan Negeri melalui Penang Port Sdn. Bhd. tidak bercadang untuk menambah bilangan feri sedia ada memandangkan jumlah unit sedia ada iaitu sebanyak 8 unit gagal digunakan secara maksima terutama pada waktu kurang puncak. Penggunaan feri secara maksima diakui pada masa puncak iaitu pada awal pagi sewaktu pekerja-pekerja ke pejabat dan pada waktu petang apabila pekerja-pekerja pulang dari pejabat.

Namun demikian, pihak Kerajaan Negeri melalui Penang Port Sdn. Bhd. ada cadangan untuk menambah catamaran kepada penumpang tetapi masih dalam kajian dan perancangan. Catamaran merupakan bot penumpang dengan kapasiti kelajuan yang lebih tinggi daripada feri sedia ada.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah telah terjadi kepada cadangan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan sebuah Kompleks Islam Negeri ini yang diuar-uarkan dahulu di atas tapak lot 4188 & 2695 Pongsu Seribu, Kepala Batas, SPU dan apakah hasrat tersebut dibatalkan atau bagaimana.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pernah merancang untuk membangunkan sebuah Kompleks Islam di atas Lot 4188 & 2695, Pongsu Seribu, Kepala Batas. Walau bagaimanapun, perancangan tersebut tidak diteruskan setelah mengambil kira nasihat TYT Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang supaya ibu pejabat institusi-institusi agama ini perlu berada di kawasan Bandar George Town. Tambahan pula Pejabat Agama Daerah dan Mahkamah Rendah Syariah telah pun berada di semua daerah. Cadangan untuk membina kompleks Islam di kawasan Bandar George Town belum dapat dilaksanakan kerana ketiadaan tapak yang bersesuaian.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah sekarang masih terdapat lagi Tabung Kumpulan Amanah Ekonomi Belia yang ditubuhkan dahulu untuk memberikan bantuan modal pusingan kepada golongan peniaga Bumiputera dalam negeri yang bermasalah dengan modal pusingan, dan jika ianya tidak lagi terdapat apakah alternatif Kerajaan Negeri bagi mengaktifkan masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Tabung Kumpulan Amanah Ekonomi Belia yang dimaksudkan adalah di bawah kelolaan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Belia dan Sukan. Peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dikawal oleh Jabatan Belia dan Sukan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang berusaha menubuhkan Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil bagi membantu peniaga dan penjaja kecil Negeri Pulau Pinang mendapatkan kemudahan kewangan bagi tujuan sama ada untuk memulakan perniagaan atau mempertingkatkan perniagaan yang diceburi tanpa mengira etnik dan pegangan agama atau fahaman politik.

Wang dalam tabung ini akan disalurkan kepada penjaja dan peniaga kecil dalam bentuk pinjaman dengan bantuan tidak melebihi RM10,000.00. Terma rujukan bagi Tabung ini dan mekanisme bantuan masih dalam peringkat penelitian di bawah Jawatankuasa MMK Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sudahkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat di Pulau Pinang telah menyediakan perancangan yang teliti terutamanya oleh pihak berkuasa tempatan di dalam melaksanakan sesuatu projek yang seboleh-bolehnya tidak mendatangkan kerugian kepada pihak Kerajaan Negeri sendiri, dan tolong beritahu rancangan tersebut untuk tempoh 3 tahun ke hadapan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri sentiasa memegang prinsip asas untuk menjaga kepentingan rakyat dalam melaksanakan sebarang projek. Hanya projek-projek yang memberi manfaat kepada rakyat sahaja akan dilaksanakan.

Semua projek akan dilaksanakan secara tender/sebut harga terbuka mengikut dasar dan prosedur kerajaan sedia ada serta dibuat penilaian yang teliti bagi mendapat tawaran tender/sebut harga yang paling menguntungkan kepada kerajaan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek yang perlu dilaksanakan.

Di antara projek-projek pembangunan yang dilaksanakan menggunakan peruntukan agensi luar adalah seperti berikut:-

Bil.	Projek	Peruntukan (RM juta)
1.	Menaiktaraf Kawasan Perindustrian Bayan Lepas (Penang Cyber City) – (Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia)	34
2.	Projek Peningkatan Pelancongan Batu Ferringghi(Kementerian Pelancongan Malaysia)	6.2
3.	Projek Peningkatan Pelancongan Taman Metropolitan Relau (Kementerian Pelancongan Malaysia)	2
4.	Pembangunan Taman Perbandaran (Kementerian Pelancongan Malaysia)	4
5.	Menaiktaraf Jalan Penang Fasa 2 (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan)	4.4
6.	Menaiktaraf Padang Kota Lama (Kementerian Pelancongan Malaysia)	2

Kerajaan Negeri juga turut melibatkan pihak swasta dalam pelaksanaan projek seperti berikut:-

- (i) Projek Landskap: - Projek dilaksanakan dengan kerjasama pihak swasta/NGO's. Contohnya, Kerajaan Negeri dengan kerjasama persatuan senilukis dan pelukis (artis) akan melaksanakan projek '*Sculpture In Penang*'. Kerajaan Negeri akan menyediakan tapak dan manakala *sculpture* akan disediakan oleh pihak pelukis dengan kerjasama pihak persatuan.
- (ii) Infrastruktur Asas – Pondok Perhentian Bas (ditaja oleh pihak swasta). Sejumlah 175 pondok perhentian bas daripada keseluruhan 376 pondok perhentian bas di kawasan tanah Kerajaan Negeri ditaja oleh pihak swasta. Pihak swasta bertanggungjawab membina dan menyelenggarakan pondok perhentian bas selama 10 tahun dengan pilihan 3 hingga 5 tahun. Pihak swasta dibenarkan menggunakan ruang pondok perhentian bas untuk tujuan pengiklanan.
- (iii) Projek Anak Angkat merupakan kaedah yang melibatkan penglibatan pihak swasta dalam menyediakan dan menyelenggarakan landskap dan kawasan lapang. Pihak swasta membuat penyelenggaraan dengan kos sendiri. Di antara projek-projek anak angkat tersebut adalah seperti berikut:-

Bil.	Program Anak Angkat	Pihak Swasta Terlibat
1.	Penyelenggaraan Kawasan Lapang (Tanah Kerajaan) Jalan Lembah Permai, Tanjung Bungah, P. Pinang	Penang Realty S/B.
2.	Penyelenggaraan Kawasan Lapang (Tanah Kerajaan) Fasa 1B, Di Atas Lot 1463, Jalan Sungai Air Putih, Mk. 4, DBD., P. Pinang	(Botanica.ct) Properties & Development S/B
3.	Penyelenggaraan Kerja-kerja Landskap Bagi Cadangan Untuk Pengindahan Bulatan Persiaran Gurney, P. Pinang	IJM Properties S/B
4.	Penyelenggaraan Kawasan Lapang Bagi Rumah Berkembar 3 Tingkat (2 unit) dan Rumah Teres 3 Tingkat (52 unit), Di Atas Lot 1464, Mk. 13, Lebuhr Relau 1, DTL., P. Pinang (Therapeutic Garden)	Quality Frontier S/B.
5.	Menaiktaraf Landskap Bulatan Bayan Baru	Advanced Micro Devices
6.	Landskap Bulatan Bayan Lepas	SP Setia S/B

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah di antara produk-produk pelancongan yang boleh disertai oleh golongan Bumiputera di negeri ini setelah Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih teraju pemerintahan daripada kerajaan yang lalu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menggariskan sepuluh (10) teras utama pelancongan negeri iaitu:-
- (i) Pelancongan Perubatan;
 - (ii) Pelancongan Kebudayaan, Warisan & Bersejarah;
 - (iii) Pelancongan Pendidikan;
 - (iv) Ibu Pejabat Wilayah bagi MNCs;
 - (v) Pusat MICE;
 - (vi) Ekopelancongan;
 - (vii) Dataran Kulinari;
 - (viii) Pusat Filem, Kebudayaan & Kesenian;
 - (ix) Syurga Membeli-Belah; dan
 - (x) Pelancongan Sukan

Sehubungan itu, pengusaha pelancongan Bumiputera yang berminat berpeluang menerokai peluang-peluang yang ada dan mengambil bahagian di dalam sektor pelancongan khususnya berdasarkan 10 teras utama pelancongan tersebut.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah di antara langkah-langkah yang telah diambil alih Kerajaan Negeri di dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran padi serta bahan-bahan makanan yang bersumberkan kepada pertanian kerana janji kerajaan yang lalu untuk meningkatkan pengeluaran padi sehingga mencapai 10 tan metrik sehektar pun sehingga sekarang masih belum tercapai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan telah menetapkan matlamat atau sasaran untuk meningkatkan pengeluaran padi pada purata 10 tan metrik sehektar pada tahun 2010.

Langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan melalui jabatan dan agensi-agensi di bawahnya untuk meningkatkan pengeluaran padi dan bahan-bahan makanan yang bersumberkan kepada pertanian ialah :

(1) Menggalakkan transformasi pertanian secara menyeluruh.

Transformasi pertanian dilakukan merangkumi 2 aspek iaitu melalui transformasi ladang dan transformasi tenaga.

(i) Transformasi Ladang

Beberapa program diwujudkan dalam usaha untuk merealisasikan transformasi ladang. Antaranya:

(a) Projek Berkelompok.

Pelaksanaan Projek Berkelompok adalah satu usaha untuk menyatukan kebun-kebun kecil petani yang dilaksanakan secara individu menjadi ladang-ladang yang dilaksanakan secara komersil. Melalui projek-projek berkelompok, pengurusan ladang dapat dilakukan secara lebih ekonomik contohnya melalui input-input pertanian secara pukal dan penyediaan infrastruktur ladang secara bersepadu.

Pengawalan pengeluaran juga dapat dilakukan secara matriks tanaman bagi mengatasi masalah lambakan pasaran. Pengurusan secara berkelompok juga lebih memudahkan penyampaian teknologi terkini terutamanya melalui Amalan Ladang Yang Baik (*Good Agricultural Practice*) yang mana secara tidak langsung meningkatkan kualiti tanaman dan harga.

(b) Program Pembangunan Tanah Terbiar.

Hasrat utama pelaksanaan Program Pembangunan Tanah Terbiar adalah untuk mendapatkan tanah-tanah yang boleh dimajukan dengan aktiviti pertanian.

Tanah-tanah yang dikenal pasti berpotensi dibangunkan dengan kemudahan infrastruktur ladang seperti jalan ladang, sistem perparitan bagi memastikan ia sesuai untuk aktiviti pertanian.

- (c) Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

Pelaksanaan Pembangunan TKPM adalah bertujuan untuk mewujudkan kawasan pertanian kekal bagi pengeluaran makanan terpilih secara intensif dan moden yang merangkumi unsur-unsur penyelidikan dan pembangunan, pendidikan, pelancongan dan pemeliharaan alam sekitar.

- (d) Projek Padi 10 Tan.

Pengeluaran hasil padi semasa dengan purata 3 hingga 4 tan metrik sehektar. Nilai pengeluaran ini, selain hanya menampung 70 peratus keperluan negara, ia juga tidak memberikan pulangan yang sewajarnya kepada golongan petani.

Bagi tujuan tersebut, matlamat untuk meningkatkan pengeluaran padi pada purata 10 tan metrik sehektar pada tahun 2010 telah ditetapkan. Melalui program ini pakej pengurusan tanaman disediakan mampu untuk mencapai matlamat tersebut. Selain itu, insentif tanaman padi turut disediakan bagi memberi suntikan kepada petani meningkatkan hasil pengeluaran padi iaitu Insentif Peningkatan Pengeluaran Padi.

- (e) Pembangunan Industri Asas Tani.

Pembangunan Industri Asas Tani adalah program penting yang menyokong program pembangunan tanaman makanan. Melalui program ini produk-produk makanan yang dikenal pasti mampu dipasarkan dan dimajukan dengan kualiti yang lebih baik, persembahan yang lebih menarik dan sebagainya.

- (f) Perlaksanaan Pelan Imbangan Perdagangan (*Balance Of Trade - BOT*).

Antara isu utama dalam bidang pertanian yang sedang dihadapi negara pada masa ini ialah defisit perdagangan makanan yang begitu besar dan kian meningkat. Melalui *BOT* tanaman-tanaman yang berpotensi akan dikenal pasti untuk dieksport ke luar negara. Antaranya adalah seperti pisang dan mangga yang telah

mendapat tempahan pasaran di luar negara. Beberapa jenis tanaman sayur-sayuran juga telah dikenal pasti untuk dimajukan bagi menggantikan sayur-sayuran yang sering diimport dari luar negara.

(ii) Transformasi Tenaga

Beberapa program diwujudkan dalam usaha untuk merealisasikan transformasi tenaga. Antaranya:

(a) Transformasi Pengamalan Ladang.

Usaha giat sedang dijalankan untuk transformasi pengamalan ladang yang menekankan kepada penggunaan mekanisasi ladang, automasi dan teknologi moden;

(b) Penggalakan Penglibatan Pihak Swasta.

Penglibatan pihak swasta dalam membangunkan industri pertanian negara akan terus digalakkan. Penglibatan pihak swasta amat perlu kerana keupayaan mereka dari segi modal, pembangunan teknologi dan jaringan pemasaran; dan

(c) Penglibatan Usahawan/Belia.

Usahawan muda dan golongan belia sentiasa digalakkan untuk menyertai bidang pertanian secara satu bidang baru dalam pembangunan ekonomi. Ini adalah kerana golongan ini dilihat mampu menjadikan bidang pertanian sebagai satu perniagaan dan mereka berupaya berubah sepenuhnya. Bidang ini dari pengamalan pertanian secara tradisional kepada bidang yang lebih moden, dinamik dan berdaya saing.

(2) Menyediakan Pelan Tindakan Komprehensif Jaminan Bekalan Makanan. Pelan ini meliputi usaha seperti berikut iaitu:

- (i) Perlaksanaan pelan tindakan untuk meningkatkan pengeluaran beras yang merangkumi penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran, perataan tanah sawah, peningkatan kesuburan tanah, kawalan makhluk perosak, pemilikan jentera dan mekanisasi ladang dan kempen meningkatkan kesedaran pesawah untuk mengurus dan meningkatkan pengeluaran padi;

- (ii) Pelaksanaan pelan tindakan projek bagi sub-sektor tanaman makanan mencakupi Program Bumi Hijau dan pengurusan tanah terbiar; dan
 - (iii) Pemberian insentif pengeluaran tanaman makanan (buah-buahan dan sayur-sayuran). Bagi tujuan ini, petani akan diberi insentif sebanyak RM81 bagi setiap tan pengeluaran sayuran dan RM78 bagi setiap tan pengeluaran buah-buahan.
- (3) Menyediakan Insentif Peningkatan Hasil dan Pengeluaran padi. Antara insentif yang ditawarkan ialah:
- (a) Insentif peningkatan hasil untuk petani yang dapat meningkatkan pengeluaran sekurang-kurangnya 1 peratus berbanding dengan hasil musim asas pada kadar RM650 bagi setiap tan metrik sehektar;
 - (b) Insentif RM650 bagi pengeluaran yang mencapai hasil 10 tan metrik sehektar; dan
 - (c) Insentif upah membajak dan bantuan input pertanian atau baja tambahan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapa banyakkah wad-wad yang diperuntukkan kepada pesakit-pesakit daripada kalangan kakitangan kerajaan, wakil-wakil rakyat serta ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dan sila beritahu kategori-kategori wad-wad tersebut mengikut kedudukan pegawai-pegawai atau wakil-wakil rakyat itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Terdapat 6 buah hospital kerajaan di Negeri Pulau Pinang yang memberi rawatan untuk semua golongan pesakit. Terdapat sebanyak 1930 katil yang disediakan dan ini dibahagikan mengikut 3 kelas iaitu kelas 1,2 dan 3.

Wakil Rakyat dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta sebahagian anggota kerajaan adalah berkelayakan untuk dimasukkan ke wad kelas 1. Walau bagaimanapun, wad kelas 1 hanya disediakan di Hospital Pulau Pinang (59 katil) dan Hospital Seberang Jaya (36 katil).

Wad kelas 1 juga terbuka untuk pesakit berbayar dari golongan bukan kerajaan. Penggunaan katil kelas 1 adalah menggunakan prinsip '*First Come, First Served*'.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bilakah pembaikan terhadap lif-lif di KOMTAR akan diperbaiki, apabila dikatakan tiga daripada tujuh lif yang terdapat di situ tidak beroperasi menyebabkan berlaku gangguan bagi orang ramai untuk berurusan di KOMTAR terutama yang berhubung dengan urusan kerajaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Lif-lif di KOMTAR kini telah menjangkau jangka hayat melebihi 20 tahun. Keadaan ini telah mewajarkan lif-lif ini diganti dan diperbaiki bagi memastikan keberkesanan fungsi dan penggunaannya. Bagi tujuan itu, kerja-kerja menaik taraf lif di KOMTAR yang melibatkan 8 lif di zon rendah dan 8 lif di zon tinggi telah pun dimulakan pada Januari 2008 dan dijangka akan siap pada September 2009. Keseluruhan kerja menaik taraf ini dijangka akan mengambil masa selama lebih kurang 20 bulan memandangkan kerja-kerja akan dijalankan secara berperingkat-peringkat serta turut melibatkan pemasangan peralatan dan alat ganti dari luar negara. Kos bagi kerja-kerja ini adalah sebanyak RM8.6 juta.

Skop kerja naik taraf yang dijalankan adalah juga dinamakan "*modernization*" iaitu kerja-kerja menaik taraf dengan cara menggantikan peralatan utama lif dan juga ubah suai "kereta" lif (*lift car*). Kaedah "*modernization*" ini telah dipilih memandangkan ianya merupakan kaedah yang paling sesuai yang akan melibatkan gangguan yang paling minima jika dibandingkan dengan kaedah menggantikan keseluruhan lif sedia ada dengan lif yang baru.

Kerja-kerja menaik taraf ini diharap akan memberikan penyelesaian kepada pengguna KOMTAR untuk tempoh jangka panjang. Walau bagaimanapun kerja-kerja menaik taraf ini terpaksa dijalankan secara berperingkat-peringkat dan akan melibatkan penutupan beberapa lif untuk tempoh-tempoh tertentu. Oleh yang demikian, gangguan-gangguan yang akan berlaku sepanjang kerja-kerja ini dilaksanakan adalah tidak dapat dielakkan. PDC akan memastikan sebarang gangguan yang berlaku diminimumkan sebaik mungkin. Langkah-langkah juga telah diambil dengan menjadualkan pelaksanaan kerja-kerja naik taraf sewajarnya untuk lif-lif yang terlibat bagi mengurangkan kesulitan kepada pengguna. Pihak pengguna juga telah dimaklumkan berkenaan kerja-kerja yang dilaksanakan melalui notis yang dilekatkan di kawasan berkaitan.

Berkenaan dengan apa yang dikatakan mengenai 3 lif yang tidak beroperasi, ianya melibatkan lif-lif zon tinggi. 2 daripada lif tersebut tidak beroperasi untuk tempoh 1 Oktober 2008 hingga 7 Oktober 2008 yang mana ianya adalah disebabkan kerja-kerja menaik taraf di mana ianya melibatkan pelaksanaan kerja-kerja "*cable alignment*." Manakala sebuah lagi lif tidak berfungsi disebabkan masalah teknikal yang memerlukan pembaikan. Kerja-kerja pembaikan tersebut sedang diuruskan yang mana ianya termasuk juga di dalam skop kerja-kerja

menaik taraf tersebut. Pada masa yang sama, sebagai langkah alternatif bagi mengurangkan kesesakan, pihak pengurusan bangunan iaitu PDC Setia Urus Sdn. Bhd., telah mengambil tindakan dengan menggunakan lif kargo dan lif ke Restoran KOMTAR Tower bagi tujuan membawa pengguna pada waktu puncak sebelah pagi iaitu dari jam 7.00 pagi sehingga 8.30 pagi setiap hari bekerja. Langkah ini akan diteruskan sehingga penggunaan lif kembali normal.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Bagaimanakah hasrat untuk mengimplementasikan pemasangan perkhidmatan WIFI & WIMAX oleh Kerajaan Negeri apabila terdapatnya beberapa bantahan daripada orang ramai terhadap pemasangan tersebut. Apakah jaminan kerajaan terhadap kesihatan rakyat dengan adanya pemasangan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan negeri akan meneruskan hasrat untuk melaksanakan projek *Wireless@Penang* memandangkan tiada bukti kukuh berdasarkan kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh badan-badan bertauliah seperti World Health Organisation (WHO) dan Malaysian Institute of Nuclear Technology Research (MINT) bahawa ianya adalah selamat. Sungguhpun demikian, Kerajaan Negeri akan mengadakan sesi-sesi forum penerangan dan kesedaran mengenai kesan radiasi dari teknologi Wifi kepada orang ramai. Forum Awam *Wireless@Penang* dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah diatur pada 8 November 2008 di Geodesic Dome, KOMTAR. Objektif forum ini adalah untuk memberi maklumat dan penjelasan kepada orang awam mengenai isu-isu *radio frequency radiation* serta *electromagnetic field (emf)*. Di samping itu, sekiranya terdapat bukti yang kukuh mengenai kesan kepada kesihatan orang awam, Kerajaan Negeri akan mengambil langkah untuk menghentikan projek ini. Tidak ada sebarang bantahan kuat dalam forum ini.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sila nyatakan statistik kadar jenayah yang terdapat di Pulau Pinang sejak Pakatan Rakyat mengambil alih tempoh pemerintahan dan nyatakan juga kategori jenayah yang dilakukan mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kedudukan indeks jenayah di Pulau Pinang semenjak Pakatan Rakyat mengambil alih tampuk pemerintahan mulai bulan Mac hingga September 2008, ialah sebanyak 10,706 kes. Berbanding tempoh yang sama bagi tahun 2007, kes tersebut meningkat sebanyak 201 kes atau 1.9 peratus iaitu sebanyak 10,505 kes.

Terdapat tiga daerah yang menunjukkan peningkatan kes-kes jenayah. Di Daerah Timur Laut, kes jenayah telah meningkat sebanyak 117 kes atau 3.3 peratus daripada 3,512 kepada tahun 2007 kepada 3,629 kes pada tahun 2008. Daerah Seberang Perai Utara mencatatkan kes sebanyak 1,293 tahun 2008 berbanding 1,243 kes tahun 2007 iaitu meningkat sebanyak 50 kes atau 4.0 peratus. Kes-kes jenayah di Daerah Seberang Perai Tengah juga meningkat daripada 3,749 kes tahun 2007 kepada 3,930 kes tahun 2008 iaitu meningkat naik 181 kes atau 4.8 peratus.

Daerah Barat Daya mencatatkan sebanyak 1,159 kes pada tahun 2008 berbanding tempoh yang sama pada 2007 sebanyak 1,264 kes iaitu menunjukkan penurunan sebanyak 105 kes atau 8.3 peratus. Daerah Seberang Perai Selatan juga menunjukkan penurunan kes jenayah kepada 42 kes atau 5.7 peratus daripada 737 kes pada tahun 2007 berbanding 695 kes pada tahun 2008.

Secara umumnya, peratusan peningkatan kadar jenayah menurun apabila kadar jenayah meningkat 2 peratus untuk tempoh pada 9 bulan pertama pada tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama untuk tahun 2007.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Berapakah jumlah pelaburan secara kasarnya daripada pelabur asing dan pelabur tempatan yang berjaya diperoleh oleh Kerajaan Negeri di dalam masa lapan bulan kebelakangan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Untuk tahun 2008, pelaburan yang diluluskan oleh MIDA untuk sektor pengilangan bagi jangka masa Januari hingga Ogos adalah dijangka sebanyak RM6.1 bilion berbanding dengan RM4.7 bilion pada tahun selepasnya. Ini merupakan jumlah pelaburan yang tertinggi sekali diluluskan dalam sejarah Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, oleh kerana ada perangkaan RM8 bilion yang diumumkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa Y.B. Tan Sri Muhyiddin Yassin di surat khabar tempatan, Kerajaan Negeri sedang berusaha mendapatkan kepastian.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila nyatakan Ahli Lembaga Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan nyatakan kejayaan yang telah dicapai oleh PDC bagi mempertingkatkan ekonomi Bumiputera di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Ahli Lembaga Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) adalah seperti berikut:

- (i) YAB. Tuan Lim Guan Eng (ADUN Air Puteh N23)
Ketua Menteri Pulau Pinang.
- (ii) Y.B. Tuan Mohammad Fairus bin Khairuddin
(ADUN Kawasan Penanti N12)
Timbalan Ketua Menteri 1,
MMK Hal Ehwal Agama, Pembangunan Usahawan Dan
Koperasi, Penerangan dan Perhubungan Masyarakat.
- (iii) Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy
(ADUN Kawasan Perai N16)
Timbalan Ketua Menteri 2,
MMK Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan Dan Sumber
Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi.
- (iv) Y.Bhg. Dato' Lee Kah Choon
Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Invest Penang Sdn Bhd.
- (v) Y.B. Dato' Jamaludin bin Hasan
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- (vi) Y.B. Dato' Hajah Supiah bt. Md. Yusof
Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang.
- (vii) Puan Naimah bt. Ramli
Setiausaha Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.
- (viii) Y. Bhg. Dato' Haji Mohammed bin Ismail
Timbalan Ketua Pengarah
(Pemantauan Dan Penilaian), Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri.
- (ix) Y. Bhg. Dato' Zaaba bin Che Ros
Pengarah Projek e-Perolehan Kementerian Kewangan.

PDC sebagai sebuah agensi Kerajaan Negeri telah banyak membantu mempertingkatkan ekonomi Bumiputera di Pulau Pinang melalui pelaksanaan program-program utama seperti pembangunan kawasan-kawasan perumahan & pembangunan bandar yang mewujudkan peluang-peluang pemilikan hartanah serta pembangunan kawasan-kawasan perindustrian yang mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan. Di samping itu PDC sebagai Agensi Pelaksana di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) di peringkat negeri juga memainkan peranan dalam melaksanakan program keusahawanan MECD dan program-program keusahawanan PDC. Antara kejayaan yang telah dicapai adalah seperti berikut:

(i) Pembangunan Kawasan Perumahan dan Bandar.

Sehingga 30 September 2008, PDC telah membina sejumlah 222,424 unit perumahan pelbagai jenis. Sejumlah 8,973 unit (40%) berjaya diperuntukkan kepada Bumiputera. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 63.6% adalah rumah kos mampu milik berharga di bawah RM50,000.00, 27.3% rumah kos sederhana berharga antara RM50,000.00 hingga RM100,000.00 dan 9.1% adalah rumah kos tinggi berharga lebih RM100,000.00.

(ii) Pembangunan Komersil.

Sehingga 30 September 2008, sejumlah 852 unit komersil telah dibina di Bandar Bayan Baru, George Town dan di kawasan Seberang Perai. Sejumlah 278 unit (34.8%) telah pun dibeli dan disewa oleh Bumiputera. PDC juga telah melaksanakan satu projek komersil di Jalan Chow Thye dan Jalan Burma bagi memberi peluang kepada Bumiputera berniaga di lokasi strategik di Bandar George Town. Sebanyak 16 unit (40%) telah pun disewakan kepada Bumiputera.

(iii) Pembangunan IKS.

Program penggalakan Bumiputera dalam bidang perindustrian dilaksanakan melalui pembangunan 276 unit kilang IKS di Taman Perindustrian Bayan Lepas, Sungai Pinang, Bukit Tengah dan Bukit Minyak. Sehingga 30 September 2008, sejumlah 77 unit (82.7%) daripada 93 unit (30%) yang diperuntukkan khas kepada Bumiputera telah dibeli dan disewa oleh usahawan IKS Bumiputera.

(iv) Peruntukan Kerja Kontrak Kelas F.

PDC telah menjalankan proses pendaftaran kontraktor kelas F bagi tujuan pembahagian kerja kontrak bernilai di bawah RM20,000 secara undian kepada kontraktor Bumiputera. Sehingga 30 September 2008, sejumlah 49 sebut harga bernilai RM 252,610.70 telah ditawarkan secara undian kepada kontraktor Bumiputera. Bagi kerja kontrak kelas F bernilai RM20,000.00 hingga RM200,000.00 pula, sejumlah 26 kerja kontrak bernilai RM1.269 juta telah ditawarkan kepada kontraktor Bumiputera.

(v) Pajak Tanah Stesen Minyak.

PDC juga menyediakan program pajak tanah PDC yang terletak di kawasan strategik untuk memberi peluang kepada syarikat Bumiputera terlibat secara langsung dalam operasi dan perkhidmatan stesen minyak. Sebanyak 8 tapak seluas 7.27 ekar telah dipajak kepada 8 orang usahawan Bumiputera.

(vi) Pembangunan Usahawan ICT

Bersesuaian dengan status Bandar Siber Pulau Pinang, PDC melaksanakan Program Akademi Teknopreneur dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dan Multimedia Development Corporation (MDeC). Program yang dibiayai MECD ini bermatlamat untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ICT dan membantu menangani isu pengangguran di kalangan graduan. Seramai 31 usahawan dan graduan telah menyertai program untuk membentuk idea dan menyediakan rancangan perniagaan.

(vii) Program Incubator Penang Cybercity.

PDC dengan kerjasama Kerajaan Negeri, USM, Multimedia Development Corporation (MDeC), Bahagian Penyelaras Penyertaan Bumiputera dan MARA melaksanakan Program Incubator Penang Cybercity untuk mewujudkan usahawan tekno Bumiputera. Seramai 27 usahawan yang menyertai *Business Lab* di USM selama 3 bulan telah dibantu di peringkat pembentukan idea, penyediaan rancangan Perniagaan ICT, khidmat mentoring, seminar dan bengkel ICT. Seorang peserta telah berjaya memperoleh *Pre Seed Fund MDeC* berjumlah RM135,000.00, seorang mendapat geran RM170,000 daripada SMIDEC manakala seorang lagi berjaya memperoleh geran RM100,000.00 daripada USM.

(viii) Pembangunan Francais.

PDC dan MECD bekerjasama dengan Francais Nasional (PNS) dalam melaksanakan program promosi untuk melahirkan usahawan francais wanita dan siswazah. Seramai 8 peserta telah terpilih untuk mengikuti program latihan bimbingan 1 minggu dan program sangkut kerja industri untuk membolehkan mereka mendapat kemudahan kewangan. Seramai 2 orang usahawan telah berjaya menjalankan perniagaan sebagai francais. Melalui program pembangunan francais juga seorang usahawan telah berjaya menjalankan perniagaan sebagai francaisor.

(ix) Promosi Produk Usahawan.

PDC juga melaksanakan usaha mempromosi produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh pengusaha kecil Bumiputera. Melalui penganjuran Program Gerak Usahawan dan *Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI)* dengan kerjasama pihak MECD, usahawan Bumiputera telah berupaya membina jaringan perniagaan, memperluaskan pasaran produk dan mewujudkan peluang perniagaan kepada usahawan baru. Program ini juga menyediakan peluang kepada produk-produk yang berpotensi untuk diketengahkan bagi pasaran dalam negeri dan seterusnya hingga ke pasaran luar negara.

(x) Program Mentor-Mentee Kraf dan Vendor.

PDC juga melaksanakan Program Mentor-Mentee Kraf yang bermatlamat untuk membangunkan usahawan kraf dan membuka peluang perniagaan melalui program menyeluruh, meliputi latihan dan bimbingan, pembiayaan serta pemantauan usahawan. Melalui program ini seramai 9 usahawan telah terpilih untuk menjalankan perniagaan di lokasi strategik. Melalui pelaksanaan program vendor jahitan PDC, PDC telah menyediakan peluang perniagaan kepada seramai 5 orang usahawan untuk menjadi usahawan vendor.

(xi) Pembudayaan Usahawan.

Program Usahawan Muda merupakan satu program MECD yang dijalankan oleh PDC untuk memupuk dan menanam budaya keusahawanan di kalangan generasi muda. Program ini dilaksanakan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah terpilih semenjak tahun 1998, melibatkan seramai 6,725 orang pelajar dari 40 buah sekolah. Mulai tahun 2007, program ini dikembangkan lagi melalui Program Perintis Usahawan yang dilaksanakan di 6 buah sekolah rendah terpilih.

(xii) Projek Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dalam bidang pelancongan, melalui peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan PDC sedang membina sebuah *Indoor Arcade & Seafood Centre* di Bandar Cassia Batu Kawan yang akan menyediakan ruang niaga dan pusat makanan laut bagi memberi peluang perniagaan kepada usahawan Bumiputera bersama-sama dalam perniagaan berasaskan produk makanan laut dan produk pelancongan. PDC juga merancang untuk membina satu projek perintis yang dinamakan '*Community Square*' di lokasi yang strategik dalam kelompok komuniti di Batu Kawan. Kalangan komuniti berpeluang untuk menjadi pengusaha dan usahawan kecil dalam bidang peruncitan dan perkhidmatan khusus untuk kalangan komuniti tempatan.

Prestasi PDC dalam mempertingkatkan ekonomi Bumiputera di Pulau Pinang yang telah dilaksanakan setakat ini masih boleh dipertingkatkan lagi. Oleh itu PDC akan terus berusaha dan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan sektor swasta bagi meningkatkan lagi tahap ekonomi masyarakat Bumiputera di Pulau Pinang.

(xiii) PDC sebagai sebuah agensi Kerajaan Negeri telah banyak membantu mempertingkatkan ekonomi Bumiputera di Pulau Pinang melalui pelaksanaan program-program utama seperti pembangunan kawasan-kawasan perumahan & pembangunan bandar yang mewujudkan peluang-peluang pemilikan hartanah serta pembangunan kawasan-kawasan perindustrian yang mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan. Di samping itu PDC sebagai Agensi Pelaksana di bawah

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) di peringkat negeri juga memainkan peranan dalam melaksanakan program keusahawanan MECD dan program-program keusahawanan PDC.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sila nyatakan peluang pekerjaan yang terdapat di Pulau Pinang serta jumlah kekosongan pekerjaan yang belum diisikan lagi dan berapa banyakkah pula pekerja asing yang bekerja di negeri ini mengikut kategori pekerjaan yang ada.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Peluang-peluang bagi penduduk Pulau Pinang mengikut pecahan pekerjaan adalah seperti berikut:
- (i) Penggubal undang-undang;
 - (ii) Profesional;
 - (iii) Juruteknik dan profesional bersekutu;
 - (iv) Pekerja perkeranian;
 - (v) Pekerja perkhidmatan dan pekerja kedai;
 - (vi) Pekerja mahir pertanian dan Perikanan;
 - (vii) Pekerja pertukangan dan yang berkaitan;
 - (viii) Operator loji dan mesin pemasangan; dan
 - (ix) Pekerja asas.

Berdasarkan laporan MIDA, sejumlah 10,199 peluang pekerjaan telah diwujudkan di Pulau Pinang dari Januari hingga Julai 2008. Jumlah pekerjaan dari projek yang diluluskan di Pulau Pinang dari Januari hingga Julai 2008 mengikut pecahan bulan adalah seperti berikut:

BULAN	PEKERJAAN
JAN	1,943
FEB	840
MAC	2,469
APR	750
MEI	2,471
JUN	1,359
JUL	367
JUMLAH	10,199

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sila nyatakan jumlah Pusat Hiburan Awam di Pulau Pinang buat masa ini dan nyatakan jumlah premis hiburan yang melanggar syarat Pusat Hiburan serta tindakan yang telah diambil oleh kerajaan di dalam tempoh lapan bulan kebelakangan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Terdapat sejumlah 522 Pusat Hiburan Awam di Pulau Pinang pada masa kini. Dalam tempoh lapan bulan yang lepas, sebanyak 30 buah Pusat Hiburan Awam telah diambil tindakan oleh kerajaan kerana melanggar syarat yang ditetapkan.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah mengambil tindakan terhadap 9 premis yang melanggar syarat dan 10 lagi dalam proses untuk tindakan mahkamah. Dalam tempoh yang sama, 11 kes premis yang melanggar syarat dikenakan tindakan kompaun oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Polis Pulau Pinang baru-baru ini ada mengeluarkan kenyataan melalui akhbar-akhbar tempatan bahawasanya terdapat 102 buah pusat hiburan yang dipantau dengan serius kerana menjalankan aktiviti pelacuran dan pengedaran dadah. Sila nyatakan pusat-pusat hiburan tersebut mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Senarai pusat hiburan yang dipantau bagi mengesan dan mengekang aktiviti maksiat (pelacuran) serta pengedaran dadah adalah seperti berikut:

Senarai pusat hiburan yang dipantau bagi mengesan dan mengekang aktiviti maksiat (pelacuran) serta pengedaran dadah adalah seperti berikut :-

BIL	NAMA PUSAT HIBURAN	DAERAH
1	Amys Bierhalle Bistro & Pub 36 Jalan Nagore, Pulau Pinang	T/Laut
2	S Class Entertainment City Sdn Bhd No 6 Jalan Tanjong Tokong, Pulau Pinang	T/Laut
3	BK Pub 1-2-12 Kompleks Seri Relau Persiaran Bukit Jambul, Pulau Pinang	T/Laut
4	Chow Si Moon Musical & Café No 55 Tkt 1 Kg Malabar, Pulau Pinang	T/Laut
5	Coco Tree Café G9-G11 202 & 202 A Jln Macalister, Pulau Pinang	T/Laut
6	Crystal KTV Tkt 1 Hotel Cittitel 66 Jln Penang, Pulau Pinang	T/Laut
7	De Palace I KTV 96 B Jln Tanjong Tokong, Pulau Pinang	T/Laut
8	De Palace II KTV Exclusive Lounge 58 Tkt 1 Jln Cantoment, Pulau Pinang	T/Laut
9	Dshang Nite KTV 179-181 Jln Magazine, Pulau Pinang	T/Laut
10	EYT Phang Musical Hall Tkt 1 404 Hotel Centra Jln Penang, Pulau Pinang	T/Laut

BIL	NAMA PUSAT HIBURAN	DAERAH
11	Flix Restoran & Pub 1-01-01 & 02 Lebu Tunku Kudin 2, Pulau Pinang	T/Laut
12	Fobidden City KTV 488D-06-01 Midland Park Centre Jln Burma, Pulau Pinang	T/Laut
13	Gurney KTV Karaoke 18-2-B3 2 Floor Hotel Gurney Persiaran Gurney, P.Pg	T/Laut
14	Heaven Dance Club 1 Lrg Dury Off Lebu Campbell, Pulau Pinang	T/Laut
15	Home Town Lounge & Café 41 Jln Perak Pulau Pinang	T/Laut
16	Kandang Karaoke De Twins Café 1-3-1 Gold Hill Kompleks Tkt P/Terubong Pg	T/Laut
17	Latin Muzikal Hall & Karaoke 38A Lebu Farquhar, Pulau Pinang	T/Laut
18	Mindland KTV Karaoke 488D-05-02 One Stop Midland Park Jln Burma Pg	T/Laut
19	Mois Dance Club 1 Jln Penang, Pulau Pinang	T/Laut
20	Momo Upper Penang Jln Penang, Pulau Pinang	T/Laut
21	Noble House KTV & Lounge 1st Floor Garden Inn Hotel 41 Jln Anson Pg	T/Laut
22	Planet Bistro 499-505 Jln Penang, Pulau Pinang	T/Laut
23	Pusat Karaoke Relau 5B-7B Jln Relau, Pulau Pinang	T/Laut
24	Pusat Nyanyian Relau 15 A Jln Relau, Pulau Pinang	T/Laut
25	Raining House Karaoke 6K/1 Jln Rumbia, Pulau Pinang	T/Laut
26	Rhytham Blue Pub & BistroTkt 1, 55 Jln Penang, Pulau Pinang	T/Laut
27	Round The World E-KTV Suits 463-A-2 Floor Jln Hill Railway A/ltam Pg	T/Laut
28	RR Rest & Relax Café Tkt 1 Hotel Grand Paradise 101 Jln Macalister Pg	T/Laut
29	Sin Yeh Lai Siang Karaoke & KTV No 122A-122B Jln Seang Teik, Pulau Pinang	T/Laut
30	Slipper Senories Salsa Club & Restoran 2 Jln Penang, Pulau Pinang	T/Laut
31	Soho Free House 50 Jln Penang, Pulau Pinang	T/Laut
32	SOI II Restoran & Pub B2 & B3 The Garage 2 Upper Penang, Pulau Pinang	T/Laut
33	Solid Sound 6B1 Jln Rumbia Bkt Jambul , Pulau Pinang	T/Laut
34	Star Flory Café 14 Jln Seang Teik Pg	T/Laut
35	Star Light Café No 8 Ground Floor Wisma The Kean Lai Lrg Abu Siti Pg	T/Laut
36	Sweet Melody 178 Tkt Bawah Jln Seang Teik Pg	T/Laut
37	Taj By The Sea Bistro & Bar Sandy Bay paradise 527 Jln Tg Bungah Pg	T/Laut
38	The Place No 253 G-1-8 Premier Centre Jln Burma Pg	T/Laut
39	Up Town Bistro 20 Jln Sultan Ahmad Shah Pg	T/Laut
40	VKTV 2-4-2 Lebu Pekaka 1 Sg Dua Gelugor Pg	T/Laut
41	Wild Flowers Karaoke 170-1-3 Menara MAA Jln Agryll Pg	T/Laut
42	Bailey Pub & Restoran 303-1-14 Ground Floor Krsytal Point Jln Sultan Azlan Shah Pg	B/Daya
43	City Twenty One Coffee Garden 1795G Medan Kg Relau Bayan Point Bayan Lepas, Pulau Pinang	B/Daya
44	Coco Café No 15G-H 14 & 15 Medan Kg Relau Bayan Point B/Lepas P.Pg	B/Daya
45	Doom Bistro 1C-1 Tkt Kerani 6 Sg Ara B/Lepas Pg	B/Daya
46	Fenz Fun Pub 303-1-19 Ground Floor Crystal Point Jln Sultan Ahmad Shah Pg	B/Daya
47	Gembira Sdn Bhd 22-2 Lintang Batu Maung 4 B/Lepas Pg	B/Daya
48	Orely Irish Pub No 72G Persiaran Bayan Indah Bayan Bay B/Lepas P.Pg	B/Daya
49	Rio Laser Karaoke 36A Tkt Pertama Tmn Sri Tunas Jln Tengah Pg	B/Daya
50	SH Bistro & Café 1H-3 2nd Floor Jln Kerani Sg Ara B/Lepas, Pulau Pinang	B/Daya
51	Sun Light Café 46 Second Floor 1 Avenue Krsyal Point Relau, Pulau Pinnag	B/Daya
52	The Grand Bay Café Blk G-326 Persiaran Bayan Indah Bayan Bay B/Lepas Pg	B/Daya
53	Lian Mah Karaoke & Restoran 1543 Jln Sg Valdor Sg Jawi SPS Pg	Seb Perai Selatan
54	Peking Café 32 & 34 Jln S/Ampat SPS PG	Seb Perai Selatan
55	V3 Bistro No 818 Mk 12 Jln Besar S/Bakap SPS Pg	Seb Perai Selatan

BIL	NAMA PUSAT HIBURAN	DAERAH
56	Alma Karaoke No 1 Lrg Rozhan 2 Tmn Rozhan SPT Pg	Seb Perai Tengah
57	Aloha Beach 40-46 Jln Perai Jaya 4 Bandar Perai SPT Pg	Seb Perai Tengah
58	Autoworld Café & Bistro 1797-G11 Kompleks Auto City Jln Perusahaan Juru, SPT Pulau Pinang	Seb Perai Tengah
59	Baileys Pub Sdn Bhd A-G-11/A-1-11 Jln Todak 4 SPT Pg	Seb Perai Tengah
60	Bali Bali 2856-2857 Western Town Bandar Perai Jaya Perai SPT Pg	Seb Perai Selatan
61	BM Karaoke 38& 40 Tkt 1 Lebu Nangka 2 Tmn Mutiara SPT Pg	Seb Perai Tengah
62	Citi Box Karaoke 1833-F1 1834 F1 Jln Perusahaan Auto City Juru SPT Pg	Seb Perai Tengah
63	CK Two Relax Café 4 Lrg Permatang Tinggi Indah 1 Tmn Pmtg Tinggi SPT Pg	Seb Perai Tengah
64	Clinic Café & Pub Zoom Free Sdn Bhd No 7 Ground Floor Jln Todak 3 Pusat Bandar Sunway SPT Pg	Seb Perai Selatan
65	Corresline Café & Karaoke 1645 Tkt 1 & 2 Lrg Perusahaan Maju SPT Pg	Seb Perai Tengah
66	Cute Karaoke Café & Pub 46 Lrg Tembikai 1 Kaw Perniagaan Sg Rambai SPT Pg	Seb Perai Tengah
67	Dang Dangdut 12A & 14A Tkt 1 Jln Perai 6 Perai SPT Pg	Seb Perai Tengah
68	Dream (VIVO) 1824-F1 Jln Perusahaan Autocity North South Highway Juru Interchange SPT Pg	Seb Perai Selatan
69	Flamingo Café 32 Tkt Bawah Lrg Perda 1 SPT Pg	Seb Perai Tengah
70	Football Café No 2750 Jln Sepakat 1 Tmn Bandaraya SPT Pg	Seb Perai Tengah
71	Freshway Café Sdn Bhd G-5A G6A dan G-7A NB Plaza Jln Baru Perai SPT Pg	Seb Perai Tengah
72	Fuel No 1681 G1 & G2 Jln Perusahaan Auto City, North-South Highway Juru Interchange Juru SPT Pg	Seb Perai Selatan
73	Gold Song Muzik Centre 33 Tkt 1 Jln Todak 4 Bandar Sunway SPT Pg	Seb Perai Tengah
74	Harmoni No 42A & 46 Lrg Maju 3 Pusat Perniagaan maju SPT Pg	Seb Perai Tengah
75	Hi-Tech Bistro & Pub G-113 Megamall Bandar Perai Jaya Perai SPT Pg	Seb Perai Tengah
76	Infinity Bistro Pub 55 & 57 Tkt Maju usat Perniagaan Maju SPT Pg	Seb Perai Selatan
77	Kelab Dangdut 12A-14A Tkt 1 Jln Perai Jaya Perai SPT Pg	Seb Perai Tengah
78	Mowa Bistro & Café 2899 Jln Baru Bandar Perai Jaya Perai SPT Pg	Seb Perai Tengah
79	Night Town Entertainment Centre 1 Jln Kurau Chai Leng Park Perai SPT Pg	Seb Perai Tengah
80	Pusat Istirehat Pokok Nyior No 10 & 12 Jln Sri Maju SPT Pg	Seb Perai Selatan
81	Pusat Muzik Alma Karaoke No 1 Lrg Rozhan 2 Kaw Perniagaan Jln Rozhan, SPT, Pulau Pinang	Seb Perai Tengah
82	Rach Pub & Café A-G-06 Pusat Perniagaan Bandar Sunway Jln Todak 4 S/Jaya SPT, Pulau Pinang	Seb Perai Tengah
83	Roxbury Pub & Bistro 20 & 21 Ground Floor Jln Todak 3 Pusat Bandar Sunway SPT, Pulau Pinang	Seb Perai Tengah
84	Scorpion Hitz Bistro G20 Jln bandar Perda Selatan SPT Pg	Seb Perai Selatan
85	SK Pub & Bistro A-G-2-3 Pusat Perniagaan Sunway Jln Todak SPT Pg	Seb Perai Tengah
86	Soo Good Pub & Café G-05 De Rendezvous Jln Perda Selatan SPT Pg	Seb Perai Tengah
87	Suen Nineball 1618-G1 & 1618-G2 Jln Perusahaan Autocity Juru SPT Pg	Seb Perai Tengah
88	Sunway Karaoke 74-80 Jln Perda Selatan 1 Bandar Perda SPT Pg	Seb Perai Selatan
89	Swiss Karaoke Fe Rendezvous 1-10 & 1-13-19 Jln Selatan Bandar Perda SPT Pg	Seb Perai Tengah
90	Thuder Sound Karaoke 11, 11A Lebu Kota Permai 1 Tmn Kota Permai SPT Pg	Seb Perai Tengah
91	Twin Eagle Entertainment No 1,3, 5 Lrg Perda Timur 5 Bnadar Perda SPT Pg	Seb Perai Tengah
92	Vegas Plazzo & KTV 35-45 Jln Perai Jaya 4 Bandar Perai Jaya SPT Pg	Seb Perai Selatan
93	VS Karaoke Sdn Bhd 2 & 5 Tkt 1 Lrg Cermai 2 Tmn Samagagah Pmtg Pauh SPT, Pulau Pinang	Seb Perai Tengah
94	Whole Night Café 2 Tkt Satu Tkt Talang Satu Tmn Emas Perai SPT Pg	Seb Perai Tengah

BIL	NAMA PUSAT HIBURAN	DAERAH
95	Bull Cafe 64 Lrg Teras Jaya 2 Kaw Industri Ringan Teras Jaya SPU Pg	Seb Perai Utara
96	Classic Musical Hall No. 1 Jln Kapal Off Jln Chain Ferry SPU Pg	Seb Perai Utara
97	Kelab Malam Darling Disco Dangdut 20 Jln Bagan Luar Lrg 2 SPU Pg	Seb Perai Utara
98	Nine Angle Ent 6854-6855 Jln Bagan Ayam SPU Pg	Seb Perai Utara
99	Rover Corner Fun Pub 88 88A-B Jln Raja Uda SPU Pg	Seb Perai Utara
100	Ruby Pub 4517 Jln Bagan Luar SPU Pg	Seb Perai Utara
101	Surround World Karaoke & Bistro 7300 Jln Raja Uda SPU Pg	Seb Perai Utara
102	Take Two Fun Club No 34 Jln Bunga Raya Merah 2 Kaw Perusahaan Raja Uda SPU, Pulau Pinang	Seb Perai Utara

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sila nyatakan siapakah yang menjadi Ahli Lembaga Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang buat masa ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) adalah seperti berikut:

- | | | | |
|-------|---|---|---|
| (i) | Puan Tan Cheng Liang | - | Pengerusi |
| (ii) | Cik Hajah Norlaila binti Ibrahim | - | Pengurus Besar SPPP |
| (iii) | Y. Bhg. Dato' Long See Wooi | - | Kementerian Pengangkutan |
| (iv) | Y. Bhg. Dato' Dr Ali bin Hamsa | - | Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri |
| (v) | Tuan Haji Abdul Shukor bin Ibrahim | - | Kementerian Kewangan |
| (vi) | Y.B. Dato' Jamaludin bin Hasan | - | Setiausaha Kerajaan Negeri
Pulau Pinang |
| (vii) | Y.B. Dato' Bijaya Indera Dato' Paduka
Haji Syed Unan Mashri bin Syed
Abdullah | - | Setiausaha Kerajaan Negeri
Kedah |

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Penduduk Pulau Pinang yang memperoleh pendapatan isi rumah kurang daripada RM1,500.00 sebulan layak memohon untuk bantuan wang ihsan sebanyak RM100.00 daripada Kerajaan Negeri melalui PBAPP. Sila nyatakan jumlah penduduk yang memohon dan jumlah yang berjaya mengikut daerah-daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Sebanyak 29,000 permohonan telah diterima daripada penduduk yang berpendapatan kurang daripada RM1500 untuk mendapatkan bantuan rebat RM100 daripada Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang (PBAPP). Sehingga 22 Oktober 2008, sebanyak 14,682 buah rumah telah menerima bantuan tersebut. Pecahan permohonan yang berjaya mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	Bilangan Rumah
Timur Laut	993
Barat Daya	2,283
Seberang Perai Selatan	1,986
Seberang Perai Tengah	3,106
Seberang Perai Utara	6,314

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Negeri Pulau Pinang sasar bebas kemiskinan tegar tahun ini dan sila nyatakan jumlah mengikut kaum yang paling ramai dan sejauh mana perkara ini dapat diselesaikan di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri telah menyasarkan miskin tegar sifar menjelang Mac 2009. Oleh itu pelbagai usaha dan langkah telah diambil bagi menghapuskan kemiskinan di Pulau Pinang. Hasil daripada kajian kemiskinan dan bancian yang dijalankan menunjukkan kaum Melayu adalah paling ramai dan mendominasi bilangan kemiskinan iaitu seramai 491 orang. Manakala kaum India seramai 24 orang dan diikuti Cina seramai 19 orang. Kaum lain-lain seperti India Muslim hanya seramai 5 orang dan menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 539 orang.

Kerajaan Negeri turut melibatkan agensi-agensi lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, PERDA, RISDA, Pusat Urus Zakat, MPPP dan juga badan-badan bukan kerajaan. Majoriti daripada senarai kemiskinan telah pun mendapat bantuan dan sedang dalam pemantauan untuk dikeluarkan daripada kepompong miskin ini. Maka tidak mustahil isu kemiskinan ini akan dapat diselesaikan seperti mana yang telah disasarkan. Setiap daerah sentiasa mengemas kini data dan melakukan siasatan lanjut sekiranya perlu bagi mengenal pasti Ketua Isi Rumah (KIR) yang sudah tidak layak lagi dikategorikan sebagai miskin tegar kerana beberapa faktor contohnya pendapatan isi rumah telah meningkat, KIR yang sudah berpindah atau meninggal dunia. Mesyuarat pembasmian kemiskinan di peringkat daerah juga diadakan secara berkala untuk memastikan bantuan yang bersesuaian dapat diberikan kepada ketua isi rumah dan ahli isi rumah. Bagi ketua isi rumah yang

sudah tidak produktif, dicadangkan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun Pusat Urus Zakat. Bagi KIR yang masih produktif, dicadangkan bantuan mesin dan peralatan yang sesuai dengan kemahiran yang dimiliki oleh KIR untuk meningkatkan pendapatan mereka. Manakala bagi ahli isi rumah yang tidak mempunyai pekerjaan, dicadangkan untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran supaya dengan kemahiran yang di perolehi mereka boleh menjana pendapatan daripada kemahiran yang dimiliki.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sejauh mana Rancangan Tebatan Banjir di Negeri ini berfungsi dan apakah masalah-masalah berbangkit mengenai Rancangan Tebatan Banjir di negeri kita buat masa ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sehingga kini projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di bawah pengawasan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah dapat dilaksanakan dengan baik mengikut program dan berdasarkan peruntukan yang telah diberikan.

Antara projek Rancangan Tebatan Banjir di seluruh Pulau Pinang yang sedang dilaksanakan pada tahun 2008 ini adalah seperti berikut:

Bil	Projek	Prestasi Fizikal Sehingga Oktober 2008 (%)
1.	RTB Sungai Muda	15%
2.	RTB Sungai Perai	85%
3.	RTB Bertam Kepala Batas	89%
4.	RTB Sungai Junjung	Fasa 1 siap
5.	RTB Perbandaran Georgetown	Jalan Transfer 20%

Antara masalah berbangkit mengenai Projek Rancangan Tebatan Banjir di Negeri Pulau Pinang buat masa ini adalah:

- (i) Masalah penempatan semula penduduk setinggan;
- (ii) Masalah pengambilan balik tanah;
- (iii) Masalah pemindahan kabel utiliti seperti TNB, komunikasi dan bekalan air; dan
- (iv) Sumber kewangan yang tidak mencukupi untuk melaksanakan keseluruhan projek yang telah dirancang.

Bagi kawasan di mana projek telah disiapkan, kejadian banjir telah berkurangan jika dibandingkan keadaan sebelum projek dilaksanakan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Sila nyatakan jumlah nelayan di Pulau Pinang yang mempunyai kad nelayan yang layak menerima insentif sara hidup RM200.00 sebulan telah berdaftar di Jabatan Perikanan serta berapa jumlah nelayan yang belum lagi menerima kad nelayan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Jumlah nelayan di Pulau Pinang yang layak menerima insentif sara hidup RM200 sebulan (mempunyai kad nelayan) ialah seramai 2,117 orang bagi pemilik vesel dan 781 orang bagi awak-awak.

Jumlah nelayan yang tidak mempunyai kad nelayan ialah seramai 2,000 orang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Taman Pertanian Negeri di Relau yang berteraskan pelancongan agro bagi menarik pelancong dari dalam dan luar negara dan sejauh manakah kejayaan untuk menarik pelancong-pelancong tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri menyedari bahawa Taman Pertanian Negeri di Relau mempunyai potensi untuk dimajukan sebagai destinasi pelancongan agro bagi menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Sebelum ini, tiada usaha dilakukan untuk menarik pelancong secara langsung kerana pembangunan fizikal secara menyeluruh perlu dilakukan ke atas taman ini terlebih dahulu.

Antara usaha yang sedang dijalankan untuk menjadikan Taman Pertanian Negeri sebagai destinasi pelancongan agro ialah:

- (i) Menaiktarafkan Pusat Pertanian Relau sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian
- (ii) Merangka dan meneliti cadangan pembangunan Taman Pertanian Negeri secara menyeluruh seperti cadangan mewujudkan kawasan:
 - (a) pengeluaran tanaman makanan dan dusun buah-buahan;
 - (b) pengeluaran anak benih pokok buah-buahan, orkid, herba, rempah ratus dan bunga-bunga;
 - (c) aktiviti penternakan;

- (d) aktiviti industri asas tani;
 - (e) aktiviti pemasaran; dan
 - (f) aktiviti pelancongan agro.
- (iii) Melaksanakan program-program yang melibatkan pembangunan komoditi, seperti pemulihan tanaman durian, rambutan dan nangka, selain dari memajukan tanaman-tanaman singkat pada masa yang lain.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Sila nyatakan berapa banyakkah pemegang lesen pendudukan sementara (TOL), penumpang tapak (*tenant at will*) dan setinggian (menduduki tanah tanpa kebenaran) di Pulau Pinang mengikut daerah buat masa ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pemegang Lesen Pendudukan Sementara (LPS), penumpang tapak dan setinggian mengikut daerah adalah seperti berikut:-

DAERAH	LPS	PENUMPANG TAPAK	SETINGGAN
Daerah Timur Laut	560	Tiada Rekod	Tiada Rekod
Daerah Barat Daya	447	105	362
Seberang Perai Utara	164	Tiada Rekod	Tiada Rekod
Seberang Perai Tengah	385	Tiada Rekod	485
Seberang Perai Selatan	737	Tiada Rekod	390
JUMLAH	2293	105	1237

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) dikatakan mengalami krisis kewangan yang begitu serius dan sejauh manakah Kerajaan Negeri membantu FAP bagi menyelesaikan gaji pemain bola sepak Pulau Pinang serta apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan mutu sukan bola sepak di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri (MSN) telah mengambil beberapa langkah-langkah bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang. Antaranya adalah seperti berikut:-

- (a) Memberi bantuan kewangan sebanyak RM200,000.00 bagi tahun 2008;
- (b) Menyediakan gimnasium bagi membantu semua pemain untuk bersedia dari segi fizikal dan mental;
- (c) Memberi ceramah ketahanan mental oleh jurulatih mental;
- (d) Mengadakan kursus kaedah sains sukan kepada jurulatih; dan
- (e) Memperkenalkan kaedah *periodization plan* bagi kegunaan jurulatih tempatan.

Program-program yang dirancang oleh Majlis Sukan Negeri dalam membangunkan bola sepak remaja ialah:-

- (a) Di Negeri Pulau Pinang terdapat 3 buah sekolah yang menjalankan program pembangunan bola sepak, di mana pemain muda yang berumur 13 tahun mula diperkenalkan kepada asas permainan bola sepak seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Perahu, Sekolah Mutiara Impian dan Sekolah Menengah Teluk Kumbar.
- (b) Sekolah Menengah Teknik Batu Lanchang adalah sebuah sekolah yang menjadi Akademi Bola Sepak di bawah pemantauan FAP dan Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang. Pusat latihan ini telah berjaya melahirkan ramai pemain yang mewakili negeri dan negara.
- (c) FAP pada setiap hujung tahun akan mengadakan pemilihan pemain remaja di tiap-tiap daerah bagi mengenal pasti pemain yang berbakat untuk berlatih bersama skuad negeri untuk Kejohanan Remaja Kebangsaan.
- (d) Pertandingan bola sepak di antara daerah diadakan pada setiap tahun dan melibatkan pemain remaja. Pemain yang berpotensi akan dikenal pasti semasa kejohanan ini.
- (e) Jurulatih negeri juga diberi latihan dan kursus-kursus yang melibatkan sains sukan dari masa ke semasa. Setakat ini rekod MSN telah menunjukkan bahawa seramai 13 orang jurulatih bola sepak telah lulus kursus sains sukan tahap 1.

VII. Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah terjadi kepada tanah lot GM 397 Mukim 5, di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) yang telah diambil secara terburu-buru dan perintah berpindah secara terburu-buru oleh kerajaan yang lalu sehingga dianggap sebagai projek buat duit oleh orang miskin sekitar SPS yang

terpaksa berpindah akibat pembangunan. Bolehkah kerajaan sekarang mengambil alih untuk dijadikan penempatan baru bagi orang miskin sekitar SPS berpindah akibat pembangunan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Tanah Lot 75, GM 397 Mukim 5, di Daerah Seberang Perai Selatan seluas 5668.12 meter persegi diluluskan pengambilan tanah dan pemberimilikan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 15 Ogos 2007 dan disahkan pada 29 Ogos 2007 untuk tujuan pembangunan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Pengambilan ini diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No. 406 bertarikh 13 September 2007 yang lalu.

Siasatan bagi penentuan pampasan telah pun dibuat oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian pada 13 November 2007 dan siasatan secara pentadbiran telah diadakan semula pada 18 Disember 2007 disebabkan terdapat pertikaian hak antara waris-warisi mati. Pemilik bagi lot tersebut adalah:

- (i) Yaakop bin Senawei - tidak hadir semasa siasatan
- (ii) Chik bin Arshad – meninggal dunia
(pampasan untuk tanah disimpan di Mahkamah).

Bayaran pampasan bangunan kepada waris pemilik bangunan seramai 6 orang juga telah dibuat pada 1 Februari 2008.

Notis supaya mengosongkan tanah bertarikh 22 Februari 2008 telah dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang kepada waris pemilik bangunan dan memohon untuk dikosongkan tanah selewat-lewatnya pada 30 April 2008 bagi membolehkan kerja-kerja tanah dimulakan secepat mungkin.

Tanah tersebut telah pun diberi milik kepada PERDA. Sehubungan itu, ianya bukan lagi menjadi tanah kerajaan untuk dibuat pengambilan dan Kerajaan Negeri tidak boleh mengambil alih tapak tersebut untuk dijadikan penempatan baru bagi orang miskin.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sesuai dengan keadaan negara yang menghadapi masalah kekurangan makanan terutama sayur-sayuran dan biji-bijian, bolehkah kerajaan menguatkuasakan satu undang-undang dan tindakan terhadap tuan-tuan punya tanah yang tidak memajukan tanah mereka atau disewa untuk dimajukan dengan kadar sewaan yang paling rendah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Bagi tanah-tanah persendirian, kerajaan boleh mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 115, Kanun Tanah Negara 1965 iaitu Syarat Tersirat bagi tanah-tanah berkategori pertanian seperti berikut:-
 - (a) Suatu permulaan penanaman atas tanah secara bona fide hendaklah dibuat dalam masa 12 bulan tarikh yang relevan;
 - (b) Bahawa seluruh kawasan tanah itu, selain dari mana-mana bahagian yang diluluskan bangunan, hendaklah ditanam sepenuhnya dalam masa 3 tahun dari tarikh yang relevan;
 - (c) Bahawa kawasan pertanian hendaklah dijaga dan ditanam mengikut kaedah-kaedah pertanian yang sempurna; dan
 - (d) Bahawa kawasan tersebut hendaklah ditanam secara berterusan. Penguatkuasaan syarat-syarat boleh diambil dari pemberian Notis, memastikan remedi pelanggaran syarat diambil dan hingga boleh menguatkuasakan pelucutannya.

Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang tersebut, Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan di bawah pelanggaran syarat (*Breach of Conditions*).

Berkaitan dengan penyewaan tanah, kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk menentukan kadar sewa ke atas tanah-tanah persendirian. Dalam kes sedemikian, kadar sewa ditentukan mengikut perundingan dan persetujuan kedua-dua pihak (penyewa dan tuan tanah).

Walau bagaimanapun, kerajaan boleh mengeluarkan Lesen Pendudukan Sementara secara tahunan ke atas tanah-tanah kerajaan untuk aktiviti pertanian mengikut kadar yang ditetapkan dalam perkara 6, Jadual ke II, Peraturan Tanah Negeri 2005.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. KADUN Sg. Bakap akan dijadikan Kawasan Pelancongan Kesihatan dan Pendidikan. Ini bukan kerana terdapat hospital dan sekolah-sekolah yang banyak, tetapi kawasannya subur, harmoni dan menarik untuk dilawati. Bolehkah kerajaan menyenaraikan Kampung Permatang Ara dan Makau Suah dalam kawasan Sungai Bakap dikekalkan sebagai Perkampungan Tradisional.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020, DUN Sungai Bakap telah dizonkan sebagai zon untuk sukan dan rekreasi dengan tema hutan lipur, padang golf, warisan, program *home-stay*, pusat penyelidikan dan aktiviti sukan.

Cadangan Kampung Permatang Ara dan Makau Suah untuk dikekalkan sebagai perkampungan tradisional akan dimasukkan dalam Kajian Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan 2008-2020. Kajian ini sedang dalam peringkat penyediaan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya MPSP dapat memastikan setiap projek perumahan baru khususnya di daerah Nibong Tebal menepati syarat-syarat sistem perparitan dan saliran yang sempurna. Ini kerana apabila kejadian banjir, penduduk sering mengaitkan punca banjir dari sistem perparitan dan saliran kawasan perumahan yang tidak sempurna. Mohon jawapan dari pihak MPSP dan JPS.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Di peringkat perancangan lagi, MPSP telah mengenakan syarat-syarat bagi sistem perparitan kepada pihak jurutera dalam memastikan setiap projek atau pembangunan yang dijalankan tidak mengalami masalah banjir. Setiap permohonan pelan perancangan, pihak jurutera perlu mengemukakan cadangan sistem perparitan yang lengkap dengan pengiraan hidraulik berpandukan garis panduan mesra alam. Dalam pengiraan hidraulik tersebut, jurutera dikehendaki mengambil kira kawasan-kawasan yang terlibat untuk mereka bentuk parit utamanya agar dapat menampung air dari kawasan-kawasan tersebut.

Kejadian banjir tidak semestinya disebabkan oleh sistem perparitan dan saliran yang tidak sempurna di kawasan perumahan baru yang dibina. Di daerah Nibong Tebal khususnya, kejadian banjir berpunca daripada beberapa faktor lain termasuk:

- (i) Aliran air permukaan daripada Bukit Jawi yang laju dan makin bertambah dengan adanya pembersihan kawasan untuk projek-projek pembangunan; dan
- (ii) Aliran air akibat hujan lebat yang datang daripada kawasan tadahan termasuk daripada Negeri Kedah melalui Sg. Jawi dan Sg. Kecik Hilir.

Walau bagaimanapun, pembinaan projek perumahan baru akan memburukkan lagi kejadian banjir sekiranya pemaju melaksanakan kerja-kerja tanah dan bangunan terlebih dahulu manakala sistem perparitan yang diluluskan dilaksanakan kemudian. Kerajaan Negeri melalui PBT dan JPS melalui penguatkuasaan peraturan dan undang-undang dan memastikan supaya sistem perparitan termasuk kolam takungan kelodak dibina dan disiapkan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja tanah dan bangunan dilaksanakan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Ladang ternakan ayam di kawasan Nibong Tebal sejak sekian lama dahulu telah menimbulkan masalah pencemaran bau dan lalat kepada penduduk sekitar. Adakah usaha-usaha pihak berwajib untuk meningkatkan kaedah penternakan yang lebih moden supaya industri penternakan ayam ini tidak menjejaskan keharmonian penduduk.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pencemaran bau dan lalat sering dikaitkan dengan ternakan ayam. Usaha berikut akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk memantau dan membantu industri ternakan agar:
 - (i) Mengenal pasti kaedah serta teknologi baru bagi memantapkan sistem pengawalan pencemaran ke atas semua jenis ternakan termasuk ternakan ayam;
 - (ii) Menggalakkan ladang ternakan ayam diusahakan secara tertutup;
 - (iii) Menggalakkan penggunaan *Effective Microbes* (EM) di ladang ternakan;
 - (iv) Mengadakan program pengawalan pencemaran bau dan gangguan lalat bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan ; dan
 - (iv) Mengubah minda masyarakat termasuk penternak dengan mengadakan ceramah, mewujudkan polisi dan undang-undang serta kawalan, penyelenggaraan, pemantauan dan uji kaji secara berkala.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Penempatan pekerja-pekerja asing (kilang) di kawasan-kawasan perumahan seperti di Taman Seruling Emas, Sg. Bakap dan sebagainya menimbulkan suasana tidak senang di kalangan penduduk tempatan, dikhuatiri berlaku jenayah, kerosakan akhlak dan sebagainya. Bolehkah pihak kerajaan perketatkan syarat-syarat pengeluaran lesen kepada kilang-kilang atau pengurus penempatan pekerja-pekerja tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. MPSP tidak mengenakan apa-apa syarat berkaitan penempatan pekerja asing (kilang) semasa mengenakan syarat pengeluaran lesen kepada pengilang.

Di bawah Seksyen 78, Akta Kerajaan Tempatan 1976 tindakan boleh diambil terhadap sesiapa yang membenarkan sesebuah rumah diduduki dengan sebegitu penuh sesak hingga mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan penduduknya.

Hukuman seperti berikut akan dikenakan jika disabit kesalahan. Denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sebutan kes.

Sesebuah rumah bolehlah disifatkan sebagai penuh sesak hingga mendatangkan bahaya atau mudarat kepada kesihatan penduduknya jika rumah itu atau mana-mana bilik di dalamnya didapati diduduki lebih daripada kadar seorang dewasa bagi setiap tiga ratus lima puluh kaki padu (350 kaki padu) ruang dalam bersih dan dalam pengiraan itu tiap-tiap orang berumur daripada 10 tahun hendaklah disifatkan sebagai seorang dewasa dan dua orang kanak-kanak berumur tidak lebih daripada 10 tahun hendaklah dikira sebagai seorang dewasa.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menempatkan penternakan khinzir secara berpusat seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan kerana sekarang sudah sampai masanya kita melayan sensitiviti penganut agama lain, di samping menghakis sindiran masyarakat terhadap Sg. Bakap sebagai sinonim dengan bau haiwan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri sedang meneliti cadangan untuk mewujudkan kawasan penternakan khinzir secara berpusat. Keputusan yang akan dibuat perlu melihat dari pelbagai sudut termasuklah cadangan serta pandangan penduduk Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, usaha untuk mengawal pencemaran akibat dari penternakan khinzir tetap diteruskan. Antaranya:
 - (i) Menguatkuasakan keperluan mematuhi air lepasan ladang khinzir supaya tidak melebihi BOD 50 ppm;
 - (ii) Mengenal pasti kaedah serta teknologi baru bagi memantapkan lagi sistem pengawalan pencemaran ke atas semua jenis ternakan;
 - (iii) Menggalakkan ladang khinzir diusahakan secara tertutup;
 - (iv) Menggunakan *Effective Microbes* (EM) di ladang ternakan;
 - (v) Memasang kelengkapan rawatan yang mencukupi di titik punca bagi mengurangkan kesan pencemaran;

- (vi) Mengalirkan punca pencemaran ke kolam rawatan kumbahan; dan
- (vii) Mengubah minda masyarakat termasuk penternak dengan mengadakan ceramah, mewujudkan polisi dan undang-undang serta kawalan, penyelenggaraan, pemantauan dan uji kaji secara berkala.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. Memandangkan terdapat rungutan dari penduduk taman mengenai lalu lintas/trafik jam kereta ibu bapa waris ketika menghantar dan mengambil anak mereka di taska-taska taman perumahan, bolehkah kerajaan mensyaratkan setiap taman perumahan baru, dibina sebuah sekolah taska (seperti disyaratkan ada surau dan dewan). Taska tersebut akan disewakan kepada pihak swasta yang berdaftar, sekurang-kurangnya ada kawasan permainan dan kemudahan yang sesuai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. Mengikut piawaian perancangan yang sedia ada, Kerajaan Negeri boleh mengenakan syarat kepada pemaju supaya menyediakan kemudahan tadika di dalam kawasan skim perumahan.

Syarat tersebut telah pun dikenakan oleh MPSP bagi projek perumahan yang melebihi 500 unit (2,500 penduduk).

Contoh Taman Perumahan yang mempunyai tapak tadika:

- (i) Taman Sukun, SPT
- (ii) Taman Markisah, SPT
- (iii) Taman Mangga, SPT
- (iv) Taman Bukit Minyak Indah, SPT
- (v) Taman Sejahtera, SPT
- (vi) Taman Alma Jaya, SPT
- (vii) Taman Impian, SPT
- (viii) Taman Bertam Indah, SPU
- (ix) Bandar Putera Bertam, SPU
- (x) Taman Desa Palma, SPT

VIII. Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Perpustakaan Cawangan Bukit Mertajam yang sedia ada terlalu kecil dan sempit, adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memindahkan perpustakaan ini ke tempat lain yang lebih sesuai dan selesa, misalnya pejabat lama MPSP di Jalan Betik, Bukit Mertajam.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pada dasarnya Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang berhasrat untuk memindahkan Perpustakaan Cawangan Bukit Mertajam sedia ada ke bangunan yang lebih baik dan selesa. Namun setakat ini Perbadanan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk memindahkan perpustakaan tersebut. Walau bagaimanapun Perbadanan telah mewujudkan sebuah Perpustakaan di Kompleks Membeli belah di AEON Jusco Seberang Perai City bagi menampung permintaan pengguna terhadap perpustakaan di Daerah Seberang Perai Tengah.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Masalah penjaja haram kian bermaharajalela di semua pasar awam kita, adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan jangka masa pendek dan juga panjang untuk menangani masalah ini. Apa tindakan atau rancangan dari pihak kerajaan untuk menjamin pendapatan penjaja-penjaja yang berlesen tidak terus terjejas oleh sebab saingan dari penjaja-penjaja haram ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Buat masa ini, bagi mengatasi masalah penjaja haram, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan dengan memberi borang permohonan untuk mendapatkan gerai kepada penjaja-penjaja berkenaan untuk mereka memohon mana-mana gerai kosong di pasar/kompleks penjaja/tapak penjaja kerajaan. Sesi temu duga secara berjadual juga telah diadakan bagi tujuan mengisi kekosongan yang ada di pasar/kompleks penjaja/tapak penjaja tersebut. Setakat bulan September 2008, bilangan temu duga yang telah diadakan adalah oleh MPPP adalah sebanyak 11 kali di mana sebanyak 204 kekosongan gerai telah diisi manakala bagi MPSP, sebanyak 9 kali temu duga telah diadakan dan sebanyak 524 kekosongan gerai telah diisi.

Perancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah penjaja haram adalah seperti berikut:-

Jangka masa pendek

- (i) Membuat banciaan penjaja keseluruhan dari semasa ke semasa.
- (ii) Penguatkuasaan kepada penjaja-penjaja haram.
- (iii) Mengeluarkan permit bulanan kepada penjaja-penjaja yang sesuai berdasarkan jenis jualan.

Jangka masa panjang

- (i) Merancang tempat-tempat baru untuk menempatkan semula (re-locate) penjaja.

- (ii) Membuka kawasan perniagaan baru untuk penjaja.

Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji untuk menyediakan satu Pelan Induk supaya semua penjaja hanya dibenarkan berniaga di tempat yang dikhaskan. Selain daripada memberi jaminan kepada semua penjaja atau peniaga kecil yang berlesen untuk menjalankan perniagaan secara adil dan saksama, Kerajaan Negeri juga akan mengambil tindakan tegas supaya soal kebersihan, kesesakan lalu lintas dan keselamatan serta halangan kepada pejalan kaki sentiasa diperolehi selain memberi pertimbangan bagi mengeluarkan lesen sementara kepada semua penjaja yang tidak menimbulkan kacau ganggu di kawasan perniagaan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Isu cintakan alam sekitar mendapat tumpuan orang awam masa ini, adakah Kerajaan Negeri sedia melibatkan diri dalam perkara ini. Adakah Kerajaan Negeri akan menghadkan penggunaan plastik dan *polyfoam* untuk membantu rakyat mengamalkan cara hidup yang cintakan alam sekitar dengan lebih berkesan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap pemuliharaan alam sekitar dan bersedia melibatkan diri demi menjaga kesejahteraan orang awam. Plastik dan *polyfoam* adalah bahan *non-biodegradable* yang tidak luput bagi tempoh yang lama dan boleh mencemarkan alam sekitar. Pengurangan penggunaan plastik dan *polyfoam* di kalangan orang awam merupakan amalan mesra alam yang wajar dipraktikkan. Walau bagaimanapun, tindakan drastik untuk menghadkan penggunaan plastik dan *polyfoam* di kalangan masyarakat adalah sukar buat masa ini kerana tahap kesedaran masih lagi rendah.

Walaupun bagaimanapun, setiap jabatan kerajaan telah digalakkan untuk menggunakan bahan alternatif bagi mengurangkan penggunaan plastik dan *polyfoam* di dalam urusan harian mereka. Selain itu, pelbagai program juga dianjurkan sama ada oleh Kerajaan Negeri, Institusi Pengajian Tinggi atau NGO untuk memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya pelajar tentang bahaya penggunaan plastik dan *polyfoam* yang berlebihan terhadap alam sekitar.

Kerajaan Negeri menerusi kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa memberi penekanan terhadap keperluan menjaga dan mencintai alam sekitar serta menggalakkan program-program yang akan meningkatkan tahap kualiti alam sekitar. Antara program yang giat dilaksanakan oleh PBT ialah Program 3R iaitu *Reduce*, *Reuse* dan *Recycle* di mana masyarakat digalakkan untuk mengurangkan penghasilan sisa, mengguna semula bahan yang dipakai dan menerapkan amalan kitar semula. Pulau Pinang sememangnya mempunyai sejarah panjang mengenai pelaksanaan Program 3R sebelum Kerajaan Persekutuan memulakan inisiatif tersebut. Pada masa ini, PBT mempunyai pakatan dengan pelbagai pihak berkepentingan dan NGO untuk melaksanakan Program 3R ini di setiap komuniti. Mengikut rekod sehingga tahun 2005, prestasi program ini di bahagian pulau mencecah 12.5 peratus dan bahagian Seberang Perai mencecah 18.8 peratus. Ini menunjukkan negeri pulau yang mencapai peratusan yang tinggi berbanding dengan purata pencapaian nasional antara 3-5 peratus.

Di samping itu, PBT juga menggalakkan pihak komersial dan industri seperti pasar raya, peniaga dan orang awam untuk menggunakan bekas/beg yang dihasilkan daripada bahan *biodegradable* bagi mengelakkan penggunaan plastik dan *polyfoam*. Namun, pada masa ini amalan tersebut adalah secara sukarela sahaja *voluntary compliance* sehingga satu peraturan baru digubal oleh kerajaan mengenai kawalan ke atas penghasilan dan penggunaan bekas atau beg plastik dan *polyfoam*. Pelbagai program antara PBT dengan masyarakat dan NGO juga giat dijalankan menerusi program *Local Agenda 21* termasuk mengadakan *Effective Microorganism (EM)* yang mesra alam serta menggalakkan program-program kitar semula *composting* dan sebagainya sebagai satu usaha memulihara alam sekitar.

Buat masa ini tiada peruntukan undang-undang dan dasar yang membolehkan Kerajaan Negeri untuk mengehadkan penggunaan plastik dan *polyfoam*. Walau bagaimanapun, di dalam setiap ceramah, pameran serta taklimat pihak Kerajaan Negeri menekankan agar orang ramai terutamanya kepada para pelajar sekolah, pihak kilang dan masyarakat agar membudayakan amalan mengurangkan penggunaan plastik dan *polyfoam*. Cadangan untuk mengehadkan penggunaan plastik dan *polyfoam* ini akan diberi perhatian dan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa MMK Alam Sekitar bagi meneliti segala aspek teknikal dan perundangan yang terlibat sebelum ia boleh dilaksanakan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pilihan raya Kerajaan Tempatan sukar dilaksanakan atas alasan Perlembagaan mesti diubah terlebih dahulu, apakah rencana atau tindakan telah Kerajaan Negeri ambil supaya pilihan raya Kerajaan Tempatan dapat kita laksanakan dalam masa yang terdekat. Adakah benar melainkan Perlembagaan diubah kita tidak ada cara lain untuk membenarkan pilihan raya Kerajaan Tempatan dapat diadakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Terdapat dua pandangan perundangan mengenai perkara ini. Satu pandangan menyatakan pilihan raya Kerajaan Tempatan boleh dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Negeri tanpa pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan atau Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Pandangan yang lain menyatakan Pihak Berkuasa Negeri dilarang melaksanakan pilihan raya Kerajaan Tempatan sehingga Kerajaan Persekutuan meminda Akta Kerajaan Tempatan dan memansuhkan Peraturan-peraturan Darurat.

Pada 16 Jun 2008, semasa perbincangan di Forum Perundingan Kerajaan Tempatan Pulau Pinang Yang Pertama untuk tahun 2008, isu ini telah dibincangkan. Berikutannya, satu Jawatankuasa Kerja Kerajaan Tempatan telah diwujudkan atas perakuan Unit Kerajaan Tempatan Negeri. Jawatankuasa ini antara lain telah diminta meneliti sama ada pilihan raya Kerajaan Tempatan perlu diadakan. Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh Y. Bhg. Dato' Dr. Anwar Fazal.

Dato' Dr. Anwar Fazal adalah personaliti antarabangsa terkenal yang telah banyak menyumbang terhadap masyarakat dalam bidang konsumer, persekitaran kesihatan, hak manusia dan etika sosial. Beliau adalah pengasas beberapa pertubuhan tempatan dan antarabangsa. Ini termasuk Persatuan Pengguna Pulau Pinang (1969), International Baby Food Action Network (1979), Health Action International (1981) dan Pesticide Action Network (1982).

Laporan Jawatankuasa Kerja berkenaan telah dibentangkan di Mesyuarat Forum Perunding Kerajaan Tempatan Pulau Pinang Yang Kedua untuk tahun 2008 pada 14 Oktober 2008. Laporan ini antara lain menyatakan bahawa Jawatankuasa Kerja berpandangan bahawa pilihan raya Kerajaan Tempatan perlu dikembalikan memandangkan ianya adalah *a fundamental pillar for citizens' participation, transparency and accountability*. Perbalahan untuk pilihan demokrasi telah dinyatakan dengan jelas dalam laporan Suruhanjaya DiRaja bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang dikenali juga sebagai Laporan 'Athi Nahappan'.

Laporan Jawatankuasa Kerja telah diumumkan di Mesyuarat Forum Perunding Kerajaan Tempatan Pulau Pinang Bil. 2/2008 pada 14 Oktober 2008 dan ianya akan diteliti secara terperinci oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Pihak Berkuasa Negeri juga perlu meneliti kandungan Perlembagaan Persekutuan dan perundangan lain seperti berikut:-

- (i) Akta Pilihanraya Kerajaan Tempatan 1960.
- (ii) Akta Darurat (Kuasa-kuasa Esensial) 1964 - Emergency (Essential Powers) Act 1964.
- (iii) Akta Darurat (Kuasa-kuasa Esensial) 1979 - Emergency (Essential Powers) Act 1979.
- (iv) Akta Kerajaan Tempatan 1976 - Seksyen 1(4), Seksyen 10, Seksyen 15(1).
- (v) Perlembagaan Persekutuan - Artikel 75; Artikel 113(4), Senarai Negeri (State List).

Kerajaan Negeri sedang mengkaji perkara ini dalam semua aspek supaya tindakan yang diambil untuk mengadakan pilihan raya untuk Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang tidak menyalahi mana-mana undang-undang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. KADUN Padang Lalang adalah kawasan banjir, dalam tempoh 44 hari, kawasan ini dilanda banjir sebanyak 3 kali, sampai bilakah rakyat di KADUN Padang Lalang terpaksa berhadapan dengan situasi teruk ini. Rancangan membendung banjir sedia ada nampaknya tidak berkesan, adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan yang lebih baik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kawasan KADUN Padang Lalang terletak di dalam Lembangan Sungai Juru. Masalah mengatasi banjir di kawasan Lembangan Sungai Juru (Sungai-sungai Permatang Rawa, Ara, Permatang Rotan, Pasir, Kilang Ubi, Rambai dan Sungai Juru) dan pencemaran Sungai Juru telah dipohon dalam RMKe-9. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan Projek Pemuliharaan Lembangan Sungai Juru dan akan dilaksanakan secara reka dan bina. Surat niat telah pun dikeluarkan kepada kontraktor pada 1 Ogos 2007. Pihak kontraktor diberi masa 3 bulan untuk menyediakan reka bentuk bagi projek tersebut. Reka bentuk yang dicadangkan oleh kontraktor untuk Fasa 1A (*design, construction and completion*

of pond, pumping station, inceptor drain, river upgrading, bridges and installation of water quality stations) telah disiapkan dan sekarang di peringkat semakan persetujuan. Tindakan selanjutnya ialah proses rundingan harga dan kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Cadangan kos daripada pihak kontraktor ialah RM300 juta.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Tahap perkhidmatan kontraktor-kontraktor pembersihan MPSP didapati tidak memuaskan. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan mereka. Sila nyatakan skop perkhidmatan kontraktor-kontraktor ini dan pada masa ini, terdapat berapa orang kontraktor ditamatkan kontrak atas sebab mutu perkhidmatan yang teruk.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bagi memastikan prestasi kontraktor berada di tahap yang memuaskan, Kerajaan Negeri melalui MPSP telah melaksanakan langkah-langkah berikut:-
 - (i) Meningkatkan pemantauan dan mengubah sistem pemantauan mengikut KADUN;
 - (ii) Memperkenalkan Sistem Demerit; dan
 - (iii) Memperkenalkan sistem aduan dan jawapan melalui SMS bagi sistem pengurusan yang cepat.

Jika perkhidmatan kontraktor kurang atau tidak memuaskan berdasarkan kontrak, MPSP melakukan tindakan-tindakan berikut:-

- (i) Mengeluarkan surat teguran kepada kontraktor;
- (ii) Mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada kontraktor;
- (iii) Pemotongan bayaran kepada kontraktor mengikut penalti/ denda dalam perjanjian; dan
- (iv) Mengambil tindakan susulan untuk menamatkan kontrak.

Sehingga kini, tiada kontraktor pembersihan yang ditamatkan kontrak perkhidmatannya. Namun begitu, terdapat beberapa kontraktor yang telah dikenal-pasti untuk diambil tindakan penamatan atas sebab prestasi yang tidak memuaskan.

IX. Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Perairan SPS merupakan satu tempat yang kaya dengan pelbagai jenis sumber laut. Sila huraikan dengan terperinci mengenai perkara-perkara berikut:-
 - (a) Berapa banyakkah lesen penangkapan ikan yang telah pun dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perikanan sampai setakat ini.

- (b) Nyatakan jenis-jenis pukak yang telah digunakan.
- (c) Berapa ramaiakah penternak yang telah dilesenkan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Sehingga tahun 2007, bilangan kapal menangkap ikan yang berlesen bagi Negeri Pulau Pinang ialah 2,141 buah dengan 3,193 orang nelayan. Maklumat tambahan adalah seperti di Lampiran 1.
- (b) Jenis-jenis pukak/perkakas yang digunakan ialah pukak tunda, pukak jerut ikan, pukak tarik lain, pukak hanyut, bubu, pancing/rawai, pukak bakul, pukak rentang, pembawa ikan, pukak kenka 1 bot dan SKL.
- (c) Jumlah penternak (merujuk kepada lesen yang diberikan kepada penternak ikan dalam sangkar, tiram dan kerang sahaja) pada tahun 2007 adalah seperti berikut:
 - (i) Ternakan ikan dalam sangkar air payau : 159 orang
 - (ii) Ternakan ikan/udang dalam kolam air payau : 77 orang
 - (iii) Ternakan dalam sangkar air tawar : 5 orang
 - (iv) Ternakan dalam kolam air tawar : 121 orang
 - (v) Ternakan tiram dalam rakit : 4 orang
 - (vi) Ternakan kerang : 42 orang
 - (vii) Ternakan ikan hiasan : 32 orang

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila senaraikan semua tanah kerajaan yang terbiar di KADUN Jawi. Nyatakan juga nombor lot (jika ada), mukim dan saiznya. Terangkan juga kegunaan dan rancangan pembangunannya jika ada.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Terdapat 2 lot tanah kerajaan yang masih belum dibangunkan di KADUN Jawi, iaitu lot 1534 dan lot 2549, Mukim 11, Seberang Perai Selatan.

Lot 1534 seluas 15.106 ekar telah dirancang untuk projek Perumahan Kos Rendah oleh Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Manakala lot 2549 seluas 4.298 ekar adalah di bawah kawalan Jabatan Pertanian Daerah bagi tujuan pembangunan pertanian.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila senaraikan semua gerai dan tempat perniagaan MPSP yang tiada produktiviti di KADUN Jawi. Berikan juga nombor petak, nombor gerai, dan kadar sewaan bulanan. Jelaskan juga syarat dan peraturannya untuk mendapatkan unit-unit berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Senarai gerai-gerai milik Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang kurang mendapat sambutan di Seberang Perai Selatan adalah seperti di Lampiran.

Permohonan menyewa gerai/kompleks MPSP boleh dibuat dengan mengemukakan cadangan/proposal kepada Yang Di-Pertua MPSP dengan menyertakan maklumat-maklumat terperinci berkenaan:-

- (a) Nama pemohon
- (b) Alamat pemohon
- (c) Nombor telefon pemohon
- (d) Lokasi kompleks/harta Majlis
- (e) Jenis perniagaan/aktiviti yang dicadangkan di kompleks berkenaan
- (f) Masa dan cara beroperasi
- (g) Kadar sewaan yang akan dibayar kepada Majlis mengikut bulan dan tahun
- (h) Tempoh masa kontrak sewaan
- (i) Jenis pembaikan/pembinaan yang akan dilakukan terhadap kompleks/harta Majlis
- (j) Anggaran kos pembaikan terperinci
- (k) Siapa yang akan menanggung kos pembaikan
- (l) Lain-lain maklumat tambahan

NAMA KOMPLEKS	BIL. GERAI	No Petak/ Gerai (Tidak Aktif)	Kegunaan	KADAR SEWAAN BULANAN
Kompleks Lorong Nafiri 1, Taman Nafiri	11	1 hingga 11	Makanan / Minuman	RM120.00
Kompleks Taman Budiman	24	1 hingga 24	Makanan/ Minuman	RM120.00
Kompleks Taman Murai Jaya	14	1 hingga 14	Makanan / Minuman	RM120.00
Kompleks Taman Perkasa	12	1 hingga 12	Makanan / Minuman	RM120.00
Kompleks Taman Seruling Emas	46	1 hingga 46	Makanan / Minuman	RM120.00
Kompleks Taman Tempua	12	1 hingga 12	Makanan / Minuman	RM120.00

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Jawi amat memerlukan perhatian dan bantuan serta simpati Kerajaan Negeri dalam kerja-kerja menghadapi banjir kilat. Sila nyatakan secara terperinci mengenai perkara-perkara yang berikut:-
 - (a) Berapa banyakkah peruntukan yang akan disediakan oleh kerajaan untuk KADUN Jawi bagi tahun 2009.
 - (b) Apakah projek-projek tebatan banjir yang akan dijalankan oleh kerajaan nanti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Peruntukan yang diperolehi dari Kerajaan Negeri untuk kawasan Jawi bagi tahun 2009 adalah seperti berikut :-
 - (i) Mendalam sungai – RM40,000.00
 - (ii) Mengorek parit – RM40,000.00
 - (iii) Pencegahan banjir – RM30,000.00
 - (iv) Rancangan parit utama – RM30,000.00
 - (v) Kerja-kerja kecil – RM40,000.00
 - (vi) Bina semula ban – RM30,000.00
 - (vii) Pengindahan get – RM40,000.00
- (b) Manakala bagi projek tebatan banjir yang dicadangkan adalah seperti berikut:-
 - (i) Menaik taraf parit di Kampung Sanglang;
 - (ii) Menaik taraf parit di Ladang Byram;

- (iii) Menaik taraf parit di Nibong Tebal; dan
- (iv) Menaik taraf parit di Bagan Buaya.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5. Sila nyatakan secara kasar mengenai bilangan penjaja, peniaga dan pengusaha haram yang terdapat di dalam kawasan MPSP. Nyatakan juga bilangan yang telah pun berjaya dilesenkan dalam tahun 2008. Bilakah pihak MPSP bercadang untuk mengeluarkan lesen perniagaan atau perusahaan yang sah bagi mereka.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5. Jumlah penjaja haram yang dibanci pada Disember 2007 dalam kawasan MPSP mengikut daerah adalah seperti berikut:-

DAERAH	JUMLAH
SPU	717
SPT	845
SPS	204
JUMLAH	1766

Sejumlah 352 penjaja haram telah berjaya diberi lesen yang sah oleh MPSP pada tahun 2008.

Walau bagaimanapun, MPSP sedang menjalankan pelbagai usaha bagi melesenkan penjaja-penjaja yang masih belum berlesen.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. Sila senaraikan 10 jenis kes yang paling banyak dan jumlah keseluruhan kes jenayah yang telah terjadi dalam Daerah SPS bagi tahun 2008. Berapa banyak kes yang telah berjaya dibongkar oleh pihak polis. Nyatakan juga langkah berjaga-jaga yang telah dilakukan oleh pihak polis dalam menghadapi masalah ini

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. Terdapat beberapa kes-kes jenayah indeks yang kerap kali berlaku di kawasan Seberang Perai Selatan di antara Januari hingga September tahun 2008 ialah:-

- (i) Curi Motosikal - 242 kes
- (ii) Lain-lain Kecurian - 166 kes
- (iii) Pecah rumah malam - 147 kes
- (iv) Samun Berkawan Tanpa Senjatapi - 85 kes

(v)	Mendatangkan Cedera	-	33 kes
(vi)	Curi Motokar	-	30 kes
(vii)	Ugutan Jenayah	-	28 kes
(viii)	Curi Ragut	-	20 kes
(ix)	Samun Tanpa Senjatapi	-	16 kes
(x)	Merusuh	-	16 kes

Jumlah keseluruhan indeks jenayah di Daerah Seberang Perai Selatan dalam tahun 2008 ialah sebanyak 828 kes. Daripada 828 kes jenayah indeks yang berlaku, sebanyak 486 kes berjaya diselesaikan hasil daripada 331 tangkapan.

Bagi memastikan keselamatan dan keselesaan orang ramai terus terjamin, pihak polis Kontinjen Pulau Pinang khususnya Daerah Seberang Perai Selatan telah mengambil beberapa langkah untuk membendung dan mengurangkan jenayah. Tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut :-

- (i) Strategi pencegahan jenayah yang berkesan melalui operasi-operasi berkala yang berterusan di semua peringkat daerah dengan menasaskan jenayah yang menjadi penyumbang utama indeks;
- (ii) Menambahkan anggota polis beruniform, membuat rondaan bit jalan kaki dan bermotosikal dan rondaan kereta peronda di setiap zon dalam usaha pencegahan jenayah terutamanya di kawasan-kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai;
- (iii) Pendekatan bersama masyarakat (antaranya polis bersama pelanggan, hebahan media massa dan media cetak) dalam usaha memerangi jenayah terutamanya menerusi maklumat yang disalurkan yang terus dikaji dan diambil tindakan segera ; dan
- (iv) Peranan masyarakat dalam membantu pihak polis dari masa ke semasa akan dipertingkatkan. Pertubuhan- pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO), Yayasan, Pihak Berkuasa Tempatan, JKKK dan sekolah-sekolah adalah kumpulan yang harus dirapati, dididik dan dipertanggungjawabkan bersama ke arah mengujudkan masyarakat bebas dari jenayah. Ini termasuklah mengadakan kempen, ceramah dan penubuhan Rakan Cops untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa masing-masing.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila nyatakan jumlah hasil yang diperolehi oleh MPSP di SPT dan SPU bagi tahun-tahun 2005 hingga 2007.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah Pertubuhan Perbadanan yang mempunyai entiti sendiri, maka keputusan untuk mengutip hasil meletak kereta adalah dibuat oleh MPSP selaras dengan Seksyen 8 dan Seksyen 13 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Kupon letak kereta adalah diseragamkan penggunaannya di daerah SPU, SPT dan SPS. Oleh itu, hasil jualan tidak di rekod mengikut daerah. Walau bagaimanapun hasil keseluruhan jualan kupon bagi Seberang Perai adalah seperti berikut:

2005 : RM1,932,170

2006 : RM1,787,506

2007 : RM1,950,202

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila nyatakan jumlah kos pembinaan bangunan MPSP di Bandar PERDA secara terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kos pembinaan bangunan Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di Bandar PERDA adalah seperti berikut:-

KOS PEMBINAAN BANGUNAN IBU PEJABAT PERDA

1.	Kos Bangunan	-	RM53,000,00.00
2.	Kos Tanah	-	RM13,503,600.00
	JUMLAH	-	RM66,503,600.00

KOS KELENGKAPAN

3.	Tambahan M & E/Landskap	-	RM4,256,989.61
4.	Hiasan Dalaman	-	RM4,517,321.90
5.	Perabut	-	RM3,815,276.00
6.	PABX	-	RM171,050.00
7.	IBMS0	-	RM1,044,950.00
	JUMLAH	-	RM13,805,587.51

ICT

8.	Structure Cabling	-	RM952,113.00
9.	Audio Visual	-	RM1,085,000.27
10.	CCTV	-	RM357,755.00
11.	Networking	-	RM780,000.00
	JUMLAH		RM3,131,868.27

JUMLAH KESELURUHAN - M83,441,055.78

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sila senaraikan semua harta yang di bawah hak milik MPSP. Terangkan apa kegunaannya bagi setiap harta tersebut. Sebutkan juga mengenai kos pembaikan dan pendapatan tahunannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Semua harta di bawah hak milik MPSP/kos pembaikan dan pendapatan tahunan adalah seperti berikut:

1. Kos Pembaikan sehingga 30 September 2008

·	Pasar-Pasar Awam dan gerai makanan	RM193,228.00
·	Dewan dan kompleks sukan	RM 60,335.00
·	Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan	RM 367,000.00
·	Perumahan Rakyat Ampang Jajar	RM 284,400.00
·	Rumah Sembelih	-

2. Pendapatan Tahunan sehingga 30 September 2008

·	Pasar-pasar awam dan gerai makanan	RM1,199,880.00
·	Dewan dan kompleks sukan	RM185,932.00
·	Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan	RM 38,292.00
·	Perumahan Rakyat Ampang Jajar	RM 422,190.00
·	Rumah Sembelih	RM 10,066.00

3. Senarai semua harta yang di bawah hak milik MPSP adalah seperti di Lampiran.

406 – 451 (LAMPIRAN)

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Huraikan dengan lengkap mengenai kos perbelanjaan untuk memperbaiki dan penjagaan Pam Air MPSP di Kampung Sanglang, Nibong Tebal bagi tahun-tahun 2005, 2006 dan 2007.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. MPSP hanya membina Rumah Pam di Kampung Sanglang, Nibong Tebal bermula pada 15 Mac hingga 5 Oktober 2007 dengan kos pembinaan sebanyak RM 816,059.60. Pam 'diesel engine' yang terdapat di sana diselenggarakan oleh pihak JPS. Pam tersebut dipasang sejak tahun 2003. Kos Penyelenggaraan setiap tahun daripada tahun 2005 – 2007 adalah purata RM5,000.00 setahun termasuk kos pembelian diesel.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Senaraikan jumlah perbelanjaan untuk memperbaiki dan memelihara lampu *traffic light* di Seberang Perai bagi tahun-tahun 2005, 2006 dan 2007.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kos bagi pengawasan dan penyelenggaraan sistem lampu isyarat jalan serta peralatannya di seluruh kawasan Seberang Perai Utara, Tengah dan Selatan mengikut tahun adalah seperti berikut :-

TAHUN	PERBELANJAAN (RM)	PERKARA
2005	2.19 juta	Penyelenggaraan 121 simpang lampu isyarat
2006	2.932 juta	Penyelenggaraan 138 simpang lampu isyarat
2007	3.65 juta	Penyelenggaraan 167 simpang lampu isyarat

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sila terangkan apakah syarat-syarat dan ketetapan-ketetapan yang layak untuk memperolehi sijil kelayakan menduduki bagi sesuatu projek perumahan awam. Berapa lamakah prosesnya dan kos permohonannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Semua permohonan pembangunan yang diluluskan adalah tertakluk kepada syarat-syarat teknikal dan perundangan mengikut pemajuan masing-masing.

Syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum Sijil Layak Menduduki diperolehi adalah pemajuan tersebut mendapat kelulusan pelan merancang/bangunan dan binaan tersebut dibina mengikut pelan berlulus. Selain itu surat sokongan perlu diperolehi dari jabatan-jabatan teknikal seperti berikut:-

- (A) Jabatan-jabatan di bawah PBT:-
 - (i) Jabatan Perancang
 - (ii) Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Perbandaran
 - (iii) Jabatan Kejuruteraan
 - (iv) Jabatan Bangunan
 - (v) Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- (B) Jabatan-jabatan teknikal selain dari jabatan di bawah PBT
 - (i) Jabatan Kerja Raya (JKR)
 - (ii) Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP)
 - (iii) Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - (iv) Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Perumahan (jika ianya melibatkan rumah kos rendah/kos sederhana rendah)
 - (v) Unit Penyelarasan Penyertaan Bumiputera (jika perlu)

Tempoh pengeluaran Sijil Layak Menduduki ialah tidak melebihi 14 hari dari tarikh permohonan di terima jika semua syarat – syarat dipatuhi dan tiada sebarang bayaran dikenakan untuk proses tersebut.

Walau bagaimanapun, mulai 13 Jun 2007, pengeluaran Sijil Layak Menduduki oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi pembangunan baru (selepas tarikh tersebut) akan di ambil alih oleh orang yang mengemukakan pelan (PSP) dengan pengeluaran Sijil Penyiapan & Pematuhan (CCC) setelah semua kehendak teknikal dipatuhi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Terdapat banyak tanah pertanian pada satu ketika dahulunya telah dijual secara lot kecil-kecilan untuk dijadikan sebagai tempat kediaman kepada orang perseorangan tanpa membuat permohonan pecah lot yang sah di SPS. Sila terangkan cara dan proses serta bayarannya yang perlu dibuat untuk mengesahkan pembelian lot-lot yang tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Memang terdapat satu proses jual beli tanah yang sukar dikawal iaitu jual beli tanah pertanian yang kemudiannya digunakan untuk tujuan kediaman. Secara sebutan yang lumrah digunakan ialah penjualan lot-lot lidi. Proses jual beli ini dibuat melalui dokumen ikatan perjanjian jual beli di antara pihak, ada kalanya tiada dokumen jual beli. Masalah yang timbul kemudiannya ialah tiada jaminan pemilikan tanah untuk pembeli kerana nama pembeli tidak didaftarkan sebagai pemilik di dalam suratan hak milik (geran). Pendaftaran hak milik tidak dapat disempurnakan memandangkan tidak memenuhi syarat-syarat pendaftaran hak milik mengikut Kanun Tanah Negara (KTN). Mengikut syarat KTN, hanya seorang pemilik sahaja boleh didaftarkan bagi tanah pertanian yang keluasannya satu ekar. Syarat ini bermakna, walaupun ada perjanjian jual beli tanah pertanian yang keluasannya kurang daripada satu ekar, pendaftaran pindah milik tidak dapat dilaksanakan. Syarat ini dikecualikan jika tanah berkenaan adalah berstatus 'first grade'.

Bagi menjamin dari segi pemilikan, pembeli hendaklah mendaftar milikannya di dalam suratan hak milik dengan syarat syernya ke atas tanah adalah melebihi satu ekar (tanah pertanian). Setiap pemilik boleh mendapatkan hak milik berasingan bagi syer masing-masing melalui proses permohonan pecah bahagian tanah (Seksyen 140 KTN). Selepas hak milik berasingan dikeluarkan, barulah pindah milik dapat dilakukan.

Bayaran pendaftaran pindah milik adalah seperti berikut:-

- (i) Setem hasil RM10.00;
- (ii) Menjelaskan bayaran cukai setem 1% dari nilai oleh Jabatan Penilaian; dan
- (iii) Menjelaskan bayaran pendaftaran pindah milik di Pejabat Tanah berkenaan mengikut Perkara 38 Jadual II, Peraturan Tanah Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Terdapat ramai pekerja kilang yang membawa kereta dan motosikal sendiri melintasi jambatan pada waktu sibuk untuk bekerja di Pulau Pinang dan sebaliknya. Terangkan langkah-langkah yang akan dan telah diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan masalah kesesakan di atas Jambatan Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Jambatan Pulau Pinang adalah laluan pilihan utama selain perkhidmatan pengangkutan feri untuk menyeberang dari Perai ke Pulau Pinang dan sebaliknya. Seperti yang kita semua sedia maklum Jambatan Pulau Pinang sememangnya mengalami kesesakan yang teruk terutama ketika waktu puncak iaitu pada sebelah pagi dan petang. Sehingga hari ini pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan bagi mengurangkan kesesakan di Jambatan Pulau Pinang. Di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang adalah seperti berikut:
- (i) Pasukan yang dikenali sebagai *Bridge Response Team* akan menjalankan tugas rondaan 24 jam sehari yang dilengkapi dengan 6 buah kenderaan di sepanjang kawasan konsesi Jambatan Pulau Pinang dan sentiasa bersedia bagi menghulurkan bantuan dengan kadar segera kepada kenderaan yang mengalami kerosakan atau kemalangan;
 - (ii) Menempatkan petugas *Bridge Response Team* di Tol Plaza A, sebelum dan selepas tol plaza pada waktu puncak sebelah pagi (7-10 pagi) dan petang (4-8 malam) bagi memantau keadaan trafik;
 - (iii) Menempatkan petugas *Bridge Response Team* dan PROPEL bagi mengawal trafik di setiap laluan masuk ke jambatan menghala ke pulau dan tanah besar dengan bantuan Polis Trafik pada setiap hari Isnin dan Jumaat;
 - (iv) Memasang 23 unit CCTV termasuk 9 lokasi di *layby* dan *main span* jambatan. CCTV tersebut dipantau oleh Penang Bridge Communication Centre (PBCC) yang beroperasi 24 jam sehari. PBCC juga berperanan menjawab panggilan kecemasan dan pertanyaan;
 - (v) *Variable Message Sign* (VMS) juga ditempatkan di 4 lokasi sepanjang kawasan konsesi di mana 2 unit berada di sebelah pulau dan 2 lagi di tanah besar untuk menyampaikan maklumat berhubung trafik dan mesej keselamatan kepada pengguna jambatan;
 - (vi) Memasang 12 unit telefon kecemasan di atas jambatan bagi pengguna yang memerlukan bantuan atau kecemasan;
 - (vii) Kon-kon keselamatan juga diletakkan di sepanjang laluan masuk ke jambatan selepas plaza tol bagi memudahkan trafik yang menggunakan Smart TAG dan Tough n' Go;
 - (viii) Pemasangan jaring halangan (*screen fencing*) di sepanjang jambatan juga amat berkesan bagi mengelakkan pengguna memperlambatkan kenderaan untuk melihat ke arah yang bertentangan;

- (ix) Penyampaian maklumat secara interaktif melalui sistem pesanan ringkas (SMS) yang dikenali sebagai OTIM (*Online Traffic Information Management System*) bagi menyalurkan maklumat trafik terkini kepada pengguna-pengguna yang menghantar kod sms tertentu bagi membantu merancang perjalanan mereka;
- (x) Larangan kenderaan berat dan kenderaan bergerak perlahan menggunakan Jambatan Pulau Pinang pada waktu puncak. Perkara ini telah diwartakan pada 31 Julai 2008 di bawah Akta Pengangkutan Jalan Sub-Seksyen 70(1) dan 70(2) dan larangan ini telah berkuat kuasa mulai 15 Ogos 2008; dan
- (xi) Projek pelebaran Jambatan Pulau Pinang dari 2 lorong sehalu kepada 3 lorong sehalu dan laluan motosikal dapat meningkatkan semula kapasiti jambatan bagi menampung jumlah trafik yang tinggi. Projek pelebaran Jambatan Pulau Pinang dijangka siap sepenuhnya pada Ogos 2009.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 15. Jadualkan waktu dan tarikh serta jangka masa bekerja sampai siapnya bagi pembersihan dan pendalaman Sungai Jawi mengikut bahagian-bahagian ceraianya bagi tempoh sepanjang tahun 2009. Berapa banyak anggaran perbelanjaannya bagi setiap ceraianya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 15. Jadual waktu dan tarikh tidak dapat ditentukan sebelum sebut harga ditawarkan kepada kontraktor. Pada amnya, kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan parit dilakukan setiap 2 bulan sekali.

- Pendalaman Sungai Jawi

Zon A – RM196,514.55

Zon E – RM152,875.10

Perancangan kerja-kerja pembersihan bagi tahun 2008 Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Seberang Perai Selatan (SPS) adalah seperti berikut:-

Pusingan	Tarikh Mula	Tarikh Siap
1	30/5/2008	30/6/2008
2	30/7/2008	30/8/2008
3	30/9/2008	30/10/2008
4	30/11/2008	25/12/2008
5	30/1/2009	30/2/2009

X. Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 1. Kampong Tanjong Tokong adalah sebuah kampung bersejarah melebihi 200 tahun, ia telah diperjuangkan oleh penduduk-penduduknya supaya ia diwartakan sebagai kampung warisan. Jelaskan mengapa ia tidak disenaraikan dalam kampung tradisional dalam rancangan tempatan (*local plan*) oleh MPPP.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang tidak menyenaraikan Kampong Tanjung Tokong sebagai kampung tradisional kerana telah pun ada cadangan pembangunan bercampur di kawasan tersebut oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Oleh yang demikian, pihak MPPP juga tidak menyenaraikan Kampong Tanjung Tokong sebagai kampung bersejarah di atas alasan yang sama di dalam Draf Rancangan Tempatan 2020 (Pulau).

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Nyatakan kedudukan tanah tambakkan laut yang tidak bernombor di atas lot 305 dan lot 306, Seksyen 2, Bandar Batu Feringhi, DTL. Nyatakan status sebuah bangunan pentadbiran sama ada haram sejak bila, siapa tuan punya dan apa tindakan akan dijalankan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Tanah tebus guna bersempadan lot 305 dan 306, Seksyen 2, Bandar Batu Feringhi merupakan tanah milik Kerajaan Negeri yang diberi kebenaran penggunaannya oleh pihak berkuasa negeri pada 19 Oktober 1994 kepada Majlis Sukan Negeri (MSN) bagi tujuan Pusat Kegiatan Sukan Air. Bangunan yang terletak di atas tanah tersebut adalah milik MSN dan Kerajaan Negeri bercadang mengekalkan bangunan tersebut selaras dengan hasrat memajukan sukan air di Negeri Pulau Pinang. Pusat Kegiatan Air ini telah dirasmikan pada 5 Januari 1997 oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti sukan air (kayak, perahu naga, perahu layar), *team building*, hari keluarga, karnival sukan dan lain-lain lagi. Sejak penubuhan pusat ini 12 tahun yang lepas, mereka yang menggunakan kemudahan pusat berkenaan terdiri daripada para penghuni di sekitar kawasan itu, jabatan-jabatan kerajaan, NGO, universiti, kolej, sekolah, kilang dan orang awam.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Senaraikan projek yang berada di kawasan tanah tinggi mengikut Garis Panduan Pembangunan Di Kawasan Bukit 1997 dan Garis Panduan Kawalan Hakisan dan Kelodakan 1996;
 - (a) Di kawasan Klas I dan II
 - (b) Di kawasan III
 - (c) Di kawasan IV
 - (d) Di kawasan yang mempunyai Klas Bercampur.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri amat peka terhadap keperluan untuk melindungi alam sekitar. Garis Panduan Pembangunan Di Kawasan Bukit 1997 dan Garis Panduan

Kawalan Hakisan dan Kelodakkan 1996 digunakan sebagai panduan dalam pembangunan kawasan tanah tinggi terutamanya kawasan sensitif alam sekitar.

Projek yang berada di kawasan tanah tinggi mengikut kedua-dua panduan tersebut diselaraskan oleh Jabatan Kerja Raya. Jabatan Alam Sekitar hanya akan mengeluarkan surat arahan kepada pemaju projek untuk menjalan dan mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA) sekiranya tapak projek tersebut terletak pada ketinggian melebihi 250 kaki (76 meter) dari aras laut serta berkecerunan melebihi 25°. Pembangunan tapak projek yang terletak pada ketinggian melebihi 250 kaki (76 meter) dari aras laut serta berkecerunan melebihi 35° adalah tidak dibenarkan.

Di Negeri Pulau Pinang bahagian pulau tidak ada projek yang berada di kawasan tanah tinggi dalam kelas I, II, III dan IV. Kawasan pembangunan yang dicadangkan meliputi kesemua kelas itu adalah Kelas Bercampur.

Senarai projek yang berada di kawasan tanah tinggi yang dikemukakan oleh pihak pemaju dari tahun 1992 hingga Mac 2008 adalah seperti berikut:-

Nama Pemaju	Komponen Cadangan	Lokasi	Tarikh Kelulusan Tanah Bukit	Tarikh Kebenaran Merancang
PPB Harta Bina Sdn Bhd	Lot Kedai 2 Tingkat -12 unit	Lot 257, 258, 260, 283, 554 & 923, MK 11, SPT (Bt. Tengah)	11 Jan. 2005	30 Sept. 2005
	Banglo 3 tingkat - 48 unit			
	Rumah Berkembar 2 tingkat - 24 unit			
	Rumah Kelab Swasta - 1 unit			

Projek ini berada di kategori kawasan KELAS 1 dan sekarang dalam peringkat pembangunan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Senaraikan tanah lapang kerajaan yang boleh ditanam pokok oleh orang awam. Nyatakan prosedur permohonan untuk menanam pokok di atas tanah lapang tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Orang awam tidak dibenarkan untuk menanam sebarang pokok di atas tanah lapang kerajaan kecuali melalui Program Anak Angkat yang diluluskan oleh

Kerajaan Negeri. Senarai tanah lapang yang di bawah selenggaraan Kerajaan Negeri adalah seperti di Lampiran.

Penanaman pokok hanya dibuat di atas tanah lapang yang sesuai dan hanya melibatkan pokok-pokok teduhan yang sesuai. Penanaman dilakukan di bahagian perimeter padang manakala bahagian tengah dibiarkan kosong untuk aktiviti rekreasi yang selaras dengan definisi tanah lapang sebagai mana yang ditakrifkan oleh Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 176) dalam Seksyen 2(f) sebagai "mana-mana tanah sama ada dikepung atau tidak dikhaskan atau dirizabkan untuk dikhaskan keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin, tempat pejalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam".

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Anak Angkat Penghijauan dengan kerjasama pihak swasta (kilang, NGO) dan agensi kerajaan seperti Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang. Pemohon yang berminat untuk menyertai program ini boleh membuat permohonan secara rasmi kepada Kerajaan Negeri dengan menyediakan 1 set laporan (berwarna) program penanaman pokok termasuk anggaran kos dan tempoh masa penyelenggaraan dan disertakan dengan gambar tapak.

Beberapa elemen akan diambil kira terutamanya mengenai pemilihan pokok yang bersesuaian dengan kawasan serta mengambil kira Pelan Induk Landskap Kerajaan. Permohonan yang lengkap akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan sebelum diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga memperkenalkan konsep penanaman secara gotong-royong, ianya program yang dilaksanakan dengan usaha sama di antara Pihak Berkuasa Tempatan, agensi kerajaan, pihak swasta dan orang awam untuk bersama-sama menggembleng tenaga dan memelihara persekitaran dan mewujudkan persekitaran yang sihat. Ini bertujuan untuk memulihara alam sekitar seperti yang disarankan oleh kerajaan iaitu *Go Green Concept* yang juga selaras dengan konsep *green canopy* untuk bandar-bandar yang diputuskan oleh mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan ke-60 pada 3 Jun 2008.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Senaraikan kedai-kedai atau stor-stor yang haram di sepanjang tepi pantai dari Tanjung Tokong, Tanjung Bunga, Batu Feringhi dan Teluk Bahang. Mengapa tindakan tidak dijalankan untuk menanganinya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap semua gerai tanpa lesen di sepanjang tepi pantai dengan mengeluarkan kompaun terhadap penjaja-penjaja terbabit. Tindakan penguatkuasaan selanjutnya iaitu untuk merobohkan gerai-gerai tanpa lesen ini akan dilaksanakan kerana gerai-gerai tersebut terletak di atas tanah kerajaan. Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan melibatkan beberapa agensi untuk mengambil tindakan bersepadu ke atas binaan-binaan berkenaan dalam tempoh yang terdekat ini. Usaha sedang diambil untuk menempatkan semula gerai-gerai tersebut di lokasi yang lebih sesuai.

Senarai gerai-gerai tanpa lesen di persisiran pantai Tanjung Tokong hingga ke Teluk Bahang adalah seperti di Lampiran.

460 – 461 LAMPIRAN

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Nyatakan langkah-langkah, cara-cara atau rancangan kerajaan untuk membersihkan pantai yang tercemar di KADUN Tanjung Bunga, supaya tempat pelancongan ini dapat bersaing dengan Phuket dan Bali. Adakah Kerajaan Negeri sedia membeli alat penapis pasir untuk membersihkan pasir di pantai tersebut.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri telah memberi kontrak perkhidmatan pembersihan pantai di kawasan Tanjung Bunga kepada Syarikat Pen Mutiara. Pembersihan pantai dijalankan setiap hari, manakala pembersihan sampah sarap dilaksanakan di hujung minggu iaitu mulai hari Jumaat hingga hari Ahad di waktu terdapat ramai pengunjung. Di sebelah petangnya, kerja-kerja pembersihan pantai dijalankan oleh kakitangan Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Secara purata, pembersihan oleh kontraktor ini adalah memuaskan tetapi terdapat faktor-faktor lain yang boleh mencemarkan keindahan pantai seperti aktiviti berkuda, pembinaan struktur haram untuk aktiviti penjaja di pantai. Aktiviti penjaja perlu diperkemas dan tidak dibenarkan di kawasan pantai dan aktiviti berkuda di pantai hendaklah di kawal. Dari segi pembersihan yang dijalankan ia didapati berkesan dengan menggunakan tenaga kerja manusia kerana keselamatan para pengunjung pantai adalah diberi keutamaan sekiranya menggunakan kenderaan/mesin.

Buat masa sekarang, tenaga manusia yang digunakan untuk membersihkan pantai didapati memberi perkhidmatan yang memuaskan. Oleh itu, Kerajaan Negeri belum bersedia untuk membeli alat penapis pasir untuk membersihkan pasir di pantai. Ini kerana selain daripada kos pembelian serta kos penyelenggaraan yang tinggi, Kerajaan Negeri juga perlu memastikan keselamatan orang ramai semasa alat penapis pasir beroperasi.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Bilakah "*North Coast Road*" dari Tanjong Tokong ke Batu Feringhi akan disiapkan. Nyatakan berapakah panjangnya serta tunjukkan lokasi dan pelannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. *North Coast Road* yang menghubungkan Tanjung Bungah ke Teluk Bahang melibatkan jarak sepanjang 12 kilometer. Cadangan projek ini terletak di dalam Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya dan merupakan satu jajaran baru selari dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang. Jalan sedia ada iaitu FT006 adalah dicadangkan untuk dikekalkan sebagai *scenic route* ke Batu Feringhi dan dihadkan untuk bas pelancong dan kereta persendirian manakala jalan baru dicadangkan untuk kegunaan semua kenderaan komersil termasuk kereta persendirian dan sebagainya. Ianya dirancang memandangkan keadaan jalan sedia ada yang sempit dan merbahaya terutama kepada kereta persendirian apabila berselisih dengan kenderaan berat seperti lori dan bas. Selain membina sebuah jalan yang baru projek ini turut melibatkan kerja-kerja penstabilan cerun, pembinaan lorong motosikal, menaik taraf persimpangan, membina jejantas pejalan kaki, pemasangan lampu jalan dan lampu isyarat, dan membina sistem perparitan yang baru serta berkesan. Kos keseluruhan pembangunan projek ini dijangka mencecah RM230 juta.

Antara faedah yang dijangka daripada pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut :-

- (i) Mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi di kawasan Teluk Bahang dengan adanya satu sistem dan rangkaian jalan raya yang lebih baik dan berkesan;
- (ii) Mempertingkatkan keselamatan pengguna jalan raya; dan
- (iii) Masa perjalanan dapat dipendekkan.

Untuk makluman Kerajaan Negeri telah memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ke Lapan (RMK-8), Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9) dan Kajian Separuh Penggal RMK-9 bagi melaksanakan projek ini namun ia tidak diluluskan. Memandangkan kos pembangunan projek yang tinggi, Kerajaan Negeri bercadang untuk memohon semula peruntukan bagi projek ini di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK-10).

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Terangkan bagaimana *garbage enzyme* itu disediakan dan kebaikannya untuk membersihkan alam sekitar yang tercemar. Apakah rancangan kerajaan untuk mempromosikan orang ramai tentang cara memproses dan menggunakannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. *Garbage Enzyme* dihasilkan dari bahan buangan sisa rumah seperti sisa sayur dan kulit buah dan seterusnya difermentasikan menjadi Mikro Organisma Efektif atau *effective microorganism* (EM). Ia berkebolehannya melupuskan bahan organik dan seterusnya mengeluarkan bahan larutan yang berfaedah seperti asid amino, gula, alkohol, hormon dan sebatian organik. Sistem ini sesuai dengan proses pereputan sampah kerana sampah merupakan bahan organik yang sangat mudah dihuraikan secara biologi (konsortium bakteria).

Secara teknikal, kaedah membuat EM adalah seperti berikut:-

- (a) Bahan-bahan yang digunakan
- (i) Gula merah/*molasses* : 1
 - (ii) Sisa makanan (contoh: sisa sayur, kulit buah) : 3
 - (iii) Air : 10
- (b) Kaedah pembuatan
- (i) Campur gula merah dengan air dan diikuti sisa makanan dalam bekas.
 - (ii) Tinggalkan 1/3 ruang dalam bekas untuk fermentasi.
 - (iii) Buka penutup bekas setiap hari bagi pengeluaran gas.
 - (iv) Kacau bahan-bahan terapung.
 - (v) Cecair EM boleh diguna selepas 3 bulan.
- (c) Kawalan Kualiti EM adalah seperti berikut:-
- (i) pH : Di bawah 3.5
 - (ii) Bau : Masam harum (tidak boleh diguna jika ia berbau busuk).

Secara ringkas *Garbage Enzyme* ialah cecair kompleks yang dihasilkan daripada sampah dan sisa makanan yang diperam bersama gula merah dan air selama beberapa hari untuk membiakkan EM. *Garbage Enzyme* ialah cecair serba guna dan digunakan dalam kehidupan harian seperti menghilangkan bau busuk, meningkatkan kualiti air dan dalam bidang pertanian.

Kebaikan EM untuk membersihkan alam sekitar adalah seperti berikut:-

- (a) Dalam Rumah
- mengurangkan bau busuk serta menjadikan sisa dapur sebagai baja organik;
 - menghilangkan bau busuk di dapur dan bilik mandi;
 - membantu menghalau serangga; dan
 - membasuh lantai.
- (b) Pertanian
- mengurang penggunaan bahan kimia yang berlebihan;
 - memelihara ladang bebas dari penyakit dan serangga;
 - sebagai baja untuk tanaman;
 - memulihkan tanah yang bermasalah; dan
 - Tahi haiwan yang dirawat dengan EM akan mengurang bau dan meningkatkan kualiti baja kompos.
- (c) Longkang/Sungai
- Membersihkan longkang / sungai supaya tidak berbau busuk.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) telah mula menggunakan pendekatan EM ini pada tahun 2006, namun dengan kaedah yang berbeza. Kaedah ini telah digunakan untuk meningkatkan kualiti air di Sungai Nibong Kecil, Daerah Barat Daya dan juga di Kolam Takungan Sungai Dondang Daerah Timur Laut. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa memberi penerangan dalam ceramah kitar semula akan kebaikan membuat EM atau pun *Garbage Enzyme* kepada orang ramai. Buat masa ini, Kerajaan Negeri menjalankan program kesedaran tentang kepentingan dan kebaikan *Garbage Enzyme* menerusi pelbagai kempen dan taklimat. Selain itu, pihak NGO juga disarankan agar sentiasa memberi perhatian akan keberkesanan pelaksanaan ini dalam setiap program yang dijalankan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah langkah-langkah yang akan/masih/telah diambil untuk mengawal dan perlindungan daripada *water sport* yang bahaya dan aktiviti-aktiviti di pantai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Operator jet ski akan diberi lesen apabila penanda kawasan permainan telah dikenal pasti. Sebelum ini, pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah menghadapi rintangan dari nelayan-nelayan atas pemasangan boya-boya yang disyaratkan dalam Enakmen Lancang Air Tahun 1999. Pasukan Penguatkuasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan ditubuhkan khas untuk rondaan kawasan aktiviti *water sport*.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang bersama-sama dengan Pejabat Daerah dan Tanah, Polis Diraja Malaysia, Polis Marine dan Jabatan Laut akan membuat rondaan yang lebih kerap untuk tindakan penguatkuasaan.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang juga sedang merunding dengan Pejabat Daerah dan Tanah atas cadangan untuk mengisytiharkan peraturan kegiatan dan aktiviti yang boleh dibenarkan di persisiran pantai dan di laut.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Nyatakan berapakah lebar yang minima untuk sebarang laluan awam ke pantai mesti disediakan oleh pemaju-pemaju dalam semua projek pembangunan di tepi pantai. Apakah tindakan akan diambil terhadap mereka yang tidak mematuhi syarat-syarat ini. Berapakah batang laluan awam yang sedia ada tidak mematuhi syarat ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Mengikut garis panduan Majlis Perbandaran Pulau Pinang sedia ada, sekurang-kurangnya 10 kaki perlu disediakan sebagai laluan awam ke pantai. Mengikut Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020, pemajuan di tepi pantai perlu menyediakan laluan ke pantai. Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan memastikan pemaju menyediakan laluan ke pantai apabila permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan untuk pertimbangan.

Sekiranya pemajuan tidak mematuhi syarat penyediaan laluan awam ke pantai, maka permohonan Kebenaran Merancang akan ditolak.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Terdapat cadangan supaya menubuhkan River Education Centre di mana di dalamnya terdapat beberapa pusat seperti muzium sungai, akuarium dan perpustakaan sungai dan lain-lain untuk objektif yang tertentu dan kebaikan orang awam, adakah projek ini diterima. Bilakah akan diadakan. Jika tidak, mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Cadangan untuk menubuhkan *River Education Centre* telah dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Sungai Pinang pada 17 Jun 2008.

Negeri Pulau Pinang telah pun mempunyai *River Education Centre* yang beroperasi sejak Ogos 2007 di Pusat Informasi Sungai Pinang, di Lorong Kulit. Program-program pemeliharaan dan pemuliharaan sungai yang diadakan adalah seperti:

- (i) Kempen Kesedaran Alam Sekitar peringkat Negeri/Persekutuan sempena Minggu Alam Sekitar;
- (ii) Ceramah-ceramah berkaitan alam sekitar; dan
- (iii) Program Bio-Indikator bersama pelajar-pelajar sekolah.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah banjir kilat yang tidak pernah berlaku di Kampung Tanjung Tokong Lama dalam tahun 2008. Ini disebabkan air parit keluar ke laut di tepi Tulang Cornor ditutup dan disalurkan ke arah lautan di belakang Marina Bay.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Banjir kilat yang kerap berlaku adalah disebabkan laluan air yang terdapat di dalam Kampung Tanjung Tokong kebanyakan telah tersumbat. Kerja-kerja pembersihan parit telah dijalankan kira-kira 2 bulan yang lepas oleh pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang dengan kerjasama pemaju Tanjung Pinang di kawasan rumah pangsa 16 tingkat. Kerja-kerja pembersihan parit turut dijalankan di kawasan Kampung Tanjung Tokong Lama di mana didapati parit-parit telah tersumbat, malah di sesetengah tempat, terdapat binaan di atas laluan parit.

Selepas kerja-kerja pembersihan dijalankan, keadaan parit-parit ini telah menjadi bertambah baik. Namun begitu oleh kerana kadar hujan yang tinggi sejak akhir-akhir ini, maka ia telah menyebabkan kawasan Kampung Tanjung Tokong Lama dinaiki air di samping fenomena air pasang yang turut memburukkan lagi masalah banjir di sana. Untuk makluman, kejadian banjir di Kampung Tanjung Tokong terutama apabila dalam keadaan hujan berterusan bukanlah satu perkara baru malah ia telah berlaku sejak tahun 1980an lagi.

Bagi mengurangkan kejadian banjir ini, kerja-kerja pembersihan parit akan terus dilaksanakan dengan lebih kerap dan terancang. Selain daripada itu, kempen kesedaran akan dipertingkatkan di kalangan penduduk serta peniaga-peniaga pasar malam/pagi agar menjaga parit-parit di kawasan mereka dengan tidak membuang sampah sesuka hati yang akhirnya menyebabkan parit tersumbat.

Berkenaan dengan parit di tepi Tulang Corner, ia telah mengalirkan air ke laut sebelum kerja-kerja tebus guna tanah Tanjong Tokong dijalankan. Pihak pemaju telah diarahkan untuk mengubah aliran parit berkenaan untuk menaik taraf kualiti air di situ dan seterusnya membolehkan perwujudan kawasan pantai yang boleh dikunjungi orang ramai. Pemaju juga turut disyaratkan supaya membina parit monsun dengan saiznya (100 kaki lebar di bahagian muara berhampiran Marina Bay) yang dapat menampung aliran air domestik di sekitar Kampung Tanjong Tokong bagi mengurangkan kesan banjir di kawasan Tanjong Tokong semasa air laut pasang.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berhubung dengan peningkatan kes denggi di DTL, terutamanya kawasan Tanjong Bunga dan Tanjong Tokong, nyatakan apakah langkah-langkah yang dijalankan. Berapa kali dijalankan dan apakah puncanya. Nyatakan berapa kes telah berlaku dengan terperinci dalam lima tahun yang lalu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Bagi tahun 2008 dari bulan Januari sehingga September, terdapat penurunan kejadian kes demam denggi di Tanjong Bungah dan Tanjong Tokong. Di kawasan Tanjong Bungah terdapat (10) kes di Kampung Tanjong Bungah serta (2) kes di Azuria Kondo dan baki (10) kes adalah bertaburan di sekitar Tanjong Bungah. Bagi kawasan Tanjong Tokong terdapat (3) kes di Kampong Tanjong Tokong dan (8) kes di Pangsapuri Tanjong Tokong dan baki (17) kes adalah bertaburan di sekitar Tanjong Bungah. Sejak 5 tahun kebelakangan (2004 hingga 2008) terdapat penurunan kes di kawasan Tanjong Bungah dan Tanjong Tokong. Langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:
 - (i) Bilik Gerakan peringkat negeri dan daerah dibuka pada setiap hari termasuk hari cuti.
 - (ii) Cari dan Musnah – bagi mengesan dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk yang telah dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah.
 - (iii) Aktiviti semburan kabus dan semburan *Ultra Low Volume* (ULV) bagi mengawal pembiakan nyamuk dewasa (rujuk jadual semburan dari tahun 2004 hingga 2008)

- (iv) Aktiviti Pendidikan Kesihatan telah dipertingkatkan melalui pemberian risalah tentang langkah-langkah kawalan dan pencegahan demam denggi dan penggunaan *temophos* diedarkan.
- (v) Menjalankan hebahan besar-besaran melalui media terutamanya RTM Pulau Pinang berkenaan dengan bahaya demam denggi, aktiviti-aktiviti kawalan yang mesti dijalankan dan kepentingan peranan masyarakat dalam memastikan punca-punca pembiakan nyamuk *Aedes* dihapuskan dengan segera.
- (vi) Menjalankan pemantauan kes melalui *Active Case Detection* (ACD)
- (vii) Mengadakan mesyuarat khas dengan agensi-agensi kerajaan terutamanya Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi mengkoordinasikan kerja-kerja memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk di kawasan operasi masing-masing.
- (viii) Pengutipan sampah yang intensif dan teratur oleh pihak MPPP dan MPSP di kawasan di mana kes dilaporkan.
- (ix) Aktiviti-aktiviti penguatkuasaan iaitu mengeluarkan kompaun sehingga maksimum RM500 kepada pemilik premis-premis yang didapati mempunyai punca-punca pembiakan nyamuk *Aedes*.
- (x) Aktiviti pengasapan dijalankan di kawasan kes-kes yang dilaporkan dan kawasan yang mempunyai kepadatan nyamuk yang tinggi. Anggota tambahan Kementerian Kesihatan juga telah diperolehi daripada Negeri Kedah dan Perak pada masa yang diperlukan.

Jabatan Kesihatan Negeri mendapati punca-punca pembiakan di kawasan Tanjung Tokong dan Tanjung Bungah adalah disebabkan faktor seperti berikut:

- (i) Longkang-longkang;
- (ii) Pasu bunga dan bekas-bekas terbuang;
- (iii) Tayar lama yang terbuang;
- (iv) Sampah sarap; dan
- (v) Pokok hiasan.

Bilangan kes-kes yang telah berlaku bagi tempoh lima tahun kebelakangan serta bilangan semburan kabus dan ULV yang dijalankan adalah seperti di Lampiran.

LAMPIRAN

Kes Denggi di Kawasan Tanjung Bungan Bagi Tahun 2004 Sehingga 2008 (Setakat Oktober)

TANJUNG BUNGAH					
TAHUN / PERKARA	2004	2005	2006	2007	2008
Bilangan kes dilaporkan	39	48	57	71	22
Bilangan semburan kabus dijalankan	29	36	33	39	31
Bilangan semburan ULV dijalankan	43	57	25	25	22

Kes Denggi di Kawasan Tanjung Tokong Bagi Tahun 2004 Sehingga 2008 (Setakat Oktober)

TANJUNG TOKONG					
TAHUN / PERKARA	2004	2005	2006	2007	2008
Bilangan kes dilaporkan	48	54	68	71	28
Bilangan semburan kabus dijalankan	35	31	24	26	40
Bilangan semburan ULV dijalankan	41	33	28	26	24

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sudahkah tanah tebusan haram yang telah disahkan pihak kerajaan di atas laut berdekatan tanah kerajaan lot 48, DTL, diwartakan sebagai tanah lapang atau untuk rekreasi, dalam rancangan tempatan (bahagian pulau). Jika tidak, mengapa dan bila.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Tanah yang dimaksudkan telah diluluskan oleh pihak berkuasa negeri pada 12.10.1994 dan disahkan pada 19.10.1994 kepada Purerich Realty Sdn. Bhd. untuk tujuan pusat marina yang mana seluas 1.5 ekar diluluskan pembermilikan tanah (tapak tebus guna) manakala kawasan laut di hadapan tapak tebus guna seluas 14.514 ekar diluluskan Lesen Pendudukan Sementara.

Tidak ada pewartaan sebagai kawasan lapang/rekreasi dibuat ke atas tanah tersebut memandangkan tanah tersebut telah menjadi milik persendirian (telah diberi milik).

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Bilakah Kerajaan Negeri akan menunaikan permintaan Persatuan Nelayan Tanjong Bunga untuk membina sebuah jeti berbentuk "T" yang panjangnya 300 meter daripada pantai dekat tapak rumah persatuan di Tanjung Bunga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang perancangan dan peruntukan yang bersesuaian untuk membina sebuah jeti berbentuk "T" di Tanjung Bunga.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Merujuk : JPB/KM/2279/A (JPB/PM/1879(LB)(PIN.4)PT.1), sudahkah syarat nombor (iv) dipenuhi. Bilakah pembinaan kompleks penjaja/pasar ditunaikan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kebenaran merancang JPB/KM/2279/A telah diberikan pada 22.11.1999 dengan syarat antaranya:

Kompleks penjaja/pasar di atas Lot 1, Bandar Batu Feringhi hendaklah disiapkan sebelum permohonan Sijil Penghunian untuk unit kediaman ke 2000 dikemukakan.

Mengikut rekod MPPP, jumlah unit kediaman yang diluluskan untuk dimajukan oleh Kumpulan Geotrade (Gold Vale Sdn. Bhd. dan Geotrade Sdn. Bhd.) adalah sebanyak 1,936 unit. Daripada jumlah tersebut, hanya 1,888 unit sahaja telah diberi sijil layak menduduki, manakala 48 unit lagi masih belum memperolehi sijil layak menduduki. Unit kediaman yang berjumlah 1,888 ini tidak termasuk 660 unit rumah pangsa kos rendah yang dibina bagi memenuhi sumbangan penyediaan 30% rumah pangsa kos rendah. Pembinaan kompleks penjaja dan pasar ini akan hanya disediakan dan disiapkan sebelum Sijil Layak Menduduki bagi unit ke 2000 diperakukan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Apakah rancangan kerajaan untuk penempatan penjaja-penjaja pasar malam di tepi jalan di Batu Feringhi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Pada tahun 2006, Kementerian Pelancongan Malaysia telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6.2 juta bagi pelaksanaan Projek Peningkatan Kawasan Tarikan Pelancongan Bagi Jajaran Batu Feringhi, Pulau Pinang dari Hotel Shangri-La Rasa Sayang Resort & Spa hingga ke persimpangan Bayu Senja, Batu Feringhi di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan. Pelaksanaan projek ini mengalami kelewatan dalam melantik perunding projek pada tahun 2007. Di samping itu, dalam tahun 2008 peruntukan bagi projek ini telah dibekukan sehingga ianya diluluskan semula dalam Kajian Separuh Penggal pada bulan Julai 2008.

Pada 15 September 2008, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah memutuskan supaya penyusunan semula penjaja-penjaja pasar malam sebanyak 150 gerai secara berkelompok di hadapan Hotel Park Royal dengan mengguna pakai rizab jalan (ROW) yang diserahkan kepada Kerajaan Negeri.

MPPP kini sedang dalam proses rundingan dan perancangan untuk menempatkan semula secara teratur dan melesenkan peniaga-peniaga pasar malam di kawasan berkenaan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Nyatakan rancangan kerajaan tentang penempatan nelayan-nelayan di belakang projek Infinity di tepi pantai Tanjung Bunga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan merancang untuk menempatkan nelayan-nelayan yang terlibat dengan projek pembangunan Tanjung Bungah di sebuah balai nelayan yang terletak di atas tanah simpanan pantai iaitu berhampiran dengan muara Sungai Kelian dan bersebelahan dengan Lot 4063 (*Apartment Marine Mansion*), Tanjung Bungah.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Berapakah rancangan perumahan kos rendah/ sederhana akan, sedang dan telah dijalankan oleh kerajaan atau pemaju/swasta di KADUN Tanjung Bungah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Mengikut maklumat yang diperolehi daripada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), tiada maklumat berkaitan pemajuan projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah yang akan dijalankan pada masa hadapan bagi kawasan KADUN Tanjung Bungah (DTL).

Hanya satu projek sahaja yang diluluskan yang melibatkan 463 unit rumah kos sederhana rendah di KADUN Tanjung Bungah pada tahun 2007. Perincian projek tersebut adalah seperti di Lampiran 'A'.

Sebanyak empat (4) permohonan pelan bangunan dikemukakan kepada MPPP untuk rancangan/skim perumahan kos rendah yang telah dijalankan oleh kerajaan dan pemaju swasta di KADUN Tanjung Bunga sepertimana di Lampiran 'B'. Keempat-empat projek tersebut telah pun memperolehi Sijil Layak Menduduki (O.C).

Namun sehingga kini, tiada pelan bangunan yang dikemukakan kepada pihak MPPP sama ada daripada pihak kerajaan atau swasta untuk pemajuan projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah di kawasan KADUN Tanjung Bungah.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Selepas 46 bulan tsunami pada 26 Disember 2004 berlaku, mengapa masih ada mangsa-mangsa tsunami di rumah transit di Tanjung Bunga belum dapat ditempatkan ke Flat Tsunami Tanjung Bunga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Mengikut semakan yang di buat di Unit SSI, tiada lagi mangsa tsunami yang masih menetap di penempatan sementara (rumah transit) Tanjung Bungah dan semua mangsa telah pun berpindah ke penempatan kekal di pangsapuri Masjid Terapung. Ini kerana Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) telah membuat keputusan pada 11 Julai 2007 meluluskan kaedah dan garis panduan penempatan mangsa tsunami di Kampung Masjid Tanjung Bungah. Seramai 97 keluarga telah diperakukan untuk menerima tawaran unit rumah tersebut dengan bayaran 1/3 daripada harga rumah tersebut.

Majlis penyerahan kunci yang diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Pulau Pinang telah dilaksanakan mengikut jadual pada 9 Oktober 2007. Pemilihan unit dilakukan secara undian dan keutamaan diberi kepada penduduk yang kurang upaya, warga tua yang uzur dan menghidap penyakit yang disahkan oleh Jabatan Kesihatan untuk mendapat rumah di tingkat bawah (tingkat 1 dan 2).

Seterusnya, kertas MMK berhubung perakuan 3 lagi nama untuk ditawarkan baki 3 lagi rumah telah pun di bentang dan diluluskan pada 9 Januari 2008. Penyerahan kunci telah pun diadakan pada 15 Januari 2008. Kini, Pangsapuri Masjid Terapung yang mempunyai 100 unit telah pun penuh diisi.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Bilakah 200 buah bas RapidPenang akan memberi perkhidmatannya kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Di manakah semua bas ini akan disimpan selepas kerja atau untuk *maintanance/servis/repair*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Menurut maklumat yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri dari RapidPenang, 200 buah bas yang baru akan dihantar secara berperingkat bermula pada bulan Januari 2009 sehingga akhir tahun 2009 bagi seluruh Negeri Pulau Pinang (meliputi bahagian Pulau dan Seberang Perai). Dengan pertambahan tersebut sebanyak 14 laluan baru akan diwujudkan dengan memfokuskan kawasan Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Tengah.

Pada masa yang sama, sebahagian daripada bas-bas tersebut juga akan ditambah pada setiap laluan sedia ada di bahagian pulau bagi mengurangkan masa menunggu. Tender untuk membina *chasis* bas telah diuruskan dan 200 bas baru akan ditambah daripada 150 bas RapidPenang sedia ada secara berperingkat.

Berkaitan pertambahan tersebut, RapidPenang akan mengenal pasti lokasi sesuai bagi penyusunan dan pengagihan laluan ke atas semua 350 buah bas (200 buah baru dan 150 buah sedia ada). Sebagai penyelesaian jangka masa pendek RapidPenang akan menyewa daripada Kerajaan Negeri tiga tapak depoh di bahagian pulau (Depoh Sungai Nibong, Depoh Tanjung Bungah serta Terminal bas Balik Pulau) dan sebuah bangunan yang dijadikan ibu pejabat di Lorong Kulit. Dalam masa yang sama MPPP memaklumkan bahawa Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) yang menyediakan kemudahan, infrastruktur dan bas bagi RapidPenang telah memaklumkan bahawa mereka sedang mencari sebuah tapak di Bayan Lepas untuk penyimpanan bas. Sementara mendapatkan tapak proses tersebut, RapidPenang menggunakan *holding area* sedia ada di Tapak Pesta, Sungai Nibong.

Bagi kelancaran operasi di Seberang Perai pula, RapidPenang akan menyewa sebidang tanah milik persendirian di Bagan, Butterworth untuk dibangunkan sebagai Depoh Butterworth.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Nyatakan berapa kali penangkapan dan berapa ekor tikus ditangkap yang dijalankan di merata tempat dalam lima tahun yang lalu oleh Kerajaan Negeri terutamanya di kawasan astaka (*foodcourt*).

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Langkah-langkah kawalan dan pencegahan tikus di kawasan sekeliling astaka, kedai makan, pasar dan rumah pangsa awam dan taman perumahan dilaksanakan melalui program pencegahan yang berjadual. Dalam keadaan biasa, tindakan-tindakan pencegahan dijalankan mengikut pusingan dua setengah bulan sekali selari dengan tabiat pembiakan tikus.

Langkah-langkah seperti penghapusan sarang, tempat perlindungan dan pemusnahan tikus melalui pengumpulan racun kimia dan pengasapan lubang tikus. Di samping itu, pendidikan kesihatan secara langsung diberi kepada peniaga-peniaga dan penduduk-penduduk yang berkaitan. Aspek pengurusan bahan-bahan buangan jenis makanan sering dititikberatkan.

Maklumat mengenai aktiviti pencegahan tikus di Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2004 – 2008 adalah seperti berikut :-

Bil	Tahun	Jumlah Operasi	Jumlah Tikus Dimusnahkan
1.	2004	1,063	17,837
2.	2005	1,212	16,361
3.	2006	1,320	19,491
4.	2007	1,346	18,896
5.	2008 (Sehingga September)	1,047	12,391

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Senaraikan kuari (quary) yang masih beroperasi seperti berikut:-

(a) Dengan permit

(b) Tanpa permit di seluruh Pulau Pinang.

Jikalau tanpa lesen/permit mengapa tidak ambil tindakan atau menutupkannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Di Pulau Pinang terdapat 49 buah kuari yang masih beroperasi dan 43 daripadanya beroperasi dengan permit yang sah. Manakala 6 lagi adalah berstatus *1st grade* yang tidak memerlukan permit untuk beroperasi. Senarai kuari mengikut daerah adalah seperti berikut:-

**SENARAI KUARI YANG MASIH AKTIF DI SETIAP DAERAH
TAHUN 2008 DAERAH SEBERANG PERAI UTARA**

BIL	NAMA KUARI	MUKIM	TARIKH DIKELUARKAN PERMIT
1.	Koperasi Mahadaya Sdn. Bhd.	13	1st Grade
2.	Koperasi Mahadaya Sdn. Bhd.	13	1st Grade

DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN

BIL	NAMA KUARI	MUKIM	TARIKH DIKELUARKAN PERMIT
1.	Asas Dunia Berhad	4	30.1.2008
2.	Asas Dunia Berhad	6	30.1.2008
3.	Motif Unit Sdn. Bhd.	7	30.1.2008
4.	Tetuan Loh Thow Yoong Sdn. Bhd.	14	13.2.2008
5.	Motif Unit Sdn. Bhd	7	13.2.2008
6.	Teoh Siong Tat & Tung Goon Guat	8	21.2.2008
7.	Pakatan Protim Properties Sdn. Bhd.	14	26.2.2008
8.	Motif Unit Sdn. Bhd	7	26.2.2008
9.	Motif Unit Sdn. Bhd	7	26.2.2008
10.	Motif Unit Sdn. Bhd	6	26.2.2008
11.	Motif Unit Sdn. Bhd	6	26.2.2008
12.	Motif Unit Sdn. Bhd	6	26.2.2008
13.	Motif Unit Sdn. Bhd	6	26.2.2008
14.	Chua Kok Hian	1	25.3.2008
15.	PDC Nusabina Sdn. Bhd.	13	26.3.2008
16.	Prima Tanjung Enterprise	6	16.5.2008
17.	Tetuan Welepeq Sdn. Bhd.	3	29.5.2008
18.	Ong See Huat	11	20.6.2008
19.	Zambina Wawasan Sdn. Bhd.	13	1.7.2008
20.	Wah Dor Farming Sdn. Bhd.	3	14.7.2008
21.	Khor Kim Sneah	4	24.7.2008
22.	Zambina Wawasan Sdn. Bhd.	13	31.7.2008

DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

BIL	NAMA KUARI	MUKIM	TARIKH DIKELUARKAN PERMIT
1.	Boon Sun Seraksi Sdn. Bhd.	20	2.1.2008
2.	Kuad Sdn. Bhd.	20	2.1.2008
3.	Batu Tiga Kuari	20	1.3.2008
4.	Tar San Kuari	20	2.1.2008
5.	Teik Granite Kuari Sdn. Bhd.	20	2.1.2008
6.	Weng Lee Kuari Sdn. Bhd.	17	2.1.2008
7.	Tar San Kuari Sdn. Bhd.	20	2.1.2008
8.	Ban Seng Huat Sdn. Bhd.	17	2.1.2008
9.	Saw Chong Teok Kuari Sdn. Bhd.	12	2.1.2008
10.	Fuji Strata Sdn. Bhd.(Dahulu P.W.Mix)	12	1st Grade
11.	Foo Yen Soo & Sons Sdn. Bhd.	20	1st Grade
12.	Lean Seng Chan Sdn. Bhd.	12	1st Grade

DAERAH BARAT DAYA

BIL	NAMA KUARI	MUKIM	TARIKH DIKELUARKAN PERMIT
1.	Sofinaz Holdings Sdn. Bhd.	12	28.10.2008
2.	MTT Properties & Development Sdn. Bhd.	4	Lulus ttp belum jelaskan premium

DAERAH TIMUR LAUT

BIL	NAMA KUARI	MUKIM	TARIKH DIKELUARKAN PERMIT
1.	Teik Granite Kuari Limited	18	1st Grade

Sehingga kini, tiada kuari beroperasi tanpa permit sah di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Pentadbiran Tanah Negeri Pulau Pinang (Unit Penguatkuasaan) selalu membuat pemantauan bagi mengawasi sebahagian aktiviti pengeluaran bahan batuan secara tidak sah.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Apakah rancangan kerajaan untuk penempatan semula teksi *stand* di depan Hotel Golden Sand yang akan dipengaruhi pembinaan petrol stesen, supaya dapat terus memberi perkhidmatan teksi yang baik kepada pelancong-pelancong asing dan orang ramai di Batu Feringghi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Perhentian teksi di hadapan Hotel Golden Sand, Batu Feringghi terletak di jalan persekutuan dan tidak di selenggara oleh Kerajaan Negeri. Ianya didirikan sendiri oleh persatuan teksi tersebut. Kerajaan Negeri tidak ada rancangan menempatkan semula perhentian teksi untuk memberi laluan kepada pembinaan stesen petrol.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Perindustrian Quarry semakin hari semakin merosot dari segi ekonomi, ia juga akan merosakkan dan mencemarkan ekologi dan alam sekitar serta menjejaskan ekonomi pelancongan bahagian pulau. Apakah rancangan kerajaan untuk membuat bahagian pulau satu zon tanpa operasi *quarry* (Zone Zero Quarry).

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Industri pengkuarian diperlukan bagi menyokong projek pembangunan di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri sedar sekiranya tidak dikawal, industri pengkuarian ini berpotensi mencemarkan ekologi dan alam sekitar serta menjejaskan ekonomi pelancongan. Bagi tujuan ini semua kuari yang beroperasi di Pulau Pinang perlu mempunyai kelulusan Kebenaran Merancang dan Permit supaya aktiviti kuari yang dijalankan tidak menjejaskan nilai estetika dan menimbulkan masalah pencemaran.

Di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Majlis tidak mempunyai sebarang Garis Panduan khusus untuk operasi kuari. Kebiasaannya, PBT akan merujuk permohonan Kebenaran Merancang yang berhampiran dengan aktiviti kuari ataupun tapak kuari kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) untuk ulasan. Syarat-syarat yang lazimnya dikenakan ke atas permohonan untuk Lesen Operasi Kuari adalah seperti berikut:-

- (i) Pengusaha kuari hendaklah memperolehi kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri dan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Mineral dan Geosains;
- (ii) Insuran Liabiliti Awam yang bernilai RM200,000.00 yang meliputi Majlis Perbandaran Pulau Pinang dari sebarang ganti rugi dari pihak ketiga dalam sebarang kemalangan mesti diambil dan diperbaharui tiap-tiap tahun. Polisi insurans tersebut mesti diberikan kepada Majlis untuk rekod;
- (iii) Mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan ke atas masalah pencemaran udara termasuklah pemasangan alat-alat *sprinkle* di sekitar kawasan kuari;
- (iv) Mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan ke atas masalah pencemaran bunyi bising;
- (v) Menyediakan sebuah *water trough* untuk mencuci tayar-tayar kenderaan masuk dan keluar dari kawasan kuari;
- (vi) Menyediakan satu stor bahan letupan berasingan yang dipagarkan. Sebuah papan tanda "MERBAHAYA" hendaklah juga didirikan di hadapan pintu pagar stor berkenaan;
- (vii) Waktu beroperasi kuari hanya dibenarkan dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang untuk hari biasa. Bagi hari cuti am, sebarang aktiviti letupan adalah dilarang sama sekali;

- (viii) Pengusaha kuari dikehendaki menyediakan pakaian perlindungan keselamatan dan kesihatan diri yang lengkap kepada semua pekerja kuarinya;
- (ix) Pengusaha kuari dikehendaki memaklumkan kepada penduduk-penduduk berhampiran dengan kuari satu jam terlebih dahulu sebelum sesuatu operasi meletup batu dijalankan. Isyarat siren hendaklah dibunyikan sebelum aktiviti meletup batu dijalankan;
- (x) Mendirikan sebuah papan tanda dengan perkataan "MERBAHAYA KAWASAN KUARI" di laluan masuk ke kawasan kuari; dan
- (xi) Pengusaha kuari dikehendaki mengambil langkah-langkah keselamatan yang ketat di sekitar kawasan kuari dan kawasan perumahan kediaman terdekat agar ianya sentiasa selamat.

Zon tanpa operasi kuari sukar dilaksanakan pada masa ini kerana masih terdapat kuari sedia ada yang masih aktif serta struktur permukaan tanahnya yang masih belum stabil untuk memulakan program rehabilitasi tapak kuari. Beberapa siri perbincangan teknikal telah diadakan antara agensi-agensi kerajaan bersama dengan pihak Persatuan Kuari Pulau Pinang untuk memastikan program rehabilitasi dan landskap dapat dijalankan oleh pengusaha kuari bagi memulihara alam sekitar dan nilai estetika.

Kerajaan Negeri juga pada masa ini sedang menyediakan Penang Quarry Rule iaitu satu perundangan yang apabila dikuatkuasakan kelak akan dapat mengawal aktiviti pengkuarian di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. Senaraikan projek-projek pembangunan bangunan tinggi yang melebihi 25 tingkat yang sudah siap, sedang dijalankan dan masih dalam rancangan di KADUN Tanjung Bungah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. Senarai projek-projek pembangunan bangunan tinggi yang melebihi 25 tingkat di KADUN Tanjung Bungah melalui Permohonan Merancang adalah seperti di Lampiran 'A' dan melalui Pelan Bangunan adalah seperti di Lampiran 'B'.

483-490 LAMPIRAN

XI. Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku baru-baru ini di kawasan sekitar Telok Kumbar dan Bayan Lepas.
- (b) Berapakah peruntukan yang disediakan bagi mengatasi masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Langkah jangka pendek bagi mengatasi masalah banjir di Telok Kumbar dan Bayan Lepas adalah dengan menjalankan kerja-kerja membaiki dan mendalamkan sungai-sungai dan parit-parit dari kawasan Kampung Nelayan, Kampung Paya dan Kampung Masjid dijalankan melalui peruntukan negeri di bawah aktiviti P.08/01 dengan peruntukan sebanyak RM50,000.00. Di antara sungai yang terlibat ialah : -

- (i) Sungai Telok Kumbar
- (ii) Sungai Kampung Masjid
- (iii) Parit Kelompok Kampung Paya (Menaiktaraf *U-drain*)

Langkah jangka panjang bagi kedua-dua kawasan adalah dengan menjalankan kajian Tebatan Banjir Barat Daya. Kemajuan sehingga kini baru 80%. Kerja-kerja pelaksanaan akan dijalankan dalam RMK-10.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Setakat manakah status pengambilan tanah untuk kegunaan pembinaan tapak baru SRJK (C) Yang Cheng, Telok Kumbar.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri masih ingin meneruskan maksud dan tujuan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Pentadbiran Tanah masih belum menerima sebarang permohonan pengambilan tanah bagi tujuan pembinaan tapak baru SRJK (C) Yang Chen, Telok Kumbar. Perkara tersebut masih di peringkat penelitian antara agensi-agensi kerajaan yang terlibat.
- (b) Sekiranya perkara tersebut telah diputuskan, maka proses pengambilan tanah di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960 akan dilaksanakan.

XII. Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan jumlah mangsa banjir yang terlibat dalam banjir kilat yang berlaku di seluruh negeri baru-baru ini dalam bulan September 2008 mengikut daerah dan apakah jenis bantuan segera yang telah dikeluarkan, berapa jumlah penerima dan jumlah amaunnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kejadian banjir kilat yang berlaku pada September 2008 telah melibatkan perpindahan dan pembukaan pusat pemindahan banjir. Bantuan segera berupa bekalan makanan, kain selimut, tikar dan lain-lain keperluan asas telah disalurkan kepada mangsa. Bilangan keluarga yang terlibat dan amaun bantuan makanan kepada mangsa yang telah disalurkan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Pecahan Bilangan Kes dan Amaun Bantuan Mengikut Daerah

Daerah	Bil. Kes	Amaun Bantuan (RM)
Seberang Perai Utara	87	1,093.20
Seberang Perai Tengah	555	3,854.60
Seberang Perai Selatan	-	-
Timur Laut	980	5,150.00
Barat Daya	1,900	16,100.00
Jumlah	3,522	26,197.80

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)

bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila nyatakan status kewangan Tabung TYT. sejak tahun kewangan 2004 hingga sekarang itu jumlah pendapatan dan perbelanjaan mengikut tahun. Juga sila nyatakan jumlah bantuan mengikut kategori yang dikeluarkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Status kewangan Tabung TYT sejak tahun kewangan 2004 sehingga sekarang mengikut jumlah pendapatan dan perbelanjaan adalah seperti berikut:

Tahun	Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)
Baki Awal	4,466,612.85	-
2004	4,906,353.19	2,363,283.20
2005	9,590,497.77	9,446,578.83
2006	339,793.08	588,043.61
2007	413,876.43	1,745,771.98
2008 (Sept)	487,635.84	1,228,550.00

Sehingga 30 September 2008, Akaun Amanah Bantuan TYT berbaki sebanyak RM4,832,532.54.

Jumlah bantuan mengikut kategori yang telah dikeluarkan sejak tahun kewangan 2004 sehingga September 2008 adalah seperti berikut:-

Tahun	Mangsa Tsunami (RM)*	Bencana Alam(RM)**
2004	68,000.00	2,295,283.20
2005	7,694,026.40	1,752,552.43
2006	365,550.45	222,493.16
2007	1,432,281.00	313,490.98
2008 (Sept)	499,110.00	729,440.00

Catatan :

- * Bantuan kewangan kepada mangsa Tsunami dan juga bantuan baik pulih kepada nelayan termasuk peralatan bot, pukot dan sebagainya.
- ** Bencana alam merujuk kepada kejadian banjir dan sebagainya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila nyatakan status tabung pendidikan negeri, jumlah pendapatan, jumlah perbelanjaan, jumlah penerima mengikut kategori dan jumlah kutipan balik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Status tabung pendidikan negeri, jumlah pendapatan, jumlah perbelanjaan, jumlah penerima mengikut kategori dan jumlah kutipan balik seperti jadual:-

JADUAL

PINJAMAN PENUNTUT NEGERI Pulau Pinang

Status : 2008				
Jumlah Pendapatan Pemberian Kerajaan Negeri		RM 0.00		
Jumlah Perbelanjaan Pendidikan		RM 729,481.16		
<u>Jumlah Penerima Bayaran Pinjaman Mengikut Kategori</u>				
	2008		2007	
Kategori	Bilangan	RM	Bilangan	RM
PhD / Sarjana	3	15,000.00	26	834,500.00

Ijazah/Diploma Lanjutan	133	616,000.00	232	1,496,500.00
Diploma	91	273,000.00	129	748,500.00
Sijil	31	62,000.00	30	63,000.00
PJJ -Ijazah/Diploma Lanjutan	44	173,500.00	24	348,000.00
PJJ - Diploma	11	22,000.00	6	22,000.00
JUMLAH	313	1,161,500.00	447	3,512,500.00

Tahun Kutipan Balik	Setakat September 2008	2007	2006	2005	2004
Jumlah Kutipan Balik (RM)	RM 5,271,153.31	RM 6,098,751.67	RM 2,796,284.09	RM 1,596,066.83	RM 1,631,805.89

Jumlah Pemohon Bagi Tahun 2008

BANGSA		Permohonan	Diluluskan	Terima Tawaran
MELAYU	%	57.00%	57.00%	59.87%
	BIL	188	188	94
CINA	%	32.00%	32.00%	29.30%
	BIL	105	105	46
INDIA	%	10.00%	10.00%	10.19%
	BIL	33	33	16
LAIN-LAIN	%	1.00%	1.00%	0.64%
	BIL	2	2	1
JUMLAH	%	100%	100%	100%
	BIL	328	328	157

	Permohonan Baru		Terima Tawaran	
BIDANG	Bilangan	Peratusan (%)	Bilangan	Peratusan (%)
SASTERA	210	64%	84	53.50%
SAINS	118	36%	73	46.50%
JUMLAH	328	100%	157	100%

TEMPOH PINJAMAN	Tempoh
Ijazah/Diploma Lanjutan (Sains)	kebiasaannya 5 tahun
Ijazah/Diploma Lanjutan (Sastera)	kebiasaannya 4 tahun
Diploma	kebiasaannya 3 tahun
Sijil	kebiasaannya 2 tahun
PJJ -Ijazah/Diploma Lanjutan (Sains)	maksimum 5 tahun
PJJ -Ijazah/Diploma Lanjutan (Sastera)	maksimum 4 tahun
PJJ - Diploma	maksimum 3 tahun

XIII. Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/ Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bolehkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawar rumah sewa kerajaan kepada penghuni-penghuni rumah yang sering mengalami banjir di kawasan Bagan Dalam terutama di Kampung Perlis dan Kampung Hujung Batu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Rumah sewa Kerajaan Negeri atau rumah sewa PPR sememangnya boleh diperuntukkan kepada penduduk-penduduk yang terlibat dengan masalah banjir. Terdapat 3 projek PPR di daerah SPU iaitu PPR Desa Wawasan , PPR Bagan Jaya dan PPR Ampang Jajar.

Walau bagaimanapun, bagi mangsa-mangsa banjir, mereka perlu memohon melalui Pejabat Daerah dan Tanah. Senarai yang diperakukan tersebut bolehlah dikemukakan kepada Bahagian Perumahan untuk tawaran. Walau bagaimanapun, penempatan di perumahan PPR ini adalah bersifat sementara dan penduduk akan dipindahkan ke penempatan kekal apabila projek siap kelak.

XIV. Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerja memasang paip, kabel dan utiliti sering merosakkan permukaan jalan dan mengganggu trafik. Apakah rancangan kerajaan untuk mengelakkan daripada mengorek jalan (*open trenching*). Adakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan *common underground utilities*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerja-kerja pemasangan paip, kabel dan utiliti sememangnya sering merosakkan permukaan jalan dan mengganggu aliran trafik. Di Negeri Pulau Pinang kelulusan Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah perlu sebelum kerja-kerja pengorekan jalan dibuat. Secara lazimnya JKR Pulau Pinang tidak membenarkan pemotongan jalan secara terbuka kecuali di atas bahu jalan sahaja. Walau bagaimanapun, bagi sesetengah kes di mana di atas bahu jalan tersebut telah penuh dengan kabel, paip dan utiliti sedia ada maka kebenaran daripada Pengarah Kerja Raya Pulau Pinang adalah diperlukan.

Seandainya pemotongan jalan premix telah dilakukan maka pemohon mestilah membuat turapan sementara serta-merta dan turapan kekal kemudiannya. Semasa pelaksanaan kerja dilakukan, pihak JKR akan menyemak terlebih dahulu *Traffic Management Plan* dan peralatan, papan tanda dan *blinkers* yang mencukupi.

Kerajaan Negeri melalui JKR ataupun Pihak Berkuasa Tempatan akan mengenakan syarat-syarat bagi kerja-kerja pengorekan tersebut untuk menjamin jalan tidak dirosakkan. Syarat-syarat ini akan dinyatakan dalam permit pengorekan dan pihak utiliti disyaratkan juga untuk membayar sejumlah deposit. Kontraktor yang melakukan pengorekan jalan juga mesti mempunyai sijil daripada pihak JKR.

Penggunaan *Common Underground Utilities* sememangnya sesuatu yang harus diguna pakai terutama di kawasan bandar. Ianya akan memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan utiliti dilaksanakan dengan baik tanpa melibatkan kerosakan pada jalan. Namun begitu buat masa ini Kerajaan Negeri masih belum melaksanakan *Common Underground Utilities* di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerja memasang paip, kabel dan utiliti sering merosakkan permukaan jalan. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri memantau kerja-kerja penurapan balik kepada keadaan asal. Apakah saman dan denda dikenakan ke atas pihak yang tidak menjalankan kerja penurapan yang baik. Berapakah saman dan denda dikenakan dari tahun 2005 sehingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Adalah menjadi tanggungjawab setiap agensi utiliti untuk memantau kerja-kerja penurapan balik jalan yang dijalankan oleh kontraktor mereka kepada keadaan asal.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa menjalankan langkah-langkah bagi memantau kerja-kerja perparitan demi menjaga keselamatan pengguna jalan raya. Di antaranya langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

- (i) Mengadakan rondaan dan mengawasi kerja yang dijalankan oleh agensi utiliti secara mendadak.
- (ii) Mengeluarkan notis kerja perparitan kepada agensi utiliti yang tidak mematuhi spesifikasi.
- (iii) Mengeluarkan notis berhenti kerja untuk agensi yang gagal mematuhi syarat selepas tamat tempoh notis.
- (iv) Menyensaraihitamkan dan membatalkan sijil kelayakan kontraktor.
- (v) Mengambil tindakan mahkamah mengikut sek 40, 41 & 42 Akta Jalan, Parit & Bangunan, 1974.
- (vi) Menggunakan wang cagaran agensi utiliti untuk memperbaiki jalan yang tidak mengikut spesifikasi-spesifikasi.

Untuk makluman Kerajaan Negeri tidak membenarkan pengorekan terbuka di atas jalan raya (Jalan Premix). Walau bagaimanapun pengorekan terbuka hanya dibenarkan di atas bahu jalan dan arah pemasangan adalah selari dengan jalan raya.

Bagi sesetengah kes di mana di atas bahu jalan telah terdapat paip, kabel dan utiliti dan tidak ada kawasan lagi untuk pemasangan baru maka kebenaran khas adalah diperlukan bagi pemotongan jalan raya untuk pemasangan kebel, paip dan utiliti dan jajarannya adalah selari dengan jalan raya.

Bagi kabel, paip dan utiliti yang akan dipasang merentangi jalan raya maka kaedah "Horizontal Drilling" (HDD) tidak dibenarkan kecuali kebenaran khas diperolehi.

Kerajaan Negeri boleh menggunakan wang cagaran sehingga RM50,000.00 daripada agensi utiliti untuk membaik pulih jalan yang rosak. Untuk kes yang serius, tindakan mahkamah boleh diambil mengikut Sek. 40, 41 & Akta Jalan, Parit & Bangunan, 1974 dan jika disabitkan kesalahan akan dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit.

Namun, daripada tahun 2005 hingga sekarang, tiada saman dan denda yang dikenakan. Secara pentadbiran, Kerajaan Negeri akan mengeluarkan Notis Kerja Perparitan sebanyak 3 kali sebelum Notis Berhenti Kerja dikeluarkan. Kebiasaannya pihak yang dikenakan notis akan mematuhi syarat kerja dalam tempoh yang diberikan.

Jumlah Notis Kerja Perparitan yang dikeluarkan adalah seperti berikut:

Tahun 2005	-	96
Tahun 2006	-	109
Tahun 2007	-	161
Tahun 2008	-	171

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah kemajuan (*progress*) penyediaan Pelan Tempatan. Adakah ia akan dibuka untuk komen dan maklum balas daripada orang ramai. Bilakah ia akan dijangka akan diumumkan kepada orang ramai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 (Pulau) telah diterima oleh MPPP dengan pindaan pada 8 Oktober 2008. Pihak perunding sedang meminda laporan tersebut sebelum dimaklumkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri. Adalah dijangka seranta awam akan diedarkan pada penghujung tahun 2008 untuk mendapat komen dan maklum balas daripada orang awam.

Rancangan Tempatan yang sedang disediakan oleh MPSP pula adalah terdiri daripada :

- (i) Rancangan Tempatan Daerah SPU 2005 – 2020
- (ii) Rancangan Tempatan Daerah SPT 2006 – 2020
- (iii) Rancangan Tempatan Daerah SPS 2008 – 2020

Rancangan Tempatan bagi daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah adalah dalam peringkat draf Laporan Akhir dan sedang disemak serta perlu dibuat pindaan sebelum dikemukakan kepada Majlis Penuh MPSP untuk kelulusan dan Jawatankuasa Perancang Negeri bagi pengesahan dan penetapan tarikh publisiti kepada orang ramai. Laporan tersebut dijangka akan disiapkan pada akhir tahun ini. Publisiti awal telah dibuka untuk pandangan orang awam pada 6 Julai hingga 19 Julai 2005 untuk Rancangan Tempatan SPU dan 19 Julai hingga 30 Julai 2005 untuk Rancangan Tempatan SPT.

Rancangan Tempatan bagi daerah Seberang Perai Selatan adalah dalam peringkat publisiti awal di mana orang awam diberi peluang untuk memberi maklum balas/cadangan dalam membangunkan kawasan SPS yang telah diadakan pada 25 Ogos hingga 8 September 2008. Semua

pandangan tersebut sedang diteliti dan akan dimasukkan dalam Laporan Asas Rujukan untuk dikaji dengan lebih terperinci oleh perunding yang akan dilantik oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kes demam denggi di KADUN Pantai Jerejak semakin menjadi-jadi. Berapakah kes dari tahun 2005 sehingga sekarang. Nyatakan kes mengikut biasa dan yang telah meragut nyawa. Apakah tindakan pro-aktif Kerajaan Negeri dalam menangani masalah ini. Nyatakan jadual rancangan semburan di KADUN Pantai Jerejak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Daripada tahun 2005 sehingga September 2008, sejumlah 149 kes demam denggi telah dilaporkan daripada Kawasan ADUN Pantai Jerejak. Namun begitu tiada kes kematian dilaporkan. Terdapat penurunan dalam jumlah bilangan kes demam denggi yang dilaporkan dari tahun 2005 hingga September 2008. Pecahan kes mengikut tahun adalah seperti di Jadual. Ini adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti 'Cari dan Musnah' yang dijalankan oleh anggota-anggota kesihatan dan juga pendidikan kesihatan yang dibuat di peringkat komuniti agar tiada pembiakan nyamuk Aedes di persekitaran rumah mereka. Ini merupakan strategi utama dalam memerangi masalah denggi iaitu dengan menghapuskan tempat-tempat yang berpotensi untuk menjadi kawasan pembiakan.

JADUAL

Tahun	Kes DD/DHF	Kes Kematian
2005	94	0
2006	38	0
2007	15	0
2008	2	0

Bagi KADUN Pantai Jerejak, tiada jadual semburan disediakan. Namun begitu, bagi kawasan-kawasan yang mempunyai bilangan kes yang rendah, aktiviti semburan kabus dijalankan hanya apabila terdapat kes dilaporkan daripada kawasan tersebut. Sekiranya kes demam denggi dilaporkan, semburan akan dijalankan dengan serta-merta dalam tempoh 24 jam. Semburan kedua pula akan dilakukan 7 hari selepas semburan yang pertama. Kajian aedes juga dilakukan untuk menentukan tempat pembiakan atau punca jangkitan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah pelan tindakan untuk menyelesaikan kesesakan keluar masuk yang berlaku di depan Lebuhraya Mayang Pasir dan taman perumahan di belakang bank CIMB. Adakah jalan alternatif akan dirancang. Adakah lampu trafik akan dijadualkan semula (*retime*).

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Masa lampu isyarat di persimpangan Jalan Mayang Pasir/Lebuhraya Mayang Pasir telah dioptimumkan mengikut isi padu aliran lalu lintas dan pindaan kepada masa lampu isyarat dijalankan dari semasa ke semasa mengikut corak pergerakan lalu lintas. Di samping itu, lampu isyarat di persimpangan Jalan Mayang Pasir/Lebuhraya Mayang Pasir dan persimpangan Jalan Mayang Pasir/Jalan Tengah telah diselaraskan pada waktu puncak untuk kawalan yang lebih efektif.

Penduduk di kawasan Lebuhraya Mayang Pasir mempunyai beberapa laluan alternatif iaitu melalui Jalan Nibong, Tingkat Nibong 1 dan jalan khidmat Jalan Tengah untuk berulang alik dari kawasan perumahan ini. Untuk menampung isi padu aliran lalu lintas yang semakin meningkat, persimpangan Jalan Mayang Pasir/Lebuhraya Mayang Pasir perlu dilebarkan atau laluan alternatif perlu dibina.

Buat masa sekarang, Jabatan Kerja Raya (JKR) tiada rancangan untuk pelebaran persimpangan Jalan Mayang Pasir/Lebuhraya Mayang Pasir ataupun membina jalan alternatif lain bagi mengurangkan kesesakan di depan Lebuhraya Mayang Pasir dan taman perumahan .

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan prestasi perniagaan rakyat tempatan melalui usaha sama usahawan-usahawan Melayu, India dan Cina ke arah untuk meningkatkan ekonomi dan peluang pekerjaan di Pulau Pinang. Adakah dan bagaimanakah kerajaan memupuk usaha sama perniagaan antara kaum. Adakah insentif tertentu diberi kepada golongan usaha sama antara kaum.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri melalui PDC merancang untuk meningkatkan prestasi perniagaan rakyat tempatan melalui usaha sama usahawan-usahawan Bumiputera dengan bukan Bumiputera melalui pelaksanaan program seperti berikut:

- (i) Bersesuaian dengan status Bandar Siber Pulau Pinang PDC dengan kerjasama Kerajaan Negeri, USM dan Multimedia Development Corporation merancang untuk melaksanakan Program Inkubator Penang Cybercity bagi mewujudkan usahawan tekno berstatus MSC. Peluang perniagaan terbuka kepada usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera untuk bersama-sama melibatkan diri dan bersaing di pasaran global; dan
- (ii) Dalam bidang pelancongan, melalui peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan, PDC sedang membina sebuah Indoor Arcade & Seafood Centre di Bandar Cassia Batu Kawan. Projek ini akan menyediakan ruang niaga dan pusat makanan laut bagi memberi peluang perniagaan kepada usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera untuk bersama-sama dalam perniagaan berasaskan produk makanan laut dan produk pelancongan.

Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak menyediakan sebarang insentif kepada golongan usaha sama antara kaum. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mengadakan program-program keusahawanan bagi meningkatkan usaha sama antara kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera di Pulau Pinang dalam bidang perniagaan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 7. Pulau Pinang mungkin mengalami terlalu banyak kompleks membeli-belah. Sila kemukakan jumlah pasar raya membeli belah di seluruh Pulau Pinang mengikut zon. Nyatakan polisi dan syarat-syarat kerajaan tempatan terhadap kelulusan Permohonan Merancang yang dikemukakan oleh pemaju. Senaraikan ratio pasar raya kepada penduduk di setiap zon dan adakah ia dipatuhi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 7. Jumlah pasar raya di Pulau Pinang mengikut zon/daerah adalah seperti BERIKUT:-

<u>DAERAH</u>	<u>BILANGAN PASARAYA</u>
Daerah Timur Laut	14
Daerah Barat Daya	3
Seberang Perai Utara	2
Seberang Perai Tengah	10
Seberang Perai Selatan	0
JUMLAH	----- 29 =====

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak mempunyai polisi dan garis panduan khusus untuk pemajuan pasar raya membeli-belah. Semasa memberi pertimbangan terhadap Permohonan Kebenaran Merancang bagi cadangan pasar raya/pusat membeli-belah, PBT akan merujuk permohonan tersebut kepada jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan untuk mendapat pandangan dan ulasan antaranya ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (KPDNHEP). Semua ulasan dan polisi jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan akan dijadikan syarat semasa memberi kelulusan terhadap permohonan tersebut. Permohonan Kebenaran Merancang untuk cadangan *hypermarket* / *supermarket* yang mencapai ruang lantai minima 5,000 meter persegi adalah meliputi sektor-sektor berikut:

- (i) *hypermarket* seperti Giant dan Tesco;
- (ii) *department store* seperti Jaya Jusco dan Isetan;
- (iii) *supermarket* seperti Tops dan Cold Storage;
- (iv) *speciality stores* seperti Watson dan Guardian;
- (v) syarikat jualan lansung;
- (vi) *mini market*;
- (vii) perniagaan borong; dan
- (viii) perdagangan peruncitan / am seperti tekstil, pakaian dan karpet

Bagi kedua-dua PBT, pembangunan pasar raya membeli-belah adalah dikawal melalui pengiraan nisbah plot cadangan pemajuan. Pada Mac 2006, Jawatankuasa Perancangan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Bagi Cadangan Hypermarket. Sehubungan itu, setiap permohonan baru yang dikemukakan kepada PBT selepas Mac 2006 perlu mematuhi garis panduan tersebut .

Mengikut garis panduan tersebut, kawalan bilangan *hypermarket* mengikut saiz penduduk kawasan tadahan seperti BERIKUT:-

BILANGAN HYPERMARKET MENGIKUT SAIZ PENDUDUK KAWASAN TADAHAN

SAIZ PENDUDUK KAWASAN TADAHAN	BILANGAN OPTIMUM HAYPERMARKET	JARAK ANTARA HYPERMARKET
350,000<	1	-
>350,000 – 500,000<	2	Minimum 1km
>500,000 – 700,000<	3	Minimum 3 km
>700,000 – 1,000,000<	6	Minimum 3 km
>1,000,00	Tambahan 1 hypermarket bagi setiap 150,000 penduduk	Minimum 5 km dari haypermarket sedia ada

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Adakah rancangan untuk pembesaran atau membina semula Masjid Sg. Nibong Besar di mana orang ramai sekarang terpaksa sembahyang di tengah jalan di bawah *fly-over* semasa sembahyang Jumaat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Pada masa ini tiada perancangan untuk pembesaran atau membina semula Masjid Sungai Nibong Besar walaupun kerajaan menyedari ruang solat yang sedia ada tidak dapat menampung bilangan jemaah yang telah bertambah. Ini adalah disebabkan kedudukan masjid berkenaan yang terlalu hampir dengan jalan dan jejantas dan tiada tanah kosong di sekitarnya yang boleh digunakan untuk tujuan pembesaran masjid.

Cadangan untuk membina semula masjid secara bertingkat di tapak yang sama didapati tidak sesuai pada masa ini kerana sekiranya cadangan tersebut dilaksanakan, masjid yang sedia ada perlu dirobohkan sedangkan struktur bangunan masih elok. Tambahan pula, sekiranya dibina masjid bertingkat, ketinggian hampir menyamai ketinggian jejantas yang sedia ada.

Bagi mengatasi kesesakan jemaah terutamanya pada hari Jumaat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) akan memecahkan sempadan kariah masjid ini kepada kariah yang baru diwujudkan iaitu Surau As-Soghir, Taman Pekaka yang akan dibenarkan mengerjakan solat Jumaat tidak lama lagi.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sumbangan *waiver* Pemaju terhadap projek perumahan, contohnya kawasan lapang, rumah ibadat, dewan komuniti masih pada tahap murah sejak lama dahulu lagi. Adakah Kerajaan Negeri atau tempatan akan mengaji balik semua *waiver* dan sumbangan pelbagai jenis daripada pemaju untuk bersesuaian dengan masa. Bilakah ini akan dijalankan dan bila akan disiapkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri telah mengkaji dengan mendalam mengenai kebaikan/keburukan Sumbangan Kewangan untuk menggantikan peruntukan kemudahan masyarakat dan telah mencadangkan dalam Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 (Pulau) bahawa pemaju tidak dibenarkan menyumbang kewangan bagi tujuan menggantikan kemudahan masyarakat. Dengan kata lain keperluan teknikal hendaklah dipatuhi dan kemudahan berkenaan perlu disediakan oleh pemaju secara fizikal.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah polisi Kerajaan Negeri terhadap bilangan rumah teres super link, semi-D, super-D yang harganya keterlaluan dan tidak mampu dibiayai penduduk tempatan. Bagaimanakah kerajaan tempatan atau Kerajaan Negeri menyekat perkembangan yang tidak sihat ini. Bagaimana mengurangkan bilangan kelulusan Permohonan Merancang yang dikemukakan oleh pemaju.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menyekat pembangunan rumah mewah oleh pemaju swasta kerana perkembangan sektor hartanah ditentukan oleh pasaran. Jenis rumah yang ditawarkan oleh pemaju adalah tertakluk kepada permintaan semasa. Sebelum melancarkan sebarang projek perumahan yang merangkumi penetapan harga jualan dan jenis rumah, pemaju akan menjalankan kajian pasaran yang terperinci terlebih dahulu.

Kerajaan Negeri tidak mempunyai polisi atau peruntukan undang-undang untuk mengawal harga jualan rumah mewah. Dasar sedia ada hanya membolehkan Kerajaan Negeri mengawal dari segi keperluan dan harga rumah kos rendah dan sederhana rendah sahaja.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah akan di ambil bagi memastikan pemaju yang memajukan perumahan mewah tetap menjalankan tanggungjawab sosial untuk membantu golongan berpendapatan rendah. Antara langkah-langkah yang sedang dikaji ialah pengiraan bayaran sumbangan yang akan dikenakan ke atas pemaju yang membina kurang dari 100 atau 150 unit rumah mengikut kawasan yang dimajukan. Dengan sumbangan tersebut, ia dapat membantu Kerajaan Negeri menyediakan lebih banyak rumah mampu milik kepada golongan yang memerlukan.

Selain itu, pembinaan rumah mampu milik juga akan di beri keutamaan di atas tanah-tanah kerajaan dan agensi-agensi kerajaan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah perancangan tentang "*rebranding of Pesta*". Berapa kos yang akan terlibat. Apakah rancangan untuk masa depan tapak pesta.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Acara tahunan Pesta Pulau Pinang adalah merupakan acara utama bagi kalender acara pelancongan Pulau Pinang. Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha untuk mempromosi acara Pesta Pulau Pinang sebagai salah satu dari acara tahunan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Pulau Pinang demi pembangunan industri pelancongan negeri.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Nyatakan lokasi dan berapakah jumlah perpustakaan yang berada di Negeri Pulau Pinang serta berapa buah buku yang ada di dalam perpustakaan masing-masing. Mengapakah sesetengah buku baru tidak dibenarkan untuk dipinjam demi kebaikan masyarakat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Jumlah perpustakaan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 100 buah perpustakaan merangkumi sebuah Perpustakaan Negeri, 4 buah Perpustakaan Cawangan (Bukit Mertajam, Jawi, George Town dan Balik Pulau), sebuah Perpustakaan Kanak-Kanak bertempat di Jalan Scotland, 2 buah Perpustakaan Pekan (Bagan Ajam dan Komtar) 3 buah Perpustakaan di Kompleks Membeli Belah (KOMTAR, Mayang Mall dan Kompleks Membeli Belah AEON, Seberang Perai City), 78 buah Perpustakaan Desa Siber Ilmu dan 11 unit Perpustakaan Bergerak.

Jumlah buku yang terdapat di dalam setiap perpustakaan adalah seperti berikut:-

JUMLAH KOLEKSI BAGI SEMUA PERPUSTAKAAN DI PPAPP

Bil	Tahun	Lokasi	Jumlah
1	1998	Perpustakaan Pusat	94,581 Naskhah
2	2003	Perpustakaan Cawangan George Town	62,554 Naskhah
3	2005	Perpustakaan Balik Pulau	31,970 Naskhah
4	1995	Perpustakaan Cawangan Jawi	40,983 Naskhah
5	1995	Perpustakaan Cawangan Bukit Mertajam	51,100 Naskhah
6	1993	Perpustakaan Kanak-Kanak Pulau Pinang	18,595 Naskhah
7	2000	Perpustakaan Pekan Bagan Ajam	12,874 Naskhah
8	2007	Perpustakaan Pekan Simpang Ampat	6,169 Naskhah
9	2003	Perpustakaan Siber Ilmu Komtar	4,026 Naskhah
10	2003	Perpustakaan Siber Ilmu Bayan Baru	9,085 Naskhah
11	1996	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Ladang Lada	5,205 Naskhah
12	1994	Perpustakaan Komuniti Siber Ilmu Gat Lebu Maccalum	5,715 Naskhah
13	2008	Perpustakaan Pekan Aoen Jusco	3,439 Naskhah
14	2002	Perpustakaan Komuniti Siber Ilmu Jalan Kedah	6,742 Naskhah
15	2002	Perpustakaan Komuniti Siber Ilmu Kampung Rawa	5,654 Naskhah
16	2001	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Kampung Tengah Jelutong	5,118 Naskhah
17	2002	Perpustakaan Komuniti Siber Ilmu Perumahan Harmoni	5,427 Naskhah
18	2006	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Unit 3 Fru	3,780 Naskhah
19	2002	Perpustakaan Komuniti Siber Ilmu Batu Uban	5,918 Naskhah
20	1999	Perpustakaan Komuniti Siber Ilmu Bukit Gedong	6,098 Naskhah
21	2002	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Sungai Ara	5,840 Naskhah
22	1999	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Teluk Tempoyak	6,044 Naskhah
23	1996	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Teluk Kumbar	5,136 Naskhah

Bil	Tahun	Lokasi	Jumlah
24	1995	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Sungai Burong	5,281 Naskhah
25	1999	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Pulau Betong	5,414 Naskhah
26	2001	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Permatang Pasir	5,200 Naskhah
27	2003	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Pantai Acheh	8,709 Naskhah
28	2007	Perpustakaan Komuniti Siber Ilmu Teluk Bahang	7,569 Naskhah
29	2006	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Sungai Pinang	3,780 Naskhah
30	2006	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Bandar Baru Teluk Kumbar	3,780 Naskhah
31	2006	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Titi Teras	3,780 Naskhah
32	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Kampung Jawa	2,678 Naskhah
33	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Permatang Damar Laut	2,678 Naskhah
34	2003	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Kota Aur	7,391 Naskhah
35	2001	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Lahar Minyak	5,278 Naskhah
36	2001	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Permatang Tinggi A	5,270 Naskhah
37	1999	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Kampung Tok Bedu	4,939 Naskhah
38	1996	Perpustakaan Siber Ilmu Kubang Menerong	5,606 Naskhah
39	1997	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Permatang Kuang	4,990 Naskhah
40	1997	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Pinang Tunggal	5,153 Naskhah
41	1996	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Ekor Kucing	5,535 Naskhah
42	1996	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Sungai Dua	5,003 Naskhah
43	1996	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Pekan Darat	4,571 Naskhah
44	1993	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Teluk Air Tawar	6,249 Naskhah
45	1998	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Tasek Gelugor	4,549 Naskhah
46	2006	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Kampung Lahar Tiang	3,780 Naskhah
47	2006	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Permatang Buloh	3,780 Naskhah
48	2006	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Lubok Meriam	3,780 Naskhah
49	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Bakar Bata	2,678 Naskhah
50	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Titi Mukim	2,678 Naskhah
51	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Bakau Tua	2,678 Naskhah
52	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Pajak Song	2,678 Naskhah
53	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Taman Abdullah Fahim	2,678 Naskhah
54	2003	Perpustakaan Komuniti Siber Ilmu Perkampungan Machang Bubok	8,266 Naskhah
55	2000	Perpustakaan Komuniti Siber Ilmu Taman Jambu	5,483 Naskhah
56	1999	Perpustakaan Komuniti Siber Ilmu Berapit	5,289 Naskhah

Bil	Tahun	Lokasi	Jumlah
57	2001	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Permatang Tinggi	5,109 Naskhah
58	2000	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Perkampungan Juru	5,254 Naskhah
59	2001	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Sungai Semilang/Bagan Nyiur	4,853 Naskhah
60	1999	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Kebun Sireh	5,680 Naskhah
61	2002	Perpustakaan Komuniti Siber Ilmu Taman Makok	4,768 Naskhah
62	1994	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Bukit Teh	5,369 Naskhah
63	1995	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Alma	5,795 Naskhah
64	1997	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Tasek Junjong	4,681 Naskhah
65	1999	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Kuala Tasek	4,687 Naskhah
66	1994	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Penanti	4,754 Naskhah
67	2002	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Kampung Kota, Permatang Pasir	4,719 Naskhah
68	2006	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Taman Permata	3,780 Naskhah
69	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Bukit Indera Muda	2,678 Naskhah
70	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Permatang Pauh	2,678 Naskhah
71	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Kampung Manis	2,678 Naskhah
72	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Mengkuang Titi	2,678 Naskhah
73	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Taman Arowana	2,678 Naskhah
74	1996	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Sungai Duri	5,038 Naskhah
75	1994	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Lima Kongsi	4,752 Naskhah
76	2002	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Permatang Keling	5,251 Naskhah
77	1996	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Sungai Acheh	4,748 Naskhah
78	1994	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Sungai Bakau	5,057 Naskhah
79	2001	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Sungai Kechil	5,315 Naskhah
80	2004	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Changkat	5,934 Naskhah
81	2001	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Bukit Tambun	4,771 Naskhah
82	1996	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Tasek Padang Lalang	4,740 Naskhah
83	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Sungai Chenaam	2,678 Naskhah
84	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Taman Sempadan	2,678 Naskhah
85	2007	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Pulau Aman	2,678 Naskhah
86	2006	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Taman Belibis	3,780 Naskhah
87	2006	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Dewan Chung Kwang	3,780 Naskhah

Bil	Tahun	Lokasi	Jumlah
88	2006	Perpustakaan Desa Pnm Batu Kawan Pulau Pinang	3,780 Naskhah
89	2006	Perpustakaan Desa Pnm Kg. Besar Nibong Tebal	3,780 Naskhah

Bergerak

Bil	Tahun	Lokasi	Jumlah
90	1999	Perpustakaan Bergerak 1	2,374 Naskhah
91	1996	Perpustakaan Bergerak 2	2,197 Naskhah
92	2001	Perpustakaan Bergerak 3	1,793 Naskhah
93	2003	Perpustakaan Bergerak 4	2,129 Naskhah
94	2003	Perpustakaan Bergerak 5	1,751 Naskhah
95	1997	Perpustakaan Bergerak 6	2,104 Naskhah
96	1996	Perpustakaan Bergerak 7	1,862 Naskhah
97	1996	Perpustakaan Bergerak 8	1,803 Naskhah
98	1998	Perpustakaan Bergerak 9	1,969 Naskhah
99	2001	Perpustakaan Bergerak 10	326 Naskhah
100	2007	Perpustakaan Bergerak 11	637 Naskhah

* Bas Bergerak 10 dan 11 merupakan Bas Bergerak untuk golongan khas (OKU).

Sesetengah buku baru tidak dibenarkan untuk dipinjam kerana buku tersebut merupakan buku rujukan. Polisi perpustakaan menyatakan bahawa buku rujukan tidak boleh dipinjam.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- Untuk lima tahun kebelakangan ini, berapa buku baru yang telah dibeli dan diletakkan dalam perpustakaan di Pulau Pinang dan nyatakan ikut perpustakaan masing-masing. Nyatakan bilangan buku baru mengikut *genre* buku-buku tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- Bagi tempoh 5 tahun kebelakangan, Perpustakaan Negeri telah membeli sebanyak 196,108 naskhah buku-buku baru. Jumlah bilangan buku baru tersebut mengikut *genre* adalah seperti di Lampiran.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri atau PBT ke dalam perpustakaan dari tahun 2003 sehingga sekarang. Apakah perancangan Kerajaan Negeri atau PBT untuk meningkatkan penggunaan perpustakaan. Nyatakan jumlah orang yang menjadi keahlian perpustakaan dari tahun 2003 hingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan penggunaan perpustakaan. Antara usaha yang telah dijalankan adalah seperti berikut:
- (i) Menjalankan aktiviti promosi dan pameran di setiap daerah di Negeri Pulau Pinang
 - (ii) Menjalinkan hubungan kerjasama dengan komuniti setempat untuk mengadakan aktiviti-aktiviti mingguan, bulanan dan tahunan
 - (iii) Menjalinkan hubungan kerjasama dengan organisasi Kerajaan, swasta, pertubuhan NGO, Institusi Pengajian Tinggi dan sekolah di sekitar Negeri Pulau Pinang
 - (iv) Membuat penambahbaikan perpustakaan seperti mempelbagaikan kemudahan dan perkhidmatan contohnya Perkhidmatan Maklumat Komuniti (CIS).
 - (v) Merangkaikan semua perpustakaan secara atas talian (online) di mana ahli boleh membuat pinjaman dan pemulangan di semua perpustakaan.
 - (vi) Mengadakan 'outreach services' kepada semua lapisan masyarakat yang tidak berdaya untuk datang ke perpustakaan seperti golongan OKU atau mereka yang berada di hospital atau rumah orang tua.

MPPP ada menyediakan beberapa buah Perpustakaan Komuniti di beberapa buah balai rakyat Majlis seperti berikut:-

- (i) Balai Rakyat Teluk Bahang (Di bawah kendalian Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang)
- (ii) Balai Rakyat Tanjung Bunga
- (iii) Balai Rakyat Padang Tembak
- (iv) Balai Rakyat Batu Lancang
- (v) Balai Rakyat Bayan Baru

Perpustakaan Komuniti ini diurustadbir secara sukarela oleh pelajar-pelajar sekolah yang dikenali sebagai "Student Welfare Council". Jumlah keahlian, pengguna dan peruntukan yang diterima oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

Keahlian Perpustakaan Bagi Tahun 2003 sehingga Ogos 2008

Tahun	Jumlah
2003	175,935 org
2004	197,874 org
2005	219,574 org
2006	242,646 org
2007	263,490 org
2008	285,609 org(sehingga Ogos 2008)

Jumlah Pengguna Perpustakaan Bagi Tahun 2003 sehingga Ogos 2008

Tahun	Jumlah
2003	1,001,042 org
2004	1,098,820 org
2005	1,157,876 org
2006	1,149,363 org
2007	1,220,630 org
2008	909,856 org(sehingga Ogos 2008)

Jumlah Peruntukan Yang Diterima Dari Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 – 2008

Tahun	Jumlah
2003	RM 3,000,000.00
2004	RM 3,000,000.00
2005	RM 3,966,780.00
2006	RM 3,400,000.00
2007	RM 5,435,000.00
2008	RM 5,000,000.00

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- Adakah perpustakaan negeri dilengkapi dengan kemudahan komputer dan internet. Adakah semua perpustakaan telah dijalin sesama untuk memudahkan *inter-library loan*. Adakah perpustakaan negeri dijalin kepada perpustakaan peringkat negara dan boleh menjalankan *inter-library loan*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Perbadanan Perpustakaan Negeri Pulau Pinang menyediakan kemudahan komputer serta internet kepada penggunaannya. Kemudahan ini boleh didapati di setiap pusat perkhidmatan termasuk perpustakaan cawangan, perpustakaan pekan dan perpustakaan desa. Semua pusat perkhidmatan dirangkaikan dengan kemudahan sistem ILMU yang membolehkan pinjaman dan pemulangan dilakukan di mana-mana pusat perkhidmatan dengan menggunakan modul *Circulation*. Modul ini membolehkan pengguna meminjam dan memulangkan bahan-bahan perpustakaan di mana-mana pusat perkhidmatan. Terdapat satu lagi modul dalam sistem ILMU iaitu *Inter Library Loan* membolehkan proses pinjaman antara perpustakaan dapat dijalankan dengan *efisien*.

Perbadanan Perpustakaan Negeri Pulau Pinang merupakan ahli dalam Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) yang dikelolakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia. SPP membenarkan pinjaman bahan dilakukan antara ahli-ahli yang terdiri daripada Badan Berkanun, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Jabatan Kerajaan, NGO dan Swasta. *Inter Library Loan* peringkat antarabangsa boleh dilakukan melalui Pusat Penyelaras Sistem Pembekalan Penerbitan, Perpustakaan Negara Malaysia.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Berapakah jumlah orang yang berjaya dalam permohonan penyerahan dan pemberi milikan semula tanah setakat ini. Nyatakan jumlah kes permohonan dan kejayaan mengikut guna tanah. Berapakah pendapatan baru yang dijanakan untuk Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sehingga Oktober 2008 bagi seluruh Negeri Pulau Pinang sebanyak 86 permohonan telah diterima untuk mendapatkan pegangan bebas bagi tujuan kediaman, manakala sebanyak 11 permohonan telah diterima bagi mendapatkan pegangan 99 tahun bagi tujuan perusahaan. Pecahan permohonan yang diterima mengikut daerah adalah seperti jadual di bawah.

DAERAH	TUJUAN	
	Kediaman (Pegangan Kekal)	Perusahaan (99 Tahun)
Daerah Timur Laut	44	0
Daerah Barat Daya	7	1
Seberang Perai Utara	7	1
Seberang Perai Tengah	28	9
Seberang Perai Selatan	0	0
JUMLAH	86	11

Walau bagaimanapun, tidak ada lagi permohonan tersebut yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Semua permohonan yang diterima masih di peringkat daerah untuk penyediaan Kertas Jawatankuasa Tanah Negeri. Sehubungan itu, tiada pendapatan baru dijanakan untuk Kerajaan Negeri bagi permohonan sebegini.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Adakah kerajaan berhasrat untuk meneruskan "Pemberian Bantuan kepada Golongan Sasar" mengikut Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Peruntukan bagi "Program Pemberian Bantuan Kepada Golongan Sasar" mengikut Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 2008 adalah melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan.

Dasar-Dasar dan pelaksanaannya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Adakah kerajaan berhasrat untuk meneruskan "Pemberian Bantuan kepada Golongan Sasar" mengikut Pekeliling Kewangan Negeri Bil.4 Tahun 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Peruntukan bagi "Program Pemberian Bantuan kepada Golongan Sasar" mengikut Pekeliling Kewangan Negeri Bil.4 Tahun 2008 adalah melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan.

Dasar-dasar dan pelaksanaannya adalah dibawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Apakah peruntukan tahunan untuk PSDC untuk 5 tahun yang lepas. Sila nyatakan secara kasar bagaimana peruntukan tersebut digunakan. Adakah peruntukan lebih akan diberikan untuk melatih tenaga kerja untuk menghadapi cabaran teknologi yang baru.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. PSDC telah berhenti menerima peruntukan tahunan daripada Kerajaan Negeri sejak 1993. Peruntukan yang masih diterima adalah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia dari Kerajaan Persekutuan, hanya untuk pembelian peralatan serta pembinaan bangunan. Segala perbelanjaan operasi PSDC adalah melalui program-program yang dijalankan. Malah, PSDC akan menyediakan bajet tahunan untuk projek-projek *Corporate Social Responsibility* di bawah Kerajaan Negeri seperti BOLD (*Bureau of Learning Difficulties*). Bantuan Kerajaan Negeri kepada PSDC adalah sewaan tanah pada harga nominal. Peruntukan yang dipaparkan sebagai *State Contribution* adalah harga pasaran sewa tanah. Peruntukan di bawah RMKe-8 bagi tempoh 2001-2005 untuk PSDC adalah sebanyak RM1,036,800.00. Manakala di bawah peruntukan RMKe-9 bagi tempoh 2006-2010 berjumlah RM978,000.00 setakat 2006 dan 2007 sahaja.

Daripada jumlah tersebut, peruntukan yang telah digunakan adalah untuk memenuhi kelengkapan dan fasilitet latihan seperti binaan bangunan, tempat *parking* kereta dan sebagainya. Sehingga kini tiada perancangan bagi peruntukan untuk melatih tenaga kerja untuk menghadapi cabaran teknologi yang baru.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Berapakah pelajar yang mengambil kursus di PSDC untuk 5 tahun yang lepas, antaranya berapakah pelajar yang berjaya. Nyatakan kursus-kursus yang diajar di PSDC. Apakah program atau kelas yang paling popular.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Bagi rekod 5 tahun yang lepas, jumlah pelajar yang mengambil kursus di *Penang Skill Development Corporation* (PSDC) adalah seramai 51,999 orang. Daripada jumlah berkenaan didapati tahun 2007 mencatatkan pengambilan seramai 11,383, tahun 2006 seramai 13,396, seterusnya 7,061 pada tahun 2005, 10,991 bagi tahun 2004 dan pada tahun 2003 seramai 9,141. Statistik bagi jumlah pelajar yang berjaya mengikuti latihan yang disediakan adalah seperti berikut:-

Statistik pelajar yang berjaya lulus di PSDC

TAHUN	APPLIED ANGINEERING (CERTIFICATE)		ENGINEERING & IT DIPLOMA	
	BIL PELAJAR	BIL. GRADUAN	BIL. PELAJAR	BIL GRADUAN
2003	126	115	131	82
2004	168	147	97	191
2005	212	191	209	108
2006	186	173	306	108
2007	248	228	288	102
JUMLAH	940	854	1031	591

Program-program Awam 2007

PROGRAMMES	NO. OF PARTICIPANTS	PERCENTAGE (%)
Information Technology	651	33.2
Business Management	212	10.8
Quality / Productivity	70	3.6
INSEP	224	11.4
Telecommunication	35	1.8
Automation Technology	64	3.3
Precision Machining	22	1.1
Technical	33	1.7
Languages	63	3.2
Design & Development	29	1.5
Manufacturing/Process	105	5.3
Global Supplier Programme (GSP)	7	0.4
SME Training Workshop	328	16.7
Team Building	120	6.1
TOTAL	1963	100.0

PSDC menawarkan pelbagai kursus dan latihan termasuklah berkaitan dengan pembinaan kerjaya mahupun untuk orang awam. Senarai dan statistik kursus yang paling popular adalah seperti di bawah:-

Program Kerjaya PSDC 2007

PROGRAMS	NO. OF PARTICIPANTS	PERCENTAGE (%)
Workforce Transformation	2390	69.8
Higher National Diploma in Engineering		
Electronics	267	7.8
Mechatronics	264	7.7
Computer	24	0.7
Telecommunication	7	0.2
Information Technology	5	0.1
Basic Machining (BMC)	74	2.2
Advanced Computer Numerical Control Machining (ACNC)	84	2.5
WTTP - Machining	90	2.6
WTTP - Industrial Electronics	20	0.6
WTTP - Cisco Networking Academy Programme	10	0.3
Chargeman AO	85	2.5
Bachelor of Engineering in Electrical & Electronics	27	0.8

PROGRAMS	NO. OF PARTICIPANTS	PERCENTAGE (%)
Master of Business Administration	25	0.7
Master of Engineering in Microelectronics	20	0.6
Master of Engineering in Photonics	9	0.3
Master of Engineering in Telecommunications	10	0.3
Basic Engineering Course	11	0.3
TOTAL	3422	100.0

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Terangkan Rancangan Tebatan Banjir berjumlah RM900 juta yang diminta oleh Y.A.B. Ketua Menteri kepada Kerajaan Pusat. Antaranya apakah rancangan yang akan dilaksanakan di KADUN Pantai Jerejak. Berapakah peruntukan yang akan di belanja di KADUN Pantai Jerejak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Rancangan Tebatan Banjir (RTB) berjumlah RM900juta adalah seperti berikut:

Projek-projek RMKe-9 berjumlah RM327juta yang sedang dalam pelaksanaan:-

- (1) Projek RTB Bertam, Kepala Batas
- (2) Projek RTB Sungai Perai
- (3) Projek RTB Perbandaran Pulau Pinang
- (4) RTB Sungai Junjong Fasa 1

Projek-projek yang telah dirancang dan memerlukan peruntukan berjumlah RM670juta untuk pelaksanaan:-

- | | | |
|-----|--|---------------|
| (1) | RTB Sungai Pinang Fasa 2 | - RM125juta |
| (2) | RTB Sungai Junjong Fasa 2 | - RM125juta |
| (3) | RTB Sungai Juru dan Kawasan Tadahan (Sungai Juru, Bukit Mertajam, Permatang Rawa, Ara Sungai Rambai) | - RM300juta |
| (4) | RTB Kawasan Cyber City, Bayan Baru | - RM50juta |
| (5) | RTB Seberang Perai Selatan | - RM70 juta |
| | Yang terdiri dari:- | |
| | (i) RTB Bukit Panchor, Byram, Transkrian dan Jawi | - (RM30juta) |
| | (ii) RTB Bukit Tambun, Tanjung Ketupat | - (RM20juta) |
| | (iii) RTB Valdor | - (RM20juta)] |

Bagi KADUN Pantai Jerejak, ia termasuk di dalam projek RTB Kawasan Cyber City yang dianggarkan berjumlah RM50juta.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Senaraikan produk-produk pelancongan yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri yang baru setakat ini. Berapakah perbelanjaan atas produk atau projek pelancongan. Setakat manakah kejayaan produk atau projek dengan berpandukan objektif, *benchmark* dan KPI yang telah ditetapkan terlebih dahulu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri melalui PDC telah menandatangani Perjanjian Jual-Beli tanah seluas 15 ekar di Batu Musang, Utara Batu Kawan dengan Kumpulan Perubatan Farrali Mutiara Sdn. Bhd. pada 27 September 2008 untuk membangunkan hospital dan resort perubatan. Nilai pelaburan bagi projek ini berjumlah RM250,000,000 dan tiada sebarang perbelanjaan dibuat.

Komponen pembangunan adalah seperti berikut:-

- (i) Hospital bertaraf 5 bintang (kapasiti 120 katil) lengkap dengan kolej jururawat (*nursing college*), ladang herba, pusat membeli-belah dan kafeteria dan bilik persidangan.
- (ii) Resort bertaraf 5 bintang dengan bilangan bilik sebanyak 200 unit untuk pesakit dan keluarga, *wellness centre*, *resort apartment* dan masjid.

Projek ini akan memberi manfaat dan membantu memperhebatkan lagi Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk pelancongan perubatan serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk negeri ini.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Berikan angka bilangan pelancong yang melawat ke Pulau Pinang untuk 5 tahun yang lepas. Berapakah bilangan pelancong yang melawat ke Pulau Pinang untuk tahun ini sehingga September 2008. Berapakah sasaran pelancong untuk tahun ini dan tahun depan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Bilangan pelancong yang melawat ke Pulau Pinang untuk 5 tahun lepas adalah seperti lampiran. Bilangan pelancongan yang melawat Pulau Pinang untuk tahun ini sehingga September 2008 adalah seramai 438,493 orang.

LAMPIRAN

JUMLAH KEHADIRAN PELANCONG MENGIKUT NEGARA DARI JANUARI- SEPT BAGI TAHUN 2008.

NEGARA	JUMLAH	%
Singapore	54,024	12.3
Australia	20,502	4.7
New Zealand	1,773	0.4
Canada	3,632	0.8
United Kingdom	18,618	4.2
Hong Kong (British)	553	0.1
Hong Kong (C.I.)	43	0.0
Sri Lanka	448	0.1
Bangladesh	792	0.2
India	19,550	4.5
Brunei Darulsalam	687	0.2
Others Commonwealth Countries	3,564	0.8
United States	17,554	4.0
China	21,135	4.8
Russia	555	0.1
America Latin	1,737	0.4
Arabia Countries	2,400	0.5
Germany	5,970	1.4
France	2,211	0.5
Norway, Sweden, Denmark	2,457	0.6
Belgium, Luxemburg, Netherland	687	0.2
Other West Europe Countries	3,111	0.7
East Europe	1,009	0.2

NEGARA	JUMLAH	%
Philippines	5,268	1.2
Thailand	16,774	3.8
Taiwan	24,272	5.5
Indonesia	170,465	38.9
Pakistan	1,204	0.3
Japan	28,803	6.6
South Korea	5,029	1.1
Others	3,666	0.8
JUMLAH	438,493	100

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Pulau Pinang

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Adakah Kerajaan Negeri merancang membina jalan basikal dan pejalan kaki (*bicycle and pedestrian path*) sepanjang pesisiran pantai dari Tanjung Bungah ke George Town sehingga ke Batu Maung. Adakah PBT mewajibkan pemaju-pemaju sekitar pesisiran pantai membina jalan basikal dan pejalan kaki dalam Permohonan Merancang. Kalau tidak, bolehkah PBT mengambil inisiatif sedemikian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerajaan Negeri telah mengadakan laluan pejalan kaki di kawasan pesisiran pantai dari Tanjung Bunga ke George Town sehingga Batu Maung yang dibangunkan melalui syarat-syarat yang ditetapkan semasa Permohonan Merancang atau semasa Pelan Jalan dan Parit dikemukakan. Laluan pejalan kaki dan *promenade* disediakan sama ada secara terus di tepi pantai atau di tepi jalan yang menyusuri kawasan pantai. Laluan pejalan kaki ini akan diperluaskan secara berperingkat menerusi pembangunan-pembangunan baru atau projek-projek yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Laluan khas untuk basikal tidak disediakan di kawasan pesisiran pantai dari Tanjung Bunga ke George Town sehingga Batu Maung. Penunggang basikal boleh menggunakan jalan-jalan pesisiran pantai dan laluan motosikal yang telah diwujudkan. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menyediakan laluan basikal di kawasan tepi pantai dalam perancangan pembangunan masa hadapan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Terangkan projek Wifi@Penang dengan lebih lanjut. Apakah langkah-langkah perbincangan yang dijalankan antara syarikat Wifi@Penang dengan penduduk setempat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Projek *Wireless@Penang* merupakan antara perancangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kadar penembusan pengguna jalur lebar kepada 50% isi rumah pada penghujung 2010 iaitu selaras dengan sasaran negara. Inisiatif ini juga merupakan salah satu sasaran Kerajaan Negeri untuk meningkatkan daya saing Pulau Pinang serta merapatkan jurang digital di kalangan rakyat Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga berhasrat supaya kemudahan internet dapat disediakan kepada rakyat Pulau Pinang berlandaskan kepada konsep 3A; iaitu *Accessibility*, *Availability* dan *Affordability*.

Hasrat Kerajaan Negeri ini disambut baik oleh pihak syarikat telekomunikasi melalui pelancaran 2 projek utama di Pulau Pinang:

- (a) Penang Free WiFi oleh jalinan kerjasama antara Syarikat REDtone Telecommunications Sdn. Bhd. dan Syarikat Hotgate Technology (M) Sdn. Bhd. dilancarkan pada 18 September 2008.
- (b) WiMAX@Penang oleh Syarikat Packet One (P1) Networks (M) Sdn. Bhd. dilancarkan pada 25 September 2008.

Kedua-dua projek ini merupakan inisiatif pihak swasta dan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat-syarikat terlibat. Bentuk kerjasama Kerajaan Negeri adalah sebagai pemudah cara bagi memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan jayanya. Kerajaan Negeri juga mengambil pendirian terbuka dan sangat mengalu-alukan mana-mana syarikat telekomunikasi rangkaian untuk menyediakan perkhidmatan rangkaian berdasarkan konsep 3A supaya inisiatif *Wireless@Penang* dapat direalisasikan.

Projek Penang Free WiFi akan menawarkan perkhidmatan capaian Internet tanpa wayar (WiFi) secara percuma kepada rakyat Pulau Pinang. Sebanyak 750 *hotspot* akan dipasang secara berfasa dalam tempoh 15 ke 24 bulan di lokasi-lokasi awam di seluruh Pulau Pinang.

Manakala projek WiMAX@Penang lebih fokus dalam menyediakan perkhidmatan capaian internet tanpa wayar melalui teknologi terkini WiMAX yang mempunyai liputan dan kapasiti/*bandwidth* internet yang lebih tinggi. Perkhidmatan berbayar mampu milik ini disasarkan untuk kegunaan aktiviti-aktiviti yang memerlukan *bandwidth* yang tinggi khususnya di kalangan sektor korporat dan komersial.

Di samping itu, projek WiMAX@Penang juga akan menyediakan *hotspot* WiFi di atas rangkaian WiMax untuk capaian rakyat Pulau Pinang secara percuma dan mudah. Projek WiMAX@Penang akan dilaksanakan secara berfasa dalam tempoh 18 ke 24 bulan di lokasi-lokasi yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi di bahagian pulau dan Seberang Perai.

Langkah-langkah perbincangan antara pihak syarikat dengan penduduk setempat akan dirancang selari dengan pelan pelaksanaannya secara berfasa jika diperlukan. Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengatur Forum Awam Wireless@Penang pada 8 November 2008 di Geodesic Dome, KOMTAR. Objektif forum ini adalah untuk memberi maklumat dan penjelasan kepada orang awam mengenai isu-isu *radio frequency radiation* serta *electromagnetic field* (emf).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dan PBT memastikan bangunan warisan di Pulau Pinang dipulihkan dengan cara yang betul. Adakah PBT menerapkan pakar-pakar bangunan warisan ke dalam konsultasi panel dalam PBT. Berapakah saman yang telah dikeluarkan dalam 5 tahun yang lepas ke atas kerja-kerja memulihkan bangunan usang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kerajaan Negeri telah meluluskan Garis Panduan Untuk Kawasan Pemuliharaan dan Bangunan-Bangunan Warisan untuk diguna pakai bagi permohonan cadangan yang melibatkan bangunan warisan sedia ada dan bangunan baru di kawasan warisan. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akan menyemak permohonan yang berkaitan dan memberi ulasan berdasarkan pematuhan garis panduan ini.

Selaras dengan pengiktirafan George Town sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO, Pelan Pengurusan Pemuliharaan Tapak Warisan George Town (Heritage Management Plan) telah menggariskan bahawa satu panel untuk memberi ulasan ke atas permohonan yang melibatkan bangunan/kawasan warisan akan diwujudkan sebagai *Design Review Panel* yang terdiri daripada pakar/konsultan berkaitan warisan.

Mengikut rekod MPPP, sehingga kini sebanyak 152 notis di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 telah dikeluarkan bagi tempoh 5 tahun yang lepas kepada pemilik bangunan, agar pemilik bangunan berkenaan mengambil tindakan untuk membaiki bangunan dan memasang pagar keselamatan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Apakah usaha-usaha kerajaan untuk membanteras jenayah. Adakah Kerajaan Negeri ingin melaksanakan *community policing*. Apakah peruntukan yang akan diberi untuk tujuan tersebut

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (1) Sehingga kini, sebagai usaha mencegah jenayah PDRM Kontinjen Pulau Pinang telah melaksanakan *Community Policing* di kawasan-kawasan berikut :-
- 1.1. IPD Timur Laut
 - 1.1.1. Inisiatif Bandar Selamat Macallum
 - 1.1.2. Inisiatif Bandar Selamat Padang Tembak
 - 1.2. IPD Barat Daya
 - 1.2.1. Inisiatif Bandar Selamat Bayan Baru
 - 1.3. IPD Seberang Perai Utara
 - 1.3.1. Inisiatif Bandar Selamat Bagan
 - 1.4. IPD Seberang Perai Tengah
 - 1.4.1. Inisiatif Bandar Selamat Taman Siakap
 - 1.4.2. Inisiatif Bandar Selamat Bukit Minyak
- (2) Keberkesanan *Community Policing*.
- 2.1. Mendapat kerjasama dengan masyarakat di dalam aktiviti pencegahan jenayah.
 - 2.2. Masyarakat dapat memberi pandangan dan idea dalam usaha-usaha pencegahan jenayah melalui mesyuarat, dialog dan perjumpaan di antara masyarakat, NGO's, badan-badan sukarela dan pihak polis.
 - 2.3. Dapat menurunkan kadar jenayah indeks di sesuatu kawasan dan taman perumahan kerana adanya budaya kerjasama di dalam pencegahan jenayah.
 - 2.4. Memudahkan orang ramai membuat laporan polis dan pihak polis memberi *respond time* yang singkat bagi tindakan *report* tersebut.

- (3) Bagi memperkukuh tindakan ke atas *Community Policing*, 15 buah Balai Polis Komuniti dan 10 buah Pondok Polis Komuniti telah ditubuhkan di seluruh Pulau Pinang dan telah pun beroperasi sepenuhnya mulai 15 Februari 2007.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengeratkan hubungan dengan Kerajaan Pusat untuk menarik pelaburan industri ke Negeri Pulau Pinang. Bagaimanakah investPenang bekerjasama dengan badan persekutuan seperti MIDA, Khazanah dan sebagainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Sememangnya kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah penting dalam usaha untuk menarik pelaburan asing terutamanya semasa perbincangan di peringkat awal dengan para pelabur.

Kejayaan Negeri Pulau Pinang dalam pembangunan sektor perindustrian adalah hasil daripada hubungan yang erat di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sentiasa berusaha untuk meningkatkan hubungan dengan Kerajaan Pusat terutamanya dengan agensi-agensi pusat seperti *Malaysian Industrial Development Authority* (MIDA) dan *Department Of Environment* (DOE).

Sebagai langkah untuk mengeratkan hubungan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat, PDC telah menjemput MIDA untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat dalaman PDC yang melibatkan pembangunan perindustrian seperti *Industrial Development & Allocation Meeting (IDAM)* dan *Industrial Calibration & Collaboration (ICC)*. Mesyuarat IDAM diadakan setiap bulan bagi membincang permohonan-permohonan baru untuk tanah perindustrian dan kilang-kilang siap bina manakala Mesyuarat ICC berperanan untuk membincangkan masalah-masalah yang berkaitan dengan kelicinan perancangan dan pelaksanaan yang melibatkan pelaburan perindustrian.

Selain daripada itu, PDC juga berkerjasama dengan pihak *Northern Corridor Implementation Agency* (NCIA) dalam membangunkan sebuah inkubator di *Penang Science Park*, Bukit Minyak dan kerjasama di bidang lain yang berkaitan dengan pelaburan industri di Pulau Pinang.

<u>DAERAH</u>	<u>Kediaman (Pegangan Kekal)</u>	<u>TUJUAN</u> <u>Perusahaan (99 Tahun)</u>
Daerah Timur Laut	44	0
Daerah Barat Daya	7	1
Seberang Perai Utara	7	1
Seberang Perai Tengah	28	9
Seberang Perai Selatan	0	0
JUMLAH	----- 86 =====	----- 11 =====

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Sejauh manakah kejayaan kerajaan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Halal Hub. Apakah perancangan Kerajaan Negeri. Berapakah peruntukan disediakan untuk menjayakan Halal Hub.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Potensi terhadap permintaan produk serta perkhidmatan halal terus meningkat di peringkat domestik mahupun global. Oleh itu, Pulau Pinang sebagai pusat pembuatan dan perdagangan bertaraf antarabangsa akan merebut peluang ini dengan menjadikan Pulau Pinang sebagai Hab Produk Halal bertaraf antarabangsa.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang berusaha untuk merebut peluang perdagangan halal pada masa ini dan beberapa langkah telah dirangka bagi mencapai matlamat tersebut seperti berikut:-

- (a) Mengenal pasti kawasan perindustrian di Batu Kawan sebagai Halal Park untuk industri baru.
- (b) Mengenal pasti kawasan di Balik Pulau sebagai kawasan pelancongan dan pelancongan kesihatan (Health Tourism) berkonsep halal antarabangsa.
- (c) Menubuhkan *taskforce* yang dianggotai oleh:
 - (i) Persatuan Produk Halal Pulau Pinang (Halal Penang);
 - (ii) Konsortium Syarikat Logistik Halal (Halal Logistik);

- (iii) Penang Joint Chambers Corporation;
 - (iv) SMI / SME;
 - (v) Matta;
 - (vi) Penang Tourism Corporation;
 - (vii) Invest Penang; dan
 - (viii) Wakil Halal Industry Development Corporation (HDC).
- (d) Mengumpul dan mendaftarkan semua pengeluar produk halal, perkhidmatan dan logistik industri halal sedia ada.
 - (e) Mempromosi Pulau Pinang sebagai hab halal dunia dan menjemput pelabur antarabangsa untuk melabur di sini dalam bidang pengeluaran, perkhidmatan, logistik dan lain-lain.
 - (f) Menyediakan pemasaran produk halal di dalam dan luar negeri.
 - (g) Bekerjasama dengan pengusaha produk halal dari selatan Thailand.
 - (h) Bekerjasama dengan penguasa produk halal dari utara Sumatera dan Aceh.

Selain itu, pelbagai usaha telah diambil oleh Y.B. Pengerusi Jawatankuasa MMK Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi menjayakan rancangan Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai Hab Halal Antarabangsa. Antaranya ialah dengan mengadakan lawatan ke Dubai, Riyadh dan Jeddah. Hasil daripada lawatan tersebut mendapati terdapat beberapa kumpulan syarikat besar seperti dewan-dewan perniagaan di Dubai dan Riyadh serta bank-bank komersial telah menunjukkan minat terhadap inisiatif Kerajaan Negeri ini. Buat permulaan beberapa syarikat besar dan sederhana akan mula mengunjungi Pulau Pinang bagi meneruskan perbincangan mengenai beberapa projek.

Hasil daripada lawatan tersebut juga telah memperluaskan jaringan pengetahuan dan hubungan kerjasama di antara Negeri Pulau Pinang dan negara-negara di Timur Tengah dalam pelbagai sektor seperti berikut:

- (a) Beberapa buah rangkaian hotel berkonsepkan halal dari Dubai telah bersetuju bagi membincangkan mengenai pengurusan hotel di Pulau Pinang.
- (b) Perbincangan awal juga telah diadakan bagi mengadakan penerbangan terus dari Timur Tengah ke Pulau Pinang.
- (c) Sebuah kumpulan syarikat juga berminat dalam industri penternakan lembu dan kambing serta pemprosesan daging halal.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa MMK Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga bercadang untuk mewujudkan Penang Halal Fund. Selain itu, Seminar Pembangunan Industri Halal Pulau Pinang akan diadakan pada penghujung November 2008 dengan kerjasama HDC dan Dewan Perdagangan Islam Malaysia serta Seminar Promosi Berteraskan Hab Halal Antarabangsa akan diadakan pada penghujung Januari 2009 melibatkan penyertaan bakal-bakal pelabur yang berminat untuk melabur di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, peruntukan bagi pembangunan hab halal di Pulau Pinang masih belum disediakan.

XV. Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 1. Berapa kali Jabatan Kesihatan dan MPPP menyembur semburan menentang penyakit denggi di kawasan Batu Uban khususnya Sungai Dua, Taman Hamna, Taman Pekaka, Kampung Belacan, Bukit Gambir, Bukit Jambul dan Lip Sin. Berapa ramaikah kes-kes yang dilapur.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 1. Sehingga bulan September 2008, sebanyak 136 kes demam denggi telah dilaporkan daripada kawasan-kawasan di atas. Sebanyak 142 kali semburan thermal dan 165 kali semburan ULV ultralight volume (ULV) telah dijalankan di kawasan-kawasan tersebut. Taburan kes dan aktiviti semburan adalah seperti di Lampiran.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Jalan 3 dan Jalan 7, Minden Heights sejak 15 tahun kebelakangan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kawasan ini terletak dalam kawasan tadahan Sungai Gelugor. Sistem perparitan sedia ada merangkumi jaringan parit tepi jalan yang akhirnya akan mengalir ke Sungai Gelugor yang bersempadan dengan Kem Askar Batu Uban.

Keadaan muka bumi di kawasan ini beralun-alun. Sejak kebelakangan ini, kawasan yang rendah di Minden Heights telah dilanda banjir.

Masalah banjir kilat di kawasan tersebut berlaku disebabkan oleh parit konkrit sedia ada tidak dapat menampung kuantiti air yang banyak semasa hujan lebat. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menaik taraf longkang di kawasan tersebut secara berperingkat memandangkan kos yang besar diperlukan untuk menaik taraf keseluruhan longkang. Walau bagaimanapun kerja-kerja pembersihan sampah dan pasir yang mendap di dalam longkang juga perlu dijalankan supaya aliran air tidak tersekat. Kerja-kerja pembersihan ini akan diuruskan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah projek-projek Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan golongan pendapatan rendah dan juga golongan nelayan-nelayan yang hilang mata pencarian akibat pembangunan pesat di kawasan tepi pantai khususnya penduduk di Kampung Batu Uban, di persekitaran garis pantai Seri Delima, Batu Uban, Pantai Jerejak dan Batu Maung.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri akan melaksanakan program dan projek yang bersesuaian dari semasa ke semasa bagi membantu meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah dan juga nelayan yang hilang mata pencarian di Negeri Pulau Pinang.

Pada masa sekarang, antara usaha yang dilaksanakan untuk membantu golongan ini ialah:

- (i) Menyediakan bantuan kursus dan latihan kemahiran;
- (ii) Menyediakan bantuan kewangan untuk memulakan perniagaan;
- (iii) Menyediakan kawasan untuk tujuan perniagaan;

- (iv) Membaik pulih dan menaik taraf infrastruktur awam seperti gerai dan klinik kerajaan;
- (v) Menyediakan kemudahan jeti nelayan di Jelutong, Batu Uban dan Kuala Sungai Pinang;
- (vi) Melaksanakan projek pemasaran ikan di Batu Uban, Sungai Pinang dan Gelugor;
- (vii) Memperkasakan unit-unit nelayan di Jerejak, Batu Uban, Gelugor, Jelutong dan Sungai Pinang melalui program yang bersesuaian; dan
- (viii) Memberi bantuan kewangan, subsidi dan insentif kepada golongan yang layak.

XVI. Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Eksport hasil laut dari negara ini termasuk dari Negeri Pulau Pinang telah diharamkan ke Negara-negara EU.
 - (a) Bagaimanakah kedudukannya sekarang.
 - (b) Berapakah kerugian yang ditanggung oleh pengusaha-pengusaha makanan laut ini.
 - (c) Berapa ramaikah yang telah dibuang kerja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah ditugaskan untuk memberi khidmat nasihat kepada pengusaha dan pengeksport hasil produk makanan laut ke negara-negara EU bagi memastikan piawaian yang ditetapkan oleh negara-negara tersebut dipatuhi.

Sehingga kini, hanya sebuah kilang pemprosesan hasil produk makanan laut sahaja telah di senarai pendek oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk dibuat pemeriksaan semula oleh pihak EU. Tarikh pemeriksaan tersebut belum lagi diperolehi daripada pihak EU.

Operasi pemprosesan hasil produk makanan laut di kilang-kilang lain pula akan dipantau dan dibuat pemeriksaan dari semasa ke semasa oleh jabatan terbabit sebelum pihak kementerian membuat permohonan kepada pihak EU untuk pemeriksaan semula;

- (b) Jumlah kerugian sebenar yang ditanggung oleh pengusaha terbabit belum lagi diperolehi. Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengambil inisiatif menyediakan *soft loan* kepada 46 syarikat yang dahulunya mempunyai nombor EU. Jumlah *soft loan* yang telah diperuntukkan adalah sebanyak RM10 juta bagi membantu syarikat-syarikat yang menghadapi masalah *cash flow* yang disalurkan melalui Agro Bank; dan
- (c) Setakat ini, kerajaan belum menerima maklumat mengenai pembuangan pekerja oleh syarikat yang terlibat. Hasil pemerhatian menunjukkan produk yang dikeluarkan masih mempunyai pasaran ke negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Jepun dan China termasuk pasaran domestik.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 2. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap pendatang tanpa izin yang telah dijanjikan dalam Sidang Dewan yang lalu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 2. Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melancarkan operasi tersebut yang melibatkan semua cawangan dan formasi-formasi KDN/KA seperti PGA, PSP dan Marin dalam usaha untuk mengurangkan kadar jenayah di Pulau Pinang terutama yang melibatkan jenayah yang dilakukan oleh Pendatang Tanpa Izin.

Operasi seperti 'OPS RANTAU' dan lain-lain operasi pencegahan jenayah yang dilancarkan oleh PDRM dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun.

Di samping operasi-operasi tersebut, PDRM juga turut membantu agensi-agensi tertentu seperti RELA dan Imigresen dalam 'OPS TEGAS'.

Operasi seperti 'OPS NYAH II' juga dilancarkan secara berterusan oleh PGA bagi membanteras Pendatang Tanpa Izin yang memasuki negara ini.

Pihak PDRM juga turut mengadakan operasi-operasi mencegah jenayah semasa musim-musim perayaan bagi membendung aktiviti jenayah oleh Pendatang Tanpa Izin.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Y.A.B. Ketua Menteri telah berjanji akan menghapuskan kemiskinan tegar di negeri ini dalam tahun 2008 dalam Sidang Dewan Julai lalu. Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan berapa ramai lagikah jumlah miskin tegar yang terdapat di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mensasarkan miskin tegar sifar bagi tempoh satu tahun sehingga Mac 2009. Tindakan secara holistik telah diambil bagi memastikan sasaran ini tercapai. Miskin tegar terbahagi kepada dua golongan iaitu produktif dan tidak produktif. Miskin tegar produktif adalah golongan yang boleh diberi bantuan untuk dibantu mengubah nasib seperti aktiviti-aktiviti bagi menambah pendapatan supaya golongan ini dapat dikeluarkan dari senarai miskin tegar. Golongan miskin tegar tidak produktif adalah jauh berbeza kerana yang hanya mengharapkan bantuan semata-mata kerana tidak berupaya untuk menguruskan diri sendiri seperti uzur atau hilang upaya. Di Pulau Pinang, terdapat 324 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar yang disenaraikan dan daripada jumlah tersebut seramai 133 orang adalah produktif dan 191 orang tidak produktif.

Di antara langkah awal yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan melibatkan pelbagai agensi dalam setiap perancangan yang dibuat. Setiap agensi mempunyai peranan dan fungsi masing-masing. Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Pusat Urus Zakat (PUZ), Pejabat-pejabat Daerah, Agensi-agensi kerajaan yang lain dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan merupakan tulang belakang dan tonggak kepada pembasmian kemiskinan tegar ini. Di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah, misalnya langkah-langkah pembasmian ini dilakukan dari peringkat akar umbi di mana ia dibahagi kepada beberapa peringkat iaitu :

- (a) Peringkat 1 - Siasatan dan pengumpulan maklumat berhubung kes-kes kemiskinan sedia ada serta yang baru dilaporkan. Peringkat ini akan dilakukan dengan kaedah bancian ataupun kajian oleh penghulu-penghulu tempatan. Di peringkat ini, kriteria tertentu seperti umur, tahap kesihatan, status perkahwinan, tahap pendidikan dan sebagainya dikenal pasti.
- (b) Peringkat 2 - Pembentangan kepada Jawatankuasa untuk pengesahan dan perakuan sama ada sesebuah keluarga tersebut layak untuk di kategorikan sebagai keluarga miskin tegar ataupun tidak.
- (c) Peringkat 3 - Perbincangan dan keputusan Jawatankuasa berhubung tindakan yang perlu diambil dan jenis bantuan yang layak diberikan kepada keluarga miskin tegar dan kesesuaiannya berdasarkan kepada keperluan.

- (d) Peringkat 4 - Pemantauan kepada keberkesanan tindakan dan bantuan yang diberikan secara bulanan bagi sesuatu tempoh yang berpatutan.
- (e) Peringkat 5 - Pengesahan dan perakuan Jawatankuasa kepada keluarga yang berjaya keluar daripada kepompong miskin tegar setelah dibantu.

Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menjalankan siasatan terperinci terhadap setiap permohonan. Permohonan-permohonan untuk bantuan biasanya melalui rujukan awam, JKJK, pemimpin-pemimpin masyarakat dan NGO. Selain itu JKM juga turut membuka kaunter-kaunter pendaftaran termasuk di tempat awam seperti pasar, perkarangan masjid dan dewan orang ramai bagi memudahkan orang ramai mendaftar dan mendapatkan khidmat yang disediakan. Program seumpama ini disusun secara berjadual dan permohonan disalurkan melalui JKJK dan ADUN setiap kawasan. Bantuan-bantuan bulanan turut disalurkan kepada senarai layak.

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIPP) melalui anak syarikatnya PUZ telah melaksanakan pelbagai bentuk program agihan bagi membangunkan masyarakat Islam di Negeri Pulau Pinang. Bagi melaksanakan tanggungjawab ini, PUZ telah menyediakan pelbagai bentuk skim bantuan kepada golongan sasaran.

Kerajaan Negeri juga sedang merangka satu bentuk bantuan segera untuk diberikan kepada golongan miskin tegar. Usaha ini melibatkan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang berminat untuk memberi sumbangan bagi membantu golongan miskin tegar untuk keluar dari kepompong tersebut. Bantuan ini boleh berbentuk *in-cash* atau *in-kind* berdasarkan kepada keperluan golongan sasaran. Perjanjian secara rasmi juga akan dimeterai antara Kerajaan Negeri dan pertubuhan-pertubuhan ini sebagai komitmen penuh semua pihak dalam mencapai sasaran kerajaan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 4. Sejauh manakah Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Juru telah dibangunkan. Berapa ramai pengusaha-pengusaha telah mengusahakan kegiatan mereka di situ dan berapa banyakkah peruntukan yang telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 4. Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Negeri Pulau Pinang adalah berbeza daripada TKPM negeri lain di mana ia menggabungkan 3 sub sektor pertanian iaitu tanaman, penternakan dan perikanan. Bagi subsektor tanaman, projek yang dirancang untuk dibangunkan adalah tanaman nanas. Pemilihan tanaman nanas adalah berdasarkan kajian kesesuaian tanah yang dijalankan oleh Cawangan Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah, Jabatan Pertanian

Negeri. Dalam hal ini, kerja-kerja pembajakan dan penyediaan tapak sedang dilaksanakan oleh pengusaha terlibat bermula pada 15 Julai 2008. Kerja-kerja penanaman nenas akan dilaksanakan selepas kerja-kerja penyediaan tapak selesai.

Bagi subsektor akuakultur (perikanan), Kerajaan Negeri sedang meneliti cadangan projek penternakan udang yang dikemukakan oleh 2 orang calon pengusaha selepas pembentangan tapisan akhir dibuat pada 25 September 2008. Bagi subsektor penternakan pula, Kerajaan Negeri bercadang untuk menawarkan tapak untuk projek penternakan ayam baka daging dan sehingga kini sebanyak 2 syarikat telah mengemukakan kertas kerja cadangan projek pembangunan.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak memperuntukkan sebarang peruntukan untuk pembangunan TKPM. Pengusaha yang terpilih perlu mengeluarkan peruntukan untuk projek pembangunan tapak masing-masing. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan sekiranya terdapat keperluan peruntukan untuk pembangunan TKPM.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Bandar Raya George Town telah diisytiharkan sebagai salah sebuah Tapak Warisan Dunia baru-baru ini.
 - (a) Sila senaraikan langkah-langkah yang telah diambil bagi mewajarkan pilihan itu.
 - (b) Berapa banyakkah peruntukan negeri yang telah dibelanjakan untuk ini.
 - (c) Apakah risiko-risiko yang akan ditanggung dan ancaman-ancaman yang akan dihadapi di kemudian hari.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (l) Untuk menjayakan pemilihan Bandaraya George Town sebagai Tapak Warisan Dunia, Kerajaan Negeri telah menggunakan dua jenis tindakan iaitu tindakan statutori dan tindakan bukan statutori.
 - (1) Tindakan statutori.
 - (a) Tindakan yang berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Pemuliharaan yang merupakan sebahagian daripada *dossier* pencalonan. Perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan perlulah dipatuhi kerana ia akan dijadikan asas rujukan kepada pihak UNESCO semasa membuat penilaian berkala

(*periodic assessment*). Pelan Pengurusan Pemuliharaan juga adalah sebagai satu mekanisme untuk mengurus dan memulihara nilai kawasan yang dicalonkan. Di antara perkara penting yang digariskan oleh Pelan Pengurusan adalah seperti berikut:

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Warisan;
- (ii) Penubuhan Pejabat Warisan Dunia (*World Heritage Office*) peringkat Negeri Pulau Pinang;
- (iii) Menubuhkan *State Heritage Fund*;
- (iv) Penubuhan Jabatan Warisan di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP); dan
- (v) Menubuhkan *Technical Review Panel* di peringkat MPPP.

Tatacara penubuhan, skop, tanggungjawab dan keahlian ada dinyatakan di Pelan Pengurusan Pemuliharaan.

- (b) Memastikan Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 mengambil kira perkara-perkara yang ditetapkan oleh *dossier* dan Pelan Pengurusan Pemuliharaan

(2) Tindakan bukan statutori

- (a) Menyediakan dokumen seperti kandungan *dossier* untuk bacaan umum oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pencalonan ini supaya apa-apa tindakan yang diambil tidak terkeluar daripada ciri-ciri pencalonan yang telah diluluskan;
- (b) Mengadakan beberapa siri dialog dengan pihak berkepentingan bagi memudahkan pelaksanaan Pelan Pengurusan Pemuliharaan; dan
- (c) Mengadakan publisiti meluas di dalam dan luar negara.

(II) Negeri Pulau Pinang telah membelanjakan sejumlah RM500,000.00 untuk pencalonan Pulau Pinang sebagai Tapak Warisan Dunia.

(III) Risiko yang bakal ditanggung oleh Kerajaan Negeri ialah penyenaaran akan ditarik balik sekiranya Pulau Pinang tidak mematuhi Pelan Pengurusan Pemuliharaan dan membiarkan pembangunan tidak terkawal (tekanan pembangunan) sehingga nilai *outstanding universal value* tidak dipelihara, tekanan pelancongan, lalu lintas dan risiko bencana alam.

XVII. Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Keadaan pengurusan kebersihan dan kutipan sampah di kawasan Seberang Perai termasuk bekalan tong-tong sampah amat mengecewakan. Apakah rancangan MPSP untuk mengatasinya dengan kadar segera.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Rancangan MPSP untuk meningkatkan pengurusan kebersihan dan kutipan sampah kawasan Seberang Perai yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:-
 - (i) meningkatkan pemantauan dan mengubah sistem pemantauan mengikut KADUN;
 - (ii) memperkenalkan *Demerit System*; dan
 - (iii) memperkenalkan sistem aduan dan jawapan melalui sms bagi sistem pengurusan yang cepat.

Jika perkhidmatan kontraktor kurang atau tidak memuaskan mengikut kontrak, MPSP akan mengambil tindakan seperti berikut:-

- (i) Mengeluarkan surat teguran kepada kontraktor;
- (ii) Mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada kontraktor;
- (iii) Pemojangan bayaran kepada kontraktor mengikut penalti/denda dalam perjanjian; dan
- (iv) Mengambil tindakan susulan untuk menamatkan kontrak.

Selain itu, pembekalan tong sampah sedang dilaksanakan secara berperingkat.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk penyelenggaraan dewan-dewan orang ramai dalam negeri ini dan agensi manakah yang dipertanggungjawabkan untuk tugas ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM170,000 pada tahun 2007 dan RM220,000 pada tahun 2008 untuk tujuan penyelenggaraan 10 buah balai rakyat kepunyaan MPPP.

Di samping itu, sebanyak RM600,000 dibelanjakan pada tahun 2008 untuk penyelenggaraan dewan kepunyaan MPSP. Ini tidak termasuk penyelenggaraan Dewan Milenium dan Stadium Batu Kawan. Tugas penyelenggaraan dewan-dewan orang ramai adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berapakah peruntukan untuk bantuan sekolah-sekolah berikut untuk tahun 2008 dan 2009.
 - (a) Sekolah Agama Rakyat.
 - (b) Sekolah Jenis Kebangsaan (C).
 - (c) Sekolah Jenis Kebangsaan (T).

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyalurkan bantuan peruntukan menerusi peruntukan bantuan modal dan juga peruntukan ubahsuai dan naik taraf

Tahun 2008

- | | | |
|-----|--------------------------------|------------------|
| (a) | Sekolah Agama Bantuan Kerajaan | - RM650,00.00 |
| (b) | Sekolah Jenis Kebangsaan Cina | - RM1,407,246.00 |
| (c) | Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil | - RM230,878.00 |

Namun demikian, peruntukan bagi tahun 2009 masih belum disalurkan.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah dasar Kerajaan Negeri berkenaan dengan pengusaha-pengusaha pasar malam dan Pasar Ramadhan. Kenapakah permohonan lesen oleh pengusaha yang telah lama wujud dan telah lama menjalankan aktiviti mereka tidak disambung dan lesen-lesen diberi kepada pihak lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri mempunyai dasar khas mengenai pengeluaran lesen kepada pengusaha pasar malam dan Pasar Ramadhan di mana semua lesen penganjuran pasar tersebut akan dikeluarkan mengikut keutamaan seperti berikut:

- (i) JKKK(N) yang dilantik oleh Kerajaan Negeri;
- (ii) Persatuan Penduduk;
- (iii) Rukun Tetangga / NGO; dan
- (iv) Masjid / Surau

Lesen pasar malam yang dikeluarkan oleh kerajaan dahulu kepada JKKK(P) dan mana-mana parti politik telah dibatalkan. Di masa akan datang lesen-lesen baru hanya dikeluarkan kepada pemohon berdasarkan keutamaan seperti di atas.

MPPP hanya membenarkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) ataupun Persatuan Penduduk untuk menganjur pasar malam.

MPPP juga sedang meneliti kesesuaian tapak/lokasi pasar malam dan pasar Ramadhan yang sedia ada. Untuk lokasi yang didapati tidak lagi sesuai ataupun bagi kawasan yang telah pun dinaiktarafkan oleh pihak MPPP, maka pihaknya tidak lagi akan membenarkan aktiviti sedemikian.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam sektor-sektor perniagaan. Berapakah jumlah dan ekuiti berikut mengikut bangsa (Melayu, Cina dan India).
 - (a) Lesen Perniagaan
 - (b) Gerai MPSP
 - (c) Gerai MPPP

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5. (1) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap peningkatan taraf hidup Bumiputera Pulau Pinang terutamanya dalam bidang perniagaan. Untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam sektor-sektor perniagaan, Kerajaan Negeri melalui PDC telah membuat perancangan seperti berikut;
 - (a) Penyediaan premis perniagaan seperti ruang niaga, gerai untuk peniaga kecil dan unit-unit kilang siap bina Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Unit-unit kilang IKS ini ditawarkan secara jualan, sewaan dan skim sewa beli untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam sektor perniagaan yang berpotensi;

- (b) Pewujudan peluang perniagaan melalui peruntukan kerja kontrak pembinaan bangunan, infrastruktur, pembekalan, pengedaran dan perkhidmatan melalui proses tender;
 - (c) Promosi produk usahawan melalui program bersama seperti penganjuran Ekspo Usahawan Bumiputera, *Showcase* Usahawan dan Pameran Perdagangan bagi membolehkan usahawan Bumiputera membina jaringan perniagaan, memperluaskan pasaran produk dan mewujudkan peluang perniagaan kepada usahawan baru;
 - (d) Pelaksanaan program Pembudayaan dan Latihan Keusahawanan yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan serta membantu mereka untuk memaju dan mengembangkan perniagaan di samping memupuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar supaya mereka dapat menjadi usahawan di masa hadapan.
- (2) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah menyediakan ruang niaga sebanyak 1,593 buah kompleks penjaja, 3,077 buah pasar dan 2,688 tapak penjaja sebagai usaha untuk membantu perusahaan. Jumlah pengisian ruang niaga tersebut sehingga 30 September 2008 adalah seperti Jadual 1 di Lampiran A.
- (3) Bagi kawasan Seberang Perai, jumlah Lesen Premis yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengikut kaum adalah seperti Jadual 2 di Lampiran A.
- Jumlah pengisian ruang niaga MPSP mengikut kaum adalah seperti Jadual 3 di Lampiran A.
- (4) Jumlah lesen bas dan teksi yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Wilayah Utara mengikut kaum adalah seperti Jadual 4 di Lampiran A.
- (5) Bagi lesen agensi pelancongan pula, Pejabat Pelesenan Wilayah Utara, Kementerian Pelancongan Malaysia telah mengeluarkan sebanyak 9 lesen kepada syarikat Bumiputera dan 16 lesen kepada syarikat bukan Bumiputera bagi tahun 2007 dan 2008. Bagi agensi pelancongan di bawah Rancangan Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H), sebanyak 1 lesen dikeluarkan kepada syarikat Bumiputera dan 17 lesen kepada syarikat bukan Bumiputera seperti dalam Jadual 5 di Lampiran A.
- (6) Bilangan lesen ternakan ikan dalam sangkar yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang mengikut pecahan kaum sehingga tahun 2007 adalah seperti Jadual 6 di Lampiran A.

LAMPIRAN A

Jadual 1: JUMLAH PENGISIAN RUANG NIAGA TERSEBUT SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2008

JENIS RUANG NIAGA	PENGISIAN				JUMLAH KOSONG
	JUMLAH	MELAYU	CINA	INDIA	
Kompleks Penjaja	1,112	454	593	65	481
Pasar Awam	2,323	425	1,759	143	750
Tapak Penjaja	2,171	363	1,725	83	517
JUMLAH KESELURUHAN	5,606	1,242	4,077	291	1,748

Jadual 2: LESEN PREMIS YANG DILULUSKAN OLEH MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI (MPSP) MENGIKUT KAUM

JENIS LESEN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
Lesen Am	1,538	7,109	737	73
Lesen Industri	88	922	56	18
JUMLAH	1,626	8,031	793	91

Jadual 3: JUMLAH PENGISIAN RUANG NIAGA MPSP MENGIKUT KAUM

DAERAH	MELAYU		CINA		INDIA	
	KOMPLEKS	PASAR	KOMPLEKS	PASAR	KOMPLEKS	PASAR
SPU	337	350	248	489	18	223
SPT	350	243	246	1204	33	65
SPS	32	113	53	476	10	66
JUMLAH	719	706	547	2169	61	354

Jadual 4 : JUMLAH LESEN BAS DAN TEKSI YANG TELAH DIKELUARKAN OLEH LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) WILAYAH UTARA MENGIKUT BANGSA SEHINGGA TAHUN 2008

BANGSA	MELAYU	CINA	INDIA
LESEN TEKSI	1,357	108	30
LESEN BAS	1,370	1,583	22
JUMLAH	2,727	1,691	52

Jadual 5 : JUMLAH LESEN AGENSI PELANCONGAN DAN AGENSI PELANCONGAN (MM2H) YANG DILULUSKAN BAGI TAHUN 2007 DAN 2008 DI NEGERI PULAU PINANG

Tahun	Agensi Pelancongan	Bumiputera	Bukan Bumiputera
2007	15 syarikat	6	9
2008	10 syarikat	3	7

Tahun	Agensi Pelancongan (MM2H)	Bumiputera	Bukan Bumiputera
2007	11 syarikat	1	10
2008	7 syarikat	-	7

Jadual 6 : **BILANGAN LESEN TERNAKAN IKAN DALAM SANGKAR YANG JABATAN PERIKANAN NEGERI PULAU PINANG MENGIKUT PECAHAN BANGSA SEHINGGA TAHUN 2007**

DAERAH	BILANGAN PENTERNAK BERLESEN				
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
SPU	0	0	0	0	0
SPT	0	0	0	0	0
SPS	2	117	0	0	119
TL	6	10	0	0	16
BD	0	24	0	0	24
JUMLAH	8	151	0	0	159

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berapakah peruntukan dan jumlah bantuan-bantuan yang telah diberi kepada NGO wanita di Negeri Pulau Pinang. Sila senaraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Peruntukan yang disalurkan kepada MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti ditumpukan kepada pelaksanaan program Pusat Perkhidmatan Wanita di Seberang Perai dan Pusat Jagaan Kanak-kanak di Padang Tembak, Air Itam. Peruntukan untuk menubuhkan dan menjayakan kedua-dua program ini akan dikendalikan oleh beberapa NGP Wanita seperti *Women Centre for Change (WCC)* untuk Pusat Perkhidmatan Wanita, *National Council of Women's Organization (NCWO)* dan Jemaah Islah Malaysia Pulau Pinang (JIM) untuk Pusat Jagaan Kanak-kanak.

Peruntukan lain yang terlibat adalah berjumlah RM72,410.00 untuk melaksanakan program pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berapa kalikah Lembaga Pengarah PDC bermesyuarat untuk tahun 2008. Sila Nyatakan tarikhnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Setakat ini, Lembaga Pengarah PDC telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali, iaitu pada 17 Julai 2008, 20 Ogos 2008 dan 20 Oktober, 2008.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah rancangan Majlis Sukan Negeri untuk meningkatkan prestasi Pasukan Negeri Pulau Pinang dalam sukan negara.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Dalam meningkatkan prestasi sukan bagi Negeri Pulau Pinang, sememangnya Majlis Sukan Negeri (MSN) mempunyai agenda serta rancangannya tersendiri seperti berikut :

(a) Talent ID

Program ini merupakan kerjasama di antara Majlis Sukan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri dan Persatuan dalam mengenal pasti bakat-bakat baru di kalangan pelajar-pelajar sekolah yang berumur 17 tahun ke bawah yang mempunyai bakat besar untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

(b) Unit Sukan Prestasi Tinggi (USPT) (PELAPIS)

PELAPIS merupakan satu program anjuran Majlis Sukan Negara Malaysia dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dalam penyediaan program dan tempat latihan yang teratur selain menghantar ke pertandingan yang terpilih bagi mengukur tahap prestasi sesama atlet. Di bawah program PELAPIS negeri ini juga telah mewujudkan satu akademi serantau yang mana ia mengumpul atlet-atlet remaja terbaik di negeri ini dan dihantar menjalani latihan di bawah pemantauan jurulatih negara bagi dijadikan PELAPIS atlet yang akan mewakili negara.

(c) Pertandingan Pendedahan/Sirkit Kebangsaan/Kejohanan Kebangsaan

MSNPP dari masa ke semasa menghantar atlet dan pasukan-pasukan untuk bertanding bagi memberi pendedahan kepada atlet dalam memikul cabaran negeri dalam pelbagai kejohanan besar terutamanya Sukan Malaysia (SUKMA).

- (d) Mengambil Jurulatih Import/Tempatan yang Bertauliah

MSN mengamalkan dasar yang ditetapkan dan Majlis Sukan Negara Malaysia dalam memastikan para atlet mendapat latihan terbaik di bawah kendalian jurulatih bertauliah. MSNPP telah menetapkan semua jurulatih negeri perlu mempunyai Sijil Sains Sukan sekurang-kurangnya Tahap 1 dan Sijil Spesifik sukan masing-masing bagi menjamin kualiti latihan.

- (e) Menambah Bilangan Jurulatih Tempatan

MSN dari masa ke semasa berusaha menambah bilangan jurulatih tempatan tetapi akan memastikan kelayakan mereka mencapai tahap yang ditetapkan. Jurulatih tempatan yang telah sedia ada juga akan dihantar menjalani kursus-kursus berkenaan selain MSN sendiri akan menambahkan bilangan penganjuran kursus untuk jurulatih. Semua usaha ini merupakan langkah terbaik menambah bilangan jurulatih tempatan bertauliah dan mengurangkan jumlah jurulatih luar negara.

- (f) Penerapan Aspek Sains Sukan

Dalam menghadapi tuntutan sukan yang semakin mencabar, MSN telah mula menerapkan aspek Sains Sukan di dalam program latihan harian atlet dengan wujudnya Pusat Satelit ISN Cawangan Pulau Pinang. Bantuan para pegawai ISN ini sememangnya banyak membantu dan diharapkan pada kejohanan SUKMA XIII 2010 Melaka nanti ianya dapat dibuktikan.

- (g) Pengiktirafan Atlet

MSN tidak pernah melupakan sumbangan para individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam bidang sukan seperti Persatuan Sukan, jurulatih dan terutama para atlet. Oleh yang demikian setiap tahun akan diadakan Majlis Anugerah Sukan bertujuan bagi menyampaikan pengiktirafan dalam bentuk insentif sebagai perangsang kepada mereka yang berjasa untuk lebih berjaya dan meningkat maju.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru telah menambah kemudahan-kemudahan riadah dan sukan untuk rakyat di Negeri Pulau Pinang terutama di sebelah Seberang Perai. Sila senaraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Antara kemudahan riadah dan sukan untuk rakyat Pulau Pinang yang telah dirancangan termasuk:-

- (i) Projek rekreasi '*Vision Park*' yang terletak di Kepala Batas dengan keluasan lebih kurang 100 ekar. Projek dijangka akan bermula pada tahun 2009 tertakluk peruntukan daripada Jabatan Landskap Negara. Antara kemudahan yang dirancang ialah:-
- (a) Tempat letak kenderaan;
 - (b) Jeti;
 - (c) Jambatan;
 - (d) *Decking*;
 - (e) Medan selera;
 - (f) Plaza;
 - (g) *Seating area*;
 - (h) Kawasan berkelah;
 - (i) *Amphitheater*;
 - (j) Taman Permainan kanak-kanak;
 - (k) Pulau;
 - (l) Restoran dan gerai;
 - (m) *Marsh land*; dan
 - (n) Zon remaja.
- (ii) Projek Tebatan Banjir Sungai Perai dirancang oleh JPS di mana kawasan tebing Sungai Perai akan dimajukan sebagai kawasan rekreasi dan *eco-wetland*. Antara kemudahan yang dirancang ialah:-
- (a) *Mangrove and nipah forest /nurseries*;
 - (b) *Info gallery*;
 - (c) *Elevated boardwalks - wetland*; dan
 - (d) *Low impact recreational activities*.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Bilakah rancangan untuk mengadakan feri khas untuk penumpang oleh Penang Port Sdn. Bhd. akan dilaksanakan. Berapakah tambang feri tersebut yang dicadangkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) akan meneruskan perkhidmatan feri seperti sedia kala dan cadangan penggunaan catamaran untuk penumpang sedang dikaji dan masih dalam peringkat perancangan.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Pulau Aman dan Pulau Jerejak amat sesuai dimajukan sebagai pusat pelancongan. Adakah Negeri Pulau Pinang akan menambah kemudahan dan produk-produk pelancongan dan membantu mempromosikannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menjadikan Pulau Aman dan Pulau Jerejak sebagai destinasi pelancongan dengan mempertingkatkan lagi kemudahan dan produk-produk pelancongan yang terdapat di kedua-dua buah pulau tersebut. Jeti Penumpang Batu Musang di Batu Kawan telah siap dibina dan kini telah pun beroperasi untuk kegunaan pelancong serta penduduk tempatan ke Pulau Aman. Jeti tersebut merupakan pintu masuk utama ke Pulau Aman. Selain itu terdapat juga Pusat Makanan Laut bersebelahan jeti tersebut yang sedang giat dibangunkan. Pulau Aman juga turut terlibat dalam program *Homestay* dan menjadi tempat tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.

Pulau Jerejak pula dibangunkan sebagai destinasi ekopelancongan. Jerejak Resort & Spa menawarkan bilik penginapan yang menarik dan lengkap dengan kemudahan spa. Selain itu, ia juga turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik yang dijangka akan dapat menarik lebih ramai pelancong.

Untuk memastikan jumlah pelancong yang datang ke Pulau Aman dan Pulau Jerejak terus meningkat, Kerajaan Negeri telah menjalankan usaha-usaha promosi dan pemasaran pelancongan di dalam dan di luar negeri. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:-

- (i) Penerbitan risalah-risalah pelancongan;
- (ii) Pengiklanan dalam majalah tempatan dan juga luar negara;
- (iii) Pengiklanan produk pelancongan dalam laman web;
- (iv) Menganjurkan program lawatan serta keraian bagi agensi-agensi pelancongan dan penulis pelancongan; dan
- (v) Mengambil bahagian dalam pameran pelancongan tempatan dan antarabangsa, antaranya:-
 - Malaysia Tours & Travel Association (MATTA);
 - Malaysia Airlines Travel Fair (MATF);
 - Program Citra Warna;
 - Pameran Nepcon;
 - Asia Incentive & Exhibition (AITE) Australia;
 - ITB Berlin, Germany;

- Arab Travel Mart (ATM) Dubai, UAE;
- NATAS Fair Singapore;
- IMT-GT Songkla, Thailand;
- Medan Fair 2008 Indonesia;
- World Travel Mart (WTM) London, United Kingdom; dan
- Discover Thailand & Discover World 2008, Bangkok, Thailand.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Taman Agro Teknologi Juru telah pun dirancang pembangunannya oleh Kerajaan Pulau Pinang sebelum ini. Apakah inisiatif kerajaan sekarang untuk melaksanakan rancangan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sebelum ini Kerajaan Negeri telah merancang untuk membangunkan Taman Agro Teknologi Juru, namun pada tahun 2006 selaras dengan perancangan pembangunan pertanian Kerajaan Persekutuan untuk menggalakkan pelaksanaan projek pertanian secara berskala besar, komersil dan moden. Projek Agrotech ini telah digantikan dengan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

Permohonan bagi penyertaan pengusaha dalam TKPM sedang diteliti oleh Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Projek ini akan melibatkan usaha sama pihak kerajaan, pihak swasta dan penduduk setempat.

Pembangunan TKPM Negeri Pulau Pinang adalah berbeza dengan negeri lain memandangkan ia menggabungkan 3 subsektor pertanian iaitu tanaman, penternakan dan perikanan. Bagi sub sektor tanaman, projek yang dirancang untuk dibangunkan ialah tanaman nenas. Pemilihan tanaman nenas adalah berdasarkan kajian kesesuaian tanah yang dijalankan oleh Cawangan Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah, Jabatan Pertanian Negeri. Dalam hal ini, kerja-kerja pembajakan dan penyediaan tapak sedang dilaksanakan oleh peserta terlibat bermula pada 15 Julai 2008. Kerja-kerja penanaman nenas akan dilaksanakan selepas kerja-kerja penyediaan tapak selesai. Bagi subsektor akuakultur (perikanan) dan penternakan pula, Kerajaan Negeri bersama-sama Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar sedang meneliti cadangan pembangunan yang sesuai dan calon pengusaha yang layak.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah status pembangunan PGCC dan apakah pandangan Negeri Pulau Pinang tentang cadangan pembangunan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Permohonan Kebenaran Merancang Pembangunan Penang Global City Centre (PGCC) telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC), MPPP pada 29 Julai 2008 untuk pertimbangan. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah membuat keputusan yang sewajarnya untuk menolak permohonan Kebenaran Merancang tersebut atas alasan-alasan berikut:-
- (i) Cadangan pemajuan tidak mengambil kira ketumpatan kawasan sekitar iaitu Taman Jesselton 6 unit/ekar, Jalan Scotland 10.20 unit/ekar dan Jalan Batu Gantung 15-30 unit/ekar;
 - (ii) Pemohon tidak mengembalikan pelan pindaan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk diproses selanjutnya;
 - (iii) Tidak mengemukakan permohonan secara rasmi kepada MPPP dan Pihak Berkuasa Negeri bagi cadangan pemajuan LMC di atas tanah Majlis dan Kerajaan Negeri, Jalan Padang Tembak;
 - (iv) Tidak mendapat pengesahan daripada LLM untuk jajaran PORR yang melalui tapak pemajuan;
 - (v) Tidak mendapat pengesahan untuk cadangan pembinaan jajaran dan Stesen Monorel;
 - (vi) Lokasi dan kedudukan dewan komuniti dan tapak ibadat agama lain tidak ditunjukkan secara jelas di atas pelan permohonan;
 - (vii) Cadangan banglo strata 3 tingkat di Parcel 3 tidak selaras dengan korektor kawasan sekitar di Taman Jesselton yang ditetapkan ketinggian bangunan tidak melebihi 2 tingkat mengikut garis panduan Majlis;
 - (viii) Pemberian pembermilikan tanah Kerajaan Lot 402, Seksyen 2, Bandar George Town tidak mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri; dan
 - (ix) Tidak mematuhi kehendak-kehendak Jabatan Teknik seperti MPPP, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri.

Oleh itu, projek ini boleh dianggap berkubur. Projek PGCC adalah satu contoh klasik kronisme di mana kepentingan awam dikorbankan demi kepentingan pihak tertentu.

Kerajaan Negeri telah pun membuat pengumuman status perkara ini pada 2 September 2008 yang lepas.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah unjuran pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang untuk tahun 2009. Berapakah banyaknya jumlah pelabur asing yang dijangka dapat diraih untuk merangsang pertumbuhan itu. Dan berapa banyakkah tambahan peluang pekerjaan yang akan disediakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang pada kebiasaannya melebihi kadar pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun ini, walaupun berlakunya krisis ekonomi global, pertumbuhan ekonomi negeri masih dijangka akan melampaui ataupun selaras dengan kadar pertumbuhan ekonomi negara. Seperti tahun-tahun yang lepas, pertumbuhan ekonomi negeri yang kukuh pada tahun ini adalah juga disokong oleh asas yang kuat, terutamanya barangan pembuatan yang berteknologi dan bernilai tinggi.

Ekonomi Pulau Pinang didominasi oleh kegiatan pengilangan sejak industri pengilangan berorientasikan eksport diperkenalkan hampir empat dekad yang lalu. Sebahagian besar daripada sektor pengilangan ini terdiri daripada industri elektronik, ICT (teknologi informasi dan komunikasi) dan industri-industri sokongan. Disebabkan ciri-ciri dan corak sektor perindustrian di Pulau Pinang berorientasikan eksport, maka ekonomi Pulau Pinang adalah lebih terdedah kepada impak krisis.

Bagi tahun 2009, penganalisis-penganalisis ekonomi telah menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi negara kepada kadar yang lebih rendah daripada asalnya iaitu 3.4% hingga 4%. Walaupun menurun, pertumbuhan positif ini adalah hasil daripada asas-asas utama ekonomi yang kukuh seperti sistem perbankan dan sektor perindustrian. Negeri Pulau Pinang juga dijangka mengalami unjuran pertumbuhan menurun, tetapi impak sebenarnya belum diketahui. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan akan terus memantau situasi ekonomi di dalam dan luar negeri.

Bagi tahun 2008, pelaburan yang diluluskan oleh MIDA untuk sektor pengilangan bagi jangka masa Januari hingga Ogos adalah dijangka sebanyak RM6.1 bilion. Ini merupakan jumlah pelaburan yang tertinggi yang diluluskan dalam sejarah Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, oleh kerana ada kenyataan mengenai angka RM8 bilion yang diumumkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa Y.B. Tan Sri Muhyiddin Yassin di akhbar tempatan, Kerajaan Negeri sedang berusaha mendapat kepastian.

Kebanyakan daripada syarikat-syarikat tempatan merupakan industri sokongan kepada syarikat-syarikat milik asing. Justeru itu, peningkatan pelaburan tempatan selalunya berlaku setelah pelaburan asing itu dilaksanakan. Corak kitaran pelaburan ini menunjukkan bahawa peningkatan dalam pelaburan asing untuk beberapa tahun selalunya diikuti oleh peningkatan dalam pelaburan tempatan untuk beberapa tahun selepasnya.

Dengan tumpuan untuk beralih dari industri berintensif buruh, bilangan pekerja tidak lagi merupakan ukuran untuk perkembangan. Pelaburan ataupun kegiatan yang bernilai dan berteknologi tinggi tidak akan memerlukan bilangan pekerja yang ramai. Sebaliknya, pelaburan sedemikian mengutamakan pekerja berpendidikan. Malah, pekerjaan sebegini juga menawarkan gaji yang lebih tinggi, justeru memberikan kualiti hidup yang lebih baik.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Bagaimanakah PSDC dapat membantu menambah dan meningkatkan jumlah tenaga mahir di dalam bidang-bidang kritikal untuk Negeri Pulau Pinang terutamanya untuk Bumiputera.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sejak 1996, pihak PSDC telah bekerjasama dengan PERDA untuk melatih pelajar bumiputera melalui program *Basic Machining Course* (BMC – SKM Tahap 1/2) dan *Advanced CNC Machining* (ACNC – SKM Tahap 2/3). Masalah yang dihadapi oleh PERDA adalah bajet sedia ada tidak mencukupi untuk melatih pelajar-pelajar lepasan sekolah. PSDC berminat untuk bekerjasama dengan institusi kerajaan bagi melatih 'government scholars', dan dengan cara ini, PSDC dengan usaha sama pihak Kerajaan Negeri dapat meningkat jumlah tenaga kerja di bidangbidang yang kritikal untuk bumiputera. Statistik bumiputera yang telah mengikuti latihan yang disediakan sejak tahun 2001 hingga 2007 adalah seperti berikut:-

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2001	2,120	1,538	3,658
2002	2,000	2,200	4,200
2003	1,595	1,902	3,497
2004	2,255	1,968	4,223
2005	1,377	2,384	3,761
2006	1,897	4,061	5,958
2007	1,834	2,921	4,755
Jumlah	13,078	16,974	30,052

Statistik bumiputera yang mengikuti latihan yang disediakan sejak tahun 2001 hingga 2007.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Masalah banjir kilat yang sentiasa melanda kawasan-kawasan tertentu di Negeri Pulau Pinang dikenal pasti diakibatkan oleh masalah perparitan dan pembuangan sampah yang tidak dikawal baik. Bagaimanakah masalah ini akan di atasi dalam masa terdekat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kerja-kerja penyelenggaraan secara berjadual dan teratur bagi semua parit-parit di kawasan perumahan akan dilakukan bagi membantu mengurangkan banjir kilat. Penguatkuasaan akan dijalankan dan tindakan undang-undang akan diambil kepada sesiapa yang didapati membuang sampah sarap merata-rata. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), akan memasang "Gross Pollutant Trap" (GPT) di parit-parit utama dan kolam takungan dari semasa ke semasa bagi mengumpul sampah. Namun begitu, kesedaran orang awam tentang amalan menjaga kebersihan dan tidak membuang sampah merata-rata adalah satu cara mengatasi masalah banjir dalam masa terdekat ini. Pihak Jabatan dan Majlis Perbandaran pula akan mengkaji dari semasa ke semasa parit-parit yang telah dibina sama ada masih mampu atau tidak menampung aliran air sedia ada. Sekiranya tidak mampu, kerja-kerja menaik taraf parit-parit tersebut akan dilaksanakan dengan segera.

XVIII. Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila senaraikan semua PIA & PIAS yang telah dilaksanakan dalam ADUN Bukit Tengah dari tahun 2004 hingga 2008 serta kos/peruntukan dan ontraktor projek masing-masing.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pelaksanaan projek PIA dan PIAS bermula pada tahun 2005. Senarai projek PIA dan PIAS dalam KADUN Bukit Tengah adalah seperti di Lampiran.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Berapakah CCTV yang akan dipasang di kawasan Seberang Perai.
- (b) Sila senaraikan tempat yang akan dipasang dengan CCTV di Seberang Perai.
- (c) Bilakah pemasangan CCTV di Seberang Perai akan dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Kamera Litar Tertutup (CCTV) yang akan dipasang di kawasan Seberang Perai adalah seperti berikut:
 - (i) 24 lokasi akan dipasang oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT); dan
 - (ii) 46 lokasi akan dipasang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- (b) Senarai tempat yang akan dipasang CCTV adalah seperti di Jadual I dan II.
- (c) Pelaksanaan pemasangan CCTV oleh KPKT adalah dijangka dipasang pada akhir tahun 2008 manakala pemasangan CCTV oleh Kerajaan Negeri dijangka dilaksanakan pada awal tahun 2009.

JADUAL I

SENARAI LOKASI SERTA CCTV YANG AKAN DIPASANG OLEH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) DI KAWASAN SEBERANG PERAI

BIL.	KAMERA NO.	LOKASI KAMERA
1	U1	Stesen Keretapi Buterworth
2	U2	Jalan Selat, Taman Selat
3	U3	Jalan New Ferry (CIMB Bank)
4	U4	Simpang Jalan Ong Yi How / Jalan Raja Uda
5	U5	Jalan Hashim Awang, Pekan Tasek Gelugor

BIL.	KAMERA NO.	LOKASI KAMERA
6	U6	Simpang Jalan Dato' Hj. Ahmad Badawi / Jalan Padang Kelab
7	U7	Hadapan Kompleks Datok Kailan Kepala Batas
8	U8	Jalan Bagan Ajam (AMBANK)
9	T1	Jalan Perai Jaya (Megamall)
10	T2	Jalan Perai Jaya 2 (Megamall)
11	T3	Simpang Tingkat Kikik 7, Taman Inderawasih
12	T4	Simpang Jalan Kurau / Tingkat Kurau 5
13	T5	Simpang Tingkat Kurau 5 / Tingkat Kurau 4
14	T6	Jalan Todak Bandar Sunway (Restoran Ratu Mas)
15	T6	Jalan Todak 2, Bandar Sunway
16	T8	Simpang Jalan Perda
17	T9	Simpang Jalan Tembikai / Jalan Padang Lalang
18	T10	Simpang Jalan Pasar / Jalan Danby, Pekan Bukit Mertajam
19	T11	Jalan Usahaniaga
20	T12	Jalan Rozhan, Alma (Pusat Raya Wonderful)
21	S1	Simpang Jalan Atas / Jalan Hooi Soo, Pekan Nibong Tebal
22	S2	Simpang Jalan Atas / Jalan Serindik, Pekan Nibong Tebal
23	S3	Jalan Susur, Sungai Bakap
24	S4	Jalan Simpang Ampat

JADUAL II**SENARAI LOKASI SERTA CCTV TAMBAHAN DI KAWASAN
SEBERANG PERAI**

BIL.	LOKASI	JUMLAH KAMERA	JUMLAH BESAR
	DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH		
1	Simpang Tiga Jalan Besar Bukit Mertajam – berdekatan simpang masuk Asa Murni	1	
2	Pembangunan Mayang Zaman	1	
3	Simpang Jalan Bukit Tengah	1	
4	Autocity Juru	1	
5	Auto World Juru	1	
6	Hadapan City Bank Autocity	1	
7	Taman Pelangi	1	
8	Jalan Todak, Bandar Sunway Depan TT Dot. Com.	1	
9	Jalan Todak / Jalan Jelawat (Kawasan Rumah Ibadat)	1	
10	EPF / SOCSO Seberang Jaya	1	
11	Jalan Jelawat / Lorong Jelawat 1- berhadapan pejabat IWK	1	
12	Simpang Jalan Kurau	2	
13	Summit BM Plaza	2	
14	JUCSO Bandar Perda	1	
15	KPJ Perda	1	
16	TNB Perda	1	
17	Hospital Seberang Jaya	1	
			19

BIL.	KAMERA NO.	LOKASI KAMERA	
	DAERAH SEBERANG PERAI UTARA		
1	Bertam Putra Depan Mini Pos	1	
2	Pusat Perdagangan Bertam	1	
3	Bertam Indah, Maybank / BSN	1	
4	Kompleks Kerajaan, Hospital, Pejabat Daerah, Dewan Milenium	2	
5	Pekan Kepala Batas	1	
6	Simpang Jalan Pekan Kepala Batas	1	
7	Projek Perniagaan JKP	1	
8	Pekan Sungai Puyu	1	
9	Simpang Jalan Telekom	1	
10	Trafik Light Jalan Raja Uda	1	
11	Jalan Pmtg. Pauh / Bagan Lalang	1	
12	Jalan Bagan Luar, Taman Selat	1	
13	Taman Desa Murni, Sungai Dua	1	
14	Kompleks Tasek Gelugor depan Agro Bank	1	
15	Simpang Tiga Tasek Gelugor	1	
			16

BIL.	KAMERA NO.	LOKASI KAMERA	
	DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN		
1	Hadapan stesyen minyak Shell Jalan Atas Nibong Tebal	1	
2	Jalan Sungai Daun (hadapan SMK Methodist)	1	
3	Sebelah Kanan Pasaraya Yawata	2	
4	Hadapan Bank Simpanan Nasional Sungai Bakap	1	
5	Hadapan AM Bank Sungai Bakap	1	
6	Jalan Bukit Tambun / Jalan Tambun Indah / Jalan Taman Idaman (Pasar Awam dan Perumahan)	1	
7	Bulatan SUKMA Bukit Tambun	1	
8	Pasar Awam Bandar Mutiara	1	
9	Bulatan Hadapan Stadium Batu Kawan	1	
10	Kawasan Jeti Batu Musang	1	
			11
	JUMLAH KESELURUHAN		46

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila senaraikan bilangan pelancong luar negara yang melawat ke Negeri Pulau Pinang mengikut kewarganegaraan sejak tahun 2004 sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Senarai bilangan pelancong luar negara yang melawat ke Negeri Pulau Pinang dari tahun 2004 hingga 2008 adalah seperti berikut:-

**JUMLAH KEHADIRAN PELANCONGAN MENGIKUT NEGARA
BAGI TAHUN 2004**

NEGARA	JUMLAH	%
Singapore	64,920	11.4
Australia	13,605	2.4
New Zealand	3,198	0.6
Canada	3,494	0.6
United Kingdom	28,040	4.9
Hong Kong (British)	12,226	2.2
Hong Kong (C.I.)	2	0.0
Sri Lanka	510	0.1
Bangladesh	1,895	0.3
India	14,734	2.6
Brunei Darulsalam	807	0.1
Others Commonwealth Countries	4,935	0.9
United States	16,807	3.0
China	12,547	2.2
Russia	404	0.1
America Latin	527	0.1
Arabia Countries	3,897	0.7
West Germany	9,446	1.7
France	1,688	0.3
Norway, Sweden, Denmark	2,568	0.5
Belgium, Luxemburg, Netherland	1,907	0.3
Other West Europe Countries	2,452	0.4
East Europe	574	0.1
Philippines	5,175	0.9
Thailand	12,447	2.2
Taiwan	41,848	7.4
Indonesia	262,701	46.3
Pakistan	946	0.2
Japan	23,963	4.2
South Korea	13,251	2.3
Others	5,692	1.0
JUMLAH	567,206	100

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Pulau Pinang

**JUMLAH KEHADIRAN PELANCONGAN MENGIKUT NEGARA
BAGI TAHUN 2005**

NEGARA	JUMLAH	%
Singapore	67,374	13.4
Australia	20,666	4.1
New Zealand	2,226	0.4
Canada	3,051	0.6
United Kingdom	24,410	4.9
Hong Kong (British)	6,706	1.3
Hong Kong (C.I.)	150	0.0
Sri Lanka	617	0.1
Bangladesh	572	0.1
India	25,491	5.1
Brunei Darulsalam	179	0.0
Others Commonwealth Countries	5,147	1.0
United States	17,567	3.5
China	12,848	2.6
Russia	585	0.1
America Latin	773	0.2
Arabia Countries	3,235	0.6
Germany	5,051	1.0
France	1,762	0.4
Norway, Sweden, Denmark	2,228	0.4
Belgium, Luxemburg, Netherland	1,702	0.3
Other West Europe Countries	2,197	0.4
East Europe	395	0.1
Philippines	5,445	1.1
Thailand	13,020	2.6
Taiwan	25,511	5.1
Indonesia	211,249	42.2
Pakistan	831	0.2
Japan	19,643	3.9
South Korea	14,646	2.9
Others	5,843	1.2
JUMLAH	501,120	100

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Pulau Pinang

**JUMLAH KEHADIRAN PELANCONGAN MENGIKUT NEGARA
BAGI TAHUN 2006**

NEGARA	JUMLAH	%
Singapore	76,647	13.4
Australia	24,651	4.3
New Zealand	2,862	0.5
Canada	4,257	0.7
United Kingdom	20,102	3.5
Hong Kong (British)	9,227	1.6
Hong Kong (C.I.)	973	0.2
Sri Lanka	640	0.1
Bangladesh	977	0.2
India	17,835	3.1
Brunei Darulsalam	344	0.1
Others Commonwealth Countries	4,592	0.8
United States	23,165	4.1
China	16,767	2.9
Russia	661	0.1
America Latin	815	0.1
Arabia Countries	3,656	0.6
Germany	7,792	1.4
France	2,620	0.5
Norway, Sweden, Denmark	3,344	0.6
Belgium, Luxemburg, Netherland	2,371	0.4
Other West Europe Countries	3,305	0.6
East Europe	704	0.1
Philippines	7,138	1.2
Thailand	17,547	3.1
Taiwan	36,353	6.4
Indonesia	233,205	40.8
Pakistan	780	0.1
Japan	27,746	4.9
South Korea	16,172	2.8
Others	4,573	0.8
JUMLAH	571,821	100

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Pulau Pinang

**JUMLAH KEHADIRAN PELANCONGAN MENGIKUT NEGARA
BAGI TAHUN 2007**

NEGARA	JUMLAH	%
Singapore	72,432	13.4
Australia	18,682	3.5
New Zealand	2,052	0.4
Canada	4,209	0.8
United Kingdom	20,891	3.9
Hong Kong (British)	6,024	1.1
Hong Kong (C.I.)	1,155	0.2
Sri Lanka	341	0.1
Bangladesh	1,270	0.2
India	16,982	3.1
Brunei Darulsalam	518	0.1
Others Commonwealth Countries	4,257	0.8
United States	22,496	4.2
China	20,462	3.8
Russia	777	0.1
America Latin	649	0.1
Arabia Countries	1,423	0.3
Germany	8,108	1.5
France	2,684	0.5
Norway, Sweden, Denmark	2,635	0.5
Belgium, Luxemburg, Netherland	1,975	0.4
Other West Europe Countries	3,715	0.7
East Europe	720	0.1
Philippines	6,666	1.2
Thailand	18,848	3.5
Taiwan	33,581	6.2
Indonesia	218,792	40.5
Pakistan	1,047	0.2
Japan	31,133	5.8
South Korea	9,535	1.8
Others	6,677	1.2
JUMLAH	540,736	100

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Pulau Pinang

**JUMLAH KEHADIRAN PELANCONG MENGIKUT NEGARA DARI JANUARI-SEPT
BAGI TAHUN 2008.**

NEGARA	JUMLAH	%
Singapore	54,024	12.3
Australia	20,502	4.7
New Zealand	1,773	0.4
Canada	3,632	0.8
United Kingdom	18,618	4.2
Hong Kong (British)	553	0.1
Hong Kong (C.I.)	43	0.0
Sri Lanka	448	0.1
Bangladesh	792	0.2
India	19,550	4.5
Brunei Darulsalam	687	0.2
Others Commonwealth Countries	3,564	0.8
United States	17,554	4.0
China	21,135	4.8
Russia	555	0.1
America Latin	1,737	0.4
Arabia Countries	2,400	0.5
Germany	5,970	1.4
France	2,211	0.5
Norway, Sweden, Denmark	2,457	0.6
Belgium, Luxemburg, Netherland	687	0.2
Other West Europe Countries	3,111	0.7
East Europe	1,009	0.2
Philippines	5,268	1.2
Thailand	16,774	3.8
Taiwan	24,272	5.5
Indonesia	170,465	38.9
Pakistan	1,204	0.3
Japan	28,803	6.6
South Korea	5,029	1.1
Others	3,666	0.8
JUMLAH	438,493	100

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Pulau Pinang

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Berapa orang atlet dan pegawai yang menganggotai kontinjen SUKMA 2008 Negeri Pulau Pinang.
- (b) Berapa perbelanjaan kontinjen SUKMA 2008 Negeri Pulau Pinang.
- (c) Siapakah penyumbang/penaja kontinjen SUKMA 2008 Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Kejohanan SUKMA XII 2008 Terengganu yang lalu, kontinjen Pulau Pinang telah menghantar seramai 652 orang pegawai dan atlet.
- (b) Bagi menyediakan dan menghantar kontinjen seramai 652 orang pada kejohanan SUKMA 2008, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah membelanjakan kira-kira RM1.08 juta yang merangkumi pembelian pakaian kontinjen, elaun atlet/pegawai, pengangkutan, penginapan serta yuran penyertaan atlet.
- (c) Kontinjen Pulau Pinang tidak mempunyai/mendapat sebarang penaja bagi menyertai Kejohanan SUKMA XII 2008 Terengganu.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Apakah jenis lesen/permohonan yang perlu dibuat oleh sesebuah kuari batu.
- (b) Berapa buah kuari di Pulau Pinang yang beroperasi secara tidak sah dan nama kuari berkenaan.
- (c) Apa tindakan yang telah diambil terhadap kuari yang beroperasi secara tidak sah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Lesen/permohonan yang perlu dibuat oleh kuari batu ialah permohonan permit untuk mencabut, memindah dan mengangkut bahan batuan di bawah Seksyen 71, Kanun Tanah Negara 1965, (Permit 4C). Operator kuari batu yang menjalankan aktiviti kuari di atas tanah milik hendaklah memohon Permit Pengeluaran Bahan Batuan (Borang 4C, KTN 1965) daripada Pihak Berkuasa Negeri. Manakala operator yang menjalankan aktiviti kuari di atas tanah kerajaan hendaklah memohon Lesen Pendudukan Sementara dengan tujuan untuk pengambilan, pemprosesan dan pengeluaran bahan batuan (Borang 4B, KTN 1965) daripada Pihak Berkuasa Negeri. Selain itu, operator kuari juga perlu memohon:
 - (i) kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Kerja Tanah dari Pihak Berkuasa Tempatan;
 - (ii) kelulusan Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA atau DEIA) dari Jabatan Alam sekitar;
 - (iii) lesen/permit bahan letupan dari PDRM; dan
 - (iv) kelulusan dari Jabatan Mineral dan Geosains.

- (b) Setakat ini, tiada kuari di Pulau Pinang yang beroperasi secara tidak sah.
- (c) Sekiranya ada, pentadbir tanah daerah akan mengarahkan supaya kerja-kerja menguari dihentikan dan akan mengeluarkan kompaun. Pengusaha juga akan dinasihatkan supaya memohon permit bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan di masa akan datang.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. Sila senaraikan semua lot tanah di Pulau Pinang mengikut daerah yang telah dirizabkan untuk mendirikan sekolah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 6. Pihak Berkuasa Negeri (PBN) tidak pernah merizabkan mana-mana tanah di bawah Sek. 62 Kanun Tanah Negara (KTN) bagi tujuan pembinaan atau mendirikan sekolah sebagai institusi pendidikan. Di daerah Barat Daya dan Seberang Perai Selatan, tanah-tanah rizab untuk tujuan berkenaan tidak diperuntukkan. Namun begitu di daerah Seberang Perai Utara terdapat 3 lot tanah rizab yang didirikan sekolah di mana lokasi ketiga-tiganya berada dalam Mukim 6 iaitu di Lot 8742 di bina Sekolah Menengah Kebangsaan Bertam Perdana, di Lot 8743 didirikan Sekolah Kebangsaan Bertam Perdana manakala di Lot 7159 ada dua sekolah yang terlibat iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bertam Putra dan Sekolah Kebangsaan Bertam Putra. Manakala di daerah Timur Laut terdapat 4 tapak yang telah dirizabkan untuk mendirikan sekolah. Tiga daripadanya terletak di tanah tebus guna bersebelahan Lebuhraya Jelutong iaitu di Seksyen 8, Bandar Jelutong, dan keluasan bagi setiap satunya adalah 4 ekar. Manakala satu tapak lagi adalah di atas PT 707 iaitu tanah tebus guna di Bandar Tanjung Pinang dan berkeluasan 6.72 ekar.

DAERAH	LOKASI
Seberang Perai Utara	Lot 8742, Lot 8743, Lot 7159
Seberang Perai Selatan	Tiada
Seberang Perai Tengah	Tiada
Timur Laut	Seksyen 8, Bandar Jelutong
Barat Daya	Tiada

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 7. (a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini bagi meningkat prestasi kerja para pegawai dan staf kedua-dua majlis perbandaran di Pulau Pinang.
- (b) Adakah langkah-langkah berkenaan berkesan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (A) MPPP telah mengambil beberapa pendekatan ke arah memastikan prestasi kerja di kalangan para pegawai dan kakitangannya dapat dipertingkatkan. Untuk itu, MPPP telah memperuntukkan sejumlah RM317,000.00 bagi tujuan memberikan latihan dan kursus kepada para pegawai dan kakitangan bagi memperkukuhkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang profesion masing-masing.

Di samping itu, MPPP sedang melaksanakan penetapan perancangan strategik baru ke atas beberapa proses utama di MPPP melalui pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Dengan pelaksanaan sistem baru ini, prestasi kerja mengikut proses utama bagi setiap Jabatan dapat dilihat melalui pencapaian sasaran hasil kerja oleh setiap kakitangannya.

MPPP turut memberi penekanan terhadap aspek disiplin dan pencapaian markah prestasi tahunan di kalangan para pegawai dan kakitangannya. Untuk itu, kakitangan yang bermasalah serta mempamerkan prestasi kerja yang lemah akan dirujuk ke sesi bimbingan dan kaunseling yang bertujuan memberi motivasi di samping memupuk kesedaran di kalangan mereka yang terlibat. Mereka turut dihantar ke bengkel-bengkel yang bercorak ke arah pengukuhan integriti bagi tujuan membina semangat dan tahap keyakinan diri di kalangan mereka.

Manual Prosedur Kerja (MPK) yang merupakan panduan dan sumber rujukan setiap kakitangan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa agar pelaksanaan tugas berjalan dengan lebih tersusun dan berkesan. Ini adalah kerana kakitangan yang memahami serta jelas dengan bidang tugasnya mampu menghasilkan prestasi kerja yang baik.

MPSP mempunyai piawaian tertentu dalam menentukan prestasi para pegawai dan kakitangan seperti berikut :

(i) Sasaran Kerja Tahunan

Ia berkesan untuk menentukan pelanggan mendapatkan perkhidmatan seperti dijanjikan. Sasaran Kerja Tahunan / KPI adalah berdasarkan Borang Penilaian Prestasi. Setiap pegawai dan kakitangan perlu menetapkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) masing-masing di awal tahun penilaian. SKT ini dibuat berdasarkan fungsi jabatan masing-masing di mana setiap seorang perlu menyatakan sasaran kerja yang ingin dicapai di hujung tahun penilaian. Pegawai atasan akan membuat penilaian sebenar ke atas pencapaian kakitangan berkenaan pada hujung tahun berkenaan iaitu sama ada kakitangan telah dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Pada tahun ini, MPSP mengambil langkah

dalam menekankan kepada *Performance Based* untuk membuat penilaian sebenar ke atas tahap pencapaian pegawai dan kakitangan sebelum memberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada pegawai / kakitangan berkenaan. Ini bermula dengan setiap Pengarah dan Penolong Pengarah perlu memaklumkan Sasaran Kerja Tahunan berdasarkan Pelan Tindakan Jabatan Bagi tahun 2008. Setiap pengarah perlu mengemukakan Pelan Tindakan Jabatan 2008 yang perlu dicapai.

(ii) Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Berdasarkan Pelan Tindakan berkenaan, fungsi tugas /aktiviti masing-masing akan disenaraikan merangkumi KPI dan sasaran yang ingin dicapai. Selepas hujung tahun, pencapaian akan diukur berdasarkan KPI yang telah dinyatakan. Sasaran ini akan diteruskan terhadap semua pegawai lain dan kakitangan mulai tahun 2009. Ini bermakna semua kakitangan perlu mempunyai KPI untuk diukur secara khusus.

(iii) Piagam Pelanggan

Piagam Pelanggan ialah satu kaedah untuk menyatakan janji MPSP kepada pelanggan berkaitan perkhidmatan yang diberikan. Pengukuran dibuat setiap tiga bulan. Peratusan janji-janji yang dinyatakan dalam piagam yang tidak dicapai oleh setiap jabatan menjadi ukuran prestasi pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan secara amnya. Senarai Piagam Pelanggan MPSP adalah seperti di Lampiran ID 211.

(iv) Persijilan ISO

MPSP mendapat Pensijilan MS ISO 9002:1994 pada tahun 1999 dan di naik taraf kepada MS ISO 9001:2000 pada tahun 2003. Dua skop utama yang dimasukkan dalam ISO ini adalah :

- (a) Kelulusan dan Kawalan Pembangunan, Penilaian Harta Berkadar, Penyelenggaraan Pembersihan dan Landskap; dan
- (b) Pelesenan, Kursus Pengendali Makanan dan Pemeriksaan Daging. Prosedur-prosedur pelaksanaan perkhidmatan termasuk proses-proses yang terlibat diwujudkan dan didokumenkan dalam dokumen ISO MPSP termasuk prosedur-prosedur bagi skop sokongan di mana Objektif Kualiti bagi setiap prosedur perlu diwujudkan dan diukur tahap pencapaiannya. Statistik pelaksanaan Objektif Kualiti dibuat setiap bulan dan dikemukakan

bersama analisis pencapaian setiap tiga bulan. Pelaksanaannya juga dipantau oleh Audit Dalaman MPSP dan badan Pensijilan Antarabangsa iaitu SIRIM QAS International Sdn Bhd. Pencapaian Objektif Kualiti bagi setiap jabatan yang berkaitan mentafsirkan prestasi jabatan-jabatan tersebut serta pegawai dan kakitangan dalam mematuhi setiap proses serta arahan kerja yang telah ditetapkan.

(v) Peranan Jawatankuasa Pelantikan dan Tatatertib

Peranan Jawatankuasa Pelantikan (Peluang Kenaikan Pangkat) bagi pegawai mencapai prestasi yang tinggi, komitmen yang bersepadu dan telah memenuhi syarat-syarat yang bersesuaian akan dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.

Jawatankuasa Tatatertib berperanan untuk mengambil tindakan terhadap pegawai yang berprestasi rendah mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam MPSP (Kelakuan & Tatatertib) 1995.

(vi) Anugerah Khidmat Cemerlang

Anugerah Khidmat Cemerlang adalah anugerah yang diberikan kepada seseorang anggota perkhidmatan awam yang menunjukkan mutu perkhidmatan (penghasilan kerja) yang melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Perkhidmatan yang diberikan itu boleh dijadikan contoh dan ikutan serta memberi pengaruh yang menggerakkan kecergasan bekerja dan daya usaha anggota perkhidmatan awam yang lain. Pemilihan anggota yang layak adalah berpandukan kepada markah yang diperolehi dalam penilaian prestasi tahunan.

Insentif dan hadiah yang diberikan kepada pegawai adalah seperti berikut:

- (a) Sijil perkhidmatan cemerlang;
- (b) Hadiah prestasi sebanyak RM1,000.00;
- (c) Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja;
- (d) Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran Persekutuan dan Negeri; dan

- (e) Nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat dan di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi oleh orang ramai.
- (B) MPPP/MPSP sentiasa membuat pemantauan berhubung pencapaian prestasi kerja di kalangan para pegawai dan kakitangannya. Dengan pendedahan terhadap latihan dan kursus yang diterima mampu meningkatkan mutu serta hasil kerja melalui penambahan ilmu serta kemahiran yang dipelajari.

Dengan pelaksanaan KPI, adalah diharapkan ia mampu mempamerkan pencapaian prestasi kerja bagi proses-proses utama di setiap Jabatan. Usaha-usaha ke arah penambahbaikan akan diambil bagi menampung sebarang kekurangan yang mengakibatkan kelewatan serta kelemahan dalam prestasi sesuatu proses utama.

Kakitangan yang dikenakan tindakan tatatertib akan dirujuk ke sesi bimbingan dan kaunseling dan akan dipantau prestasi kerja serta disiplin. Ketua Jabatan akan melaporkan sebarang kemajuan yang ditunjukkan oleh kakitangan berkenaan dari semasa ke semasa.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. (a) Berapakah jumlah pelaburan asing di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2004.
- (b) Sila nyatakan peratusan pelaburan asing di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2004 berdasarkan sektor dan negara

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. (a) Jumlah pelaburan asing bagi negeri Pulau Pinang menunjukkan peningkatan dari tahun 2004 hingga tahun 2006 iaitu dari RM1.01 bilion pada tahun 2004 kepada RM3.91 bilion pada tahun 2005 dan RM3.92 bilion pada tahun 2008. Walaupun terdapat penurunan bagi pelaburan asing pada tahun 2007 dan 2008 (sehingga Ogos) iaitu RM3.14 bilion pada 2007 dan RM1.39 bilion, Kerajaan Negeri sedang berusaha dengan giatnya untuk menggalakkan pelaburan asing ke Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan pelaburan di negeri Pulau Pinang sehingga Ogos 2008 adalah yang tertinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM6.14 bilion seperti di Jadual 1.
- (b) Daripada jumlah keseluruhan pelaburan asing di negeri Pulau Pinang pada tahun 2004, Amerika Syarikat mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 45% diikuti dengan Singapura sebanyak 13% dan Negara Jepun sebanyak 13% seperti di Jadual 2. Bagi tahun 2005 pula, Amerika Syarikat dan Singapura masih lagi merupakan pelabur utama di mana

masing-masing mencatatkan sumbangan sebanyak 55% dan 14% dan diikuti dengan Netherlands sebanyak 12%. Bagi tahun 2006, Amerika Syarikat masih merupakan pelabur utama yang menyumbang sebanyak 40% kepada jumlah pelaburan asing di Pulau Pinang diikuti dengan Negara Jepun sebanyak 25% dan Kepulauan Cayman sebanyak 20%. Bagi tahun 2007 pula, Negara Jerman merupakan pelabur utama dengan sumbangan sebanyak 65% dan Amerika Syarikat sebanyak 26%. Pihak investPenang tidak mempunyai maklumat/data bagi peratusan pelaburan asing di negeri Pulau Pinang mengikut negara bagi tahun 2008.

Sektor Elektrik dan Elektronik menjadi penggerak utama sektor perindustrian di negeri ini. Ini dapat dibuktikan apabila sektor Elektrik dan Elektronik menjadi penyumbang utama kepada pelaburan asing sejak tahun 2004 sehingga Ogos 2008 iaitu sebanyak 77% pada tahun 2004, 83% pada tahun 2005, 75% pada tahun 2006, 91% pada tahun 2007 dan 34.1 sehingga Ogos 2003 seperti di Jadual 3. Walaupun peratusan pelaburan asing bagi sektor Elektrik dan Elektronik di Pulau Pinang menurun kepada 34% pada tahun 2008 (sehingga Ogos), namun jumlah keseluruhan pelaburan bagi negeri Pulau Pinang setakat bulan Ogos 2008 adalah merupakan pelaburan yang tertinggi sejak tahun 2004.

JADUAL 1:

Jumlah pelaburan asing bagi negeri Pulau Pinang dari tahun 2004 hingga 2008
(Jan – Ogos)

Tahun	Pelaburan Tempatan (RM billion)	Pelaburan Asing (RM billion)	Jumlah Pelaburan (RM billion)
2004	1.016	1.014	2.030
2005	0.717	3.907	4.624
2006	1.432	3.918	5.350
2007	1.625	3.143	4.768
2008 (Jan-Ogos)	4.750	1.386	6.136

JADUAL 2:

Peratusan pelaburan asing di negeri Pulau Pinang sejak 2004 mengikut negara

Negara	2004 %	2005 %	2006 %	2007 %
Australia	-	0.20	0.02	0.14
Brunei	-	-	-	0.04
Canada	5.00	0.99	0.01	-
Denmark	-	0.70	-	-
France	1.92	-	-	1.62
Netherlands	8.00	12.20	0.20	-
Hong Kong	-	0.05	-	0.40
India	0.02	-	-	0.20
Indonesia	-	-	-	0.06
Jepun	12.90	10.80	24.92	1.50
Korea,Rep.	0.02	0.03	0.08	0.01
Singapura	13.10	13.60	7.00	1.34
Switzerland	-	-	0.54	0.10
Taiwan	4.01	1.44	3.39	0.20
Negara Thai	0.20	-	-	-
United Kingdom	0.70	0.15	0.10	-
Amerika Syarikat	45.30	55.10	40.40	26.20
Jerman	0.10	2.20	0.30	65.30
Bermuda	-	0.10	2.04	0.10
China	-	-	0.53	0.11
Finland	3.00	-	-	-
Cayman Islands	2.30	1.84	20.16	-
British Virgin Islands	0.20	0.10	0.10	-
Lain Lain	3.23	0.50	0.21	2.68
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00

JADUAL 3:

Peratusan pelaburan asing di negeri Pulau Pinang sejak 2004 mengikut sektor

Sektor	2004 %	2005 %	2006 %	2007 %	2008 (Jan - Ogos) %
Basic Metal Products	0.010	0.058	0.230	1.967	0.510
Chemicals & Chemical Products	3.475	0.770	0.350	1.740	7.670
Electronics & Electrical Products	77.000	83.111	74.720	90.676	34.317
Fabricated Metal Products	6.270	0.285	5.200	0.673	0.610
Food Manufacturing	5.216	-	0.020	0.024	-
Furniture & Fixtures	-	-	0.035	0.065	0.100
Machinery Manufacturing	4.550	1.181	1.150	2.110	9.440
Non-Metallic Mineral Products	0.400	-	0.115	-	-
Paper, Printing & Publishing	0.470	0.108	-	-	0.034
Petroleum Products	-	-	15.330	-	-
Plastic Products	0.780	10.275	1.884	0.574	0.001
Rubber Products	0.460	0.001	0.001	-	2.972
Scientific & Measuring Equipment	1.076	3.520	0.155	1.975	4.253
Textiles & Textile Products	-	0.001	0.280	0.001	16.750
Transport Equipment	0.120	0.690	0.160	0.075	20.316
Wood & Wood Products	-	-	-	0.120	-
Miscellaneous	0.173	-	0.370	-	3.027
Jumlah	100.000	100.000	100.000	100.000	100.000

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. MPSP telah dan akan mengambil langkah-langkah bagi mengukuhkan kedudukan kewangan seperti berikut:
- (i) Mengawal kos pentadbiran dan kos operasi;
 - (ii) Kursus dibuat di peringkat dalaman sahaja;

- (iii) Mengamalkan perbelanjaan berhemah;
- (iv) Memohon peruntukan pembangunan dan infrastruktur daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan;
- (v) Mempergiatkan usaha-usaha mengurangkan / mengutip kembali tunggakan cukai kadaran dan tunggakan sewa;
- (vi) Menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja untuk mencari sumber hasil yang baru;
- (vii) Penubuhan jawatankuasa pemantauan kilang-kilang tanpa kebenaran / lesen;
- (viii) Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Tunggakan Hasil MPSP;
- (ix) Melantik panel peguam bagi membawa kes-kes pemilik tegar ke mahkamah (kutipan tunggakan cukai kadaran); dan
- (x) Mensyaratkan hasil dibayar dalam berurusan dengan MPSP.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan asing.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan adalah seperti berikut:
 - (1) Meningkatkan keyakinan pelabur melalui urus tadbir berpandukan prinsip CAT iaitu Cepak (Competency), Bertanggungjawab (Accountability) dan Telus (Transparency). Ini dilakukan dengan menambah baik sistem penyampaian sektor awam iaitu mempermudah sistem, garis panduan dan prosedur, menyelaraskan agensi-agensi di peringkat Kerajaan Negeri dan mempertingkatkan tahap mesra pelanggan bagi membolehkan Pulau Pinang kekal menarik kepada bakal pelabur;
 - (2) Menubuhkan "Pasukan Petugas Khas" (Special Task Force) yang diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang berfungsi sebagai pemudah cara perniagaan bagi pelaburan bernilai tinggi dan strategik. Pasukan Petugas Khas berperanan membantu pelabur dengan cara mempermudah dan mempercepatkan semua proses berkaitan dengan kelulusan dan pelesenan;

- (3) Meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan yang terlibat dalam aktiviti penggalakan pelaburan asing seperti MIDA, MATRADE, MDEC, Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) dan Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp). Jalinan kerjasama ini diperkukuhkan melalui seminar, sesi dialog, pepadanan perniagaan atau usaha-usaha sama yang berpotensi;
- (4) Memberi tumpuan kepada promosi industri untuk menarik aktiviti-aktiviti yang bernilai tambah tinggi. Ini termasuk penyelidikan dan pembangunan, reka bentuk dan pemajuan produk melalui penggunaan intensif alat dan aplikasi "ICT". Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu melatih dan menyediakan lebih ramai sumber tenaga manusia yang berkemahiran di dalam bidang seperti jurutera reka bentuk (design engineer);
- (5) Memperkenalkan strategi promosi yang inovatif seperti "Bina dan Sewakan" (Build & Lease) bangunan industri kepada pelabur. Pakej ini dapat meyakinkan serta menarik minat pelabur asing dari industri strategik untuk melabur di negeri ini;
- (6) Membantu syarikat-syarikat sedia ada untuk melabur semula dalam aktiviti tambah nilai teknologi tinggi dan meningkatkan rantai nilai. Ini telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan menyediakan infrastruktur yang diperlukan, menjalinkan kerjasama dengan institusi latihan teknikal tempatan untuk melatih tenaga kerja memiliki kemahiran unik dan kerjasama penuh dari MIDA melalui pemberian insentif;
- (7) Mensasarkan dan menarik minat industri strategik dan berteknologi tinggi di luar negara untuk mengembangkan serta menempatkan operasi mereka di Pulau Pinang;
- (8) Mengambil bahagian dalam pameran antarabangsa sebagai usaha untuk mencari pelaburan baru serta peluang perniagaan. Penyertaan investPenang dalam pameran antarabangsa juga digunakan sebagai platform untuk mempamerkan keupayaan serta kelebihan industri sokongan yang dimiliki Negeri Pulau Pinang. Peluang perniagaan yang dimaksudkan adalah seperti penyumberan luar dan usaha sama perniagaan antara pelabur tempatan dengan pelabur asing;
- (9) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab pelaburan global dengan mensasarkan pelaburan industri berteknologi tinggi seperti Avionics, "OLED" dan Photovoltaic;
- (10) Mengukuhkan kluster sedia ada seperti Penang Automation Cluster (PAC), Penang RF Cluster (PRFC), Software Consortium of Penang (SCOPE) dan Techbiz (Bumiputra ICT Cluster). Kerajaan Negeri terus berusaha mengelompokkan (grouping) industri-industri yang berkaitan di dalam kluster-kluster untuk mewujudkan sinergi, sokongan usaha sama, perhubungan di

antara kluster dengan organisasi-organisasi industri lain, meningkatkan daya saing industri tempatan serta mempromosikan kepakaran dan kemampuan syarikat tempatan kepada syarikat multinasional;

- (11) Mempertingkatkan usaha untuk menggalakkan aliran masuk pelaburan asing serta pelaburan tempatan ke dalam sektor perindustrian di Pulau Pinang. Usaha galakan pelaburan tidak akan hanya ditumpukan kepada pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat dan Eropah tetapi juga kepada potensi pelaburan baru dari Korea Selatan, Timur Tengah, China, India dan Indonesia;
- (12) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi utama pilihan pelabur dengan membangunkan kawasan-kawasan perindustrian baru seperti Penang Science Park dan Kawasan Perindustrian Batu Kawan. Kawasan perindustrian ini dibangunkan untuk memenuhi permintaan pelabur dalam industri strategik pada masa hadapan;
- (13) Meningkatkan usaha mempromosikan sektor-sektor perkhidmatan yang lain seperti penubuhan ibu pejabat serantau (regional HQs), "MICE" (Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran), pendidikan, perubatan dan mempromosikan Pulau Pinang sebagai *World Heritage Site*;
- (14) Mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai Regional Headquarters kepada syarikat-syarikat multinasional yang kini beroperasi di dalam negeri serta syarikat-syarikat lain yang belum bertapak di Pulau Pinang. Dengan penubuhan Regional Headquarters syarikat-syarikat antarabangsa di Pulau Pinang, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat-syarikat ini akan dipertingkatkan, justeru meningkatkan peluang pekerjaan yang bergaji lebih tinggi seperti penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan (research, design & development) serta perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (shared services outsourcing) bagi penduduk Pulau Pinang;
- (15) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai sebuah lokasi untuk "MICE" (Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran). Pada masa ini, Kerajaan Negeri, melalui investPenang sedang mengadakan perbincangan dengan pihak swasta untuk menubuhkan sebuah pusat "MICE" di dalam negeri ini. Dengan penubuhan sebuah pusat "MICE", pengusaha-pengusaha acara (event management companies) akan mendapat dorongan untuk menganjurkan konvensyen, persembahan serta pameran antarabangsa di Negeri Pulau Pinang;

- (16) Menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri pendidikan. Pulau Pinang mempunyai sebanyak 6 buah sekolah antarabangsa yang menawarkan kurikulum pendidikan Amerika Syarikat, British, Jepun dan Taiwan kepada anak-anak ekspatriat yang bekerja di Pulau Pinang. Lebih banyak lagi sekolah-sekolah yang menawarkan kurikulum pendidikan antarabangsa akan ditubuhkan. Selain itu, terdapat lebih daripada 30 buah Institut Pengajian Tinggi Swasta yang menawarkan sijil-sijil kelayakan diploma dan ijazah sarjana muda dari luar negeri. Terdapat juga institut-institut pengajian tinggi yang menawarkan ijazah sarjana dan juga ijazah kedoktoran;
- (17) Mempromosikan pelancongan perubatan dan meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Pada masa ini, nisbah doktor kepada penduduk di Pulau Pinang adalah 1:842, yang dianggap sangat menggalakkan berbanding dengan nisbah negara iaitu 1:1200 atau sasaran yang ditetapkan oleh World Health Organization (WHO) iaitu 1:1000. Kerajaan Negeri telah berperanan dalam memberi penekanan terhadap penjagaan perkhidmatan kesihatan. investPenang pula akan terus mempromosikan pelaburan dari hospital-hospital swasta. Dengan adanya lebih banyak hospital-hospital swasta didirikan, negeri ini berpotensi untuk mendapatkan pakar-pakar bagi penyakit-penyakit berbeza;
- (18) Pengiktirafan Georgetown sebagai World Heritage Site sedikit sebanyak dapat mengembalikan status Negeri Pulau Pinang sebagai suatu destinasi pelancongan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan mengadakan pemantauan yang kerap dan serius terhadap kepentingan kemapanan dari segi alam sekitar, ekonomi, budaya dan sosial demi untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah tempat yang mempunyai nilai-nilai sejagat yang cemerlang;
- (19) Meningkatkan jaringan teknologi tanpa wayar. Ini dapat dibuktikan dengan pengiktirafan Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang menggunakan perkhidmatan internet jalur lebar tanpa wayar melalui Wi-Fi dengan pelancaran "Wireless@PENANG". Peringkat pertama projek adalah kemudahan teknologi Wi-Fi secara percuma di seluruh negeri, diikuti peringkat kedua iaitu perkhidmatan berbayar untuk capaian yang lebih laju di kawasan tertentu menggunakan teknologi WiMAX. Kemudahan Wi-Fi percuma disediakan di lokasi-lokasi terpilih dan akan diperluaskan secara berperingkat sehingga meliputi kira-kira 750 kawasan tumpuan dalam tempoh 15 bulan;

- (20) Menjadikan Pulau Pinang sebagai Pusat Hab Halal Antarabangsa berdasarkan kesesuaian Pulau Pinang sebagai pusat pembuatan, perindustrian dan pembungkusan bertaraf antarabangsa. Ini merupakan salah-satu langkah yang diambil Kerajaan Negeri untuk menjana ekonomi yang mapan untuk rakyat Pulau Pinang; dan
- (21) Menyokong pelbagai inisiatif kerjasama serantau yang berkepentingan dalam mendorong pembangunan ekonomi rakyat. Pulau Pinang memainkan peranan yang amat aktif dalam merancang dan mendorong inter- dan intra-perdagangan serta promosi di rantau pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT). Kedudukan dan infrastruktur Pulau Pinang yang strategik telah dikenal pasti dapat menguatkan kerjasama perdagangan terutamanya dari sektor logistik perindustrian dan pelancongan. Pihak Kerajaan Negeri, melalui agensinya seperti PDC dan investPenang, sentiasa bekerjasama dengan pihak swasta (melalui Joint-Business Council Malaysia) untuk mengenal pasti dan melaksanakan program dan kerjasama ekonomi di dalam rantau IMT-GT.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah proses permohonan untuk membina satu rumah ibadat bukan Islam yang baru.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Pemohon perlu mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang berdasarkan senarai semak Pusat Setempat (OSC) Pihak Berkuasa Tempatan. Jawatankuasa OSC akan merujuk pelan ini kepada semua Jabatan Teknikal untuk ulasan. Dalam masa yang sama juga, notis kepada lot berjiran akan dikemukakan mengikut Sek. 21(6), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976.

Jika terdapat bantahan daripada lot berjiran, satu pendengaran bantahan akan diadakan oleh Jawatankuasa OSC. Permohonan perlu mematuhi kehendak-kehendak teknikal yang ditetapkan. Permohonan ini juga akan dirujuk kepada Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) di peringkat negeri untuk pandangan dan perakuan. Jawatankuasa RIBI semasa menimbangankan permohonan Kebenaran Merancang akan mengambil kira:

- (i) Berlingkungan tapak tersebut mengikut Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan MPPP;
- (ii) Tatasusunan jalan tapak tersebut;
- (iii) Komposisi kaum di kawasan tersebut; dan

- (iv) Sama ada terdapat bantahan daripada lot-lot berjiran.

Sekiranya pemohon mematuhi semua kehendak teknikal dan seterusnya jika Jawatankuasa RIBI memperakukan permohonan ini, maka permohonan ini akan diluluskan oleh Jawatankuasa OSC.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Pihak manakah yang bertanggungjawab dalam pembersihan dan penyelenggaraan infrastruktur berikut :
- (a) Longkang simen/tanah yang dibina/dinaiktarafkan di bawah projek PIA/PIAS di kampung.
 - (b) Jalan mini tar yang dibina/dinaiktarafkan di bawah projek naik taraf jalan kampung.
 - (c) Jalan dan longkang yang sedia ada di Perkampungan Baru Cina.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Pembersihan longkang simen yang dibina atau dinaik taraf di bawah projek PIA / PIAS di kampung dilaksanakan berdasarkan kriteria berikut :
- (a) Sekiranya parit simen dibina atau di naik taraf oleh Pejabat Daerah dan Tanah, pembersihan akan dibuat secara gotong royong oleh JKKK dengan kerjasama pihak Qaryah serta Pejabat Belia dan Sukan dengan menggunakan peruntukan elaun kemasyarakatan sebanyak RM1000 setahun yang disediakan kepada setiap JKKK. Sekiranya parit simen dibina atau di naik taraf oleh Pihak Berkuasa Tempatan, pembersihan akan dibuat secara berkala oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Penyelenggaraan parit simen bergantung kepada agensi yang melaksanakan projek tersebut iaitu sama ada Pejabat Daerah dan Tanah atau Pihak Berkuasa Tempatan. Makluman mengenai kerosakan parit tersebut biasanya akan dilaporkan oleh JKKK kepada Pejabat Daerah dan maklumat akan disalurkan kepada agensi berkaitan melalui surat atau Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah yang diadakan sebulan sekali yang dihadiri oleh semua ADUN, Ahli Parlimen dan jabatan berkaitan.

Pembersihan dan penyelenggaraan parit tanah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

- (b) Penyelenggaraan jalan mini tar yang dibina atau di naik taraf melalui projek naik taraf jalan kampung akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

- (c) Penyelenggaraan jalan dan longkang sedia ada di Perkampungan Baru Cina bergantung kepada agensi pelaksana sama ada daripada Peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atau dari Peruntukan ADUN. Sekiranya ianya daripada peruntukan KPKT, penyelenggaraan akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan sekiranya daripada peruntukan ADUN, penyelenggaraan akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah.

Pembersihan longkang yang dibina atau di naik taraf oleh Pejabat Daerah dan Tanah dilakukan sendiri oleh JKKK yang menerima projek berkenaan secara gotong royong menggunakan elaun kemasyarakatan sebanyak RM1000 setahun yang diberikan kepada setiap JKKK.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Sila senaraikan rumah kos rendah/sederhana rendah yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2004 mengikut daerah.
- (b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam usaha membina lebih banyak rumah kos rendah/sederhana rendah selain daripada pembinaan oleh pemaju terutamanya di Daerah Barat Daya dan Seberang Perai Selatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Sejak tahun 2004, bagi Daerah Timur Laut terdapat dua projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah yang dibangunkan, Daerah Seberang Perai Utara sebanyak empat projek pembangunan rumah kos rendah manakala untuk Daerah Barat Daya, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan tiada projek kos rendah dan kos sederhana rendah yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri. (Sila rujuk lampiran untuk keterangan yang lebih terperinci).

LAMPIRAN

BIL	PROJEK DAN LOKASI	BIL UNIT	TAHUN MULA KERJA	CATATAN
DAERAH TIMUR LAUT				
1	Pembangunan Semula Diatas lot 8, 22, 24, 25 & Sebahagian Tanah Tebus guna di Hilir Sungai Pinang, Seksyen 9E, Bandar George Town, Daerah Timur Laut	125 unit kr 175 unit ksr	2004	O.C telah diperolehi pada 6.2.2008
2	Sri Saujana Projek Pembangunan Semula Tanah Kerajaan Di Gat Lebu Noordin, DTL	686 unit kr 1522 ksr	2005	Blok A telah perolehi O.C pada 12.12.07 Blok B dan C dalam pembinaan
SEBERANG PERAI UTARA				
1.	PAKR Kampung Besar Lot 2983 dan 3019, Mukim 12, Seberang Perai Utara)	429 unit	2003	O.C. telah diperolehi pada 27.6.2008
2.	PAKR Padang Chempedak Lot 1264, 1265, 1266 & 1267, Mukim 14, Jalan Padang Chempedak, Seberang Perai Utara	435 unit	2003	O.C. telah diperolehi pada 16.7.2008
3.	Taman Merbau Jaya Di atas lot 1126, 1288, 1290, 1592, 3040, 3041, 2975, 2976 & 2977, Mukim 11, Merbau Kudong, Sungai Dua, Seberang Perai Utara	193 unit kr	2006	Dalam pembinaan 57%
4.	Projek Pembangunan Semula Tanah Kerajaan Di Ampang Jajar / Rumah Hijau (Seberang Perai Utara)	304 unit kr	2005	Dalam pembinaan.

- (b) Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan dalam usaha membina lebih banyak rumah kos rendah dan kos sederhana rendah serta akan meneruskan usaha-usaha untuk menyediakan rumah mampu milik yang mencukupi, berkualiti dan selesa untuk mencapai sasaran satu keluarga satu rumah. Tanah kerajaan yang didapati sesuai untuk pembangunan perumahan akan diberi keutamaan bagi pembinaan rumah mampu milik. Pembangunan tanah tersebut, akan dilaksanakan secara penswastaan melalui tender terbuka.

Di samping itu, usaha akan terus diambil untuk mendapatkan kerjasama sektor swasta bagi menyumbang kepada pembinaan rumah mampu milik. Syarat pembinaan rumah kos rendah atau kos sederhana rendah oleh sektor swasta akan terus dikenakan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri sedang mengkaji semula dasar-dasar perumahan yang sedia ada.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-9, Kerajaan Negeri telah mencadangkan pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Ladang Kaledonia, Seberang Perai Selatan dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, sehingga kini tiada maklum balas yang diterima oleh Kerajaan Negeri berhubung pembinaan PPR tersebut dari pihak Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT).

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mencadangkan agar PPR dapat di bina di Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya. KPKT secara prinsipnya bersetuju dengan cadangan untuk membina PPR tersebut (melalui surat bertarikh 23 Ogos 2008). Walau bagaimanapun, ianya masih dalam peringkat perbincangan sebelum keputusan pelaksanaan projek tersebut dimuktamadkan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sila nyatakan kadar bayaran kontraktor Perkhidmatan Pengurusan Sampah (PPS) dan Kerja-kerja Pembersihan Am (KPA) oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Tawaran kepada kontraktor-kontraktor Perkhidmatan Pengurusan Sampah (PPS) dan Kerja Pembersihan Am (KPA) dibuat mengikut skop kerja dan luas sesuatu kawasan kerja dan bukan mengikut kadar. Jumlah bayaran bulanan MPSP kepada kontraktor PPS dan KPA seperti berikut :

KPA - RM1,365,299.01

PPS - RM1,116,187.20

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah hakisan pantai di sepanjang pantai Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi menangani masalah hakisan di sepanjang pantai Negeri Pulau Pinang adalah melalui dua kaedah iaitu:

- (i) Langkah Bukan Struktur
- (ii) Langkah Struktur

Melalui langkah bukan struktur, JPS sedang melaksanakan Program Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu. Di bawah program ini, JPS menyediakan pelan-pelan untuk perancangan pembangunan agar segala jenis pembangunan yang bakal dibangunkan tidak akan menjejaskan pantai di seluruh negeri. Di samping itu, setiap pembangunan yang akan dimajukan seperti kerja-kerja tebus guna, kerja-kerja pengorekan, pengambilan pasir laut dan pembinaan bangunan di kawasan laut atau jeti perlu terlebih dahulu melaksanakan kajian hidraulik. Kajian hidraulik dibuat untuk membolehkan pihak JPS mengenal pasti kesan-kesan yang akan timbul hasil daripada projek yang akan dibina.

JPS juga menjalankan kerja-kerja pemantauan hakisan pantai bagi seluruh Negeri Pulau Pinang dan meletakkan bahagian-bahagian pantai mengikut kategori.

- Kategori I – Hakisan Kritikal,
- Kategori II – Hakisan Ketara, dan
- Kategori III – Boleh Diterima

Bagi Negeri Pulau Pinang Kategori I yang dianggap serius adalah di kawasan Pantai Bersih dan sebahagian di Balik Pulau. Bagi kategori tersebut JPS telah melaksanakan kerja-kerja pemulihan dengan membina benteng lapis lindung untuk menangani hakisan di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa bahagian di kawasan kritikal yang akan dilaksanakan kerja-kerja pemulihan dan menaik taraf sementara kawasan lain diletakkan di bawah Kategori II dan Kategori III.

Untuk langkah-langkah struktur JPS menyediakan program jangka pendek dan jangka panjang. Bagi program jangka panjang, JPS telah pun melaksanakan kerja-kerja lapis lindung di Seberang Perai Utara dan Daerah Barat Daya. Kawasan-kawasan yang telah siap dilaksanakan projek-projek pengawalan hakisan pantai didapati telah stabil dan dalam keadaan baik.

Di bawah program membaik pulih muara Sungai Perai secara menyeluruh, masalah hakisan Pantai Bersih di Seberang Perai Utara, satu projek kawalan hakisan pantai akan dilaksanakan di sepanjang pantai tersebut. Untuk program jangka pendek kawasan hakisan pantai yang didapati sangat serius seperti yang berhampiran Taman Tun Dr. Awang / bangsal nelayan akan dilaksanakan pada awal bulan Disember 2008. Manakala bagi kawasan hutan bakau, JPS akan bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dan Persatuan Nelayan Seberang Perai untuk menanam semula pokok bakau jika terdapat kawasan hutan bakau yang mati atau yang ditebang seperti di Juru yang dibuat penanaman semula pada 18 Oktober 2008 baru-baru ini.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Bilakah Projek Pemuliharaan Sg. Juru River Basin, Fasa 1A dapat dilaksanakan.
- (b) Berapakah kos pelaksanaan Fasa 1A projek tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Projek Pemuliharaan Sungai Juru River Basin Fasa 1A akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.
- (b) Anggaran kos pelaksanaan projek tersebut adalah sebanyak RM300 juta (kos ini tidak termasuk kos pengambilan balik tanah).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Apakah perancangan pembangunan terbaru di Pulau Jerejak. Nyatakan secara teliti cadangan-cadangan daripada Sime Darby dan pemaju yang lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Projek pembangunan hartanah dan eko pelancongan di atas tapak seluas 80 ekar di Pulau Jerejak adalah milik Tropical Island Resort Sdn Bhd (TIR), sebuah syarikat usaha sama di antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan UDA Holdings Berhad (UDA) dengan ekuiti 49 peratus dan 51 peratus masing-masing. Berdasarkan perancangan TIR, pembangunan Pulau Jerejak ini merangkumi tiga (3) fasa seperti berikut:-

Fasa 1

Projek yang telah dibangunkan di Fasa 1 ialah Jerejak Resort & Spa (JRS) yang telah bermula operasi pada 27 Januari 2004. Keluasan tanah di Fasa 1 adalah sebanyak 20.2 ekar.

Perancangan pembangunan baru adalah merupakan tambahan ke atas baki tanah di fasa ini bagi menampung pembangunan sedia ada dan merangkumi *hillside villa*, *bungalow villa*, *studio lodge*, *studio chalet*, *suite chalet* dan *floating chalet*.

Fasa 2

Cadangan komponen pembangunan di Fasa 2 yang merangkumi keluasan tanah sebanyak 30 ekar terdiri daripada dua (2) pakej. Pakej A merangkumi *seafont villa*, *hillside villa*, *hillside townhouse* dan *waterfront plaza* dan *jetty*; manakala Pakej B merangkumi komponen komersil dan hotel, taman tema air, muzium dan galeri serta *marina*.

Fasa 3

Cadangan komponen pembangunan di Fasa 3 yang merangkumi keluasan tanah sebanyak 29.8 ekar terdiri dari banglo korporat, *marina* dan *health villages*.

Berdasarkan kepada perancangan yang dinyatakan dalam Pelan Induk NCER (*NCER Blueprint*), Pulau Jerejak akan dibangunkan semula sebagai sebuah pusat peranginan mewah dan pelancongan perubatan yang disokong oleh rangkaian pengangkutan bersepadu di antara pulau dan tanah semenanjung.

Sime Darby selaku penyedia kepada NCER *Blueprint* pada masa ini sememangnya ada menyatakan minat untuk merealisasikan perancangan NCER ke atas Pulau Jerejak. Pada masa ini, Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa perkara ini masih lagi di peringkat cadangan dan sedang diteliti daya maju projek ini sebelum kertas cadangan yang lengkap disediakan dan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri.

Justeru itu, Kerajaan Negeri buat masa ini tidak dapat menyatakan secara terperinci perancangan Sime Darby kerana cadangan lengkap masih belum disiapkan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Nyatakan secara terperinci usaha Kerajaan Negeri mengoptimumkan status George Town sebagai Warisan Budaya Dunia UNESCO dalam mempromosikan industri pelancongan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Pada 7 Julai 2008, Bandar George Town dan Melaka telah disenaraikan secara bersama sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) melalui mesyuarat *World Heritage Committee* yang diadakan di Quebec City, Canada. Kedua-dua bandar ini disenaraikan sebagai "Bandar Bersejarah di Selat Melaka" di bawah kategori Warisan Budaya.

Sejak dari itu, Kerajaan Negeri telah memfokuskan untuk mempromosikan George Town sebagai tapak warisan dunia. Antara kaedah yang telah digunakan ialah penerbitan risalah-risalah untuk diedar kepada pelancongan di dalam dan luar negara. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut mengiklankan tapak-tapak warisan tersebut dalam majalah-majalah pelancongan di dalam dan luar negara dalam usaha membantu dan menggalakkan pelancongan berunsurkan sejarah dan kebudayaan. Syarikat-syarikat pelancongan tempatan juga turut mempromosikan kawasan tapak warisan dengan mengadakan pakej 'Jejak Warisan George Town' atau '*George Town Heritage Trail*' untuk pelancong-pelancong.

Kerajaan Negeri setakat ini telah menjalankan usaha-usaha promosi dan pemasaran pelancongan di dalam dan di luar negeri melalui aktiviti di antaranya :

- (i) Penerbitan risalah-risalah pelancongan;
- (ii) Mengambil ruang iklan dalam majalah tempatan dan juga luar negara;
- (iii) Mengiklankan produk pelancongan dalam laman web;
- (iv) Menganjurkan program lawatan serta keraian bagi agensi-agensi pelancongan dan para penulis pelancongan; dan
- (v) Mengambil bahagian dalam pameran pelancongan tempatan dan antarabangsa seperti:-
 - Pameran MATTA (*Malaysia Tours & Travel Association*) di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor;
 - Pameran MATF (*Malaysia Airlines Travel Fair*) anjuran Malaysia Airlines;
 - acara promosi makanan dan kebudayaan Citra Warna anjuran Tourism Malaysia 2008 dengan kerjasama Hotel Legend;
 - Pameran Nepcon di PISA;
 - AITE (*Asia Incentive & Exhibition*) Australia;

- ITB Berlin, Germany;
- ATM (*Arab Travel Mart*) Dubai, UAE;
- NATAS *Fair Singapore*;
- IMTGT Songkla, Thailand;
- Medan Fair 2008 Indonesia;
- WTM (*World Travel Mart*) London, UK; dan
- *Discover Thailand & Discover World 2008*, Bangkok.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Apakah punca yang menyebabkan tekanan air yang rendah di Taman Bidara, Machang Bubok.
- (b) Apakah langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Punca yang dikenalpasti menyebabkan tekanan air rendah di Taman Bidara, Machang Bubok ialah kebocoran pada tangki simpanan air di taman tersebut. Walaupun demikian tekanan masih berada pada paras tidak kurang dari 10 meter.
- (b) Masalah ini telah dapat diatasi pada Julai 2008 dengan menggunakan rumah pam baru yang dibina di Machang Bubok.

XIX. Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapa banyak rumah kos rendah yang siap dibina di seluruh Pulau Pinang sehingga 30 September 2008. Sila beri pecahan bilangan unit mengikut daerah dan jumlah pembeli mengikut pecahan kaum.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Mengikut rekod Bahagian Perumahan, sehingga 30 September 2008, sebanyak 92,452 unit rumah kos rendah dan 19,140 unit rumah kos sederhana rendah telah siap di bina. Pecahan bilangan unit mengikut daerah dan jumlah pembeli mengikut pecahan kaum adalah seperti di Jadual.

Walau bagaimanapun, rekod pemohon mengikut kaum dan daerah mula di rekod menggunakan sistem pendaftaran perumahan berkomputer mulai tahun 2004. Oleh yang demikian, bagi pemohon yang membeli sebelum tahun tersebut, ianya tidak direkodkan secara menyeluruh.

Jadual

**Rumah Kos Rendah dan Sederhana Rendah
Yang Telah Siap Sehingga 30 September 2008**

BIL	DAERAH	KOS RENDAH	SEDERHANA RENDAH
1	Timur Laut	33273 unit	18028 unit
2	Barat Daya	12257 unit	150 unit
3	Seberang Perai Utara	10917 unit	-
4	Seberang Perai Tengah	23239 unit	962 unit
5	Seberang Perai Selatan	12766 unit	-
	Jumlah	92452 unit	19140 unit

**Jumlah Terima Tawaran Mengikut Daerah Dan Kaum
Sehingga 30 September 2008**

DAERAH	MELAYU	CINA	INDIA	JUMLAH
Seberang Perai Tengah	3227	2590	626	6443
Seberang Perai Utara	4515	1273	478	6266
Seberang Perai Selatan	1497	1149	388	3034
Timur Laut	4140	12338	2327	18805
Barat Daya	3110	1736	484	5330
JUMLAH	16489	19086	4303	39878

Pecahan bilangan pemohon mengikut daerah dan kaum mula direkod melalui Sistem Perumahan Berkomputer bermula tahun 1994. Bagi permohonan sebelum tahun tersebut, ianya tidak direkodkan secara menyeluruh.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak mengambil alih pentadbiran bermula 18 Mac 2008 hingga 30 September 2008. Sila nyatakan bilangan projek, kos dan lokasi mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 adalah berdasarkan kepada cadangan projek yang telah dipohon pada tahun 2007. Peruntukan bajet pembangunan yang telah diluluskan bagi tahun 2008 adalah sejumlah RM162,527,330 yang melibatkan sebanyak 655 buah projek. Sehingga 30 September 2008, sejumlah RM67,357,283.68 telah dibelanjakan. Jumlah ini tidak termasuk jumlah tanggungan sebanyak RM8,671,343.34 bagi melaksanakan projek-projek pembangunan bagi Negeri Pulau Pinang. Peratus perbelanjaan keseluruhan termasuk tanggungan adalah sebanyak 46.78% daripada bajet yang telah diperuntukkan untuk tahun 2008.

Pecahan pelaksanaan projek mengikut daerah adalah seperti berikut :

DAERAH BILANGAN PROJEK

Seberang Perai Utara	-	140
Seberang Perai Tengah	-	91
Seberang Perai Selatan	-	112
Timur Laut	-	129
Daerah Barat Daya	-	66
Melibatkan lebih dari satu daerah	-	117
JUMLAH	-	655

Butiran terperinci perbelanjaan pelaksanaan projek di bawah bajet pembangunan negeri boleh diperolehi di Pejabat Daerah berkaitan.

**RINGKASAN PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI
TAHUN 2008 SEHINGGA 30.09.2008**

Butir (P)	Jabatan	Peruntukan Diluluskan 2008	Perbelanjaan Sebenar	Waran	Tanggung	Peratus (%) P'belanjaan Sebenar	Peratus (%) Perbelanjaan Sebenar + Tanggungan/waran	Baki
								Peruntukan
01	Pej.KM/SUK (Secara langsung)	20,897,300	7,793,070.29		2,865,125.08	37.29	51.00	10,239,104.63
	Pej.KM/SUK (Pinjaman)	97,000,030	36,384,574.00		-	37.51	37.51	60,615,456.00
08	Jab. Pengairan dan Saliran	10,000,000	6,263,656.28		2,968,849.10	62.64	92.33	767,494.62
09	Jab. Perhutanan	3,000,000	2,014,927.40		339,701.70	67.16	78.49	645,370.90
10	Jab. Botani	1,000,000	767,548.24		40,031.80	76.75	80.76	192,419.96
12	Jab. Kerja Raya	10,000,000	3,024,132.61		2,173,555.76	30.24	51.98	4,802,311.63
13	Jab. Hal Ehwal Agama	5,000,000	2,457,377.24		68,084.00	49.15	50.51	2,474,538.76
16	Jab. Kewangan Negeri	9,630,000	5,206,905.34		-	54.07	54.07	4,423,094.66
17	Jab. Perkhidmatan Veterinar	2,000,000	1,637,168.47		215,995.90	81.86	92.66	146,835.63
18	Jab. Pertanian	4,000,000	1,807,923.81		-	45.20	45.20	2,192,076.19
JUMLAH BESAR		162,527,330	67,357,283.68	-	8,671,343.34	41.44	46.78	86,498,702.98

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah status kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sehingga 30 September 2008. Sila nyatakan peruntukan yang dibelanjakan mengikut jabatan. Sila nyatakan secara terperinci jumlah hutang yang sedang ditanggung oleh MPSP.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Status kewangan MPSP sehingga 30 September 2008 adalah seperti berikut:-

- (i) Kedudukan wang tunai dan simpanan tetap MPSP pada masa kini adalah sejumlah RM34.73 juta.
- (ii) Peruntukan yang dibelanjakan mengikut jabatan ialah:-

Jabatan-jabatan	Bajet 2008 (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)
Khidmat Pengurusan	24,740,170.00	13,658,003.00
Undang-Undang	6,491,680.00	4,585,266.00
Kesihatan	74,609,352.00	41,369,115.00
Kejuruteraan	27,042,201.00	11,544,603.00
Bangunan	2,959,340.00	1,988,546.00
Perancang Bandar	13,365,780.00	6,654,433.00
Perbendaharaan	10,035,700.00	7,069,563.00
Penilaian	2,831,720.00	1,557,567.00
Pelesenan	3,579,940.00	2,455,192.00
Kemasyarakatan	1,890,440.00	988,533.00

- (iii) Jumlah hutang MPSP yang ditanggung adalah seperti berikut:-

- (a) Pinjaman ibu pejabat MPSP : RM43,334,082.00
- (b) Pinjaman pembedugan Kerajaan Persekutuan : RM278,991,090.00

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Berapa kos yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu mangsa-mangsa banjir yang melanda negeri ini sehingga 30 September 2008. Sila nyatakan jenis bantuan yang disediakan mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri telah mengeluarkan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana alam meliputi kebakaran, ribut, banjir/banjir kilat dan tanah runtuh. Bantuan bencana alam adalah untuk membantu mangsa-mangsa malapetaka yang mengalami kehilangan mata pencarian serta kerosakan rumah kediaman melalui bantuan serta merta dan bantuan pemulihan jangka panjang. Jumlah bantuan yang diluluskan sepanjang tahun 2008 sehingga bulan September adalah seperti berikut:-

Daerah	Bil. Kes	Amaun Bantuan RM
Seberang Perai Utara	371	39,393.20
Seberang Perai Tengah	592	39,284.60
Seberang Perai Selatan	14	19,020.00
Timur Laut	997	18,130.00
Barat Daya	1,916	22,200.00
JUMLAH	3,890	138,027.80

Selain dari itu, Jabatan Kerja Raya (JKR), Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan pihak Bomba juga memainkan peranan penting semasa berlakunya bencana alam. JKR berperanan dalam mengemas dan membersihkan tempat-tempat kejadian terutamanya yang melibatkan kejadian tanah runtuh. Sementara PDRM dan Bomba membantu dalam memastikan tahap keselamatan di kawasan yang dilanda banjir dalam keadaan selamat dan terkawal.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Bagaimana dengan usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi kepada 10 metrik tan bagi setiap hektar. Sila nyatakan mengikut daerah jumlah petani yang berjaya mencapai sasaran ini. Apakah insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menggalakkan petani berusaha bagi mencapai matlamat ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan telah menetapkan matlamat atau sasaran untuk meningkatkan pengeluaran padi pada purata 10 tan metrik sehektar pada tahun 2010.

Langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan melalui jabatan dan agensi-agensi di bawahnya untuk meningkatkan pengeluaran padi dan bahan-bahan makanan yang bersumberkan pertanian ialah dengan:

(A) Menggalakkan transformasi pertanian secara menyeluruh. Transformasi pertanian dilakukan merangkumi 2 aspek iaitu melalui transformasi ladang dan transformasi tenaga.

(i) Transformasi Ladang

Beberapa program diwujudkan dalam usaha untuk merealisasikan transformasi ladang. Antaranya:-

(a) Projek Berkelompok

Pelaksanaan Projek Berkelompok adalah satu usaha untuk menyatukan kebun-kebun kecil petani yang dilaksanakan secara individu menjadi ladang-ladang yang dilaksanakan secara komersil. Melalui projek-projek berkelompok, pengurusan ladang dapat dilakukan secara lebih ekonomik contohnya melalui input-input pertanian secara pukal dan penyediaan infrastruktur ladang secara bersepadu.

Pengawalan pengeluaran juga dapat dilakukan secara matriks tanaman bagi mengatasi masalah lambakan pasaran. Pengurusan secara berkelompok juga lebih memudahkan penyampaian teknologi terkini terutamanya melalui Amalan Ladang Yang Baik (Good Agricultural Practice) yang mana secara tidak langsung meningkatkan kualiti tanaman dan harga.

(b) Program Pembangunan Tanah Terbiar

Hasrat utama pelaksanaan Program Pembangunan Tanah Terbiar adalah untuk mendapatkan tanah-tanah yang boleh dimajukan dengan aktiviti pertanian.

Tanah-tanah yang dikenal pasti berpotensi dibangunkan dengan kemudahan infrastruktur ladang seperti jalan ladang, sistem perparitan bagi memastikan ia sesuai untuk aktiviti pertanian.

(c) Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

Pelaksanaan Pembangunan TKPM adalah bertujuan untuk mewujudkan kawasan pertanian kekal bagi pengeluaran makanan terpilih secara intensif dan moden yang merangkumi unsur-

unsur penyelidikan dan pembangunan, pendidikan, pelancongan dan pemeliharaan alam sekitar.

(d) Projek Padi 10 Tan

Pengeluaran hasil padi semasa dengan purata 3 hingga 4 tan metrik sehektar. Nilai pengeluaran ini, selain hanya menampung 70 peratus keperluan negara, ia juga tidak memberikan pulangan yang sewajarnya kepada golongan petani.

Bagi tujuan tersebut, matlamat untuk meningkatkan pengeluaran padi pada purata 10 tan metrik sehektar pada tahun 2010 telah ditetapkan. Melalui program ini pakej pengurusan tanaman disediakan mampu untuk mencapai matlamat tersebut. Selain itu, insentif tanaman padi turut disediakan bagi memberi suntikan kepada petani meningkatkan hasil pengeluaran padi iaitu Insentif Peningkatan Pengeluaran Padi.

(e) Pembangunan Industri Asas Tani

Pembangunan Industri Asas Tani adalah program penting yang menyokong program pembangunan tanaman makanan. Melalui program ini produk-produk makanan yang dikenal pasti mampu dipasar dimajukan dengan kualiti yang lebih baik, persembahan yang lebih menarik dan sebagainya.

(f) Pelaksanaan Pelan Imbangan Perdagangan (Balance Of Trade-BOT)

Antara isu utama dalam bidang pertanian yang sedang dihadapi negara pada masa ini ialah defisit perdagangan makanan yang begitu besar dan kian meningkat. Melalui BOT tanaman-tanaman yang berpotensi akan dikenal pasti untuk dieksport ke luar negara. Antaranya adalah seperti pisang dan mangga yang telah mendapat tempahan pasaran di luar negara. Beberapa jenis tanaman sayur-sayuran juga telah dikenal pasti untuk dimajukan bagi menggantikan sayur-sayuran yang sering diimport dari luar negara.

(ii) Transformasi Tenaga

Beberapa program diwujudkan dalam usaha untuk merealisasikan transformasi tenaga. Antaranya:

(a) Transformasi Pengamalan Ladang

Usaha giat sedang dijalankan untuk transformasi pengamalan ladang yang menekankan kepada penggunaan mekanisasi ladang, automasi dan teknologi moden.

(b) Penggalakan Penglibatan Pihak Swasta

Penglibatan pihak swasta dalam membangunkan industri pertanian negara akan terus digalakkan. Penglibatan pihak swasta amat perlu kerana keupayaan mereka dari segi modal, pembangunan teknologi dan jaringan pemasaran.

(c) Penglibatan Usahawan/Belia

Usahawan muda dan golongan belia sentiasa digalakkan untuk menyertai bidang pertanian secara satu bidang baru dalam pembangunan ekonomi. Ini adalah kerana golongan ini dilihat mampu menjadikan bidang pertanian sebagai satu perniagaan dan mereka berupaya mengubah sepenuhnya bidang ini dari pengamalan pertanian secara tradisional kepada bidang yang lebih moden, dinamik dan berdaya saing.

(B) Menyediakan Pelan Tindakan Komprehensif Jaminan Bekalan Makanan. Pelan ini meliputi usaha-usaha seperti berikut iaitu:

(i) Pelaksanaan pelan tindakan untuk meningkatkan pengeluaran beras yang merangkumi penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran, perataan tanah sawah, peningkatan kesuburan tanah, kawalan makhluk perosak, pemilikan jentera dan mekanisasi ladang dan kempen meningkatkan kesedaran pesawah untuk mengurus serta meningkatkan pengeluaran padi;

(ii) Perlaksanaan pelan tindakan projek bagi sub-sektor tanaman makanan mencakupi Program Bumi Hijau dan pengurusan tanah terbiar; dan

- (iii) Pemberian insentif pengeluaran tanaman makanan (buah-buahan dan sayur-sayuran). Bagi tujuan ini, petani akan diberi insentif sebanyak RM81 bagi setiap tan pengeluaran sayuran dan RM78 bagi setiap tan pengeluaran buah-buahan.
- (C) Menyediakan Insentif Peningkatan Hasil dan Pengeluaran padi. Antara insentif yang ditawarkan ialah:
- (i) Insentif peningkatan hasil untuk petani yang dapat meningkatkan pengeluaran sekurang-kurangnya 1 peratus berbanding dengan hasil musim asas pada kadar RM650 bagi setiap tan metrik sehektar;
 - (ii) Insentif RM 650 bagi pengeluaran yang mencapai hasil 10 tan metrik sehektar; dan
 - (ii) Insentif upah membajak dan bantuan input pertanian atau baja tambahan.

Walaupun sehingga kini tidak ada petani yang berjaya mencapai pengeluaran padi pada kadar 10 tan metrik sehektar, usaha yang disebutkan di atas akan tetap diteruskan memandangkan Kerajaan Negeri percaya matlamat mencapai kadar pengeluaran padi pada purata 10 tan metrik sehektar akan tercapai dengan sokongan dan penglibatan semua pihak.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berapa banyak peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membina rumah ibadat untuk semua kaum yang baru serta memperbaikinya sehingga 31 September 2008. Sila nyatakan perbelanjaannya untuk semua rumah ibadat serta lokasinya mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan membina dan memperbaiki rumah ibadat untuk semua kaum pada tahun 2008 mengikut daerah seperti berikut :

Daerah Timur Laut

Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut tidak mempunyai sebarang peruntukan khas bagi tujuan membina atau memperbaiki rumah ibadat untuk semua kaum. Walau bagaimanapun, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut sebagai agensi pelaksana telah melaksanakan beberapa projek memperbaiki rumah ibadat dengan menggunakan peruntukan Persekutuan dan peruntukan Negeri di bawah

maksud pembangunan P16(02) yang dipohon oleh YB Adun masing-masing. Senarai projek memperbaiki rumah ibadat mengikut KADUN yang dilaksanakan oleh PDDTL dengan menggunakan peruntukan P16(02) adalah seperti di lampiran ID 130.

Daerah Barat Daya

Projek-projek dan butir-butir untuk rumah ibadat di Daerah Barat Daya adalah seperti berikut :

Bil.	Nama Projek	Peruntukan	Jenis Projek	Tempat	KADUN
1.	Menyelenggara Dan Naiktaraf Surau Sg. Nipah	RM20,000.00	Penyelenggaraan	Surau	Batu Maung
2.	Menyelenggara Dan Naiktaraf Surau Sg.Ara Kg.Jln.Tengah Sg.Ara	RM20,000.00	Penyelenggaraan	Surau	Batu Maung
3.	Menyelenggara Dan Naiktaraf Surau Di Kg.Baroh, Kampung Baroh, Bayan Lepas	RM30,000.00	Penyelenggaraan	Surau Kg. Baroh	Bayan Lepas
4.	Menyelenggara Dan Naiktaraf Surau Kg. Kg.Pasir Kg.Pasir Belanda	RM30,000.00	Penyelenggaraan	Surau Kg. Pasir Belanda	Teluk Kumbar
5.	Menyelenggara Dan Naiktaraf Surau Tmn. Seri Nibong	RM30,000.00	Penyelenggaraan	Surau Seri Nibong	Tmn. Pantai Jerjak
6.	Menyelenggara Dan Naiktaraf Masjid Daerah, Daerah Barat Daya Balik Pulau	RM50,000.00	Penyelenggaraan	Masjid Daerah Balik Pulau	Pulau Betong
7.	Membina Surau Baru RM 150,000.00 Bina Baru Surau Jln Batu Maung Di Jalan Tengah Sungai Tengah Sg. Ara	RM150,000.00	Bina Baru	Surau Jln. Tengah Sg. Ara	Batu Maung
Jumlah Peruntukan RM 330,000.00					

Daerah Seberang Perai Utara

Tidak ada peruntukan diterima oleh Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara untuk membina rumah ibadat yang baru bagi tahun 2008. Terdapat 6 buah rumah ibadat di Daerah SPU telah dibaik pulih sehingga 30 September 2008 dengan kos RM 35,000.00 seperti berikut :

LOKASI:

BIL.	NAMA RUMAH IBADAT	ADUN	JUMLAH PERUNTUKAN
1.	Rumah Penganut Dewa Chek Kong	Bagan Jermal	RM5,000.00
2.	Persatuan Penganut Dewa Eng Leng Eng Tean	Bagan Jermal	RM5,000.00
3.	Pertubuhan Yeo Lan Sen Hoay & Cheng Wong Hua Hood, Bagang Lalang	Bagan Jermal	RM5,000.00
4.	Penganut Dewa Sian Sam Kong Huat Chong Kong	Bagan Jermal	RM5,000.00
5.	Penganut Hock Teik Soo	Bagan Jermal	RM5,000.00
6.	Pertubuhan Guang Dong Sheng Pu Ling Xian Lin Shi Yu Xi Xiang Tong Xiang Hui Pulau Pinang	Bagan Jermal	RM10,000.00
		Jumlah	RM35,000.00

Daerah Seberang Perai Tengah

Sehingga 31 Oktober 2008, Kerajaan Negeri melalui peruntukan KADUN masing-masing telah membelanjakan sebanyak RM30,026.70 untuk projek menaiktaraf tiga rumah ibadat di daerah Seberang Perai Tengah(SPT). Projek tersebut ialah:

Bil.	NAMA RUMAH IBADAT	JUMLAH PERUNTUKAN
i.	Tokong Bak Hai Sungai Semambu	RM14,026.70.
ii.	Tokong Phor Thor Perai	RM 10,000
iii.	Surau Haji Puteh, Sungai Semabu	RM 6,000
	Jumlah	RM30,026.70

Daerah Seberang Perai Selatan

Sehingga 30 September 2008, Daerah Seberang Perai Selatan tidak menerima sebarang peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk pembinaan atau memperbaiki rumah ibadat untuk semua kaum.

JUMLAH BESAR : RM616,394.70

SENARAI PROJEK PERUNTUKAN P.16 (02) TAHUN 2008 [BAGI TUJUAN MEMPERBAIKI/MEMBINA RUMAH IBADAT]

PEJABAT DAERAH DAN TANAH TIMUR LAUT

KADUN	NO PROJEK	Nama Projek	PERUNTUKAN
TG BUNGA	N22/02/B004	Membaiki Bumbung Sekolah Agama Rakyat Masjid Tuan Guru Tanjung Tokong Pulau Pinang	5,000.00
AIR PUTIH	N23/02/003	Membiayai Sebahagian Kos Untuk Membaiki Rumah Ibadat Pertubuhan Penganut Dewa Hooi Teik Choon Ong, Taman Hye Keat (Og)	3,000.00
	N23/02/005	Membuat Tambahan Bangunan Masjid Kg. Bahru (Og)	3,000.00
	N23/02/B015	Bekal Bahan-Bahan Binaan Untuk Baiki Bangunan Kepada Tokong Pow Yi Sian Tsi, 802 Mk.16, Jln Balik Pulau	3,500.00
KEBUN BUNGA	N24/02/002	Membekal Bahan Binaan Untuk Membaiki Kuil Sri Ahora Veerapathra Secara Gotong Royong	5,000.00
	N24/02/003	Memberi "Outright Grant" Kepada St. Joseph Chapel Ladang Hong Seng Untuk Tujuan Pembangunan Kuil	5,000.00
	N24/02/005	Memberi "Outright Grant" Kepada Kuil Hong San See Untuk Tujuan Pembangunan Kuil	5,000.00

KADUN	NO PROJEK	Nama Projek	PERUNTUKAN
PULAU TIKUS	N25/02/001	Membiayai Sebahagian Kos Untuk Membaikipulih Bangunan Tokong Poh Oo Toong Temple (Og)	5,000.00
	N25/02/003	Membiayai Sebahagian Kos Untuk Membina Semula Patung Dewa Leng Poh Un Khuay Hoey Kuan (Og)	5,000.00
	N25/02/004	Membiayai Sebahagian Kos Untuk Membaikipulih Sri Muniswarar Temple, Ladang Hong Seng (Og)	5,000.00
PENGKALAN KOTA	N27/02/B001	Biayai Sebahagian Kos Membaiki/Menukar Papan Di Bawah Tokong Dewa Hean Boo Thean Kepada Persatuan Hean Boo Thean (Og)	2,000.00
	N27/02/B002	Biayai Sebahagian Kos Membaiki/Menaik Taraf Tokong Dewa Teong Tnua Guan Suay Pulau Pinang (Og)	3,000.00
	N27/02/B003	Biayai Sebahagian Kos Membaiki/Menaiktaraf Bumbung Tokong Dewa Tua Pek (Og)	5,000.00
	N27/02/B005	Membiayai/Menaiktaraf Tokong Di Kongsu Pengkalan Chew (Chew Jetty) No. 65, Weld Quay, Pulau Pinang (Og)	4,000.00
	N27/02/B006	Membiayai/Menaiktaraf Tokong Pertubuhan Perayaan Yee Lan Gat Lebuh Cecil - Gat Lebu Macallum, Pulau Pinang (Og)	5,000.00
	N27/02/B009	Membaiki/Menaiktaraf Tokong Pertubuhan Penganut Dewa Teong Poh Keong (Og)	5,000.00
KOMTAR	N28/02/002	Membaiki Dan Menaiktaraf Bangunan Tokong Persatuan Penganut Dewa Hock Teik Chia Sin Pasar Jalan Anson Pulau Pinang (Og)	5,000.00
	N28/02/003	Membaiki Dan Merenovasikan Bangunan Kuil Sri Raja Mariamman Temple Kampung Jawa Baru Pulau Pinang (Og)	5,000.00
	N28/02/004	Membaiki Dan Merenovasikan Bangunan Tokong Persatuan Penganut Dewa Hooi Teik Choon Ong Pulau Pinang (Og)	5,000.00
	N28/02/B003	Membaiki/Menaiktaraf Tokong Hong Kong Street Tow Boh Keong Penang Dan Kerja-Kerja Berkaitan	10,000.00
DATUK KERAMAT	N29/0203/038	Sumbangan Peruntukan Untuk Membaiki Dan Meningkatkan Taraf Kuil Cheng Lam Keong Di Taman Free School (Og)	2,000.00
	N29/02/B002	Sumbangan Peruntukan Untuk Menaiktaraf Bumbung Tempat Memasak Masjid Hashim Yahaya Kepada Qaryah Masjid Hashim Yahaya (Og)	14,000.00

KADUN	NO PROJEK	Nama Projek	PERUNTUKAN
BATU LANCANG	N31/02/007	Sumbangan Peruntukan Mengubahsuai Dan Menaiktaraf Bangunan Tokong Shi Jia Mo Ni Fo (Og)	2,000.00
	N31/02/008	Sumbangan Peruntukan Membaiki Tokong Dewa Sri Muniswarar (Og)	2,000.00
	N31/02/009	Sumbangan Peruntukan Membaiki Dan Menaiktaraf Tokong Leng Hai Tean (Og)	4,000.00
	N31/0203/001	Sumbangan Peruntukan Membaiki Dan Menaiktaraf Tokong Dewa Teong Tua Guan Seoh, Jalan Perak (Og)	2,000.00
	N31/0203/003	Sumbangan Peruntukan Mengubahsuai Dan Menaiktaraf Tokong Chin Poh Keong (Og)	3,000.00
	N31/0203/004	Sumbangan Peruntukan Mengubahsuai Dan Menaiktaraf Bangunan Tokong Lam Sin Keong (Og)	2,000.00
	N31/0203/008	Bekal Bahan Binaan Untuk Menaiktaraf Bangunan Kepada Persatuan Penganut Ku Loong Tean, Jalan Perak	4,000.00
	N31/02/B001	Sumbangan Peruntukan Untuk Mengubahsuai/Mengecat Semula Tokong Pertubuhan Penganut Dewa Dong Ling Zhen Ying Gong, Solok Slim, Pulau Pinang (Og)	6,500.00
PAYA TERUBONG	N34/02/004	Sumbangan Outright Grant Untuk Membiayai Sebahagian Kos Bagi Menukar Tiang-Tiang Di Bumbung Tokong Kepada Rumah Tua Pek Kong Paya Terubong	5,000.00
	N34/02/005	Sumbangan Outright Grant Untuk Membiayai Sebahagian Kos Bagi Membaiki Dinding Dan Pintu Kepada Persatuan Penganut Dewa Arulmigu Parakkallu Sri Muniswarar, Tanjung Court Farlim	3,000.00
	N34/02/008	Sumbangan Outright Grant Untuk Membiayai Sebahagian Kos Bagi Membaiki Lantai Dan Mengecat Semula Tokong Persatuan Penganut Hock Teik Cheng Sin Bandar Baru Air Itam	5,000.00
ADUN SERI DELIMA	N32/02/B004	Bekal Bahan Binaan Untuk Membina Awning Kepada Persatuan Penganut Dewa Leng Shua Poh Teoh Pek (Leng Shua Yam) Bukit Gambir, Gelugor	5,000.00
	N32/03/B002	Bekal Peralatan Kepada Persatuan Penganut Dewa Tua Pek Kong	4,000.00
	N32/03/B015	Bekal Peralatan Pa Sistem Kepada Kuil Sri Veeramakliamman Devasthanam, Jln Sultan Azlan Shah Gelugor	5,000.00

KADUN	NO PROJEK	Nama Projek	PERUNTUKAN
ADUN AIR ITAM	N33/02/B005	Bekal Cat/Peralatan Mengecat Kepada Surau Kampung Melayu, Air Itam	3,270.00
	N33/02/B011	Membekal Bahan Binaan Kepada Tokong Poh Tien Kung Goh Hein Tai Ti, Air Itam Dam	2,000.00
	N33/03/B002	Bekal Peralatan Kepada Persatuan Penganut Dewi Periyachi Amman, Air Itam	3,500.00
	N33/03/B014	Bekal Komputer Kepada Grace Assembly Of God Penang	4,898.00
	N33/03/B018	Bekal Peralatan Kepada Pertubuhan Penganut Dewa Tang Hai Loh Chia (Tang Lian Tuah)	2,600.00
ADUN PAYA TERUBONG	N34/02/B001	Bekal Bahan Binaan Kepada Pertubuhan Penganut Dewa Lam Suah Tuah Peh Kong Untuk Membaiki Lantai Kawasan Tokong	5,000.00
	N34/03/B001	Bekal Alat Kelengkapan Kepada Surau Adwa'al Islam Relau	2,000.00
	N34/03/B002	Bekal Meja Dan Kerusi Kepada Pertubuhan Penganut Dewa Nan Ji Gong, Pulau Pinang	500.00
	N34/03/B015	Bekal Peralatan Kepada Persatuan Penganut Rumah Berhala Dato Kong Desa Permata Paya Terubong	5,000.00
	N34/03/B016	Bekal Peralatan Kepada Pertubuhan Penganut Dewa Shan Shen Gong Paya Terubong	5,000.00
	N34/03/B017	Bekal Komputer Kepada Tokong Buddhist Dharma Realm Vihara	1,600.00
ADUN BATU UBAN	N35/02/B004	Naiktaraf/Baiki Surau An-Nur, Lebuh Nipah Dan Kerja-Kerja Berkaitan	12,000.00
	N35/03/B004	Bekal Dan Pasang Kipas Angin Siling Kepada Jawatankuasa Kariah Masjid Batu Uban	2,000.00
	N35/03/B005	Bekal Bahan Binaan Kepada Kuil Sri Veera Kaliammen, Sungai Nibong	5,000.00
	N35/03/B009	Bekal Kerusi/Meja Kepada Kuil Krishna Di Taman Pekaka Sungai Dua	5,000.00
		Jumlah	221,368.00

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berapa bilangan kakitangan perkhidmatan awam Negeri Pulau Pinang sehingga 30 September 2008. Sila nyatakan jumlahnya mengikut kaum dan bilangannya mengikut jabatan dan daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sehingga 30 September 2008, bilangan perjawatan di Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 4,196 dengan pengisian sebanyak 3,132 merangkumi 20 Jabatan Negeri. Bilangan pengisian bagi bangsa Melayu - 2,886, Cina - 79, India 165 dan lain-lain - 2.

Maklumat terperinci mengikut kaum, bilangan mengikut jabatan dan daerah adalah seperti berikut..

BIL	AGENSI	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN - LAIN	PENGISIAN
	JABATAN-JABATAN					
1	Pejabat SUK Pulau Pinang	533	30	46	0	609
2	Pejabat TYT Yang di Pertua Negeri	11	1	0	0	12
3	Pejabat Tanah dan Galian	126	3	4	0	133
4	Pejabat Daerah Timur Laut	95	3	6	0	104
5	Pejabat Daerah Barat Daya	103	0	1	0	104
6	Pejabat Daerah Seberang Perai Utara	123	1	2	0	126
7	Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah	112	1	3	0	116
8	Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan	101	0	2	0	103
9	Jabatan Pengairan dan Saliran	362	4	23	0	389
10	Jabatan Perhutanan	44	1	1	0	46
11	Jabatan Taman Botani	67	1	15	1	84
12	Mahkamah Syariah	73	0	0	0	73
13	Jabatan Kerja Raya	599	27	43	0	669
14	Jabatan Agama Islam Pulau Pinang	159	0	0	0	159
15	Jabatan Kebajikan Masyarakat	32	0	1	0	33

BIL	AGENSI	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN - LAIN	PENGISIAN
16	Jabatan Perancang Bandar & Desa	58	2	1	0	61
17	Jabatan Kewangan Negeri	46	2	4	1	53
18	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	74	2	11	0	87
19	Jabatan Pertanian	147	1	2	0	150
20	Jabatan Mufti	21	0	0	0	21
	JUMLAH	2886	79	165	2	3132

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah tujuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerbitkan majalah Suara Rakyat Pulau Pinang. Sila nyatakan jumlah yang diterbitkan, kekerapan penerbitan serta sasaran pengedarannya dan bagaimana cara pemilihan pembekal dilakukan serta peruntukan yang disediakan untuk tujuan ini. Adakah penerbitannya mencapai matlamatnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Suara Rakyat merupakan medium penyampaian maklumat daripada Kerajaan Negeri kepada orang ramai berkaitan dengan aktiviti, program dan dasar baru Kerajaan Negeri. Melalui majalah ini, penduduk Pulau Pinang dapat melihat dan mengikuti perkembangan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan dan kebajikan rakyat. Terbitan pertama telah dilancarkan pada 23 Julai 2008 dengan 20,000 naskhah yang telah diedarkan kepada jabatan-jabatan kerajaan dan orang ramai melalui pejabat-pejabat ADUN dan juga *consumer watch*.

Bagi tahun 2008, penerbitan majalah dianggarkan sebanyak dua keluaran manakala bagi tahun 2009 dan seterusnya, penerbitan majalah dirancang sebanyak 4 keluaran berdasarkan konsep yang berlainan. Majalah Suara Rakyat akan diterbitkan berdasarkan konsep Tabloid dengan mengekalkan nama yang sama tetapi memuatkan lebih banyak berita dan perkembangan. Jumlah edaran juga akan dipertingkatkan dan sasaran edaran majalah ini adalah kepada semua lapisan masyarakat.

XX. Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah sebarang langkah-langkah pencegahan diambil seperti contoh membuat pemantauan di tempat pengutipan bahan-bahan yang boleh di sekitar semula untuk memastikan pihak berkenaan tidak membeli barangan curi seperti penutup longkang, hos pili bomba dan lain-lain.
 - (a) Jika ada, sila huraikan tindakan yang akan diambil.
 - (b) Jika tiada, mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam membendung dan membanteras gejala kecurian penutup longkang, hos pili bomba dan lain-lain. Sehubungan itu, pihak polis telah melancarkan dua (2) operasi lebih bersepadu bersama agensi-agensi utility pada 28 hingga 30 April 2008 dan 18, 23 hingga 24 September 2008. Selain itu, pemeriksaan di premis-premis perniagaan barangan lusuh diadakan setiap masa seperti yang dijadualkan oleh Polis Daerah dan Polis Kontinjen di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini melalui penggunaan penutup parit yang tidak mempunyai nilai jual balik seperti *Fibre Reinforced Plastic* (FRP) di kawasan pejalan kaki. Kaedah ini telah dilaksanakan sejak tahun 2003 untuk projek-projek baru dan penggantian penutup parit keluli yang hilang. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mula mengenakan syarat penggunaan penutup parit jenis FRP terhadap semua pembangunan baru mulai tahun 2004.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menghapuskan kemiskinan di Pulau Pinang pada akhir tahun 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri telah mensasarkan miskin tegar sifar menjelang Mac 2009. Oleh itu, pelbagai usaha dan langkah telah di ambil bagi menghapuskan kemiskinan di Pulau Pinang. Usaha untuk membantu golongan sasaran sentiasa diteruskan di peringkat daerah-daerah, malah diteruskan melalui Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah yang dianggotai oleh semua agensi/jabatan kerajaan berkaitan. Perancangan dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Jawatankuasa ini berasaskan kepada:-

- (i) Siasatan lanjut dan pengumpulan data terkini penduduk miskin/miskin tegar;
- (ii) penyelarasan bentuk bantuan/program/projek yang perlu diberi; dan
- (iii) tugas-tugas pemantauan serta perakuan Jawatankuasa status terkini senarai penduduk miskin/miskin tegar.

Kerajaan Negeri turut melibatkan agensi-agensi lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, PERDA, RISDA, Pusat Urus Zakat, MPPP dan juga badan-badan bukan kerajaan. Usaha-usaha yang dilaksanakan setakat ini adalah :-

- (a) Bantuan baik pulih rumah yang tidak melebihi RM8,000;

- (b) Bantuan wang ehsan (Kredit Bil Air) sebanyak RM100 kepada rakyat miskin dan berpendapatan rendah;
- (c) Bantuan elaun harian sebanyak RM10 sehari kepada pelajar Giat Mara yang berada dalam golongan miskin. Bantuan ini merangkumi kursus latihan dan kemahiran selama 6 bulan;
- (d) Agihan bantuan beras *one-off* kepada penerima bantuan bulanan JKM iaitu seramai 7,642 orang;
- (e) Bantuan Bumi Hijau disediakan oleh Jabatan Veterinar kepada golongan miskin. Di antara bantuan yang diberikan adalah bekalan ayam kampung, itik daging dan itik telur beserta makanan dan reban; dan
- (f) RISDA turut membantu melalui aktiviti ekonomi tambahan seperti ternakan, tanaman kontan, projek makanan ringan dan bantuan PPG.

Selain itu, Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang dikendalikan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui MPPP ialah:-

- (a) Bantuan bayaran sewa rumah RM124 atau kadar sebenar mengikut yang terendah;
- (b) Bantuan bayaran sewa bilik RM70 atau kadar sebenar mengikut yang terendah;
- (c) Bantuan kemasukan ke sekolah termasuk pakaian seragam, kasut, beg dan alat tulis untuk setiap tahun atau bantuan *one off* kemasukan ke IPT sebanyak RM1,000;
- (d) Bantuan kos jagaan kanak-kanak/tadika/jiran/individu sebanyak RM200 sebulan;
- (e) Bantuan kos pengangkutan ke tempat kerja dan sekolah. Kadar bayaran adalah RM30 kepada pelajar dan RM50 kepada ibu yang bekerja;
- (f) Bayaran kos rawatan dialisis buah pinggang;
- (g) Bantuan latihan dan kemahiran beserta elaun RM150 sebulan semasa mengikuti latihan; dan
- (h) Bantuan Ehsan *one off* RM3000 untuk setiap keluarga miskin tegar dan RM2000 untuk keluarga miskin yang menepati kriteria-kriteria tertentu seperti musnah tempat kediaman, kematian ketua keluarga, hilang upaya akibat kemalangan dan diberhentikan kerja disebabkan masalah syarikat serta telah menganggur lebih dari 3 bulan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sejak George Town telah disenaraikan sebagai satu tapak warisan dunia oleh UNESCO.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk menjaga tapak warisan tersebut. Jika ada, sila huraikan rancangan itu. Jika tiada, mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pada 7 Julai 2008, Bandar George Town dan Melaka telah disenaraikan secara bersama sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) melalui mesyuarat *World Heritage Committee* yang diadakan di Quebec City, Kanada. Kedua-dua Bandar ini disenaraikan sebagai "Bandar Bersejarah di Selat Melaka" di bawah kategori warisan budaya.

Sehingga kini pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usaha pemuliharaan sumber warisan di Negeri Pulau Pinang. Antaranya adalah seperti berikut :

- (a) Tindakan berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Pemuliharaan yang merupakan sebahagian daripada *dossier* pencalonan. Perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan perlulah dipatuhi kerana Pelan Pengurusan Pemuliharaan ini akan dijadikan Asas Rujukan kepada pihak UNESCO semasa membuat penilaian berkala (*periodic assessment*). Pelan Pengurusan Pemuliharaan juga adalah sebagai satu mekanisme untuk mengurus tadbir dan memulihara nilai kawasan yang dicalonkan. Di antara perkara penting yang digariskan oleh Pelan Pengurusan Pemuliharaan ialah :
 - (i) Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Warisan.
 - (ii) Penubuhan Pejabat Warisan Dunia *World Heritage Office* Peringkat Negeri Pulau Pinang.
 - (iii) Menubuhkan *State Heritage Fund*.
 - (iv) Penubuhan Jabatan Warisan di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
 - (v) Menubuhkan *Technical Review Panel* di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Tatacara penubuhan, skop, tanggungjawab dan keahlian ada dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan.
- (b) Di samping cadangan dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan, langkah-langkah tambahan seperti berikut telah dilaksanakan:

- (i) Kesedaran orang awam dan penyambutan kejayaan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia pada 25-27 Julai 2008.
 - (ii) Penubuhan dan Mesyuarat Panel Penasihat Warisan.
 - (iii) Cadangan taklimat oleh pakar warisan Encik Richard Engelhart.
 - (iv) Mesyuarat Penyelarasan Tapak Warisan antara kerajaan Negeri Melaka, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.
 - (v) Bengkel Perlindungan Monumen Lama dan Tanah dan Bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah atau seni bina.
- (c) Memastikan Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 mengambil kira perkara-perkara yang diliputi oleh dossier dan Pelan Pengurusan Pemuliharaan.
 - (d) Menyediakan dokumen seperti kandungan dossier untuk bacaan umum oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pencalonan ini supaya apa-apa tindakan yang diambil tidak terkeluar daripada ciri-ciri pencalonan yang telah diluluskan.
 - (e) Mengadakan beberapa siri dialog dengan pihak berkepentingan bagi memudahkan pelaksanaan Pelan Pengurusan Pemuliharaan.
 - (f) Mengadakan publisiti meluas di dalam dan di luar negara.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 4. Setelah Kerajaan Negeri telah bersetuju akan memasang nama papan jalan yang berbagai bahasa. Sila berikan tarikh pemasangan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 4. Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan pemasangan papan tanda dalam pelbagai bahasa pada 25 Oktober 2008. Pemasangan papan tanda nama jalan dalam pelbagai bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil dilaksanakan dalam kawasan Zon Warisan George Town. Sebut harga untuk kerja tersebut telah ditutup pada 12 November 2008. Pemasangan papan tanda jalan tersebut akan dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang mengikut kesesuaian berdasarkan kawasan dan sejarah tempat. Ia dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2008. Langkah ini adalah sebahagian daripada komitmen Kerajaan Negeri untuk memantapkan status George Town sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Tempatan untuk menyelesaikan masalah-masalah tiang-tiang lampu yang selalu tidak bernyala (*cable fault*) dan mengambil masa beberapa hari untuk membaikinya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Semua penyelenggaraan lampu jalan akan dilaksanakan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan kerosakan kabel bawah tanah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.

Selepas menerima laporan kerosakan kabel bawah tanah daripada TNB, pihak PBT akan memberi bekalan sementara dengan menjalankan talian atas (*overhead cable*) sebagai langkah segera untuk menyalakan lampu-lampu yang rosak. Proses menyediakan bekalan sementara ini lazimnya mengambil masa tujuh (7) hari.

Kerosakan kabel-kabel bawah tanah akan dibaiki mengikut prosedur yang disediakan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah pihak Kerajaan Tempatan bercadang untuk mengecualikan bayaran tempat letak kereta di kawasan perumahan. Jika ada huraikan tempat-tempat. Jika tiada, mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri tidak mengenakan bayaran letak kereta di kawasan perumahan pada masa sekarang.

Walau bagaimanapun, bagi kes-kes di mana kawasan perumahan yang bersebelahan dengan kawasan perniagaan, pasar dan lain-lain kawasan yang dikenakan bayaran letak kereta, maka kawasan perumahan itu akan dikenakan bayaran letak kereta.

Dengan mewartakan kawasan yang berkenaan sebagai tempat letak kereta awam, pihak Kerajaan Negeri dapat merancang, mengawal dan menguatkuasakan peraliran trafik dan tempat letak kereta. Memandangkan bilangan tempat letak kereta di persekitaran kawasan perniagaan adalah terhad, sistem meletak kereta secara bayaran dapat menjamin kemudahan tempat letak kereta dinikmati oleh lebih ramai rakyat dan tidak dimonopoli oleh seorang sahaja. Sistem bayaran adalah lebih berkesan dan adil kepada semua lapisan masyarakat dari segi kegunaan kemudahan awam. Buat masa sekarang Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengenakan bayaran letak kereta di kawasan perumahan supaya tidak mahu membebankan penduduk biasa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan Negeri Pulau Pinang menjadi sebuah negeri yang terbersih di dalam Negara Malaysia.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Untuk memastikan Pulau Pinang menjadi sebuah negeri yang terbersih di Malaysia, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program/aktiviti seperti berikut:-

- (i) Kontrak Pungutan Sisa Pepejal telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2007. Sebanyak 7 kontraktor telah dilantik untuk melaksanakan kerja-kerja pungutan sampah. Kerajaan Negeri mempunyai sistem pemantauan untuk memantau kontraktor pengurusan sisa pepejal dengan menempatkan seorang penyelia untuk setiap kontraktor. Ia merupakan Sistem *Hybrid* iaitu kontraktor dikehendaki mengutip semua sampah-sarap yang dikeluarkan oleh pengguna termasuk sampah dapur dan sampah pukal. Kawasan kutipan telah dibahagikan kepada 8 zon yang mana 1 zon dikendalikan oleh kerajaan sendiri. Setiap kontraktor perlu mengecat lori mereka mengikut warna yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri bagi setiap zon dan bagi tujuan pemantauan. Waktu-waktu kutipan telah ditetapkan dan kutipan sampah dijalankan seperti berikut:-
 - (a) rumah-rumah kediaman (*landed property*) – kutipan 3 kali seminggu (selang sehari kecuali hari Ahad);
 - (b) rumah pangsa, pusat komersial – kutipan setiap hari kecuali hari Ahad; dan
 - (c) pasar-pasar – setiap hari.
- (ii) Kontrak Perkhidmatan Pembersihan Parit dan Jalan telah diperkenalkan pada bulan April 2007 yang melibatkan 34 kawasan dengan mengintegrasikan kerja-kerja pembersihan parit dan jalan dengan pemotongan rumput terutamanya di kawasan luar George Town. Kerajaan Negeri telah mempertingkatkan kerja-kerja pembersihan parit dan jalan di bandar George Town.
- (iii) Pembersihan sampah-sarap terapung di laut dijalankan oleh kontraktor yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dengan menggunakan katamaran dari Muka Head hingga Hotel E & O dan dari Jambatan Pulau Pinang hingga Batu Maung.
- (iv) Pembersihan pantai dijalankan setiap hari iaitu mengutip sampah-sarap yang terdapat di sekitar pantai terutamanya di kawasan pelancongan.

- (v) Selain itu, Kerajaan Negeri juga membuat kutipan sampah sarap yang terperangkap di '*Floating Rubbish Trap*' (FRT) dan '*Log Boom*' yang telah dipasang di beberapa sungai yang mengalir ke laut mengikut jadual bagi memastikan sampah sarap terapung tidak mengalir keluar ke laut.
- (vi) 'Ops Sinar Bersepadu' adalah program pembersihan yang dijalankan pada setiap hari Jumaat. Ianya dijalankan terutamanya di kawasan pelancongan dan kawasan-kawasan yang bermasalah.
- (vii) Program gotong-royong diteruskan dari semasa ke semasa dengan penglibatan orang ramai dan pertubuhan-pertubuhan sukarela. Kerajaan Negeri akan memberi bantuan dari segi kelengkapan dan juga tenaga kerja.
- (viii) Program kitar semula juga dijalankan oleh Kerajaan Negeri dengan Danish International Assistant dan Local Agenda 21 (GOM-DANIDA dan LA21). Program Bank Kitar Semula telah dilancarkan di 2 sekolah dan Kerajaan Negeri juga memberi taklimat kitar semula atas permintaan kepada persatuan-persatuan, syarikat-syarikat, hospital dan pihak sekolah. Dengan ini, di harap ianya dapat mengurangkan pembuangan sampah.
- (ix) Kerajaan Negeri juga telah dan sedang di peringkat menaik taraf tandas-tandas awam yang telah uzur untuk memenuhi '*standard*' Malaysia 2015:2006. Program penggredan tandas awam telah diperkenalkan sejak tahun 2007 bertujuan untuk menaikkan tahap kebersihan tandas awam.

Selain dari itu, pasukan Penguatkuasaan '*Ops Anti-litter*' juga telah diwujudkan untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan. Saman dikeluarkan kepada mereka yang membuang sampah di merata-rata tempat.

Di samping itu, penduduk Pulau Pinang digesa untuk memikul tanggungjawab dan berganding bahu bersama Kerajaan Negeri untuk melaksanakan perkara-perkara berikut bagi memastikan Negeri Pulau Pinang sentiasa bersih dengan:-

- Mengurangkan pembuangan sampah;
- Program Kitar Semula;
- Membuang sampah di tempat yang disediakan; dan
- Memastikan kawasan rumah bersih dan indah.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Bagaimanakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu golongan ibu tunggal yang sukar untuk mendapat kerja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha bagi membantu golongan ibu tunggal untuk menikmati kehidupan yang lebih berkualiti. Beberapa inisiatif seperti penubuhan Pusat Perkhidmatan Wanita dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak membolehkan ibu tunggal yang bermasalah merujuk kepada Pusat Perkhidmatan Wanita untuk mendapat nasihat perundangan, kaunseling serta pembelaan sewajarnya.

Kedua-dua Pusat ini dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan ibu tunggal atau wanita yang tidak mempunyai pekerjaan yang layak untuk diberi peluang bekerja di pusat-pusat ini.

Dengan adanya Pusat Jagaan Kanak-Kanak pula memberi peluang kepada ibu-ibu tunggal menyumbangkan tenaga mereka kepada berbagai sektor ekonomi kerana anak-anak mereka yang masih bersekolah dapat ditempatkan di Pusat Jagaan Kanak-Kanak berkenaan. Sementara itu, peluang pekerjaan di sektor awam sentiasa terbuka kepada semua pihak termasuk ibu tunggal mengikut syarat-syarat kelayakan masuk perkhidmatan yang ditetapkan.

Kerajaan juga melalui agensi-agensi yang berkaitan merangka program-program latihan kemahiran khusus kepada wanita termasuk ibu tunggal untuk menambah pendapatan melalui pekerjaan dari rumah seperti kelas jahitan dan kelas masakan yang diuruskan oleh Pusat Urus Zakat (PUZ) di Telok Air Tawar, Cherok Tok Kun dan Sg Acheh, Nibong Tebal.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Adakah sebarang cadangan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menolong peniaga-peniaga kecil (*small entrepreneur*) untuk mula berniaga.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Penglibatan usahawan dalam aktiviti ini harus terus diberikan galakan dan dipergiatkan memandangkan bidang ini mudah untuk diceburi kerana tidak memerlukan modal yang tinggi, kemahiran tertentu dan ruang perniagaan yang besar untuk memulakan perniagaan. Penglibatan usahawan dalam perniagaan secara-kecil-kecilan ini adalah juga sebagai titik permulaan atau asas kepada dunia perniagaan.

- (a) Dalam usaha membantu peniaga-peniaga kecil memulakan perniagaan, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah mengambil pendekatan seperti berikut:-
- (i) Menubuhkan Majlis Pembangunan Usahawan Negeri dan Majlis Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang bagi merancang dan memantau pelaksanaan program pembangunan usahawan dan koperasi secara khusus;
 - (ii) Kerajaan Negeri sedang dalam usaha untuk menubuhkan Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil Negeri Pulau Pinang bagi membantu peniaga dan penjaja kecil Negeri Pulau Pinang mendapatkan kemudahan kewangan bagi tujuan sama ada untuk memulakan perniagaan atau mempertingkatkan perniagaan yang diceburi. Wang dalam tabung ini akan disalurkan kepada penjaja dan peniaga kecil dalam bentuk pinjaman dengan bantuan tidak melebihi RM10,000.00. Melalui tabung ini, Kerajaan Negeri berhasrat untuk membantu Ketua Isi Rumah (KIR) yang miskin supaya dapat keluar dari kepompong kemiskinan dengan menceburi bidang keusahawanan; dan
 - (iii) Kerajaan Negeri juga akan mewujudkan peluang-peluang perniagaan secara kecil-kecilan melalui pelaksanaan program perniagaan berkonsepkan *fllea market* yang akan dikenali sebagai SOUQ. Tujuan program ini diadakan adalah untuk seperti berikut:
 - menyediakan kawasan tapak penjajaan di kawasan utama yang strategik dengan kadar sewaan yang minimum;
 - memberi peluang serta membantu golongan penjaja kecil untuk berniaga di kawasan yang strategik dengan kadar mampu sewa;
 - merancang kegiatan ekonomi setempat dan mewujudkan produk pelancongan baru Pulau Pinang; dan
 - memperkukuh penjenamaan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama domestik dan antarabangsa.
- (b) Selain itu, bagi membantu peniaga-peniaga kecil untuk memulakan perniagaan, Kerajaan Negeri melalui PDC telah merancang program seperti berikut;

- (i) Program-program latihan dan pembangunan sumber manusia serta pendedahan mengenai peluang-peluang perniagaan dan pembiayaan dengan kerjasama agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk menggalakkan peniaga-peniaga kecil menjadi usahawan baru yang berdaya saing;
 - (ii) Penyediaan premis perniagaan mampu milik seperti ruang niaga, gerai dan unit kilang siap bina IKS sama ada secara jualan, sewaan atau sewa beli untuk membolehkan peniaga-peniaga kecil menjalankan peluang perniagaan yang berpotensi;
 - (iii) Melalui pelaksanaan program *mentor mentee* kraf dan *vendor* jahitan PDC, peluang perniagaan juga dibuka kepada peniaga-peniaga kecil yang berminat untuk menjadi usahawan *mentee*, usahawan *vendor* ataupun untuk menjadi rakan niaga melalui pengedaran dan jualan produk yang dihasilkan oleh usahawan *mentee* dan usahawan *vendor* PDC; dan
 - (iv) Melalui peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan, PDC merancang untuk membina satu projek perintis yang dinamakan '*Komuniti Square*' di lokasi yang strategik dalam kelompok komuniti di Batu Kawan. Kalangan komuniti dan peniaga-peniaga kecil berpeluang untuk menjadi pengusaha dan usahawan kecil dalam bidang peruncitan dan perkhidmatan.
- (c) Pihak Berkuasa Tempatan turut memainkan peranan dalam membantu peniaga-peniaga kecil untuk memulakan perniagaan. Pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menyediakan ruang niaga untuk penjaja kecil ini berniaga di kompleks-kompleks dan pasar-pasar milik MPPP dan MPSP. Temu duga secara terbuka untuk penempatan ruang perniagaan kepada penjaja-penjaja berkenaan diadakan pada setiap bulan. Pada masa kini, MPSP sedang meneliti semula dasar sedia ada terhadap penjaja dan peniaga kecil serta akan merangka pelan induk Penjaja di Seberang Perai. Pelan Induk Penjaja tersebut akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Senaraikan bilangan geran tanah yang telah dikeluarkan dalam Negeri Pulau Pinang setakat ini mengikut jenis hak milik, tempoh pegangan, gred dan kategori penggunaan tanah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Bilangan geran tanah yang telah dikeluarkan di Negeri Pulau Pinang setakat Oktober 2008 adalah seperti berikut:-

Bilangan Geran Tanah Yang Dikeluarkan Dalam Negeri Pulau Pinang Sehingga Oktober 2008

(A) Mengikut Jenis Hak milik

DAERAH JENIS HAKMILIK	PTG	PDTSPPT	PDTSPU	PDTSPS	PDTDTL	PDTDBD	JUMLAH
GRN	94,970	-	-	-	-	-	94,970
PN	6,445	-	-	-	-	-	6,445
HSD	84,125	-	-	-	-	-	84,125
GM	-	21,232	28,045	14,843	3,703	10,652	78,475
PM	-	630	939	2,226	357	1,514	5,666
HSM	-	23,251	5,095	4,275	1,000	1,771	35,392
JUMLAH	185,540	45,113	34,079	21,344	5,060	13,937	305,073

A) Mengikut Kategori Penggunaan Tanah

DAERAH KATEGORI PENGGUNAAN TANAH	PTG	PDT SPT	PDT SPU	PDT SPS	PDT DTL	PDT DBD	JUMLAH
PERTANIAN	51	390	11,548	371	1	118	12,479
BANGUNAN	61,419	18,514	4,635	7,716	1,397	2,766	96,447
PERINDUSTRIAN	4,277	1,249	461	214	8	121	6,330
TIADA	118,153	24,912	17,435	13,043	3,645	10,861	188,049
NIL	50	37	-	-	8	49	144
TIDAK DINYATAKAN	1,590	11	-	-	1	22	1,624
JUMLAH	185,540	45,113	34,079	21,344	5,060	13,937	305,073

NOTA:

*Tanah-tanah jenis *FIRST GRADE* sebahagiannya dikategorikan sebagai TIADA, NIL atau TIDAK DI NYATAKAN

GRN : Geran Negeri
PN : Pajakan Negeri
HSD : Hakmilik Sementara Daerah
GM : Geran Mukim
PM : Pajakan Mukim
HSM : Hakmilik Sementara Mukim

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah rasional bagi Kerajaan Negeri mengenakan syarat bahawa hartanah yang dibeli oleh warga asing tidak boleh dijual semula dalam tempoh tiga tahun. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mengkaji semula syarat ini untuk menggalakkan pelaburan hartanah warga asing ke Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Warganegara asing dibenarkan memiliki hartanah mengikut Seksyen 433 B Kanun Tanah Negara. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pemilikan tersebut, beberapa syarat telah dikenakan. Di antara syarat yang dikenakan adalah seperti berikut:-

- (i) Harga pembelian hartanah hendaklah tidak kurang daripada RM250,000.00 seunit; dan
- (ii) Warganegara asing hanya dibenarkan menjual semula hartanah yang dibelinya selepas tiga (3) tahun dari tarikh surat perjanjian jual beli.

Syarat kawalan harga dikenakan bertujuan untuk memastikan warganegara asing membeli hartanah yang berharga tinggi sahaja dan tidak menjadi pesaing kepada pembeli-pembeli tempatan. Manakala syarat tempoh pemilikan iaitu ianya tidak boleh dijual semula dalam tempoh 3 tahun adalah untuk mengurangkan pembelian bagi tujuan spekulasi. Ini kerana warganegara asing kebanyakannya mempunyai kuasa beli yang lebih besar berbanding dengan penduduk tempatan. Semua syarat-syarat ini dikenakan bertujuan untuk melindungi kepentingan pembeli tempatan dan mengelakkan daripada berlakunya amalan spekulasi harga yang berleluasa untuk mendapatkan keuntungan segera.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apakah rancangan dan pendekatan serta berapakah peruntukan kewangan yang terlibat bagi Kerajaan Negeri meneruskan projek-projek perumahan yang terbengkalai di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Di dalam menyelesaikan masalah projek terbengkalai, Kerajaan Negeri telah memainkan peranan secara proaktif dalam mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat walaupun ianya di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri telah memainkan peranan secara langsung untuk mengadakan rundingan antara pihak-pihak yang terlibat dan membantu untuk menyejajarkan proses kelulusan. Mesyuarat penyelarasan merupakan pendekatan yang

dijalankan oleh Kerajaan Negeri di dalam mengadakan perbincangan dan perundingan di antara pemaju atau syarikat penyelamat "white knight" bersama agensi-agensy teknikal berkaitan bagi mempercepatkan proses pemulihan sesuatu projek. Perbincangan bersama-sama dengan pihak bank atau pihak berkepentingan dan penduduk juga diadakan.

Melalui mesyuarat penyelarasan tersebut beberapa projek terbengkalai telah berjaya di pulihkan contohnya Taman Sejahtera di Seberang Perai Utara, Taman Seri Semarak di Daerah Timur Laut dan Taman Malwira di Seberang Perai Tengah.

Sehingga kini, sejumlah 26 projek telah dikenal pasti bermasalah dan dipantau dengan rapi. Daripada jumlah tersebut, 7 projek telah dapat disiapkan, 2 projek di dalam proses untuk mendapatkan Sijil Layak Menduduki (O.C), 9 projek dalam proses pemulihan, 3 projek masih dalam proses perundingan untuk pemulihan dan 5 projek lagi masih terbengkalai.

Walau bagaimanapun, memandangkan sumber kewangan yang terhad, peruntukan untuk membiayai projek-projek terbengkalai tidak disediakan. Namun, Kerajaan Negeri telah memberikan insentif iaitu pengecualian bayaran sumbangan bagi projek-projek tertentu bagi memastikan projek tersebut dapat diteruskan dan dibangunkan semula.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah status terkini bagi arahan pemberhentian kerja yang telah dikeluarkan oleh MPPP ke atas projek fasa kedua bagi Times Square di Jalan Datuk Keramat, Pulau Pinang. Adakah pihak pemaju mengambil usaha yang gigih untuk memperbaiki keretakan pada premis kediaman dan perniagaan yang berhampiran dengannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Notis Mengehendaki Kerja Tanah Diberhentikan kepada pihak pemaju Projek Times Square (Fasa II) di Jalan Datuk Keramat, Pulau Pinang pada 4 Julai 2008 berdasarkan kepada isu keretakan yang dialami oleh beberapa bangunan yang berada di sekitar projek tersebut.

Lanjutan daripada itu, Kerajaan Negeri telah melantik pihak Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) sebagai jurutera perunding bebas bagi menyiasat dan mengkaji punca keretakan, memperakukan hasil siasatan, mencadangkan tindakan dan memantau kerja-kerja remedi yang berkaitan. Berdasarkan laporan oleh pihak IKRAM, pemaju telah diminta untuk mengambil langkah dan tindakan di tapak tersebut sebelum notis berhenti kerja tersebut dilepaskan.

Pihak pemaju telah mengambil tindakan untuk membaiki premis-premis yang terjejas akibat projek ini. Pihak IKRAM juga dilantik untuk memberi nasihat teknikal dan seterusnya memantau kerja-kerja pembaikan yang dijalankan oleh pihak pemaju.

Notis Mengehendaki Kerja Tanah Diberhentikan yang dikeluarkan kepada pihak pemaju Projek Times Square (Fasa II) pada 4 Julai 2008 itu telah ditarik balik pada 29 September 2008 setelah surat pengesahan dari IKRAM bertarikh 26 September 2008 diterima oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Nyatakan usaha-usaha yang akan diambil oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) secara terperinci mengikut setiap lokasi untuk menggantikan paip-paip air yang usang di sekitar George Town dalam tempoh satu tahun yang akan datang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Dalam tempoh setahun akan datang Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengenal pasti paip-paip air usang yang perlu diganti di sekitar George Town dan lokasi-lokasinya adalah seperti berikut:-

- (i) Solok Burma;
- (ii) Jalan Siam;
- (iii) Lebuhraya Cintra; dan
- (iv) Solok Air Rajah.

Penggantian paip-paip usang akan dilakukan bergantung kepada kekerapan paip air pecah di sesuatu kawasan dan usia paip yang melebihi 30 tahun.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah-masalah penyelewengan tanah dan kelemahan dalam aspek pengurusan dan pentadbiran Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang seperti yang dibangkitkan oleh Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Laporan Ketua Audit Negara 2007 telah menyatakan beberapa kelemahan dalam pengurusan dan pentadbiran tanah, khususnya mengenai masalah penyelewengan. Berhubung perkara ini, beberapa kes penipuan urus niaga tanah telah dikesan. Antara bentuk penipuan yang dikesan ialah:
- (a) Memalsukan dokumen hak milik dengan mencetaknya sendiri di atas kertas keselamatan;
 - (b) Memalsukan surat kuasa wakil dengan cop mahkamah dan tandatangan Pendaftar Mahkamah yang palsu;
 - (c) Memalsukan tandatangan pemilik;
 - (d) Memalsukan Perintah Mahkamah dengan tujuan menggunakannya untuk menarik balik kaveat;
 - (e) Memalsukan kad pengenalan pemilik asal dan penerima pindah milik;
 - (f) Memalsukan 'franking' (cop duti setem) pada Borang 14A;
 - (g) Membuat laporan kehilangan hak milik dengan menyertakan laporan polis palsu untuk tujuan mendapatkan hak milik gantian; dan
 - (h) Menggunakan nama yang sama dengan nama pemilik tanah sebenar semasa memohon hak milik gantian khususnya bagi hak milik yang tiada catatan nombor kad pengenalan.

Bagi mengelakkan daripada berlakunya kes-kes penipuan, pentadbiran tanah telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:-

- (i) Memperkasakan kemahiran pegawai dan kakitangan yang terlibat melalui sesi bengkel, tutorial dan perbincangan yang berterusan;
- (ii) Menyediakan satu dokumen proses kerja dan *check list* yang seragam bagi semua Pejabat-pejabat Tanah;
- (iii) Mengadakan perbincangan dan pertemuan secara berkala dengan Majlis Peguam bagi mendapatkan kerjasama dan lebih persefahaman di antara kedua pihak; dan
- (iv) Membentuk satu pasukan khas menangani kes-kes penipuan bersama semua Pentadbir-pentadbir Tanah, Jabatan Polis, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Majlis Peguam.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Senaraikan jumlah pemohon tanah bagi tempoh pegangan kekal/bebas dan tempoh pegangan sehingga 99 tahun mengikut setiap daerah dan kategori penggunaan tanah sejak dasar tanah baru ini diumumkan. Berapakah permohonan yang telah diproses dan berapakah hak milik yang baru mengikut daerah dan kategori penggunaan tanah telah dikeluarkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Jumlah permohonan tanah bagi mendapatkan pegangan kekal dan tempoh pegangan 99 tahun adalah seperti jadual di bawah.

<u>Daerah</u>	<u>Tujuan</u>	
	Kediaman (Pegangan Kekal)	Perusahaan (99 tahun)
Daerah Timur Laut	44	-
Daerah Barat Daya	7	1
Seberang Perai Utara	7	1
Seberang Perai Tengah	28	9
Seberang Perai Selatan	0	0
	-----	-----
Jumlah	86	11
	===	===

Walau bagaimanapun, tiada permohonan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Semua permohonan yang diterima masih di peringkat daerah untuk penyediaan Kertas Jawatankuasa Tanah Negeri. Sehubungan dengan itu tiada hak milik baru yang telah dikeluarkan bagi tujuan ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Mengapakah konsesi pengiklanan luar yang diletakkan di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI) telah dimonopoli oleh empat buah syarikat pengiklanan tanpa tender terbuka dipanggil.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Untuk makluman Yang Berhormat empat buah syarikat pengiklanan telah diberikan konsesi dan hak pemasangan papan iklan melalui cadangan kaedah pelaksanaan pemasangan dan pengurusan papan iklan di atas tanah Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui kaedah tender terbuka yang telah diputuskan dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan bertarikh 30 Mei 2007 dan disahkan pada 6 Jun 2007. Melalui tender ini 15 zon telah dikenal pasti iaitu 9 zon di bahagian Pulau dan 6 zon di bahagian Seberang Perai. Senarai zon adalah seperti berikut:-

ZON KONSESI	
*	BP1(A) Daerah Timur Laut
*	BP2 Daerah Timur Laut
*	BP3 Daerah Timur Laut
*	BP4(A) Daerah Timur Laut
*	BP1(B) Daerah Barat Daya
*	BP5 Daerah Barat Daya
*	BP4(B) Daerah Barat Daya
*	BP Warisan Daerah Timur Laut
*	SP2 Seberang Perai Utara
*	SP3 Seberang Perai Tengah
*	SP4 Seberang Perai Tengah
*	BP6 Daerah Barat Daya
*	SP1 Seberang Perai Utara
*	SP5 Seberang Perai Selatan
*	SP6 Seberang Perai Selatan

Tender ini dipelawa secara terbuka dan boleh disertai oleh semua syarikat pengiklanan di seluruh negara. Pengiklanan tawaran tender telah disiarkan dalam surat khabar The Star dan Berita Harian pada 7 Julai 2007. Tender telah dikeluarkan pada 10 Julai 2007 dan ditutup pada 27 Julai 2007. Spesifikasi jenis papan iklan yang ditawarkan melalui tender ini adalah seperti berikut:

- (a) Menara Iklan Setiang (Unipole)
(tidak melebihi 20' x 60' atau 111 meter persegi)
- (b) Menara Iklan Setiang (Mini Unipole)
(tidak melebihi 10' x 40' atau 37 meter persegi)
- (c) Papan Iklan Dinding (Billboard) dan Gantri
- (d) Streamers

Walau bagaimanapun, Lembaga Perolehan Negeri Pulau Pinang dalam mesyuarat bil. 9/2007 bertarikh 21 Disember 2007 telah memutuskan bahawa hanya papan iklan jenis Menara Iklan Setiang (Mini Unipole) bersaiz 37 meter persegi sahaja akan ditawarkan pada syarikat penender yang berjaya.

Sebanyak 37 syarikat pengiklanan telah menyertai tender ini dan 19 syarikat telah di senarai pendek kerana memenuhi syarat yang ditetapkan iaitu berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan. Pemilihan dibuat berdasarkan harga tawaran tertinggi yang dikemukakan bagi setiap zon yang disertai. Justeru, empat (4) syarikat yang berjaya telah ditawarkan mengikut zon-zon yang dipohon untuk tempoh 3 tahun. Surat tawaran telah dikeluarkan kepada keempat-empat syarikat tersebut pada 12 Februari 2008. Jenis papan iklan yang ditawarkan ialah Menara Iklan Setiang (Mini Unipole) 37 meter persegi.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan zon perindustrian dan perdagangan yang baru dalam kawasan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. PDC memang mempunyai perancangan untuk membangunkan kawasan perindustrian baru sebagai perkembangan zon perindustrian sedia ada. Mengikut perancangan, kawasan yang sedang diteliti untuk pengembangan kawasan perindustrian baru adalah di Batu Maung, Juru, Bukit Tambun dan Batu Kawan.

Pada masa ini, penawaran tanah dalam zon perindustrian dan perdagangan terutamanya yang menawarkan insentif zon perdagangan bebas adalah amat terhad. Memandangkan hal ini, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa kawasan yang dapat dibangunkan untuk tujuan perindustrian. Kawasan yang telah dikenal pasti dan sudah pun di tahap pembangunan awal termasuk "Penang Science Park" dan kawasan Batu Kawan. Pada masa sama, sebagai langkah proaktif, Kerajaan Negeri juga sedang memantau beberapa kawasan lain yang dijangka dapat dibangunkan sebagai kawasan perindustrian.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Apakah rancangan dan strategi serta insentif yang boleh diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk menarik minat bakat-bakat tempatan yang sedang menghuni atau bekerja di negara-negara asing untuk balik ke Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Malaysia masih menghadapi kekurangan tenaga mahir dalam beberapa bidang. Oleh yang demikian, kita perlu menarik ramai tenaga profesional warga Malaysia yang masih bermastautin di luar negara untuk kembali berkhidmat di negara ini. Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan melancarkan portal Program Brain Gain Kebangsaan yang juga dikenali sebagai Brain Gain Malaysia (BGM).

BGM adalah salah satu usaha kerajaan untuk menyokong pembangunan modal insan dalam bidang sains dan teknologi (S&T) bagi meningkatkan tahap inovasi serta daya saing negara. Ia juga bertindak sebagai satu mekanisme pantas bagi pembangunan modal insan yang merangkumi aspek penyelidikan, pembangunan dan komersial. Objektif program ini ialah untuk menarik dan mengekalkan pakar atau teknologis inovatif, saintis, penyelidik dan usahawan tekno dalam negara yang akan membantu merangsangkan ekonomi negara bagi mencapai status negara membangun pada 2020. Selain itu, terdapat juga program melibatkan kolaborasi di antara saintis daripada luar dan dalam negara dalam bidang R&D, bantuan geran R&D dan sokongan serta pembiayaan mengkomersialkan dengan memberi fokus kepada lima bidang utama iaitu pertanian, bioteknologi, teknologi maklumat dan komunikasi, industri dan angkasa lautan. Empat program yang dibangunkan di bawah BGM ialah Program Kolaborasi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Program Pelawat Unggul, Program Pasca-Doktrate dan Persahabatan Antarabangsa dan Program Kembali Ke Makmal.

Bagi Negeri Pulau Pinang tidak ada insentif khusus yang disediakan tetapi Kerajaan Negeri menggunakan peluang yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui program BGM untuk menarik minat bakat tempatan yang sedang menghuni atau bekerja di negara asing untuk pulang bekerja di Pulau Pinang.

Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menarik warga Negeri Pulau Pinang kembali dan dapat menyumbangkan kepada perkembangan dan pembangunan Pulau Pinang adalah dengan mempertingkatkan pembangunan industri dan ekonomi dalam rantai lebih tinggi. Peningkatan ini akan dapat membuka banyak peluang pekerjaan yang lebih mencabar terutamanya dalam industri yang bernilai tambah tinggi. Ini merupakan aktiviti yang berintensifkan ilmu dan teknologi serta yang memerlukan pekerja berpendidikan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai Regional Headquarters kepada syarikat multinasional yang kini beroperasi di dalam negeri serta syarikat lain yang belum bertapak di Pulau Pinang. Dengan penubuhan Regional Headquarters, aktiviti yang dijalankan oleh syarikat dapat dipertingkatkan, justeru meningkatkan peluang pekerjaan dengan gaji yang lebih tinggi dalam bidang seperti penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan (research,

design & development) serta perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (*shared services outsourcing*) bagi penduduk Pulau Pinang. Penubuhan Regional Headquarters juga memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk balik ke tanah air dan menyandang jawatan-jawatan *regional* di sini.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandaraya Antarabangsa yang menjadi lokasi pilihan kepada pelabur, destinasi pilihan kepada pelancong dan tempat tinggal pilihan untuk mereka yang inginkan *sustainable living*. Wawasan ini telah diperkukuhkan dengan sepuluh (10) teras utama pembangunan iaitu pendidikan, warisan, perubatan, ibu pejabat serantau (regional HQs), industri, MICE, kesenian dan kebudayaan, makanan, sukan dan ekopelancongan. Ini sudah semestinya dapat menarik warga Negeri Pulau Pinang untuk kembali dan menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan Negeri Pulau Pinang dan sekali gus membantu memperkukuhkan sepuluh (10) teras utama yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 20 Sila huraikan senarai jumlah penghutang sewa stor-stor penjaja MPPP di Pulau Pinang dan bilakah kadar sewa itu akan dikutip balik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Jumlah hutang yang masih tertunggak ke atas gerai-gerai MPPP setakat 31 Ogos 2008 adalah sebanyak RM895,193.00. Pada masa sekarang, MPPP sedang berusaha mengutip kembali bayaran tertunggak dengan mengguna pakai konsep *Business Friendly* sepertimana yang diuar-uarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Untuk memudahkan para pemiutang membayar tunggakan, MPPP membenarkan mereka membayar tunggakan tersebut dengan mengguna formula satu bulan bayaran (*current*) + satu bulan tunggakan.

MPPP juga menggunakan khidmat belip untuk melawat kompleks-kompleks perniagaan bagi mengutip sewa yang tertunggak. Dengan cara ini, para peniaga tidak perlu datang ke pejabat untuk membuat bayaran.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap pangsapuri-pangsapuri seperti Pelangi di Gat Lebu Macallum yang selalu menghadapi masalah bumbung bocor di tingkat teratas dan menyebabkan kerosakan barangan elektrik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Iklim negara kita mengalami kadar hujan yang tinggi. Kebocoran bumbung merupakan antara masalah utama yang sering dihadapi oleh penghuni perumahan. Bagi penghuni-penghuni di pangsapuri PDC di Gat Lebu Macallum, masalah ini menjadi lebih ketara memandangkan ianya berdekatan dengan laut yang menyebabkan bumbung jenis keluli besi senang berkarat dan mengalami kebocoran.

PDC telah mengambil tindakan untuk memperbaiki kebocoran pada bumbung pangsapuri Pelangi di Gat Lebu Macallum apabila masalah berkenaan dimaklumkan oleh penghuni. Meski pun pembaikan telah dibuat, PDC sentiasa meneruskan pemantauan keadaan bumbung tersebut.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Bilakah pihak PDC akan mengambil tindakan untuk mengosongkan premis yang tidak selamat di Jalan Magazine sebelum sebarang perkara yang mengancam nyawa orang berlaku.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Bagi penghuni-penghuni di 40 buah premis yang sedia ada di tapak Fasa 5 KOMTAR, notis telah pun dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah pada bulan Oktober 2007 mengarahkan mereka mengosongkan premis-premis mereka. Disebabkan penghuni-penghuni itu masih belum mengosongkan premis tersebut, pada bulan Oktober 2008, PDC telah meminta Pejabat Daerah dan Tanah serta Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) selaku pihak-pihak berkuasa dalam hal ini, untuk mengambil tindakan sewajar terhadap mereka itu. Notis kepada penghuni-penghuni itu mengosongkan premis mereka akan dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah serta MPPP masing-masing.

Tindakan untuk mengeluarkan penghuni-penghuni secara paksaan (*forceful eviction*) akan diambil sekiranya mereka masih enggan mematuhi notis-notis yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah serta MPPP. Dalam pada itu, mesyuarat bersama-sama agensi-agensi yang akan terlibat dengan operasi merobohkan premis-premis itu (seperti Pejabat Daerah dan Tanah, MPPP, Polis, JKR, PBA, TNB, Telekom) akan diadakan terlebih dahulu untuk merancang dan melaksanakan operasi ini. Jika perlu, operasi untuk merobohkan premis-premis secara paksaan dijadualkan pada awal tahun 2009.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Apakah status terkini terhadap premis MPPP No 19 - 41, Jalan C.Y. Choy yang didapati tidak selamat untuk tinggal.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah mengeluarkan Notis Keluar pada bulan Februari 2008 bagi menamatkan penyewaan kepada semua penyewa premis MPPP di Jalan C. Y. Choy. Terdapat sebahagian penyewa yang masih menghuni di premis-premis ini dan enggan berpindah keluar. Walau bagaimanapun, Notis Keluar tersebut adalah terbatal bagi penyewa premis yang telah menjelaskan sewa bulanan sehingga bulan Oktober 2009.

Satu Notis Keluar baru akan dikeluarkan kepada semua penyewa terlibat pada bulan November 2008 yang mana tarikh tamat penyewaan ialah pada 31 Disember 2008.

Kesemua penyewa berkenaan telah diberi satu tempoh masa yang sangat munasabah oleh MPPP. Oleh itu, MPPP tidak akan mempertimbangkan sebarang rayuan daripada penyewa-penyewa selepas Notis Keluar baru dikeluarkan kelak.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Apakah program-program yang akan diadakan oleh Kerajaan Negeri untuk golongan belia di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Pelbagai program telah diadakan oleh Kerajaan Negeri untuk golongan belia di negeri ini. Di bawah Jawatankuasa MMK Agama, program-program belia yang dilaksanakan merangkumi:

- (1) Kem Motivasi Remaja Bermasalah
- (2) Kem Motivasi Kepimpinan Pelajar
- (3) Bengkel Pemantapan Sahsiah Diri Saudara Kita
- (4) Forum Hal Ehwal Islam Bersama Belia
- (5) Bengkel Pembangunan Modal Insan Melibatkan Saudara Kita
- (6) Seminar Pekerja Belia Wanita Lestari
- (7) Kembara Isra' Dan Mikraj Melibatkan Belia
- (8) Program Tahsin Solat
- (9) Kem Smart Solat
- (10) Kelas Tafaquh Fiddin Sempena Bulan Penghayatan Solat
- (11) Perkhemahan Bina Insan
- (12) Kursus Pra Perkahwinan
- (13) Seminar Gejala Sosial
- (14) Forum Penghayatan Ramadhan (Kelebihan Qiamullail di malam-malam Ramadhan)

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan telah menganjurkan pelbagai program bagi meningkatkan persefahaman dan perpaduan di kalangan belia. Di antara program tersebut ialah Karnival Belia Negeri Pulau Pinang. Karnival Hari Belia Negeri Pulau Pinang merupakan perhimpunan tahunan yang bersifat karnival dengan melibatkan kebanyakan pertubuhan belia seluruh Negeri Pulau Pinang. Karnival tersebut juga menampilkan kelainan dan kepelbagaian dalam pengisian program seperti persembahan, kebudayaan, sukan dan sebagainya.

Program Belia Malam Minggu di KOMTAR pula telah diadakan bagi memberi ruang kepada belia Pulau Pinang untuk menyetengahkan bakat dan kemahiran melalui platform yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Program ini dicadangkan untuk diadakan setiap bulan namun ianya masih di peringkat kajian. Antara pengisian program yang akan dan telah diadakan ialah persembahan nyanyian, pengucapan awam dan sebagainya.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah menganjurkan Pertandingan Skimboarding dan Karnival Bola Sepak Hari Kemerdekaan. Kesemua program yang diadakan tersebut adalah sebagai salah satu pendekatan untuk memastikan pembentukan golongan belia yang bersatu padu, berdedikasi dan berwawasan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sila senaraikan premis-premis PDC di Pintasan Lebuh Cecil 1, 2, 3, 4, 6, 7 dan 8.
- (a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh PDC terhadap premis yang mengalami keretakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Di kawasan Pintasan Lebuh Cecil 1, 2, 3, 4, 6, 7 & 8, PDC telah menyiapkan dua projek perumahan:-
- (a) 56 unit rumah klaster
- (b) 149 unit rumah klaster.

Kedua-dua projek ini yang disiapkan pada tahun 1988 dan 1993 masing-masing merupakan sebahagian daripada kemudahan penempatan semula bagi penghuni-penghuni yang terlibat dengan pembangunan projek KOMTAR. Merujuk kepada aduan penghuni bahawa terdapat keretakan di premis mereka, PDC telah menjalankan siasatan ke atas aduan tersebut. Pemantauan keretakan premis-premis itu masih dijalankan dan kerja-kerja pembaikan akan dijalankan, jika perlu, supaya keselamatan penghuni-penghuni tidak terganggu akibat keretakan tersebut.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sila senaraikan jumlah orang yang telah berjaya mendapat potongan bil PBA.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Bantuan wang ehsan RM100 oleh Kerajaan Negeri kepada para pemohon yang layak akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Kaedah pembayarannya adalah melalui pemberian rebet di dalam bil air Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang. Pemberian rebet tersebut berkuat kuasa pada 15 November 2008. Penduduk yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 layak memohon bantuan rebet tersebut daripada PBAPP. Manakala penduduk yang secara automatik layak mendapat rebet RM100 ini terdiri daripada penghuni rumah kos rendah, peserta rancangan PPRT dan mereka yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di dalam kategori miskin. Sehingga 22 Oktober 2008 seramai 14,682 orang telah layak mendapat rebet RM100 melalui permohonan manakala jumlah orang yang layak mendapat rebet secara automatik terdiri daripada :-

- (a) Penghuni rumah kos rendah : 128,365 orang
- (b) Penghuni yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai miskin : 108 orang; dan
- (c) Penghuni Rumah PPRT : 166 orang.

Sehingga kini, jumlah keseluruhan yang berjaya mendapat rebet RM100 ialah sebanyak 143,321 orang dan melibatkan perbelanjaan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM1,433,210. Namun begitu, masih terdapat sekurang-kurangnya 10,000 permohonan yang sedang diproses dan sekiranya permohonan tersebut layak, rebet RM100 akan turut diberikan.

XXI. Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu rancangan yang teliti untuk melaksanakan papan tanda jalan yang mempunyai beberapa bahasa, contohnya Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Jawi di Pulau Pinang. Bilakah papan tanda jalan sedemikian boleh direalisasikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan pemasangan papan tanda jalan dalam pelbagai bahasa pada 25 Oktober 2008. Pemasangan papan tanda nama jalan dalam pelbagai bahasa dilaksanakan dalam kawasan Zon Warisan George Town. Sebut harga untuk kerja ini akan ditutup pada 12 November 2008. Langkah tersebut adalah komitmen Kerajaan Negeri untuk mengekalkan status zon warisan George Town sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO.

Papan tanda jalan dalam pelbagai bahasa dijangka siap dipasang pada Disember 2008.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Memandangkan Kerajaan Pusat telah mengumumkan bahawa projek PORR dan monorel ditangguhkan, adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa cadangan untuk mendapatkan pelabur swasta untuk merealisasikan kedua-dua projek mega ini tanpa bergantung kepada Kerajaan Pusat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Projek Monorel Pulau Pinang sepanjang 32.2 km yang menghubungkan Pengkalan Weld ke Paya Terubong dan Tanjung Tokong Ke Bayan Lepas sememangnya satu projek yang amat penting kepada Pulau Pinang. Pulau Pinang sering mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk terutama di bahagian pulau dan projek Monorel merupakan antara jalan penyelesaian yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah tersebut. Projek ini dijangka menawarkan sistem pengangkutan awam yang efisien dan bersih; mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan raya dalam kawasan bandar; mengurangkan kadar pencemaran udara; menjadi alternatif kepada pengangkutan awam yang sedia ada seperti bas dan teksi; mengurangkan kemasukan kenderaan ke dalam kawasan bandar sekali gus mengurangkan penyediaan tapak meletak kenderaan awam; dan mempercepatkan tempoh masa perjalanan berbanding pengangkutan awam yang lain.

Sementara itu, penangguhan projek Penang Outer Ring Road (PORR) dijangka akan memburukkan masalah kesesakan lalu lintas yang dihadapi penduduk Pulau Pinang. Projek PORR sepanjang 17km menghubungkan Tanjung Tokong ke Gelugor dan merentasi Gurney Drive akan bertindak sebagai lebuh raya utama kepada Pulau Pinang. PORR akan menguruskan kesesakan trafik dari Jalan Air Hitam, Jalan Tanjung Tokong dan Jalan Sultan Azlan Shah serta mengurangkan kesesakan kawasan bandar. Projek PORR amat diperlukan bagi mengatasi kesesakan kenderaan di pulau dan melengkapi Lebuhraya Jelutong bagi membentuk lingkaran keliling Georgetown yang menyalurkan trafik ke pertengahan kota. Kegagalan mengatasi masalah kesesakan lalu lintas sememangnya akan memberi kesan dan membantutkan usaha Kerajaan Negeri bagi menarik lebih ramai pelabur ke Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri sememangnya telah membuat permohonan agar Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan semula pelaksanaan projek-projek tersebut. Memandangkan kos pelaksanaan projek yang tinggi maka kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah perlu. Walau bagaimanapun sekiranya tidak mendapat kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri akan melaksanakan

projek tersebut secara penswastaaan di mana konsep tender terbuka akan diguna pakai. Ini bagi memastikan ketelusan dalam pelaksanaan projek dan selaras dengan dasar CAT (Competencies, Accountabilities, Transparency) yang diamalkan Kerajaan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Demi menggalakkan sektor pelancongan, adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk mewujudkan satu pasar malam yang tetap yang berniaga tiap-tiap malam di sesuatu tempat tetap, seperti di Patpong (Bangkok) dan Shi Lin Night Market di Taipei.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri tidak mempunyai apa-apa perancangan untuk mewujudkan satu pasar malam yang tetap seperti di Patpong dan Taipei. Walau bagaimanapun, pasar malam (*night market*) di Batu Feringhi telah lama wujud sebagai pasar malam tetap dan ada dalam perancangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk dinaiktarafkan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Terdapat pelancong-pelancong yang datang ke pusat penjaja Gurney Drive mengadu bahawa kewujudan pengemis yang meminta duit di kalangan pelancong telah mencemarkan dan menjejaskan imej Gurney Drive. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cara penyelesaian untuk mengatasi masalah pengemis ini di Gurney Drive secara khususnya dan di seluruh Pulau Pinang secara amnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai beberapa kaedah bagi menangani masalah pengemis di sekitar Gurney Drive, George Town dan Negeri Pulau Pinang keseluruhannya. Antara usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah mengadakan operasi bersepadu yang melibatkan lain-lain jabatan serta agensi seperti Jabatan Polis, Imigresen, Pertahanan Awam, Rela dan Jabatan Kesihatan. Kaedah lain yang digunakan untuk menangani masalah pengemis ialah mengadakan operasi secara ad hoc dan operasi hasil aduan orang awam.

Sepanjang tahun 2008 (sehingga September 2008) Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengadakan 11 operasi pengemis secara bersepadu, berjadual dan secara ad hoc. Melalui operasi yang dijalankan seramai 69 orang pengemis telah diselamatkan dan ditempatkan di Rumah Seri Kenangan Taiping, Rumah Seri Kenangan Bedong, Desa Bina Diri Mersing dan Desa Bina Diri Jerantut untuk tempoh selama 3 tahun.

Kerajaan Negeri akan terus menjalankan operasi pengemis di Gurney Drive dan di George Town, Pulau Pinang dari masa ke semasa secara bersepadu, ad hoc dan berdasarkan aduan yang diterima dari orang awam untuk menangani masalah pengemis di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila nyatakan dengan terperinci jumlah pelaburan asing yang telah dilaburkan dan juga nama syarikat pelabur yang telah melabur di Negeri Pulau Pinang dalam tempoh bulan Mac sehingga bulan Oktober 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Untuk tahun 2008, pelaburan yang diluluskan oleh MIDA untuk sektor pengilangan bagi jangka masa Januari - Ogos adalah dijangka sebanyak RM6.1 bilion. Ini merupakan jumlah pelaburan yang tertinggi sekali diluluskan dalam sejarah Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, oleh kerana ada perangkaan RM8 bilion yang diumumkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa, Y.B. Tan Sri Muhyuddin Yassin di surat khabar tempatan yang bercanggah dengan RM8 billion untuk tempoh masa yang sama, Kerajaan Negeri sedang berusaha mendapat kepastian.

Senarai nama syarikat pelabur yang telah melabur di negeri ini adalah sulit.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Memandangkan bilangan penjaja dan penduduk yang semakin bertambah di Paya Terubong, bolehkah Kerajaan Negeri mewujudkan satu cadangan atau memperuntukkan satu bajet untuk membina satu bangunan pasar yang sesuai di Paya Terubong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri buat masa ini masih belum mempunyai cadangan untuk mendirikan sebuah bangunan pasar di Paya Terubong kerana kekangan kewangan. Keperluan untuk membina sebuah pasar awam di Paya Terubong akan dikaji semula apabila kedudukan kewangan mengizinkan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila nyatakan jumlah hotel baru yang telah dicadangkan di Pulau Pinang demi menampung kedatangan pelancong yang mungkin bertambah selepas Bandar George Town diiktiraf sebagai *World Heritage City*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Pada masa ini Kerajaan Negeri tidak menerima cadangan pembinaan hotel baru daripada pihak swasta. Kerajaan Negeri menjangkakan hotel-hotel yang sedia ada di negeri ini mampu menampung pertambahan pelancong yang datang ke negeri ini setelah George Town diiktiraf sebagai World Heritage City.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Demi menjaga kesihatan penduduk di Paya Terubong, adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa cara penyelesaian untuk membolehkan kilang getah yang mencemarkan dipindah keluar daripada Paya Terubong dalam masa yang singkat, contohnya dalam tempoh satu tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kilang Getah Lee Rubber Co. (Pte) Ltd. di Paya Terubong merupakan sebuah kilang berlesen memproses getah dan penstoran hasil petroleum daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang mematuhi syarat-syarat Jabatan Teknikal termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Daripada pemantauan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa, secara keseluruhannya, kilang tersebut telah diselenggarakan baik dan tahap kebersihan yang memuaskan.

Mengenai kawalan dan kelepasan efluen, pihak kilang telah mengikuti piawaian dan terkawal selaras dengan perakuan dan kelulusan pelesenan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 oleh Jabatan Alam Sekitar.

Di samping itu, Pihak kilang juga telah mengambil langkah-langkah mengurangkan bau termasuk pemasangan alat "scrubber" dan cerobong sepertimana yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Untuk makluman, penempatan kilang getah sebegini memerlukan kawasan penampakan sekurang-kurangnya 500 meter dari kawasan penempatan / kediaman. Proses penempatan kilang akan melibatkan pemilihan tapak, ubah syarat tanah serta kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan sebelum sebarang pembinaan kilang boleh dimulakan. Pada masa ini, usaha telah diambil oleh pemilik kilang untuk menempatkan semula kilang tersebut di tempat yang lebih sesuai. Pemantauan mengenai rancangan pemindahan ini akan diteruskan di samping memastikan tiada masalah bau daripada operasi kilang getah ini.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Pangsapuri Desa May di kawasan Relau selalu mengalami masalah banjir apabila waktu hujan. Keadaan ini telah berlarutan selama sepuluh tahun. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa cara penyelesaian kekal tentang masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri memang mempunyai perancangan secara kekal bagi menangani masalah banjir kilat di sini. Penyelesaian muktamad ini adalah melalui pembinaan penyambungan sistem perparitan konkrit bersambung dari Jalan Ilir Paya Terubong ke Pesiaran Paya Terubong. Kerja ini sepatutnya dilaksanakan oleh pemajuan masa hadapan oleh pemilik lot 6587 dan lot 6588 berdasarkan pelan perancangan struktur tempatan. Akan tetapi penyelesaian ini tertakluk pada jangka masa permohonan pemilik tanah persendirian berikut.

Seterusnya, pihak Kerajaan Negeri melalui JPS Negeri telah mengambil tindakan jangka pendek melalui kaedah-kaedah pembinaan parit tanah dan ban, pembinaan tembok dan penyediaan pam bergerak bertempat di bawah bangunan tersebut sejak September 2008. Adalah dijadualkan kerja-kerja berkenaan akan dapat disiapkan pada akhir November 2008 dengan kos sebanyak RM50,000.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Terdapatnya aduan bahawa banyak lampu jalan di Pulau Pinang yang tidak dapat berfungsi pada waktu malam. Terdapat juga tuntutan bahawa masalah ini merupakan satu sabotaj atau kelakuan yang disengajakan dengan niat jahat demi membangkitkan kemarahan rakyat terhadap kerajaan. Bagaimana Kerajaan Negeri memandangkan masalah ini dan cara memastikan keberkesanan lampu jalan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Semua penyelenggaraan lampu jalan dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB). Kerajaan Negeri membuat pemantauan dan bekerjasama dengan pihak TNB untuk mempercepatkan proses pembaikan.

Bilangan lampu jalan bertambah setiap tahun memandangkan projek perumahan yang baru dibina dan banyak permohonan lampu jalan diterima daripada orang awam. Beban tenaga elektrik bertambah dan kerosakan tentu akan juga bertambah dari tahun ke tahun. Sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak menghadapi sebarang masalah perbuatan sabotaj di sebelah pulau.

Kerajaan Negeri memantau keadaan lampu jalan di Seberang Perai dengan melakukan rondaan pada waktu malam yang mana ianya dilakukan 2 hingga 3 kali rondaan pada waktu malam dalam satu minggu. Selain itu, Kerajaan Negeri memasang sistem lampu jalan (SCADA Lampu Jalan) bagi tujuan pemantauan tanpa menggunakan tenaga manusia, namun tidak semua kawasan dipasang dengan sistem ini kerana kos pemasangan tersebut agak mahal. Sejak kebelakangan ini, terdapat banyak kes-kes kecurian di Seberang Perai seperti kes kecurian kabel lampu, peralatan kotak kawalan dan penutup tiang lampu. Keadaan ini menyebabkan lampu jalan di sini tidak dapat berfungsi dengan baik. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri memastikan kerosakan dibaiki dengan segera supaya tidak menimbulkan masalah keselamatan kepada penduduk.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sejak bulan Mac 2008 sehingga Oktober 2008, adakah Kerajaan Negeri mewujudkan satu polisi bertulis bahawa ke semua kilang-kilang dan tempat kerja mesti menyediakan satu tadika atau tempat asuhan untuk anak-anak pekerja wanita.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sehingga ke hari ini masih belum ada lagi polisi yang mewajibkan kilang-kilang dan tempat kerja untuk menyediakan tadika atau tempat asuhan untuk anak-anak pekerja wanita. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti telah bersetuju untuk mewujudkan sebuah Pusat Jagaan Kanak-Kanak di Padang Tembak, Air Itam. Konsep Pusat Jagaan ini adalah umum iaitu hanya menempatkan pelajar-pelajar di dalam lingkungan usia 7 hingga 12 tahun sebelum dan selepas sekolah. Beberapa aktiviti akan dirangka mengikut kesesuaian untuk kanak-kanak tersebut. Pusat Jagaan ini akan dapat meringankan beban ibu-ibu bekerja bukan sahaja tentang kerisauan terhadap keselamatan anak malahan juga dapat meringankan beban kos tanggungan mereka kerana caj yang dikenakan adalah sangat minima bergantung kepada keluarga.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menebus tanah (*reclaim land*) di kawasan laut Gurney Drive demi mengatasi masalah pencemaran di tepi laut kawasan Gurney Drive.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Semasa pentadbiran Kerajaan Negeri yang dahulu, memang terdapat cadangan untuk menebus guna kawasan laut di Persiaran Gurney atau Gurney Drive, Pulau Pinang. Cadangan tersebut adalah sebagai satu pakej pembinaan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR)

yang dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan serta pihak swasta melalui satu perjanjian konsesi. Walau bagaimanapun, perjanjian konsesi tersebut belum ditandatangani. Ini berikutan, Kerajaan Persekutuan di bawah kajian Separuh Penggal RMK-9 telah memutuskan agar projek PORR yang bernilai RM1.5 bilion ditangguhkan. Seperti yang telah dimaklumkan oleh Kerajaan Persekutuan, projek ini ditangguhkan ke satu tarikh yang belum diberitahu. Oleh itu, projek berkenaan belum dapat dilaksanakan seperti perancangan awal.

Akan tetapi Kerajaan Negeri sedang mengkaji beberapa cadangan untuk mengindahkan Persisiran pantai Gurney drive termasuk tebus guna tanah.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sejak bulan Mac sehingga Oktober 2008, apakah rancangan telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam sektor belia.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama pelbagai agensi dan jabatan kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) sepanjang bulan Mac hingga Oktober dalam sektor belia.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan telah menganjurkan pelbagai program bagi meningkatkan persefahaman dan perpaduan di kalangan belia. Di antara program tersebut ialah Karnival Belia Negeri Pulau Pinang yang telah diadakan pada 22 Jun 2008. Karnival Hari Belia Negeri Pulau Pinang merupakan perhimpunan belia yang bersifat karnival dengan melibatkan kebanyakan pertubuhan belia seluruh Negeri Pulau Pinang. Karnival tersebut juga menampilkan kelainan dan kepelbagaian dalam pengisian program seperti persembahan, kebudayaan, sukan dan sebagainya.

Program Malam Belia dan Komuniti di KOMTAR pula telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 21 Jun 2008 dan 26 Julai 2008. Program ini diadakan bagi memberi ruang kepada belia Pulau Pinang untuk mengetengahkan bakat dan kemahiran melalui platform yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Program ini dicadangkan untuk diadakan setiap bulan namun ianya masih di peringkat kajian. Antara pengisian program yang telah dan akan diadakan ialah persembahan nyanyian, pengucapan awam dan sebagainya.

Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan Kempen Belia Anti Jenayah pada 30 Ogos 2008. Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran belia tentang pentingnya keharmonian di dalam sesebuah negara. Program ini telah diadakan dengan kerjasama pertubuhan belia di bawah naungan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, pelbagai program berbentuk sukan juga telah diadakan. Antaranya ialah Pertandingan *Skimboarding* dan Karnival Bola sepak Hari Kemerdekaan. Program tersebut diadakan demi mewujudkan komuniti yang gemar kepada gaya hidup sihat selain meningkat hubungan antara kaum bagi seluruh rakyat negeri Pulau Pinang.

Terdapat banyak lagi program yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sehingga hujung tahun 2008. Antaranya ialah Karnival *Line Dance* Antarabangsa Pulau Pinang dan Ekspo Sukan, Kesihatan dan Kecantikan 2008 pada 23 November 2008, Karnival Pertandingan Memancing Terbuka Pulau Pinang 08 pada 14 Disember 2008, *Le Tour De Penang 08* pada 28 Disember 2008 dan *Power Grind & X Flow Penang Youth Extreme Games Championship 08* pada 14 Disember 2008.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Belia Negeri juga telah mengadakan pelbagai aktiviti bagi tujuan pembangunan belia dengan kerjasama Majlis Belia Daerah dan juga badan gabungan di bawah Majlis Belia Negeri. Senarai aktiviti yang telah dijalankan oleh Majlis Belia Negeri adalah seperti berikut:-

**PELAKSANAAN DAN PERANCANGAN PROGRAM/AKTIVITI
MAJLIS BELIA NEGERI PULAU PINANG 2008**

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Penyertaan
1.	Kaunter Maklumat Belia (Maklumat Kursus/Program)	Jan – Dis 2008	Paras 3, KOMTAR, Pulau Pinang	Terbuka
2.	Program Khidmat Masyarakat Hospital Seberang Jaya (bersama pesakit pada setiap hari Sabtu)	Feb – Dis 2008	Hospital Seberang Jaya (Masa: 10.00 pagi hingga 1.00 petang)	Terbuka
3.	Majlis Bersama Angkasawan Negara	5 Jan 2008	DTSP, USM, Pulau Pinang	40 orang
4.	Majlis Penyampaian Anugerah Belia Negara 2007	31 Jan 2008	Stadium Putra, Bukit Jalil, KL	20 orang
5.	Program Kesukarelaan Bersama Hospital Seberang Jaya	23 Feb 2008	Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang	60 orang
6.	Program Biasiswa Bersama HONDA	23 Feb 2008	Dewan Mutiara, Hospital Seberang Jaya	40 orang
7.	Kem Motivasi Remaja	28 – 30 Mac 2008	Hotel Harvard, Sungai Petani, Kedah	60 orang
8.	Klinik Kompang (setiap hari Sabtu)	April – Disember 2008	Kompleks Masyarakat Penyayang (Masa : 2.30 petang – 5.30 petang)	40 orang
9.	Klinik Paintball	1 Mei 2008	Paintball Combat Centre, Nibong Tebal	120 orang
10.	Lawatan Sambil Belajar Putrajaya & Kuala Lumpur	14 – 15 Mei 2008	Putrajaya dan Kuala Lumpur	40 orang
11.	Perhimpunan Hari Belia Negara 2008	15 Mei 2008	Stadium Putra, Bukit Jalil	40 orang

12.	Kem Rekreasi	20 – 22 Jun 2008	Tapak Perkhemahan Hutan Lipur Bukit Hijau, Baling, Kedah	50 orang
13.	Kem Jati Diri	20 – 22 Jun 2008	Kuala Gula, Perak	60 orang
14.	Mini Pameran Karnival Belia	22 Jun 2008	AutoCity, Juru	Terbuka
15.	Kuiz Belia	24 – 27 Jun 2008	RTM Pulau Pinang	Terbuka
16.	Larian Kecergasan Sempena Perhimpunan dan Pelancaran Hari Belia Peringkat Negeri Pulau Pinang	28 Jun 2008	Kolej Matrikulasi Pulau Pinang, Pongsu Seribu, Pulau Pinang	Terbuka
17.	Pameran Belia Sempena Perhimpunan dan Pelancaran Hari Belia Peringkat Negeri Pulau Pinang	28 – 29 Jun 2008	Kolej Matrikulasi Pulau Pinang, Pongsu Seribu, Pulau Pinang	Terbuka
18.	Majlis Perhimpunan dan Pelancaran Hari Belia Peringkat Negeri Pulau Pinang	29 Jun 2008	Kolej Matrikulasi Pulau Pinang, Pongsu Seribu, Pulau Pinang	2,000 orang
19.	Program Pencarian Harta Karun	12 – 13 Julai 2008	Padang Kota Lama & New World Park Penang	500 orang
20.	Kem Interaksi Remaja	25 – 27 Julai 2008	RECSAM, Gelugor, Pulau Pinang	200 orang
21.	Seminar Motivasi Keusahawanan Belia	9 Ogos 2008	Dewan Politeknik Seberang Perai	200 orang
22.	Kempen Gaya Hidup Sihat (Telematch)	17 Ogos 2008	Taman Perbandaran Belia	500 orang
23.	Kempen Kibar Jalur Gemilang (1,000 bendera di edar)	30 Ogos 2008	Plaza Tol Juru, Juru	Terbuka
24.	Program Motivasi Pelajar Cemerlang	11 Sept 2008	Sek. Tunas Bakti, Teluk Air Tawar	150 orang
25.	Majlis Tahlil dan Berbuka Puasa	11 Sept 2008	Sek. Tunas Bakti, Teluk Air Tawar	250 orang

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah usaha atau rancangan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri sejak bulan Mac sehingga Oktober 2008 dalam membantu kaum ibu tunggal.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sebagai usaha untuk membantu kaum wanita terutamanya ibu-ibu tunggal di sekitar Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti telah menubuhkan Pusat Perkhidmatan Wanita dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak bagi membolehkan ibu-ibu tunggal mendapatkan khidmat nasihat secara percuma daripada pakar kaunseling yang disediakan manakala Pusat Jagaan Kanak-Kanak telah diwujudkan bagi membantu ibu-ibu tunggal yang bekerja menempatkan anak-anak mereka di pusat ini dengan kos yang paling minima.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sejak bulan Mac sehingga Oktober 2008, apakah hasil yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri dalam membantu peningkatan peluang kerja dan pendapatan kaum wanita di Pulau Pinang, khususnya kaum wanita di kawasan desa dan kampung.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri sedang dalam proses menubuhkan Pusat Perkhidmatan Wanita di Seberang Perai dan Pusat Jagaan Kanak-kanak di Padang Tembak, Air Itam bagi memastikan kaum wanita mendapat pembelaan sewajarnya dan mereka berpeluang menjalankan pekerjaan dengan menempatkan anak-anak mereka di Pusat Jagaan Kanak-Kanak.

Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluaskan penubuhan Pusat Perkhidmatan Wanita dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak di seluruh negeri bagi membolehkan ibu-ibu tunggal khususnya di kawasan kampung dapat menyumbang tenaga di berbagai sektor pekerjaan.

Agensi-agensi lain seperti Pusat Urus Zakat (PUZ) juga menyediakan bengkel-bengkel seperti pusat jahitan dan kelas masakan bagi membantu ibu tunggal dan wanita amnya menjana ekonomi keluarga terutamanya wanita di desa dan kampung.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Memandangkan Paya Terubong terdapat kawasan bukit hijau yang berpotensi dijadikan sebagai tempat ekopelancongan, adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa cadangan untuk membangunkan bukit di Paya Terubong sebagai satu tempat pelancongan bukit seperti Bukit Bendera.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa memberi fokus kepada pembangunan pelancongan terutama mengujudkan produk-produk pelancongan baru dan berpotensi. Kawasan Paya Terubong dan kawasan sekitar sememangnya antara kawasan yang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan ekopelancongan.

Namun begitu, sehingga kini Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan untuk memajukan kawasan bukit hijau di sekitar Paya Terubong untuk dijadikan tempat pelancongan eko kerana ia merupakan kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan tanah tinggi yang perlu dipelihara.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah menyediakan tapak rekreasi Taman Metropolitan Relau yang mempunyai keluasan 120 ekar yang terletak di persimpangan Jalan Tun Sardon dan Jalan Relau untuk penduduk di kawasan Relau, Paya Terubong dan Bukit Jambul.

Beberapa aktiviti sukan rekreasi dijalankan di Taman Metropolitan Relau seperti senaman Taichi, *Line Dance* dan Aerobik. MPPP juga pernah menganjurkan aktiviti mendaki bukit Taman Metropolitan Relau yang melibatkan ahli-ahli Persatuan Mendaki Bukit.

Taman Metropolitan Relau akan dinaiktarafkan dan dibekalkan dengan kemudahan kepada para pelancong. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM 2 juta di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi membangunkan kawasan Taman Metropolitan sebagai kawasan tarikan pelancong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Terdapat aduan bahawa tidak ada anggota polis ditugaskan di pondok polis di Paya Terubong. Bolehkan Kerajaan Negeri mengadakan koordinasi dengan pihak polis supaya Pondok Polis Paya Terubong betul-betul berfungsi 24 jam demi menjaga keselamatan di kawasan Paya Terubong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Pondok Polis Paya Terubong pada asalnya memang wujud di bawah Blok 10 Sun Moon City, Paya Terubong, Ayer Itam, Pulau Pinang. Ia telah ditutup pada 16 Oktober 1998. Buat masa kini pondok tersebut telah dijadikan pejabat pengurusan blok. Oleh yang demikian tidak ada anggota polis diletakkan di pondok polis tersebut.

Walau bagaimanapun, untuk mewujudkan kehadiran polis di kawasan Paya Terubong secara lebih efektif demi menunjukkan keprihatinan polis, meyakinkan penduduk kawasan Paya Terubong dan seterusnya mengurangkan kegerunan terhadap jenayah, sebuah Pondok Polis Komuniti Paya Terubong telah diwujudkan pada awal Januari 2008 di Jalan Oriental 1, Paya Terubong dengan kekuatan 2 anggota polis yang ditugaskan 24 jam.

Penugasan 24 jam di pondok ini bukan setakat anggota polis mengawal di pondok tersebut tetapi pondok tersebut tetapi pondok tersebut digunakan sebagai tempat mengadu orang ramai di mana anggota polis akan berada di pondok tersebut bagi satu tempoh dan kebanyakan masa akan keluar meronda, berdampingan dengan penduduk, mencari maklumat serta mengenal pasti dengan lebih terperinci sekitar kawasan Paya Terubong. Apabila anggota polis keluar dari pondok tersebut satu papan tanda akan memberitahu anggota polis keluar untuk penugasan lain serta mempamerkan nombor telefon bimbit untuk dihubungi apabila perlu.

Untuk membantu 2 anggota polis yang diletakkan 24 jam di pondok tersebut, ia juga dibantu oleh anggota-anggota polis dari Balai Polis Ayer Itam untuk meningkatkan rondaan dan juga kereta peronda polis (MPV), anggota-anggota detektif dari cawangan Jabatan Siasatan Jenayah Timur Laut dan juga polis trafik dan narkotik.

Bagi melengkapkan cara-cara kepolisan, KPB Ayer Itam juga telah diarahkan untuk menubuhkan satu *Community Policing* merangkumi Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, RELA dan JKKK bagi memantapkan penugasan kepolisan di kawasan Paya Terubong. Dalam perkara ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui ADUN setempat boleh membantu polis Timur Laut untuk mewujudkan *Community Policing* di kawasan Paya Terubong ke arah mencegah jenayah ke tahap yang serendah-rendahnya atau mencapai jenayah sifar jika boleh.

Dari segi perangkaan jenayah indeks di kawasan Paya Terubong, bagi tahun 2006, jenayah indeks yang telah dicatatkan adalah sebanyak 208 kes manakala bagi tahun 2007, jenayah indeks yang telah dicatatkan adalah 130 kes iaitu menampakkan penurunan sebanyak 78 kes (turun 37.5%).

Bagi tahun 2008 iaitu dari Januari hingga 15 Oktober 2008, jenayah indeks yang dicatatkan adalah sebanyak 157 kes apabila dibandingkan dengan 106 kes bagi tempoh yang sama bagi tahun 2007, iaitu peningkatan sebanyak 51 kes (meningkat 48.11%).

Jenis jenayah indeks yang banyak menyumbang kepada jenayah indeks yang berlaku di kawasan Paya Terubong ialah kecurian motosikal iaitu :

Tahun 2006	- 151 kes,
Tahun 2007	- 111 kes, dan
Tahun 2008 (sehingga 15 Oktober 2008)	- 103 kes.

Ini menyumbang kepada keseluruhan lain-lain jenayah indeks sebanyak 73% bagi tahun 2006, 85% bagi tahun 2007 dan 66% sehingga Oktober 2008. Secara keseluruhan pula, kawasan Paya Terubong telah menyumbang sebanyak 53% kepada jenayah indeks yang berlaku dalam kawasan Balai Polis Ayer Itam.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Wujudnya kes di mana pekerja asing kilang industri telah ditempatkan di pangsapuri sebagai hostel dan mendatangkan masalah sosial kepada penduduk tempatan. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa polisi supaya kilang industri baru mesti juga diperlukan membina satu hostel tersendiri di halaman kilang untuk pekerja asing supaya tidak mengganggu kehidupan orang tempatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kawasan halaman kilang atau sebarang lokasi di dalam taman perindustrian telah dizonkan untuk kegunaan industri sahaja. Justeru itu, sebarang kegunaan selain daripada kegunaan industri adalah tidak dibenarkan terutama sekali bagi mendirikan hostel, ini adalah kerana ia bertentangan dengan sekatan kepentingan yang tercatat di atas hak milik yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.

Di samping itu, sekiranya berlaku sebarang kemalangan industri, maka kewujudan hostel ini akan memburukkan lagi keadaan kerana lebih banyak nyawa akan terdedah kepada bahaya. Oleh itu, penempatan hostel di dalam kawasan industri adalah tidak bersesuaian dan akan mengundang lebih banyak risiko terhadap penghuni hostel sekiranya dilaksanakan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sila nyatakan jumlah pelancong yang telah melawat Negeri Pulau Pinang dalam tempoh bulan Mac sehingga Oktober 2008 berbanding dengan tempoh yang sama di tahun 2007.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Data kehadiran pelancong ke Pulau Pinang ini diperolehi melalui Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Pulau Pinang yang mengawal kemasukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dan Pelabuhan Swettenham Pulau Pinang. Mengikut data yang diberikan seramai 332,930 orang pelancong yang telah datang melawat Pulau Pinang dari bulan Mac hingga September 2008. Data bulan Oktober sedang disediakan oleh pihak Jabatan Imigresen. Bagi tempoh yang sama pada tahun 2007, seramai 314,986 orang pelancong telah melawat Pulau Pinang. Ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 30,516 orang pelancong. Data kehadiran pelancong adalah seperti di berikut:-

JUMLAH KEHADIRAN PELANCONG MENGIKUT NEGARA BAGI SEPTEMBER 2008

NEGARA	BY AIR	%	BY SEA	%	JUMLAH	%
Singapore	3816	10.99141656	1714	25.848288	5530	13.37396309
Australia	1366	3.934558442	433	6.5299352	1799	4.350770273
New Zealand	130	0.374445533	35	0.5278239	165	0.399042298
Canada	240	0.69128406	12	0.1809682	252	0.60944642
United Kingdom	1114	3.208710179	61	0.9199216	1175	2.841664853

NEGARA	BY AIR	%	BY SEA	%	JUMLAH	%
Hong Kong (British)	33	0.095051558	6	0.0904841	39	0.094319089
Hong Kong (C.I.)	1	0.00288035	0	0	1	0.002418438
Sri Lanka	20	0.057607005	22	0.331775	42	0.101574403
Bangladesh	60	0.172821015	13	0.1960489	73	0.176545987
India	516	1.486260729	735	11.084301	1251	3.025466154
Brunei Darulsalam	4	0.011521401	6	0.0904841	10	0.024184382
Others Commonwealth Countries	254	0.731608964	25	0.377017	279	0.67474425
United States	1511	4.352209229	55	0.8294375	1566	3.787274178
China	1776	5.115502045	269	4.0567034	2045	4.945706063
Russia	45	0.129615761	0	0	45	0.108829718
America Latin	145	0.417650786	3	0.045242	148	0.35792885
Arabia Countries	30	0.086410508	45	0.6786307	75	0.181382863
West Germany	522	1.503542831	26	0.3920977	548	1.325304119
France	192	0.553027248	4	0.0603227	196	0.474013882
Norway, Sweden, Denmark	186	0.535745147	20	0.3016136	206	0.498198264
Belgium, Luxemburg & Netherland	48	0.138256812	14	0.2111295	62	0.149943167
Other West Europe Countries	228	0.656719857	9	0.1357261	237	0.573169847
East Europe	80	0.23042802	6	0.0904841	86	0.207985683
Philippines	303	0.872746126	118	1.7795204	421	1.018162471
Thailand	1166	3.358488392	43	0.6484693	1209	2.923891751
Taiwan	2111	6.080419379	24	0.3619364	2135	5.163365499
Indonesia	15739	45.33383259	2513	37.897753	18252	44.14133353
Pakistan	33	0.095051558	23	0.3468557	56	0.135432538
Japan	2428	6.993490408	249	3.7550897	2677	6.474158988
South Korea	360	1.03692609	72	1.0858091	432	1.044765291
Others	261	0.751771415	76	1.1461318	337	0.815013664
JUMLAH	34718	100	6631	100	41349	100

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Terdapat aduan bahawa wujudnya bau busuk dari Kolam Takungan Air Hujan di Paya Terubong, apakah punca bau busuk tersebut. Adakah apa-apa rancangan untuk mengindahkan kolam tersebut sebagai suatu tapak rekreasi untuk penduduk tempatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Bagi mengatasi bau busuk dari Kolam Takungan Air di Paya Terubong, Kerajaan Negeri telah pun mengambil langkah-langkah seperti berikut:
 - (1) Merawat air di Kolam Takungan menggunakan kaedah bio-win iaitu proses pembiakan bakteria yang akan bertindak balas ke atas bahan-bahan kotor yang terdapat di dalam kolam. Kaedah ini telah mula dilaksanakan pada bulan Jun 2008 dan ia dijangka akan menghasilkan *output* yang positif dalam usaha untuk mengurangkan bau selepas enam (6) bulan.
 - (2) Pada tahun 2009, perancangan sedang dibuat untuk menggunakan kaedah Effective Microorganism (EM) bagi meningkatkan keberkesanan rawatan air di dalam Kolam Takungan tersebut. Kaedah ini akan dilaksanakan menerusi kerjasama masyarakat tempatan.
 - (3) Kerajaan Negeri telah memulakan perbincangan dengan Pengurusan Syarikat Lee Rubber yang menjadi penyumbang terbesar terhadap pencemaran di Kolam Takungan Sungai Dondang. Kerjasama daripada Syarikat Lee Rubber adalah diperlukan bagi memastikan air buangan daripada syarikat tersebut menjalani proses rawatan yang sesuai dan lebih berkesan mulai tahun 2009.
 - (4) Melaksanakan penanaman pokok landskap di kawasan dan kemudahan rekreasi bagi menambah kecantikan dan keceriaan kawasan pada tahun 2009.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Wujudnya aduan bahawa kekurangan perhentian bas di KADUN Paya Terubong. Sila nyatakan jumlah perhentian bas di seluruh KADUN Paya Terubong. Sila nyatakan juga ada apa-apa perhentian bas baru yang akan dibina di seluruh KADUN Paya Terubong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Setakat ini terdapat 54 buah pondok perhentian bas di seluruh KADUN Paya Terubong. Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan bagi membina pondok perhentian bas untuk tahun 2009 kerana ketiadaan peruntukan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah memohon peruntukan kewangan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk tahun 2009 bagi membina 23 buah pondok perhentian bas iaitu sebanyak 14 buah daripadanya terletak di dalam KADUN Paya Terubong. Pembinaan ini adalah tertakluk kepada kelulusan kementerian berkenaan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa polisi am untuk mengatasi masalah penjaja tanpa lesen yang semakin bertambah di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri mengamalkan konsep penguatkuasaan berhemah terhadap penjaja-penjaja tanpa lesen iaitu dengan memberikan nasihat berhubung pelaksanaan dan keperluan lesen serta memaklumkan mengapa mereka tidak dibenarkan untuk berniaga di sesuatu tempat.

Selain itu, setelah nasihat diberi tetapi penjaja-penjaja masih teruskan juga perniagaan maka notis rasmi Pemberitahuan Tentang Kesalahan (PTK) akan dikeluarkan kepada mereka bagi memaklumkan pelanggaran undang-undang berkaitan yang telah dilakukan.

Tindakan rampasan dan perobohan hanya akan dilakukan ke atas kes-kes yang serius dan melibatkan aduan awam, kesesakan lalu lintas dan kacau ganggu awam.

Dalam usaha untuk mencorak sumber ekonomi dan pendapatan sektor perniagaan serta membela nasib peniaga terutamanya peniaga kecil, tetapi Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi dengan isu-isu yang melibatkan keselamatan makanan, minuman, persekitaran dan keselamatan pelanggan.

Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji untuk menyediakan satu Pelan Induk supaya semua penjaja hanya dibenarkan berniaga di tempat yang dikhaskan sahaja.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Memandangkan Kerajaan Negeri sedang menggalakkan projek Wifi dan Wimax di seluruh Negeri Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa peruntukkan untuk membekalkan komputer *laptop* kepada ADUN dan Ahli Majlis bersesuaian dengan matlamat Wifi@penang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Kerajaan Negeri telah menangguhkan keputusan untuk pembekalan laptop kepada ADUN dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi tujuan penjimatan. Kerajaan Negeri berpendapat laptop merupakan kemudahan asas yang mampu dimiliki oleh semua ADUN secara peribadi.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Sila nyatakan jumlah JMB (*Joint Management Body*) yang telah ditubuhkan sejak bulan April 2008 sehingga bulan Oktober 2008 di seluruh Negeri Pulau Pinang secara amnya dan di KADUN Paya Terubong secara spesifiknya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Secara amnya sebanyak 124 Badan Pengurusan Bersama (JMB) telah ditubuhkan di Pulau Pinang yang terdiri daripada 83 JMB di bahagian pulau dan 41 JMB di Seberang Perai. Penubuhan Badan Pengurusan Bersama ini adalah dari April 2008 hingga Oktober 2008. Secara spesifiknya, sebanyak lapan (8) Badan Pengurusan Bersama (JMB) di KADUN Paya Terubong telah ditubuhkan. Senarai projek adalah seperti berikut:-

Senarai Badan Pengurusan Bersama (Jmb) Di Kadun Paya Terubong Dari April 2008 Hingga Oktober 2008

1. Taman Terubong Indah Fasa 1
2. Taman Bendera
3. Taman Terubong Jaya Blok 9, 11 & 11A
4. Taman Sri Sari Apartment
5. Bukit Awana Apartment
6. Taman Bukit Bendera (Blok 422)
7. Taman Terubong Jaya Blok 18/20
8. Bukit Saujana

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sila nyatakan jumlah MC (Management Corporation) pangsapuri yang telah ditubuhkan di seluruh Negeri Pulau Pinang secara amnya dan di KADUN Paya Terubong secara khususnya sehingga bulan Oktober 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Jumlah Pangsapuri yang telah dikeluarkan Sijil Perbadanan Pengurusan (Management Corporation) bagi seluruh Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

Bil.	Daerah	Jumlah MC	Catatan
1.	Daerah Timur Laut	228	Sehingga April 2008
2.	Daerah Barat Daya	4	Sehingga April 2008
3.	Seberang Perai Utara	Tiada	Sehingga April 2008
4.	Seberang Perai Tengah	4	Sehingga April 2008
5.	Seberang Perai Selatan	Tiada	Sehingga April 2008
6.	Pejabat Tanah dan Galian	60	Mulai Oktober 2007 hingga Oktober 2008
Jumlah		356	

Bagi KADUN Paya Terubong terdapat 6 Perbadanan Pengurusan (MC) yang telah dikeluarkan Sijil Perbadanan Pengurusan sehingga Oktober 2008.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sila nyatakan jumlah kilang yang telah berhenti operasi di kawasan industri Bayan Lepas dan bilangan pekerja yang telah diberhentikan kerja dalam tempoh bulan Mac sehingga Oktober 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Mengikut rekod PDC, tiada syarikat yang melaporkan pemberhentian operasinya di kawasan Bayan Lepas dalam tempoh bulan Mac sehingga Oktober 2008.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam bekerjasama dengan universiti awam dan swasta di Negeri Pulau Pinang untuk pembangunan sains, teknologi dan inovasi dalam tempoh bulan Mac sehingga Oktober 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM188,680.00 untuk program-program Penggalakan Sains Dan Teknologi Pulau Pinang. Di antara program yang dilaksanakan adalah Pameran dan Pertandingan Komputer, Bengkel Membuat Alat Permainan Saintifik, *Project-Based Learning Portfolio Competition*, *Changing Perception Workshop: Science and Technology* dan sebagainya. Namun begitu, semua perancangan ini dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah tanpa melibatkan universiti-universiti awam mahupun swasta di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Sila nyatakan hasil pencapaian Kerajaan Negeri dalam meningkatkan prestasi sukan Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Usaha berterusan Majlis Sukan Negeri (MSN) bagi meningkatkan prestasi sukan Negeri Pulau Pinang selama 10 tahun yang lalu telah menampakkan hasil yang membanggakan. Hal ini kerana atlet yang telah kita lahirkan bukan sahaja berkualiti di peringkat Kebangsaan, malahan di peringkat Dunia dan Olimpik. Antara atlet-atlet yang telah berjaya di pelbagai peringkat sukan adalah:-

- (a) Dato' Lee Chong Wei dari sukan badminton yang merupakan Pemain No. 1 Dunia yang telah menjuarai pelbagai kejohanan dunia selain pemenang pingat perak pada Kejohanan Olimpik, Beijing 2008 yang lalu.
- (b) Dato' Nicol Ann David dari sukan squash merupakan jaguh dunia dan pemain No. 1 Dunia tanpa mampu digugat oleh mana-mana pemain lain selama 3 tahun berturut-turut. Beliau juga merupakan ikon sukan kebanggaan negara kita.
- (c) Bagi sukan karate pula, Pulau Pinang berjaya menghasilkan 2 orang atlet yang begitu berjaya dan konsisten iaitu Ku Jin Kiat yang merupakan pemenang tempat ke 3 kejohanan dunia dan Lim Lee Lee, Naib Johan acara karate dunia.
- (d) Sukan badminton juga berjaya melahirkan jaguh wanitanya iaitu Chin Eei Hui yang mewakili negara dan layak hingga ke peringkat suku akhir di Olimpik Beijing 2008. Beliau baru sahaja memenangi Kejohanan Badminton Terbuka Denmark dalam acara beregu wanita.
- (e) Chen Chu Sian bagi sukan memanah juga merupakan atlet kebanggaan MSN kerana berjaya menempatkan diri di dalam skuad memanah negara ke Sukan Olimpik Beijing 2008 yang lalu dan berjaya layak hingga ke peringkat suku akhir.
- (f) Dalam sukan bola sepak, Negeri Pulau Pinang juga tidak ketinggalan walaupun bagi peringkat umur remaja. Hasil yang menjadi kebanggaan adalah skuad bawah umur 12 tahun yang berjaya mewakili Malaysia ke Kejohanan Piala Danone di Perancis. Ini membuktikan Negeri Pulau Pinang tidak ketandusan bakat dalam sukan bola sepak.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mengekalkan bangunan warisan di Bandar George Town berselarasan dengan pengiktirafan Bandar George Town sebagai "*World Heritage City*".

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Sehingga kini langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :

- (a) Tindakan berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Pemuliharaan yang merupakan sebahagian daripada dossier pencalonan. Perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan perlulah dipatuhi kerana ia dijadikan Asas Rujukan kepada pihak UNESCO semasa membuat penilaian berkala (*periodic assessment*).

Pelan Pengurusan Pemuliharaan juga adalah sebagai satu mekanisme untuk mengurus tadbir dan memulihara nilai kawasan yang dicalonkan. Di antara perkara penting yang digariskan oleh Pelan Pengurusan Pemuliharaan ialah :

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Warisan;
- (ii) Penubuhan Pejabat Warisan Dunia (*World Heritage Office*) Peringkat Negeri Pulau Pinang;
- (iii) Menubuhkan *State Heritage Fund*;
- (iv) Penubuhan Jabatan Warisan di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang; dan
- (v) Menubuhkan *Technical Review Panel* di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Tatacara penubuhan, skop, tanggungjawab dan keahlian ada dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan.

- (b) Di samping cadangan dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan, langkah-langkah tambahan seperti berikut telah dilaksanakan :
- (i) Kesedaran orang awam dan penyambutan kejayaan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia pada 25-27 Julai 2008.
 - (ii) Penubuhan dan Mesyuarat Panel Penasihat Warisan.
 - (iii) Cadangan taklimat oleh pakar warisan En. Richard Engelhart.

- (iv) Mesyuarat Penyelaras Tapak Warisan antara Kerajaan Negeri Melaka, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.
- (v) Bengkel Perlindungan Monumen Lama, Tanah dan Bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah atau seni bina.
- (c) Memastikan Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 (Pulau) mengambil kira perkara-perkara yang diliputi oleh *dossier* dan Pelan Pengurusan Pemuliharaan.
- (d) Menyediakan dokumen seperti kandungan *dossier* untuk bacaan umum oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pencalonan ini supaya apa-apa tindakan yang diambil tidak terkeluar daripada ciri-ciri pencalonan yang telah diluluskan.
- (e) Mengadakan beberapa siri dialog dengan pihak berkepentingan bagi memudahkan pelaksanaan Pelan Pengurusan Pemuliharaan.
- (f) Mengadakan publisiti meluas di dalam dan di luar negara.

XXII. Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Senaraikan dengan terperinci kelulusan peruntukan (P16) yang dikemukakan oleh ADUN Tanjong Bunga untuk lima tahun yang lalu (2004,2005,2006,2007 dan 2008).

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Peruntukan yang telah disalurkan kepada ADUN Tanjong Bunga melalui peruntukan P16 bagi lima tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
2004	110,500.00
2005	345,410.00
2006	500,000.00
2007	500,000.00
2008	138,000.00

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berapakah projek swasta dan kerajaan untuk perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah akan dibina di KADUN Tanjong Bunga dalam lima tahun yang akan datang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Mengikut maklumat yang diperolehi daripada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), tiada maklumat berkaitan pemajuan projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah untuk 5 tahun akan datang bagi kawasan KADUN Tanjung Bunga (DTL). Sebarang permohonan bagi tujuan pembangunan perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah adalah mengikut dasar-dasar di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 dan garis panduan yang sedia ada iaitu pemaju-pemaju yang membina 100/150 unit mengikut kawasan pembangunan akan disyaratkan untuk membina 30% rumah kos rendah/kos sederhana rendah.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Senaraikan Masjid, Tokong China, Kuil dan Gereja lama bersejarah dan melebihi 50 tahun ke atas di KADUN Tanjung Bunga. Adakah mereka akan diwartakan sebagai warisan untuk mempromosikan pelancongan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berdasarkan kajian inventori tempat ibadat yang dilakukan oleh Pejabat Daerah dan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa pada tahun 2000, bagi kawasan N22-Tanjung Bungah terdapat sebanyak 4 buah masjid, 2 buah gereja, 15 buah tokong Cina serta 8 buah kuil Hindu. Walau bagaimanapun, tiada maklumat berkaitan tahun binaan bagi setiap tempat ibadat tersebut. Menurut pihak Majlis Agama Islam Pulau Pinang kesemua 4 buah masjid tersebut telah dibina melebihi 50 tahun. Senarai tempat ibadat bagi kawasan Tanjung Bunga adalah seperti dilampirkan.

Selain itu di KADUN Tanjung Bunga, terdapat sebuah tokong Cina iaitu 'Hock Teik See Temple' di Tanjung Bunga yang melebihi 50 tahun dan dikenal pasti sebagai Bangunan Warisan Kategori II.

Setakat ini, bangunan ini hanya disenaraikan sebagai bangunan warisan mengikut garis panduan untuk kawasan pemuliharaan dan bangunan-bangunan warisan dan ia masih belum diwartakan.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan Jabatan Warisan Negara bagi mengenal pasti bangunan-bangunan yang boleh diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Senarai Masjid, Tokong Cina, Kuil dan Gereja adalah seperti di Lampiran.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Mengapakah aquadat PBAPP dari Batu Feringhi ke Guilemard, Tanjung Bunga ditutup. Bilakah ia akan dibuka untuk orang ramai dan sebagai tempat pelancongan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kawasan *aquadat* merupakan kawasan punca air yang terletak di dalam kawasan tadahan Batu Feringhi dan perlu dipelihara daripada pencemaran. PBAPP mempunyai binaan saluran air untuk mengalirkan air ke loji rawatan Guillemard dan Batu Feringhi. Oleh yang demikian PBAPP tidak bercadang untuk membuka kawasan ini kepada orang ramai untuk tujuan pelancongan. Namun demikian orang ramai boleh memohon untuk mengadakan lawatan secara berkumpulan ke kawasan ini. Ini bertujuan mengawal segala aktiviti di kawasan ini.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Nyatakan jumlah jawatan kosong dalam perkhidmatan awam Kerajaan Negeri, Pihak berkuasa tempatan dan Badan Berkanun Kerajaan Negeri yang telah di penuhi dari Mac 2008 hingga Okt. 2008 mengikut jabatan, bidang dan peratusan kaum yang telah dilantik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Jumlah jawatan kosong yang diisi bagi tempoh bulan Mac hingga Oktober 2008 adalah seperti berikut:
- (1) Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Melayu = 387 (97.24%), Cina = 2 (0.50%), India = 9 (2.26%)
 - (2) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)
Melayu = 164 (80.39%), Cina = 2 (0.98%), India = 38 (18.63%)
 - (3) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)
Melayu = 20 (86.96%), Cina = 2 (8.69%), India = 1 (4.35%)
 - (4) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
Melayu = 4 (100%), Cina = 0 (0.0%), India = 0 (0.0%)

Senarai penuh pengisian mengikut jabatan dan bidang adalah seperti di bawah:-

PENGISIAN JAWATAN KOSONG DI PDC MULAI MAC 2008 HINGGA OKTOBER 2008

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH	Melayu	Cina	India
1	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA	A	1	1	-	-
2	JURUTEKNIK PERANCANG BANDAR DAN DESA	C	1	1	-	-
3	PEMBANTU TADBIR RENDAH	D	2	2	-	-
Pecahan peratusan mengikut kaum:						
Melayu	:	4	(100)%			
Cina	:	0	(0.00)%			
India	:	0	(0.00)%			

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah Kerajaan Negeri telah mendapat sebarang jawapan atau keputusan dari Kerajaan Persekutuan terhadap tarikh baru untuk pelaksanaan projek monorel Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Projek Monorel Pulau Pinang sepanjang 32.2 km yang menghubungkan Pengkalan Weld ke Paya Terubung dan Tanjung Tokong Ke Bayan Lepas sememangnya satu projek yang amat penting kepada Pulau Pinang. Pulau Pinang sering mengalami kesesakan lalu lintas yang teruk terutama di bahagian pulau dan Projek Monorel merupakan antara jalan penyelesaian yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah tersebut. Projek ini dijangka menawarkan sistem pengangkutan awam yang efisien dan bersih; mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan raya dalam kawasan bandar; mengurangkan kadar pencemaran udara; menjadi alternatif kepada pengangkutan awam yang sedia ada seperti bas dan teksi; mengurangkan kemasukan kenderaan ke dalam kawasan bandar sekali gus mengurangkan penyediaan tapak meletak kenderaan awam; dan mempercepatkan tempoh masa perjalanan berbanding pengangkutan awam yang lain.

Kerajaan Negeri sememangnya telah membuat permohonan agar Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan semula pelaksanaan projek tersebut. Namun begitu, masih belum terdapat sebarang keputusan dibuat oleh Kerajaan Persekutuan mengenai pelaksanaan projek ini. Memandangkan kos pelaksanaan projek yang tinggi maka kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah perlu. Walau bagaimanapun sekiranya tidak mendapat kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri berkemungkinan akan melaksanakan projek tersebut secara penswastaaan di mana konsep tender terbuka akan diguna pakai. Ini bagi memastikan ketelusan dalam pelaksanaan projek dan selaras dengan dasar CAT (Competencies, Accountabilities, Transparency) yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berkenaan dengan masalah penduduk rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang merungut terhadap lot "parking" yang tidak mencukupi. Adakah Kerajaan Negeri sedar akan isu ini. Adakah kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk mengatasi dan mengelakkan masalah ini daripada berlaku di masa hadapan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri sememangnya sedar dengan masalah tempat letak kereta yang dihadapi bagi penduduk rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah.

Garis panduan sedia ada telah mensyaratkan bahawa bagi setiap empat unit rumah kos rendah, satu tempat letak kereta mesti di sediakan dan bagi setiap lima unit rumah kos sederhana rendah, tiga tempat letak kereta disediakan. Sekiranya pemaju disyaratkan membina setiap rumah dengan kemudahan tempat letak kereta, harga rumah kos rendah dan kos sederhana rendah pasti akan meningkat berikutan penyediaan tempat letak kereta. Apatah lagi jika pemaju membina tempat letak kereta berbilang tingkat, kos yang sangat tinggi akan terlibat. Pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah patut di sedari oleh pembeli yang ianya adalah berdasarkan harga subsidi. Pembeli perlu bersedia dengan kenaikan kos rumah yang tinggi jika setiap unit disediakan seunit tempat letak kereta.

Pada masa kini ramai pemaju khasnya yang membangunkan rumah kos sederhana rendah sememangnya menyediakan tempat letak kereta melebihi syarat minimum. Masalah dan rungutan yang sering diberikan adalah kerana petak-petak tempat letak kereta telah dijual dan menyebabkan kos tambahan kepada pembeli. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan masih membincangkan isu ini dengan pemaju tetapi dijangkakan penyediaan tempat letak kereta yang lebih akan meningkatkan kos rumah. Langkah jangka panjang yang lebih berkesan ialah memastikan pengangkutan awam yang cekap, berkesan dan menyeluruh disediakan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Bagaimanakah penglibatan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah hak pemilikan dan pengurusan yang sedang berlaku di Kuil Sri Raja Madurai Veeran, Lot

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Semakan pentadbiran ini mendapati bahawa lot yang dimaksudkan merupakan tanah milik Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). Pihak kuil akan diminta untuk berbincang dengan MPPP selaku tuan tanah bagi menyelesaikan masalah pemilikan.

MPPP telah memberi kelulusan penyewaan sebahagian daripada tanah Majlis Lot 602, Sek. 10, Jalan S. P. Chelliah, DTL., Pulau Pinang kepada Tetuan Kuil Sri Raja-raja Madurai Veeran bermula dari 1 April 1998 untuk tujuan pembinaan Kuil Hindu dengan syarat-syarat penyewaan seperti berikut:-

- (i) Sewaan atas dasar bulanan;
- (ii) tempoh penyewaan bermula dari 1 April 1998;
- (iii) membayar sewa tanah RM5.00 sebulan (sewa namaan sebagai tapak keagamaan);

- (iv) tanah hendaklah untuk kegunaan membina Kuil Hindu sahaja;
- (v) semua struktur yang akan dibina perlu mendapat kelulusan daripada MPPP; dan
- (vi) Penyewaan tanah adalah untuk sebahagian daripada Lot 602, Sek. 10, Jalan S.P. Chelliah, Pulau Pinang berukuran 20' x 10'. Isu untuk memanggil mesyuarat agung, hak pemilikan dan pengurusan kuil bukan di bawah bidang kuasa MPPP.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 9. Apakah bentuk usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam meningkatkan penggunaan NGV (*Natural Gas Vehicle*) sebagai sumber alternatif terhadap penggunaan petrol dan diesel yang harganya kian meningkat. Adakan Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk membina saluran paip yang akan membekalkan CNG (*Compressed Natural Gas*) di bahagian pulau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 9. Kerajaan Negeri sememangnya telah berusaha untuk mengadakan stesen minyak *Compressed Natural Gas* (CNG) di bahagian pulau, Pulau Pinang. Pihak Petronas telah memberi taklimat kepada Kerajaan Negeri dan beberapa sesi perbincangan telah diadakan.

Stesen minyak CNG sememangnya diperlukan di bahagian pulau untuk menggalakkan pemandu teksi di Pulau Pinang menggunakan Sistem Teksi Bermeter di samping penggunaan oleh kenderaan persendirian. Di samping harga yang lebih murah, CNG adalah bahan api yang lebih mesra alam berbanding dengan *Liquid Petroleum Gas* (LPG) dan minyak diesel kerana kurang mengeluarkan gas yang mencemarkan udara seperti karbon monoksida, nitrogen oksida dan gas hidrokarbon. Pada masa ini, stesen CNG hanya boleh didapati di Perai yang mendapat bekalan gas asli secara terus dari paip agihan gas asli (*natural gas distribution pipeline*). Bekalan gas asli ini seterusnya diagihkan ke bahagian pulau (sehingga Stesen Jana kuasa Elektrik Tenaga Nasional Berhad di Jalan Tunku Kudin) melalui paip dasar laut.

Pihak Petronas memaklumkan bahawa terdapat dua cara untuk menyediakan bekalan CNG di bahagian pulau iaitu:

- (i) *Cara conventional*
Membina stesen minyak baru dan memasang paip agihan dari stesen Jana Kuasa TNB ke stesen baru tersebut; dan
- (ii) Bekalan melalui *trailer* ke stesen baru (*Mother Daughter System*)
Bekalan CNG disediakan melalui trailer dari stesen CNG Seberang Perai ke stesen baru di pulau.

Bekalan CNG harian yang dapat disediakan melalui kaedah *Mother Daughter System* adalah terhad dan tidak berdaya harap (*reliable*). Oleh yang demikian, cara konvensional dengan pembinaan stesen dan memasang paip bekalan CNG perlu diguna pakai di bahagian pulau. Akan tetapi, ianya melibatkan kos yang tinggi dan stesen tidak boleh terlalu jauh dari Stesen Janakuasa Elektrik TNB.

Pihak Petronas dan Kerajaan Negeri telah mengkaji kesesuaian beberapa tapak milik Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk dijadikan stesen minyak CNG. Antara tanah yang telah dikenal pasti ialah tanah milik MPPP di Lot 6396 Mukim 13 Daerah Timur Laut yang terletak berhampiran dengan Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Pulau Pinang. Perkara ini telah dibawa kepada pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan dipersetujui agar tanah tersebut digunakan sebagai tapak bagi membina stesen CNG di bahagian pulau.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Adakah terdapat sebarang syarikat atau konsortium yang berminat untuk melabur serta memperbaiki dan memajukan sektor pengangkutan awam negeri kita.
 - (a) Jika ya, apakah bentuk pelaburan yang diminati.
 - (b) Jika tidak, apakah usaha lain Kerajaan Negeri dalam memperbaiki dan memajukan lagi sektor pengangkutan kita.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10.
 - (a) Sehingga sekarang tidak ada sebarang syarikat atau konsortium yang berminat untuk melabur serta memperbaiki dan memajukan sektor pengangkutan awam negeri. Ini adalah kerana sektor pengangkutan tidak menguntungkan. Di kebanyakan negara, sektor ini dibiayai oleh kerajaan.
 - (b) Untuk memperbaiki dan memajukan sektor pengangkutan, usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah :
 - (i) Menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya penyediaan perkhidmatan bas awam yang lebih efisien dan selesa. Perkhidmatan Rapid Penang telah dilancarkan pada 1 Ogos 2007 dan akan diperluaskan lagi. Kerajaan Negeri telah memohon kepada Kerajaan Pusat untuk menambah bilangan bas dalam perkhidmatan RapidPenang supaya kekerapan dan liputan perjalanan bas dapat dipertingkatkan;

- (ii) Mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan pengangkutan awam untuk menggalakkan penggunaannya. Pondok-pondok bas dan teksi telah disediakan di banyak lokasi dan akan diteruskan pembinaannya. Di samping ini, terminal dan hub bas juga telah diadakan seperti di Pengkalan Weld, Tanjong Bungah, Paya Terubong dan Balik Pulau. Perkhidmatan bas ekspres juga telah dipusatkan di Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong untuk menambah baik kemudahan dan mengurangkan kesesakan;
- (iii) Mengambil langkah-langkah untuk mengurus lalu lintas dengan berkesan untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam seperti melaksanakan sistem jalan sehalu serta mengadakan sistem panduan dan kawalan *Intelligent Transport System*. Mengambil tindakan-tindakan selaras dengan perwujudan bandar selamat seperti mengasingkan laluan pejalan kaki dan kenderaan, meningkatkan pencahayaan serta mengadakan Sistem Kawalan Televisyen Litar Tertutup (CCTV). Membina, meluaskan dan menambah baik laluan pejalan kaki serta kemudahan berkaitan termasuk kemudahan orang kurang upaya dan berusia;
- (iv) Kerajaan Negeri telah mengenal pasti tapak-tapak untuk disediakan dengan kemudahan *Compressed Natural Gas* (CNG) terutama sekali untuk teksi dan kenderaan pengangkutan awam. Dengan kemudahan ini, pengusaha perkhidmatan pengangkutan awam dapat menjimatkan kos yang dapat disalurkan semula untuk menambah baik perkhidmatan dan mengurangkan tambang. Melalui penyediaan kemudahan CNG, Kerajaan Negeri berharap sistem teksi bermeter dapat diperkenalkan; dan
- (v) Suntikan kewangan yang agak besar diperlukan untuk memperbaiki dan memajukan sektor pengangkutan terutamanya dari segi penyediaan sistem transit deras berkapasiti tinggi seperti Sistem Monorel serta pembinaan terminal pengangkutan awam bersepadu dan menambah baik perkhidmatan bas awam sedia ada.

Bagi melaksanakan projek-projek yang telah dirancang dan dicadangkan ini, Kerajaan Negeri bergantung kepada peruntukan Kewangan daripada Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berkenaan projek landskap di sepanjang JeWay,

- (a) Sila nyatakan jumlah harga projek ini, tempoh dan jenis kontrak tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Projek Jelutong Expressway (JeWay) merupakan projek penswastaan Kerajaan Negeri dan perjanjian penswastaan untuk projek Lebuhraya Jelutong telah ditandatangani pada 22 April 1997. Pihak JDSB akan menanggung keseluruhan kos reka bentuk dan pembiayaan JeWay melalui pembiayaan sendiri. JDSB akan menyerahkan JeWay kepada Kerajaan Negeri apabila pembinaannya siap sepenuhnya dan Kerajaan Negeri tidak akan mengenakan tol; dan sebagai balasan JDSB diberikan hak untuk menebus guna tanah seluas 324.9 ekar di sepanjang pesisiran pantai untuk dimajukan. .

Berdasarkan kepada perjanjian tambahan (Supplementary Agreement) yang telah ditandatangani pada 4 Oktober 2002, projek ini akan dilaksanakan secara berfasa dan ianya melibatkan 3 fasa iaitu:

- (i) Fasa 1 - 3.1 km dari Jalan Udini ke Sungai Pinang dalam masa 30 bulan daripada tarikh *Supplementary Agreement* ditandatangani.
- (ii) Fasa 2 - 1.6 km dari Sungai Pinang ke Pengkalan Weld dalam masa 36 bulan daripada tempoh siap Fasa 1.
- (iii) Fasa 3 – Semua persimpangan dalam masa 36 bulan daripada tempoh siap Fasa 2.

Fasa 1 telah siap sepenuhnya pada 28 Mac 2003 dan *Certificate of Practical Completion* telah diberikan pada 6 Jun 2003. Untuk Fasa 2, iaitu dari (Ch650 ke Ch2020) telah siap dan *Certificate of Completion* telah diberikan oleh JKR pada 12 Jun 2007. Sementara itu untuk (Ch300 ke Ch650) dan pelebaran Jalan Magazine (Ch0 to Ch182) siap sepenuhnya dan dibuka kepada trafik pada 5 Februari 2008. *Certificate of Completion* telah diberikan oleh JKR pada 8 Mei 2008. Untuk fasa 2 kerja-kerja yang masih belum disiapkan ialah melibatkan pembinaan longkang dan kerja-kerja jalan di Pengkalan Weld (Ch0 to Ch300).

Untuk kerja-kerja landskap dan penyelenggaraan sepanjang JeWay ialah adalah di bawah tanggungjawab pihak syarikat iaitu JDSB. Ini kerana ianya merupakan sebahagian daripada kos keseluruhan pembinaan JeWay yang perlu dibiayai oleh pihak syarikat. Walau bagaimanapun untuk Fasa 1 ianya telah diserahkan kepada pihak JKR pada 6 Jun 2003 untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan. Dianggarkan pihak syarikat telah membelanjakan hampir RM1.0 juta bagi kerja-kerja landskap dan penyelenggaraan sepanjang JeWay sejak ianya dibuka kepada pengguna.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Adakah Kerajaan Negeri akan menimbangankan cadangan untuk membina laluan pejalan kaki (pedestrian walkway) di sepanjang Sungai Pinang sebagai salah satu langkah dalam usaha pemuliharaan sungai tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri memang mempunyai cadangan untuk menyediakan kemudahan ini. Cadangan ini boleh dilaksanakan sekiranya Projek Pemulihan Kualiti Sungai Pinang Fasa 2 dapat dilaksanakan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berkenaan dengan tanah Lot PB 9W di Solok Sungai Satu, Daerah Timur Laut,
 - (a) Adakah lot ini masih di bawah pemilikan Kerajaan Negeri..

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berdasarkan semakan pentadbiran ini, didapati tapak yang dimaksudkan itu terletak di antara Jalan Bakau dan Solok Sungai Pinang I. Tapak tersebut merupakan tanah Kerajaan Negeri tetapi sebahagian besar tapak tersebut telah pun dikeluarkan Lesen Pendudukan Sementara untuk pelbagai tujuan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah Majlis Perbandaran Pulau Pinang kita masih mempunyai hutang yang belum dijelaskan dengan TNB.
 - (a) Jika ya, berapakah jumlah hutangnya.
 - (b) Jika tidak, mengapa banyak lagi tiang lampu awam jalan raya di banyak kawasan tidak menyala.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Jumlah tunggakan sehingga bulan Mac 2008 yang perlu dibayar oleh MPPP kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah sebanyak RM6,594,075.16. Untuk itu, MPPP telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak TNB bagi menyelesaikan tunggakan ini.

Pihak MPPP adalah bertanggungjawab untuk memantau lampu-lampu jalan yang rosak dan semua aduan serta hasil pemantauan dirujuk kepada TNB untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan dengan sertamerta. Terdapat banyak lampu jalan yang tidak berfungsi yang melibatkan kerosakan kabel dan mengambil masa untuk diperbaiki.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah perkembangan terbaru tentang projek naik taraf dan pelebaran jalan raya sisir Teluk Kumbar hingga Balik Pulau.
- (a) Nyatakan jumlah perbelanjaan projek ini.
 - (b) Bilakah projek ini akan siap dilaksanakan

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan untuk membina jalan sisir dari Teluk Kumbar hingga ke Balik Pulau.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Adakah terdapat sebarang sambungan jejambat di Fasa III JeWay.
- (a) Jika ya, sila lampirkan pelan pembinaan JeWay Fasa III
 - (b) Jika tidak, sila nyatakan mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Fasa III adalah penyambung antara Bandar Jelutong dengan JeWay. Jejambat di JeWay telah siap dibina.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Apakah perkembangan terkini projek The Light.
- (a) Adakah pihak pemaju mematuhi semua garis panduan pembangunan dan selain dengan pelan pembangunan projek yang telah diluluskan.
 - (b) Bilakah projek ini akan siap dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Projek *The Light* merupakan sebahagian daripada keseluruhan projek penswastaaan yang telah dan akan dilaksanakan di kawasan tebus guna Jelutong oleh Jelutong Development Sdn Bhd. Ianya merupakan sebahagian daripada kawasan seluas 324.9 ekar yang telah diberikan hak menebus guna dan membangunkan projek pembinaan bercampur oleh pihak Kerajaan Negeri kepada pihak Jelutong Development Sdn Bhd.

Tapak cadangan pembangunan *The Light* adalah seluas 113.27 ekar mengikut pelan induk pembangunan kawasan tebus guna Jelutong yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 7 Mei 2008. Komponen pembangunan yang telah diluluskan ialah:-

Pangsapuri	:	1602 unit
Perdagangan	:	31.79 ekar dengan plot ratio antara 1:3.7 dan 1:4.3
Sea Front Park	:	5.20 ekar
Marina	:	2.2 ekar
Hotel	:	4.62 ekar
Kawasan Lapang Promenade	:	3.57 ekar

Semasa Kerajaan Negeri menimbangkan kelulusan pembangunan kawasan tebus guna Jelutong, cadangan pembangunan telah dirujuk kepada semua Jabatan Teknikal dan ulasan daripada Jabatan Teknikal telah dijadikan syarat-syarat kelulusan pembangunan untuk dipatuhi pemaju. Jabatan Teknikal telah mengguna pakai garis panduan sedia ada berhubung dengan pengawalan pembangunan, alam sekitar, piawai perancangan, peruntukan perumahan rumah kos rendah, penyediaan kemudahan masyarakat, sekolah, tempat ibadat Islam/bukan Islam, jeti nelayan kawasan lapang dan perparitan. Pengiraan kemudahan ini adalah berdasarkan kepada keseluruhan pembangunan.

Namun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa memantau pelaksanaan projek ini dan mendapatkan laporan daripada pihak pemaju. Selain itu, Kerajaan Negeri akan memastikan pihak pemaju mematuhi semua garis panduan pembangunan agar ianya selari dengan pelan pembangunan projek yang telah diluluskan.

Projek ini dijangka akan siap dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah perkembangan terkini terhadap pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang,
 - (a) Apakah masalah baru yang dihadapi
 - (b) Adakah projek ini berjalan mengikut rancangan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Jambatan Pulau Pinang Kedua yang menghubungkan Batu Kawan di Seberang Perai dan Batu Maung di bahagian pulau sedang dalam peringkat pelaksanaan.

Kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua ialah sebanyak RM4.3 bilion yang akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan ia tidak termasuk kos pampasan kepada nelayan dan penternak kerang yang terlibat dengan pembinaan projek ini.

- (a) Antara masalah yang dihadapi ialah mengenai pampasan kepada nelayan yang terlibat dengan pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua ini. Ianya melibatkan penternak kerang dan nelayan pantai. Beberapa siri perbincangan telah diadakan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan pihak-pihak yang berkaitan bagi menyelesaikan masalah ini. Perkara ini sedang diselaraskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan sehingga kini, masih belum ada sebarang keputusan mengenainya dibuat.
- (b) Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa Unit Perancang Ekonomi (EPU, JPM) telah menamatkan konsesi projek ini dengan pihak UEM Builders Berhad. Buat masa ini, konsesi tersebut telah diberikan kepada pihak Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) iaitu sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Persekutuan. Berikutan itu, pihak JKSB telah menawarkan kepada pihak UEM Builders Berhad bagi kerja-kerja pakej 2 iaitu kerja-kerja menyiapkan bahagian *superstructure* iaitu bahagian atas jambatan bagi *approach span* jambatan berkenaan. Sehingga kini, pihak UEM Builders Berhad masih di dalam peringkat perbincangan dengan pihak JKSB mengenai butir-butir tawaran kerja berkenaan.
- (c) Walau bagaimanapun, Projek Jambatan Pulau Pinang dibahagikan kepada 3 pakej. Syarikat China Harbour Engineering Construction (CHEC) Sdn Bhd yang mendapat tawaran daripada JKSB untuk pakej 1 telah mengadakan upacara pengambilan jeti sementara di Batu Maung serta majlis pembukaan pejabat pada 8 November 2008. Kerja-kerja pembinaan Jambatan kedua yang dipertanggungjawabkan kepada CHEC akan dimulai selepas itu. Kerja-kerja yang tertera dalam pakej 1 termasuk "*Main Navigation Bridge*" dan "*foundation*" serta "*sub-structure*" bagi "*Approach Span*" jambatan.
- (d) Bagi menjayakan projek Jambatan Kedua Pulau Pinang, Kerajaan Negara China juga telah memberikan pinjaman mudah sebanyak USD 800 million kepada Malaysia. Oleh yang demikian, kerjasama dan rundingan erat diperlukan antara Kerajaan Persekutuan dengan CHEC untuk mempercepatkan proses pembebasan pinjaman tersebut.
- (e) Kerajaan Negeri juga berharap agar JKSB dapat mempercepatkan proses pemilihan kontraktor bagi pakej 2 dan pakej 3 supaya tarikh pelaksanaan Jambatan kedua Pulau Pinang tidak terjejas.

- (f) Kerajaan Negeri akan memberikan kerjasama yang sebolehnya bagi menjayakan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Berapakah jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri sebagai usaha naik taraf dan peruntukan aktiviti bagi tempat-tempat beribadat di KADUN Sungai Pinang. Senaraikan jumlah peruntukan bagi :
- (a) Masjid
 - (b) Tokong-Tokong
 - (c) Kuil dan Gereja

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Sejumlah RM 2.13 juta telah disediakan pada tahun 2008 bagi proses pengambilan tanah lot 510 dan 931 Seksyen 9W Bandar George Town, Daerah Timur Laut (Masjid Kampung Rawa) untuk tujuan sekolah KAFA, tempat meletak kereta jemaah masjid dan lain-lain aktiviti keagamaan.
- (b) Peruntukan untuk naik taraf dan aktiviti bagi tempat-tempat beribadat untuk tokong-tokong di KADUN Sungai Pinang dilaksanakan melalui ADUN kawasan tersebut. Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut (PDTDTL) bertindak sebagai agensi pelaksana. Berdasarkan rekod PDTDTL, terdapat sebanyak tujuh (7) projek telah diluluskan bagi KADUN Sungai Pinang dengan menggunakan peruntukan P.16 untuk tempat-tempat beribadat seperti di bawah :

BIL.	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1	Mengubah tiang lampu dan memperbaiki Bangunan Kuil Persatuan Penganut Dewa Koay Leng Biaw Jelutong Barat, Pulau Pinang	5,000.00
2	Membaiki Bangunan Persatuan Penganut Dewa Hock Theang Kwang Tua Pek Kong, Pulau Pinang	3,000.00
3	Pemindaan dan pembinaan untuk bangunan Pertubuhan Ci Kung, Pulau Pinang No.30, Lebuh Bakau, Pulau Pinang	5,000.00
4	Memperbaiki Bangunan Pertubuhan Penganut Dewa Seng Ong Kong Leng Hong Keong 165-B, Jelutong Barat	2,000.00
5	Memberi sumbangan kepada Persatuan Buddhist Pu Xian 392, Jalan Bukit Dumber, 11600 Pulau Pinang	2,000.00
6	Memperbaiki Bangunan Pertubuhan Penganut Dewa Hean Seah Keong, Georgetown, Pulau Pinang	3,000.00
7	Membaiki Bangunan Pertubuhan Penganut Dewa Teong Pak Tnuah Pulau Pinang, Blk 58-1-2, Jalan Kurau, Pulau Pinang	2,000.00
JUMLAH BESAR		22,000.00

- (c) Tidak ada peruntukan dalam tahun 2008 untuk kuil dan gereja di KADUN Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sedarkah bahawa Kerajaan Singapura telah melarangkan penggunaan bekas makanan *polystyrene* atau lebih dikenali sebagai *styrofoam* oleh kerana ia menjejaskan kesihatan pengguna. Adakah Kerajaan Negeri kita turut berancang dan bersifat prihatin terhadap rakyat kita dengan melarangkan penggunaan bekas makanan *polystyrene* ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri telah dimaklumkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mendapatkan pengesahan daripada *Agri-Food and Veterinary Authority of Singapore* (AVA), bahawa Kerajaan Singapura tidak pernah mengharamkan penggunaan *polystyrene/styrofoam* sebagai bekas/pembungkus makanan.

Bekas makanan *polystyrene/styrofoam* telah digunakan sejak bertahun-tahun lamanya. Ciri fizikal, kimia dan kos penghasilan yang murah menyebabkan ia digunakan dengan meluas.

Di Malaysia, sebarang bungkusan yang digunakan bersentuhan dengan makanan mesti mematuhi Peraturan 27 di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, di mana penggunaan bungkusan yang merbahaya adalah dilarang. Oleh yang demikian, adalah tanggungjawab pengilang makanan untuk memastikan bungkusan yang digunakan mematuhi Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

KKM telah menjalankan analisis terhadap bekas/pembungkus makanan yang diperbuat daripada *polystyrene* di pasaran dan keputusan menunjukkan migrasi monomer *styrene* sangat rendah. Kajian yang dijalankan di peringkat antarabangsa turut memberikan hasil yang sama. Ia juga menunjukkan tahap migrasi monomer tersebut tidak memberi kesan toksik kepada manusia. Sehingga kini tiada badan kesihatan yang mengklasifikasikan *styrene* sebagai *karsinogen* (bahan yang menyebabkan kanser).

Berdasarkan maklumat di atas, KKM tidak berhasrat untuk mengharamkan penggunaan bekas makanan daripada *polystyrene*.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Pengisytiharan Bandaraya George Town sebagai Bandar Warisan UNESCO. Apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha pemuliharaan Sumber Warisan di negeri kita.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Pada 7 Julai 2008, Bandar George Town dan Melaka telah disenaraikan secara bersama sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) melalui Mesyuarat "World Heritage Committee" yang diadakan di Quebec City, Canada. Kedua-dua bandar ini disenaraikan sebagai "Bandar Bersejarah di Selat Melaka" di bawah kategori warisan budaya.

Sehingga kini pelbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usaha pemuliharaan sumber warisan di Negeri Pulau Pinang.

Antaranya adalah seperti berikut:

- (a) Tindakan berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Pemuliharaan yang merupakan sebahagian daripada *dossier* pencalonan.

Perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan perlulah dipatuhi kerana Pelan Pengurusan Pemuliharaan ini akan dijadikan Asas Rujukan kepada pihak UNESCO semasa membuat penilaian berkala (*periodic assessment*).

Pelan Pengurusan Pemuliharaan juga adalah sebagai satu mekanisme untuk mengurus tadbir dan memulihara nilai kawasan yang dicalonkan. Di antara perkara penting yang digariskan oleh Pelan Pengurusan Pemuliharaan ialah :

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Warisan;
- (ii) Penubuhan Pejabat Warisan Dunia (World Heritage Office) Peringkat Negeri Pulau Pinang;
- (iii) Menubuhkan *State Heritage Fund*;
- (iv) Penubuhan Jabatan Warisan di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang; dan
- (v) Menubuhkan *Technical Review Panel* di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Tatacara penubuhan, skop, tanggungjawab dan keahlian ada dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan.

- (b) Di samping cadangan dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan, langkah-langkah tambahan seperti berikut telah dilaksanakannya:

- (i) Kesedaran orang awam dan penyambutan kejayaan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia pada 25-27 Julai 2008;

- (ii) Penubuhan dan Mesyuarat Panel Penasihat Warisan;
 - (iii) Cadangan taklimat oleh pakar warisan En. Richard Engelhart;
 - (iv) Mesyuarat Penyelarasan Tapak Warisan antara Kerajaan Negeri Melaka, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan; dan
 - (v) Bengkel Perlindungan Monumen Lama dan Tanah dan Bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah atau seni bina.
- (c) Memastikan Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 (Pulau) mengambil kira perkara-perkara yang diliputi oleh *dossier* dan Pelan Pengurusan Pemuliharaan.
 - (d) Menyediakan dokumen seperti kandungan *dossier* untuk bacaan umum oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pencalonan ini supaya apa-apa tindakan yang diambil tidak terkeluar daripada ciri-ciri pencalonan yang telah diluluskan.
 - (e) Mengadakan beberapa siri dialog dengan pihak berkepentingan bagi memudahkan pelaksanaan Pelan Pengurusan Pemuliharaan.
 - (f) Mengadakan publisiti meluas di dalam dan di luar negara.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Isu kandungan *melanin* dalam produk makanan yang sememangnya membimbangkan kita semua baru-baru ini:
- (a) Adakah terdapat sebarang kes di negeri kita yang membabitkan isu *melanin*.
 - (b) Jika ya, sila nyatakan jumlah kes tersebut dan keadaan pesakit-pesakit tersebut pada masa ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Setakat ini, tiada kes yang membabitkan isu melamin dilaporkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Adakah Kerajaan Negeri mengambil sebarang langkah dalam mengurangkan dan membanteras mat rempit di negeri kita.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Langkah-langkah yang diambil oleh PDRM Kontinjen Pulau Pinang dalam usaha mengurangkan Mat Rempit di negeri ini adalah seperti berikut:-

- (1) Sejumlah 463 kali operasi khas telah dijalankan mulai Januari hingga 21 Oktober 2008.
- (2) Sebanyak 13,504 saman telah dikeluarkan semasa operasi berlangsung.
- (3) Jumlah motosikal yang telah disita sebanyak 897 buah.

Jumlah tangkapan yang dibuat adalah sebanyak 237 orang.

PDRM melalui saluran Bahagian Hal Ehwal Awam setiap tahun melaksanakan Pelan Tindakan yang dirangka khusus dari aspek pendidikan ke atas golongan seperti pelajar dan ibubapa, antaranya seperti berikut:

- (1) Bagi Pelajar
 - 1.1 Melantik Pegawai Perhubungan di setiap sekolah di negeri ini sebagai penghubung dan memberi khidmat nasihat kepada pelajar, ibu bapa dan pihak sekolah di dalam pencegahan jenayah.
 - 1.2 Pegawai Perhubungan ini akan mengadakan lawatan dua kali seminggu.
 - 1.3 Memberi ceramah semasa perhimpunan pagi (aspek dadah, jenayah dan trafik)
 - 1.4 Mengadakan Pameran Bergerak di sekolah-sekolah (mengikut permintaan pihak sekolah)
 - 1.5 Penubuhan Pasukan Kor SUKSIS di IPTA seperti di USM dan UiTM serta Penubuhan Kor Kadet Sekolah di sekolah-sekolah menengah
 - 1.6 Mewujudkan Kelab Pencegahan Jenayah
 - 1.7 Selain itu, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Pulau Pinang juga turut menjalankan aktiviti kelas pencegahan jenayah di sekolah-sekolah
 - 1.8 Menganjurkan Perkhemahan Tahunan bagi Kor Kadet Polis
 - 1.9 Latihan Kawad Mingguan / Bulanan di sekolah / IPTA

- 1.10 Ujian air kencing ke atas pelajar yang disyaki “bertendensi” terjebak dalam penagihan dadah
- (2) Bagi Belia
- 2.1 Mengadakan ceramah dan pameran di setiap lokasi yang dikenal pasti bermasalah
 - 2.2 Menjalankan aktiviti bersama Persatuan Belia (aspek dadah, jenayah dan trafik)
- (3) Bagi Ibu bapa
- 3.1 Mengadakan ceramah/pameran di kawasan yang bermasalah seperti jenayah, dadah dan trafik
 - 3.2 Melalui khutbah di masjid/surau
 - 3.3 Melalui kerjasama NGO – program/aktiviti kemasyarakatan

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 24. Apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memupuk semangat berbilang kaum di negeri kita.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 24. Kerajaan Negeri berusaha untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan kaum yang terdapat di Pulau Pinang. Antara program yang diterapkan ialah penglibatan pelbagai kaum di dalam keahlian Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Hampir kesemua JKKK yang ditubuhkan diwakili oleh pelbagai kaum bagi menjaga kepentingan semua kaum yang terlibat.

Kerajaan Negeri juga menggalakkan rakyat dari pelbagai kaum terlibat di dalam upacara/program sambutan perayaan seperti Hari Raya Aidil Fitri, Hari Deepavali dan Hari Tahun Baru Cina menerusi program Rumah Terbuka. Demikian juga dengan sambutan Hari Lahir TYT Yang di-Pertua Negeri, Sambutan Kemerdekaan dan Hari Malaysia yang melibatkan semua kaum di negeri ini.

Selain dari itu kegiatan-kegiatan sukan dan rekreasi seperti Larian Tanjung, SUKPEN, program kecergasan dan juga program kemasyarakatan seperti gotong-royong dan kerja amal adalah antara beberapa contoh program yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum yang boleh menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negeri ini.

Kerajaan Negeri juga mengamalkan dasar terbuka dan mendapatkan pandangan semua pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di dalam merangka strategi ke arah pembentukan masyarakat berbilang kaum yang harmonis. Pandangan dan dialog secara terbuka telah dan akan sentiasa diadakan bagi mendapatkan pandangan rakyat mengenai kaedah terbaik mewujudkan persekitaran hidup yang selamat dan bersatu padu. Penglibatan sektor awam dan swasta juga digabungkan di dalam merangka sesuatu program supaya seluruh rakyat tanpa mengira kaum dapat bekerjasama dan menikmati kehidupan yang aman dan harmonis.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sila nyatakan rancangan Kerajaan Negeri dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di Negeri kita.
 - (a) Sila nyatakan peratusan kadar kemiskinan dari Mac 2008 hingga Oktober 2008 dan mengikut peratusan kaum.
 - (b) Bilakah Kerajaan Negeri akan berjaya menghapuskan kadar kemiskinan di negeri kita

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat berperanan untuk mewujudkan masyarakat sejahtera dan penyayang, serta membangunkan masyarakat ke arah kesejahteraan sosial melalui beberapa objektif berikut:
 - (i) Memberi perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasaran;
 - (ii) Membangunkan masyarakat melalui perubahan sikap dan meningkatkan keupayaan untuk berdikari;
 - (iii) Mewujudkan masyarakat penyayang; dan
 - (iv) Meningkatkan kesejahteraan melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial serta perkongsian tanggungjawab yang strategik.

Bagi mencapai hasrat tersebut dan mengurangkan kadar kemiskinan di Pulau Pinang beberapa strategi telah dilaksanakan iaitu :-

- (i) mengoptimumkan keupayaan, potensi diri dan kesejahteraan kumpulan sasaran; dan

- (ii) memastikan aspek kebajikan diintegrasikan dalam perancangan ke arah mencapai pembangunan sosioekonomi yang menyeluruh. Kajian kemiskinan tegar di Pulau Pinang telah dilaksanakan secara menyeluruh melibatkan Pejabat Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pusat Urus Zakat dan juga Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Kajian lanjut turut dilakukan bagi memastikan maklumat Ketua Isi Rumah (KIR) yang diterima adalah tepat.
- (a) Hasil kajian berkenaan adalah seperti dalam jadual dibawah :-

Kaum	Peratus Kemiskinan Tegar (%)
Melayu	91
India	4.5
Cina	3.5
Lain-lain	1

- (b) Kerajaan Negeri mensasarkan kadar kemiskinan Negeri Pulau Pinang akan berjaya dihapuskan menjelang Mac 2009 dengan komitmen dan penggembleran tenaga daripada pelbagai pihak yang terlibat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sila nyatakan jumlah pemohon lesen menjaja dengan MPPP dan MPSP dari Mac 2008 hingga Oktober 2008. Sila nyatakan peratusan dan jumlah permohonan yang di luluskan berdasarkan kaum:
- (a) Penjaja Melayu
- (b) Penjaja Cina
- (c) Penjaja India

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Jumlah lesen penjaja yang telah dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sehingga bulan Oktober 2008 berdasarkan kaum adalah seperti berikut:-

	Melayu	Cina	India & Lain	Jumlah
MPPP	1,242(22.1%)	4,077(72.7%)	291(5.2%)	5610(100%)
MPSP	119(33.8%)	207(58.8%)	26(7.4 %)	352 (100%)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Adakah Kerajaan Negeri mengambil sebarang langkah dalam menyelesaikan masalah-masalah yang di hadapi oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Pulau Pinang (FAP).

- (a) Jika ya, sila nyatakan.
- (b) Apakah program-program yang dirancang oleh Kerajaan Negeri dalam membangunkan sukan bola sepak di kalangan remaja Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri telah mengambil beberapa langkah-langkah bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang, antaranya adalah seperti berikut:-

- (a) Menyediakan gimnasium bagi membantu semua pemain bersedia dari segi fizikal dan mental;
- (b) Memberi ceramah ketahanan mental oleh jurulatih mental;
- (c) Mengadakan kursus kaedah sains sukan kepada jurulatih;
- (d) Memperkenalkan kaedah '*periodization plan*' bagi kegunaan jurulatih tempatan; dan
- (e) Memberi bantuan kewangan sebanyak RM 200,000.00 bagi tahun 2008.

Program-program yang dirancang oleh Majlis Sukan Negeri dalam membangunkan sukan program pembangunan bola sepak remaja ialah:-

- (a) Di negeri Pulau Pinang terdapat 3 buah sekolah yang menjalankan program pembangunan bola sepak, di mana pemain muda yang berumur 13 tahun mula diperkenalkan kepada asas permainan bola sepak seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Perahu, Sek. Mutiara Impian dan Sek. Men. Teluk Kumbar.

- (b) Sek. Men. Teknik, Batu Lanchang adalah sebuah sekolah yang menjadi Akademi Bola Sepak di bawah pemantauan FAP dan Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang. Pusat latihan ini telah berjaya melahirkan ramai pemain yang sekarang ini telah mewakili negeri dan negara.
- (c) FAP pada setiap hujung tahun akan mengadakan pemilihan pemain remaja di setiap daerah bagi mengenal pasti pemain yang berbakat untuk berlatih bersama skuad negeri untuk Kejohanan Remaja Kebangsaan.
- (d) Pertandingan bola sepak di antara daerah diadakan pada setiap tahun dan melibatkan pemain remaja. Pemain yang berpotensi akan dikenal pasti semasa kejohanan ini.
- (e) Jurulatih negeri juga diberi latihan dan kursus-kursus yang melibatkan sains sukan dari masa ke semasa. Setakat ini rekod MSN telah menunjukkan bahawa seramai 13 orang jurulatih bola sepak telah lulus kursus sains sukan tahap 1.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 28. Terdapat rungutan di kalangan penduduk Negeri Pulau Pinang bahawa banyak lagi tempat bersejarah di negeri kita yang belum diisytiharkan sebagai tapak Warisan. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah ini. Sila nyatakan sistem dan kaedah yang di gunakan dalam mengisytiharkan sesebuah tempat sebagai tapak Warisan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 28. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah untuk menjaga tapak-tapak warisan yang terdapat di Pulau Pinang. Pada peringkat awal, Akta Perancangan Bandar dan Desa ,1976 (Akta 172) melalui proses penyediaan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan telah digunakan untuk menggubal dasar untuk mengekalkan Kawasan Warisan George Town serta mengenal pasti dan inventori bangunan-bangunan warisan bagi tujuan pemeliharaan.

Setelah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) diluluskan, akta ini dengan kaedah-kaedahnya akan digunakan untuk melindungi tapak-tapak warisan.

"Tapak warisan" bererti sesuatu tapak yang ditetapkan sebagai tapak warisan di bawah Seksyen 24 di mana tapak tersebut mempunyai warisan semula jadi atau warisan kebudayaan yang penting. Tafsiran bagi "warisan kebangsaan" pula bererti tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan di bawah air atau mana-mana orang hidup yang diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah:

Seksyen 67; mengikut seksyen 67(2) dalam membuat pengisytiharan, Menteri boleh menimbangkan:

- (a) Kepentingan sejarah, hubungan dengan atau perhubungan dengan sejarah Malaysia;
- (b) Ciri-ciri reka bentuk atau estetik;
- (c) Pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal;
- (d) Hubungan sosial atau kebudayaan;
- (e) Potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berhubung dengan warisan kebudayaan Malaysia;
- (f) Kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaian atau integrasi bentuk yang luar biasa;
- (g) Jarang tidaknya atau keunikan warisan semula jadi, warisan budaya ketara atau tidak ketara atau warisan kebudayaan di bawah air;
- (h) Gambaran bentuk suatu tapak atau objek sebagai sebahagian daripada kelas atau jenis suatu tapak atau objek; dan
- (i) Apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan yang penting.

Di samping itu, Akta 172 boleh juga digunapakai untuk melindungi tapak warisan melalui rancangan pemajuan dan kawalan perancangan.

Pada 7 Julai 2008, George Town telah berjaya disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia, maka sedikit perlindungan akan diberi kerana pembangunan di tapak warisan George Town adalah terdedah kepada pemantauan antarabangsa.

Dengan ketiga-tiga kaedah tersebut dan kesedaran semua pihak, tapak warisan di Negeri Pulau Pinang adalah terkawal.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 29. Sila berikan jumlah permohonan yang telah di terima untuk Tabung Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi sesi tahun 2008. Sila berikan jumlah peratusan pemohon yang telah diluluskan mengikut kaum, bidang dan tempoh pinjaman.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Sebanyak 328 permohonan telah diterima bagi tahun 2008 dan kesemua permohonan tersebut telah diluluskan. Akan tetapi, hanya seramai 157 pemohon daripada 328 permohonan yang diluluskan itu menerima tawaran pinjaman tersebut. Butiran dan jumlah peratusan pemohon mengikut kaum, bidang dan tempoh pinjaman adalah seperti maklumat yang dikepikan.

PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Jumlah Pemohon Bagi Tahun 2008

BANGSA		Permohonan	Diluluskan	Terima Tawaran
MELAYU	%	57.00%	57.00%	59.87%
	BIL	188	188	94
CINA	%	32.00%	32.00%	29.30%
	BIL	105	105	46
INDIA	%	10.00%	10.00%	10.19%
	BIL	33	33	16
LAIN-LAIN	%	1.00%	1.00%	0.64%
	BIL	2	2	1
JUMLAH	%	100%	100%	100%
	BIL	328	328	157

BIDANG	Permohonan Baru		Terima Tawaran	
	Bilangan	Peratusan (%)	Bilangan	Peratusan (%)
SASTERA	210	64%	84	53.50%
SAINS	118	36%	73	46.50%
JUMLAH	328	100%	157	100%

TEMPOH PINJAMAN	Tempoh
PhD / Sarjana	maksimum 3 tahun
Ijazah/Diploma Lanjutan (Sains)	kebiasaannya 5 tahun
Ijazah/Diploma Lanjutan (Sastera)	kebiasaannya 4 tahun
Diploma	kebiasaannya 3 tahun
Sijil	kebiasaannya 2 tahun
PJJ -Ijazah/Diploma Lanjutan (Sains)	maksimum 5 tahun
PJJ -Ijazah/Diploma Lanjutan (Sastera)	maksimum 4 tahun
PJJ - Diploma	maksimum 3 tahun

XXIII. Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapa kalikah Mesyuarat MMK Agama Islam telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri sekarang dan apakah dasar-dasar baru pembangunan Hal Ehwal Islam yang telah diputuskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Mesyuarat MMK Agama telah diadakan sebanyak 3 kali.

Dasar-dasar pembangunan Hal Ehwal Islam yang akan dilaksanakan di bawah MMK Agama ini adalah berdasarkan kepada Terma Rujukan yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat MMK Agama Bil. 1/2008 pada 9 Julai 2008 iaitu :

- (a) Membincang dan menimbangkan perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang dengan tujuan meningkatkan ekonomi dan sosial umat Islam;
- (b) Mengenal pasti perkara yang boleh memberi faedah serta melindungi kepentingan umat Islam;
- (c) Memperakukan perkara keagamaan untuk dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan atau pihak yang berkenaan untuk mendapatkan keputusan dan kerjasama;
- (d) Mencadangkan dan menimbang perkara yang boleh mengukuhkan akidah umat Islam dan sentiasa berpegang kepada ajaran Islam mengikut Sunnah Wal-Jamaah serta mematuhi hukum syarak; dan
- (e) Merancang program yang boleh meningkatkan syiar Islam.

Sehubungan itu, Mesyuarat MMK Agama menetapkan supaya program keagamaan yang dijalankan hendaklah bukan sahaja bersifat luaran tetapi juga yang bersifat dalaman seperti penghayatan dan mengamalkan ajaran Islam itu sendiri. Di antara program yang akan dilaksanakan ialah:-

- (i) Bulan Al-Quran yang akan memberi penekanan kepada budaya membaca, memahami tafsir Al-Quran dan seterusnya dijadikan panduan amalan;
- (ii) membudayakan membaca Al-Mathurat di kalangan umat Islam supaya individu Islam sentiasa mengingati Allah S.W.T.; dan
- (iii) konsep Bazar Ramadhan yang dilaksanakan sebelum ini perlu ditambah baik dengan pengisian roh Islam seperti menyediakan tempat solat kepada peniaga dan pengunjung, ceramah agama, kaunter penerangan/ pembayaran zakat fitrah dan lain-lain.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kenapakah Projek Perumahan Kos Rendah di Padang Chempedak dan Kg. Besar di Tasek Gelugor belum dapat diduduki hingga ke hari ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pemohon-pemohon yang berjaya membeli unit rumah di PPKR di Padang Chempedak dan Kg. Besar telah pun menandatangani perjanjian jual beli di antara pihak mereka dan Kerajaan Negeri. Kini pemohon sedang dalam proses mendapatkan pinjaman dari pihak bank atau agensi kewangan yang lain. Sebaik sahaja proses kewangan selesai, pembeli akan diberi kunci untuk menduduki unit masing-masing. Langkah ini diambil bagi tujuan untuk memastikan pembeli menyelesaikan isu pinjaman terlebih dahulu sebelum perjanjian diteruskan.

Terdapat 228 yang berjaya memohon Projek Padang Cempedak dan 226 bagi Projek Kg. Besar.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)
bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kenapakah sistem paparan nombor elektronik (masa menunggu) yang dipasang di simpang yang ada *traffic light* tidak di selenggara.
 - (a) Berapakah kos selenggaraan mengikut daerah.
 - (b) Berapakah penurunan peratusan kos kemalangan akibat pemasangan sistem tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menyelenggarakan kesemua unit paparan nombor elektronik digital (*digital countdown timer*) di bahagian pulau, Pulau Pinang dan semua unit ini didapati berfungsi dengan baik pada masa ini. Sebahagian besar daripada sistem lampu isyarat yang digunakan oleh MPPP adalah dari jenis *adaptif* atau *vehicle actuation* di mana masa lampu isyarat sentiasa bertukar-tukar mengikut isi padu aliran lalu lintas yang dikesan. *Digital countdown timer* tidak dapat berfungsi dalam sistem moden ini dan oleh itu, tidak dipasang oleh pihak MPPP di persimpangan-persimpangan yang terlibat.

Bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kerosakan *countdown* tidak akan menjejaskan sistem lampu isyarat. Memperbaiki kerosakan tersebut ditangguhkan kerana kedudukan kewangan MPSP yang tidak mengizinkan pada masa sekarang.

Daripada 217 persimpangan dan lintasan kawalan lampu isyarat di bahagian pulau, Pulau Pinang, 68 persimpangan dan lintasan telah disediakan dengan digital *countdown timer*. Untuk tahun 2008, MPPP tidak mengganti mana-mana *digital countdown timer* dan hanya memperbaiki unit yang rosak. Anggaran kos penyelenggaraan kesemua *digital countdown timer* bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM33,000.00 iaitu RM21,000.00 bagi Daerah Timur Laut dan RM12,000.00 bagi Daerah Barat Daya.

Manakala kos penyelenggaraan perkara ini bagi MPSP adalah seperti berikut :

<u>Tahun</u>		<u>RM</u>
2005	-	RM 98,000.00
2006	-	RM 128,000.00
2007	-	RM 315,000.00

Penurunan atau peningkatan peratusan kes kemalangan akibat pemasangan *digital countdown timer* tidak diketahui kerana tiada kajian dibuat dalam perkara ini. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan kemalangan jalan raya di antaranya seperti keadaan jalan, kecuaiannya pemandu, keadaan kenderaan dan sebagainya. Oleh itu, pemasangan *digital countdown timer* sahaja tidak dapat dikaitkan dengan penurunan atau peningkatan kes kemalangan di jalan raya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sila perincikan langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir kilat di Bandar George Town dan kawasan-kawasan lain di Seberang Perai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai projek bagi mengatasi masalah banjir di Bandar George Town sejak RMK-8 dan RMK-9 melalui pembinaan parit utama, rumah pam dan kolam takungan dengan jumlah perbelanjaan RM51.8 juta.

Antara projek yang telah siap adalah seperti berikut:

- (a) Sistem pam dan kolam takungan banjir S10 (kawasan tadahan KOMTAR, Prangin Mall, Lebuhraya Carnavon, Lebuhraya Acheh, Jalan Kg. Kolam – 126 hektar).
- (b) Sistem pam dan kolam takungan banjir S18 (kawasan tadahan Jalan C.Y.Choy, Jalan Gudwara, Jalan Macalister dan Jalan Anson – 104 hektar).

- (c) Sistem saliran utama N12 (Persiaran Gurney, sebahagian Jalan Sultan Ahmad Shah dan sebahagian Jalan Perak).

Projek yang dalam pelaksanaan ialah projek naik taraf sistem saliran Jalan Sultan Ahmad Shah, Jalan Transfer dan Lebuhr Hutton.

Manakala projek dalam perancangan ialah Rancangan Tebatan Banjir Sg. Pinang Fasa 2 yang akan dilaksanakan selepas penempatan semula penduduk dapat diselesaikan.

Bagi mengatasi masalah banjir kilat di Seberang Perai pula, kerajaan sedang melaksanakan projek-projek seperti berikut:

- (a) Projek Tebatan Banjir Sungai Junjung Fasa 1
- (b) Projek Tebatan Banjir Sungai Perai
- (c) Projek Tebatan Banjir Bertam, Kepala Batas
- (d) Projek Pemulihan Muara Sungai Perai

Selain daripada itu, kerajaan juga sedang merancang untuk menjalankan projek-projek seperti berikut:

- (a) Projek Tebatan Banjir Sungai Junjung Fasa 2
- (b) Projek Tebatan Banjir Sungai Juru dan Kawasan Tadahan
- (c) Projek Tebatan Banjir Seberang Perai Selatan

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5. Bilakah pengangkutan bas awam boleh disediakan bagi kemudahan penduduk dan pelajar di kawasan Paya Tok Akil, Padang Chempedak dan Padang Menora di Tasek Gelugor.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 5. Kerajaan Negeri telah mengadakan satu mesyuarat dengan Prasarana Bas Negara Bhd. dan RapidPenang pada 6 November 2008 untuk menyelesaikan masalah sewa tapak perhentian bas di Sungai Nibong.

Dalam mesyuarat tersebut, Kerajaan Negeri telah memohon kepada Prasarana Bas Negara Bhd. supaya sebahagian besar daripada 200 bas tambahan yang akan dihantar ke Pulau Pinang untuk meningkatkan perkhidmatan 150 bas RapidPenang sedia ada, dikhaskan untuk memberikan perkhidmatan di laluan khidmat sosial kawasan terpencil di Seberang Perai. Ini termasuk kawasan seperti di Paya Tok Akil, Padang Chempedak dan Padang Menora.

Tender untuk membina casis 200 bas tersebut telah diuruskan dan dijangka 200 bas tersebut akan dihantar ke Pulau Pinang secara berperingkat mulai pada Januari 2009.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mengatasi isu projek terbengkalai di Taman Rethina, Simpang Tiga, Tasek Gelugor.
- (b) Apakah bantuan yang boleh disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kebocoran dan penukaran tangki air di Flat Taman Rethina, Simpang Tiga, Tasek Gelugor.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Setelah semakan dibuat, pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengeluarkan Notis Mengenai Bangunan-Bangunan Yang Berada Dalam Keadaan Hampir Runtuh dan Berbahaya No. 00204 bertarikh 14 Jun 2006 supaya persekitaran kawasan tersebut berada dalam keadaan selamat dan tidak merbahaya. Namun begitu, tiada tindakan susulan yang diambil oleh pemilik bangunan iaitu pemaju Rethina Development setelah MPSP mengeluarkan notis berkenaan. Notis peringatan terakhir juga telah dikeluarkan pada 28 Oktober 2008. Pihak MPSP akan mengadakan perbincangan bersama pihak pemaju mengenai isu projek yang terbengkalai ini.
- (b) Memandangkan pemaju tersebut masih wujud, adalah menjadi tanggungjawab pemaju untuk memperbaiki kerosakan yang berlaku di bangunan tersebut.

Dengan pengenalan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan & Pengurusan) Akta 663 pada tahun 2007, adalah menjadi tanggungjawab pemaju untuk menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (JMB). Dengan adanya JMB, penduduk juga dapat memainkan peranan dalam Penyelenggaraan perumahan masing-masing. Selain itu, penduduk juga perlu menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan membayar wang penyelenggaraan bagi memastikan bangunan masing-masing dapat di selenggara dengan baik.

XXIV. Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan Negeri bersedia memperuntukkan satu peruntukan setiap tahun untuk tujuan penyelenggaraan dan pembaikan jalan, parit, longkang dan lain-lain kemudahan awam di Ladang Lada.

- (a) Memandangkan tanah Ladang Lada adalah milikan persendirian, adakah Kerajaan Negeri bersedia mempertimbangkan kerjasama dengan tuan tanah dalam membangun semula Ladang Lada.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pada dasarnya, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan bagi tujuan penyediaan infrastruktur awam seperti parit dan jalan di dalam kawasan-kawasan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ini tidak melibatkan kawasan persendirian dan kampung.

Kawasan Ladang Lada adalah milik persendirian. Oleh itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak ada peruntukan untuk tujuan ini. Segala masalah pembinaan, penyelenggaraan jalan dan parit adalah menjadi tanggungjawab pemilik kawasan tersebut. Sekiranya tuan tanah berminat untuk membangunkan Ladang Lada perkara ini boleh dirujuk kepada Pejabat Tanah dan Daerah (DTL) untuk pertimbangan awal.

Walau bagaimanapun terdapat syarat-syarat dalam pembangunan di kawasan tersebut. Melalui Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, kawasan Ladang Lada berada dalam lingkungan 'perumahan am' dan juga 'tanah bukit'. Ketumpatan yang dibenarkan di sebahagian daripada kawasan yang berada di dalam lingkungan 'tanah bukit' pula adalah 1 unit per lot. Sebarang pecah sempadan lot tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, kerja tanah dan juga pemetongan pokok tidak dibenarkan tanpa kelulusan MPPP.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Adakah Kerajaan Negeri bersedia memperuntukkan satu peruntukan setiap tahun untuk tujuan penyelenggaraan dan pembaikan jalan, parit, longkang dan lain kemudahan awam di Ladang Hong Seng.

- (a) Memandangkan tanah Ladang Hong Seng adalah milikan persendirian, adakah Kerajaan Negeri bersedia mempertimbangkan kerjasama dengan tuan tanah dalam membangun semula Ladang Hong Seng .

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pada dasarnya, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan bagi tujuan penyediaan infrastruktur awam seperti parit dan jalan di dalam kawasan-kawasan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ini tidak melibatkan kawasan persendirian.

Kawasan Ladang Hong Seng adalah milik persendirian. Oleh itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak ada peruntukan bagi tujuan ini. Segala masalah pembinaan, penyelenggaraan jalan dan parit adalah menjadi tanggungjawab pemilik kawasan tersebut. Sekiranya tuan tanah berminat untuk membangunkan Ladang Hong Seng perkara ini boleh dirujuk kepada Pejabat Tanah dan Daerah (DTL) untuk pertimbangan awal.

Walau bagaimanapun terdapat syarat-syarat dalam pembangunan di kawasan tersebut. Melalui Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, kawasan Ladang Hong Seng berada dalam lingkungan 'perumahan am' dan juga 'tanah bukit'. Ketumpatan yang dibenarkan di sebahagian daripada kawasan yang berada di dalam lingkungan 'tanah bukit' pula adalah 1 unit per lot.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mengecat semula sembilan blok rumah pangsa di Padang Tembak .
 - (a) Sekiranya ada, nyatakan bila ia akan dilaksanakan.
 - (b) Nyatakan jumlah kos yang terlibat.
 - (c) Apakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri untuk tujuan pengecatan semula rumah-rumah pangsa di bawah pengurusan agensi kerajaan untuk tahun 2008 dan seterusnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Sememangnya Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan bagi tempoh lima (5) tahun. Antara kerja-kerja yang telah dirancang adalah merangkumi kerja mengecat semula rumah pangsa di Rancangan Perumahan Padang Tembak. Kerja yang akan dilaksanakan tersebut akan menggunakan peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, kerja-kerja mengecat di Padang Tembak dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2010 yang mana akan melibatkan blok C,D,E,F,G dan H. Perancangan untuk kerja-kerja pembaikan bagi semua projek di bawah Kerajaan Negeri akan dilaksanakan secara berkala.

- (b) Kos yang dianggarkan akan terlibat adalah RM200,000.00 bagi sebuah blok. Oleh yang demikian, kos keseluruhan bagi 6 blok adalah sebanyak RM1,200,000.00. Anggaran kos yang tinggi disebabkan bangunan tersebut adalah tinggi, kawasan dan ruang akses yang terhad dan masalah sambungan haram di bawah blok yang menyukarkan kerja mengecat.

- (c) Memandangkan kos yang terhad, Kerajaan Negeri lebih memberi tumpuan kepada projek-projek di bawah penyelenggaraan Kerajaan Negeri. Antara projek Kerajaan Negeri yang telah dicat semula pada tahun 2008 adalah Rancangan Rumah Kos Rendah Paya Terubong. Keutamaan pada tahun 2008 adalah kepada kerja-kerja yang melibatkan aspek keselamatan penduduk seperti mengatasi keretakan, baik pulih saluran najis dan longkang, pemendapan lantai dan mengatasi serapan air. Pada tahun 2007, sebanyak 5 rancangan perumahan Kerajaan Negeri di Taman Tun Sardon Fasa 1 dan 2, Teluk Bahang, Mak Mandin Hijau dan Jalan Mohd Saad telah pun dicat semula. Peruntukan bagi rancangan perumahan yang lain untuk tahun akan datang adalah tertakluk kepada jumlah peruntukan pembangunan yang akan diluluskan.

Bagi perumahan yang dibina oleh agensi kerajaan, adalah menjadi tanggungjawab pemaju dan pemilik rumah untuk memainkan peranan masing-masing dalam memastikan bangunan di selenggara dengan baik.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menangani masalah gerai/penjaja haram di seluruh negeri.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menempatkan semula dan lalu mengesahkan semua penjaja haram di seluruh negeri.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri akan membina lebih banyak kompleks penjaja/makanan dalam tempoh lima tahun ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Buat masa ini, Kerajaan Negeri mengamalkan konsep penguatkuasaan berhemah. Para penjaja tanpa lesen akan diberi nasihat berhubung pelaksanaan dan keperluan lesen serta memaklumkan mengapa mereka tidak boleh berniaga di sesuatu tempat.

Setelah nasihat diberi, Kerajaan Negeri akan mengeluarkan notis rasmi memaklumkan pelanggaran undang-undang berkaitan. Jika perniagaan masih diteruskan, maka notis Pemberitahu Tentang Kesalahan (PTK) akan dikeluarkan kepada penjaja-penjaja tersebut.

Tindakan rampasan dan perobohan hanya akan dilakukan ke atas kes-kes yang serius dan melibatkan kes aduan awam, kesesakan lalu lintas dan kacau ganggu awam.

Sungguhpun Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dalam mencorakkan sumber ekonomi dan pendapatan sektor peniagaan tanpa mengetepikan nasib peniaga terutamanya peniaga kecil, namun Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi dengan asas-asas keselamatan makanan, minuman, persekitaran dan keselamatan pelanggan.

Kerajaan Negeri berpandangan bahawa dengan membiarkan penjaja-penjaja terutamanya peniaga makanan terus berniaga di tepi-tepi jalan, ianya secara langsung mengizinkan dan merelakan pencemaran biologikal, kimia dan logam-logam berat (*heavy metals*) seperti *mercury* (Hg) dan *lead* (Pb) berlaku ke atas makanan/minuman. Pencemaran akibat dari asap-asap kenderaan ini amat berbahaya kepada kesihatan umum.

Ketiadaan prasarana dan utiliti seperti kawalan makhluk perosak, sistem pembersihan, kawalan sisa pepejal, kemudahan tandas dan bekalan air adalah di antara punca-punca berlakunya pencemaran biologikal yang boleh mengakibatkan merebaknya penyakit-penyakit bawaan makanan/minuman seperti tifoid, taun (*cholera*), Hepatitis A, keracunan makanan (*food poisoning*) dan sebagainya. Terdapat tiga (3) wabak penyakit bawaan makanan/minuman yang serius telah berlaku di Pulau Pinang, iaitu Hepatitis A pada tahun 1985, Tifoid pada tahun 1987 dan Taun (*Cholera*) pada tahun 1996.

Pembuangan sisa-sisa cecair seperti FOG (*Fat, Oil & Grease*) oleh penjaja haram juga merupakan masalah utama berlakunya pencemaran sungai, anak-anak sungai dan longkang-longkang.

- (a) Bagi menangani masalah penjaja haram ini, Kerajaan Negeri telah mewujudkan program penempatan semula penjaja ke lokasi-lokasi yang lebih selamat dan mempunyai prasarana yang lebih baik bagi menangani masalah-masalah yang telah disebutkan.

Kerajaan Negeri juga telah menyediakan kemudahan untuk peniaga seperti pasar, kompleks perniagaan dan tapak penjaja yang mengandungi lebih daripada 7,000 unit gerai bagi menempatkan para peniaga. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai kekangan dan rintangan yang menggagalkan hasrat murni Kerajaan Negeri. Lazimnya para peniaga enggan berniaga di kompleks-kompleks tersebut kerana mereka lebih selesa di tempat-tempat yang mereka sedang berniaga walaupun tempat-tempat tersebut menimbulkan banyak masalah kepada masyarakat.

Di samping itu, Kerajaan Negeri sedang meneliti semula dasar terhadap penjaja dan peniaga kecil di Seberang Perai dan akan merangka Pelan Induk Penjaja bagi kawasan tersebut.

- (b) Kerajaan Negeri belum mempunyai apa-apa perancangan untuk membina kompleks penjaja/makanan dalam tempoh lima (5) tahun ini.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah rancangan dan usaha Kerajaan Negeri dalam menghadkan bilangan penjaja yang sah dan tidak sah di seluruh negeri.
 - (a) Sila berikan butir-butir rancangan tersebut.
 - (b) Sila nyatakan bilangan penjaja yang sah dan tidak sah di seluruh negeri

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Kerajaan Negeri mengamalkan sistem permohonan terbuka kepada sesiapa yang berminat untuk memohon dan menghuni gerai-gerai Pihak Berkuasa Tempatan. Di bahagian pulau, para peniaga adalah digalakkan untuk memohon gerai dengan mengisi borang tertentu di kaunter Bahagian Pelesenan, MPPP, Dewan Bandaran, Jalan Padang Kota Lama, Pulau Pinang.

Pengisian melalui sistem temu duga dibuat sepanjang tahun. Pada tahun 2007, MPPP telah mengisi 344 kekosongan gerai di pasar, kompleks dan tapak penjaja sementara. Sementara pada tahun 2008 setakat bulan September, sebanyak 204 gerai telah pun diisi.

Dasar terhadap penjaja dan peniaga kecil diteliti semula bagi merangka Pelan Induk Penjaja di Seberang Perai.

- (b) Setakat bulan September 2008, bilangan penjaja yang berlesen di Negeri Pulau Pinang adalah 12,758 manakala bagi bilangan penjaja tidak berlesen dianggarkan sebanyak 4,766.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah wawasan dan rancangan jangka pendek dan panjang Kerajaan Negeri dalam pembangunan, kemajuan dan khasnya industri pembuatan di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar raya antarabangsa yang menjadi lokasi pilihan kepada pelabur, destinasi pilihan kepada pelancong dan tempat tinggal untuk mereka yang inginkan kehidupan mapan.

Rancangan pembangunan jangka pendek Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (a) Menggiatkan usaha untuk menarik pelaburan sektor perkhidmatan (hartanah, hotel, pelancongan, pelancongan perubatan, sekolah antarabangsa dan sebagainya) dan pada masa yang sama terus aktif mempromosi Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan pelabur dari pelbagai negara.
- (b) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas (Special Task Force) yang diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri untuk memudah cara perniagaan bagi pelaburan strategik. Pasukan Petugas Khas berperanan membantu pelabur dengan cara mempermudah dan mempercepatkan semua proses berkaitan dengan kelulusan dan pelesenan.
- (c) Menyusun semula struktur organisasi investPenang untuk memberi fokus kepada sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan. Ini bagi membolehkan investPenang bergerak dengan lebih cekap dan berkesan untuk menarik pelaburan ke Pulau Pinang.
- (d) Mengukuhkan *clusters* yang sedia ada iaitu *Penang Automation Cluster (PAC)*, *Penang RF Cluster (PRFC)*, *Software Consortium of Penang (SCOPE)* dan *Techbiz (Bumiputra ICT Cluster)*. Kerajaan Negeri terus berusaha mengelompokkan (*grouping*) industri yang berkaitan di dalam *clusters* untuk mewujudkan sinergi, sokongan usaha sama, perhubungan di antara *clusters* dan organisasi industri lain, meningkatkan daya saing industri tempatan serta mempromosikan kepakaran dan kemampuan syarikat tempatan kepada syarikat multinasional.

Rancangan pembangunan jangka panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (a) Meningkatkan keyakinan pelabur melalui urus tadbir berpandukan prinsip CAT iaitu Cekap (*Competency*), Bertanggungjawab (*Accountability*) dan Telus (*Transparency*). Ini dilakukan dengan menambah baik sistem penyampaian sektor awam iaitu mempermudah sistem, garis panduan dan prosedur, menyelaraskan jabatan dan agensi di peringkat negeri dan mempertingkatkan tahap mesra pelanggan bagi membolehkan Pulau Pinang kekal menarik kepada bakal pelabur.
- (b) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan utama pelabur dengan membangunkan pelbagai jenis kawasan perindustrian baru seperti Penang Science Park dan Kawasan Perindustrian di Batu Kawan. Kawasan perindustrian ini dibangunkan untuk memenuhi permintaan pelabur dalam industri strategik.
- (c) Menerokai pasaran baru yang berpotensi dari negara Timur Tengah, Asia Selatan dan Asia Timur.

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin tentang pembangunan industri pembuatan. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri termasuklah :

- (a) Meningkatkan jaringan teknologi tanpa wayar (*wireless*). Ini dapat dibuktikan dengan pengiktirafan Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang menggunakan perkhidmatan internet jalur lebar tanpa wayar melalui Wi-Fi dengan pelancaran *Wireless@PENANG*. Peringkat pertama projek adalah penyediaan kemudahan teknologi Wi-Fi secara percuma di seluruh negeri, diikuti peringkat kedua iaitu perkhidmatan berbayar dengan kadar munasabah untuk capaian yang lebih laju di kawasan tertentu menggunakan teknologi WiMAX. Kemudahan Wi-Fi percuma disediakan di lokasi terpilih dan akan diperluaskan secara berperingkat sehingga meliputi kira-kira 750 kawasan tumpuan dalam tempoh 15 bulan.
- (b) Mengadakan perbincangan di antara pihak industri dan akademik untuk meningkatkan dan menambah baik pembangunan sumber manusia untuk melahirkan tenaga kerja yang berbakat (*talent pool*) yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi (*skilled and knowledge workers*).
- (c) Meningkatkan infrastruktur untuk menyokong industri pembuatan. Contohnya ialah di bidang pengangkutan awam seperti Rapid Penang yang menyediakan 33 laluan yang merangkumi 106 kawasan perumahan dan Zon Perindustrian di dalam pulau.
- (d) Mengadakan dialog dengan syarikat multinasional (MNC), syarikat besar tempatan (LLC) dan juga Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk memahami isu-isu semasa industri pembuatan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 7. Apakah jumlah bajet untuk misi galakan pelaburan ke luar negara bagi tahun 2008 dan setiap tahun yang seterusnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 7. Bajet asal untuk misi galakan pelaburan, termasuk penyertaan dalam pameran antarabangsa dan kebangsaan adalah RM2.5 juta untuk tahun 2008. Bagaimanapun, sehingga kini, sebagai langkah-langkah penjimatan perbelanjaan, investPenang hanya membelanjakan sebanyak 15% daripada peruntukan tersebut.

Bajet untuk misi galakan pelaburan bagi tahun-tahun seterusnya adalah dianggarkan dalam lingkungan RM1 juta ke RM2 juta.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah kriterianya untuk menyertai misi galakan pelaburan keluar negara.
 - (a) Adakah ADUN dari Pakatan Rakyat dan BN juga boleh menyertai misi galakan pelaburan keluar negara.
 - (b) Adakah perbelanjaan ADUN daripada Pakatan Rakyat dan BN akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri sekiranya ada yang berminat menyertai misi galakan pelaburan keluar negara.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sesiapa sahaja yang boleh memberikan sumbangan kepada pembangunan pelaburan negeri akan dipertimbangkan untuk menyertai misi galakan pelaburan di luar negara. Perbelanjaan peserta termasuk ADUN yang menyertai misi tersebut akan ditentukan mengikut keperluan iaitu sama ada ia ditanggung oleh Kerajaan Negeri atau ditanggung oleh peserta tersebut.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Dari tahun 2004 sehingga 2008 berapa bidang tanah milik Kerajaan Negeri telah diberi milik kepada syarikat swasta yang kemudiannya bertukar dari pegangan pajakan kepada pegangan bebas.
 - (a) Sila senaraikan syarikat swasta yang berkenaan.
 - (b) Berapa bidang tanah "foreshore" atau sisir pantai yang telah diberi milik oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat swasta dari tahun 2004 sehingga 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Setakat ini hanya dua kawasan tanah kerajaan yang telah diberi milik kepada syarikat swasta dan kemudiannya diluluskan penukaran status iaitu daripada status pajakan kepada pegangan bebas.
 - (a) Syarikat-syarikat yang berkenaan ialah:
 - (i) Bayan Bay Development Sdn. Bhd. – 55 ekar
 - (ii) Tanjong Pinang Development Sdn. Bhd. – 249 ekar

Selain daripada itu, terdapat beberapa lagi kawasan sisir pantai (*foreshore*) yang diluluskan pemberian milik kepada syarikat swasta, terutamanya tanah-tanah tebus guna melalui perjanjian konsesi. Tanah-tanah tersebut ialah di kawasan Pantai Jelutong kepada Jelutong Development Sdn. Bhd. (JDSB). Terma dan syarat-syarat hak milik adalah seperti yang termaktub dalam perjanjian konsesi.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah tujuan Kerajaan Negeri memberi milik sebidang tanah foreshore yang terletak di tenggara foreshore Pulau Pinang di Sungai Nibong dalam DBD kepada sebuah Syarikat Pemaju Swasta.
 - (a) Adakah hakmilik tanah tersebut telah ditukar dari pajakan kepada pegangan bebas.
 - (b) Sekiranya ada, mengapakah hak milik tanah ditukar pegangan.
 - (c) Adakah pertukaran hak milik tanah tersebut memenuhi Seksyen 5 dan 76 Kanun Negara 1965.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Tanah tersebut dengan keluasan lebih kurang 55 ekar asalnya adalah tanah yang telah ditebus guna oleh PDC. Kerja-kerja tebus guna telah siap sepenuhnya pada awal tahun 1990 an. Selepas ditebus guna, tanah ini telah diberi milik kepada PDC. Pihak PDC kemudiannya telah menjual tanah ini kepada Eternal Resources Sdn. Bhd. pada tahun 1993. Pelan tata atur asal pembangunan ini mengandungi projek marina, rekreasi, hotel, kediaman, perniagaan dan kemudahan awam. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini dirancang dijalankan secara berperingkat. Pindah milik tanah dari PDC kepada Eternal Resources Sdn. Bhd. dibuat pada tahun 1997. Kemudiannya pada tahun 2000, Syarikat Eternal Resources Sdn. Bhd. ditukar nama kepada Bayan Bay Development Sdn. Bhd.

Status hak milik asal bagi tanah-tanah ini (sebanyak 67 lot) ialah pajakan 99 tahun. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri yang lama pada 18.1.2006 telah bersetuju meluluskan penukaran status hak milik dari pajakan 99 tahun kepada status pegangan kekal dengan dikenakan bayaran premium tambahan sebanyak RM26.977 juta.

Rasional di sebalik pemberian status hak milik kekal oleh kerajaan lama adalah seperti berikut:-

- (i) Sebagai galakan untuk pemulihan projek;
- (ii) Projek pembangunan ini telah lama terbengkalai dan usaha pemulihannya melalui proses perancangan yang agak panjang;

- (iii) Projek ini telah dikaji semula untuk disesuaikan dengan keadaan pasaran hartanah semasa; dan
- (iv) Sebagai satu insentif kepada pemulihan projek dan bagi menjadikan projek ini mempunyai kelebihan dari segi daya saing, Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya hak milik bagi projek ini ditukar kepada pegangan kekal.

Akan tetapi kerajaan baru tidak bersetuju dengan keputusan sedemikian sungguhpun ianya mungkin sah di sisi undang-undang. Buat masa kini, dasar kerajaan baru adalah berlainan dengan dasar kerajaan lama. Kerajaan baru mahu mengekalkan pajakan tanah *foreshore* atau persisiran pantai ke 99 tahun.

Menurut pandangan pihak perundangan PDC, mengikut peruntukan Seksyen 76, Kanun Tanah Negara (KTN), Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk meluluskan pemberian milik tanah sama ada untuk tempoh pajakan tidak melebihi 99 tahun atau untuk pegangan selama-lamanya. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak boleh meluluskan pemberian milik secara pegangan kekal bagi kawasan pantai (*foreshore or sea-bed*). Dalam konteks ini, tafsiran *foreshore* perlu diteliti lebih jelas di mana di dalam Seksyen 5 KTN, *foreshore* ditakrifkan sebagai tanah-tanah yang terletak di antara garisan pantai dan takat rendah air pasang (*low-water mark*). Dalam hubungan ini, garisan pantai sebenarnya telah berubah kerana terlibat dengan tebus guna. Lagipun selepas mengalami tebusguna, garisan pantai tidak lagi wujud secara mendatar (*horizontal*) tetapi wujud secara menegak (*vertical*) dengan terbinanya tempoh penahan yang menegak. Dengan itu, dalam keadaan realiti sekarang, apa yang dikatakan *high-water mark* dan *low-water mark* adalah berada di garisan yang sama. Cuma berbeza paras ketinggian mengikut pasang surut.

Terdapat beberapa percanggahan pendapat mengenai perkara ini. Ianya sedang diperbincangkan di peringkat negeri dan persekutuan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 11. Berapa jumlah kos yang terlibat untuk mendirikan pancaran air di atas bulatan di antara Lebuh Pantai dan Lebuh Light.
 - (a) Siapakah yang mengarahkan dan memberi kelulusan untuk pembinaan pancaran air tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 11. Sebanyak RM352,000.00 telah dibelanjakan untuk membina projek pancutan air di bulatan Lebuh Pantai/Lebuh Light.
 - (a) Projek pancutan air telah diluluskan oleh Jawatankuasa *Task Force* dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada 2 Jun, 2005.

- (b) Nama kontraktor yang dilantik untuk membina pancutan air adalah seperti berikut:-

Binaan KDS Enterprise	-	RM284,000.00
Surf Pool (M) Sdn. BHd.	-	RM 68,000.00

Jumlah	-	RM352,000.00

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Adakah Kerajaan Negeri bersetuju dengan penanggalan halangan yang telah dipasang di tengah pembahagi Jambatan Pulau Pinang apabila kerja-kerja peluasan disiapkan.
- (a) Sekiranya bersetuju, adakah Kerajaan Negeri bersedia meminta Kerajaan Persekutuan supaya menanggalkan semua halangan tersebut.
- (b) Sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerja-kerja pelebaran Jambatan Pulau Pinang dijangka akan siap pada bulan Ogos 2009. Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menanggalkan jaring halangan (*screen fencing*) yang dipasang di bahagian tengah pembahagi Jambatan Pulau Pinang walaupun kerja-kerja pelebaran disiapkan kelak.

Pemasangan jaring halangan tersebut merupakan salah satu alternatif yang amat berkesan bagi membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas terutama ketika berlakunya kemalangan di arah yang bertentangan. Ini kerana pemandu-pemandu tidak akan memperlahankan kenderaan mereka untuk melihat kejadian tersebut. Di samping itu jaring halangan tersebut juga berfungsi sebagai pelindung silau (*anti-glare*) pada waktu malam dan selain itu, ia juga akan membolehkan pemandu kenderaan memberi tumpuan yang penuh ketika menggunakan Jambatan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Adakah terma kontrak kakitangan Kerajaan Negeri termasuk staf Ketua Menteri tertakluk kepada kaedah keadilan dan undang-undang semasa.
- (a) Adakah seseorang kakitangan Kerajaan Negeri yang dituduh atas salah laku perlu diberi peluang terlebih dahulu untuk membela diri.
- (b) Diberi tunjuk sebab serta diberi masa yang mencukupi untuk menjawab kepada semua tuduhan.

- (c) Serta diberi peluang untuk mendapatkan nasihat undang-undang yang bebas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Setiap kakitangan kontrak di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang termasuk staf di Pejabat Ketua Menteri adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 bertajuk Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract Of Service*). Pekeliling tersebut menggariskan mengenai kaedah pelantikan seseorang staf secara kontrak ke dalam perkhidmatan awam. Segala keputusan kerajaan berkaitan dengan pelantikan kontrak adalah dikuatkuasakan dan diseragamkan selaras dengan pekelling berkenaan.

Dalam Klausula 9, Perjanjian Pegawai Kontrak, telah menjelaskan bahawa, "Kerajaan boleh pada bila-bila masa memberhentikan perkhidmatan pegawai dengan memberi notis secara bertulis seperti yang diperuntukkan dalam jadual kepada perjanjian ini atau dengan membayar kepada pegawai satu bulan gaji sebagai ganti notis itu tanpa memberi apa-apa alasan".

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah perkembangan setakat ini mengenai rancangan pembangunan semula KOMTAR.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Usaha-usaha ke arah membangunkan ataupun memulihkan KOMTAR sedang giat dilaksanakan. Kerajaan Negeri telah menjalankan kajian pemuliharaan KOMTAR melalui perunding hartanah iaitu Henry Butcher Malaysia (Penang) Sdn Bhd (Henry Butcher). Kajian ini merangkumi pengenalanpastian terhadap punca dan faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan KOMTAR dan seterusnya mencadangkan strategi, langkah serta pendekatan yang boleh diambil untuk memulihkan KOMTAR.

Beberapa saranan oleh Henry Butcher di dalam kajian tersebut telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri seperti pencarian *anchor tenant* yang baru dan kerja-kerja penambahbaikan untuk bangunan KOMTAR. Kerajaan Negeri baru-baru ini telah berjaya menarik satu *anchor tenant* yang baru iaitu Pacific Hypermarket & Departmental Store Sdn Bhd (Pacific) yang telah bersetuju atas pengaruh Y.A.B. Ketua Menteri untuk menyewa ruang pasar raya yang sebelum ini dikosongkan oleh Super KOMTAR.

Untuk satu lagi ruang yang ditinggalkan oleh Parkson (Aktif Lifestyle/Yaohan), Kerajaan Negeri masih lagi sedang berusaha untuk mendapatkan penyewa yang bersesuaian. Untuk ruang tersebut, Kerajaan Negeri memang telah menerima banyak pertanyaan minat daripada pelbagai pihak dengan pelbagai jenis cadangan aktiviti yang bukan sahaja tertumpu kepada kegunaan pasar raya.

Bersesuaian dengan cadangan Henry Butcher. Kerajaan Negeri turut mengambil langkah untuk menjalankan kerja-kerja pemulihan ke atas bangunan KOMTAR dari segi fizikal. Perkembangan setakat ini, antara kerja-kerja yang telah dilaksanakan termasuklah pembaikan *repeater*, *walkie talkie* dan *antenna*, penggantian *fire rated cable*, penggantian *rubber gasket* dan pencucian panel tingkap di Blok Menara dan juga kerja-kerja ubahsuai dan naik taraf tempat letak kereta di Aras 2, Blok Podium serta pengubahsuaian tandas-tandas awam di Aras 1 - 5, di Blok Podium, pengubahsuaian *bus duct* di Blok Menara dan menaik taraf pintu masuk di Lebuhraya Tek Soon (bersebelahan Maybank di Blok Podium) yang merangkumi kemas lantai, dinding, siling, pencahayaan dan juga turut melibatkan lobi lif di Aras 1 dan 2 berdekatan laluan masuk tersebut. Manakala kerja-kerja pemodenan lif (zon tinggi dan zon rendah) sedang dalam pelaksanaan. Keseluruhan kos kerja-kerja ini adalah dianggarkan sebanyak RM16 juta.

Selain daripada itu, kerja-kerja naik taraf/pengubahsuaian kawasan bersama dalaman (internal common areas) di kawasan berdekatan Super Komtar/Pacific akan dimulakan dalam jangka masa terdekat ini. Ianya melibatkan kerja-kerja siling, lantai dan juga pencahayaan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah rancangan dalam *rebranding* dan *positioning* KOMTAR sebagai hub komersial, *institutional*, membeli-belah dan pentadbiran kerajaan dalam tempoh lima tahun ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pihak PDC sedang giat berusaha untuk mengembalikan kegemilangan KOMTAR. Di dalam melakukan usaha-usaha tersebut, PDC membuat perbandingan dengan lain-lain kompleks komersil lain yang lebih baru. Kompleks-kompleks tersebut merupakan satu saingan kepada KOMTAR yang merupakan sebuah bangunan yang lama manakala banyak daripada kompleks-kompleks baru tersebut adalah lebih moden dan kontemporari yang memenuhi cita rasa masa kini.

Bersesuaian dengan cadangan oleh pihak konsultan yang dilantik oleh PDC untuk menjalankan kajian pemulihan KOMTAR, PDC sedang berusaha untuk melakukan *rebranding* dan *re-positioning* ke atas KOMTAR demi memastikan ia tidak perlu bersaing dengan kompleks-kompleks lain seperti Gurney Plaza ataupun Queensbay Mall. Atas pendekatan itu, KOMTAR kini disasarkan kepada pengguna/pembeli yang berada di dalam kelompok segmen pertengahan dan ke bawah di dalam pasaran.

Bersesuaian dengan itu juga KOMTAR kini telah berjaya menarik satu *anchor tenant* yang baru iaitu Pacific Hypermarket & Departmental Store Sdn Bhd (Pacific) yang telah bersetuju untuk menyewa ruang pasar raya yang sebelum ini dikosongkan oleh Super KOMTAR. Surat Perjanjian Penyewaan telah pun ditandatangani di antara syarikat tersebut dan PDC di dalam satu majlis yang diadakan di KOMTAR pada 26 September 2008 yang lalu.

Untuk satu lagi ruang yang ditinggalkan oleh Parkson (Aktif Lifestyle/Yaohan), PDC masih lagi sedang berusaha untuk mendapatkan penyewa yang bersesuaian. Untuk ruang tersebut, PDC memang telah menerima banyak pertanyaan daripada pelbagai pihak dengan pelbagai jenis cadangan aktiviti yang bukan sahaja tertumpu kepada kegunaan pasaraya sahaja.

Kejayaan menarik penyewa baru untuk ruang bekas penyewa Super KOMTAR tersebut merupakan satu langkah yang signifikan ke arah menarik kembali pengunjung ke KOMTAR. Apabila bekas ruang Parkson (Aktif Lifestyle/Yaohan) juga berjaya diisi oleh *anchor tenant* yang baru kelak, maka adalah diharapkan KOMTAR akan dapat melangkah dengan lebih cepat lagi untuk mengambil kembali kedudukannya sebagai hub komersil dan membeli-belah di George Town.

KOMTAR juga dilihat akan terus menjadi pusat pentadbiran Kerajaan Negeri. Terdapat banyak agensi Kerajaan Negeri mahupun persekutuan yang menduduki ruang-ruang pejabat di Blok Menara, KOMTAR. Kadar penghunian di Blok Menara berada di tahap yang sangat baik, iaitu melebihi 90%. Malahan sehingga kini pun, pihak PDC masih menerima banyak permintaan daripada pelbagai jabatan kerajaan yang mencari ruang tambahan pejabat di Blok Menara.

PDC turut mengambil langkah untuk menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan penambahbaikan ke atas bangunan KOMTAR dari segi fizikal. Antara kerja-kerja yang telah dilaksanakan termasuklah pembaikan *repeater*, *walkie-talkie* dan *antenna*; penggantian *fire rated-cable*; penggantian *rubber-gasket*; pencucian panel tingkap di Blok Menara; kerja-kerja ubahsuai dan menaik taraf tempat letak kereta di Aras 2, Blok Podium serta pengubahsuaian tandas-tandas awam di Aras 1 – 5, Blok Podium; pengubahsuaian *bus duct* di Blok Menara; dan menaiktaraf pintu masuk di Lebuhraya Tek Soon (bersebelahan Maybank di Blok Podium) yang merangkumi kemas lantai, dinding, siling, pencahayaan dan juga turut melibatkan lobi lif di Aras 1 dan 2 berdekatan laluan masuk tersebut manakala kerja-kerja pemodenan lif (zon tinggi dan zon rendah) sedang dalam pelaksanaan. Keseluruhan kos kerja-kerja ini adalah dianggarkan sebanyak RM16 juta.

Selain daripada itu, kerja-kerja naik taraf/pengubahsuaian kawasan bersama dalaman (internal common areas) di kawasan berdekatan Super KOMTAR/Pacific akan dimulakan dalam jangka masa terdekat ini yang melibatkan kerja-kerja siling, lantai dan juga pencahayaan.

PDC akan terus merancang dan melaksanakan kerja-kerja fizikal untuk penambahbaikan di KOMTAR dari semasa ke semasa.

Adalah diharapkan dengan pelbagai usaha yang telah sedang dan akan dilaksanakan oleh PDC di KOMTAR, ianya akan berjaya membawa KOMTAR ke arah objektif untuk menjadikannya satu pusat komersil, membeli-belah, institusi serta pentadbiran kerajaan yang utama di Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Apakah strategi-strategi perniagaan Kerajaan Negeri untuk KOMTAR bagi jangka pendek, tengah dan panjang.
 - (a) Adakah pengurusan KOMTAR akan dikelolakan oleh pihak swasta atau agensi kerajaan.
 - (b) Bilakah Kerajaan Negeri akan membuat pengumuman berkenaan strategi-strategi perniagaan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Strategi PDC untuk jangka pendek ialah untuk mendapatkan penyewa utama atau 'anchor tenant' bagi mengisi dua ruang pasaraya yang masing-masing telah dikosongkan oleh Super KOMTAR dan Parkson (Aktif Lifestyle/Yaohan) sebelum ini.

Pihak PDC telah pun berjaya mendapatkan Pacific Hypermarket & Departmental Store Sdn. Bhd. (Pacific) untuk mengisi ruang yang ditinggalkan oleh Super KOMTAR sebelum ini. Surat Perjanjian Penyewaan telah pun ditandatangani pada 26 September 2008 yang lalu.

PDC juga akan terus memberi keutamaan untuk mencari penyewa yang sesuai bagi mengisi ruang bekas Parkson (Aktif Lifestyle/Yaohan). Pihak PDC menyedari bahawa pengisian ruang kedua-dua ruang pasaraya ini merupakan salah satu kunci utama kepada usaha untuk menarik semula pengunjung ke KOMTAR.

Di samping itu, menyedari akan usia bangunan KOMTAR kini, pihak PDC juga telah menjalankan pelbagai kerja penambahbaikan, pembaikan dan penggantian di beberapa bahagian di KOMTAR. Ini bagi memastikan KOMTAR sentiasa berada dalam keadaan yang baik dari segi jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Kerja-kerja sebegini akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Untuk kepentingan jangka panjang, PDC juga sedang melihat akan kemungkinan untuk mengkaji tata atur 'layout' di Blok Podium bagi mengkaji bagaimana ianya boleh dibuat penambahbaikan seperti memperbaiki arah aliran pengunjung, percampuran aktiviti perniagaan (trade-mix) dan sebagainya.

Dalam masa yang sama, pihak PDC juga sedang berusaha untuk memperbaiki aspek keselamatan dan penyelesaian masalah tempat letak kereta demi untuk memberikan lebih keselesaan kepada pengunjung agar mereka berasa lebih selesa dan selamat apabila berkunjung ke KOMTAR. Ini juga akan memberikan manfaat kepada para peniaga di KOMTAR.

- (a) Pengurusan KOMTAR pada masa ini dikelolakan oleh Syarikat PDC Setia Urus Sdn. Bhd. (PDCSU) yang merupakan anak syarikat milik penuh PDC. Ia akan terus beroperasi sehingga Badan Pengurusan Bersama/Perbadanan Pengurusan dibentuk dan pada ketika itu pihak Badan Pengurusan Bersama/Perbadanan Pengurusan berkenaan akan menentukan agen pengurusan bangunan yang ingin mereka gunakan untuk menguruskan KOMTAR. Pihak Pesuruhjaya Bangunan (MPPP) baru-baru ini telah meluluskan permohonan Jawatankuasa Pemulihan KOMTAR yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Ng Wei Aik agar tempoh penubuhan Badan Pengurusan Bersama untuk KOMTAR ditangguhkan kepada bulan April 2009.
- (b) Pihak PDC sememangnya dari semasa ke semasa berusaha memperbaiki kedudukan KOMTAR bagi merancakkan kembali perniagaan di situ. Pengumuman strategi-strategi perniagaan tidak wajar diumumkan secara meluas kerana kadangkala boleh menjejaskan kepentingan dan keputusan perniagaan terutamanya usaha menarik peniaga/gedung-gedung utama. Namun begitu, sebarang perkembangan terbaru yang telah kukuh akan sentiasa diumumkan.

Sebagai contohnya, kedatangan Pacific yang akan menjadi '*anchor tenant*' yang baru bagi mengambil alih bekas ruang Super KOMTAR yang telah diumumkan oleh pihak Kerajaan Negeri semasa majlis menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan oleh Pacific dan PDC pada 26 September 2008 yang lalu.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Adakah pelan tempatan baru (*new local plan*) juga akan tertumpu pada naik taraf sekeliling infrastruktur, pengangkutan awam dan perbandaran yang ketinggalan zaman.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 (Pulau) (DRTPPP) disediakan di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 yang mengandungi peta dan pernyataan bertulis berkaitan penggunaan tanah masa kini dan masa hadapan. Ia memfokuskan kepada pengurusan alam sekitar, landskap, tanah lapang, warisan,

pengurusan lalu lintas, pengangkutan awam dan infrastruktur. Ini secara tidak langsung akan membantu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) membuat perancangan yang lebih tersusun di dalam kawasan pentadbirannya.

Bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Rancangan Tempatan yang disediakan adalah memperincikan dasar-dasar dan cadangan daripada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020.

Rancangan Tempatan ini memperincikan 19 sektor kajian yang merangkumi profil keadaan semasa, analisis dan unjuran, rumusan isu dan masalah serta cadangan awal, konsep dan strategi pembangunan bagi setiap sektor termasuk cadangan untuk naik taraf infrastruktur dan pengangkutan awam.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Adakah *working group* Kerajaan Negeri mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk menentukan kegunaan bangunan KOMTAR yang selaras dengan pembangunan pesat di rantau ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bekerjasama dengan Kerajaan Negeri yang terdiri daripada wakil daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan juga anak-anak syarikat PDC bagi membantu merancang pemulihan KOMTAR. Ia memainkan peranan untuk menyelaraskan inisiatif dan usaha serta sebarang cadangan terhadap pemulihan KOMTAR. Beberapa inisiatif diambil untuk melibatkan juga penyertaan individu luar mengikut kesesuaian dan keperluan, yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam kerja pemulihan kompleks komersil. Pakar dan konsultan luar ini akan turut sama menyumbang idea untuk merancang usaha ke arah pemulihan KOMTAR.

Kerajaan Negeri sentiasa peka terhadap sebarang idea baru yang dicadangkan untuk menambah baik kemudahan infrastruktur dan utiliti serta persekitaran KOMTAR. Pihak PDC tidak keberatan untuk melibatkan lebih ramai lagi pihak yang berminat untuk menyumbangkan kepakaran dan idea mereka ke arah merealisasikan usaha untuk mengembalikan sinar KOMTAR di masa hadapan.

Kejayaan usaha ini boleh dilihat dalam kejayaan menyewa premis kepada Pacific Hypermart untuk menghidupkan balik kompleks beli belah KOMTAR.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Apakah rancangan dan usaha Kerajaan Negeri dalam mempromosikan Malaysia *My 2nd Home* program kepada warga asing.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Program Malaysia *My Second Home* yang dipromosikan oleh Kerajaan Malaysia adalah untuk menggalakkan para pelancong dari seluruh dunia untuk datang bermastautin di Malaysia sebagai rumah kedua. Para pelancong yang ingin memohon program Malaysia *My Second Home* hendaklah mempunyai kriteria-kriteria yang dinyatakan dalam syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia dengan menggunakan pas lawatan sosial untuk jangka masa 10 tahun. Pas lawatan sosial tersebut boleh diperbaharui bergantung kepada tarikh tamat tempoh passport antarabangsa pemohon tersebut.

Pelbagai langkah spesifik diambil bagi mempromosi program Malaysia *my Second Home*. Pelbagai strategi telah diatur bagi memastikan Pulau Pinang memperoleh keuntungan daripada program ini. Antara program-program yang diadakan ialah seperti berikut :

- (a) Seminar Malaysia *My Second Home* yang dianjurkan oleh *Tourism* Malaysia bersama dengan Pusat MM2H ke negara-negara sasaran seperti United Kingdom, Jepun dan Korea sekurang-kurangnya 2 kali setahun di bandar yang berbeza;
- (b) Penglibatan di dalam pameran/acara dalam negara dan antarabangsa yang dianjurkan oleh pihak swasta;
- (c) Penglibatan di dalam misi promosi yang dianjurkan oleh *Tourism* Malaysia;
- (d) Seminar Malaysia *My Second Home* di dalam negara yang dianjurkan oleh persatuan, pihak swasta atau syarikat-syarikat MM2H;
- (e) Pembangunan laman web pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Jepun, Korea, Perancis, German, Itali, Arab dan Mandarin untuk pasaran berkaitan;
- (f) Hebahan mengenai program melalui brosur pelbagai bahasa seperti Bahasa Inggeris, Jepun dan Korea;
- (g) Penerbitan DVD mengenai program ini di dalam versi Bahasa Inggeris, Jepun dan Korea;
- (h) Wawancara mengenai program ini oleh media massa tempatan dan juga luar negara (The Star Sdn. Bhd, Real TV Seoul, Zealous Co. Ltd);

- (i) Penulisan/penerbitan artikel berkaitan MM2H di dalam media cetak yang akan dikenal pasti oleh Tourism Malaysia; dan

Untuk tahun 2008, usaha-usaha mempromosi program ini akan diteruskan lagi dengan meneruskan program seminar ke negara-negara sasaran dan akan memperluaskan skop seminar ke negara-negara sasaran kedua. Kerajaan Negeri bersama-sama pihak swasta akan terus menggembleng tenaga untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi MM2H dengan mempromosi Pulau Pinang sebagai negeri yang paling ideal untuk dijadikan sebagai tempat tinggal kedua (selain negara asal pelancong) atas faktor-faktor geografi, sosial, politik dan ekonomi yang stabil selain rakyatnya yang berbilang bangsa, kaya dengan adat dan budaya melalui perayaan yang disambut oleh kaum masing-masing. Di samping itu, Pulau Pinang yang juga terkenal dengan pusat-pusat tarikan pelancongan serta kos sara hidup yang sederhana amat sesuai untuk pelaburan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Apakah pendekatan Kerajaan Negeri dalam mengatasi penurunan para pelancong di Pulau Pinang dalam jangka masa yang pendek.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Bagi jangka masa pendek, Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada memperbanyakkan acara-acara pelancongan di samping memperkukuhkan aktiviti-aktiviti promosi pelancongan di dalam dan luar negara.

Penambahbaikan ke atas produk-produk pelancongan sedia ada akan diteruskan yang melibatkan projek-projek seperti menaik taraf Sistem Kereta Api Bukit Bendera, Projek Pembangunan Pelancongan Taman Kebun Bunga, Peningkatan Kawasan Tarikan Pelancongan Bagi Jajaran Pantai Batu Feringhi, Pembangunan Muzium Perang Pulau Pinang (Fasa II) dan beberapa projek lain. Di samping itu, produk Homestay seperti Homestay Jalan Bharu, Pulau Betong, Pulau Aman, Juru, Sungai Semilang dan Mengkuang Titi akan terus dibangunkan bagi memberi pilihan produk pelancongan kepada para pelancong yang mengunjungi Negeri Pulau Pinang.

10 teras utama telah dikenal pasti bagi menonjolkan lagi ciri-ciri tarikan pelancong untuk datang ke Pulau Pinang. Teras utama tersebut adalah :

- (a) Pelancongan perubatan;
- (b) Pelancongan kebudayaan, warisan dan bersejarah;
- (c) Pelancongan pendidikan;
- (d) Ibu Pejabat Wilayah bagi MNCs;

- (e) Pusat MICE;
- (f) Pelancongan eko;
- (g) Dataran kulinari;
- (h) Pusat filem, kebudayaan dan kesenian;
- (i) Syurga membeli belah; dan
- (j) Pelancongan sukan.

Adalah diharapkan dengan adanya 10 teras ini, aktiviti-aktiviti promosi dan acara-acara pelancongan dan kebudayaan di Pulau Pinang akan lebih fokus dan di tingkat nilai tambahnya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah wawasan dan rancangan Kerajaan Negeri dalam mempromosikan industri pelancongan di Pulau Pinang.
- (a) Apakah perbezaannya berbanding dengan Kerajaan Negeri yang lepas.
 - (b) Apakah kaedah *rebranding* yang akan digunakan oleh Kerajaan Negeri dalam menarik pelancong ke Pulau Pinang.
 - (c) Apakah rancangan kerajaan untuk *repackage* semula Pulau Pinang sebagai *Pearl of the Orient* demi menarik pelancong asing dalam tempoh 5 tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan sepuluh (10) teras utama dalam mempromosikan pelancongan Pulau Pinang di dalam dan di luar negara iaitu:-
- (i) Pelancongan perubatan;
 - (ii) Pelancongan kebudayaan, warisan dan bersejarah;
 - (iii) Pelancongan pendidikan;
 - (iv) Ibu Pejabat Wilayah bagi MNCs;
 - (v) Pusat MICE;
 - (vi) Pelancongan eko;
 - (vii) Dataran kulinari;

- (viii) Pusat filem, kebudayaan dan kesenian;
- (ix) Syurga membeli belah; dan
- (x) Pelancongan sukan.
- (a) Pendekatan Kerajaan Negeri adalah dari segi mempromosikan pelancongan Negeri Pulau Pinang menggunakan sepuluh (10) teras utama seperti yang dinyatakan di atas.
- (b) Kaedah penggunaan sepuluh (10) teras utama oleh Kerajaan Negeri bagi memperkenalkan Pulau Pinang sebagai negeri yang kaya dengan pelbagai aktiviti pelancongan yang boleh memenuhi semua cita rasa para pelancong.
- (c) Kesemua rancangan untuk *repackage* Pulau Pinang sebagai *Pearl of the Orient* adalah termasuk di dalam sepuluh (10) teras utama tersebut.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 22. Adakah Kerajaan Negeri telah mengkaji semula keberkesanan *foreign promoting agents* di luar negara yang mempromosikan Pulau Pinang.
 - (a) Sekiranya ada, nyatakan bila kajian semula telah dibuat.
 - (b) Sekiranya tidak, nyatakan sama ada kajian semula akan dibuat dan bila.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 22. investPenang tidak menggunakan perkhidmatan mana-mana *foreign promoting agents* di luar negara untuk mempromosikan Pulau Pinang. Ini kerana, investPenang mendapat kerjasama daripada pejabat-pejabat luar negara seperti MIDA untuk mempromosikan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 23. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menarik pelancong tempatan dari negeri-negeri yang lain.
 - (a) Apakah strategi-strategi Kerajaan Negeri dalam tempoh 5 tahun ini.
 - (b) Apakah jumlah sasaran pelancong tempatan Kerajaan Negeri untuk setiap tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a). Sektor pelancongan merupakan antara penyumbang utama Keluaran Dalaman Negara Kasar (KDNK) Negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang mensasarkan ketibaan pelancong seramai 4.7 juta orang pada tahun 2010 dan 6 juta orang pada tahun 2020. Selain itu Pulau Pinang turut mensasarkan pendapatan sektor pelancongan akan meningkat dari RM5.31 bilion pada tahun 2000 kepada RM10.8 bilion pada tahun 2010. Tempat-tempat menarik, kepelbagaian budaya serta warisan merupakan antara kelebihan yang dimiliki Pulau Pinang dalam menarik lebih ramai pelancong.

Sektor pelancongan merupakan antara penyumbang terpenting kepada ekonomi Pulau Pinang. Sumbangan sektor ini memberi impak kepada beberapa subsektor lain seperti penjajaan, perkhidmatan pengangkutan, peruncitan, perkhidmatan kewangan, percetakan dan sebagainya. Sehubungan itu Kerajaan Negeri akan meningkatkan usaha bagi memastikan subsektor pelancongan terus menjadi antara penyumbang terpenting kepada ekonomi Pulau Pinang. Pembangunan yang menyeluruh dan terancang dengan mengambil kira faktor pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, promosi dan pemasaran yang profesional dan agresif, serta penglibatan semua lapisan masyarakat dalam subsektor pelancongan perlu dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai impaknya dalam tempoh terdekat.

Untuk jangka masa pendek Kerajaan Negeri memfokuskan kepada acara pelancongan di samping memperkukuhkan aktiviti promosi pelancongan di dalam dan luar negara. Pelbagai program dan projek telah dirancang dan akan diberi penekanan khusus.

Penambahbaikan produk sedia ada di bawah RMKe-9 akan diteruskan dan dijangka semakin rancak pada tahun ini. Antara projek yang dibangunkan ialah Menaik Taraf Sistem Kereta Api Sedia Ada di Bukit Bendera, Projek Pembangunan Pelancongan di Taman Kebun Bunga, Peningkatan Kawasan Tarikan Pelancongan Bagi Jajaran Pantai Batu Feringhi, Pembangunan Muzium Perang Pulau Pinang (Fasa II) dan beberapa projek lain. Pelaksanaan projek seperti Kereta Api Bukit Bendera sememangnya penting dan harus disegerakan bagi menyelesaikan masalah yang sering dihadapi pelancong yang mengunjungi Bukit Bendera. Selain itu produk *Homestay* seperti *Homestay* Jalan Bharu, Pulau Betong, Pulau Aman, Juru, Sungai Semilang dan Mengkuang Titi akan terus dibangunkan. Produk-produk sedia ada yang lain juga akan ditambahbaik dan diberi sentuhan yang lebih segar. Dengan pelaksanaan projek-projek ini pasti akan terus menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan pilihan seterusnya menjana pembangunan sosioekonomi negeri.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melibatkan diri dengan aktif di dalam pelbagai pameran dalam negeri seperti pameran yang di anjurkan persatuan MATTA (Malaysia Tours & Travels Association) iaitu pameran MATTA di Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang bagi terus memasarkan negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan dalam negara. Kerajaan Negeri juga mengambil bahagian dalam pameran MAS Travel Fair yang diadakan di PISA. Selain daripada itu Negeri Pulau Pinang turut menyertai pameran *Colours and Flavours of Malaysia* dengan kerjasama Hotel Legend di Kuala Lumpur mempromosikan makanan dan acara kebudayaan negeri di mana ia telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang awam.

Untuk tempoh 5 tahun, Kerajaan Negeri telah mengatur strategi dengan memperkenalkan 10 teras utama bagi memastikan Pulau Pinang menjadi destinasi pilihan pelancong tempatan dan antarabangsa. Antaranya ialah menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat:-

- (i) Pelancongan perubatan;
 - (ii) Pelancongan kebudayaan, warisan dan bersejarah;
 - (iii) Pelancongan pendidikan;
 - (iv) Ibu Pejabat Wilayah bagi MNCs;
 - (v) Pusat MICE;
 - (vi) Pelancongan eko;
 - (vii) Dataran kulinari;
 - (viii) Pusat filem, kebudayaan dan kesenian;
 - (ix) Syurga membeli belah dan industri; dan
 - (x) Pelancongan sukan.
- (b) Sasaran utama bagi menarik pelancong tempatan adalah dengan menambahkan aktiviti-aktiviti dan acara tahunan agar ianya dapat menarik lebih ramai pelancong tempatan datang melancong ke Pulau Pinang. Pada tahun 2007 sebanyak 2.013 juta pelancong tempatan mengunjungi Pulau Pinang. Kerajaan Negeri mensasarkan pertumbuhan tahunan sebanyak 10 hingga 20 peratus untuk kehadiran pelancong tempatan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kebanyakan tanah di Balik Pulau telah dizonkan sebagai tanah pertanian, adakah Kerajaan Negeri bersedia mengezonkan semula kepada *residential*, komersil dan atau industri demi pembangunan dan kemajuan Balik Pulau.
- (a) Apakah rancangan pembangunan jangka pendek dan panjang Kerajaan Negeri di Balik Pulau.
 - (b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menaik taraf dan pelebaran jalan utama di Balik Pulau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Langkah-langkah yang digariskan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP 2020) adalah merupakan langkah perancangan jangka panjang bagi Balik Pulau. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020) secara khusus telah meletakkan Balik Pulau di dalam koridor sekunder (koridor kedua). Di bawah dasar No. DSU5, RSNPP 2020 telah menetapkan pembangunan di Balik Pulau akan dihadkan kepada pembangunan yang terkawal, berskala dan berketumpatan rendah sederhana dengan memberi penekanan kepada pembangunan perumahan, pelancongan terhad, industri asas tani, industri kraf tangan dan pembangunan desa lainnya yang berimpak rendah.

Dari segi hierarki petempatan bandar dan desa, RSNPP 2020 telah mengenal pasti Balik Pulau sebagai Pusat Petempatan Utama di mana ianya merupakan pusat pentadbiran daerah yang utama selepas George Town dan Bayan Baru di Pulau Pinang. Perkhidmatan dan pembangunan yang dibenarkan untuk Balik Pulau adalah pada skala tempatan/daerah iaitu skala yang lebih rendah berbanding George Town atau Bayan Baru yang diletakkan pada hierarki yang lebih tinggi iaitu skala antarabangsa atau wilayah.

RSNPP 2020 melalui dasar DS33 juga mengenal pasti beberapa perkampungan tradisional di Balik Pulau untuk dikekalkan dan dinaikkan prasarananya. Ini termasuklah menaiktarafkan infrastruktur, kemudahan awam, pengindahan dan landskap yang mana kesemuanya akan diperincikan di dalam Rancangan Tempatan (RT) atau Rancangan Kawasan Khas (RKK) yang sedang disediakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Langkah jangka pendek merupakan program-program pembangunan yang dilaksanakan mengikut peruntukan agensi kerajaan secara tahunan dan di bawah Rancangan 5 Tahun. Program-program tersebut termasuklah pembinaan jalan, kemudahan masyarakat dan kemudahan asas yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan dari masa ke semasa.

Kajian semula perancangan bagi kawasan Balik Pulau boleh dilaksanakan dari masa ke semasa dengan mematuhi prosedur perundangan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Adakah Kerajaan Negeri bersedia mengkaji semula kedudukan bangunan warisan yang tidak mempunyai nilai warisan dan tidak sesuai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah menyediakan satu senarai bangunan-bangunan warisan berjumlah 5,879 unit kategori I dan II, di mana sebanyak 1,715 unit terletak dalam kawasan teran (*core*) dan 1,928 unit terletak di dalam kawasan penampan (*buffer*). Bakinya sebanyak 2,236 unit berada di seluruh Pulau Pinang. Senarai ini sentiasa dinilai semula dari masa ke semasa oleh pihak MPPP.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula kepadatan dan *height control* untuk suatu tempat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kerajaan Negeri boleh mengkaji semula kepadatan dan *height control* untuk sesuatu kawasan.

Walau bagaimanapun, penentuan kepadatan dan *height control* ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan perlu dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri untuk persetujuan.

Kepadatan dan *height control* boleh dikaji semula melalui dua (2) pendekatan iaitu:-

- (i) Kajian di dalam penyediaan Rancangan Tempatan; dan
- (ii) Mengkaji semula garis panduan sedia ada.

Pada masa kini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sedang menyediakan Kajian Rancangan Tempatan iaitu:-

- (i) Rancangan Tempatan Pulau Pinang;
- (ii) Rancangan Tempatan Seberang Perai Utara; dan

(iii) Rancangan Tempatan Seberang Perai Tengah.

Dalam kajian-kajian tersebut akan dimasukkan garis panduan mengenai kepadatan dan *height control* mengikut kawasan berdasarkan kepada *output* daripada kajian yang dilakukan.

Amalan semasa MPPP dalam menentukan kepadatan dan *height control* adalah berdasarkan kepada Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan MPPP .

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Bilakah rancangan *urban renewal* untuk Padang Tembak akan dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk pembangunan semula atau *urban renewal* bagi kawasan perumahan yang lama dan usang yang tidak lagi sesuai seperti rumah pangsa di Padang Tembak yang mempunyai hanya 1 atau 2 bilik. Rumah pangsa yang lama ini di cadang dibangunkan semula secara berperingkat dan digantikan dengan perumahan yang lebih selesa serta dilengkapi dengan kemudahan awam dan ameniti yang sempurna.

Walau bagaimanapun, perancangan pembangunan semula ini perlu dihalusi secara mendalam sebelum dimuktamadkan kerana ia melibatkan banyak isu yang perlu diselesaikan terlebih dahulu seperti penempatan sementara penduduk serta kesediaan penduduk membayar harga perumahan yang dinaik taraf. Bagi projek yang telah dikeluarkan hak milik strata seperti di Padang Tembak, ia memerlukan kebenaran dan persetujuan dari semua pemilik. Selain itu, pembangunan semula ini akan melibatkan sumber kewangan yang besar yang memerlukan kajian mendalam sebelum ia dilaksanakan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menaik taraf serta mempertingkatkan perkhidmatan terminal feri yang dikendalikan oleh agensi Kerajaan Persekutuan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Pihak Kerajaan Negeri melalui Penang Port Sdn Bhd ada melakukan kajian dan juga cadangan untuk menambah *catamaran* kepada penumpang. *Catamaran* merupakan bot penumpang dengan kapasiti kelajuan yang lebih tinggi daripada feri sedia ada. Namun demikian, ianya masih dalam peringkat kajian terutamanya perkara-perkara yang melibatkan kos yang tinggi.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina satu jambatan untuk menggantikan atau *compliment* terminal feri.
- (a) Sekiranya ada, sama ada pembinaan akan dibuat melalui *Private Finance Initiative (PFI)*.
 - (b) Sekiranya tidak, adakah Kerajaan Negeri bersedia meminta Kerajaan Persekutuan supaya menggantikan feri-feri yang melebihi 40 tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Perkhidmatan feri masih lagi merupakan pengangkutan penting selain daripada laluan menggunakan Jambatan Pulau Pinang yang menghubungkan bahagian pulau dan tanah besar Seberang Perai. Ianya bukan sahaja bertindak sebagai satu sistem pengangkutan yang penting sebaliknya merupakan satu ikon pelancongan yang amat penting serta mempunyai nilai warisan dan sejarah yang tersendiri. Kerajaan Negeri setakat ini tidak bercadang untuk membina sebuah jambatan bagi menggantikan terminal feri sedia ada kerana ia menelan belanja yang besar.

Walau bagaimanapun, sebagaimana alternatif, Kerajaan Negeri mengambil langkah untuk melaksanakan *compliment* kepada terminal feri. Perancangan telah dibuat untuk *compliment* terminal feri dan antaranya adalah untuk membina terminal baru di Pangkalan Sultan Abdul Halim dan Pangkalan Raja Tun Uda. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga berusaha untuk mendapatkan 4 buah katamaran yang baru:-

- (a) Pembinaan terminal bas di Pangkalan Sultan Abdul Halim dan Pangkalan Raja Tun Uda akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Keseluruhan projek tersebut dijangka menelan belanja sebanyak RM36 juta. Usaha ini akan mengurangkan masa menunggu di terminal serta meningkatkan lagi keselesaan penumpang. Ini secara tidak langsung membentuk imej baru kepada perkhidmatan feri di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri telah mencadangkan kepada Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) untuk mempertingkatkan perkhidmatan feri melalui peningkatan kemudahan menunggu di terminal, kemudahan tandas dan menambah kekerapan perkhidmatan di masa puncak. PPSB juga diminta membuat kajian keperluan penggunaan feri yang lebih kecil dan pantas bagi memperbaiki perkhidmatan kepada pengguna.

Antara perkara lain yang dicadangkan ialah menyediakan perkhidmatan berasingan kepada penumpang berjalan kaki dan feri membawa kenderaan. Dengan berbuat demikian, penumpang berjalan kaki akan mendapat perkhidmatan yang lebih selesa dan pada masa yang sama kapasiti membawa kenderaan boleh ditingkatkan dan sekali gus mengurangkan masa menunggu bagi penumpang kenderaan.

- (b) Kerajaan Negeri sememangnya mengambil maklum mengenai usia feri yang telah melebihi 40 tahun. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri belum ada cadangan untuk meminta Kerajaan Persekutuan untuk menggantikan feri-feri tersebut.

Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai faktor keselamatan. PPSB melindungi pengguna feri di bawah Insurans Perlindungan Tanggungan Awam (Port Operator Liability) dengan jumlah tuntutan tidak melebihi RM22.8 juta, sekiranya kemalangan berlaku di darat. Sekiranya kemalangan berlaku di laut, pengguna feri akan dilindungi di bawah polisi *Protection And Indemnity*. Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan melalui PPSB dalam usaha untuk menyediakan kemudahan feri yang terbaik kepada penduduk Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk penyerahan balik kuasa atau autonomi dalam pengurusan dan pelesenan pengangkutan awam, teksi, lapangan terbang serta limousin.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Pengurusan dan pelesenan pengangkutan awam, teksi dan limousin lapangan terbang terletak di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, agensi persekutuan adalah bertanggungjawab untuk melaksana dan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan dalam perkara ini. Kerajaan Negeri tidak berhasrat memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk penyerahan kuasa tersebut kerana ianya terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan yang sebelum ini telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan untuk membentuk satu Suruhanjaya Pengangkutan Negeri sebagai penyelarasan kepada semua agensi negeri dan persekutuan yang terlibat dengan pengurusan pengangkutan negeri. Dengan wujudnya suruhanjaya tersebut, Kerajaan Negeri yakin langkah tersebut akan mengurangkan karenah birokrasi dan dapat membuat penambahbaikan bagi sistem pengangkutan negeri.

XXV Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Nyatakan rancangan-rancangan pembangunan oleh Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran dalam lima tahun yang akan datang di kawasan Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020, Pulau Tikus telah dikenal pasti sebagai Koridor Pembangunan Utama untuk perdagangan, pusat membeli belah, kawasan perumahan tetap, perumahan bertingkat, pusat kawasan rekreasi dan kemudahan masyarakat. Bangunan yang sedia ada akan dikekalkan di samping mempertingkatkan infrastruktur seperti kemudahan tempat pejalan kaki, menaik taraf sistem perparitan dan jalan raya di kawasan sekitar. Perincian terhadap aktiviti guna tanah/rancangan pembangunan kawasan Pulau Tikus akan ditentukan dalam Rancangan Tempatan yang sedang disediakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). MPPP tidak mempunyai projek khusus yang dibiayai oleh Majlis untuk kawasan Pulau Tikus dalam lima (5) tahun akan datang.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Nyatakan senarai nama Ahli-ahli Jawatankuasa Tanah (LandCom) pada tahun 2004-2008

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri terdiri daripada Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tanah Negeri, Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Tanah dan Galian dan beberapa ahli tambahan yang dilantik mengikut penggal.

Senarai nama Ahli-ahli Jawatankuasa Tanah Negeri pada tahun 2004-2008 adalah seperti berikut:-

	2004 – 2008
Pengerusi	Y.B. Dato' Abdul Rashid bin Abdullah
Ahli-ahli	Y.B. Dato' Jamaludin bin Hasan (SUK)
	Y.B. Dato' Hinshawati bt. Shariff (PUN) / Y.B. Puan Faiza bt. Zulkifli (PUN)
	Y.B. Encik Ng Kam Cheung (PKN) / Y.B. Dato' Supiah bt. Md. Yusof (PKN)
	Tuan Haji Arifin bin Awang (PTG)

Tidak ada projek atau tanah yang diluluskan untuk penswastaaan kepada syarikat mahupun individu. Jawatankuasa Tanah Negeri hanya membincangkan permohonan-permohonan tanah sebelum diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Projek-projek penswastaaan adalah di bawah bidang kuasa Unit Perancang Ekonomi Negeri (unit penswastaaan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dan Polis Diraja Malaysia di Pulau Pinang untuk mencegah jenayah di Pulau Pinang dan di Pulau Tikus.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pihak polis bersama agensi-agensinya kerajaan negeri yang lain telah mengambil beberapa langkah bagi membendung kadar jenayah daripada terus meningkat di Negeri Pulau Pinang. Tindakan-tindakan adalah seperti berikut :-
 - (i) Strategi pencegahan yang lebih sistematik dan berkesan dengan penglibatan semua unit organisasi akan terus dipertingkatkan di samping kelengkapan logistik yang terkini dijangka akan membantu dalam mengekang pertumbuhan kadar jenayah di negara ini. Kontinjen ini juga mempunyai komitmen yang amat tinggi dengan sasaran penurunan indeks 10%.
 - (ii) Jenayah-jenayah yang menjadi penyumbang utama kes misalnya curi motosikal, pecah rumah, ragut akan ditangani secara lebih berkesan dengan mewujudkan *Task force* khususnya di peringkat daerah polis dalam usaha menangani jenayah tersebut.
 - (iii) Menambahkan anggota polis beruniform, membuat rondaan bit jalan kaki dan bermotosikal dan rondaan kereta peronda yang ada di setiap zon dalam usaha pencegahan jenayah terutamanya di kawasan-kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai.
 - (iv) Pendekatan bersama masyarakat (antaranya polis bersama pelanggan, hebahan media massa dan media cetak) dalam usaha memerangi jenayah terutamanya menerusi maklumat yang disalurkan dan terus dikaji serta ambil tindakan.
 - (v) Peranan masyarakat dalam membantu pihak polis dari masa ke semasa akan dipertingkatkan. Pertubuhan-pertubuhan NGO, Yayasan, Majlis-majlis Perbandaran, JKKK dan sekolah-sekolah adalah kumpulan yang harus dirapati, dididik dan dipertanggungjawabkan bersama ke arah mewujudkan masyarakat bebas daripada jenayah. Ini termasuklah mengadakan kempen, ceramah dan penubuhan Rakan Cops untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa sendiri.

- (vi) Pelaksanaan Inisiatif Bandar Selamat (IBS). Pada peringkat permulaan lima kawasan IBS telah dilaksanakan di Pulau Pinang iaitu :

- Daerah Timur Laut - IBS Macallum,
- Daerah Barat Daya - IBS Bayan Baru,
- Daerah Seberang Prai Tengah - IBS Taman Siakap, IBS Bukit Minyak; dan
- Daerah Seberang Prai Utara - IBS Bagan

Semua IBS dilaksanakan dengan rasminya mulai 1 Julai 2007.

Perlaksanaan Bandar Selamat ini merupakan penambahbaikan infrastruktur dan alam sekitar di kawasan-kawasan Inisiatif Bandar Selamat antaranya :-

- (a) Pemasangan CCTV untuk memudahkan pemantauan kes ragut, samun curi motosikal dan jenayah lain;
- (b) Pemasangan lampu jalan bertujuan untuk menerangi kawasan yang menjadi kesukaan penjenayah melakukan jenayah; dan
- (c) Pembinaan Dewan Komuniti bertujuan untuk masyarakat bersatu dan menanam semangat kejiranan melalui aktiviti yang diadakan dan pembangunan komuniti tercapai dan dapat membantu polis dalam pencegahan jenayah.

Selain dari itu, pelancaran IBS ini bertujuan untuk menggalakkan penyaluran berbagai jenis maklumat kepada pihak polis khususnya maklumat daripada orang awam, AJK IBS, Rukun Tetangga, penduduk taman perumahan, agensi kerajaan/swasta dan lain-lain.

Pada keseluruhannya mengikut statistik indeks jenayah di bandar selamat negeri Pulau Pinang bagi tempoh Julai hingga September 2007 mencatatkan sebanyak 267 kes berbanding 361 kes pada tempoh sama bagi tahun 2006. Ini menunjukkan penurunan indeks jenayah sebanyak 94 kes atau 26 % selepas 3 bulan pelancaran IBS.

Pelancaran IBS di kawasan-kawasan yang banyak berlaku jenayah (*crime prone areas*) amat bersesuaian sekali dan dapat menurunkan kadar jenayah indeks di kawasan tersebut dan konsep ini juga akan diperluaskan dan diadakan di bandar-bandar lain yang mempunyai masalah jenayah bagi menurunkan kadar jenayah seterusnya memastikan keselamatan orang ramai terus terjamin.

Pihak polis juga mengambil beberapa langkah untuk membendung kadar jenayah khususnya di kawasan Balai Polis Pulau Tikus. Tindakan-tindakan adalah seperti berikut :-

- (i) Anggota-anggota yang menjalankan rondaan di kawasan Balai Polis Pulau Tikus akan dipertanggungjawabkan dalam membantu masyarakat setempat khususnya dalam usaha mendampingi orang awam bagi mendapatkan maklumat dan maklum balas berkaitan jenayah di kawasan tersebut;
- (ii) Membuat lebih banyak tangkapan dalam operasi pencegahan jenayah berjadual yang dilancarkan khususnya di kalangan penagih dadah;
- (iii) Task Force diwujudkan dengan tujuan pengkhususan dalam membanteras jenayah - jenayah tertentu yang dikenal pasti sebagai penyumbang utama jenayah;
- (iv) Kempen mesra rakyat akan terus dipertingkatkan dengan tujuan mengajak masyarakat agar lebih prihatin dalam membantu pihak polis dalam kempen pencegahan jenayah; dan
- (v) Peranan masyarakat dalam membantu pihak polis dari masa ke semasa akan dipertingkatkan. Pertubuhan-pertubuhan NGO, Yayasan, Majlis-majlis Perbandaran, JKKK dan sekolah-sekolah adalah kumpulan yang harus dirapati, dididik dan dipertanggungjawabkan bersama ke arah mengwujudkan masyarakat bebas jenayah.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Berapakah jumlah tenaga kakitangan Polis Diraja di Pulau Pinang dan di kawasan Pulau Tikus. Adakah jumlah ini mencukupi untuk menghalang jenayah di kawasan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Jumlah tenaga kakitangan PDRM di Pulau Pinang ialah seperti pecahan berikut :-

Pegawai Kanan Polis - 415 orang

Anggota - 3713 orang

Jumlah keseluruhan - 4128 orang

Manakala jumlah tenaga kakitangan PDRM di Balai Polis Pulau Tikus ialah seperti pecahan berikut:-

Pegawai Kanan Polis - 1 orang

Anggota - 37 orang

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Nyatakan zon kediaman, zon komersial dan lain-lain di Pulau Tikus. Adakah zon-zon yang sedia ada sesuai untuk pembangunan terkini. Berapa unit dalam zon masing-masing akan diluluskan di kawasan tersebut dalam lima tahun yang akan datang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kawasan Pulau Tikus merupakan kawasan yang *established* dan mempunyai pembangunan bercampur seperti kawasan kediaman *landed* dan bertingkat, pusat membeli-belah dan kawasan rekreasi menarik. Zon-zon pembangunan tersebut sedang dikaji dalam kajian Rancangan Tempatan yang sedang disediakan dan akan diumumkan kepada orang awam.

Maklumat tentang bilangan unit dalam zon masing-masing yang akan diluluskan di kawasan tersebut dalam masa lima tahun yang akan datang belum dapat dipastikan memandangkan ianya tertakluk kepada permohonan-permohonan yang akan diterima oleh MPPP pada masa akan datang dan juga berdasarkan unjuran yang akan dibuat dalam Rancangan Tempatan yang sedang disediakan tertakluk kepada permintaan trend pasaran hartanah dalam tempoh lima tahun akan datang.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berapakah jumlah kos yang diperlukan untuk melancarkan "Wifi Percuma Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Tiada kos yang terlibat bagi melaksanakan projek. Projek ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri dan pembiayaan sepenuhnya oleh pihak swasta. Penang@Wireless yang ingin memberikan kemudahan wireless secara percuma dan WIMAX dengan harga berpatutan di seluruh Negara dalam masa dua tahun.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Senaraikan hospital-hospital dan klinik-klinik di Pulau Pinang. Adakah doktor dan kakitangan-kakitangan perubatan lain cukup untuk menampung keperluan rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Terdapat sebanyak enam (6) buah hospital kerajaan dan 32 buah klinik kesihatan di Negeri Pulau Pinang.

(a) HOSPITAL–HOSPITAL KERAJAAN DI PULAU PINANG

- (i) Hospital Pulau Pinang
- (ii) Hospital Seberang Jaya
- (iii) Hospital Bukit Mertajam
- (iv) Hospital Kepala Batas
- (v) Hospital Sungai Bakap
- (vi) Hospital Balik Pulau

(b) KLINIK–KLINIK DI PULAU PINANG

- (i) Klinik Kesihatan di Daerah Timur Laut
 - (a) Klinik Kesihatan Tanjung Bungah
 - (b) Klinik Kesihatan Air Itam
 - (c) Klinik Kesihatan Sungai Dua
 - (d) Klinik Kesihatan Jalan Macalister
 - (e) Klinik Kesihatan Jalan Perak
 - (f) Klinik Kesihatan Bukit Jambul
 - (g) Klinik Kesihatan Lebuh Muntri
 - (h) Klinik Kesihatan Bukit Bendera
 - (i) Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak Taman Tun Sardon
 - (j) Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak Rifle Range
 - (k) Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak Tanjung Tokong
- (ii) Klinik Kesihatan di Daerah Barat Daya
 - (a) Klinik Kesihatan Bayan Lepas
 - (b) Klinik Kesihatan Bayan Baru
 - (c) Klinik Kesihatan Telok Bahang
 - (d) Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak Ayer Puteh
- (iii) Klinik Kesihatan di Daerah Seberang Perai Utara
 - (a) Klinik Kesihatan Butterworth
 - (b) Klinik Kesihatan Mak Mandin
 - (c) Klinik Kesihatan Kepala Batas
 - (d) Klinik Kesihatan Tasek Gelugor
 - (e) Klinik Kesihatan Penaga
- (iv) Klinik Kesihatan di Daerah Seberang Perai Tengah
 - (a) Klinik Kesihatan Seberang Jaya
 - (b) Klinik Kesihatan Kubang Semang
 - (c) Klinik Kesihatan Berapit

- (d) Klinik Kesihatan Bukit Minyak
 - (e) Klinik Kesihatan Perai
 - (f) Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak Bukit Mertajam
- (v) Klinik Kesihatan di Daerah Seberang Perai Selatan
- (a) Klinik Kesihatan Bukit Panchor
 - (b) Klinik Kesihatan Simpang Ampat
 - (c) Klinik Kesihatan Nibong Tebal
 - (d) Klinik Kesihatan Sungai Acheh
 - (e) Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak Sungai Bakap

Sehingga Jun 2008, jumlah doktor dan beberapa kategori anggota perubatan di sektor awam serta nisbah kepada penduduk di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

- (i) Jumlah Pegawai Perubatan seramai 857 orang.
Nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk adalah 1:1,772
- (ii) Jumlah Pegawai Pergigian seramai 79 orang.
Nisbah Pegawai Pergigian kepada penduduk adalah 1:19,220
- (iii) Jumlah Pegawai Farmasi seramai 186 orang.
Nisbah Pegawai Farmasi kepada penduduk adalah 1:8,163
- (iv) Jumlah Jururawat seramai 2294 orang.
Nisbah jururawat kepada penduduk adalah 1:662

Bagi seluruh Malaysia pula, nisbah pegawai perubatan, pegawai pergigian, pegawai farmasi dan jururawat kepada penduduk, masing-masing adalah 1:1,998, 1:19,474, 1:29,966 dan 1:770. Ini bererti jumlah dan nisbah doktor dan anggota perubatan lain di Pulau Pinang adalah lebih baik berbanding dengan jumlah dan nisbah bagi seluruh Malaysia.

Bilangan doktor dan anggota perubatan lain di negeri Pulau Pinang sentiasa berada dalam keadaan yang dinamik dan boleh berubah dari masa ke semasa. Ia bergantung kepada kemasukan dan pengambilan anggota baru atau pengurangan anggota berikutan pertukaran keluar, persaraan, berhenti kerja dan sebagainya. Pada keseluruhannya, bilangan doktor dan anggota perubatan adalah mencukupi bagi perkhidmatan yang sedia ada di dalam keadaan biasa. Walau bagaimanapun, anggota tambahan adalah diperlukan apabila terdapat projek-projek pembangunan dan penambahan beban kerja atau skop perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang baru.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk menarik pelancong-pelancong asing ke Pulau Pinang. Berapakah jumlah kos yang telah dilaburkan dan apakah hasilnya. Senaraikan jumlah pelancong dari luar negara yang melawat ke Pulau Pinang mengikut kategori tempat asal, musim (bulan), tempoh melawat, umur dan tujuan melawat ke Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sememangnya memberikan perhatian yang serius bagi memajukan industri pelancongannya. Ini kerana industri pelancongan merupakan antara penyumbang utama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Pulau Pinang. Negeri Pulau Pinang menasarkankan ketibaan pelancong seramai 4.7 juta orang pada tahun 2010 dan 6 juta orang pada tahun 2020.

Selain itu, Negeri Pulau Pinang turut menasarkankan pendapatan sektor pelancongan akan meningkat dari RM5.31 bilion pada tahun 2000 ke RM10.8 bilion pada tahun 2010. Tempat-tempat menarik, kepelbagaian budaya serta warisan merupakan antara kelebihan yang dimiliki Pulau Pinang dalam menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke sini.

Bagi merealisasikan objektif ini, usaha mempromosi yang lebih agresif dan berterusan adalah diperlukan. Kerajaan Negeri melalui Bahagian Pelancongan PDC akan meneruskan semua aktiviti promosi di dalam dan luar negara bagi menarik lebih ramai pelancong mengunjungi Pulau Pinang.

Pada tahun 2008, Negeri Pulau Pinang turut menganjurkan beberapa acara di peringkat antarabangsa. Justeru, penganjuran ini akan merancakkan lagi industri pelancongan di Pulau Pinang dan memberi kesan kepada industri pelancongan negara.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sejumlah RM4.4 juta setahun bagi pembangunan sektor pelancongan di bawah Akaun Amanah Jawatankuasa Induk Industri Pelancongan. Peruntukan ini akan digunakan bagi tujuan promosi dan pembangunan pelancongan di Pulau Pinang.

Jumlah pelancong yang tiba di Pulau Pinang telah bertambah setiap tahun. Statistik kehadiran pelancong di Pulau Pinang adalah seperti di Lampiran 1.

LAMPIRAN 1

Menurut laporan SERI untuk tahun 2007, bilangan pelancong dari luar negara ke Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

Bil	Negara-Negara	2005 Jumlah (Juta)	2006 Jumlah (Juta)	2007 Jumlah (Juta)
1.	Timur Tengah	0.14	0.13	0.20
2.	Jepun	0.09	0.12	0.18
3.	Australia	0.09	0.08	0.14
4.	Singapura	0.14	0.14	0.14
5.	United Kingdom	0.12	0.10	0.11
6.	Indonesia	0.11	0.14	0.09
7.	China	0.04	0.06	0.07
8.	Amerika Syarikat	0.05	0.05	0.06
9.	Thailand	0.05	0.05	0.06
10.	Taiwan	0.06	0.05	0.03
11.	Hong Kong	0.03	0.03	0.03
12.	India	0.02	0.02	0.03
13.	German	0.02	0.02	0.02
14.	Korea Selatan	0.03	0.02	0.01
15.	Netherlands	0.03	0.02	0.03
16.	Lain-lain	0.13	0.13	0.22
	Jumlah	1.14	1.15	1.4

Bilangan umur pelancong ke Pulau Pinang mengikut kumpulan umur dan jantina adalah seperti berikut:-

Kumpulan Umur	Jantina		Jumlah (%)
	Lelaki (%)	Perempuan (%)	
< 18 tahun	0.8	0.6	1.4
18 – 24	5.8	7.7	13.5
25 – 35	11.5	16.0	27.5
36 – 45	19.8	11.2	31.0
46 – 55	9.6	6.4	16.0
56 dan ke atas	6.1	4.6	10.7
Jumlah	53.6	46.5	99.9

Di antara tujuan pelancong luar melawat Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

- (i) Percutian/istirahat
- (ii) Perniagaan
- (iii) Melawat keluarga & kawan-kawan
- (iv) Pendidikan
- (v) MICE
- (vi) Pelancongan perubatan
- (vii) Berbulan madu
- (viii) Membeli-belah
- (ix) Aktiviti-aktiviti lain

Tempoh lawatan oleh pelancong luar ke Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

Jangka masa lawatan	Peratus Pelancong Antarabangsa (%)
1 malam	0.0
2 malam	5.8
3 malam	14.6
4 malam	10.0
5 malam	12.6
6 malam	5.1
7 malam	10.3
8-14 malam	32.2
15-30 malam	5.3
Lebih daripada 30 malam	4.1
Jumlah	100.0
Kadar/Tempoh Lawatan	7.3 hari

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 9. Bilakah CCTV akan dipasang di kawasan-kawasan hitam terutamanya di KADUN Pulau Tikus untuk mencegah jenayah. Apakah status pada masa kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Terdapat 31 buah CCTV telah dipasang dan beroperasi di kawasan penyelenggaraan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) termasuk di KADUN Pulau Tikus. Tambahan sebanyak 24 buah CCTV lagi akan dipasang di Bahagian Pulau dan 24 buah di Seberang Perai. Kos pemasangan CCTV ini akan dibiayai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Proses tender telah pun ditutup dan penilaian telah dibuat oleh pihak KPKT dan telah dikemukakan kepada Perbendaharaan pada bulan September 2008. Kini, pihak KPKT sedang menunggu peruntukan daripada Perbendaharaan memandangkan projek pembelian CCTV ini merupakan projek *one off* daripada Kerajaan Persekutuan.

Lokasi CCTV yang telah dipasang oleh pihak MPPP dan yang akan dibekalkan oleh KPKT kepada MPPP adalah seperti di dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

JADUAL 1

LOKASI KAMERA CCTV YANG TELAH DIPASANG

BIL.	LOKASI	BIL KAMERA
1.	JALAN PENANG BERSEBELAHAN JEJANTAS JALAN PENANG/ JALAN BURMA/ JALAN DR LIM CHWEE LEONG	1
2.	SIMPANGAN JALAN DR LIM CHWEE LEONG/ LEBUH LINTANG	1
3.	JALAN BURMA BERSEBELAHAN JEJANTAS JALAN PENANG/ JALAN BURMA/ JALAN DR LIM CHWEE LEONG	1
4.	SIMPANG ENAM KOMTAR	1
5.	SIMPANG JALAN PENANG / LEBUH TIEK SOON	1
6.	SIMPANG JALAN MAGAZINE/ JALAN RIA	1
7.	SIMPANG JALAN MACALISTER/ NEW LANE	1
8.	UPPER PENANG ROAD	1
9.	SIMPANG JALAN PENANG / LEBUH CHULIA	1
10.	SIMPANG LEBUH PANTAI/ LEBUH CHINA	1
11.	LEBUH FARQUHAR – DEPAN HOTEL E&O	1
12.	GOLD BAZAAR – SIMPANG LEBUH CAMPBELL/ JALAN PINTAL TALI	1
13.	GOLD BAZAAR – SIMPANG CARNARVON/ LEBUH BUCKINGHAM	1
14.	GOLD BAZAAR – SIMPANG JALAN MASJID KAPITAN KELING/ LEBUH BUCKINGHAM	1
15.	GOLD BAZAAR – SIMPANG JALAN MASJID KAPITAN KELING/ LEBUH CHULIA	1

BIL.	LOKASI	BIL KAMERA
16.	JEJANTAS CITIBANK JALAN SULTAN AHMAD SHAH	1
17.	SIMPANG PERSIARAN MIDLANDS/ LEBUHRAYA MAKTAB	1
18.	SIMPANG PERSIARAN GURNEY /JALAN LIM CHIN GUAN	1
19.	BULATAN PERSIARAN GURNEY – HAWKER CENTER	1
20.	PERSIARAN GURNEY – HAWKER CENTER/ GURNEY PLAZA	1
21.	SIMPANG JALAN MASJID NEGERI/ LEBUHRAYA BATU LANCANG	1
22.	PINTU MASUK TERMINAL BAS EKSPRES SUNGAI NIBONG	1
23.	PINTU KELUAR TERMINAL BAS EKSPRES SUNGAI NIBONG	1
24.	BUKIT JAMBUL – SIMPANG JALAN BUKIT GAMBIR/ JALAN RUMBIA	1
25.	BUKIT JAMBUL – SIMPANG JALAN TUN DR AWANG/ JALAN BUKIT GAMBIR	1
26.	BUKIT JAMBUL – SIMPANG JALAN RUMBIA/ LORONG RELAU 2	1
27.	BUKIT JAMBUL – SIMPANG JALAN TUN DR AWANG/ JALAN KAMPONG RELAU	1
28.	AIR ITAM – SIMPANG AIR ITAM/ JALAN KAMPUNG MELAYU	1
29.	AIR ITAM – SIMPANG JALAN AIR ITAM/ JALAN STESEN KERETAPI BUKIT BENDERA	1
30.	AIR ITAM – SIMPANG JALAN AIR ITAM/ JALAN RAMBUTAN	1
31.	AIR ITAM – SIMPANG JALAN PASAR/ LALUAN KE KUIL KEK LOK SI	1

JADUAL 2

TAPAK CADANGAN KAMERA CCTV YANG AKAN DIPASANG OLEH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)

BIL.	LOKASI	BIL KAMERA
1.	SIMPANG TESCO JELUTONG EXSPRESSWAY/ JALAN TENGGU KUDIN	1
2.	SIMPANG JELUTONG EXSPRESSWAY/ GAT LEBUH MACALLUM	1
3.	SIMPANG GAT LEBUH MACALLUM/ LINTANG MACALLUM 2	1
4.	SIMPANG JELUTONG EXSPRESSWAY/ GAT LEBUH CECIL	1
5.	JEJAMBAT SIMPANG JALAN MASJID NEGERI/ JALAN AIR ITAM	1
6.	JALAN BOUNDARY – PERHENTIAN BAS RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK	1
7.	DEPAN HOTEL PARK ROYAL, BATU FERINGGI	1

BIL.	LOKASI	BIL KAMERA
8.	SIMPANG JALAN TANJUNG BUNGA / HILLSIDE	1
9.	LALUAN MASUK PANTAI FLAT UDA, TANJUNG TOKONG (TOKONG TUA PEK KONG)	1
10.	SIMPANG JALAN TANJUNG TOKONG/ JALAN FETTES	1
11.	SIMPANG JALAN BAGAN JERMAL/ JALAN TANJUNG TOKONG/ JALAN KELAWAI/ PERSIARAN GURNEY	1
12.	SIMPANG JALAN MOUNT ERSKINE/ JALAN GOTTLIEB/ JALAN BURMA	1
13.	PENGKALAN WELD – KAWASAN LUAR TERMINAL FERI	1
14.	SIMPANG JALAN TUN SYED SHEH BARAKBAH/ JALAN PADANG KOTA LAMA	1
15.	SIMPANG PINTU MASUK KEBUN BUNGA/ JLN NAIK BKT BENDERA	1
16.	SIMPANG LEBUH DICKENS/ JALAN PENANG	1
17.	SIMPANG JALAN SULTAN AZLAN SHAH/ JALAN HILIR PEMANCAR	1
18.	DEPAN MASJID PAKISTAN – JALAN MACALISTER/ LORONG SUSU	1
19.	QUEENSBAY – LEBUHRAYA BAYAN LEPAS	1
20.	SIMPANG JALAN SULTAN AZLAN SHAH/ JALAN TENGAH	1
21.	JALAN MAYANG PASIR – TAMAN SRI TUNAS, BAYAN BARU	1
22.	JALAN TENGAH – TAMAN SRI TUNAS, BAYAN BARU	1
23.	SIMPANG JALAN KG.JAWA/ LEBUH KG.JAWA (ZON PERINDUSTRIAN BEBAS FASA III)	1
24.	HILIR SG. KELUANG 1/ HILIR SUNGAI KELUANG 2 (ZON PERINDUSTRIAN BEBAS FASA IV/ TECHNOPLEX)	1

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah langkah-langkah pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam sistem pentadbiran dalam usaha mencegah rasuah dalam jabatan-jabatan kerajaan negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa pendekatan dalam memastikan sistem pentadbiran Kerajaan Negeri khususnya di dalam Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri agar lebih telus tanpa rasuah. Antara pendekatan yang telah dilakukan ialah:-
 - (a) Perkhidmatan berasaskan prinsip-prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT). Prinsip perkhidmatan ini telah diuar-uarkan oleh kepimpinan negeri kepada rakyat dan seluruh kakitangan awam supaya menjadi teras kepada seluruh kakitangan Kerajaan Negeri;

- (b) Sistem perolehan bekalan Kerajaan Negeri diuruskan dengan lebih terbuka menerusi kaedah mempamerkan nama syarikat/individu yang dipilih oleh Lembaga Tender/Jawatankuasa Sebut Harga dalam tempoh 2 minggu untuk apa-apa bantahan bagi memastikan mereka benar-benar layak dan tiada keraguan untuk menjalankan kerja/bekalan tersebut;
- (c) Institut Integriti Negeri Pulau Pinang telah memainkan peranan mengadakan kursus, latihan, ceramah umum untuk mempromosikan integriti sebagai gaya hidup berasaskan prinsip etika dan integriti kepada kakitangan awam, pihak swasta, parti politik, badan bukan kerajaan dan orang awam; dan
- (d) Mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pegawai dan kakitangan yang didapati melanggar atau tidak berintegriti termasuk tindakan tatatertib dan tindakan mahkamah.

Antara program yang telah diadakan bagi menyedarkan tentang bahayanya rasuah di kalangan sektor awam ialah dengan menyediakan ceramah dan kursus-kursus berkaitan. Malah, setiap anggota dan kakitangan baru yang menjawat jawatan dan dilantik ke dalam sektor awam telah diberi kursus dan penerangan yang jelas tentang masalah dan bahayanya rasuah.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 11. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang. Apakah status pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang dan Syarikat Bas Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 11. Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa memberi fokus dalam meningkatkan kualiti sistem perkhidmatan awam di Negeri Pulau Pinang. Rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang merangkumi perkara-perkara berikut:-
 - (i) Menghidupkan semula Syarikat Bas Negeri Pulau Pinang (SBNPP) sebagai pelengkap kepada perkhidmatan bas awam di Pulau Pinang serta melahirkan persaingan yang sihat untuk manfaat rakyat;
 - (ii) Penubuhan konsortium perkhidmatan bas awam di Pulau Pinang bagi menambah baik perkhidmatan. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk berunding dengan pengusaha-pengusaha bas awam sedia ada;
 - (iii) Mewujudkan perkhidmatan Bas Shuttle di pusat Bandar George Town, Pulau Pinang. Kerajaan Negeri mensasarkan untuk menyediakan perkhidmatan Bas Shuttle mulai Januari 2009;

- (iv) Kerajaan Negeri telah memberi bantuan dan kerjasama serta menyediakan pelbagai kemudahan untuk menjayakan perkhidmatan RapidPenang Sdn. Bhd. di Pulau Pinang dan akan terus menyeru Kerajaan Pusat menambah baik perkhidmatan RapidPenang. Pihak RapidPenang menjangkakan sebanyak 100 buah bas akan beroperasi menjelang bulan April 2009;
- (v) Kerajaan Negeri telah mengenal pasti tapak-tapak untuk menyediakan kemudahan *Compressed Natural Gas* (CNG) terutama sekali untuk kegunaan teksi dan kenderaan pengangkutan awam. Dengan kemudahan ini, pengusaha perkhidmatan pengangkutan awam dapat menjimatkan kos yang boleh disalurkan semula untuk menambah baik perkhidmatan dan mengurangkan kadar tambang. Melalui penyediaan kemudahan CNG, Kerajaan Negeri juga berharap agar sistem teksi bermeter dapat diperkenalkan;
- (vi) Kerajaan Negeri akan terus menyeru Kerajaan Pusat untuk menyediakan perkhidmatan Sistem Transit Monorel Aliran Ringan (Light Monorail Transit-LMT).

Status Projek Jambatan Pulau Pinang Kedua

Pelaksanaan projek Jambatan Pulau Pinang Kedua akan diteruskan. Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) telah menamatkan konsesi projek ini dengan pihak UEM Builders Berhad. Buat masa ini konsesi tersebut telah diberikan kepada pihak Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) iaitu sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Persekutuan. Berikutan itu, pihak JKSB telah menawarkan kerja-kerja pakej 2 iaitu kerja-kerja menyiapkan bahagian *Superstructure* iaitu bahagian atas jambatan bagi *Approach Span* jambatan berkenaan kepada pihak UEM Builders Berhad. Sehingga ini pihak UEM Builders Berhad masih di peringkat perbincangan dengan pihak JKSB mengenai butir-butir tawaran kerja berkenaan.

Status Pelaksanaan Projek Monorel

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan bagi melaksanakan projek Monorel di Pulau Pinang. Projek ini akan menghubungkan Pengkalan Feri ke Paya Terubung (jajaran timur-barat) dan Tanjong Tokong ke Bayan Lepas (jajaran utara-selatan). Walau bagaimanapun di bawah Kajian Separuh Penggal RMK-9 Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan projek Monorel di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah membuat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan agar mempertimbangkan semula keputusan yang telah dibuat bagi menangguhkan pelaksanaan projek ini. Kerajaan Negeri juga akan berusaha menyediakan perkhidmatan LMT dengan usaha sama pihak swasta sekiranya Kerajaan Pusat gagal menyediakan perkhidmatan yang telah dirancang ini

Status Pelaksanaan Syarikat Bas Negeri Pulau Pinang

Surat pelawaan untuk menyertai Konsortium Syarikat Bas Negeri Pulau Pinang Sdn. Bhd. (Konsortium SBNPP) telah dikemukakan kepada 7 buah syarikat bas awam sedia ada di Negeri Pulau Pinang termasuk Seberang Perai pada 26 Ogos 2008.

Hanya Syarikat United Traction Co. Sdn. Bhd. dan Konsortium Transnasional Berhad mengemukakan maklum balas yang menyatakan bahawa pihak syarikat tersebut berminat untuk menyertai Konsortium dan berunding mengenai mekanisme pembentukan Konsortium yang akan diguna pakai.

Surat pelawaan kedua telah dikemukakan kepada baki 5 buah syarikat pada 11 September 2008 dan tiada maklum balas lanjut diterima berhubung perkara tersebut. Syarikat-syarikat tersebut adalah:-

- (i) KGN-Hin Bus Co. Sdn. Bhd.
- (ii) Milan Travel Sdn. Bhd.
- (iii) Transit Link Sdn. Bhd.
- (iv) Rangkaian Setia Sdn. Bhd.
- (v) Lean Hock Bus Co. Sdn. Bhd.

Bagi penyusunan semula perkhidmatan bas awam di negeri ini termasuk membiayai cadangan mengaktifkan semula SBNPP, Kerajaan Negeri telah mengemukakan surat permohonan status pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM50 juta serta memohon untuk menggunakan peruntukan pinjaman tersebut. Surat tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia pada 28 Julai 2008 dan 8 Oktober 2008. Walau bagaimanapun, tiada maklum balas diterima berhubung perkara tersebut.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Selepas *Building and Common Property Act 2007* diluluskan, bagaimanakah Kerajaan Negeri menguatkuasakan Akta ini iaitu mengambil tindakan terhadap pemilik-pemilik yang tidak membayar yuran perkhidmatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sehingga kini, pihak Pesuruhjaya Bangunan masih belum mengambil sebarang tindakan terhadap pemilik-pemilik yang tidak membayar yuran perkhidmatan. Ini kerana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) masih belum meluluskan *Rules & Regulations* untuk melaksanakan tindakan seperti mengeluarkan dan menguatkuasakan

waran penahanan. Selain itu, yuran dan caj pungutan juga masih belum ditentukan oleh KPKT. Sehingga ini, pihak Pesuruhjaya Bangunan hanya memberi nasihat kepada Perbadanan Pengurusan Bersama (JMB/MC) supaya mengambil tindakan undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) dan Akta Hak milik Strata 1985 (Akta 318). Usaha-usaha kini ditumpukan untuk memastikan kesemua unit strata di Negeri Pulau Pinang menubuhkan Perbadanan Pengurusan Bersama (JMB) seperti yang dikehendaki dalam Akta 663.

Pejabat Pesuruhjaya Bangunan telah mengadakan sesi taklimat kepada NGO, Persatuan Penduduk, Peguam, Ahli Majlis, Pemaju Perumahan dan penduduk rumah bertingkat khususnya kewajipan membayar yuran perkhidmatan dan tindakan-tindakan yang akan diambil ke atas mereka yang ingkar. Memandangkan akta ini baru sahaja diluluskan, masih belum ada tindakan yang diambil terhadap pembeli-pembeli yang tidak membayar yuran perkhidmatan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah rancangan yang dilaksanakan dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang selepas diiktiraf sebagai "Warisan Budaya Dunia". Nyatakan faedah-faedah kepada rakyat dalam bilangan dan nilai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Pada 7 Julai 2008, Bandar George Town dan Melaka telah disenaraikan secara bersama sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) melalui mesyuarat World Heritage Committee yang diadakan di Quebec City, Canada. Kedua-dua Bandar ini disenaraikan sebagai Bandar Bersejarah di Selat Melaka di bawah kategori warisan budaya.

Pengiktirafan ini sememangnya sesuatu yang amat dibanggakan dan ia juga secara tidak langsung memberi satu cabaran yang besar kepada Kerajaan Negeri bagi mengekalkannya. Sehingga kini, pelbagai langkah telah dan akan diambil bagi memastikan George Town terus kekal sebagai Tapak Warisan Dunia. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :

- (a) Tindakan berdasarkan kepada Pelan Pengurusan Pemuliharaan yang merupakan sebahagian daripada dossier pencalonan. Perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan perlulah dipatuhi kerana Pelan Pengurusan Pemuliharaan ini akan dijadikan Asas Rujukan kepada pihak UNESCO semasa membuat penilaian berkala (periodic assessment).

Pelan Pengurusan Pemuliharaan juga adalah sebagai satu mekanisme untuk mengurus tadbir dan memulihara nilai kawasan yang dicalonkan. Di antara perkara penting yang digariskan oleh Pelan Pengurusan Pemuliharaan ialah :

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Warisan;
- (ii) Penubuhan Pejabat Warisan Dunia (World Heritage Office) Peringkat Negeri Pulau Pinang;
- (iii) Menubuhkan State Heritage Fund;
- (iv) Penubuhan Jabatan Warisan di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang; dan
- (v) Menubuhkan Technical Review Panel di peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Tatacara penubuhan, skop, tanggungjawab dan keahlian ada dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan.

- (b) Di samping cadangan dalam Pelan Pengurusan Pemuliharaan, langkah-langkah tambahan seperti berikut telah dilaksanakan :
 - (i) Kesedaran orang awam dan sambutan kejayaan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia telah diadakan pada 25-27 Julai 2008;
 - (ii) Penubuhan dan Mesyuarat Panel Penasihat Warisan;
 - (iii) Cadangan taklimat oleh pakar warisan Encik Richard Engelhart;
 - (iv) Mesyuarat Penyelarasan Tapak Warisan antara Kerajaan Negeri Melaka, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan; dan
 - (v) Bengkel Perlindungan Monumen Lama dan Tanah dan Bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah atau senibina.
- (c) Memastikan Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 (Pulau) mengambilkira perkara-perkara yang diliputi oleh dossier dan Pelan Pengurusan Pemuliharaan;
- (d) Menyediakan dokumen seperti kandungan dossier untuk bacaan umum oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pencalonan ini supaya apa-apa tindakan yang diambil tidak terkeluar daripada ciri-ciri pencalonan yang telah diluluskan;

- (e) Mengadakan beberapa siri dialog dengan pihak berkepentingan bagi memudahkan pelaksanaan Pelan Pengurusan Pemuliharaan; dan
- (f) Mengadakan publisiti meluas di dalam dan di luar negara.

Impak penyenaian Pulau Pinang ke senarai Warisan Dunia UNESCO secara amnya adalah seperti berikut :

- (a) Mendapat pengiktirafan di peringkat dunia;
- (b) Peningkatan bilangan pelancong sebanyak 20 % -30 % setahun;
- (c) Kenaikan harga tanah dan bangunan;
- (d) Menghidupkan semula kawasan/bangunan yang telah usang;
- (e) Menambahkan pendapatan penduduk tempatan yang terlibat dengan aktiviti pelancongan; dan
- (f) Mengekalkan kebudayaan warisan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memulihkan hubungan dan kerjasama yang lebih rapat dalam bidang ekonomi, pendidikan, pelancongan dan lain-lain seperti lawatan sambil belajar ke empat buah Bandar Berkembar (Sister City).

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri telah mengadakan hubungan ekonomi dan sosial dua-hala dengan bandar raya dan wilayah negara lain dengan menerima kunjungan rombongan lawatan dari semasa ke semasa. Hubungan khas secara berkembar yang rasmi dengan persetujuan Kerajaan Persekutuan telah diadakan dengan empat (4) bandar raya / wilayah: -
 - (i) Bandar Raya Adelaide dan Australia Selatan sejak tahun 1973;
 - (ii) Bandar Raya Medan dan Provinsi Sumatera Utara sejak tahun 1984; dan
 - (iii) Bandar Raya Xiamen, China sejak tahun 1993.

Dengan adanya perhubungan ini, pelbagai usaha telah dibuat oleh kedua-dua pihak seperti berkongsi pengalaman dan menjalankan kerjasama dalam pelbagai bidang seperti pelaburan, perdagangan, pelancongan dan kebudayaan.

Sebagai contoh, Pulau Pinang sebagai bandar kembar Medan telah dijemput mengambil bahagian dalam Pekan Raya Sumatera Utara atau lebih dikenali sebagai Medan Fair. Penumpuan diberi kepada Pameran Pembangunan Pulau Pinang untuk mempromosikan perkhidmatan pendidikan, produk pelancongan, perkhidmatan perubatan swasta di samping mempromosi persembahan kesenian/kebudayaan Negeri Pulau Pinang. Hubungan antara Medan dan Pulau Pinang dapat dipereratkan lagi di samping membantu mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan.

Hubungan yang baik antara "sister city" ini akan diteruskan dan lebih banyak aktiviti akan dirancang untuk dijalankan dengan bandar-bandar "sister city" bagi memastikan Pulau Pinang dapat menarik lebih banyak pelancong ke negeri ini. Unit pelancongan yang ditubuhkan di bawah PDC akan mempergiatkan lagi aktiviti promosi di dalam dan luar negara termasuk di bandar-bandar berkembar ini.

Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Socio-Economic & Environmental Research Institute (SERI), Negeri Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah kehadiran pelancong sebanyak 3.4 juta pelancong untuk tahun 2007. Daripada jumlah ini, kebanyakan dari pelancong merupakan pelancong tempatan (62.5%) dan selebihnya adalah pelancong asing (37.5%).

Kerajaan Negeri melalui usaha promosi yang lebih berkesan menganggarkan akan dapat menarik lebih 3.5 juta pelancong pada tahun 2008 dan dijangka akan lebih meningkat menjelang tahun 2009 terutama setelah George Town berjaya dalam penyenaaraannya sebagai tapak warisan dunia di bawah UNESCO.

Kerajaan Negeri juga tidak menghalang sebarang inisiatif swasta yang dilakukan dalam menjalinkan hubungan dengan bandaraya lain di luar negara. sebagai contoh, menerusi IMT-GT, pihak Joint Business Council Pulau Pinang yang diketuai oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang sentiasa mempunyai hubungan dagangan dan diplomasi yang baik dengan para usahawan Banda Aceh, Indonesia. Pelbagai misi rasmi telah diadakan bagi meningkatkan hubungan dagangan selain mendedahkan para usahawan tempatan berkenaan peluang-peluang komersil yang ada di Aceh yang boleh diceburi.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sumbangan penjaja amat penting untuk ekonomi Pulau Pinang. Akan tetapi masalah-masalah seperti penjaja tanpa lesen, isu kebersihan, tempat berniaga dan lain-lain masih berterusan. Adakah kerajaan tempatan merancang satu "blue print" penjaja-penjaja di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Walaupun kumpulan penjaja merupakan salah satu penyumbang kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang, aktiviti mereka perlu dikawal agar tidak menimbulkan masalah terutama dari aspek kebersihan persekitaran dan kesesakan lalu lintas. Untuk makluman, sejumlah lebih kurang 3,000 penjaja tanpa lesen sedang berniaga di kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang beroperasi di tempat-tempat yang kurang sesuai seperti di tepi jalan, atas gegili jalan dan sebagainya.

Bagi menangani isu-isu berkaitan pihak MPPP telah mengambil langkah-langkah berikut :

- (i) Jangka masa pendek
 - (a) Mengisikan kekosongan gerai-gerai MPPP dengan mengadakan sesi temu duga secara berjadual empat (4) kali sebulan. Dari Mei hingga September 2008, seramai 981 pemohon telah ditemu duga dan 204 orang telah ditawarkan gerai MPPP; dan
 - (b) Mempertingkatkan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan. Sehingga September 2008, sebanyak 9,464 kompaun telah dikeluarkan dan sejumlah 264 tindakan rampasan telah diambil ke atas penjaja tanpa lesen di kawasan MPPP.
- (ii) Jangka masa panjang
 - (a) MPPP akan menyediakan lebih banyak kemudahan perniagaan kecil mengikut keperluan di kawasan yang sesuai; dan
 - (b) Satu kajian sedang dijalankan oleh pihak Universiti Sains Malaysia (USM) bagi membantu MPPP untuk merangka pelan dan strategi jangka masa panjang berkaitan dengan kawalan aktiviti penjaja.

Di samping itu, pihak swasta juga digalakkan mengadakan lebih banyak pusat makanan yang menarik sebagai alternatif untuk penjaja menjalankan perniagaan.

Sementara itu bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sedang merangka Pelan Induk Penjaja bagi mencari jalan untuk mengatasi masalah penjaja di kawasan mereka. Satu bengkel akan diadakan pada 5 dan 6 November 2008 bagi merangka pelan induk ini.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Senaraikan tanah kerajaan dan tanah Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang belum dan yang akan dibangunkan di kawasan Pulau Tikus.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sehingga kini, tidak ada tanah kerajaan dan tanah milik Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang dicadang untuk dibangunkan di kawasan Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk meluluskan tanah kerajaan yang terbiar yang sesuai untuk dijadikan tapak letak kereta sementara supaya mengurangkan petak-petak di jalan raya untuk mengurangkan kesesakan jalan raya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Pada masa kini, tanah Kerajaan Negeri di Padang Tembak telah dijadikan sebagai tempat letak kereta sementara dengan dikenakan caj yang minima iaitu sebanyak 50 sen setiap kali masuk. Di samping itu, Kerajaan Negeri telah memajukan dua tempat letak kereta bertingkat iaitu di Jalan Hatim (Hutton Lane) dan Lebuhraya Union dengan jumlah petak kereta sebanyak 398 petak. Sebuah lagi tempat letak kereta bertingkat sedang dimajukan di Lebuhraya Victoria/lebuhraya Pantai dengan 201 petak letak kereta.

Kekurangan petak letak kereta di Pulau Pinang tidak berlaku di semua kawasan. Masalah kekurangan tempat letak kereta agak ketara di kawasan di pusat bandar pada waktu tertentu ketika jumlah pengunjungnya ramai. Masalah ini lebih ketara di sebelah pulau yang padat penduduk dan kawasan komersial. Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk menyediakan petak letak kereta di tepi-tepi jalan dan di mana-mana tapak yang bersesuaian sekiranya tapak tersebut memenuhi spesifikasi trafik dan faktor kejuruteraan.

Memandangkan kebanyakan kawasan di bahagian pulau telah dimajukan ia secara tidak langsung menyebabkan keperluan letak kereta tidak tertumpu di satu-satu kawasan sahaja. Pembinaan bangunan yang baru juga telah disyaratkan untuk disediakan petak letak kereta selain membayar sumbangan tempat letak kereta.

Walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan Negeri belum mempunyai rancangan untuk menjadikan lain-lain tanah kerajaan sebagai tempat letak kereta sementara.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah penyelesaian untuk masalah kekurangan tempat letak kereta bagi kawasan perumahan terutamanya jenis "high rise" di Pulau Pinang. Disebabkan ini, banyak kereta diletak merata dan menimbulkan masalah kesesakan, kecurian dan juga saman dari pihak berkuasa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Cara-cara menangani masalah kekurangan tempat letak kereta di kawasan perumahan terutamanya *high rise* di Pulau Pinang adalah seperti berikut :

- (i) Membina tempat letak kenderaan tambahan di kawasan terbabit;
- (ii) Mewujudkan jalan sehalu untuk membolehkan lebih banyak kenderaan diletak ditepi jalan;
- (iii) Melebarkan jalan sedia ada;
- (iv) Membenarkan kenderaan diletak di atas bahu jalan yang direkabentuk untuk menahan beban kenderaan, dan
- (v) Menyediakan sistem pengangkutan awam yang efisien.

Selain itu, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) juga boleh menukar garis panduan sedia ada untuk mensyaratkan lebih banyak petak letak kenderaan disediakan oleh pemaju pembangunan baru. Walau bagaimanapun, pemaju hanya akan mengagihkan kos penyediaan tempat letak kenderaan kepada bakal pembeli rumah dan keadaan ini akan memberi kesan kepada keupayaan orang ramai membeli rumah.

Permintaan untuk tempat letak kenderaan juga akan berubah-ubah bergantung kepada keadaan seperti berikut :-

- (i) Kenaikan harga bahan api kenderaan;
- (ii) Penambahbaikan dalam sistem pengangkutan awam;
- (iii) Syarat-syarat yang lebih ketat untuk sewa-beli;
- (iv) Kenaikan harga kenderaan dan bayaran letak kenderaan, dan
- (v) Keadaan ekonomi lembap yang menjejaskan pendapatan.

Oleh yang demikian, dalam keadaan dan senario yang berbeza-beza ini, MPPP berusaha memenuhi permintaan peletakan kenderaan di kawasan perumahan terutama *high rise* secara optimum dengan mengambil kira keperluan semasa tanpa mengabaikan kehendak masa hadapan. Seiring dengan ini, kerajaan juga sentiasa mengkaji cara-cara penyelesaian yang bersesuaian mengikut keperluan setiap projek perumahan yang menghadapi masalah ini.

Kerajaan telah pun mengorak langkah untuk memperbaiki sistem bas awam dengan memperkenalkan perkhidmatan Rapid Penang dan usaha sedang diambil untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam secara amnya sebagai langkah alternatif untuk mengurangkan masalah peletakan kenderaan.

Bagi menangani masalah kekurangan tempat letak kereta di kawasan perumahan *high rise*, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sentiasa memastikan supaya setiap skim perumahan bertingkat yang diluluskan di kawasan Seberang Perai dapat menyediakan kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi berdasarkan piawaian perancangan yang ditetapkan seperti berikut :

- (i) Apartmen mewah / Kondominium : 1.5 petak kereta seunit ditambah 20% daripadanya untuk pelawat.
- (ii) Rumah Pangsa Kos Sederhana : 1 petak letak kereta seunit ditambah 20% daripadanya untuk pelawat.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 19. Untuk memajukan Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi perubatan yang terutama di negara ini, adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk meningkatkan taraf dan mengawal amalan perubatan tradisional di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 19. Kerajaan Negeri sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat meningkatkan taraf dan pengawalan amalan perubatan tradisional di Malaysia kerana perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah dimaklumkan bahawa Kerajaan Pusat sememangnya mempunyai rancangan untuk meningkatkan taraf dan pengawalan amalan perubatan tradisional di Malaysia melalui penggubalan Dasar Perubatan Tradisional dan Komplementari Kebangsaan serta penggubalan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari. Akta ini akan dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat ini.

Pendekatan ini dilakukan bersama dengan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dasar Perubatan Tradisional/Komplementari Kebangsaan

Dasar Perubatan Tradisional/Komplementari Kebangsaan telah digubal melalui Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia dan dilancarkan pada 2001. Antara lain, dasar ini menggariskan polisi Kerajaan Malaysia yang mempunyai wawasan bagi mengintegrasikan perubatan tradisional dan komplementari di dalam Sistem Kesihatan Kebangsaan.

Lima strategi telah dikenal pasti dan digubal, iaitu dalam amalan, produk, pendidikan/latihan, penyelidikan dan kolaborasi antarabangsa. Dasar ini mempunyai tujuan utama bagi memperkukuhkan peranan perubatan tradisional/komplementari di dalam Sistem Kesihatan Kebangsaan dan membantu ke arah penggabungan rangkaian penjagaan kesihatan yang integratif yang mampu memberi manfaat kepada pengamal perubatan dan juga orang ramai.

Akta Perubahan Tradisional/Komplementari

Akta Perubahan Tradisional/Komplementari yang sekarang dalam proses penggubalan akan di bantangkan di Parlimen dalam masa terdekat ini. Antara lain Akta ini akan memastikan keselamatan, keberkesanan dan kualiti dalam amalan serta kemudahan yang disediakan oleh pengamal perubatan tradisional ini. Selain daripada itu, akta ini juga akan dapat mempertingkatkan perkembangan perubatan tradisional dan komplementari di negara ini.

Akta ini juga akan memperkukuhkan perubatan tradisional dan komplementari melalui pendaftaran pengamal-pengamal, penguatkuasaan amalan yang selamat, perlesenan premis-premis, piala program-program latihan serta sistem akreditasi untuk pusat-pusat latihan.

Pendekatan yang akan dilaksanakan ini akan dapat membantu menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi perubatan yang utama. Ini adalah sejajar dengan Arahan Kabinet yang dikeluarkan pada Januari 2006 berkaitan dengan konsep Perubatan Integratif.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Dimaklumkan bahawa MPPP dan MPSP telah menyediakan Draf Rancangan Tempatan. Nyatakan jadual dan bilakah proses akan selesai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. MPPP telah mula menyediakan Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 (Pulau) (DRTPp) dengan menyediakan publisiti awal pada 22 Disember 2005. Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 (Pulau) (DRTPp) telah diterima dengan pindaan di Mesyuarat Khas Perancangan Pemajuan pada 8 Oktober 2008. Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 (Pulau) (DRTPp) sedang dikaji oleh perunding dan dijangka akan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri dalam bulan November 2008. Dijangka proses seranta awam akan diadakan pada bulan Disember 2008. Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam dijadualkan dalam bulan April 2009. Pembentangan semula untuk persetujuan dan penguatkuasaan Draf Rancangan Tempatan dijadual diadakan dalam bulan Mei 2009 dan pengwartaan Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020 (Pulau) (DRTPp) dijangkakan dapat dilaksanakan dalam bulan Jun 2009.

Draf Rancangan Tempatan yang telah disediakan oleh MPSP sehingga kini adalah seperti berikut:-

Bil	Kajian	Luas (Hek.)	Tempoh Mula	Kajian Siap	Status
1	Rancangan Tempatan Butterworth	6,216	1991	2000	Laporan Draf Akhir
2	Rancangan Tempatan Bukit Mertajam	4,604	1991	2000	Laporan Draf Akhir
3	Rancangan Tempatan Kepala Batas	4,436	1997	2002	Laporan Draf Akhir
4	Rancangan Tempatan Jawi - Sg. Bakap – Nibong Tebal	6,370	1998	2002	Laporan Draf Akhir
5	Rancangan Tempatan Tasek Gelugor	3,012	1999	2002	Laporan Draf Akhir
6	Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara	26,137	2005	2008	Laporan Draf Akhir
7	Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah	23,799	2006	2008	Laporan Draf Akhir
8	Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan	24,334	2008	2010	Publisiti Awal

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengadakan rancangan atau program untuk meningkatkan taraf perkhidmatan kakitangan kerajaan. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempertimbangkan untuk mengubah struktur-struktur organisasi untuk meningkatkan taraf perkhidmatan kakitangan kerajaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Bahagian Sumber Manusia (BSM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) sentiasa memastikan taraf perkhidmatan kakitangan Kerajaan Negeri ditingkatkan dari semasa ke semasa. Terdapat empat (4) kaedah utama yang dijalankan iaitu:

- (1) Menganjurkan Kursus Dalam Perkhidmatan.

Kakitangan awam telah disyaratkan untuk mengikuti kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun bagi meningkatkan tahap kompetensi masing-masing. Dalam hal ini, BSM telah merangka program-program/kursus yang sesuai mengikut bidang perkhidmatan masing-masing. Bagi tahun 2007, sebanyak 21 kursus telah diadakan. Sehingga 31 Oktober 2008 sebanyak 17 kursus telah pun diadakan.

(2) Mengadakan Pusingan Kerja (*Job Rotation*).

Kakitangan awam di PSUKPP juga telah mengamalkan kaedah pusingan kerja mengikut gred masing-masing bertujuan mendedahkan mereka kepada persekitaran kerja yang baru, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran baru sebagai usaha melahirkan lebih ramai pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran. Di samping itu, tahap integriti kakitangan awam juga dapat dipertingkatkan terutamanya ke atas jawatan-jawatan yang sensitif.

(3) Menggalakkan Penggunaan *Information and Communication Technology* (ICT).

Penggunaan ICT dilihat dapat meningkatkan tahap kecekapan dalam melaksanakan tugas seharian. Hal ini selaras dengan konsep *Good Governance* atau Tadbir Urus Yang Baik. Kerajaan Negeri melihat bahawa penggunaan ICT ini bukan sahaja dapat mengurangkan penggunaan kertas dan menjimatkan perbelanjaan kerajaan malah dapat melicinkan dan mempercepatkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada orang awam.

(4) Melaksanakan Konsep Ganjaran dan Hukuman.

Penjawat awam adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) (Pulau Pinang) 1997, Perintah-perintah Am, pekeliling dan surat pekeliling serta apa-apa peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, sekiranya terdapat pelanggaran, maka tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan akan dilaksanakan. Selain dari itu, bagi penjawat awam yang menunjukkan prestasi yang cemerlang akan diberikan ganjaran dalam bentuk Anugerah Khidmat Cemerlang dan sebagainya.

Di bawah penyusunan semula organisasi jabatan-jabatan di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri, elemen kemajuan kerjaya dan kenaikan taraf perkhidmatan anggota sentiasa diberi perhatian. Penstrukturan semula organisasi dipertimbangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan, perubahan fungsi dan beban tugas jabatan yang berkenaan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengadakan program untuk memperkenalkan konsep-konsep baru yang diumumkan oleh YAB. Ketua Menteri seperti CAT supaya ia dapat difahami dan dilaksanakan oleh semua lapisan kakitangan kerajaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Dalam merealisasikan saranan Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang supaya prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) dapat dilaksanakan dalam semua urusan kerja harian kakitangan awam Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah merancang untuk mengadakan siri kursus-kursus yang menekankan konsep CAT ini di kalangan kakitangan kerajaan dari semua lapisan perjawatan agar dapat menghayati dan mengamalkannya agar matlamat Ketua Menteri Pulau Pinang dalam menjayakan konsep CAT dapat difahami dan dilaksanakan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga akan bekerjasama dengan Institut Integriti Pulau Pinang (INPPi) bagi mengadakan beberapa program seperti Program Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti (PIOB) kepada kakitangan kerajaan bagi memupuk nilai dan etika kerja cemerlang dan berintegriti. Disamping itu, Kerajaan Negeri akan menganjurkan kursus-kursus baru seperti:

- (a) *Effective Presentation Skills*
- (b) *The Fundamentals in Clerical & Office Administration Program (FIOCA)*
- (c) *Customer Service Excellence*
- (d) *Creative Leadership & Motivation*
- (e) *Dealing with Difficult People*
- (f) *Positive Work Attitude*

Adalah diharapkan melalui penganjuran kursus-kursus baru ini akan dapat meningkatkan lagi keupayaan dan kecekapan kakitangan kerajaan Negeri Pulau Pinang memahami prinsip CAT di samping dapat memberi perkhidmatan yang cekap dan efisien.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menubuhkan "kadet kebersihan" untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap orang yang membuang sampah di merata tempat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Kerajaan Negeri tidak mempunyai cadangan untuk menubuhkan Kadet Kebersihan untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap individu yang membuang sampah di merata-rata tempat. Ini adalah kerana tugas penguatkuasaan tidak dapat diturunkan kuasa kepada orang luar selain daripada pegawai Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)/ Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Hanya pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dapat menguatkuasakan undang-undang berhubung dengan kebersihan.

Pernah pada satu ketika dulu, Jabatan Pelajaran dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga telah menubuhkan pasukan yang dikenali sebagai Kadet Alam Sekitar di kalangan penuntut-penuntut sekolah. Namun demikian pihak Jabatan Pelajaran tidak menyokong penubuhan kadet tersebut dengan alasan terdapat terlalu banyak kumpulan beruniform di sekolah-sekolah.

Tugas-tugas penguatkuasaan kebersihan dikuatkuasakan oleh kakitangan Bahagian Penguatkuasa, MPPP/MPSP selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil MPPP dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk merobohkan struktur-struktur telco tanpa permit. Adakah jenis panduan tentang luas parameter dari tempat kediaman yang diguna pakai oleh MPPP dan MPSP selaras dengan piawaian WHO.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Bagi struktur-struktur telekomunikasi yang dibina tanpa kebenaran, notis di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 akan dikeluarkan kepada pemilik tanah/pemilik struktur telekomunikasi supaya merobohkan/menurunkan struktur sama ada dengan menurunkan struktur terbabit dan/atau mendakwa pemunya / pemilik di Mahkamah.

Sehingga kini, semua pelan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah berdasarkan kepada Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Garis Panduan ini juga merangkumi dimensi yang perlu dipatuhi bagi jarak / luas parameter dari kediaman / komersil.

Garis panduan ini juga selaras dengan piawaian World Health Organization (WHO). Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sebagai badan penguatkuasaan terhadap aktiviti Telco juga melaksanakan tugas penguatkuasaan berdasarkan piawaian International Commission on Non-Ionising Protection (ICNIP).

Kerajaan Negeri pernah merobohkan 3 buah menara dan antena yang tidak mendapat kelulusan permit. Jarak di antara menara dan kediaman yang dibenarkan ialah:

- (i) Ketinggian kurang dari 45m – jarak 12m
- (ii) Ketinggian lebih dari 45m – jarak 15m

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 25. Apakah status kerajaan untuk mendirikan papan tanda nama jalan dalam pelbagai bahasa. Adakah ia akan siap pada hujung tahun 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 25. Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan pemasangan papan tanda dalam pelbagai bahasa pada 25 Oktober 2008. Pemasangan papan tanda nama jalan dalam pelbagai bahasa seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil dilaksanakan dalam kawasan Zon Warisan George Town. Sebut harga untuk kerja ini akan ditutup pada 12 November 2008. Pemasangan papan tanda jalan dalam pelbagai bahasa akan dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengikut kesesuaian berdasarkan kawasan dan sejarah tempat dan dijangka siap pada penghujung tahun 2008. Langkah ini adalah komitmen Kerajaan Negeri untuk memantapkan status George Town sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk membina sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina di KADUN Pulau Tikus untuk menggantikan Sekolah Menengah Phor Thay yang akan berpindah ke Bayan Baru.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 26. Lembaga Pengurus Sekolah telah memohon pemindahan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Cina Phor Thay dari Bagan Jermal ke Sungai Dua. Permohonan ini telah diluluskan dan sekolah sedang dalam proses pembinaan yang akan siap sepenuhnya pada Januari 2009. Namun begitu, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina yang baru di KADUN Pulau Tikus bagi menggantikan SMJK Phor Tay tersebut. Ini adalah kerana sebarang pembinaan sekolah-sekolah baru hanya akan dikeluarkan kuasa kelulusan oleh Menteri.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Apakah mekanisme kawalan pengambilan tanah merah daripada kawasan Batu Kawan. Mengapa PBT terpaksa mengeluarkan notis henti kerja di kawasan ini. Sedarkah bahawa jumlah kebanyakan yang tidak selaras dengan laporan PDC.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Pengeluaran tanah merah boleh dijalankan berdasarkan kelulusan pelan kerja tanah atau kebenaran khas dan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-
 - (i) Bangunan yang terlibat mempunyai kepentingan kerajaan seperti bagi tujuan pembangunan sekolah, hospital, industri dan terutama sekali kawasan industri yang diwartakan seperti Kawasan Industri Perai, Bukit Minyak, Bukit Tengah, Valdor dan lain-lain lagi.
 - (ii) Telah mengemukakan pelan kebenaran merancang dan hampir lulus.
 - (iii) Telah memperolehi surat tiada halangan daripada Jabatan Perancang Bandar dan Pengindahan terutama sekali bagi pembangunan industri seperti PDC.
 - (iv) Telah mengemukakan pelan kerja tanah melalui jurutera perunding bertauliah.

Sekiranya mana-mana syarat yang dinyatakan tidak dipatuhi, maka notis Henti Kerja boleh dikeluarkan.

Dua (2) kuari di kawasan Batu Kawan telah diberi kelulusan Permit 4C di bawah Sek. 71 KTN oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan. Kedua-dua kuari tersebut dimiliki oleh PDC dan sehingga kini tidak ada arahan daripada PBT untuk menghentikan kerja-kerja yang dilakukan kerana PBT telah meluluskan pelan kerja tanah bagi kedua-dua kuari tersebut.

XXVI. Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sudahkah Kerajaan Negeri mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan kilang dinegeri ini bagi merangka satu pelan kontingensi menghadapi ke tidak tentuan situasi ekonomi yang pastinya akan memberi impak ke atas ekonomi negara dalam jangka waktu terdekat, bagi memastikan ratusan ribu warga kerja kilang yang sebahagian besarnya terdiri daripada anak tempatan tidak terjejas berikutan kemelesetan ekonomi dunia sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri sentiasa memantau perkembangan di sektor perkilangan dalam negeri. Sejak kebelakangan ini, dialog dan perbincangan telah diadakan dengan persatuan-persatuan industri seperti Persatuan Syarikat Perindustrian Bebas, Pulau Pinang (FREPENCA), Persatuan Pelabur Taipei di Malaysia (TIAM), Dewan Perniagaan & Industri Jepun, Malaysia (JACTIM) dan Persatuan Industri Foundri & Kejuruteraan Pulau Pinang (PENFEIA).

Kerajaan Negeri juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan kilang di mana pelbagai maklum balas dan cadangan diberikan. Hasil perbincangan mendapati bahawa pihak pengurusan kilang menghadapi isu dan cabaran yang berlainan. Oleh yang demikian, pelan kontingensi setiap kilang adalah berlainan dan khusus.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berapa luaskah tanah-tanah TOL yang telah berpenghuni di negeri ini. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi hak milik tanah kepada penghuni-penghuni tanah TOL tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Tanah-tanah kerajaan yang dikeluarkan TOL adalah untuk pelbagai tujuan seperti kediaman, pertanian, penternakan, gerai perniagaan, *nursery* dan sebagainya. Adalah sukar untuk membuat anggaran mengenai keluasan tanah-tanah TOL yang berpenghuni atau tidak. Y.B. boleh menyemak dengan mana-mana Pentadbir Tanah mengenai keluasan kawasan-kawasan yang mana dimaksudkan. Setakat rekod yang dikumpulkan keluasan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

DAERAH	KELUASAN (Ekar)
Daerah Timur Laut	47.908 ekar
Daerah Barat Daya	141.512 ekar
Seberang Perai Utara	300.700 ekar
Seberang Perai Tengah	350 ekar
Seberang Perai Selatan	32 ekar
JUMLAH	872.12 ekar

Setakat ini, belum ada lagi perancangan untuk memberi milik tanah kepada penghuni-penghuni TOL tersebut. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri akan mempertimbangkan permohonan pembermilikan tanah kepada pemilik-pemilik TOL sekiranya ada permohonan dibuat.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pemberian sekampit beras dan wang tunai RM100.00 kepada setiap keluarga miskin oleh Kerajaan Negeri menunjukkan masih ramai lagi penduduk miskin tegar di Pulau Pinang. Berapa ramai lagi kah jumlah penduduk miskin tegar yang hidup di bawah garis kemiskinan di negeri ini. Apakah bentuk perancangan jangka panjang yang disusun oleh Kerajaan Negeri bagi menjadikan Pulau Pinang bebas dari kemiskinan tegar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pelbagai usaha dan perancangan telah diatur oleh Kerajaan Negeri dalam mencapai sasaran sifar miskin tegar. Kerajaan Negeri telah menyalurkan bantuan beras (*one-off*) kepada penerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu seramai 7,642 orang bagi tahun 2008.

Hasil daripada kajian kemiskinan yang dilaksanakan secara menyeluruh melibatkan Pejabat-pejabat Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pusat Urus Zakat dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, terdapat seramai 324 KIR miskin tegar yang telah dikenal pasti. Oleh itu pelbagai projek telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebagai usaha membantu golongan miskin tegar. Di antaranya adalah :

- (i) Bantuan baikpulih rumah yang tidak melebihi RM8,000.00.
- (ii) Bantuan wang ehsan (Kredit Bil Air) sebanyak RM100 kepada rakyat miskin dan berpendapatan rendah
- (iii) Bantuan elaun harian sebanyak RM10.00 sehari pelajar Giat Mara yang berada dalam golongan miskin tegar. Bantuan ini merangkumi kursus latihan dan kemahiran selama 6 bulan.
- (iv) Agihan bantuan beras (*one-off*)
- (v) Jabatan Veterinar memberi bantuan Bumi Hijau kepada golongan miskin tegar. Di antara bantuan yang diberikan adalah bekalan ayam kampung, itik daging dan itik telur berserta makanan dan reban.
- (vi) Bantuan ihsan *one off* RM300.00 untuk setiap keluarga miskin tegar yang menepati kriteria-kriteria tertentu seperti musnah tempat kediaman, kematian ketua keluarga, hilang upaya akibat kemalangan dan diberhentikan kerja disebabkan masalah syarikat serta telah menganggur lebih dari 3 bulan.

- (vii) Badan-badan bukan kerajaan (NGO) juga kebanyakannya berminat untuk menyalurkan sumbangan dalam membasmi miskin tegar. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan mengumpulkan segala bentuk sumbangan daripada NGO yang berkenaan untuk pengagihan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah pendirian dan polisi Kerajaan Negeri berhubung dengan pembukaan pasar raya atau *hypermarket* baru di negeri ini. Apakah status permohonan bagi pembukaan pasar raya TESCO di Jalan Rozhan, Bukit Mertajam. Jika permohonan untuk membuka pasar raya itu di kawasan tersebut ditolak, apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memindahkannya di Kepala Batas seperti yang dilaporkan oleh sebuah akhbar harian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Permohonan kebenaran merancang bagi tujuan pembinaan pasar raya besar atau *hypermarket* baru perlu mematuhi Garis Panduan Perancangan *Hypermarket* yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri Pulau Pinang pada bulan Mac 2006 iaitu kawalan bilangan *hypermarket* berdasarkan saiz kawasan kepadatan penduduk seperti berikut:-

**KAWALAN BILANGAN 'HYPERMARKET' BERDASARKAN
SAIZ KAWASAN TADAHAN PENDUDUK**

Saiz Penduduk Kawasan Tadahan	Bilangan Optimum 'Hypermarket'	Jarak Antara 'Hypermarket'
350,000<	1	-
>350,000 - 500,000<	2	Minimum 1 km.
>500,000 - 700,000<	3	Minimum 3 km.
>700,000 – 1,000,000<	6	Minimum 3 km.
>1,000,000	Tambahan 1 'hypermarket' bagi setiap 150,000 penduduk.	Minimum 5 km dari 'hypermarket' sedia ada.

Permohonan bagi pembukaan pasar raya TESCO, kelulusan tukar syarat untuk lot-lot 624, 627, 1293, 1295-1302 dan 1617, Mukim 14, Seberang Perai Tengah untuk bangunan (pembangunan perniagaan) telah diluluskan dan premium tambahan sebanyak RM2,336,005.80 telah dijelaskan oleh pemohon pada 1 Ogos 2008. Pemaju iaitu DNP Sdn. Bhd. telah mengemukakan permohonan kebenaran merancang kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), di mana pembinaan *hypermarket* TESCO adalah sebahagian daripada cadangan pihak pemaju. Permohonan kebenaran merancang tersebut telah dibincangkan dalam Mesyuarat One Stop Centre Bil.17/2008 (OSC PKM

94) pada 24 September 2008. Pemohon menarik balik pemajuan *hypermarket* TESCO berikutan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak meluluskan permohonan pemaju. Oleh yang demikian tapak cadangan *hypermarket* TESCO tersebut disimpan untuk "kemajuan masa hadapan".

Bagi cadangan pembinaan pasar raya TESCO di Kepala Batas seperti yang dilaporkan dalam akhbar The Star, Pejabat Daerah dan Tanah mahupun MPSP tidak menerima sebarang maklumat berhubung perkara tersebut.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah status projek-projek yang mendapat peruntukan dari Kerajaan Pusat yang bakal dimajukan di atas tanah-tanah Kerajaan Negeri, terutamanya projek-projek berbentuk *people-centric* seperti kompleks sukan dan dewan serba guna. Apakah ianya akan dilaksanakan mengikut jadual memandangkan projek-projek tersebut diluluskan semasa Kerajaan BN memerintah Pulau Pinang sebelum pilihan raya 8 Mac yang lalu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Mengikut rekod Kerajaan Negeri, tidak ada kompleks sukan dan dewan serba guna atau projek-projek berbentuk *people-centric* yang mendapat peruntukan kerajaan pusat diluluskan tetapi di tangguh selepas pilihan raya diadakan.

Walau bagaimanapun, projek menaik taraf Kompleks Sukan MPSP, Bertam di bawah Kementerian Belia dan Sukan pelaksanaannya telah ditangguhkan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Isu perkauman banyak diketengahkan oleh Parti Pakatan Rakyat yang kononnya mahu memperjuangkan hak semua kaum. Mereka juga sanggup memperjudikan nasib rakyat atas dasar dan prinsip perjuangan sempit mereka. Sila nyatakan rancangan jangka panjang kerajaan negeri untuk menyatukan semua kaum di negeri ini. Apakah bentuk pelan yang di rangka bagi tujuan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri sentiasa memperjuangkan hak sama rata yang wajar dinikmati oleh semua kaum di negeri ini. Kerajaan tidak memperjuangkan tentang nasib sesuatu kaum sahaja tetapi berjuang di atas dasar hak sama rata semua bangsa yang ada di negeri ini.

Kerajaan juga mengamalkan dasar cekap, akauntabiliti dan telus (*competency, accountability dan transparency*) di dalam pentadbiran negeri. Sistem urus tadbir yang baik menjadi landasan kerajaan dalam menentukan hak dan peluang yang sama diberikan kepada rakyat untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti ekonomi, perolehan dan kerja-kerja dan juga peluang pemilikan perumahan di negeri ini.

Bagi membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu Kerajaan Negeri memastikan penglibatan semua kaum di dalam pembentukan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Melalui Institusi JKKK semua isu dan masalah rakyat pelbagai kaum di peringkat akar umbi dapat disalurkan kepada kerajaan untuk diatasi dengan sebaik mungkin.

Kerajaan juga mengamalkan dasar terbuka dan telus dan melibatkan pelbagai kumpulan masyarakat termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO) di dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu melibatkan perkongsian kerjasama dan hubungan erat pelbagai kaum di negeri ini. Tenaga dan kepakaran ahli-ahli akademik di negeri ini akan digabungkan untuk merangka strategi berkenaan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri bagi membentuk sebuah pelan perancangan strategik perpaduan kaum di negeri ini.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila nyatakan jumlah pembantu-pembantu dan pekerja yang bertugas di Pejabat Ketua Menteri dan Timbalan-Timbalan Ketua Menteri termasuk setiausaha-setiausaha serta penasihat dan perunding-perunding khas yang dibayar oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Senarai para pembantu dan pekerja yang bertugas di Pejabat Ketua Menteri dan Timbalan-Timbalan Ketua Menteri adalah seperti di berikut:-

**SENARAI NAMA ANGGOTA DI PEJABAT KETUA MENTERI PULAU PINANG
DAN PEJABAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
SELEPAS 8 MAC 2008**

(1) PEJABAT KETUA MENTERI (Y.A.B. TUAN LIM GUAN ENG)

- (a) Pembangunan Industri & Perdagangan Antarabangsa
- (b) Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Encik Ng Wee Kok	Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B. KM Gred M48 [tetap]
2.	Y.B. Ng Wei Aik	Setiausaha Politik
3.	Cik Cheong Yin Fan	Setiausaha Akhbar Gred N41 [kontrak]
4.	Encik Zasman bin Asna	Setiausaha Sulit [Terbuka] Gred N41 [kontrak]
5.	Encik Azmi bin Kechik	Sarjan/Koperal [tetap]
6.	Cik Marziah bt Mohd Mukhtar	Pembantu Setiausaha Akhbar Gred N41 KUP [kontrak]
7.	Encik Gooi Seong Kin	Pembantu Khas Gred N41 [kontrak]
	Encik Cheah Chin Voon	Pembantu Khas Gred N41 [kontrak]
	(DITAMATKAN TEMPOH KONTRAK MULAI 20/5/2008)	
8.	Encik Wong Kim Fei	Pembantu Khas Gred N41 [kontrak]
9.	Encik Jeffrey Chew Gim Eam	Pembantu Khas Gred N41 [kontrak]
10.	Puan Ong Beng Guat	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
11.	Encik Foo Yu Keong	Pembantu Khas Gred N41 [kontrak]
12.	Puan Stella a/p Francise Xavier	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 [tetap]
13.	Encik Tan Chor Sim	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
14.	Puan Safiah bt Abu Bakar	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [kontrak]
15.	Cik Hanisah bt Hamzah	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [kontrak]
16.	Cik Nur Zuliana bt Zulkefli	Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17 [kontrak]
17.	Puan Noor mala bt Jaafar	Jurutaip Gred N11 [tetap]
18.	Cik Premalatha a/p Ganapathi	Jurutaip Gred N11 [tetap]
19.	Nor Atika bt Shahrudin	Jurutaip Gred N11 [tetap]
20.	Encik Abdul Razak bin Che Embee	Pembantu Am Pejabat Gred N4 [tetap]
21.	Puan Khairon Bee bt S.S. Ibrahim	Pembantu Am Pejabat Gred N1 [tetap]
22.	Puan Halijah bt Saad	Pembantu Am Pejabat Gred N1 (tetap)
23.	Paramanathan a/l Ramalingam	Pemandu Kenderaan Gred R3 [tetap] kepada Y.A.B. KM
24.	Encik Rozali bin Ishak	Pemandu Kenderaan Gred R3 [kontrak] kepada Y.A.B. KM
25.	Encik Yusniliron bin Md. Yatim	Pemandu Kenderaan Gred R3 kepada Setiausaha Politik [kontrak]

(2) **PEJABAT TIMBALAN KETUA MENTERI 1**
Y.B. TUAN MOHAMAD FAIRUS BIN KHAIRUDDIN

- a. Hal Ehwal Agama
- b. Pembangunan Usahawan dan Koperasi
- c. Penerangan & Perhubungan Masyarakat

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Encik Mohd Shahrulazilan bin Said	Setiausaha Sulit Gred N27 [kontrak]
2.	Encik Hazzrie bin Abu Bakar	Setiausaha Politik <i>*(Pelantikan dan Gaji dibayar oleh Parti)</i>
3.	Encik Zainal Abidin bin Saad	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Encik Zulkifli bin Mohamed	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
(BERTUKAR KE PEJABAT Y.B. TUAN ABDUL MALIK 18/7/2008)		
5.	Encik Farid Wajdi bin Mohd Nor	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
6.	Encik Rezal Huzairi bin Md. Zaki	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
7.	Puan Masayu Azreen bt Md Said	Pegawai Perhubungan Majlis Perundingan Mahasiswa Gred N41 (Sementara) – Majlis Perundingan Pendidikan P.Pg.
8.	Puan Rosma bt Salleh	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 [kontrak]
9.	Puan Haizan bt Abdul Rashid	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
10.	Encik Zainol Abidin bin Kassim	Pembantu Am Pejabat Gred N1 [tetap]
11.	Encik Mohamed Ali bin N.M. Nagoor Meerah	Pemandu Kenderaan Gred R3 [tetap]

(3) **PEJABAT Y.B. TIMBALAN KETUA MENTERI II**
Y.B. TUAN RAMASAMY a/l PALANISAMY

- a. Perancangan Ekonomi Negeri
- b. Pendidikan & Sumber Manusia
- c. Sains, Teknologi & Inovasi

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Encik Jayabalan a/l Peraman	Setiausaha Sulit Gred N27
2.	Cik Sheamala a/p Muniandy	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Encik Vickneswaran a/l Ganesan	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Cik Ng Ai Loong	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
5.	Kosong	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17 [kontrak]
6.	Encik Zulkifli bin Ariffin	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [Tetap]
7.	Encik Mohd Khairni Firdaus bin Abdual Nasir	Pembantu Am Pejabat Gred N1 [kontrak]
8.	Encik Thavakumar a/l N.Uthiram	Pemandu Kenderaan Gred R3 [tetap]

(4) PEJABAT Y.B. TUAN CHOW KON YEOW

- a. Kerajaan Tempatan
- b. Pengurusan Lalulintas
- c. Alam Sekitar

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Cik Tew Yam Hwa @ Chang Yann Wah	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Encik Teh Lai Heng	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Cik Low Vin Yin	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Cik Tan Keng Luan	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
5.	Encik Vijaya Pragasa a/l Subramaniam	Pemandu Kenderaan Gred R3 [tetap]

(5) PEJABAT Y.B. TUAN WONG HON WAI

- a. Perancangan Bandar & Desa
- b. Perumahan

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Encik Teh Choong Kong	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Cik Bok Chek Ean	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Cik Yin Mei Yee	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Puan Zaharah bt Abdul Salim	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [kontrak]
5.	Encik Lee Sen Soon	Pemandu Kenderaan Gred R3 [kontrak]

(6) PEJABAT Y.B. TUAN LIM HOCK SENG

- a. Kerja Raya
- b. Utiliti (Tenaga, Air, Telekom)
- c. Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi)

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Cik Yeoh Yee Yui	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Encik Yeap Choon Keong	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Encik Lim Chin Seng	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Puan Fazilah bt Abd. Karim	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
5.	Encik Rosdi Rauf bin Mohd Noor	Pemandu Kenderaan Gred R3 [kontrak]

(LETAK JAWATAN 14/10/2008 UNTUK DILANTIK KE JAWATAN TETAP)

(7) PEJABAT Y.B. TUAN LAW CHOO KIANG

- a. Pertanian & Industri Asas tani
- b. Pembangunan Luar Bandar
- c. Tebatan Banjir

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Encik Aidi Rafizul bin Idrus	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Encik Lim Eng Nam	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Encik Noor Izzar bin Jamaludin	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Puan Laily bt Othman	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
5.	Encik Mohd Sobri bin Hj. Ahmad	Pemandu Kenderaan Gred R3 [kontrak]

(LETAK JAWATAN 14/10/2008 UNTUK DILANTIK KE JAWATAN TETAP)

(8) PEJABAT Y.B. PUAN ONG KOK FOOI

- a. Belia & Sukan
- b. Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Puan Yeoh Lai Kim (DITAMATKAN KONTRAK MULAI 18/5/2008)	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Encik Go Jit Hong (LETAK JAWATAN 16/10/2007)	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Encik Sim Chee Keong	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Cik Tan Xin Ying (LETAK JAWATAN 1/7/2008)	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
5.	Cik Tor Sin Ee (LETAK JAWATAN 1/11/2008)	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
6.	Puan Rathiah @ Radziah bt Ahmad	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
7.	Encik Murugesan a/l Somasundram	Pemandu Kenderaan Gred R3 [tetap]

(9) PEJABAT Y.B. TUAN ABDUL MALIK BIN ABUL KASSIM

- a. Perdagangan Dalam Negeri
- b. Hal Ehwal Pengguna

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Cik Rodziah bt Abul Khassim	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Ahmad Azrizal bin Tahir	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Encik Zulkifli bin Mohamed	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Cik Norliza bt Md. Saad	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
5.	Encik Mohd Anwar bin Yousoof	Pemandu Kenderaan Gred R3 [kontrak]

(10) PEJABAT Y.B. TUAN PHEE BOON POH

- a. Kesihatan & Kebajikan
- b. Masyarakat Penyayang

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Cik Ng Ya Ling	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Cik Sim Phoi Yong	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Encik Lim Hon Meng	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Puan Siti Zuraidah bt Hj. Ibrahim (LETAK JAWATAN 1/12/2008)	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [kontrak]
5.	Encik Ishak bin Samad (BERSARA WAJIB 24/10/2008) -mulai bercuti	Pemandu Kemderaan Gred R3 [tetap]
6.	Encik Khairul Izwan bin Ishak	Pemandu Kenderaan Gred R3 [kontrak]

(11) PEJABAT Y.B. TUAN LAW HENG KIANG

- a. Pembangunan Pelancongan
- b. Kebudayaan, Kesenian & Warisan

BIL	NAMA	JAWATAN / GRED
1.	Carolyn Ooi Ai Choo	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
2.	Cik Kong Lina	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
3.	Encik Nioh Chu Chai	Pembantu Khas Gred N27 [kontrak]
4.	Puan Roshidah bt Hj Abdullah	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 [tetap]
5.	Encik Pubalam a/l Erriah	Pemandu Kenderaan Gred R3 [kontrak]

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah peranan PDC bagi membantu rakyat miskin memiliki rumah. Berapakah jumlah unit-unit rumah mampu milik yang telah dibina PDC bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri. Sila nyatakan jumlah unit-unit rumah yang telah dibina sejak tahun 2003 hingga sekarang dan juga yang telah dirancang untuk masa depan serta nyatakan kawasannya sekali.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sebagai agensi pembangunan utama Negeri Pulau Pinang, PDC akan sentiasa membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memenuhi matlamatnya supaya rakyat miskin dapat memiliki unit kediaman. Dengan demikian, di tiap-tiap projek perumahan yang telah dan sedang dimajukan oleh PDC di Bandar Bayan Baru, Bandaraya George Town, Bandar Seberang Jaya dan Bandar Cassia, peruntukan untuk kediaman jenis kos rendah dan kos sederhana rendah yang mencukupi disediakan. Setakat kini, PDC telah menyiapkan sebanyak 20,692 unit rumah mampu milik untuk menampung keperluan unit sedemikian, butiranya adalah seperti berikut:-

Lokasi	RM25,000 dan Ke bawah	RM25,001 – RM50,000	RM50,001 – RM100,000	Jumlah
Bandar Bayan Baru	4,040	1,623	2,099	7,762
Bandaraya George Town	423	441	2,493	3,357
Bandar Seberang Jaya	2,919	1,907	1,888	6,714
Taman Pelangi, S.P.T	-	1,696	-	1,696
Bandar Cassia, S.P.T	395	120	648	1,163
	7,777	5,787	7,128	20,692

Dari tempoh 2003 hingga sekarang, PDC telah menyiapkan dengan sijil penghunian sebanyak 904 unit kediaman mampu milik iaitu 260 unit di Sungai Nibong dan 644 unit di Bandar Cassia, S.P.T. Dalam pada itu, sebanyak 725 unit kediaman mampu milik sedang di bina di Sungai Nibong.

Dari tempoh 2008 hingga 2011, anak syarikat PDC, ia itu PDC Properties Sdn Bhd merancang untuk membina sebanyak 2,172 unit rumah mampu milik iaitu 348 unit rumah kos rendah (LC) dan 1,824 unit rumah kos sederhana rendah. Butirnya adalah seperti berikut :-

Lokasi	Tahun	Bilangan Unit
Sungai Nibong	2009	300 (LMC)
	2010	<u>360</u> (LMC)
		<u>660</u>
Bayan Baru	2008	160 (LC)
Lebuh Cecil	2010	170 (LMC)
Batu Kawan	2009	188 (LC)
	2009	232 (LMC)
	2009	242 (LMC)
	2011	252 (LMC)
	2011	<u>268</u> (LMC)
		<u>1,182</u>

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri pimpinan Pakatan Rakyat telah berjanji untuk melupuskan semua saman yang dikeluarkan oleh MPPP dan MPSP atas kesalahan meletak kenderaan sebaik mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri. Sehingga kini janji tersebut masih belum dilaksanakan. Sila nyatakan bila ianya akan dilaksanakan atau hanya akan tinggal janji.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Pembatalan kompaun telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi semua kesalahan meletak kenderaan yang dilakukan sebelum 11 Mac 2008. Bagi saman yang belum didaftarkan di Mahkamah semuanya telah dibatalkan. Saman yang telah didaftarkan di Mahkamah tertakluk kepada budi bicara Mahkamah. Bagi mereka yang telah membayar kompaun ianya tidak akan dikembalikan. Saman yang dikeluarkan sekarang adalah bagi kesalahan selepas 11 Mac 2008.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah tindakan Majlis Perbandaran Seberang Perai ke atas masalah lampu-lampu jalan kampung yang masih belum dilaksanakan terutama di kawasan Pinang Tunggal.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Mengikut rekod Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), kesemua permohonan yang diluluskan bagi pemasangan lampu-lampu jalan di kawasan kampung telah pun dikemukakan kepada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk diambil tindakan termasuk bagi kawasan Pinang Tunggal. Pemasangan oleh TNB dilaksanakan secara berperingkat tertakluk kepada pelbagai faktor di antaranya ialah pelantikan kontraktor.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah tindakan Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi perkhidmatan ataupun jadual kutipan sampah yang masih tidak memuaskan penduduk setempat serta masalah kekurangan tong-tong sampah di setiap kawasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Tindakan Majlis Perbadanan Seberang Perai (MPSP) bagi meningkatkan perkhidmatan ataupun jadual kutipan sampah seperti berikut:-
 - (i) Meningkatkan pemantauan dan mengubah sistem pemantauan mengikut KADUN;
 - (ii) Memperkenalkan Sistem Demerit; dan
 - (iii) Memperkenalkan sistem aduan dan jawapan melalui sistem pesanan ringkas bagi *system* pengurusan yang cepat.

Jika perkhidmatan kontraktor kurang atau tidak memuaskan mengikut kontrak, MPSP melakukan perkara-perkara berikut:-

- (i) Mengeluarkan surat teguran kepada kontraktor
- (ii) Mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada kontraktor
- (iii) Pemotongan bayaran kepada kontraktor mengikut penalti/denda dalam perjanjian dan
- (iv) Mengambil tindakan susulan untuk menamatkan kontrak.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 12 Adakah Kerajaan Negeri masih kekal dengan pendirian mahu menghapuskan DEB yang mana matlamatnya untuk menghapuskan kemiskinan tidak mengira kaum dan menyusun semula pembentukan masyarakat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri yang baru sememangnya berhasrat untuk membebaskan Dasar Ekonomi Baru (DEB) daripada kronisme, nepotisme, rasuah yang mengongkong sistem pentadbiran dan menyebabkan kehilangan wang dan pembaziran yang besar malah sebuah dana kewangan antarabangsa Morgan Stanley menganggarkan bahawa Malaysia kehilangan USD 100 bilion dalam tempoh masa 20 tahun pada tahun 1980-an akibat rasuah.

Demi mencapai hasrat ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan sistem tender terbuka yang telah dikecam kuat oleh Kerajaan Persekutuan. Sungguhpun kecaman dibuat pada masa itu oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional, kini ia diikuti dan dicontohi oleh Kerajaan Persekutuan sendiri kerana dianggap telus, terbuka dan menjimatkan wang.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri yang baru telah melaksanakan dasar sama rata tanpa mengira pegangan agama, kaum, jantina dan fahaman politik. Sebagai contohnya, sistem tender terbuka telah dilaksanakan untuk semua perolehan serta projek kerajaan dan terkini, kerajaan juga memperkenalkan e-Perolehan di mana semua pembekal/kontraktor boleh mengambil bahagian dalam setiap tawaran kerja atau pembekalan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri menerusi laman web.

Kerajaan Negeri juga mengamalkan dasar cekap (competency), akauntabiliti dan telus (transparency) dan juga mewujudkan sistem tadbir urus yang baik (good governance) dan sentiasa melibatkan pelbagai peringkat komuniti termasuk Badan NGO di dalam merangka dasar dan melaksanakan program pembangunan negeri.

Melalui pelaksanaan dasar pentadbiran yang telus dan terbuka serta sistem urus tadbir yang baik, Kerajaan Negeri juga merancang untuk menghapuskan kemiskinan tegar di kalangan rakyat negeri ini pada tahun 2009 tanpa mengira pegangan agama, kaum, jantina dan fahaman politik. Dengan itu, Kerajaan Negeri masih boleh memastikan bahawa hak dan kesaksamaan semua rakyat dapat dijamin dengan pelaksanaan dasar pentadbiran secara telus dan terbuka tanpa mengikut kaum tetapi berdasarkan keperluan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Status terkini premium untuk pajakan tanah di Kampong Selamat telah pun turun, tetapi mengapakah tempoh pajakan tanah tersebut turut turun dari 60 tahun ke 48 tahun. Apakah rasional di sebalik keputusan tersebut dan mengapakah tempoh pajakan tidak dikekalkan untuk 60 tahun seperti yang sebelumnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Pada asalnya pemberian milik tanah di Perkampungan Selamat hanya untuk tempoh 33 tahun sahaja. Walau bagaimanapun, semasa kelulusan untuk pemberian milik semula, suatu tempoh yang lebih panjang telah diberikan iaitu 60 tahun. Tempoh ini telah diluluskan kepada pemohon-pemohon peringkat pertama yang dibuat pada tahun 1996. Ini bermakna tempoh luput pajakan ialah pada tahun 2056.

Tempoh tamat pajakan ini iaitu tahun 2056 telah diseragamkan kepada permohonan-permohonan yang terkemudian. Ini bermakna pemohon-pemohon yang terkemudian atau lewat mengemukakan permohonan tidak akan memperolehi tempoh pajakan selama 60 tahun, tetapi kurang daripada itu, iaitu 50 tahun atau 48 tahun bergantung kepada tarikh permohonan dan kelulusan. Rasional di sebalik keputusan ini ialah lot-lot di Kampung Selamat akan mempunyai tarikh tamat tempoh pajakan yang seragam iaitu tahun 2056.

XXVII. Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Rebat RM100.00 oleh PBA kepada penduduk Pulau Pinang. Apakah kaedah pemberian tersebut. Siapakah yang layak mendapat rebat tersebut. Apakah kesan kewangan terhadap Kerajaan Negeri dengan pemberian rebat tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bantuan wang ehsan RM100.00 oleh Kerajaan Negeri kepada para pemohon yang layak akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Kaedah pembayarannya adalah melalui pemberian rebat di dalam bil air Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang. Pemberian rebat tersebut berkuat kuasa pada 15 November 2008. Penduduk yang berpendapatan

kurang daripada RM1,500.00 layak memohon bantuan rebat tersebut daripada PBAPP. Manakala penduduk yang secara automatik layak mendapat rebat RM100.00 ini terdiri daripada penghuni rumah kos rendah, peserta rancangan PPRT dan mereka yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di dalam kategori miskin.

Sehingga 22 Oktober 2008 seramai 14,682 orang telah layak mendapat rebat RM100.00 melalui permohonan manakala jumlah orang yang layak mendapat rebat secara automatik terdiri daripada :-

- (a) Penghuni rumah kos rendah : 128,365 orang
- (b) Penghuni yang berdaftar dengan Jab Kebajikan Masyarakat sebagai miskin : 108 orang; dan
- (c) Penghuni Rumah PPRT : 166 orang.

Setakat ini, jumlah keseluruhan yang berjaya mendapat rebat RM100.00 ialah sebanyak 143,321 orang dan melibatkan perbelanjaan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM1,433,210.00. Namun begitu, masih terdapat sekurang-kurangnya 10,000 permohonan yang sedang diproses dan sekiranya permohonan tersebut layak, rebat RM100.00 akan turut diberikan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 2. Ibu tunggal miskin di negeri ini selalu mendapat perhatian oleh Kerajaan Negeri yang dahulu. Apakah peranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru dalam membantu ibu tunggal miskin di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 2. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKM) turut membantu keluarga yang diketuai oleh ibu tunggal miskin. Walaupun JKM tidak mempunyai peruntukan khusus melalui peruntukan Kerajaan Negeri namun, ibu tunggal miskin yang berkelayakan akan disediakan Bantuan Am secara bulanan pada kadar maksimum RM200 setiap bulan. Permohonan bantuan bulanan dilihat sebagai usaha untuk meringankan beban yang ditanggung oleh mereka demi kelangsungan hidup harian. Namun begitu, ibu tunggal diberi peluang untuk menjana ekonomi dengan merujuk mereka kepada agensi-agensi berkaitan yang boleh memberi bantuan modal untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan seperti KEMAS dan sebagainya. Setiap usaha perniagaan secara kecil-kecilan dipantau oleh pihak JKM di peringkat daerah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Selain bantuan kewangan yang diberikan kepada keluarga OKU oleh Kerajaan Pusat, apakah lagi sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada keluarga OKU yang miskin ini untuk tujuan menambah pendapatan isi rumah mereka.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperuntukkan Skim Bantuan Kewangan bulanan melalui Skim Bantuan Am kepada keluarga Orang Kurang Upaya pada kadar sehingga RM 200.00 sebulan mengikut keperluan dan kelayakan keluarga tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Penternakan burung layang-layang memang bagus untuk menambah sumber ekonomi. Tetapi ia tidak sesuai dijalankan di kawasan perumahan kerana ia mengganggu dengan bunyi bising dan najis yang berselerakan di kawasan rumah tersebut. Adakah pihak tertentu memantau pembiakan nyamuk aedes di premis penternakan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pihak Berkuasa Tempatan telah mengguna pakai Garis Panduan Permohonan Lesen Perusahaan Sarang Burung Walit yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada Ogos 2005 bagi memantau industri penternakan sarang burung walit di Pulau Pinang. Antara syarat yang dikenakan termasuklah tidak membenarkan pemohon yang menjadikan premis kediaman sepenuhnya untuk menjalankan aktiviti perusahaan penternakan sarang burung walit.

Bagi premis-premis kediaman sedia ada yang tidak menepati syarat-syarat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun memberikan tempoh 3 tahun dari 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2008 untuk pengusaha terlibat untuk berpindah ke lokasi yang akan ditentukan kelak.

Kerajaan Negeri sentiasa menjalankan pemeriksaan berkala dari semasa ke semasa bagi memastikan syarat-syarat yang termaktub dalam garis panduan tersebut dipatuhi oleh penternak-penternak burung walit. Dari segi kawalan bunyi bising, penternak diwajibkan mematuhi peraturan seperti berikut:

- (i) Corong pembesar suara dipasang menghadap ke langit (sekurang-kurangnya 60 darjah dari paras lantai);
- (ii) Waktu memainkan rakaman bunyi dihadkan dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 malam; dan

(iii) Bunyi dari corong pembesar suara tidak melebihi 40 disibel.

Dari segi pengurusan najis burung walit, penternak bertanggungjawab untuk mengumpul dan mengeluarkan najis burung walit secara berjadual. Penternak juga disyaratkan supaya menggunakan *sprinkler* untuk keperluan air untuk burung walit dan bukannya takungan air. Selain itu, pengusaha disyaratkan supaya memastikan tiada pembiakan nyamuk aedes atau lain-lain vektor dalam premis burung walit khususnya dalam takungan air (kolam air) premis burung walit. Perkara ini sememangnya dipantau oleh Kerajaan Negeri dan Jabatan Kesihatan.

Daripada pemantauan yang dijalankan, didapati keadaan kawasan penternakan burung walit didapati memuaskan dan tiada lagi masalah kebersihan atau pembiakan nyamuk yang berbangkit.

Status bagi perusahaan ini di keseluruhan kawasan negeri akan dikaji semula selepas tahun 2008 seperti yang ditetapkan oleh garis panduan yang berkaitan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Dewan-dewan masyarakat yang diambil alih oleh JKKK baru tidak diurus dengan baik. Banyak peralatan yang hilang dan rosak. Jika pandai ambil, pandailah jaga. Apakah yang dilakukan oleh JKKK baru dengan dewan-dewan yang diambil alih ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Semua Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) negeri yang menerima dewan-dewan telah diberikan syarat-syarat penyerahan dan pengurusan dewan orang ramai / balai raya / dewan JKKK dan kesemua Pengerusi JKKK yang menerima kunci tersebut diminta untuk menandatangani surat aku janji penerimaan dan pengurusan. Manakala inventori peralatan di dalam dewan-dewan berkenaan telah diperiksa dan disenaraikan serta dilekatkan di dalam dewan berkenaan sebelum kunci-kunci diserahkan. Sebarang kerosakan dan kehilangan peralatan setelah kunci diserahkan akan ditanggung oleh JKKK berkenaan. Setakat ini, tiada sebarang aduan mengenai salah laku JKKK dalam mengurus dan mentadbir dewan-dewan berkenaan.

Dewan-dewan masyarakat ini telah digunakan oleh JKKK untuk mengadakan mesyuarat dan juga menjalankan kegiatan untuk manfaat kepada masyarakat setempat.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Pulau Pinang telah terkenal kononnya sebagai sebuah negeri industri yang moden dan maju di negara ini. Malangnya pintu-pintu masuk di selatan, utara dan di Lebuhraya Utara-Selatan tidak menunjukkan identiti tersebut. Adakah perancangan kerajaan untuk menaik taraf sempadan masuk di ketiga-tiga laluan tersebut supaya bersesuaian seperti yang dilaung-laungkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan untuk menaik taraf laluan masuk ke Pulau Pinang melalui laut dan udara untuk melambangkan Pulau Pinang sebagai negeri industri yang moden dan maju.

Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan bagi menaik taraf laluan masuk di Utara dan Selatan di dalam jangka masa terdekat ini. Walau bagaimanapun, pintu-pintu masuk yang dihiasi dengan landskap sedia ada akan dipertingkatkan penyelenggaraannya supaya kelihatan lebih ceria dan indah. Bagi pintu masuk lebuhraya, ianya adalah di bawah bidang kuasa pihak LLM.

Di samping itu, Kerajaan Negeri telah meningkatkan tahap keselamatan di Lapangan Terbang dengan penambahan bilangan anggota polis di sana. Ini adalah bagi meyakinkan pelabur dan pelancong bahawa negeri ini selamat. Terminal Cruise Liner di Dermaga Swettenham, Penang Port akan beroperasi pada penghujung tahun dan akan menjadi laluan masuk melalui laut.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Difahamkan sejak kerajaan baru memerintah negeri ini, terdapat banyak tuntutan diskaun dan potongan bil bayaran hospital. Adakah diskaun dan potongan bil ini dituntut atas merit yang betul atau atas dasar untuk menjadi glamor. Jika trend begini berterusan, apakah implikasi terhadap penjagaan kesihatan di negara kita.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Selaras dengan para (7) Perintah Fi (Perubatan) 1982 (Pindaan) 1994 pengecualian penuh atau sebahagian daripada jumlah bil hanya boleh diberikan oleh Pengarah Hospital atau pegawai-pegawai yang dilantik secara bertulis oleh beliau.

Pemberian pengecualian adalah berdasarkan kepada garis panduan terkandung dalam Surat Pekeliling Bahagian Kewangan KKM 2/2006 seperti berikut:-

- (i) Pesakit yang dianggap miskin layak diberi pengecualian daripada membayar caj hospital. Bagi takrifan miskin, Panduan Pendapatan Garis Kemiskinan Malaysia yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri boleh digunakan.
- (ii) Pengecualian juga boleh diberi kepada golongan yang menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, termasuk:-
 - (a) Orang-orang yang menerima bantuan am;
 - (b) Orang-orang cacat yang bekerja dan menerima elaun pekerja cacat; dan
 - (c) Orang-orang tua yang menerima bantuan kebajikan
- (iii) Selain itu, pengecualian juga boleh diberikan kepada golongan yang mendapat bantuan bulanan fakir miskin di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (Berdasarkan kepada Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil. 14 Tahun 2004).
- (iv) Pesakit yang sedang menerima bantuan daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar.
- (v) Pesakit yang mengemukakan surat pengesahan/sokongan daripada Wakil Rakyat/Penghulu/Ketua Kampung/Ketua Masyarakat yang mengesahkan bahawa pesakit adalah daripada golongan miskin.
- (vi) Pesakit yang disahkan oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan/Pegawai Kebajikan Masyarakat sebagai pesakit miskin.

Peraturan ini adalah untuk memastikan bahawa semua warganegara Malaysia boleh menerima rawatan yang diperlukan tanpa membebankan orang yang miskin atau tidak berkemampuan.